




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016

AKTIVITI KEMENTERIAN/
JABATAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN
BADAN-BADAN
BERKANUN
PERSEKUTUAN

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN
BADAN-BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN
TAHUN 2016
SIRI 2**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

KANDUNGAN



KANDUNGAN

Muka Surat

KATA PENDAHULUAN	ix
INTISARI LAPORAN	xiii

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. Pendahuluan	3
----------------	---

JABATAN PERDANA MENTERI / JABATAN KERJA RAYA

Unit Perancang Ekonomi

2. Projek Naik Taraf Jeti dan Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ dan Jeti Baru di Jeti Kuah, Langkawi, Kedah	3
---	---

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI / JABATAN KERJA RAYA

3. Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan [Crops for the Future Research Centre (CFFRC)]	35
--	----

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

4. Projek Talian Grid di Bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar di Negeri Sabah	65
---	----

KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA

5. Projek Menaiktaraf Jalan Ayer Keroh ke Bandar Melaka (Persimpangan Peringgit dan Persimpangan MITC)	97
--	----

KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA

6. Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang	112
--	-----

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

7. Projek Pembinaan Landasan Keretapi dari Subang Jaya ke Terminal Skypark, Subang	129
--	-----

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

8. Pengurusan Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan	150
---	-----

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

9. Pengurusan Aktiviti <i>Emergency Medical Rescue Services</i>	169
---	-----

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	
10. Pengurusan Projek Gelanggang Sukan	184
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN / JABATAN KERJA RAYA	
11. Projek Pembinaan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Tanah Merah, Kelantan	201
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	
Jabatan Kebajikan Masyarakat	
12. Pengurusan Bantuan Kanak-Kanak dan Institusi Kanak-Kanak	217
KEMENTERIAN PERTAHANAN / JABATAN KERJA RAYA	
13. Pembinaan Infrastruktur Bagi Pesawat Helikopter EC725 di Pangkalan Udara TUDM Kuantan, Pahang	239
KEMENTERIAN DALAM NEGERI	
Jabatan Imigresen Malaysia	
14. Pengurusan Kad Pekerja Asing (i-Kad)	275
BAHAGIAN 2	
PELAKSANAAN AKTIVITI BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	
15. Pendahuluan	297
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	
16. Pengurusan Kompleks Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	297
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	
17. Pengurusan Projek Agropolitan: Pembangunan Ladang Sejahtera dan Komersial	328
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara	
18. Pengurusan Hartanah	366
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN	
Suruhanjaya Koperasi Malaysia	
19. Pengurusan Tabung Modal Pusingan (Jabatan Pembangunan Koperasi)	388
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	
Lembaga Pelabuhan Bintulu	
20. Pengurusan Perolehan di Lembaga Pelabuhan Bintulu	405
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI	
Universiti Pendidikan Sultan Idris	
21. Pengurusan Perolehan di Universiti Pendidikan Sultan Idris	433
PENUTUP	465

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Mulai tahun 2017, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan tidak lagi dilaporkan bersekali dengan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan seperti tahun-tahun sebelum. Ini berikutan pelaksanaan Pelan Transformasi Jabatan Audit Negara mulai bulan September 2016 yang telah mewujudkan Sektor Audit Tadbir Urus bagi memberi tumpuan lebih mendalam terhadap pengauditan Syarikat Kerajaan. LKAN pada siri ini juga menggabungkan laporan aktiviti bagi Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan yang sebelumnya dilaporkan secara berasingan. Sehubungan itu, laporan ini adalah mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan Bagi Tahun 2016 Siri 2.

3. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan pada kali ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 19 program/aktiviti/projek di bawah 13 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan enam Badan Berkanun Persekutuan. Pengauditan yang dijalankan antara lain meliputi aspek perolehan, pembinaan, pelaksanaan program, naik taraf dan pengurusan hasil.

4. Secara umumnya, aktiviti Kerajaan telah dilaksanakan mengikut objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai, kelewatan pembekalan dan penyiapan projek, pembayaran tidak teratur (improper payment), pembaziran serta ketidakcekapan dalam pengurusan aset dan pungutan hasil Kerajaan. Kelemahan tersebut antara lain disebabkan oleh kecuai dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan, kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender, tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/perunding, kurang kemahiran dalam pengurusan projek dan kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek.

5. Seperti mana tahun yang lalu, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pengarah Badan Berkanun Persekutuan juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembedahan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pengarah berkenaan, saya telah mengemukakan 74 syor untuk memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti.

6. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

3 November 2017

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN 1

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN PERDANA MENTERI / JABATAN KERJA RAYA

Unit Perancang Ekonomi

1. Projek Naik Taraf Jeti dan Bangunan Terminal, Pembinaan Bangunan CIQ dan Jeti Baru di Jeti Kuah, Langkawi, Kedah

- a. Terminal Jeti Kuah, Langkawi, Kedah merupakan pintu utama pelancong tempatan dan asing ke Langkawi melalui laut dari Kuala Kedah, Kuala Perlis, Pulau Pinang dan Satun, Thailand. Terminal Jeti yang ada pada masa ini telah dibina sejak bulan Oktober 1989. Pada 23 Februari 2012, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bagi Pelaksanaan Inisiatif di bawah *Blueprint* Pelancongan Langkawi (BPL) Bil. 1 Tahun 2012 telah bersetuju dengan cadangan Menaiktaraf Terminal Jeti Penumpang Kuah, Langkawi. Objektif naik taraf dan pembinaan adalah untuk menjadikan Terminal Jeti sebagai *preferred mode of entry* dengan ciri-ciri kemudahan, keselesaan dan keselamatan. Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah meluluskan kos projek berjumlah RM94.91 juta. Projek ini dilaksanakan melalui kaedah konvensional dalaman di mana semua perancangan, reka bentuk dan pemantauan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Pembinaan projek ini dilaksanakan oleh syarikat Uzaimin Enterprise (Alor Setar) Sdn. Bhd. (kontraktor) yang dilantik secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan (MOF) dengan harga kontrak asal berjumlah RM86.50 juta. Skop kerja pembinaan projek terbahagi kepada dua seksyen yang perlu disiapkan dalam tempoh 21 bulan dari tarikh pemilikan tapak pada 16 Disember 2013. Pemilik projek adalah Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan JKR adalah agensi pelaksana. Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP), JKR telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa (PP) projek. Projek ini telah diserahkan kepada JLM pada 16 Mac 2017.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2016 hingga Mac 2017 mendapati projek telah dapat digunakan dan memberi manfaat kepada pengguna. Bagaimanapun, pengurusan projek secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini seperti berikut:
 - i. projek Seksyen 1 dan Seksyen 2 lewat disiapkan selama 123 hari dan 23 hari walaupun setelah masing-masing diluluskan tiga Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) selama 349 hari dan 496 hari. Kontraktor telah dikenakan

- Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM0.82 juta bagi projek Seksyen 1 dan RM0.16 juta bagi projek Seksyen 2;
- ii. tujuh daripada 19 Arahan Perubahan Kerja (APK) diluluskan selepas *Certificate of Practical Completion* (CPC) dikeluarkan;
 - iii. 25 item/kerja berjumlah RM63,017 tidak dilaksanakan;
 - iv. 13 item/kerja berjumlah RM223,728 tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan;
 - v. lantai *granite* mempunyai kesan tompokan resapan air;
 - vi. peralatan/kelengkapan bernilai RM1.18 juta tidak digunakan;
 - vii. penggunaan kabinet besi dan papan pemberitahuan sebagai sekatan laluan dari terminal ke jeti tidak sesuai; dan
 - viii. kerosakan kemudahan yang disediakan.
- c. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan JKR dan pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:
- i. JKR/JLM perlu memastikan setiap kelemahan di peringkat perancangan dikaji semula secara menyeluruh dan dijadikan sebagai *lesson learnt* bagi memastikan kes EOT di atas kelemahan perancangan diminimumkan demi menjaga kepentingan Kerajaan;
 - ii. JKR perlu memastikan APK diluluskan secepat mungkin setelah APK secara prinsip diluluskan;
 - iii. JKR hendaklah memantau dan menyelia kemajuan kerja kontraktor dan memastikan kerja yang dilakukan oleh kontraktor mengikut spesifikasi, sesuai/praktikal dan berkualiti/tahan lama/memuaskan;
 - iv. JLM dan JKDM perlu memastikan peralatan/kelengkapan yang dibekalkan hendaklah digunakan secara optimum bagi mendapatkan *value for money*;
 - v. JLM hendaklah memantau penggunaan kemudahan yang disediakan bagi mengelakkan berlakunya *vandalisme*; dan
 - vi. semua kerja pembinaan yang kurang memuaskan dan kecacatan yang berlaku perlu dibaiki dengan segera oleh kontraktor sebelum Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan bagi mengelakkan Kerajaan mengalami kerugian dan menanggung kos pembaikan berkaitan.

[muka surat :3-34]

2. Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan [Crops for the Future Research Centre (CFFRC)]

- a. Program *Crops for the Future Research Centre* (CFFRC) diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 25 Jun 2010 dengan anggaran kos sejumlah RM119 juta meliputi kawasan seluas 50 hektar di Semenyih, Selangor yang dibeli/pajak daripada Boustead Holdings Berhad. Kos siling yang diluluskan berjumlah RM115 juta melibatkan RM52 juta untuk projek pembinaan CFFRC dan perolehan peralatan makmal, manakala sejumlah RM63 juta untuk perbelanjaan mengurus CFFRC bagi tempoh tujuh tahun (2011 hingga 2017). Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan University of Nottingham Malaysia Campus (UNMC) adalah pengasas bersama CFFRC. Pemilik projek CFFRC adalah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) manakala pengguna akhir adalah syarikat *Crops for the Future Sdn. Bhd.* (CFF) yang ditubuhkan sebagai *Company Limited by Guarantee and Not Having a Share Capital* di bawah Akta Syarikat 1965. Objektif projek CFFRC adalah untuk mewujudkan pusat penyelidikan dan latihan bagi menjalankan penyelidikan sama ada secara *in-house* (tersendiri) atau *collaboration* (kerjasama) dengan agensi tempatan atau antarabangsa berkaitan *underutilized crops*. Usaha ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membangunkan tumbuhan (makanan dan bukan makanan) yang dapat dikomersialkan bagi memenuhi keperluan jaminan makanan dan bahan mentah industri melalui perkongsian kepakaran. Pembinaan CFFRC dilaksana secara konvensional melalui tender terbuka melibatkan Fasa I - kerja tanah dengan kos kontrak bernilai RM0.58 juta mulai 31 Julai 2012 hingga 5 November 2012 dan Fasa II - kerja bangunan dengan kos kontrak bernilai RM25.01 juta mulai 25 Februari 2013 hingga 3 Ogos 2014. Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah agensi pelaksana dengan Pegawai Penguasa (PP) Projek adalah Pengarah II, Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA), JKR.
- b. Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Januari hingga Mei 2017 mendapati program CFFRC adalah satu aspirasi negara yang baik untuk menjadi pusat penyelidikan dalam *underutilized crops* serta memanfaatkan sumber dalam negara. Bagaimanapun, pelaksanaan pembangunan CFFRC secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan. Selain itu, *Dome 3* (Makmal Penyelidikan) yang merupakan bangunan utama untuk pelaksanaan aktiviti CFFRC tidak dapat digunakan sepenuhnya walaupun telah siap dibina pada 16 Oktober 2015. Ini disebabkan peralatan makmal belum diperolehi sepenuhnya, kerja pembaikan kecacatan pembinaan masih sedang dilaksanakan walaupun melepasi Tempoh Tanggungan Kecacatan, dan makmal tidak mematuhi keperluan piawaian antarabangsa. Beberapa kelemahan yang menjejaskan kecekapan pelaksanaan projek ini seperti berikut:
- i. projek CFFRC gagal disiapkan mengikut jadual asal di mana peratus tempoh EOT bagi kerja tanah adalah 56.1% manakala bagi kerja bangunan adalah

- 55.2% daripada tempoh asal kontrak serta kos projek meningkat sejumlah RM9.99 juta (33.3%);
- ii. perbelanjaan pembangunan melebihi siling peruntukan sejumlah RM4.77 juta (9.2%) daripada siling asal RM52 juta;
 - iii. tahap kebergantungan belanja operasi CFFRC dengan peruntukan Kerajaan masih tinggi iaitu 89.6% walaupun telah memasuki tahun akhir pembiayaan Kerajaan;
 - iv. KPI Hasil Penyelidikan yang Berpotensi Untuk Dikomersialkan tahun 2015 gagal dicapai. Manakala KPI Geran Penyelidikan Diperolehi tahun 2015 adalah sangat rendah iaitu RM5.2 juta (26%) berbanding RM20 juta yang disasarkan;
 - v. pembayaran tidak wajar meliputi bonus dan perkhidmatan perunding sejumlah RM0.77 juta;
 - vi. kualiti pelaksanaan kerja tidak mengikut spesifikasi *As-Built Drawing*, kerja/material kurang bersesuaian dan reka bentuk *handrail* dan lantai koridor tidak selamat;
 - vii. perbelanjaan di luar kelulusan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan skop kontrak sejumlah RM10.18 juta bagi pembinaan *Field Research Centre* (FRC), pembinaan jalan masuk baru berserta lampu isyarat dan perolehan peralatan makmal/perabot;
 - viii. sasaran *rating Platinum Green Building Index* (GBI) gagal dicapai dan perunding GBI lewat dilantik menyebabkan perubahan kerja dengan tambahan kos projek RM0.69 juta;
 - ix. tiga perkhidmatan perunding dibayar berjumlah RM0.32 juta sebelum SST dikeluarkan dan sebelum kontrak ditandatangani; dan
 - x. pengecualian tatacara perolehan secara tender bagi kerja pembekalan *glued-laminated timber* (Glulam) dan perolehan peralatan makmal tanpa kelulusan Kementerian Kewangan (MoF).
- c. Bagi memastikan objektif CFFRC dicapai dan perkara yang dibangkitkan tidak berulang, adalah disyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara berikut:
- i. MOA hendaklah menubuhkan jawatankuasa melibatkan MARDI, CFF dan Ahli Lembaga Pengarah CFFRC untuk mengkaji hala tuju, proses kerja penyelidikan, operasi program dan pemantauan projek CFFRC bagi memastikan objektif dan KPI program tercapai;
 - ii. CFF hendaklah berbincang dengan MoF, EPU dan MOA mengenai perbelanjaan melebihi siling yang diluluskan, perbelanjaan tidak wajar, kerja-kerja di luar kelulusan EPU dan skop kontrak serta ketidakpatuhan tatacara perolehan dan memastikan ia tidak berulang lagi di masa hadapan;

- iii. CFF hendaklah mengkaji mekanisme untuk meningkatkan dana luar atau lain-lain usaha bagi meningkatkan peruntukan operasinya dengan segera bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan CFFRC; dan
- iv. JKR hendaklah memastikan kelemahan dalam kerja, kualiti dan reka bentuk pembinaan diambil tindakan pembaikan segera.

[muka surat :35 - 64]

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

3. *Projek Talian Grid di Bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar di Negeri Sabah*

- a. Penyediaan kemudahan bekalan elektrik luar bandar merupakan salah satu tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang dilaksanakan melalui Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB). Program BELB bertujuan untuk menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi, terjamin dan berdaya harap (reliability) ke rumah-rumah yang berada di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Pelaksanaan Program BELB diperincikan melalui projek BELB yang dirancang dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun. Projek BELB Negeri Sabah di bawah RMKe-10 yang telah/sedang dilaksanakan setakat akhir tahun 2016 terdiri daripada 24 projek talian grid, enam projek solar hibrid dan tiga projek talian penghantaran 132kV. Nilai keseluruhan kontrak bagi 33 projek BELB tersebut adalah berjumlah RM2.196 bilion.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2017 terhadap lapan projek talian grid mendapati secara keseluruhannya prestasi projek talian grid adalah tidak memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang menjejaskan kecekapan pelaksanaan projek ini seperti berikut:
 - i. satu daripada lapan projek telah melampaui tarikh siap asal yang dibenarkan sehingga melebihi dua tahun dan dikenakan *Liquidated and Ascertained Damages* yang dianggarkan berjumlah RM1.56 juta setakat 30 Jun 2017;
 - ii. empat projek talian grid untuk penyambungan bekalan elektrik ke 2,332 buah rumah (33.8%) daripada 6,891 rumah yang disasarkan belum/lewat dimanfaatkan oleh penduduk antara satu tahun lapan bulan hingga tiga tahun lapan bulan setakat 30 Jun 2017;
 - iii. penyambungan talian perkhidmatan elektrik hanya dibuat ke lapan buah rumah berbanding 40 buah rumah mengikut kontrak;
 - iv. pemasangan talian perkhidmatan elektrik telah dibuat kepada 60 (17.5%) buah rumah yang belum siap/tidak berpenghuni daripada 343 buah rumah yang dilawati; dan
 - v. pemantauan terhadap pelaksanaan projek talian grid adalah tidak memuaskan kerana kekangan sumber manusia di KKLW.

- c. Bagi menambah baik pengurusan projek talian grid, pihak KKLW disaran untuk mengambil tindakan seperti berikut:
- i. meningkatkan komunikasi dan koordinasi dengan agensi yang terlibat dalam pelaksanaan projek bekalan elektrik supaya masalah seperti penyediaan skop kerja yang tidak sesuai dapat dielakkan, projek fizikal dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan golongan sasaran dapat menikmati kemudahan elektrik tanpa kelewatan;
 - ii. mempertimbangkan cadangan untuk memperluaskan skop projek talian grid dengan pendawaian elektrik dalam rumah bagi penduduk dari kategori miskin tegar bagi menangani isu ketidakmampuan rakyat membiayai kos pendawaian elektrik dalam rumah. KKLW juga boleh bekerjasama dengan pihak SESB untuk menghebahkan *Assisted Rural Wiring Scheme* (ARWS) kepada penduduk/ golongan sasaran yang layak;
 - iii. melaksanakan kerjasama dengan pejabat daerah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah, SESB dan agensi lain untuk mengenal pasti rumah yang perlu diberi kemudahan bekalan elektrik;
 - iv. melibatkan pihak SESB secara langsung dalam pelaksanaan dan pemantauan projek talian grid memandangkan pihak SESB mempunyai kepakaran khusus berkaitan dengan bekalan elektrik selain dapat mengelakkan sebarang masalah timbul apabila projek telah siap dan dibayar sepenuhnya;
 - v. membuat penilaian *outcome* terhadap projek talian grid yang telah dilaksanakan di bawah Program BELB di Negeri Sabah bagi mengenal pasti kemudahan yang disediakan telah digunakan oleh rakyat secara optimum dan Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaan; dan
 - vi. mengkaji semula mekanisme pemantauan terhadap projek bekalan elektrik supaya pemantauan yang lebih rapi dan berkesan dapat diwujudkan terhadap kerja penyeliaan yang dilaksanakan oleh perunding projek.

[muka surat :65 - 96]

KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA

4. Projek Menaiktaraf Jalan Ayer Keroh ke Bandar Melaka (Persimpangan Peringgit dan Persimpangan MITC)

- a. Projek Menaiktaraf Jalan Ayer Keroh ke Bandar Melaka adalah projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Jalan ini merupakan laluan masuk utama ke Negeri Melaka yang melalui kawasan pentadbiran utama Kerajaan Negeri, kawasan industri Ayer Keroh dan ke pusat bandar. Objektif projek menaiktaraf ini adalah untuk mewujudkan rangkaian jalan raya yang selamat dan selesa kepada pengguna jalan raya. Skop projek adalah menaiktaraf jalan daripada kesesakan yang teruk hingga kepada aliran trafik lebih baik. Projek menaiktaraf ini menggantikan dua persimpangan berlampu isyarat kepada persimpangan bertingkat sepanjang 5 kilometer di Peringgit (dua lorong sehala) dan di MITC (empat lorong

dua hala). Lokasi projek menaiktaraf di Persimpangan Peringgit dan Persimpangan MITC. Kontraktor Isedecor Bina Sdn. Bhd. (IBSB) dilantik oleh Kementerian Kewangan (MoF) melalui tender terhad dan pelaksanaan projek adalah secara konvensional (perunding) dengan kos asal kontrak berjumlah RM286.67 juta. Projek ini dilaksanakan mulai 17 Mac 2014 dengan tarikh siap asal pada 16 Mac 2017. Kontrak ini diluluskan dengan dua lanjutan masa selama 446 hari dan tarikh siap semasa adalah pada 5 Jun 2018.

- b. Pengurusan projek secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana perancangan projek telah disediakan dengan menyeluruh dan pentadbiran kontrak dibuat dengan teratur termasuk hal berkaitan bon pelaksanaan, bayaran pendahuluan dan penyediaan perakuan muktamad. Pemantauan terhadap projek pula telah dilaksanakan secara berkala. Bagaimanapun, kelemahan dalam pengurusan nilai, pelantikan perunding dan prestasi kemajuan fizikal telah menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini dan menyumbang kepada kelewatan dalam kemajuan pelaksanaan semasa. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
- i. aktiviti pengambilan balik tanah, pemetaan utiliti dan pembinaan semula aset Kerajaan tidak diperincikan dalam Makmal Pengurusan Nilai mengakibatkan kelewatan penyediaan kerja menaiktaraf;
 - ii. kemajuan kerja sebenar mengalami kelewatan berbanding jadual pelaksanaan kerja pada bulan Mei 2017 hingga Julai 2017;
 - iii. ujian jejambat di Persimpangan Peringgit dan Persimpangan MITC tidak mengikut piawaian kejuruteraan; dan
 - iv. bayaran RM1.9 juta kepada perunding Mega Jati Consult Sdn. Bhd. (MJCSB) bagi kerja pengalihan utiliti sepatutnya boleh dielakkan sekiranya kerja ini dilaksanakan oleh perunding Jurutera Perunding Zaaba Sdn. Bhd. (JPZSB) sebagaimana perjanjian. Bagaimanapun, penyelarasan jumlah bayaran tersebut masih belum dibuat kepada JPZSB hingga ke tarikh pengauditan.
- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan supaya KKR/JKR memberi pertimbangan berikut:
- i. mengenalpasti kekangan dan mengatasi halangan dalam pelaksanaan kerja pengalihan utiliti oleh perunding yang menjadi faktor utama kepada penyebab kelewatan penyediaan projek; dan
 - ii. mewujudkan mekanisme pemantauan bagi projek yang berisiko untuk tidak siap pada tarikh yang sepatutnya dengan memastikan kontraktor mempunyai tenaga kerja dan mesin yang cukup ketika pelaksanaan projek.

[muka surat :97 - 111]

KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA

5. *Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang*

- a. Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang adalah projek di bawah RMKe-10 dengan kos siling peruntukan berjumlah RM171 juta yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Objektif pembinaan adalah mengadakan prasarana lebih selesa dan selamat, mengurangkan kadar tol, menampung trafik dari Lebuhraya Persisiran Pantai Barat/*West Coast Expressway* (WCE) dan menggalakkan aktiviti ekonomi di Koridor Persisiran Pantai Barat. Jabatan Kerja Raya (JKR) merupakan agensi pelaksana yang bertanggungjawab untuk projek ini dan Pegawai Penguasa (P.P) adalah Pengurus Besar Kanan Pembinaan 3, Unit Projek Khas Cawangan Jalan, JKR. Projek dilaksanakan secara konvensional (perunding) melalui tender terhadap. Kontraktor projek ialah Mangkubumi Sdn. Bhd. dengan nilai kontrak berjumlah RM164.19 juta. Tempoh pelaksanaan projek adalah 24 bulan iaitu dari bulan Julai 2015 hingga bulan Julai 2017. Projek ini diberi satu lanjutan masa/*Extension Of Time* (EOT) selama 324 hari dan tarikh siap selepas EOT adalah pada bulan Jun 2018. Perjanjian Perunding/*Memorandum Of Agreement* (MOA) telah ditandatangani antara Kerajaan dan perunding ZAQ Engineering Services Sdn. Bhd. (ZAQ) pada bulan Mei 2014 dengan kos perunding berjumlah RM25.57 juta. Satu perjanjian tambahan telah ditandatangani pada bulan Jun 2015 berjumlah RM2.27 juta. Ini menjadikan keseluruhan kos perunding berjumlah RM27.84 juta. Skop projek meliputi kerja menaiktaraf laluan dua lorong dua hala sedia ada kepada laluan empat lorong dua hala berserta pembahagi jalan (median) dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang sepanjang lima kilometer (km), membina jambatan baru di Gertak Tinggi, tiga jejantas pejalan kaki berserta *ramp* motosikal, dua pusingan-U dan lain-lain kerja naik taraf yang melibatkan pengubahsuaian sistem perparitan, pengalihan utiliti, penyediaan bahu jalan selebar tiga meter dengan dua meter berturap serta pemasangan lampu jalan dan lampu trafik.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Julai 2017 mendapati projek ini sedang dalam pembinaan dan kemajuan projek telah mencapai 77.9% dari tarikh siap selepas EOT pada 15 Jun 2018. Pengurusan projek secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana perancangan projek telah dijalankan secara menyeluruh, pengurusan nilai dilaksanakan mengikut pekeliling, pelantikan kontraktor/perunding dibuat dengan teratur selaras dengan peraturan semasa dan melalui kaedah perolehan yang kompetitif iaitu secara tender terhadap. Namun begitu, masih terdapat kelemahan yang menjejaskan kecekapan pelaksanaan projek ini, khususnya dalam aspek prestasi kemajuan fizikal yang menyebabkan projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak asal. Antara perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. kelewatan dalam kemajuan kerja sebenar berbanding jadual pelaksanaan antara 4% hingga 11% bagi kerja geoteknikal, perparitan dan struktur;
 - ii. pembayaran berjumlah RM45,196 yang tidak sepatutnya dibuat kepada syarikat konsesi penyenggaraan rutin jalan; dan
 - iii. ketebalan *Asphalt Concrete Wearing Course* (ACWC) dan *Asphalt Concrete Binder Course* (ACBC) tidak mengikut spesifikasi kontrak iaitu kurang lima milimeter.
- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan isu yang sama tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya KKR/JKR mengambil tindakan seperti berikut:
- i. memastikan jawatankuasa siasatan dalaman ditubuhkan untuk mengenalpasti tiada berlaku kes lebihan bayaran kepada syarikat konsesi penyenggaraan jalan dalam projek lain; dan
 - ii. memastikan mesyuarat/jawatankuasa khas ditubuhkan di peringkat JKR bagi memantau dan mengenalpasti projek yang bermasalah atau berpotensi tidak dapat disiapkan mengikut tarikh yang ditetapkan supaya tindakan awal dapat diambil.

[muka surat :112 - 128]

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

6. *Projek Pembinaan Landasan Keretapi Dari Subang Jaya ke Terminal Skypark, Subang*

- a. Projek Pembinaan Landasan Keretapi dari Subang Jaya ke Terminal Skypark Subang (Projek Pembinaan Landasan Skypark) merupakan satu projek di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Pembinaan landasan ini bermula dari KM 17.37 di Seksyen Subang Jaya-Batu Tiga dan berakhir di Terminal Skypark yang terletak di hadapan Terminal 3 Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) sepanjang 8.157 km dengan kos projek keseluruhan berjumlah RM521.06 juta. Skop projek meliputi kerja infra (pembinaan stesen), kerja landasan dan kerja sistem. Objektif utama pembinaan projek adalah untuk menyediakan kemudahan pengangkutan awam berasaskan rel kepada pengguna LTSAAS ke Kuala Lumpur Sentral, mewujudkan jaringan sistem KTM Komuter dengan sistem LRT di Subang Jaya dan sistem MRT di Sungai Buloh pada masa hadapan serta menjadi sebahagian jajaran pintas bagi perkhidmatan kereta api barang dari Utara ke Pelabuhan Klang tanpa melalui Pusat Bandaraya. Pegawai Penguasa (SO) bagi projek ini adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia manakala Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa (SOR). Emenea Engineering Services Sdn. Bhd. (EES) pula dilantik secara rundingan terus sebagai *independent checking consultant* (ICC) dengan kos RM17.67 juta. Projek ini dilaksanakan oleh Konsortium Skypark Link Sdn. Bhd. - Lion Pacific Sdn. Bhd. (KSPLP) yang juga dilantik secara rundingan terus. Projek ini

dimulakan pada 21 Februari 2013 dan sepatutnya siap pada 20 Februari 2016. Bagaimanapun projek ini telah diluluskan tiga Lanjutan Masa (EOT) dan yang terakhir tamat pada 14 Jun 2017.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2016 hingga Januari 2017 mendapati objektif projek tidak dapat dicapai akibat daripada projek masih belum disiapkan mengikut perancangan. Pengurusan Projek Pembinaan Landasan Keretapi dari Subang Jaya ke Terminal Skypark Subang juga tidak memuaskan di mana terdapat beberapa kelemahan yang menjejaskan kecekapan pelaksanaan projek ini seperti berikut:
- i. penyaluran sejumlah RM142.75 juta kepada Perbadanan Aset Keretapi (PAK) pada bulan Januari 2012 masih tidak dibelanjakan sehingga sekarang dan tiada bukti peruntukan tersebut dipulangkan semula kepada MOT;
 - ii. tiada kajian kemungkinan secara terperinci dilaksanakan semasa Kerajaan meluluskan cadangan projek pada bulan September 2011. Selain itu, objektif cadangan oleh syarikat untuk menyediakan landasan pintas kereta api barang sukar dicapai;
 - iii. pengurusan nilai yang dijalankan tidak mencapai objektif sepenuhnya apabila aspek penting seperti kerja pengalihan kabel dan kos pelantikan ICC tidak diperhalusi untuk dibincangkan yang akhirnya kos asal perancangan telah meningkat sejumlah RM21.07 juta; dan
 - iv. aspek kerja pembinaan yang kurang memuaskan antaranya banyak kerja pecah (hacking), reka bentuk yang tidak mesra pengguna, kerja tidak mengikut spesifikasi dan kerja elektrik yang tidak mengikut peraturan serta tahap pemantauan yang rendah.
- c. Bagi memastikan Projek Pembinaan Landasan Skypark diuruskan dengan cekap, berhemat dan Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan, adalah disyorkan supaya pihak MOT mempertimbangkan perkara berikut:
- i. mengutip balik sepenuhnya RM142.75 juta yang dipindahkan kepada PAK termasuk faedah;
 - ii. menjalankan siasatan terhadap kecuaiian ketika proses tuntutan oleh ICC;
 - iii. mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor dengan mengenakan LAD sepenuhnya berhubung pengurusan isu di tapak yang tidak memuaskan, antaranya kegagalan menyiapkan projek mengikut jadual, kerja pembinaan yang tidak sempurna dan tidak mengikut piawaian; dan
 - iv. meningkatkan tahap pemantauan terperinci terhadap kualiti kerja kontraktor yang banyak melakukan kerja-kerja pecah binaan (hacking) akibat kesilapan.

[muka surat :129 - 149]

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

7. *Pengurusan Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan*

- a. Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) merupakan salah satu inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang dilancarkan pada 8 April 2013 bagi menyediakan kediaman mampu milik sebanyak 80,000 unit di Wilayah Persekutuan dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2014 hingga 2018. Program RUMAWIP bertujuan untuk membantu golongan yang berpendapatan sederhana yang menetap atau bekerja di Wilayah Persekutuan untuk memiliki kediaman sendiri di mana pemaju bertindak membangunkan projek berkenaan dan menerima insentif pembangunan sebagai pulangan terhadap obligasi tersebut. Selain daripada KWP, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan juga terlibat dalam pengurusan program RUMAWIP. Harga RUMAWIP ditetapkan tidak melebihi RM300,000 seunit dilengkapi dengan kemudahan asas yang bersesuaian dengan keperluan dan keselesaan kediaman masa kini. Dasar RUMAWIP yang berkuat kuasa mulai 28 Mac 2013 telah menetapkan beberapa syarat kelayakan permohonan RUMAWIP dan insentif pembangunan kepada pemaju yang membangunkan RUMAWIP. Antara insentif ditawarkan kepada pemaju adalah pengecualian caj pembangunan mengikut peratusan RUMAWIP yang dibina. Kaedah pelaksanaan RUMAWIP meliputi pembangunan kediaman di atas tanah persendirian dan tanah Kerajaan iaitu minima 50% unit RUMAWIP perlu dibina atas tanah Kerajaan manakala minima 30% RUMAWIP perlu dibina atas tanah persendirian.
- b. Pengauditan yang dijalankan di KWP dan DBKL antara bulan Januari hingga Mei 2017 mendapati objektif program telah dicapai kerana KWP telah berjaya menyediakan 52,562 (107.3%) berbanding 49,000 unit yang disasarkan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Pengurusan program pula adalah tidak memuaskan kerana kelemahan yang ditemui dalam aspek pengurusan penjualan tanah, pengurusan permohonan dan pemantauan telah menjejaskan kecekapan program ini secara keseluruhannya. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - i. penjualan tanah bagi tiga projek dibuat kepada pihak tidak berwibawa dan tidak disokong dengan justifikasi yang jelas;
 - ii. tiada bukti menunjukkan penilaian tanah berasaskan jualan telah dibuat bagi Residensi Desa Satumas menyebabkan harga tawaran dibuat oleh DBKL di bawah harga pasaran berjumlah RM24.07 juta;
 - iii. pengecualian caj pembangunan berjumlah RM3.68 juta untuk 274 unit pangsapuri harga bebas bagi Residensi Gurneymas tidak selaras dengan Dasar RUMAWIP. Bagaimanapun, pengecualian tersebut oleh Datuk Bandar adalah selaras dengan kuasa mengikut Kaedah 7 di dalam Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2013; dan

- iv. faedah lewat bayar harga pembelian tanah berjumlah RM3.19 juta bagi dua projek telah dikecualikan di mana mengikut penjelasan KWP, keputusan tersebut dipersetujui selepas mengambil kira kesediaan pemaju untuk mematuhi syarat yang ditetapkan oleh DBKL. Selain itu, faedah lewat bayar berjumlah RM493,046 bagi satu projek tidak dikenakan kerana tidak dinyatakan dalam surat tawaran.
- c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya KWP dan DBKL mempertimbangkan perkara berikut:
 - i. DBKL perlu mengambil inisiatif untuk melaksanakan jualan tanah secara bidaan supaya memperoleh pulangan terbaik bagi tujuan pembangunan projek RUMAWIP;
 - ii. KWP hendaklah menyediakan garis panduan dan prosedur kerja yang komprehensif meliputi jualan tanah secara bidaan, kaedah pemilihan pemaju yang berwibawa, pemantauan terhadap pemaju berhubung penapisan permohonan yang layak dan pengurusan data dalam portal yang *reliable* sebagai panduan dan rujukan; dan
 - iii. DBKL hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap pemaju yang gagal melaksanakan obligasinya seperti ketetapan perjanjian dengan membatalkan tawaran atau menyenaraihitamkan pemaju terlibat.

[muka surat :150 - 168]

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

8. Pengurusan Aktiviti Emergency Medical Rescue Services

- a. *Emergency Medical Rescue Services* (EMRS) adalah sebuah pasukan khusus Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bertujuan membantu anggota penyelamat dan mangsa yang tercedera, membuat rawatan awal sebelum mangsa diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta menghantar anggota dan mangsa ke hospital berdekatan sekiranya tidak terdapat ambulans dari KKM. AVP Engineering (M) Sdn. Bhd. telah dilantik secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan (MoF) bagi perolehan jentera EMRS dengan kos kontrak berjumlah RM98 juta. Sehingga 31 Disember 2015, keseluruhan nilai kontrak telah dibelanjakan dan kesemua 200 unit jentera EMRS telah diagihkan ke 196 balai bomba di seluruh Malaysia.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga April 2017 mendapati EMRS telah berfungsi mengikut tujuan ia diwujudkan, agihan jentera dibuat dengan teratur dan kekerapan penggunaan jentera EMRS juga menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pengurusan aktiviti secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana pentadbiran kontrak dibuat dengan teratur termasuk hal berkaitan bon

pelaksanaan dan bayaran pendahuluan, pelantikan pegawai penerima dibuat dengan memuaskan, pengurusan Perjanjian Persefahaman adalah teratur manakala prosedur operasi borang telah dibuat mengikut ketetapan. Selain itu, pemantauan juga telah dilaksanakan dengan baik. Namun begitu, masih terdapat kelemahan dalam kaedah perolehan serta pengurusan operasi jentera melibatkan kekangan guna tenaga EMRS dan penggunaan sebahagian peralatan yang telah menjejaskan kecekapan pengurusan aktiviti ini. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. tiada kajian pasaran dibuat bagi peralatan menyelamatkan bernilai RM60,609 seunit atau RM12.12 juta bagi keseluruhan peralatan tersebut; dan
 - ii. peralatan perubatan berjumlah RM0.92 juta tidak digunakan sepenuhnya.
- c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya pihak MoF dan JBPM mempertimbangkan perkara berikut:
- i. JBPM hendaklah menetapkan pengukuran prestasi yang jelas terhadap pengurusan operasi EMRS. Selain itu, kajian semula terhadap penempatan jentera tersebut serta keperluan perjawatan berdasarkan kompetensi serta latihan perlu dibuat bagi tujuan penambahbaikan; dan
 - ii. MoF dan JPA perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi tujuan penyenggaraan berkala peralatan dan jentera EMRS serta keperluan perjawatan yang sesuai bagi pengurusan EMRS.

[muka surat :169 - 183]

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

9. Pengurusan Projek Gelanggang Sukan

- a. Projek Gelanggang Sukan bertujuan menyediakan kemudahan sukan kepada rakyat Malaysia supaya lebih terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan dan kecerdasan, membudayakan sukan di kalangan rakyat Malaysia ke arah masyarakat yang sihat, cergas dan bersatu serta mencungkil bakat-bakat sukan hingga ke peringkat akar umbi. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah diperuntukkan sejumlah RM253.89 juta melalui Rancangan Malaysia Ke-9 dan Ke-10 bagi melaksanakan sepuluh jenis projek Gelanggang Sukan yang merangkumi 41 bilangan projek secara keseluruhannya. Sehingga bulan Mac 2017, sejumlah RM114.87 juta (45.2%) telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2016 hingga Mac 2017 mendapati objektif projek bagi menyediakan kemudahan sukan telah dicapai. Pengurusan projek secara keseluruhannya adalah memuaskan, di mana projek disiapkan dalam tempoh lanjutan masa, pelantikan kontraktor telah dibuat selaras dengan peraturan semasa dan status pemilikan projek dibuat secara teratur. Namun

begitu, masih terdapat kelemahan dalam pengurusan projek yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- i. kajian kesesuaian lokasi projek secara terperinci tidak dibuat. Didapati dua daripada sembilan projek Pembinaan Gelanggang Futsal terletak di kawasan pedalaman, jauh dari kawasan tumpuan masyarakat serta sukar diakses;
 - ii. hanya 45.2% atau sejumlah RM114.87 juta sahaja peruntukan kewangan dibelanjakan berikutan terdapat projek pembinaan masih belum dilaksanakan mengikut perancangan/sasaran ditetapkan iaitu Kompleks Sukan Rembau, Negeri Sembilan, Kompleks Sukan Tapah, Perak, Kompleks Sukan Bagan Datoh, Perak dan Kompleks Sukan Ragbi, Sabah;
 - iii. sebahagian kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah tidak mematuhi spesifikasi pembinaan berjumlah RM116,744 dan sejumlah RM57,369 kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak mematuhi kualiti kerja pembinaan; dan
 - iv. bagi Projek Pembinaan Gelanggang Futsal, didapati beberapa kelemahan aspek pembayaran seperti berikut:
 - sejumlah RM31,040 telah dibayar kepada kontraktor bagi kerja-kerja yang tidak dilaksanakan;
 - kontraktor menuntut bayaran untuk komponen-komponen yang tidak dibekalkan/telah dibayar sebelum ini (bayaran berulang) berjumlah RM22,250; dan
 - akuan sumpah siap kerja bagi dua projek bernilai RM337,575 telah ditandatangani sebelum penyiapan kerja pembinaan sebenar.
- c. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value of money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan kepada pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:
- i. KBS dan JBSN perlu memastikan setiap kelemahan di peringkat perancangan dikaji semula secara menyeluruh dan dijadikan *lesson learnt* bagi memastikan kelemahan perancangan khususnya bagi pemilihan lokasi diminimumkan agar matlamat pembinaan projek dapat dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan;
 - ii. KBS perlu memastikan setiap kerja yang dilaksanakan dipantau oleh pegawai yang bertanggungjawab dengan mengikut arahan/garis panduan yang telah ditetapkan. Pegawai yang cuai perlu dikenakan tindakan sewajarnya; dan
 - iii. Jawatankuasa Siasatan Dalaman hendaklah ditubuhkan bagi membincangkan dan menangani kelemahan yang dibangkitkan khususnya berhubung bayaran tidak wajar (*improper payment*).

[muka surat :184 - 200]

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN / JABATAN KERJA RAYA

10. Projek Pembinaan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Tanah Merah, Kelantan

- a. Projek pembinaan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Tanah Merah, Kelantan adalah projek Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Objektif pembinaan adalah untuk menyediakan lebih banyak peluang kepada golongan belia untuk menimba kemahiran dan teknologi sebagai pekerja mahir di dalam bidang kejuruteraan awam, elektrik dan mekanikal, jahitan dan lain-lain selaras dengan Dasar Negara yang memberi tumpuan kepada Pembangunan Modal Insan. Tapak pembinaan IKBN Tanah Merah, Kelantan terletak di Lot P.T 7060, Mukim Pasir Genda, Daerah Kusial, Jajahan Tanah Merah dengan keluasan 21.20 hektar (52.39 ekar). Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi pihak pelanggan iaitu KBS. Kontrak asal diberikan kepada Seraya Resources Sdn. Bhd. yang dilantik secara rundingan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM72 juta dan tarikh siap pada 12 Oktober 2010. Bagaimanapun, kontrak ini ditamatkan melalui Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (NPPKK) pada 11 Mac 2010. Kemajuan kerja semasa penamatan adalah sebanyak 8.3% berbanding 37.2% yang sepatutnya. Kontraktor penyiap bagi projek ini pula ialah Cakna Enterprise Sdn. Bhd. yang telah dilantik melalui tender terhad dengan nilai kontrak berjumlah RM52.8 juta bagi menyelesaikan kerja-kerja terbengkalai. Projek telah siap 100% pada 5 Januari 2017 dan diserahkan kepada KBS pada 6 Februari 2017.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2017 mendapati objektif projek telah dicapai kerana pembinaan IKBN Tanah Merah, Kelantan yang terbengkalai telah dapat disiapkan oleh kontraktor penyelamat dan diserahkan kepada KBS pada 6 Februari 2017. Pengurusan projek secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana pelantikan kontraktor penyelamat telah dibuat selaras dengan peraturan semasa dan melalui kaedah perolehan yang paling menguntungkan Kerajaan iaitu secara tender terhad, pentadbiran kontrak dibuat dengan teratur, perubahan kerja telah diluluskan mengikut peraturan, kos projek tidak melebihi siling peruntukan dan pemantauan telah dilaksanakan secara berkala. Namun begitu, masih terdapat kelemahan dalam prestasi kemajuan fizikal yang menyebabkan projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak asal serta beberapa kelemahan lain yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini seperti berikut:
 - i. projek berjaya disiapkan dengan tiga Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa [Extension of Time (EOT)] yang diluluskan kerana melibatkan prosedur syarikat utiliti. Kelulusan EOT 1 dan 2 berkaitan masalah bekalan air telah menyebabkan berlakunya Arahan Perubahan Kerja dengan tambahan kos sebanyak RM528,018;

- ii. kerja pembinaan koridor luar di blok jahitan dan gelanggang sukan kurang berkualiti; dan
 - iii. IKBN Tanah Merah belum beroperasi sepenuhnya walaupun telah diserahkan oleh JKR pada bulan Februari 2017. Ini kerana peruntukan bagi perolehan peralatan belum dibelanjakan serta kelengkapan dapur dan penyaman udara yang belum digunakan.
- c. Bagi memastikan IKBN Tanah Merah dapat beroperasi sepenuhnya dalam masa terdekat, adalah disyorkan supaya pihak KBS memberi keutamaan berdasarkan bajet tahun 2018 yang diterimanya untuk tujuan perolehan peralatan bengkel IKBN Tanah Merah.

[muka surat :201 - 216]

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Jabatan Kebajikan Masyarakat

11. Pengurusan Bantuan Kanak-Kanak dan Institusi Kanak-Kanak

- a. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar dan program pembangunan masyarakat penyayang dan sejahtera. Antara program yang dilaksanakan adalah pengurusan Bantuan Kanak-kanak (BKK), perkhidmatan perlindungan dan perkhidmatan pemulihan. Perkhidmatan perlindungan dan perkhidmatan pemulihan diuruskan oleh Bahagian Kanak-kanak dan ditawarkan menerusi konsep perkhidmatan secara institusi dan perkhidmatan luar. Antara perkhidmatan institusi yang ditawarkan adalah Rumah Kanak-Kanak (RKK), Sekolah Tunas Bakti (STB) dan Taman Seri Puteri (TSP). Perkhidmatan RKK adalah berkonsep perlindungan dengan memberi jagaan gantian dalam suasana kekeluargaan. Manakala, perkhidmatan STB adalah berbentuk pemulihan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan tidak terkawal. TSP pula menawarkan perkhidmatan berbentuk perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang terdedah kepada bahaya moral atau keruntuhan akhlak. Berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611), kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang berumur bawah 18 tahun yang merupakan kumpulan sasaran bagi program/perkhidmatan ini.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2016 hingga Februari 2017 mendapati objektif program Bantuan Kanak-Kanak dan IKK iaitu sebagai sebahagian komponen pembangunan masyarakat penyayang dan sejahtera adalah memuaskan. Bagaimanapun, pihak Audit menemui beberapa kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan diambil dengan segera seperti berikut:
 - i. kajian semula bagi 276 (76.7%) daripada 360 penerima bantuan dibuat kurang dari tempoh dua bulan sebelum tamat tempoh bantuan semasa. Kajian semula bagi 110 (39.9%) daripada 276 penerima bantuan berkenaan dibuat selepas tamat tempoh bantuan semasa;

- ii. tempoh masa yang diambil bagi membuat siasatan dan membuat keputusan untuk 173 (48.1%) daripada 360 penerima bantuan melebihi tempoh satu bulan dari tarikh permohonan diterima. Tempoh kelewatan yang dikenal pasti adalah antara enam hingga 127 hari;
 - iii. tiada pemantauan yang berkesan terhadap prestasi pengawal keselamatan swasta di RKK Kota Kinabalu menyebabkan terdapat pengawal keselamatan swasta berkerja sepanjang tempoh 24 jam sehari; dan
 - iv. pemeriksaan kesihatan tidak dilaksanakan secara berkala dan berjadual sepanjang tempoh kanak-kanak berada di IKK kecuali semasa kemasukan dan sebelum dibebaskan.
- c. Bagi mempertingkatkan lagi kecekapan pengagihan Bantuan Kanak-kanak, pengurusan Rumah Kanak-kanak, Sekolah Tunas Bakti dan Taman Seri Puteri adalah disyorkan supaya JKM mempertimbangkan perkara-perkara berikut:
- i. melaksanakan semakan secara menyeluruh di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri/Daerah bagi memastikan kajian semula bantuan dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.
 - ii. pemeriksaan dan pemantauan rapi terhadap rekod kehadiran pengawal keselamatan syarikat swasta terutamanya dari aspek tempoh bertugas, bilangan sebenar pengawal keselamatan yang bertugas, dan kekerapan sebenar rondaan dibuat bagi memastikan tahap keselamatan kanak-kanak dan pelatih sentiasa terjamin; dan
 - iii. program pemeriksaan kesihatan secara berjadual meliputi ujian air kencing dan ujian darah perlu dirancang sekurang-kurangnya setahun sekali bagi memastikan tahap kesihatan kanak-kanak dan pelatih sentiasa dalam keadaan baik.

[muka surat :217 - 238]

KEMENTERIAN PERTAHANAN / JABATAN KERJA RAYA

12. Pembinaan Infrastruktur Bagi Pesawat Helikopter EC725 di Pangkalan Udara TUDM Kuantan, Pahang

- a. Kementerian Pertahanan Malaysia (Kementerian) telah merancang projek pembinaan infrastruktur dan hangar bagi Pesawat EC725 sejak tahun 2010 serentak dengan perancangan pembelian Pesawat EC725 bagi tujuan pengoperasian, penyenggaraan dan penempatan pesawat tersebut. Sebanyak 12 buah pesawat bernilai RM1.43 billion telah diterima secara berperingkat bermula pada bulan Disember 2012 hingga Mei 2014. Lapan buah pesawat telah ditempatkan di Pangkalan Udara TUDM Kuantan manakala empat buah pesawat lagi di Pangkalan Udara TUDM Labuan. Projek ini dilaksanakan melalui tender terbuka secara reka dan bina. Syarikat yang berjaya mendapat tawaran tender adalah Bella Builders Sdn. Bhd. (BBSB) dengan nilai kontrak berjumlah

RM108.89 juta (nilai kontrak selepas pelarasan harga RM127.29 juta). Tempoh kontrak bermula pada 11 Oktober 2011 hingga 11 Mac 2013 bagi penyiapan separa dan 14 Ogos 2013 bagi penyiapan penuh. Selepas lanjutan masa diluluskan, tarikh penyiapan separa adalah pada 22 Mei 2014 dan penyiapan penuh pada 31 Januari 2014. Jabatan Kerja Raya (JKR) Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) merupakan agensi pelaksana. Projek ini gagal disiapkan dan ditamatkan pada 8 Disember 2016.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Julai 2017 mendapati objektif Projek Pembinaan Infrastruktur Bagi Pesawat Helikopter EC725 di Pangkalan Udara TUDM Kuantan tidak tercapai kerana projek gagal disiapkan dan kontraktor telah ditamatkan kontrak pada 8 Disember 2016. Pengurusan projek pembinaan juga tidak memuaskan kerana berlaku beberapa kelemahan yang menjejaskan kecekapan pelaksanaannya seperti berikut:
 - i. Jawatankuasa Penilaian Tender telah mengesyorkan syarikat yang tidak menepati *Needs Statement*;
 - ii. pengurusan pentadbiran kontrak yang lemah;
 - iii. kecacatan kerja pembinaan dan pemasangan peralatan; dan
 - iv. kegagalan menyiapkan projek dalam tempoh kontrak yang ditetapkan.
- c. Bagi memastikan Pembinaan Infrastruktur Bagi Pesawat EC725 Di Pangkalan Udara TUDM Kuantan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan perkara dibangkitkan tidak berulang, adalah disyorkan supaya JKR dan Kementerian Pertahanan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:
 - i. memastikan penilaian tender terhadap keupayaan kontraktor untuk melaksanakan projek pembinaan dilakukan dengan teliti;
 - ii. menjalankan pemantauan yang berterusan terhadap kontraktor dan perunding supaya tiada perubahan kerja yang melibatkan penambahan kos projek dilakukan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada JKR; dan
 - iii. memastikan pengujian dibuat terhadap keseluruhan pendawaian dan peralatan yang telah dipasang/dibekalkan bagi menentukan keadaan semasa peralatan tersebut sama ada masih boleh digunakan atau memerlukan pembaikan dan pendawaian semula.

[muka surat :239 - 274]

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan Imigresen Malaysia

13. Pengurusan Kad Pekerja Asing (i-Kad)

- a. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengeluarkan kad pekerja asing yang merupakan dokumen pengenalan diri bagi pekerja asing yang dikeluarkan bersama Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang dikuatkuasakan melalui Seksyen 11

(10) Akta Imigresen 1959/63. Pengeluaran kad pekerja asing telah dilaksanakan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 9 Ogos 2012. Pengeluaran i-Kad adalah berdasarkan tujuh sektor pekerjaan yang dibezakan dengan warna yang berlainan iaitu sektor ekspatriat (emas), pertanian (hijau), perladangan (jingga), pembinaan (kelabu), perkhidmatan (kuning), perkilangan (merah) dan pembantu rumah (coklat). i-Kad yang dikeluarkan dilengkapi dengan kod keselamatan data pekerja asing (Nexcode) dan *contactless chip* di mana maklumat biometrik pekerja asing di dalam i-Kad boleh dicapai secara *online* melalui *Nexcode* yang dipautkan dengan pangkalan data biometrik JIM manakala secara *offline* melalui *contactless chip*. Tempoh sah laku i-Kad adalah berdasarkan tempoh sah laku PLKS iaitu setahun. Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) telah dilantik secara rundingan terus oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi perolehan i-Kad setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MoF) pada 6 Mac 2014. Kontrak Pembekalan, Penyediaan Sistem Aplikasi, Penyelenggaraan, Percetakan dan Penyerahan Kad Pekerja Asing (i-Kad) bernilai RM465.35 juta telah ditandatangani pada 2 Mac 2015 bagi tempoh lima tahun bermula 15 Januari 2014 hingga 14 Januari 2019.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2016 hingga bulan Mac 2017 mendapati objektif pelaksanaan i-Kad sebagai dokumen pengenalan diri pekerja asing tidak tercapai kerana terdapat i-Kad gagal diserahkan, lewat diserahkan dan pekerja asing masih ditahan oleh pihak penguatkuasa walaupun mempunyai i-Kad. Secara keseluruhannya, pengurusan i-Kad adalah memuaskan terutamanya dari aspek prestasi pengurusan i-Kad, prestasi kewangan dan pentadbiran kontrak. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam pengurusan pelaksanaan dan pemantauan i-Kad yang perlu diberi perhatian seperti berikut:
- i. sebanyak 824,119 atau 15.1% i-Kad gagal diserahkan dari tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 dan sebanyak 1,584,616 atau 29.1% i-Kad yang tiada status;
 - ii. kontrak lewat ditandatangani iaitu selama tujuh bulan sembilan hari;
 - iii. kelemahan dokumen kontrak di mana tidak memperincikan pendekatan dan jadual pembayaran serahan i-Kad, tempoh serahan 100 unit alat pengimbas cip i-Kad *desktop* dan harga alat pengimbas tersebut;
 - iv. Peraturan-Peraturan Imigresen (Pindaan) 2017 masih dalam peringkat draf dan belum diwartakan;
 - v. syarat kontrak tidak dipatuhi iaitu penyenggaraan mesin cetak dan *server* i-Kad tidak dilaksanakan mengikut kekerapan yang ditetapkan serta Jadual Penyenggaraan Pusat Data dan Mesin Cetak tidak disediakan. Selain itu, i-Kad yang tamat tempoh selepas gagal diserahkan dan rosak tidak diserahkan kepada JIM sebaliknya disimpan oleh PNMB;

- vi. sebanyak 260,795 i-Kad lewat dicetak melebihi tempoh sepatutnya i-Kad diserahkan;
 - vii. sebanyak 931,729 i-Kad telah lewat diserahkan kepada majikan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 iaitu melebihi 35 hari dari tarikh cetakan PLKS dan sejumlah RM4.32 juta penalti bagi tempoh yang sama tidak dikenakan terhadap kontraktor iaitu PNMB atas kelewatan penyerahan kad kepada majikan; dan
 - viii. naziran terhadap pelaksanaan i-Kad tidak dilaksanakan dan penalti kelewatan penyerahan i-Kad tidak dibincangkan dalam mesyuarat berkaitan pelaksanaan dan pemantauan i-Kad.
- c. Bagi mengatasi kelemahan pengurusan i-Kad di Bahagian Pekerja Asing, disyorkan supaya JIM mengambil tindakan seperti berikut:
- i. memastikan semua i-Kad yang dicetak diserahkan dengan jayanya kepada majikan dengan menambah baik kaedah dan prosedur pengurusan pelaksanaan i-Kad;
 - ii. menyegerakan proses pewartaan i-Kad dan mengambil tindakan segera mengenai integrasi dan koordinasi dengan agensi penguatkuasa seperti PDRM dengan cara mengeluarkan surat pemakluman penggunaan i-Kad dan mengadakan mesyuarat bersama bagi mengiktiraf penggunaan i-Kad sebagai dokumen rasmi pekerja asing; dan
 - iii. meningkatkan pemantauan terhadap serahan i-Kad bagi memastikan tiada kelewatan penerimaan i-Kad oleh majikan dan penalti dikenakan terhadap kontraktor atas kelewatan yang berlaku.

[muka surat :275 - 293]

BAHAGIAN 2

PELAKSANAAN AKTIVITI BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

KEMENTERIAN PERTANIAN INDUSTRI DAN ASAS TANI

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

14. Pengurusan Kompleks Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

- a. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) diperbadankan menurut Akta 49, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 sebagai badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Objektif utama LKIM adalah untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan, memperkembang dan memajukan perusahaan perikanan negara. Berdasarkan arahan Ketua Setiausaha MOA pada 21 September 1982, LKIM juga bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur sektor perikanan termasuk kompleks perikanan, jeti pendaratan ikan dan labuhan perikanan. Objektif kompleks perikanan (kompleks) adalah untuk menyediakan kemudahan pendaratan,

pengendalian, penyimpanan dan pemasaran ikan yang bersepadu dan moden; mewujudkan pemusatan pendaratan ikan bagi menggalakkan pembangunan industri perikanan dan mewujudkan *one stop centre* bagi menyediakan perkhidmatan kepada nelayan. Kemudahan yang disediakan di kompleks antaranya adalah seperti jeti pendaratan ikan, jeti tambatan, *slipway* (bengkel membaiki bot), dewan pemasaran, pejabat LKIM/peniaga, stor simpanan ikan dan bilik sejuk, pasar borong ikan, dewan lelong dan loji membekal bahan api/air batu.

- b. Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan April hingga Jun 2017 mendapati pembangunan kompleks perikanan LKIM sebagai prasarana bagi mencapai objektif kompleks secara amnya adalah memuaskan. Ini adalah kerana kompleks telah dibina sebagai pusat aktiviti pendaratan sehingga pemasaran ikan laut yang bersepadu dan moden selain menggalakkan pembangunan industri perikanan serta sebagai *one stop center* bagi nelayan. Selain itu, kuantiti pendaratan ikan berbanding kapasitinya di enam daripada 41 kompleks telah mencapai 105.6% hingga 365.8% manakala empat daripada 41 kompleks mencapai 75% hingga 100%. Bagaimanapun dari segi output (pendaratan ikan) dan pengurusan kompleks, berlaku kelemahan seperti berikut:
- i. peratus purata kuantiti pendaratan ikan laut serta nilainya di semua 41 kompleks LKIM yang beroperasi bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016 berbanding pendaratan di seluruh Malaysia adalah masih rendah iaitu 16.5% dengan nilainya 7.8%. Selain itu, berdasarkan kapasiti kompleks pula mendapati peratus purata kuantiti pendaratan ikan laut adalah 43.5%. Walaupun sepuluh kompleks (24.4%) daripada 41 kompleks mencatat kuantiti pendaratan ikan melebihi 75% daripada kapasitinya namun 25 kompleks (61%) mencapai pendaratan ikan di bawah 25% berbanding kapasitinya, malah tujuh kompleks daripadanya mencatat pendaratan di bawah 1%;
 - ii. tujuh kompleks tidak diguna sepenuhnya manakala 254 kemudahan bernilai RM1.15 juta di sepuluh kompleks dan 48 peralatan bernilai RM2.84 juta di lapan kompleks tidak digunakan. Selain itu, 36 kemudahan/peralatan *Good Handling Practices* dan *Good Hygeine Practices* dikhususkan untuk pengeksportan ke Kesatuan Eropah (EU) di tujuh kompleks bernilai RM100,217 tidak digunakan;
 - iii. kerja pemulihan dan pembuangan enapan yang berulang di Kompleks Perikanan Sungai Duyong, Melaka berjumlah RM1.82 juta masih tidak dapat menyelesaikan masalah mendapan lumpur;
 - iv. sewaan kompleks/kemudahan/peralatan di 12 kompleks berjumlah RM0.81 juta tertunggak bagi tempoh masa yang lama melibatkan 15 penyewa;
 - v. perjanjian pengurusan kompleks dan penyewaan kemudahan di tiga kompleks tidak dimeterai. Selain itu, pemilik tanah melanggar klausa perjanjian penyewaan tanah;

- vi. ketidakpatuhan kepada peraturan pengurusan kompleks seperti penambatan vesel bukan di tempat yang sepatutnya, pemunggahan ikan tidak mengikut kaedah serta pengubahan dan pembinaan struktur dalam kawasan kompleks tanpa kelulusan Ketua Pengarah LKIM; dan
 - vii. tahap penyenggaraan, kebersihan dan kerja pembinaan kompleks tidak memuaskan.
- c. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kompleks perikanan LKIM, disyorkan supaya pihak bertanggungjawab mengambil tindakan seperti berikut:
- i. LKIM dengan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) hendaklah mengkaji mekanisme yang sesuai untuk meningkatkan kuantiti dan nilai pendaratan ikan laut di kompleks perikanan LKIM;
 - ii. LKIM, DOF dan MOA hendaklah memperkukuhkan *engagement* dengan Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan bagi meningkatkan kerjasama supaya lebih ramai nelayan mendaratkan ikan di kompleks perikanan LKIM;
 - iii. LKIM hendaklah mengkaji keperluan untuk meningkatkan tahap *interoperability* dan kesediaan (*readiness*) kompleks/kemudahan/peralatan agar ia dapat digunakan secara optimum;
 - iv. LKIM hendaklah melaksanakan kajian *viability* dan *feasibility* dalam fasa perancangan awal bagi menentukan keperluan, pemilihan lokasi/tapak kompleks dan kemudahan/peralatan yang paling sesuai;
 - v. LKIM hendaklah mengambil tindakan secara inovatif dan berdasarkan perjanjian untuk mengutip semua tunggakan sewaan sebelum tunggakan berlarutan;
 - vi. LKIM hendaklah mengambil tindakan perundangan atau berbincang dengan pemilik tanah mengenai kutipan tol dan kadar bayaran sewa tanah;
 - vii. LKIM hendaklah menguatkuasakan Akta LKIM dan peraturan pengurusan kompleks sepenuhnya dengan meningkatkan tahap pemantauan dan pemeriksaan secara lebih tegas, berkala dan berterusan. Tindakan serius hendaklah diambil terhadap mereka yang melanggar Akta LKIM/peraturan pengurusan kompleks; dan
 - viii. LKIM hendaklah memastikan kompleks sentiasa berada dalam keadaan yang bersih, kondusif dan selamat dengan mengambil langkah preventive melalui penyediaan dan pelaksanaan *Planned Preventive Measure* (PPM) dan mengambil tindakan *corrective*/pembaikan dengan segera di masa akan datang.

[muka surat : 297 - 327]

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah

15. Pengurusan Projek Agropolitan: Pembangunan Ladang Sejahtera dan Komersial

- a. Projek Agropolitan merupakan projek di bawah Program Lonjakan Mega Luar Badar (PLMLB), KKLW yang telah diluluskan oleh Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (National Implementation Task Force, NITF) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 Oktober 2006. PLMLB merupakan satu program bersepadu dan komprehensif bertujuan menghapuskan kemiskinan luar bandar. Objektif projek agropolitan adalah untuk mengeluarkan peserta daripada garis kemiskinan, meningkatkan purata pendapatan peserta daripada RM300 kepada RM1,800 sebulan dengan melibatkan peserta secara aktif di ladang, mewujudkan ekonomi mapan dan terancang, menyediakan penempatan yang selesa serta meningkatkan liputan dan kualiti prasarana asas, utiliti, ameniti dan kemudahan sosial. Bagi menjayakan projek agropolitan tersebut, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah melantik Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) sebagai agensi pelaksana pada 9 Oktober 2006. RISDA telah mendapat peruntukan sejumlah RM182 juta di bawah siling projek agropolitan yang melibatkan lima projek agropolitan di negeri Pahang, Perak dan Sarawak. Projek ini terdiri daripada ladang sejahtera, ladang komersial dan penempatan di Agropolitan Gahai dan Chemomoi di Pahang, Agropolitan Ulu Awik dan RASCOM di Sarawak serta Agropolitan Ganda di Perak. Ladang sejahtera dibangunkan dengan tanaman komoditi yang menjamin pulangan tetap jangka panjang kepada peserta manakala ladang komersial merupakan aktiviti ekonomi berasaskan pertanian jangka pendek sementara menunggu hasil tanaman ladang sejahtera.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2017 mendapati objektif pembangunan ladang sejahtera dan ladang komersial belum tercapai. Berlaku pertukaran Ladang Komersial Gahai kepada ladang sejahtera, Ladang Komersial Ganda masih tidak dilaksanakan dan Ladang Komersial Chemomoi yang tidak mencapai objektif dalam penglibatan peserta. Pihak Audit juga menemui beberapa kelemahan dalam pengurusan projek yang memerlukan tindakan penambahbaikan diambil dengan segera seperti berikut:
 - i. peningkatan kos Ladang Sejahtera Ganda sebanyak 267.3% atau RM33.01 juta berbanding kos awal pembangunan berjumlah RM12.35 juta;
 - ii. kematian pokok getah yang tinggi iaitu sebanyak 1,154,026 pokok disebabkan tanah yang tidak sesuai, serangan musuh tanaman dan runtuh tanah ladang mengakibatkan Kerajaan menanggung kos tambahan berjumlah RM12 juta;
 - iii. lokasi Ladang Sejahtera Ganda tidak sesuai untuk projek agropolitan;

- iv. tiada kelulusan khas untuk meneruskan projek agropolitan selepas laporan negatif Kajian EIA;
 - v. kaedah torehan Ladang Sejahtera Gahai tidak mengikut Amalan Terbaik Pertanian (GAP);
 - vi. kaedah pembayaran dividen hasil ladang sejahtera tidak mengikut garis panduan dan pengurusan pembayaran dividen tidak memuaskan; dan
 - vii. tiada perjanjian antara agensi pelaksana dan kerajaan negeri atau agensi pemegang amanah dan perjanjian antara agensi pelaksana dan peserta.
- c. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan projek agropolitan supaya dapat dilaksanakan dengan teratur dan cekap, pihak yang terlibat hendaklah memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap syor seperti berikut:
- i. KKLW dan RISDA hendaklah menjalankan kajian menyeluruh terhadap projek ladang sejahtera dari segi impak kos perbelanjaan jangka pendek dan jangka panjang serta faktor signifikan yang boleh menyebabkan Agropolitan Ganda gagal mencapai objektif secara keseluruhannya;
 - ii. KKLW perlu menentukan kriteria dan spesifikasi lokasi Agropolitan Ganda pada peringkat awal pembangunan seiring dengan peruntukan yang disediakan bagi memastikan projek dapat dibangunkan di lokasi yang strategik dan dilengkapi dengan kemudahan asas berdasarkan peruntukan sedia ada;
 - iii. RISDA hendaklah mencari kaedah alternatif yang lebih berkesan bagi mengelak hakisan, runtuh dan serangan musuh tanaman di Ladang Sejahtera Ganda serta memastikan tiada kematian berulang pada *point* pokok yang sama disebabkan kemarau;
 - iv. kaedah torehan pokok getah hendaklah mengikut GAP yang ditetapkan bagi memastikan hasil pokok getah mampu bertahan sehingga 25 tahun;
 - v. perjanjian antara agensi pelaksana dan peserta dan juga perjanjian antara agensi pelaksana dan kerajaan negeri hendaklah disediakan dan ditandatangani supaya kepentingan pihak yang terlibat dalam projek agropolitan adalah terjamin;
 - vi. KKLW dan Kerajaan Negeri Perak perlu menyelesaikan isu pemilihan lokasi penempatan dan ladang komersial dalam tempoh yang munasabah; dan
 - vii. KKLW perlu mengkaji impak bagi menilai kesan jangka panjang projek EPP7 kepada peserta. Tempoh perjanjian yang terlalu panjang akan menyebabkan pengurusan projek tidak dapat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau koperasi yang ditubuhkan oleh peserta.

[muka surat :328 - 365]

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

Lembaga Kemajuan Johor Tenggara

16. Pengurusan Hartanah

- a. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) diperbadankan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 (Akta 75) dan dikawal selia oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. KEJORA bertanggungjawab untuk memajukan kawasan Johor Tenggara berkeluasan 300,364 hektar melibatkan tanah Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Persekutuan, tanah swasta dan tanah sendiri. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 13,780.57 hektar adalah didaftarkan di bawah hak milik KEJORA. Objektif pengurusan hartanah adalah bagi memastikan pengendalian hartanah dilaksanakan dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektif strategik KEJORA untuk menyediakan kemudahan perumahan, premis perniagaan serta menggalakkan aktiviti pelancongan bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di Wilayah Johor Tenggara. Pada 31 Disember 2016, keseluruhan tanah dan bangunan milik KEJORA bernilai RM116.21 juta yang terdiri daripada tanah berjumlah RM21.99 juta dan bangunan berjumlah RM94.22 juta.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2016 hingga April 2017 mendapati KEJORA telah menyediakan perumahan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas seperti prasarana dan premis perniagaan untuk penduduk sekitar di Wilayah Johor Tenggara selaras dengan objektifnya. Bagaimanapun, secara keseluruhannya, pengurusan hartanah adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:
 - i. Pembangunan Perumahan:
 - lanjutan masa bagi empat projek perumahan usaha sama diluluskan antara dua hingga 13 tahun daripada tarikh siap dibenarkan luput;
 - Rekod Induk bagi Pulangan Usaha Sama untuk mengesan dan mengawal kutipan pulangan yang perlu dibayar oleh pemaju tidak diselenggarakan;
 - Pulangan bagi lima projek usaha sama berjumlah RM21.05 juta tidak dituntut daripada syarikat pemaju berkenaan;
 - KEJORA tidak mempunyai SOP berhubung dengan pengurusan hartanah usaha sama seperti proses *due diligence*, penilaian tanah, pelantikan syarikat dan penentuan kadar pulangan; dan
 - pemantauan terhadap projek perumahan kurang berkesan kerana jawatankuasa yang ditubuhkan bagi tujuan pemantauan iaitu *Management Consultative Committee* tidak melaksanakan peranannya mengikut ketetapan dalam perjanjian.

ii. Pengurusan Sewa:

- pengurusan agen kutipan sewa yang lemah kerana kutipan tidak diserahkan mengikut ketetapan dan laporan penyenggaraan tidak disediakan;
- Rekod Induk Pulangan Sewa Hotel bagi mengesan dan mengawal kutipan sewa hotel tidak diselenggarakan;
- ketepatan dan kesempurnaan rekod sewa hotel tidak dapat disahkan;
- sebanyak 22 unit premis berjumlah RM5.29 juta yang dibina antara tahun 1996 hingga 2012 tidak didaftarkan di bawah hak milik KEJORA;
- tiada polisi ketetapan kadar sewa menyebabkan kadar sewaan bagi sewaan premis yang sama dan mempunyai keluasan yang sama adalah berbeza; dan
- penilaian semula premis bagi menentukan kadar sewa tidak pernah dilaksanakan.

iii. Konflik Kepentingan:

- lima Pengurus Bahagian KEJORA turut memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif di syarikat subsidiari KEJORA antara dua hingga tujuh tahun di mana mereka bertanggungjawab terhadap bidang tugas yang sama di KEJORA dan syarikat subsidiarinya; dan
- Rangka kerja pengurusan konflik kepentingan bagi memastikan transaksi dijalankan secara *arms length* tidak diwujudkan.

c. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang serta memperkemas lagi pengurusan hartanah, adalah disyorkan KEJORA mempertimbangkan perkara berikut:

- i. mewujudkan Standard Operating Procedures bagi pembangunan perumahan secara usaha sama secara terperinci supaya kepentingan KEJORA terjaga dan pengurusan pembangunan perumahan mendapat *best value for money* serta mencapai objektif yang ditetapkan;
- ii. mewujudkan polisi/kriteria penetapan sewa kepada usahawan yang layak dengan mengambil kira kos penyenggaraan premis supaya penetapan sewa setimpal dan selaras dengan objektif pembangunan usahawan kecil;
- iii. menyediakan rangka kerja (framework) yang teratur untuk menguruskan konflik kepentingan dan melaksanakan *due diligence* terhadap transaksi pihak berkepentingan bagi memastikan transaksi tersebut dapat dijalankan secara setaraf (*arms length transaction*); dan
- iv. memastikan rekod seperti Rekod Induk Pulangan Usaha Sama dan Sewa Hotel diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi mengesan dan mengawal hasil diterima mengikut ketetapan.

[muka surat :366 - 387]

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

17. Pengurusan Tabung Modal Pusingan (Jabatan Pembangunan Koperasi)

a. Tabung Modal Pusingan – Jabatan Pembangunan Koperasi (TMP-JPK) telah diwujudkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 pada tahun 1985 bertujuan membantu koperasi dalam penyediaan dana untuk melaksanakan projek yang berdaya maju. Bahagian Pembiayaan dan Kawalan Kredit (BPKK) bertanggungjawab untuk menguruskan TMP-JPK. Bahagian ini terdiri daripada Unit Proses, Unit Dokumentasi dan Unit Akaun. Unit Proses bertanggungjawab memproses permohonan dan memantau perkembangan projek yang dibiayai. Peruntukan tahunan yang diterima pada tahun 2014 dan 2015 adalah masing-masing RM100 juta dan sejumlah RM50 juta tahun 2016. Koperasi yang layak memohon adalah seperti berikut:

- berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- telah didaftarkan tidak kurang daripada 18 bulan dan akaunnya telah diaudit;
- projek yang akan dilaksanakan adalah berdaya maju;
- pentadbiran dan pengurusan koperasi memenuhi Akta Koperasi 1993, Peraturan Koperasi dan Undang-Undang Kecil Koperasi;
- pengurusan perakaunan adalah teratur, kemaskini dan penyata kewangan semasa telah diaudit; dan
- projek yang akan dibiayai memberi manfaat kepada anggota-anggota dan koperasi.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2016 hingga April 2017 mendapati TMP-JPK telah memenuhi objektif penubuhannya iaitu untuk menyalurkan dana kepada koperasi bagi membiayai projek-projek yang diusahakan. Selain itu, pengurusan TMP-JPK adalah memuaskan dari aspek permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman serta penyediaan cagaran pinjaman telah memenuhi syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan. Walaupun begitu, bagi aspek pengurusan bayaran balik, tindakan undang-undang dan mekanisme pemantauan adalah tidak memuaskan kerana proses tersebut tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan seperti berikut:

- i. kegagalan mengutip bayaran balik pinjaman bagi 526 akaun berstatus pinjaman tidak berbayar (NPL) melibatkan amaun berjumlah RM239.56 juta boleh menjejaskan operasi pengeluaran pinjaman TMP-JPK;
- ii. sebanyak 12 koperasi tidak pernah membuat sebarang bayaran balik melibatkan amaun berjumlah RM3.32 juta. Sembilan daripada koperasi tersebut telah pun tamat tempoh bayaran balik masing-masing;

- iii. tiada tindakan undang-undang dimulakan ke atas peminjam ingkar, sungguhpun pada Jun 2014, sebanyak 40 akaun dengan nilai NPL RM11.23 juta telah dicadangkan untuk dimulakan tindakan undang-undang. Di samping itu tindakan merampas cagaran peminjam juga tidak diambil bagi mendapatkan baki bayaran; dan
 - iv. tiada pemantauan kemajuan fizikal projek/aktiviti dilaksanakan kerana masalah kekurangan kakitangan.
- c. Bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan TMP-JPK, SKM disarankan untuk mempertimbangkan syor-syor berikut:
- i. mengkaji semula mekanisme pemantauan dengan melibatkan SKM Negeri/Wilayah dalam membantu pemantauan khususnya bagi mendapatkan semula tunggakan bayaran balik pinjaman;
 - ii. menetapkan dasar pengenaan cagaran yang bersesuaian terhadap pinjaman yang kurang daripada RM50,000 bagi mengurangkan risiko pinjaman tidak berbayar oleh koperasi;
 - iii. mengambil tindakan undang-undang seperti mencairkan cagaran pinjaman atau tindakan saman sivil bagi penghutang yang gagal membuat bayaran balik pinjaman; dan
 - iv. mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam peraturan.

[muka surat :388 - 404]

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Lembaga Pelabuhan Bintulu

18. Pengurusan Perolehan di Lembaga Pelabuhan Bintulu

- a. Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) ditubuhkan pada 15 Ogos 1981 di bawah Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). LPB telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan fungsi kawal selia dalam mengawasi segala aktiviti pelabuhan dan bertindak sebagai pemilik kepada aset. LPB menjalankan operasi dan aktiviti perolehannya berdasarkan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 serta peraturan dan *Standard Operation Procedure (SOP)* yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah. Pada 5 September 2014, Lembaga Pengarah telah meluluskan pemakaian 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP), Perolehan Kerajaan (PK) di LPB berkuat kuasa mulai 3 Julai 2014 di mana LPB menerima pakai semua sub topik pekeliling iaitu PK1 hingga PK8. Selain itu, Tatacara Perolehan Menggunakan Dana Dalaman LPB telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 23 Disember 2016 dan berkuat kuasa pada tarikh tersebut. Antara objektif perolehan LPB adalah memastikan semua urusan berkaitan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai

faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Sepanjang tahun 2014 hingga bulan Julai 2017, LPB telah menguruskan sebanyak 721 perolehan bernilai RM1.481 bilion.

- b. Pengauditan yang dijalankan dalam bulan September 2017 merumuskan pengurusan perolehan LPB adalah tidak memuaskan kerana berlaku kelemahan seperti berikut:
 - i. kelemahan dalam aspek perancangan perolehan antaranya projek bernilai RM1.247 bilion diluluskan tanpa kajian menyeluruh;
 - ii. sebanyak tiga perolehan bernilai RM1.452 bilion telah dilaksanakan tanpa kelulusan peruntukan kewangan terlebih dahulu;
 - iii. sebanyak empat perolehan bernilai RM1.467 bilion tidak dilaksanakan secara tender terbuka dan rundingan terus tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan;
 - iv. kelemahan dalam proses rundingan terus;
 - v. kelemahan dalam proses tender;
 - vi. kelemahan dalam urusan pelantikan kontraktor dan perunding;
 - vii. kelemahan dalam klausa kontrak;
 - viii. Kos *Supplemental Agreement* berjumlah RM4.58 juta sepatutnya ditanggung oleh pihak lain dan tempoh *Supplemental Agreement* tidak munasabah;
 - ix. bayaran yuran perunding tidak disokong dengan dokumen lengkap; dan
 - x. Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurus Besar tidak mematuhi arahan Lembaga Pengarah untuk menangguhkan kerja pembangunan projek *supply base*.
- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya pihak MOT mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
 - i. menyediakan Kertas Jemaah Menteri untuk mendapatkan hala tuju baharu berkaitan projek *supply base*;
 - ii. mengarahkan Lembaga Pengarah LPB menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman untuk menjalankan siasatan terperinci terhadap kes penggunaan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 7/2016 dan Resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 8 Disember 2016 yang tidak sah untuk mendapatkan sokongan bagi pelantikan kontraktor;
 - iii. mengarahkan LPB membuat laporan kepada agensi penguatkuasaan jika terbukti wujud elemen jenayah dalam proses perolehannya;
 - iv. mengesyorkan supaya LPB mewujudkan terma rujukan Lembaga Pengarah yang jelas supaya setiap ahlinya dapat melaksanakan *fiduciary duties* dengan lebih berkesan; dan

- v. mengarahkan LPB untuk mengkaji semula mekanisme pematuhan dan pemantauan supaya risiko salah laku dapat dielakkan serta dapat meningkatkan kawalan dalaman urusan perolehannya.

[muka surat :405 - 432]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Universiti Pendidikan Sultan Idris

19. Pengurusan Perolehan di Universiti Pendidikan Sultan Idris

- a. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang penting dalam lipatan sejarah pendidikan negara. Institusi ini berkembang secara bertahap dari sebuah kolej ke sebuah universiti bermula pada tahun 1922. Tanggal 1 Mei 1997, UPSI telah dinaik taraf sebagai universiti di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Objektif penubuhan UPSI adalah untuk menyediakan program akademik berkualiti tinggi yang berteraskan pendidikan. UPSI menerima pendapatan sebanyak RM1.47 bilion bagi tempoh tahun 2013 hingga Jun 2017. Perbelanjaan yang direkodkan sepanjang tempoh yang sama adalah sebanyak RM1.33 bilion. UPSI telah melaksanakan sebanyak 22 tender dan 295 sebut harga berjumlah RM129.15 juta sepanjang tempoh tersebut. Pejabat Bendahari bertanggungjawab dalam merancang dan menguruskan perolehan secara tender dan rundingan terus. Pengurusan perolehan adalah berdasarkan kepada Peraturan Kewangan dan Perakaunan UPSI (Peraturan Kewangan), Pekeliling Bendahari dan Surat Pekeliling Bendahari. Sekiranya peruntukan didalam undang-undang yang diikuti adalah mengatasi Peraturan Kewangan di mana peraturan dan prosedur Peraturan Kewangan tidak menyatakan kedudukan sesuatu perkara ataupun tidak lengkap untuk menyelesaikan perkara yang berbangkit itu, maka arahan, peraturan dan prosedur Perbendaharaan Malaysia adalah terpakai.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2017 mendapati pengurusan program secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui dan perlu diberi perhatian adalah seperti yang berikut:
 - i. terdapat lebih pendapatan pembangunan berjumlah RM75.10 juta tidak dibelanjakan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016. Sebahagian besar lebih pendapatan tersebut dimasukkan ke dalam Simpanan Tetap yang berjumlah RM81.5 juta pada tahun 2015 dan RM66.9 juta tahun 2016;
 - ii. perbelanjaan penyelidikan bagi Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Guru dan Murid Sekolah Rendah dan Menengah telah dilaksanakan sebelum ia diluluskan yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM61,051;

- iii. penurunan kuasa untuk menandatangani kontrak adalah tidak teratur menyebabkan 24 Surat Setuju Terima berjumlah RM91.75 juta telah ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa;
 - iv. perolehan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan berjumlah RM0.49 juta telah dilakukan tanpa kelulusan Pegawai Pengawal;
 - v. kelulusan Lanjutan Masa (LAD) bercanggah dengan kontrak/peraturan menyebabkan UPSI tidak dapat mengenakan LAD yang berjumlah RM0.49 juta;
 - vi. rampasan Bon berjumlah RM94,601 daripada jumlah 5% WJP telah terkurang dikutip atas kegagalan kontraktor menyiapkan projek dalam tempoh masa ditetapkan;
 - vii. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan tetapi terdapat perbezaan ukuran butiran kerja (BQ) dengan kerja sebenar dan menyebabkan lebihan bayaran sejumlah RM20,074;
 - viii. perolehan CCTV Makmal Penyelidikan, naik taraf Rumah Za'aba dan ubahsuai Makmal Pemprosesan Makanan berjumlah RM0.41 juta tidak digunakan setelah bekalan diterima/kerja disempurnakan; dan
 - ix. seramai 62 (88.57%) daripada 70 pekerja kontrak pembersihan tidak dicarum KWSP oleh majikan manakala 14 (66.67%) daripada 21 pekerja kontrak yang sama tidak dicarum PERKESO.
- c. Bagi memastikan pengurusan perolehan UPSI telah diuruskan dengan teratur dan cekap serta Kerajaan mendapat *best value for money* dan memantapkan lagi pengurusan projek akan datang, adalah disyorkan supaya pihak UPSI mempertimbangkan perkara berikut:
- i. menubuhkan jawatankuasa siasatan bagi membincangkan dan menangani kelemahan yang dibangkitkan khususnya berhubung bayaran tidak teratur (improper payment) yang mengakibatkan UPSI mengalami kerugian;
 - ii. mengambil perhatian yang serius berhubung pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan UPSI khususnya melibatkan penguatkuasaan denda;
 - iii. memastikan setiap kelemahan di peringkat perancangan dikaji semula secara menyeluruh bagi mengelakkan peralatan yang dibeli dan kemudahan yang disediakan tidak digunakan sepenuhnya; dan
 - iv. melaksanakan kursus/latihan berkaitan Pengurusan Kewangan/Pentadbiran Kontrak Kerja kepada pegawai terlibat dalam perolehan.

[muka surat :433 - 462]

BAHAGIAN I
PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/
JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 13 aktiviti di 13 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan telah dipilih untuk dilaporkan bagi Siri 2. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan dan 13 aktiviti tersebut dilaporkan secara terperinci termasuk syor-syor Audit bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan.

JABATAN PERDANA MENTERI / JABATAN KERJA RAYA

2. UNIT PERANCANG EKONOMI

- **PROJEK NAIK TARAF JETI DAN BANGUNAN TERMINAL, PEMBINAAN BANGUNAN CIQ DAN JETI BARU DI JETI KUAH, LANGKAWI, KEDAH**

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Terminal Jeti Kuah, Langkawi, Kedah merupakan pintu utama pelancong tempatan dan asing ke Langkawi melalui laut dari Kuala Kedah, Kuala Perlis, Pulau Pinang dan Satun, Thailand. Terminal Jeti yang ada pada masa ini telah dibina sejak bulan Oktober 1989. Pada 8 Disember 2011, YAB Perdana Menteri telah meluluskan *Blueprint* Pelancongan Langkawi (BPL) dan telah mengiktiraf Terminal Jeti Kuah, Langkawi sebagai *Targeted Touch Point* (Inisiatif 11). Pada 23 Februari 2012, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bagi Pelaksanaan Inisiatif di bawah BPL Bil. 1 Tahun 2012 telah bersetuju dengan cadangan Menaiktaraf Terminal Jeti Penumpang Kuah, Langkawi. Objektif naik taraf dan pembinaan adalah untuk menjadikan Terminal Jeti sebagai *preferred mode of entry* dengan ciri-ciri kemudahan, keselesaan dan keselamatan. Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah meluluskan kos projek berjumlah RM94.91 juta.

2.1.2. Projek ini dilaksanakan melalui kaedah konvensional dalaman di mana semua perancangan, reka bentuk dan pemantauan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Pembinaan projek ini dilaksanakan oleh syarikat Uzaimin Enterprise (Alor Setar) Sdn. Bhd. (kontraktor) yang dilantik secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan (MoF) dengan harga kontrak asal berjumlah RM86.50 juta. Projek ini dilaksanakan tanpa memberhentikan operasi terminal. Skop kerja pembinaan projek ini terbahagi kepada dua seksyen yang perlu disiapkan dalam tempoh 21 bulan dari tarikh pemilikan tapak pada 16 Disember 2013. Butiran lanjut mengenai projek seperti jadual dan gambar rajah berikut:

**JADUAL 2.1
BUTIRAN PROJEK**

PERKARA	BUTIRAN
Nombor Kontrak	JKR/IP/CKUB/184/2013
Jenis Perolehan	Rundingan Terus
Kaedah Pelaksanaan	Konvensional Dalaman
Harga Kontrak Asal	RM86.50 juta
Harga Kontrak Semasa	RM88.72 juta
Tarikh Surat Setuju Terima	2 Disember 2013
Tarikh Kontrak Ditandatangani	20 Mac 2014
Tempoh Kontrak	Seksyen 1 : 12 Bulan Seksyen 2 : 9 Bulan
Tarikh Milik Tapak	16 Disember 2013
Tarikh Siap Kontrak (Asal)	Seksyen 1 : 15 Disember 2014 Seksyen 2 : 15 September 2015
Tarikh Siap Sebenar (CPC)	Seksyen 1 : 2 April 2016 Seksyen 2 : 16 Februari 2017
Jumlah Lanjutan Masa (EOT)	Seksyen 1 : 3 (349 hari) Seksyen 2 : 3 (496 hari)
Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)	Seksyen 1 : RM817,230.45 (RM6,644.15 x 123 hari) Seksyen 2 : RM158,352.70 (RM6,884.90 x 23 hari)
Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)	Seksyen 1 : 2 April 2016 - 1 April 2017 Seksyen 2 : 16 Februari 2017 - 15 Februari 2018
Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD)	29 Mei 2018 (3 bulan 14 hari)
Tarikh Akhir Penyediaan Akaun Muktamad	28 Ogos 2018

Sumber: Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan, JKR

Nota: CPC - *Certificate of Practical Completion*

EOT - *Extention of Time*

LAD - *Liquidated Ascertained Damages*

DLP - *Defect Liability Period*

CMGD - *Certificate of Making Good Defect*

**JADUAL 2.2
SKOP KERJA PEMBINAAN PROJEK**

SKOP KERJA	
SEKSYEN 1 (12 BULAN)	
Bangunan CIQ	
Jeti Antarabangsa	
Naik taraf Jeti Kuala Kedah	
Naik taraf Jeti Kuala Perlis	
Blok Utiliti:	
i. Pencawang Elektrik	iii. Bangunan <i>Chiller Plant</i>
ii. Tangki Air dan Rumah Pam	iv. Pondok Pengawal

SKOP KERJA	
<i>Rain Water Harvesting System</i>	
Sebahagian Kerja Meroboh dan Penempatan Sementara	
Sebahagian Kerja Cerucuk	
Sebahagian Kerja Pembaikan Struktur	
SEKSYEN 2 (9 BULAN)	
Naik taraf Bangunan Terminal	
Kerja Luaran i. <i>Turfing</i> ii. <i>Roadworks</i> iii. <i>Fencing and Gates</i>	iv. <i>Surface Water Drainage</i> v. <i>Sewerage Works</i> vi. <i>External Water Reticulation</i>

Sumber: Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan, JKR

GAMBAR RAJAH 2.1
PELAN SUSUN ATUR PROJEK



Sumber: Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan, JKR

2.1.3. Pemilik projek ini adalah Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan JKR adalah agensi pelaksana. Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP), JKR telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa (PP) projek. Projek ini telah diserahkan kepada JLM pada 16 Mac 2017.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek Terminal Jeti Kuah, Langkawi telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Lima bidang utama telah dinilai dalam pengauditan ini iaitu prestasi projek, pengurusan pembinaan, kualiti pembinaan, penggunaan peralatan/kelengkapan dan pemantauan. Pengauditan telah dijalankan di EPU, JLM, JKR iaitu di CKIP, Cawangan Kejuruteraan Awam Bangunan Am dan Keselamatan (CKAS), Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE), Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM), Cawangan Kejuruteraan Geoteknik (CKG), Cawangan Kejuruteraan Alam Sekitar dan Tenaga (CAST), Cawangan Arkitek (CA), dan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (CKUB), MoF dan Terminal Jeti. Selain itu, pengauditan juga dilaksanakan di agensi pengguna iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) serta Jabatan Kesihatan dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan projek Terminal Jeti. Lawatan dan pemeriksaan fizikal di tapak projek serta temubual dengan pegawai JLM, JKR, JKDM, JIM, MAQIS, Jabatan Kesihatan, PDRM dan kontraktor juga telah diadakan. Soal selidik juga diedarkan bagi mendapatkan pandangan pengguna (jabatan/agensi/orang awam) mengenai tahap kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2016 hingga Mac 2017 dan pengesahan semula pada bulan September 2017 mendapati projek ini telah dapat digunakan dan memberi manfaat kepada pengguna. Berdasarkan lima bidang utama yang dinilai, pihak Audit mendapati pengurusan pembinaan dalam aspek pentadbiran kontrak adalah memuaskan di mana kontrak telah ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan, urusan pemotongan Wang Jaminan Pelaksanaan telah diselesaikan serta polisi insurans telah meliputi tempoh lanjutan kontrak. Bagaimanapun, pengurusan projek secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan kerana masih terdapat kelemahan dalam prestasi dan pembinaan projek yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini seperti berikut:

- i. projek Seksyen 1 dan Seksyen 2 lewat disiapkan selama 123 hari dan 23 hari walaupun setelah masing-masing diluluskan tiga Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) selama 349 hari dan 496 hari. Kontraktor telah dikenakan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM0.82 juta bagi projek Seksyen 1 dan RM0.16 juta bagi projek Seksyen 2;
- ii. tujuh daripada 19 Arahan Perubahan Kerja (APK) diluluskan selepas *Certificate of Practical Completion* (CPC) dikeluarkan;
- iii. 25 item/kerja berjumlah RM63,017 tidak dilaksanakan;
- iv. 13 item/kerja berjumlah RM223,728 tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan;

- v. lantai *granite* mempunyai kesan tompokan resapan air;
- vi. peralatan/kelengkapan bernilai RM1.18 juta tidak digunakan;
- vii. penggunaan kabinet besi dan papan pemberitahuan sebagai sekatan laluan dari terminal ke jeti tidak sesuai; dan
- viii. kerosakan kemudahan yang disediakan.

Perkara yang ditemui serta maklum balas JKR, JLM dan JKDM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 14 September 2017. Penjelasan lanjut mengenainya seperti perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi Projek

2.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu menyiapkan projek Seksyen 1 dalam tempoh 12 bulan iaitu mulai 16 Disember 2013 hingga 15 Disember 2014 dan projek Seksyen 2 dalam tempoh 9 bulan iaitu mulai 16 Disember 2014 hingga 15 September 2015. Tempoh penyiapan keseluruhan projek ini adalah selama 21 bulan mulai 16 Disember 2013 hingga 15 September 2015. Projek ini dilaksanakan tanpa memberhentikan operasi Terminal Jeti.
- b. Semakan Audit mendapati projek Seksyen 1 telah diluluskan tiga EOT (EOT No. 1, 2 dan 4) selama 349 hari dan tarikh siap semasa projek ialah pada 30 November 2015. Bagaimanapun, kontraktor tidak dapat menyiapkan projek pada tarikh siap semasa dan telah dikenakan LAD selama 123 hari (1 Disember 2015 hingga 2 April 2016) berjumlah RM817,230.45 (123 hari x RM6,644.15). CPC projek Seksyen 1 telah dikeluarkan pada 2 April 2016. Butiran EOT yang diluluskan seperti jadual berikut:

JADUAL 2.3
PERMOHONAN DAN KELULUSAN PERAKUAN
KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA BAGI PROJEK SEKSYEN 1

NO. EOT	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH MOHON EOT	KELULUSAN				TARIKH SIAP SEMASA	ULASAN AUDIT
			TARIKH	SEBAB LANJUTAN MASA	KLAUSA KONTRAK	TEMPOH (Hari)		
1	16.12.2014	05.08.2014	07.01.2015	Pertukaran asas tapak dari kerja <i>piling</i> kepada <i>pad footing</i> untuk menara tangki air.	43.1 (e)	153	18.05.2015	Dibenarkan dalam kontrak. Bagaimanapun, perkara ini boleh dielakkan sekiranya pengesanan awal semasa <i>Soil Investigation</i> dilaksanakan secara menyeluruh.
2	18.05.2015	26.07.2015	07.09.2015	Pembinaan laluan alternatif bagi pengguna Jeti Kuala Kedah serta pejabat sementara tidak diambil kira dalam perancangan asal yang telah dipersetujui.	43.1 (i)	48	15.09.2015	Dibenarkan dalam kontrak. Bagaimanapun, berlaku kelemahan di peringkat JKR sewaktu perancangan aliran trafik pengguna menyebabkan laluan alternatif dan pejabat sementara terpaksa dibina.

NO. EOT	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH MOHON EOT	KELULUSAN				TARIKH SIAP SEMASA	ULASAN AUDIT
			TARIKH	SEBAB LANJUTAN MASA	KLAUSA KONTRAK	TEMPOH (Hari)		
				Pembinaan bumbung CIQ pada 20/A-E dan Terminal pada <i>Gridline</i> 19/A-G.	43.1 (e)	72		Dibenarkan dalam kontrak. Bagaimanapun, perkara ini dapat dielakkan sekiranya perancangan kerja-kerja pembinaan secara menyeluruh dilaksanakan dalam Seksyen 1.
4	15.09.2015	28.02.2016	07.04.2016	Kerja-kerja penyambungan bumbung dan lantai antara laluan keluar domestik dengan bangunan <i>Jetty Point</i> .	43.1 (e)	76	30.11.2015	Dibenarkan dalam kontrak dan layak diberikan untuk keselamatan dan keselesaan pengguna.
JUMLAH						349		

Sumber: Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa

- c. Semakan Audit juga mendapati projek Seksyen 2 telah diluluskan tiga EOT (EOT No. 3, 5 dan 6) selama 496 hari dan tarikh siap semasa projek ialah pada 23 Januari 2017. Kontraktor juga tidak dapat menyiapkan projek ini pada tarikh siap semasa dan telah dikenakan LAD selama 23 hari (24 Januari 2017 hingga 15 Februari 2017) berjumlah RM158,352.70 (23 hari x RM6,884.90). CPC projek Seksyen 2 telah dikeluarkan pada 16 Februari 2017. Butiran EOT projek Seksyen 2 yang diluluskan seperti jadual berikut:

JADUAL 2.4
PERMOHONAN DAN KELULUSAN PERAKUAN
KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA BAGI PROJEK SEKSYEN 2


NO. EOT	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH MOHON EOT	KELULUSAN				TARIKH SIAP SEMASA	ULASAN AUDIT
			TARIKH	SEBAB LANJUTAN MASA	KLAUSA KONTRAK	TEMPOH (Hari)		
3	15.09.2015	22.07.2015	02.11.2015	Kerja-kerja pembinaan <i>Gridline</i> 1-14 (Bangunan Terminal) dalam Seksyen 2 tidak dapat dimulakan selagi kerja-kerja dalam Seksyen 1 tidak disiapkan.	43.1 (i)	273	14.06.2016	Dibenarkan dalam kontrak dan layak diberikan memandangkan kerja-kerja pembinaan Seksyen 1 belum siap.
5	14.06.2016	28.02.2016	07.04.2016	Kerja-kerja pembinaan <i>Gridline</i> 1-14 (Bangunan Terminal) dalam Seksyen 2 tidak dapat dimulakan selagi kerja-kerja dalam Seksyen 1 tidak disiapkan.	43.1 (i)	76	29.08.2016	Dibenarkan dalam kontrak dan layak diberikan memandangkan kerja-kerja pembinaan Seksyen 1 belum siap.

NO. EOT	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH MOHON EOT	KELULUSAN				TARIKH SIAP SEMASA	ULASAN AUDIT
			TARIKH	SEBAB LANJUTAN MASA	KLAUSA KONTRAK	TEMPOH (Hari)		
6	29.08.2016	24.08.2016	29.08.2016	i. Pindaan lukisan pembinaan akibat perubahan jenis asas.	43.1 (e)	147	23.01.2017	Dibenarkan dalam kontrak dan layak diberikan. Bagaimanapun, perkara ini boleh dielakkan sekiranya pengesahan awal semasa <i>Soil Investigation</i> dilaksanakan secara menyeluruh.
				ii. Halangan di tapak pada <i>Gridline E-F1/1-6a</i> .				Dibenarkan dalam kontrak dan layak diberikan untuk menempatkan <i>pump sump</i> Indah Water Konsortium atas keperluan pihak berkuasa tempatan untuk penukaran <i>Septic Tank Plant</i> ke Sistem Kumbahan Berpusat.
				iii. Kerja pemasangan kemasan bumbung di GL A-E/8-13 (Bangunan Terminal) terjejas disebabkan kelewatan pengalihan <i>Unipole</i> sedia ada milik LADA.				Dibenarkan dalam kontrak. Bagaimanapun kelewatan JLM dalam memberikan persetujuan yang dipohon oleh LADA agar pengalihan <i>unipole</i> menggunakan peruntukan projek menyebabkan lanjutan masa diberikan.
JUMLAH						496		

Sumber: Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa

- d. Semakan Audit mendapati projek ini telah mengambil tempoh masa yang lama iaitu tambahan 17 bulan (81%) daripada tarikh siap kontrak asal. Secara keseluruhannya projek ini telah mengambil masa selama 38 bulan untuk disiapkan. Peratus pencapaian fizikal projek berbanding unjuran yang ditetapkan dan pengenaan LAD bagi projek Seksyen 1 dan projek Seksyen 2 seperti graf berikut:

**GRAF 2.1
PERATUS PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK BERBANDING
UNJURAN YANG DITETAPKAN DAN PENGENAAN LAD**



Sumber: Sistem Kawal dan Laporan (SKALA), JKR

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 14 September 2017

Projek lewat disiapkan dari tarikh penyiapan asal, namun outcome projek ini telah memberi lebih keselesaan dan keselamatan kepada pengguna.

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek adalah tidak memuaskan kerana projek masih lewat disiapkan selama 146 hari walaupun selepas diluluskan enam EOT selama 845 hari.

2.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

- a. Majlis Perakuan Keputusan Lab Pengurusan pada 16 Mac 2012 telah bersetuju meluluskan kos projek berjumlah RM74.70 juta. JKR pada 9 November 2012 telah memohon peruntukan tambahan sejumlah RM26.36 juta dan EPU pada 8 Januari 2013 telah meluluskan sejumlah

RM15.21 juta (20.4%). Pada 7 Disember 2016, JKR sekali lagi telah memohon peruntukan tambahan berjumlah RM5.10 juta. Bagaimanapun, EPU hanya meluluskan peruntukan tambahan sejumlah RM5 juta (5.6%) pada 6 Januari 2017 menjadikan kos keseluruhan projek berjumlah RM94.91 juta.

- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 19 Arahan Perubahan Kerja (APK) berjumlah RM4.55 juta telah dikeluarkan dan 15 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) diluluskan dengan pengurangan sejumlah RM2.33 juta. Selepas mengambil kira APK dan PHK, harga kontrak asal berjumlah RM86.50 juta telah meningkat kepada RM88.72 juta iaitu peningkatan sejumlah RM2.22 juta (2.6%). Sebanyak 42 bayaran interim berjumlah RM84.53 juta (95.3%) telah dijelaskan kepada kontraktor. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 2.5
MAKLUMAT PERUBAHAN HARGA KONTRAK

KPK NO.	APK NO.	PHK NO.	BUTIRAN KERJA	POTONGAN BERSIH (RM)	TAMBAHAN BERSIH (RM)	JUMLAH TERKUMPUL (RM)
KOS KONTRAK ASAL						86,500,000
ARAHAN PERUBAHAN KERJA						
1	1	-	Pertambahan Rumah Sampah.	-	63,193	86,563,193
-	2	1	Pengurangan skop kerja: Cerucuk pencawang elektrik, Bangunan <i>Chiller Plant</i> , Rumah Pam, Tangki Air dan Rumah Pam <i>Rainwater Harvesting System</i> .	422,506	-	86,140,687
2	3	-	Tambahan <i>Gangway</i> di Jeti Kuala Kedah (Ketibaan).	-	238,403	86,379,090
3	4	-	Pertukaran bahan penebat bumbung daripada <i>Aluminium Foil</i> dan <i>Chicken Wire Mesh</i> kepada <i>Poly Glass Fibre Insulation</i> .	-	58,455	86,437,545
4	5	-	Pertukaran saiz <i>Guide Pile Roller</i> di <i>pontoon</i> Jeti Antarabangsa daripada 120mm OD x 250mm (L) kepada 200mm OD x 300mm (L).	-	178,300	86,615,845
5	6	-	Menanam <i>Steel Guide Pile</i> dan <i>Fender Pile</i> bagi menempatkan <i>Pontoon</i> baru serta pemasangan 2 nos <i>Sliding Plate</i> di Jeti Kuala Kedah.	-	278,075	86,893,920
6	7	-	Kerja-kerja tambahan untuk penyerahan Bangunan Pencawang, Bilik Meter dan Blok TNB sediaada.	-	71,175	86,965,095
7	8	-	Kerja-kerja <i>Ground Treatment</i> di Menara Tangki Air.	-	48,794	87,013,889
8	9	-	Perubahan kepada rekabentuk <i>Rain Water Harvesting System</i> (RWHS) dan memindahkan lokasi unit <i>Outdoor VFR</i> .	-	26,671	87,040,560
9	10	-	Tambahan kerja <i>Pipe Jacking</i> untuk kerja-kerja Sistem Pembentungan.	-	229,600	87,270,160
10	11	-	Kerja pemasangan <i>Steel Guide Pile</i> bagi menempatkan <i>pontoon</i> baru serta pemasangan <i>Sliding Plate</i> di Jeti Kuala Perlis dan pertukaran saiz <i>Guide Pile Roller</i> untuk <i>pontoon</i> baru dan <i>pontoon</i> sediaada di Jeti Kuala Perlis dan Jeti Kuala Kedah.	-	561,634	87,831,794
11	12	-	<i>Supply and install</i> - RSP <i>Spray Polyurethane Foam Insulation</i> & RSP <i>Cavity Wall Insulation</i> di Bilik Server Bangunan CIQ.	-	40,373	87,872,167

KPK NO.	APK NO.	PHK NO.	BUTIRAN KERJA	POTONGAN BERSIH (RM)	TAMBAHAN BERSIH (RM)	JUMLAH TERKUMPUL (RM)
12	13*	-	Perubahan Kerja bagi skop kerja Elektrikal di Jeti Kuala Kedah, Jeti Kuala Perlis, Jeti Antarabangsa, Car Park Area dan Rumah Pengawal.	-	171,067	88,043,234
13	14*	-	Perubahan dan pertambahan kerja-kerja Sistem Mekanikal disebabkan perubahan susunatur dalam bangunan oleh pihak pelanggan untuk Sistem Penyaman Udara (Pemasangan sesalur udara & perubahan lokasi <i>Expansion Tank</i>), Sistem Pengudaraan (Perubahan lokasi tandas & pemasangan <i>Air Curtain</i> pada pintu ketibaan/pelepasan Terminal) dan Sistem Pencegah Kebakaran (Pemasangan <i>Smoke Spill System</i> , <i>Sprinkler System</i> dan <i>Fire Detection & Alarm System</i>).	-	430,781	88,474,015
14	15*	-	Kerja membina <i>Platform</i> bagi menempatkan 2 unit <i>aluminium gangway</i> baru dan kemasan bumbung untuk <i>gangway</i> di Jeti Kuala Perlis.	-	222,688	88,696,703
15	16*	-	Perubahan Kerja bagi skop kerja Elektrikal untuk penambahbaikan TNB <i>Sub-Station</i> sedia ada, keperluan sistem telefon & ICT untuk Pejabat Kesihatan, keperluan pendawaian untuk system <i>E-Autogate</i> dan pendawaian lampu untuk kerja-kerja ID Arkitek.	-	222,226	88,918,929
16	17*	-	Kerja pengalihan <i>Unipole Signboard</i> sediada.	-	439,440	89,358,369
17	18*	-	Perubahan susunatur Bangunan CIQ, Terminal dan Bangunan Pejabat 3 Tingkat disebabkan oleh perubahan besar <i>Standard Operation Prosedur (SOP)</i> daripada JLM dan juga melibatkan keperluan teknikal.	-	1,010,238	90,368,607
18	19*	-	Keperluan teknikal daripada Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd. yang mensyaratkan penyambungan <i>Sewerage System</i> projek kepada <i>Centralised Manhole</i> milik IWK sedia ada dan memerlukan pembinaan <i>Sewerage Pump House</i> dan <i>Force Main</i> bagi penyambungan tersebut.	-	684,701	91,053,308
PELARASAN HARGA KONTRAK						
-	-	1	Pelarasan APK No. 2.	-	-	91,053,308
-	-	2	Melaraskan semula PHK No. 1 (APK No. 2) dengan mengambilkira pertukaran jenis asas cerucuk kepada asas <i>pad</i> .	-	35,466	91,088,774
-	-	3	Pelarasan harga bagi <i>Variation of price</i> sehingga Bayaran Interim No. 36.	-	1,573,203	92,661,977
-	-	4	Pelarasan harga bagi item BQ1-36/49 (Addendum 4)/B(ii), <i>provide and maintain 2 nos of medium duty A4 Copier Machine as specified</i> dan item BQ1-36/49 (Addendum 4)/B(i), <i>2 nos of A4 Colour Printer</i> .	15,639	-	92,646,338
-	-	5	Pelarasan harga kerja Sistem Mekanikal (Pengurangan) bagi item 8.2.6- <i>Booster Pump System</i> (serve for Rain Water Harvesting System) dan item 8.2.4(a)- <i>Total Flooding Fire Extinguisher System</i> (TNB Substation) dilaksanakan melalui kontrak pusat oleh HUB Technologies (M) Sdn. Bhd.	368,282	-	92,278,056
-	-	6	Pelarasan harga kerja elektrik - lain-lain kerja berkaitan.	273,205	-	92,004,851
-	-	7	Pelarasan harga ke atas Bill No. 5. 7 Bangunan <i>Chiller Plant</i> , Bill No. 5.9 Pondok Pengawal & Bill No. 5. 3 Naiktaraf Jeti Kuala Perlis.	367,381	-	91,637,470
-	-	8	Pelarasan ke atas Bill No. 12 - <i>Provisional Sum</i> .	496,213	-	91,141,257
-	-	9	Pelarasan ke atas APK No. 1 - Rumah Sampah & APK No. 3 - Tambahan <i>Gangway</i> di Jeti Kuala Kedah.	4,605	-	91,136,652
-	-	10	Pelarasan ke atas Bill No. 7 - <i>External Works</i> .	473,749	-	90,662,903

KPK NO.	APK NO.	PHK NO.	BUTIRAN KERJA	POTONGAN BERSIH (RM)	TAMBAHAN BERSIH (RM)	JUMLAH TERKUMPUL (RM)
-	-	11	Pelarasan terhadap pintu yang tidak mengikut spesifikasi.	5,926	-	90,656,977
-	-	12	Pelarasan harga bagi <i>variation of price</i> bayaran interim No. 37 sehingga 40.	-	466,424	91,123,401
-	-	13	Pelarasan muktamad kuantiti bagi Bill No. 4 - Kerja cerucuk - Bagi Bangunan CIQ & Terminal.	1,881,415	-	89,241,986
-	-	14	Memuktamadkan APK No. 13 dan pelarasan harga kerja skop mekanikal bagi <i>Internal Cold Water & Sanitary, Air Conditioning & Smoke Spill and Fire Fighting</i> .	514,487	-	88,727,499
-	-	15	Melaraskan semula PHK No. 9 dengan mengambilkira kuantiti muktamad di Rumah Sampah dan pelarasan saiz pintu <i>Hose Reel</i> (Type P3g) di Bangunan CIQ.	6,430	-	88,721,069
HARGA KONTRAK SEMASA						88,721,069

Sumber: Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan, JKR

Nota: (*) - APK secara prinsip dan diluluskan selepas CPC dikeluarkan

KPK - Kelulusan Perubahan Kerja

APK - Arahan Perubahan Kerja

PHK - Pelarasan Harga Kontrak

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati APK No. 14 dan 18 telah menyebabkan pertambahan kos berjumlah RM1.44 juta disebabkan perubahan susun atur Bangunan CIQ, Terminal dan Bangunan Pejabat Tiga Tingkat oleh JLM. Ia berlaku kerana kelemahan di peringkat perancangan projek antara JKR dan JLM.
- d. Perenggan 16.2.8(d) Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya (BPPKKR) menetapkan perubahan kerja tidak boleh diarahkan selepas Tarikh Siap Kerja atau selepas Tarikh Siap Kerja dilanjutkan. Menurut Arahan Perbendaharaan 202, kelulusan hendaklah diperoleh terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa/Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja (JAPK) sebelum sesuatu APK dikeluarkan kepada kontraktor. Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bilangan 6 Tahun 2012 menyatakan APK secara prinsip perlu dikeluarkan kepada kontraktor agar kemajuan kerja di tapak bina tidak terjejas dan borang permohonan APK hendaklah dikemukakan secepat mungkin dengan menyertakan kelulusan permohonan APK secara prinsip yang telah diluluskan. Semakan Audit mendapati tujuh APK berjumlah RM3.18 juta telah mendapat kelulusan secara prinsip lebih awal dan hanya diluluskan oleh JAPK antara 186 hingga 1,292 hari. Walaupun telah diluluskan secara prinsip seperti yang dibenarkan, didapati kelulusan tersebut mengambil masa melebihi tiga tahun dan telah diluluskan selepas CPC dikeluarkan pada 2 April 2016 dan 16 Februari 2017. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 2.6
ARAHAN PERUBAHAN KERJA DILULUSKAN
SELEPAS PERAKUAN SIAP KERJA DIKELUARKAN

BIL.	NO.		BUTIRAN	TARIKH LULUS PRINSIP	TARIKH LULUS APK	TARIKH CPC	TEMPOH KELEWATAN LULUS (Hari)	KOS TAMBAHAN (RM)
	KPK	APK		(a)	(b)		(b - a)	
1	12	13	Perubahan Kerja bagi skop kerja Elektrikal di Jeti Kuala Kedah, Jeti Kuala Perlis, Jeti Antarabangsa, <i>Car Park Area</i> dan Rumah Pengawal.	06.05.2016	06.04.2017	16.02.2017	335	171,067
2	13	14	Perubahan dan pertambahan kerja-kerja Sistem Mekanikal disebabkan perubahan susunatur dalam bangunan oleh pihak pelanggan untuk Sistem Penyaman Udara (Pemasangan sesalur udara & perubahan lokasi <i>Expansion Tank</i>), Sistem Pengudaraan (Perubahan lokasi tandas & pemasangan <i>Air Curtain</i> pada pintu ketibaan/pelepasan Terminal) dan Sistem Pencegah Kebakaran (Pemasangan <i>Smoke Spill System, Sprinkler System</i> dan <i>Fire Detection & Alarm System</i>).	31.10.2016	05.05.2017	16.02.2017	186	430,781
3	14	15	Kerja membina <i>Platform</i> bagi menempatkan 2 unit <i>aluminium gangway</i> baru dan kemas bumbung untuk <i>gangway</i> di Jeti Kuala Perlis.	02.02.2015	05.05.2017	02.04.2016	823	222,688
4	15	16	Perubahan Kerja bagi skop kerja Elektrikal untuk penambahbaikan TNB Sub-Station sedia ada, keperluan sistem telefon & ICT untuk Pejabat Kesihatan, keperluan pendawaian untuk sistem <i>E-Autogate</i> dan pendawaian lampu untuk kerja-kerja ID Arkitek.	06.05.2016	17.08.2017	16.02.2017	468	222,226
5	16	17	Kerja pengalihan <i>Unipole Signboard</i> sediada.	31.10.2016	17.08.2017	16.02.2017	290	439,440
6	17	18	Perubahan susunatur Bangunan CIQ, Terminal dan Bangunan Pejabat 3 Tingkat disebabkan oleh perubahan besar <i>Standard Operation Prosedur (SOP)</i> daripada JLM dan juga melibatkan keperluan teknikal.	02.02.2014	17.08.2017	16.02.2017	1,292	1,010,238
7	18	19	Keperluan teknikal daripada Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd. yang mensyaratkan penyambungan <i>Sewerage System</i> projek kepada <i>Centralised Manhole</i> milik IWK sedia ada dan memerlukan pembinaan <i>Sewerage Pump House</i> dan <i>Force Main</i> bagi penyambungan tersebut.	27.05.2014	17.08.2017	16.02.2017	1,178	684,701
JUMLAH KESELURUHAN								3,181,141

Sumber: Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan, JKR

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan projek adalah memuaskan kerana tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Bagaimanapun, permohonan terhadap tujuh Arahan Perubahan Kerja yang diluluskan secara prinsip tidak dikemukakan secepat mungkin untuk kelulusan muktamad sehingga ada yang melebihi tempoh tiga tahun.

2.5.1.3. Pengurusan Nilai [Value Management (VM)]

- a. Berdasarkan Pekeliling UPE Bil. 3 Tahun 2009, Pengurusan Nilai bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Proses ini melibatkan semua *stakeholder* dan pakar yang berkaitan, dengan memberi tumpuan kepada fungsi, kos dan kualiti. Pengurusan Nilai perlu dilaksanakan bagi program dan projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas.
- b. Semakan Audit mendapati Makmal Pengurusan Nilai bagi projek ini telah diadakan pada 7 hingga 12 Mac 2012. Majlis Perakuan Keputusan Lab Pengurusan pada 16 Mac 2012 di EPU, JPM telah bersetuju pertambahan kos sejumlah RM3.15 juta (4.4%) iaitu daripada RM71.55 juta kepada RM74.70 juta. Peningkatan kos tersebut diperlukan antaranya kerana pertambahan keluasan bangunan terminal dan pertambahan bilangan *pontoon*.
- c. Hasil analisis Audit terhadap tiga skop projek mendapati pelaksanaannya tidak selaras dengan yang dipersetujui dalam Makmal Pengurusan Nilai di mana dua daripada tiga skop projek yang telah dikenal pasti mengalami peningkatan kos skop projek berjumlah RM190,298 (Item satu dan tiga) iaitu seperti jadual berikut:

JADUAL 2.7
PERUBAHAN SKOP PROJEK SELEPAS MAKMAL PENGURUSAN NILAI

BIL.	SKOP PROJEK	ANALISIS MAKMAL	HASIL SEMAKAN AUDIT
1.	Sistem <i>E-ticketing</i> .	Sistem <i>E-ticketing</i> dikeluarkan dan digantikan dengan Sistem Pengurusan Maklumat Penumpang dengan kos RM250,000.	Sistem Maklumat Penumpang dibangunkan dengan kos RM418,318 menggunakan Wang Peruntukan Sementara. Peningkatan kos sebenar membangunkan sistem ini telah melebihi cadangan kos dalam VM berjumlah RM168,318 (67.33%).
2.	Kerja-kerja naik taraf bangunan terminal dan jeti (bertutup) (2,184m ² Terminal + 2,620m ² Jeti).	Kerja-kerja naik taraf Jeti dan Terminal (5,284m ² Terminal + 2,620m ² Jeti).	Keluasan blok Terminal mengikut lukisan binaan ialah 7,529m ² manakala dalam analisis makmal ialah 5,284m ² . Ini melebihi keluasan yang dicadangkan sebanyak 2,245m ² (42.49%).
3.	Pembinaan pondok pengawal dengan kos RM60,000.	Kos dikaji semula dan dicadangkan berjumlah RM20,000.	Kos pembinaan pondok pengawal berjumlah RM41,980. Peningkatan kos sejumlah RM21,980 (110%).

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Kerja Raya

Pada pendapat Audit, pembinaan sebenar yang tidak mengikut cadangan VM menyebabkan objektif untuk memastikan setiap projek mencapai tahap nilai yang optimum iaitu *best value for money* tidak dapat dicapai secara menyeluruh.

2.5.1.4. Pencapaian *Outcome* Projek

Projek ini bertujuan untuk menjadikan Terminal Jeti Kuah sebagai *preferred mode of entry* dengan ciri-ciri kemudahan, keselesaan dan keselamatan. Secara keseluruhannya, objektif projek ini telah tercapai dan kemudahan telah dapat digunakan. Bagaimanapun projek ini hanya dapat disiapkan selepas 520 hari dari tarikh siap asal kontrak.

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* projek lewat direalisasikan menyebabkan pengguna tidak dapat menikmati kemudahan Terminal Jeti yang lebih baik, selesa dan selamat dengan lebih awal.

2.5.2. Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut syarat kontrak yang ditetapkan bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan. Aspek pentadbiran kontrak yang disemak meliputi urusan bayaran pendahuluan kontraktor, Wang Jaminan Pelaksanaan dan polisi insurans. Semakan Audit mendapati pengurusan pentadbiran kontrak adalah memuaskan antaranya kontrak telah ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan dan urusan pemotongan Wang Jaminan Pelaksanaan telah diselesaikan melalui bayaran interim pertama hingga 21 serta polisi insurans telah meliputi tempoh lanjutan kontrak sehingga 7 Mei 2018.

Pada pendapat Audit, pengurusan pentadbiran kontrak adalah memuaskan kerana pada umumnya proses pentadbiran kontrak telah mematuhi prosedur yang ditetapkan.

2.5.3. Kualiti Pembinaan

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Kualiti pembinaan tidak boleh diabaikan di dalam mencapai sasaran penyiapan sesuatu kerja. Kerja yang tidak mengikut spesifikasi dengan penggunaan bahan yang tidak berkualiti boleh menjejaskan kualiti pembinaan.

2.5.3.1. Pematuhan Spesifikasi Kerja dan Pembekalan Item

a. Item Tidak Dibekalkan/Kerja Tidak Dilaksanakan

Pemeriksaan fizikal Audit terhadap 140 item/kerja dalam Senarai Kuantiti (BQ) dokumen kontrak mendapati satu item dan 24 kerja bernilai RM63,017 tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi. Butiran lanjut seperti jadual dan gambar berikut:


JADUAL 2.8
ITEM TIDAK DIBEKALKAN/KERJA TIDAK DILAKSANAKAN

BIL.	LOKASI	SPESIFIKASI KERJA			PENEMUAN AUDIT	
		PERIHAL	KUANTITI (BQ)	KADAR (RM)		JUMLAH HARGA (RM)
1.	Pondok Pengawal	Element No. 13 – Sundries <u>Low Cabinet Stooling</u> Construct concrete stooling L-Shape for low cabinet overall size 3,300mm x 350mm x 100mm thick comprising of plain in-situ concrete Grade 35 as concrete stooling with including all necessary formwork and finished with non-slip homogeneous tiles to surfaces and sides of concrete stooling and working around edge and all other related works for completion and making good all works disturbed.	1 no	170	170	Item concrete stooling tidak dibekalkan tetapi bayaran penuh telah dibuat kepada kontraktor. Selepas teguran Audit, Pelarasan Harga Kontrak (PHK) No. 7 telah dilaksanakan. (Gambar 2.1 dan 2.2)
2.		Element No. 2 – Perimeter Drain 230mm wide precast drain.	13 m	50	650	Kerja tidak dilaksanakan dan tiada bayaran dibuat. Selepas teguran Audit, PHK No. 7 telah dilaksanakan.
3.		600mm x 230mm x 50mm thick precast concrete drain cover.	7 m	75	525	
4.	Landscape Works (Wang Peruntukan Sementara)	<u>Closed Turfing</u> Closed turfing to flat surfaces with an approved quality Axonopus Compressus (Cow Grass) in turf size 200mm x 200mm including watering, wolling, weeding and securing until firmly establish.	120 m ²	35	4,200	Kerja tidak dilaksanakan dan tiada bayaran dibuat. Selepas teguran Audit, PHK No. 8 telah dilaksanakan.
5.	Kerja-kerja Luar	Element No. 2 – Turfing <u>Closed Turfing</u> Spot turfing to flat surfaces with an approved quality cow grass in turf size 200mm x 200mm including watering, rolling, weeding and securing turf with wooden pegs and tending until firmly established.	1,761 m ²	4	7,044	Kerja tidak dilaksanakan dan tiada bayaran dibuat. Selepas teguran Audit, PHK No. 9 telah dilaksanakan.
6.		Element No. 3 – Roadworks <u>Road Marking</u> 300mm wide stop line marking.	6 m	7	42	
7.		100mm Wide Center Line/Lane line 1,000mm long with 1,700 gap on mountainous or shot radius curves in rural area.	302 m	3	906	
8.		Approved parking line (90deg) 5.0m long with 2.5m wide.	60 m	3	180	
9.		Straight arrow overall size 3,000mm x 825mm.	27 no	160	4,320	
10.		Straight arrow with left turn arrow size 3,000mm x 1,800mm.	2 no	220	440	
11.		Left and right turn arrow size 3,280mm x 1,140mm.	1 no	240	240	

BIL.	LOKASI	SPESIFIKASI KERJA			PENEMUAN AUDIT	
		PERIHAL	KUANTITI (BQ)	KADAR (RM)		JUMLAH HARGA (RM)
12.		<u>Traffic Signs</u> "STOP AT INTERSECTION" signboard.	1 no	420	420	
13.		"PARKING" signboard.	2 no	420	840	
14.	Bangunan Terminal	Element No.13 – Built In Furniture <u>Low Cabinet</u> Bilik Pegawai & Pengawal – Overall size 3,000mm length x 850mm high x 450mm deep; comprising of 4 Nr. of 600mm x 850mm high each compartment.	2 no	1,030	2,060	Kerja tidak dilaksanakan dan tiada bayaran dibuat. Semakan selanjutnya, APK No. 18 (pengurangan) telah dibuat.
15.		<u>Ticket Counter</u> Supply, deliver and install built-in ticket counter overall size 3,000mm and other accessories.	4 no	3,500	14,000	
16.		Ditto overall size 3,200mm, ditto.	1 no	3,800	3,800	
17.	Bangunan Pejabat 3 Tingkat	Element No. 11 – Built In Furniture <u>Low Cabinet</u> Bilik Pegawai 41 – Overall size 1,800mm length x 850mm high x 450mm deep; comprising of 3 Nr. equal length of each compartment.	2 no	620	1,240	Kerja tidak dilaksanakan dan tiada bayaran dibuat. Semakan selanjutnya, APK No. 18 (pengurangan) telah dibuat.
18.		Ruang Fail – Overall size 3,000mm length x 850mm high x 450mm deep; comprising of 4 Nr. equal length of each compartment.	1 no	1,030	1,030	
19.		Bilik Rekod - Overall size 4,300mm length x 850mm high x 450mm deep; comprising of 6 Nr. equal length of each compartment.	1 no	1,480	1,480	
20.		Stor & Stor Barang Rampasan - Overall size 3,700mm length x 850mm high x 450mm deep; comprising of 6 Nr. equal length of each compartment.	3 no	1,270	3,810	
21.		Bilik Pungutan Hasil - Overall size 3,600mm length x 850mm high x 450mm deep; comprising of 5 Nr. equal length of each compartment.	1 no	1,240	1,240	
22.		Bilik Rekod - Overall size 4,300mm length x 850mm high x 450mm deep; comprising of 6 Nr. equal length of each compartment.	1 no	1,480	1,480	
23.	Jeti Kuala Perlis	Element No. 1 – Roof <u>Rain Water Down Pipe</u> 75mm diameter mounted to wall and concrete column.	70 m	50	3,500	Kerja tidak dilaksanakan dan tiada bayaran dibuat. Selepas teguran Audit, PHK No. 7 telah dilaksanakan.
24.		150mm diameter mounted to wall and concrete column.	70 m	70	4,900	
25.	Rumah Sampah (APK No.1)	Element No. 13 – Sundries <u>Garbage Bins</u> Supply and deliver to site approved RORO bins with capacity not less than 4.30m ³ all to the manufacturer's specification and S.O approval.	1 no	4,500	4,500	Kerja tidak dilaksanakan dan tiada bayaran dibuat. Selepas teguran Audit, PHK No. 9 telah dilaksanakan.
JUMLAH KESELURUHAN					63,017	

Sumber: Dokumen Kontrak

GAMBAR 2.1



GAMBAR 2.2



**Pondok Pengawal, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Low Cabinet Stooling Tidak Dibekalkan
(29.03.2017)**

b. Kerja Tidak Dilaksanakan Mengikut Spesifikasi

Pemeriksaan fizikal Audit di lokasi projek mendapati sebanyak 13 kerja bernilai RM223,728 tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Semakan Audit selanjutnya terhadap Perakuan Bayaran Interim mendapati bayaran bagi lapan kerja bernilai RM99,530 telah dibuat sepenuhnya kepada kontraktor walaupun tidak mengikut spesifikasi asal. Manakala bagi empat kerja dan satu item bernilai RM124,198, sejumlah RM61,360 telah dibayar kepada kontraktor. Selepas teguran Audit pada 4 Ogos 2017, kerja yang tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi telah dibuat APK dan PHK. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.9
KERJA TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT SPESIFIKASI**

BIL.	LOKASI	SPESIFIKASI KERJA				PENEMUAN AUDIT
		PERIHAL	KUANTITI (BQ)	KADAR (RM)	JUMLAH HARGA (RM)	
1.*	Pondok Pengawal	Element No. 6 - Windows Composite Casement Window. Type T1 : Overall size 750mm x 1,800mm high, composite window comprising of 750mm x 250mm slide able panel, 850mm x 750mm fixed glass panel with 8 no. talking holes and 750mm x 600mm top hung.	2 no	430	860	Terkurang bekal 1 no Type T1 : Overall size 750mm x 1,800mm high, composite window comprising of 750mm x 250mm slide able panel, 850mm x 750mm fixed glass panel with 8 no. talking holes and 750mm x 600mm top hung di pandangan sisi kanan pondok pengawal. PHK No. 7 telah dilaksanakan. (Gambar 2.3 dan 2.4)
2.**		Element No. 14 – Built In Furniture L-Shape overall size 3,300mm length x 750mm high x 350mm deep.	1 no	780	780	Perubahan reka bentuk dari L-Shape kepada I-Shape. Ukuran saiz di tapak adalah 1,820mm length x 750mm high x 410mm deep. PHK No. 7 telah dilaksanakan. (Gambar 2.5 dan 2.6)
3.*	Bangunan Terminal	Element No. 13 – Built In Furniture Payment Counter Supply, deliver and install built-in payment counter overall size 6,000mm and other accessories.	1 no	2,500	2,500	Perubahan saiz dan reka bentuk dari 3 kaunter yang panjang kepada 2 kaunter sahaja. Ukuran saiz di tapak adalah 2,180mm x 2 no built-in payment counter. APK No. 18 telah dikeluarkan. (Gambar 2.7 dan 2.8)

BIL.	LOKASI	SPESIFIKASI KERJA			PENEMUAN AUDIT	
		PERIHAL	KUANTITI (BQ)	KADAR (RM)		JUMLAH HARGA (RM)
4.*	Bangunan CIQ	Element No. 4 – Staircase And Steps <u>Hand railing</u> Supply and fix 75mm diameter stainless steel 316 railing x 900mm high comprising of 10mm thick stainless steel baluster, 20mm diameter stainless steel intermediate rail, 100mm x 125mm stainless steel plate welded together and bolted to floor tile with 8mm diameter anchor bolt complete with stainless steel capping (ST2).	129 m	350	45,150	Perubahan reka bentuk <i>hand railing</i> dari <i>stainless steel</i> kepada <i>penghadang kaca</i> di Tingkat 1, Bangunan CIQ. PHK tidak dilaksanakan kerana tiada penambahan/pengurangan kos. (Gambar 2.9 dan 2.10)
5.*		Element No. 8 – Doors <u>Door</u> Supply and fix the following doors with and including approved 150mm x 75mm thick wrot pressure treated HW timber door jamb in single rebated with 75mm x 20mm thick HW timber backing piece and 10mm aluminium 'C' channel as reveal both sides to be finished in gloss enamel paint, with and including all necessary approved ironmongeries, gloss enamel paint to surface of timber door frame and leaf and all as per manufacturer's specification and architect's approval. Type P2a; double leaf hardwood; overall size 1,500mm x 2,100mm high.	3 no	1,700	5,100	Ketinggian pintu yang dibina antara 2,005mm hingga 2,025mm. PHK No. 11 telah dilaksanakan. (Gambar 2.11 dan 2.12)
6.*		Type P2b; single leaf hardwood; overall size 900mm x 2,100mm high.	4 no	900	3,600	
7.*		Supply and fix the following doors with and including approved 150mm x 75mm thick single rebated powder coated aluminium door jamb with 10mm aluminium 'C' channel as reveal to be finished in gloss enamel paint, with and including all necessary approved ironmongeries, gloss enamel paint to surface of timber door frame and leaf and all as per manufacturer's specification and architect's approval. Type P1a; double leaf sliding glass door overall size 1,800mm x 2,400mm high with powder coated aluminium door frame, tempered glass VLT >50% with and including automatic sliding system with an anti-panic system and all necessary accessories.	6 no	6,050	36,300	Berdasarkan no. lukisan CA/16/19/K12/029/P/1; spesifikasi jarak antara bahagian bawah pintu gelangsar automatik dengan aras lantai adalah 7 mm hingga 10 mm. Jarak antara bahagian bawah pintu gelangsar automatik dengan aras lantai yang dibina iaitu 25mm. (Gambar 2.13 dan 2.14)
8.**		Element No. 3 – Roadworks 60mm Thick premix binder course spread and levelled to an even gradient and fall and well rammed and consolidated as described.	2,339 m ²	30	70,170	Premix jalan di hadapan Bangunan CIQ telah digantikan dengan batu <i>paver block</i> . PHK tidak dilaksanakan kerana tiada penambahan/pengurangan kos. (Gambar 2.15)
9.**		Kerja-Kerja Luar Apply one layer of tack coat spread evenly as described to received asphaltic wearing course.	2,339 m ²	2.5	5,848	
10.**		40mm Thick premix wearing course spread and levelled to an even gradient and fall and well rammed and consolidated as described.	2,339 m ²	20	46,780	


BIL.	LOKASI	SPESIFIKASI KERJA			PENEMUAN AUDIT	
		PERIHAL	KUANTITI (BQ)	KADAR (RM)		JUMLAH HARGA (RM)
11.*		Element No. 2 – Apron, Ramp And Perimeter Drain <i>Perimeter Drain</i> 600mm x 230mm x 50mm thick precast concrete drain cover.	4 m	75	300	Concrete drain cover telah digantikan dengan laluan ramp. PHK No. 15 telah dilaksanakan. (Gambar 2.16 dan 2.17)
12.*	Rumah Sampah	Element No. 7 – Door <i>Door</i> Supply and fix approved steel roller shutter in powder coated overall size 3,500mm x 3,600mm high consisting of colour bonded steel slats, mild steel angle side guide rails bolted to walls, steel box and bottom bar automatically operated to be installed and in accordance with the manufacturer's specifications and Architect's approval.	1 no	5,800	5,800	Perubahan saiz pintu di tapak. Ukuran saiz pintu yang dibekalkan adalah 3,370mm x 3,540mm. PHK No. 15 telah dilaksanakan.
13.**	Landscape Works (Wang Peruntukan Sementara)	Trees Pokok dalam pasu – <i>Yucca Aloifolia</i> , 1.50m overall height, 0.50m overall diameter complete with vase.	12 no	45	540	Terkurang bekal 2 no pokok dalam pasu berjumlah RM90. PHK No. 8 telah dilaksanakan.
JUMLAH KESELURUHAN					223,728	

Sumber: Dokumen Kontrak

Nota: (*) - lapan kerja bernilai RM99,530

(**) - empat kerja dan satu item bernilai RM124,198

GAMBAR 2.3




GAMBAR 2.4




Pondok Pengawal, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Window Type T1 Tidak Dibekalkan
(29.03.2017)

GAMBAR 2.5




GAMBAR 2.6



Pondok Pengawal, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Perubahan Reka Bentuk Dari L-Shape Kepada I-Shape
(29.03.2017)

GAMBAR 2.7




Kaunter Bayaran Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Bangunan Terminal, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Perubahan Saiz dan Reka Bentuk
(29.03.2017)

GAMBAR 2.8



GAMBAR 2.9



Tingkat 1, Bangunan CIQ, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Perubahan Reka Bentuk *Hand Railing* Dari *Stainless Steel* ke Penghadang Kaca
(29.03.2017)

GAMBAR 2.10




GAMBAR 2.11



Tingkat 1, Bangunan CIQ, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Ketinggian Pintu yang Dibina 2,025mm Tidak Mengikut Spesifikasi iaitu 2,100mm
(14.11.2016)

GAMBAR 2.12



Tingkat 1, Bangunan CIQ, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Ketinggian Pintu yang Dibina 2,005mm Tidak Mengikut Spesifikasi iaitu 2,100mm
(15.11.2016)

GAMBAR 2.13



Pintu Ketibaan Antarabangsa Bangunan CIQ, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Jarak Antara Bahagian Bawah Pintu Gelangsar Automatik Dengan Aras Lantai yang Tidak Mengikut Spesifikasi
(16.11.2016)

GAMBAR 2.14





GAMBAR 2.15

Hadapan Bangunan CIQ, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Kerja-Kerja Luar *Premix* Jalan Digantikan
Dengan Batu *Paver Block*
(29.03.2017)

GAMBAR 2.16



Rumah Sampah Belakang Bangunan Terminal, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- *Concrete Drain Cover* Untuk 4m Diganti Dengan Lalan *Ramp*
(29.03.2017)

GAMBAR 2.17



Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 14 September 2017

Bagi item tidak dibekalkan/kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi di lokasi Pondok Pengawal, Kerja-Kerja luar, Jeti Kuala Perlis dan Rumah Sampah telah dibuat Pelarasan Harga Kontrak bernombor 7 dan 9. Selain itu, item di lokasi Bangunan Terminal dan Bangunan Pejabat 3 Tingkat telah dibuat Arahan Perubahan Kerja bernombor 18.

Manakala kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi di lokasi Pondok Pengawal (Element No. 6 - windows dan Element No. 14 - built in furniture), Bangunan CIQ (Element No. 8 - doors), Rumah Sampah (Element No. 2 - apron, ram and perimeter drain) dan Landscape Works juga telah dibuat Pelarasan Harga Kontrak bernombor 7, 8, 11 dan 15. Bagi kerja di Bangunan CIQ (Element No. 4 - staircase and steps) dan kerja-kerja luar (Element No. 3 - roadworks) kerja telah dilaksanakan tanpa pertambahan kos dengan persetujuan kontraktor. Bagi item di lokasi Bangunan Terminal (Element No. 13 - built in furniture) telah dibuat Arahan Perubahan Kerja bernombor 18.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang tidak menyeluruh semasa pembinaan menyebabkan kerja-kerja yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan tidak dapat dikesan awal dan telah menjejaskan kualiti pembinaan.

2.5.3.2. Lantai *Granite* Mempunyai Kesan Tompokan Resapan Air

- a. Mengikut syarat-syarat kontrak Fasal 10, Tanggungjawab Kontraktor, antaranya menyatakan pihak kontraktor perlu menyatakan secara bertulis kepada Kerajaan sebarang perubahan yang melibatkan kerja. Semua

perubahan kerja hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pegawai Penguasa atau wakil yang diberi kuasa berbuat demikian. Perubahan kerja bermaksud suatu perubahan di dalam Dokumen Kontrak yang melibatkan perubahan atau pengubahsuaian ke atas reka bentuk, kualiti atau kuantiti kerja yang memberi kesan kepada jumlah kontrak termasuk pengubahsuaian kepada jenis atau piawai mana-mana bahan atau barang yang digunakan bagi kerja.


- b. Mengikut Dokumen Kontrak, bahan yang telah dicadangkan oleh arkitek bagi lantai Bangunan Terminal dan CIQ adalah *granite* dan *marble*. Pada 9 Mac 2015, kontraktor memohon pertukaran penggunaan *marble* kepada *granite* dengan alasan untuk menyeragamkan jenis kemasan lantai bagi memudahkan proses tempahan dibuat. JKR telah meluluskan permohonan tersebut pada 22 Mac 2015 dengan syarat tidak melibatkan sebarang kos tambahan.
- c. Pemeriksaan fizikal Audit pada 29 Mac 2017 menunjukkan kontraktor telah menggunakan *granite* bagi kemasan lantai Bangunan Terminal dan CIQ. Bagaimanapun, didapati permukaan lantai *granite* yang dipasang di hadapan pejabat Imigresen di Bangunan CIQ mempunyai kesan tompokan resapan air. Semakan Audit selanjutnya turut mendapati *Non Conformance Product* (NCP) telah dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor mengenai kerosakan *granite*. Semakan terhadap Surat Pengambilan Tanggungjawab Untuk Ketidaktepatan yang dikeluarkan oleh kontraktor pada 22 Januari 2017 telah menyatakan untuk mengambil tindakan penggantian dalam tempoh antara 5 hingga 25 Februari 2017. Ini menunjukkan kontraktor belum mengambil tindakan penggantian seperti yang dijanjikan.
- d. Pengesahan semula pihak Audit pada 6 September 2017 mendapati kerja-kerja pengantian *granite* telah dan sedang dilaksanakan oleh kontraktor di Bangunan Terminal dan CIQ seperti gambar berikut:

SEBELUM
GAMBAR 2.18



Hadapan Pejabat Imigresen,
Bangunan CIQ, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Permukaan Lantai *Granite* yang Mempunyai
Kesan Tompokan Resapan Air
(29.03.2017)

SELEPAS
GAMBAR 2.19



Hadapan Pejabat Imigresen,
Bangunan CIQ, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Permukaan Lantai *Granite* Telah Dibaiki
(06.09.2017)

**SEBELUM
GAMBAR 2.20**



Kawasan Luar Bangunan CIQ,
Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Permukaan Lantai *Granite* yang Mempunyai
Kesan Tompokan Resapan Air
(29.03.2017)

**SELEPAS
GAMBAR 2.21**



Kawasan Luar Bangunan CIQ,
Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Kerja-Kerja Penukaran Lantai *Granite*
Sedang Dibuat
(06.09.2017)

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 14 September 2017

Kontraktor telah mengambil tindakan melaksanakan kerja-kerja penggantian granite di Bangunan CIQ di mana sebanyak 465 keping granite telah ditukar dan sebanyak 600 keping granite yang dipesan oleh kontraktor telah sampai di tapak dan kerja-kerja penggantian granite dijangka siap pada akhir bulan September 2017.

Pada pendapat Audit, walaupun perubahan pertukaran *marble* kepada *granite* telah dipersetujui namun ia menunjukkan lantai *granite* mempunyai kesan tompokan resapan air.

2.5.4. Penggunaan Peralatan/Kelengkapan

2.5.4.1. Peralatan/Kelengkapan Diperoleh Tetapi Tidak Digunakan

- a. Setiap peralatan/kelengkapan yang diperoleh hendaklah ditentukan keperluannya bagi memastikan Kerajaan mendapat manfaat yang berterusan daripada perolehan tersebut dan mengelakkan daripada berlakunya pembaziran.
- b. Mengikut kontrak, terdapat tiga mesin pengimbas (scanner) bernilai RM963,000, dua *Archway Metal Detector* bernilai RM96,300 dan dua *Handheld Metal Detector* bernilai RM5,350 perlu dibekalkan kepada JLM dan JKDM. Pembekalan dan penyerahan semua peralatan tersebut yang bernilai RM1.06 juta telah dilaksanakan pada 3 April 2016. Tempoh tanggungan kecacatan adalah selama satu tahun bermula daripada tarikh pembekalan dan penyerahan peralatan tersebut. Perolehan tersebut perlu dilakukan kerana mesin pengimbas sedia ada (dua unit) tidak mencukupi untuk melancarkan pemeriksaan imbasan bagasi penumpang seperti yang telah diputuskan dalam VM dan telah dibincangkan dalam mesyuarat tapak. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 2.10
PEMBEKALAN DAN PENYERAHAN PERALATAN PADA 3 APRIL 2016

BIL.	PERALATAN	JENAMA / NO. SIRI	PEMILIK	AMAUN (RM)
1.	Mesin Pengimbas (Scanner)	Smiths Heiman Hi-Scan 9075 / SN 121971	JKDM	321,000
2.		Smiths Heiman Hi-Scan 9075 / SN 121972	JKDM	321,000
3.		Smiths Heiman Hi-Scan 9075 / SN 121973	JLM	321,000
4.	Archway Metal Detector	CEIA Hi-PE Plus / SN 21506044143	JKDM	48,150
5.		CEIA Hi-PE Plus / SN 21506044150	JLM	48,150
6.	Handheld Metal Detector	CEIA PD140N / SN 21510011666	JKDM	2,675
7.		CEIA PD140N / SN 21510011669	JLM	2,675
JUMLAH KESELURUHAN				1,064,650

Sumber: Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan, JKR

- c. Pemeriksaan fizikal Audit di Bangunan Terminal dan CIQ pada 6 September 2017 mendapati dua mesin pengimbas milik JKDM telah digunakan. Semakan Audit terhadap Buku Log Penggunaan Mesin Pengimbas mendapati kedua-dua mesin pengimbas tersebut hanya digunakan mulai bulan Julai 2017 iaitu selepas 15 bulan peralatan tersebut diterima. Semakan Audit selanjutnya terhadap Buku Log tersebut mendapati ia digunakan hanya antara satu hingga 13 hari dalam sebulan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 2.11
PENGUNAAN MESIN PENGIMBAS MILIK
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

BIL.	JENAMA / NO. SIRI	LOKASI	PENGUNAAN	
			JULAI (Hari)	OGOS (Hari)
1.	Smiths Heiman Hi-Scan 9075 / SN 121971	Ketibaan Antarabangsa	6	13
2.	Smiths Heiman Hi-Scan 9075 / SN 121972	Perlepasan Domestik	1	5

Sumber: Buku Log Mesin Pengimbas

- d. Selain itu, pemeriksaan Audit pada 6 September 2017 juga mendapati Archway Metal Detector dan Handheld Metal Detector milik JKDM yang diterima pada 3 April 2016, tidak pernah digunakan selama 17 bulan semasa menjalankan operasi hariannya. Pemeriksaan Audit juga mendapati Archway Metal Detector tidak berfungsi walaupun ia telah dibuat pengujian dan pentauliahn pada 17 Februari 2016. Butiran lanjut seperti gambar berikut:

- f. Selain itu, pihak Audit mendapati dua kelengkapan yang disediakan iaitu *Luggage Counter* dan Kaunter Informasi milik JLM bernilai RM114,966 tidak digunakan walaupun Terminal Jeti telah siap sepenuhnya. Butiran lanjut seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 2.12
KELENGKAPAN YANG TIDAK DIGUNAKAN**

BIL.	LOKASI	SPESIFIKASI KERJA				PENEMUAN AUDIT
		PERIHAL	KUANTITI (BQ)	KADAR (RM)	AMAUN (RM)	
1.	<i>Luggage Counter</i> Bangunan Terminal	<i>Supply, deliver and install built-in luggage unit and other accessories.</i>	4 no	4,500	18,000	Pemeriksaan fizikal pada 29 Mac 2017 mendapati 4 no <i>Luggage Counter</i> tidak digunakan. Pengesahan semula pada 6 September 2017 mendapati ianya masih tidak digunakan. Selain itu, 1 no <i>Luggage Counter</i> telah dialihkan. Terdapat juga 1 no <i>Luggage Counter</i> telah rosak. (Gambar 2.27 hingga 2.29)
2.	Kaunter Informasi JLM	<i>Backdrop and Low Cabinet</i>	1 no	14,800	14,800	Kaunter Informasi JLM tidak digunakan.
		<i>Counter</i>	1 no	17,567	17,567	
	Bangunan Terminal	<i>Info Counter - Backdrop and Low Cabinet</i>	1 no	34,304	34,304	
		<i>Counter Top Cabinet</i>	1 no	30,295	30,295	
JUMLAH KESELURUHAN					114,966	

Sumber: Dokumen Kontrak

**SEBELUM
GAMBAR 2.27**



Bangunan Terminal, Jeti Kuah,
Langkawi, Kedah
- Kelengkapan *Luggage Counter* JLM
Tidak Digunakan
(29.03.2017)

**SELEPAS
GAMBAR 2.28**



Bangunan Terminal, Jeti Kuah,
Langkawi, Kedah
- Kelengkapan *Luggage Counter* JLM Masih Tidak
Digunakan dan Kedudukan Telah Berubah
(06.09.2017)



GAMBAR 2.29

Bangunan Terminal, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Kelengkapan *Luggage Counter* yang Telah Rosak
(06.09.2017)

Maklum Balas JKR, JLM dan JKDM yang Diterima Pada 14 September 2017

JKR telah membekalkan peralatan mengikut kontrak pada 3 April 2016 yang berfungsi dengan baik ketika penyerahan dilakukan. JLM akan menggunakan Luggage Counter selepas sistem bagasi dibangunkan. Sistem bagasi hanya akan dibangunkan selepas tamat tempoh DLP. JKDM telah mendaftar peralatan tersebut dalam Daftar Harta Modal dan telah menggunakan mesin pengimbas mulai bulan Julai 2017.

2.5.4.2. Penggunaan Kabinet Besi Sebagai Sekatan Laluan Tidak Sesuai


Pemeriksaan Audit mendapati laluan perlepasan domestik dari terminal ke jeti telah disekat menggunakan kabinet besi serta papan pemberitahuan oleh JKDM (**Gambar 2.30** dan **Gambar 2.31**) bagi menghalang penumpang melepasi laluan tersebut tanpa perlu mengimbas bagasi. Terdahulu pihak JKR telah membekalkan *retracable belt railing* bagi membolehkan sekatan dibuat di ruangan tersebut. Bagaimanapun, JKDM tidak menggunakannya dan menyerahkan alat tersebut kepada JLM. Ini kerana penggunaan alat itu boleh mendedahkan terminal *display* mesin pengimbas kepada pandangan umum. Keadaan ini telah mencatatkan pandangan di kawasan tersebut.

GAMBAR 2.30



Bangunan Terminal, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Loker Pegawai dan Notis Pemberitahuan
Sebagai Penghadang
(29.03.2017)

GAMBAR 2.31




Bangunan Terminal, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Loker Pegawai dan Notis Pemberitahuan
Sebagai Penghadang
(06.09.2017)

Pada pendapat Audit, penggunaan peralatan/kelengkapan utama adalah tidak memuaskan kerana tidak digunakan langsung atau tidak digunakan secara optimum menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* terhadap perolehan tersebut.

2.5.4.3. Kerosakan Kemudahan yang Disediakan

- a. Berdasarkan spesifikasi pembinaan *pontoon*, dua *fender pile* hendaklah dibina bagi menyokong kestabilan *pontoon*. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 6 September 2017 mendapati hanya ada satu *fender pile* yang menyokong *pontoon* di Labuhan 5, Jeti Ketibaan. Berdasarkan laporan Pemeriksaan *Fender Pile* oleh JKR, satu *fender pile* telah patah dan tenggelam ke laut. Pihak Audit telah dimaklumkan *fender pile* patah kerana telah digunakan oleh pengusaha feri untuk menambat tali feri semasa berlabuh. Semasa lawatan Audit terbukti *fender pile* telah digunakan untuk menambat tali feri. Pihak JKR telah menyediakan *bollard* sebagai tempat penambat tali feri. Namun begitu, pengusaha feri tidak menggunakannya kerana *bollard* tersebut tidak dapat menampung kestabilan feri untuk berlabuh dan dihalang oleh *pontoon*, *gangway* dan *fender pile*. (**Gambar 2.38** dan **Gambar 2.39**).
- b. Semakan selanjutnya mendapati JLM telah mengeluarkan surat amaran pada Disember 2016 kepada pengusaha feri agar tidak menambat tali feri pada tiang bumbung *pontoon* dan *fender pile* tetapi amalan ini masih diteruskan. Selain itu, akibat daripada *fender pile* yang patah, bumbung dan *gutter pontoon* mengalami kerosakan kerana feri menghentam jeti akibat ombak. Butiran lanjut kerosakan seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.32



Labuhan 7, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- *Fender Pile* yang Telah Patah
(06.09.2017)

GAMBAR 2.33



Labuhan 7, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- *Fender Pile* yang Telah Patah
(06.09.2017)

GAMBAR 2.34



Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Tali Penambat Feri Disangkut
Pada *Fender Pile*
(29.03.2017)

GAMBAR 2.35



Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
- Tali Penambat Feri Disangkut Pada *Fender Pile*
dan Menyebabkan Kerosakan
(06.09.2017)

GAMBAR 2.36




Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
 - Tali Penambat Feri Disangkut Pada
 Tiang Bumbung Pontoon
 (06.09.2017)

GAMBAR 2.37




Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
 - Tali Penambat Feri Disangkut Pada
 Tiang Fender Pile
 (06.09.2017)

GAMBAR 2.38



Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
 - Contoh Kedudukan Bollard di Jeti dan Pontoon
 (06.09.2017)

GAMBAR 2.39



Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
 - Contoh Kedudukan Bollard di Jeti yang
 Dihalang oleh Tiang Fender Pile
 (06.09.2017)

GAMBAR 2.40



Labuhan 7, Jeti Kuah, Langkawi, Kedah
 - Kerosakan Gutter dan Bumbung Akibat Fender Pile yang Patah
 (06.09.2017)

GAMBAR 2.41



Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 16 Oktober 2017

Siasatan awal mendapati pihak operator feri mengambil jalan mudah untuk menambat tali feri kepada fender pile dan bukannya pada bollard yang telah disediakan. Penyalahgunaan masih berlaku sehingga kini. Wakil Pegawai Penguasa telah membuat Laporan Awal dan mengemukakan laporan kepada pihak HOPT Maritim, pada 5 September 2017. Laporan tersebut juga telah disalin kepada Jabatan Laut Malaysia, Langkawi. Unit Forensik dan pasukan penyelam Maritim telah berada di tapak pada 13 September 2017 untuk memulakan pemeriksaan. Pasukan penyelam dijadualkan untuk membuat pemeriksaan lanjutan pada 15 hingga 17 Oktober 2017. Laporan akhir forensik akan dihantar kepada pihak Jabatan Laut Malaysia pada 31 Oktober 2017.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan JLM terhadap penggunaan kemudahan yang dibina adalah kurang rapi bagi memastikan kecacatan dan kerosakan tidak berlaku.


2.5.4.4. Penilaian Tahap Kepuasan Pengguna

Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada 50 pegawai yang bertugas di Jeti Kuah, Langkawi iaitu terdiri daripada JLM, JKDM, JIM, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS), Jabatan Kesihatan, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), serta perkhidmatan-perkhidmatan lain yang terlibat. Selain itu, sebanyak 122 soal selidik turut diedarkan kepada orang awam yang menggunakan kemudahan jeti. Analisis terhadap borang soal selidik yang dikembalikan adalah seperti berikut:

a. Penilaian Tahap Kepuasan Pegawai di Terminal Jeti

Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan keadaan Terminal terhadap ruang pejabat yang kondusif, bilangan tandas berserta kelengkapan yang disediakan, surau, dan pondok pengawal. Bagaimanapun, 54% responden tidak berpuas hati mengenai papan tanda dan 60% responden tidak berpuas hati dengan bilangan tempat letak kenderaan yang telah disediakan. Butiran lanjut seperti graf berikut:


GRAF 2.2
PENILAIAN TAHAP KEPUASAN PEGAWAI



b. Penilaian Tahap Kepuasan Orang Awam di Terminal Jeti

Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan antaranya merangkumi infrastruktur di bahagian ruang menunggu, susun atur laluan jeti, tandas dan surau. Butiran lanjut seperti graf berikut:

**GRAF 2.3
PENILAIAN TAHAP KEPUASAN ORANG AWAM**



2.5.5. Pemantauan

Pemantauan terhadap pengurusan projek hendaklah dilakukan secara berterusan bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta dalam masa yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati JKR telah mengadakan mesyuarat sebanyak 154 kali yang melibatkan agensi pengguna, pihak berkuasa tempatan dan kontraktor berkaitan pengurusan projek dan kerja pembinaan namun masih berlaku kelemahan antaranya seperti kelewatan penyediaan projek, pelaksanaan kerja dan pembekalan item yang tidak mengikut spesifikasi. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.13
KEKERAPAN MESYUARAT BERKAITAN PROJEK**

BIL	PERKARA	KEKERAPAN (Kali)
1.	Mesyuarat Tapak	33
2.	Mesyuarat Teknikal	24
3.	Mesyuarat Koordinasi Pelanggan	32
4.	Mesyuarat Penyelarasan Projek	57
5.	Mesyuarat Tanggungan Kecacatan	8
JUMLAH		154

Sumber: Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan, JKR

Maklum Balas JKR Diterima Pada 21 Ogos 2017

Pemantauan bagi setiap kerja yang dilaksanakan di tapak merujuk kepada Manual Sistem Pengurusan Bersepadu - Prosedur Pembinaan dan Penyeliaan Tapak Bina. Bagi kerja-kerja yang tidak mematuhi/menepati spesifikasi, Borang NCP (Non Conformance Product) telah dikeluarkan kepada kontraktor.

Pada pendapat Audit, walaupun mesyuarat yang melibatkan JKR, kontraktor dan agensi pelanggan telah dibuat dengan kerap namun masih kurang berkesan kerana tidak dapat menyelesaikan masalah yang dibangkitkan.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan JKR dan pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

2.6.1. JKR/JLM perlu memastikan setiap kelemahan di peringkat perancangan dikaji semula secara menyeluruh dan dijadikan sebagai *lesson learnt* bagi memastikan kes EOT di atas kelemahan perancangan diminimumkan demi menjaga kepentingan Kerajaan;

2.6.2. JKR perlu memastikan APK diluluskan secepat mungkin setelah APK secara prinsip diluluskan;

2.6.3. JKR hendaklah memantau dan menyelia kemajuan kerja kontraktor dan memastikan kerja yang dilakukan oleh kontraktor mengikut spesifikasi, sesuai/praktikal dan berkualiti/tahan lama/memuaskan;

2.6.4. JLM dan JKDM perlu memastikan peralatan/kelengkapan yang dibekalkan hendaklah digunakan secara optimum bagi mendapatkan *value for money*;

2.6.5. JLM hendaklah memantau penggunaan kemudahan yang disediakan bagi mengelakkan berlakunya *vandalisme*; dan

2.6.6. semua kerja pembinaan yang kurang memuaskan dan kecacatan yang berlaku perlu dibaiki dengan segera oleh kontraktor sebelum Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan bagi mengelakkan Kerajaan mengalami kerugian dan menanggung kos pembaikan berkaitan.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI / JABATAN KERJA RAYA

3. PUSAT PENYELIDIKAN ANTARABANGSA TANAMAN MASA HADAPAN [CROPS FOR THE FUTURE RESEARCH CENTRE (CFFRC)]

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Program *Crops for the Future Research Centre* (CFFRC) diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 25 Jun 2010 dengan anggaran kos sejumlah RM119 juta meliputi kawasan seluas 50 hektar di Semenyih, Selangor yang dibeli/pajak daripada Boustead Holdings Berhad. Kos siling yang diluluskan berjumlah RM115 juta melibatkan RM52 juta untuk projek pembinaan CFFRC dan perolehan peralatan makmal, manakala sejumlah RM63 juta untuk perbelanjaan mengurus CFFRC bagi tempoh tujuh tahun (2011 hingga 2017). Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan University of Nottingham Malaysia Campus (UNMC) adalah pengasas bersama CFFRC. Pemilik projek CFFRC adalah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), manakala pengguna akhir adalah syarikat Crops for the Future Sdn. Bhd. (CFF) yang ditubuhkan sebagai *Company Limited by Guarantee and Not Having a Share Capital* di bawah Akta Syarikat 1965.

3.1.2. Objektif projek CFFRC adalah untuk mewujudkan pusat penyelidikan dan latihan bagi menjalankan penyelidikan sama ada secara *in-house* (tersendiri) atau *collaboration* (kerjasama) dengan agensi tempatan atau antarabangsa berkaitan *underutilized crops*. Usaha ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membangunkan tumbuhan (makanan dan bukan makanan) yang dapat dikomersialkan bagi memenuhi keperluan jaminan makanan dan bahan mentah industri melalui perkongsian kepakaran.

3.1.3. Pembinaan CFFRC dilaksana secara konvensional melalui tender terbuka melibatkan Fasa I - Kerja Tanah dengan kos kontrak bernilai RM0.58 juta mulai 31 Julai 2012 hingga 5 November 2012 dan Fasa II - Kerja Bangunan dengan kos kontrak bernilai RM25.01 juta mulai 25 Februari 2013 hingga 3 Ogos 2014. Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah agensi pelaksana dengan Pegawai Penguasa (PP) Projek adalah Pengarah II, Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA), JKR.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan dan pengurusan operasi CFFRC telah dirancang dan dilaksana secara ekonomi, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif CFFRC.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi tiga skop program CFFRC iaitu projek pembinaan, pengurusan peralatan makmal dan operasi. Ia merangkumi lapan bidang utama (key area) iaitu prestasi fizikal dan kewangan, pencapaian objektif CFFRC, pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI), pengurusan geran Kerajaan, pengurusan pembinaan, pentadbiran kontrak, perolehan peralatan makmal dan pemantauan projek. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Industri Ternakan, Tanaman dan Perikanan (ITTP), MOA; CKBA, JKR, Kuala Lumpur; dan CFFRC, Semenyih, Selangor meliputi tempoh tahun 2011 hingga bulan April 2017.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis rekod, dokumen dan kontrak berkaitan pembinaan, pengurusan peralatan makmal dan operasi CFFRC. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat di MOA, JKR dan CFF diadakan untuk penjelasan lisan dan ketepatan maklumat yang dilaporkan. Selain itu, lawatan fizikal ke tapak pembinaan turut dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2017 bagi memeriksa tahap pematuhan spesifikasi dan kualiti kerja pembinaan.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Januari hingga Mei 2017 mendapati program CFFRC adalah satu aspirasi negara yang baik untuk menjadi pusat penyelidikan dalam *underutilized crops* serta memanfaatkan sumber dalam negara. Bagaimanapun, pelaksanaan pembangunan CFFRC secara keseluruhannya berdasarkan lapan bidang utama yang diaudit adalah tidak memuaskan. Selain itu, *Dome 3* (Makmal Penyelidikan) yang merupakan bangunan utama untuk pelaksanaan aktiviti CFFRC tidak dapat digunakan sepenuhnya walaupun telah siap dibina pada 16 Oktober 2015. Ini disebabkan peralatan makmal belum diperolehi sepenuhnya, kerja pembaikan kecacatan pembinaan masih sedang dilaksanakan walaupun telah melepasi Tempoh Tanggungan Kecacatan, dan makmal tidak mematuhi keperluan piawaian antarabangsa. Beberapa kelemahan lain yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. projek CFFRC gagal disiapkan mengikut jadual asal di mana peratus tempoh EOT kerja tanah adalah 56.1% dan kerja bangunan adalah 55.2% daripada tempoh asal serta kos projek meningkat sejumlah RM9.99 juta (33.3%);
- ii. perbelanjaan pembangunan melebihi siling peruntukan berjumlah RM4.77 juta (9.2%) daripada siling asal RM52 juta;
- iii. tahap kebergantungan belanja operasi CFFRC dengan peruntukan Kerajaan masih tinggi iaitu 89.6% walaupun telah memasuki tahun akhir pembiayaan Kerajaan;

- iv. KPI Hasil Penyelidikan yang Berpotensi Untuk Dikomersialkan tahun 2015 gagal dicapai. Manakala KPI Geran Penyelidikan Diperoleh tahun 2015 adalah sangat rendah iaitu RM5.2 juta (26%) berbanding RM20 juta yang disasarkan;
- v. pembayaran tidak wajar meliputi bonus dan perkhidmatan perunding sejumlah RM0.77 juta;
- vi. kualiti pelaksanaan kerja tidak mengikut spesifikasi *As-Built Drawing*, kerja/ material kurang bersesuaian dan reka bentuk *handrail* dan lantai koridor tidak selamat;
- vii. perbelanjaan di luar kelulusan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan skop kontrak sejumlah RM10.18 juta bagi pembinaan *Field Research Centre* (FRC), pembinaan jalan masuk baru berserta lampu isyarat dan perolehan peralatan makmal/perabot;
- viii. sasaran *rating Platinum Green Building Index* (GBI) gagal dicapai dan perunding GBI lewat dilantik menyebabkan perubahan kerja dengan tambahan kos projek RM0.69 juta;
- ix. tiga perkhidmatan perunding dibayar berjumlah RM0.32 juta sebelum SST dikeluarkan dan sebelum kontrak ditandatangani; dan
- x. pengecualian tatacara perolehan secara tender bagi kerja pembekalan *glued-laminated timber* (Glulam) dan perolehan peralatan makmal tanpa kelulusan Kementerian Kewangan (MoF).

Perkara yang ditemui dan maklum balas MOA, CFF dan JKR telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 5 September 2017. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

3.5.1. Prestasi Fizikal dan Kewangan

3.5.1.1. Prestasi Fizikal Projek Pembinaan

- a. Kontrak kerja tanah (Fasa I) yang dimeterai pada 7 November 2012 antara JKR dengan kontraktor Exquisite Resources Sdn. Bhd. (ERSB) menetapkan kerja tanah hendaklah disiapkan pada 5 November 2012. Manakala kontrak kerja bangunan (Fasa II) yang dimeterai pada 6 Jun 2013 antara JKR dengan kontraktor S.N. Akmida Holdings Sdn. Bhd. (SNAH) dan kontrak tambahan yang dimeterai pada 27 Mei 2014 menetapkan kerja bangunan hendaklah disiapkan pada 3 Ogos 2014.
- b. Semakan Audit mendapati kedua-dua Fasa I dan II tidak disiapkan pada tarikh siap asal kontrak. Kontraktor Fasa I telah diberikan kelulusan lanjutan masa/*Extension of Time* (EOT) selama 55 hari (56.1%) dan Fasa II selama 290 hari (55.2%) daripada tempoh kontrak asal. Bagaimanapun, Fasa II gagal disiapkan dalam tempoh EOT dan Perakuan Siap Kerja/*Certificate of*

Practical Completion (CPC) hanya dikeluarkan pada 16 Oktober 2015 iaitu kelewatan selama 150 hari. *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) sejumlah RM0.51 juta dikenakan berdasarkan kadar yang ditetapkan di dalam kontrak. Butiran mengenai EOT seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.1
PERIHAL LANJUTAN MASA (EOT) DAN ULASAN AUDIT**

FASA PROJEK/ TEMPOH KONTRAK ASAL	EOT				ULASAN AUDIT
	NO.	JUSTIFIKASI	KELULUSAN		
			BIL. HARI	TEMPOH	
Fasa I 31.07.2012 hingga 05.11.2012 (14 minggu/ 98 hari)	1	Kelewatan menerima lukisan pembinaan – Pindaan lukisan kerja tanah disebabkan terdapat banyak perubahan <i>layout</i> bangunan.	40	05.11.2012 hingga 30.12.2012	EOT tidak wajar kerana lukisan pembinaan sepatutnya dimuktamadkan sebelum tarikh milik tapak iaitu pada 31 Julai 2012. Kelemahan berlaku dalam perancangan <i>layout</i> bangunan.
		Perubahan <i>layout</i> tapak bina yang menjadikan kedudukan jalan masuk dan tapak bina berada dalam kawasan stor dan woksyp kontraktor Universiti Nottingham. Kontraktor mengambil masa 15 hari memindahkannya.			15
Fasa II 25.02.2013 hingga 03.08.2014 (75 minggu/ 525 hari)	1	Pencawang TNB perlu diubahsuai disebabkan pertambahan dalam beban elektrik sebanyak 532kW bagi menempatkan peralatan voltan tinggi.	150	03.08.2014 hingga 31.12.2014	EOT tidak wajar kerana kelemahan dalam perancangan projek. Keperluan beban elektrik dengan mengambil kira penggunaan semasa dan pada masa akan datang (secara praktikal) sepatutnya ditentukan di peringkat awal perancangan bagi mengelakkan tambahan masa dan kos. Perubahan ini telah mengakibatkan Arahan Perubahan Kerja dengan kos tambahan sejumlah RM1.5 juta untuk kerja pengubahsuaian pencawang TNB dan genset.
		Perubahan genset sedia ada kepada genset berkapasiti tinggi ekoran dari tambahan beban elektrik.			
		Kerja hiasan dalaman dan perabot makmal.			
	2	Perubahan skop jalan masuk oleh CFF.	96	31.12.2014 hingga 06.04.2015	EOT tidak wajar kerana kelemahan dalam perancangan projek. Lokasi jalan masuk sepatutnya dirancang dan dipersetujui oleh PP dan CFF di peringkat perancangan projek iaitu mulai tahun 2011.
		Kerja landskap. Pagar perimeter dan pagar utama.			
	3.	Proses perolehan peralatan set janakuasa TNB dan genset. Proses <i>calibration</i> set janakuasa oleh TNB. Proses pengujian dan pentauliahan.	44	06.04.2015 hingga 20.05.2015	EOT tidak wajar kerana EOT ini adalah tambahan kepada EOT No. 1 di mana ia sepatutnya diambil kira semasa permohonan dan kelulusan EOT No. 1. Ini menunjukkan kelemahan dalam perancangan projek.
JUMLAH KESELURUHAN EOT YANG DILULUSKAN			345		

Sumber: Cawangan Kerja Bangunan Am 2 (CKBA 2), JKR

- c. Kegagalan projek CFFRC disiapkan pada tarikh siap asal kontrak telah menyebabkan CFF terpaksa menyambung bayaran perkhidmatan di UNMC sejumlah RM150,000 (RM10,000 sebulan) sehingga projek disiapkan. Selain itu, ia juga menjejaskan pencapaian KPI CFFRC bagi tahun 2015.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 29 Ogos 2017 dan 16 Oktober 2017

EOT terpaksa diberi atas perubahan reka bentuk kerana keadaan tapak bina yang di luar jangkaan dan keperluan pengguna yang berubah dan penting bagi memastikan CFFRC beroperasi. JKR telah berusaha memastikan projek ini disiapkan mengikut tempoh masa siap semasa. Namun disebabkan kelewatan kontraktor dan tiada alasan yang layak dipertimbangkan maka LAD telah dikenakan kepada Kontraktor.

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek pembinaan adalah tidak memuaskan kerana kelemahan dalam perancangan menyebabkan projek mengalami *time overrun* selama 15 bulan.

3.5.1.2. Pencapaian Prestasi Kewangan

- a. Siling peruntukan yang diluluskan oleh EPU pada 8 Jun 2012 berjumlah RM115 juta meliputi peruntukan mengurus RM63 juta dan peruntukan pembangunan RM52 juta. Setakat bulan April 2017, peruntukan sejumlah RM109.89 juta merangkumi RM57.89 juta peruntukan mengurus dan RM52 juta peruntukan pembangunan telah disalurkan kepada CFF. Semakan Audit mendapati setakat pada 30 April 2017, peruntukan pembangunan sejumlah RM56.77 juta telah dibelanjakan iaitu melebihi siling ditetapkan sejumlah RM4.77 juta (9.2%). Ini disebabkan peningkatan kos projek pembinaan Fasa II dan perbelanjaan di luar kelulusan EPU/skop kontrak. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN
PEMBANGUNAN CFFRC SETAKAT 30 APRIL 2017**

PERUNTUKAN KERAJAAN			CFFRC		BAKI PERUNTUKAN	
SKOP	SILING (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN DIBAYAR/DITANGGUNG		AMAUN (RM Juta)	PERATUS (%)
			PERIHAL	AMAUN (RM Juta)		
VOT MENGURUS						
Operasi	63.00	57.89	Operasi dan pembinaan	55.62	2.27	3.9
JUMLAH	63.00	57.89	JUMLAH	55.62	2.27	3.9
VOT PEMBANGUNAN						
Bangunan & infrastruktur	30.00	30.00	Kerja tanah	0.46	1.25	4.2
			Kerja bangunan	22.37		
			Lain-lain kos berkaitan kerja bangunan	***0.71		
			Perunding kerja tanah & bangunan	**3.92		
			Perunding mekanikal & elektrik	**0.32		
			Pertambahan Amaun Perunding kerja tanah & bangunan serta mekanikal & elektrik	***0.97		
GBI & Glulam	6.00	6.00	Glulam	9.79	(4.05)	(67.5)
			Pensijilan GBI	***0.06		
			Perunding GBI	**0.20		

PERUNTUKAN KERAJAAN			CFFRC		BAKI PERUNTUKAN	
SKOP	SILING (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN DIBAYAR/DITANGGUNG		AMAUN (RM Juta)	PERATUS (%)
			PERIHAL	AMAUN (RM Juta)		
Perabot	2.50	2.50	Perabot	*1.99	0.51	20.4
Peralatan makmal	13.50	13.50	Peralatan makmal	6.22	(2.48)	(18.4)
			<i>Field Research Centre (kerja luar skop)</i>	6.79		
			Jalan masuk baru dan lampu isyarat (kerja luar skop)	2.97		
JUMLAH	52.00	52.00	JUMLAH	56.77	(4.77)	(9.2)

Sumber: Cawangan Kerja Bangunan Am 2 (CKBA 2), JKR dan CFF

Nota: (*) - Amaun Perabot Tidak Termasuk Sejumlah RM417,523 yang Dibuat Tanpa Kelulusan JKR

(**) - Meliputi Lima Perunding Dalam Bidang Arkitek, Ukur Bahan, *Civil & Structure*, Elektrikal, Mekanikal dan GBI. Amaun Perunding Berdasarkan Yuran Asal Dalam Kontrak Memandangkan Akaun Muktamad Belum Dikeluarkan

(***) - Amaun Berdasarkan *As Tendered Detailed Abstract* Bertarikh 17 November 2016

b. Prestasi Kewangan Pembangunan

i. Prestasi Kewangan Pembinaan CFFRC

- Secara keseluruhannya, kos projek pembangunan CFFRC telah melebihi nilai kontrak asal sejumlah RM9.99 juta (33.3%) menjadikan kos projek setakat pada 30 April 2017 sejumlah RM40.03 juta berbanding kos asal projek RM30.04 juta. Ini disebabkan peningkatan kos bagi Fasa II - Kerja Bangunan berjumlah RM9.14 juta (36.5%) melibatkan Arahan Perubahan Kerja (APK) sejumlah RM4.20 juta dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) sejumlah RM4.94 juta. Selain itu, peningkatan kos projek juga disebabkan oleh peningkatan dalam yuran perkhidmatan perunding sejumlah RM0.97 juta (21.8%).
- Semakan selanjutnya terhadap APK mendapati secara keseluruhannya 33 APK telah dikeluarkan dengan kos tambahan sejumlah RM4.21 juta (16.4%). Analisis Audit mendapati semua APK yang dikeluarkan adalah disebabkan penambahan kuantiti dalam skop kerja asal melibatkan 13 APK dengan tambahan kos berjumlah RM2.49 juta, perubahan reka bentuk melibatkan tujuh APK berjumlah RM1.03 juta, pematuhan GBI melibatkan 12 APK berjumlah RM0.69 juta dan satu APK kerja pembersihan dengan kos RM3,120.
- Berdasarkan 52 baucar bayaran JKR, setakat pada 30 April 2017 sejumlah RM32.65 juta (82.0%) telah dibayar dan baki sejumlah RM7.17 juta masih belum dimuktamadkan.
- Butiran lanjut prestasi kewangan projek pembinaan CFFRC seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.3
PENCAPAIAN KEWANGAN PROJEK PEMBINAAN CFFRC**

KONTRAKTOR/ PERUNDING	NILAI KONTRAK (RM Juta) (A)	ARAHAN PERUBAHAN KERJA			PELARASAN HARGA KONTRAK (RM Juta) (C)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) HARGA KONTRAK (RM Juta) (D) = (B) + (C)	NILAI KONTRAK SETAKAT 30 APRIL 2017	
		BIL.	AMAUN (RM Juta) (B)	PERATUSAN BERBANDING KONTRAK (%)			RM Juta (A) + (D)	PERATUS BERBANDING HARGA KONTRAK (%)
KONTRAKTOR (Dilantik oleh JKR)								
Fasa I (Kerja Tanah) - Exquisite Sdn. Bhd.	0.58	3	0.006	1.0	(0.13)	(0.12)	0.46	(20.7)
Fasa II (Kerja Bangunan) – S.N. Akmda Holdings Sdn. Bhd.	25.01	30	*4.20	16.8	**4.94	9.14	34.15	36.5
JUMLAH	25.59	33	4.21	16.4	4.81	9.02	34.61	35.2
PERUNDING (Dilantik oleh JKR)								
Kumpulan Arkitek Sdn. Bhd. (Arkitek)	1.66	TB	TB	TB	**0.97	0.97	5.22	-
Halim Associates (Ukur Bahan)	0.56							-
Next Consult (Civil & Structure)	1.71							-
Perunding Kejuruteraan Perdana (Elektrikal & Mekanikal)	0.32							-
***EAB Consulting Engineers Sdn. Bhd. (GBI)	0.20							0.0
JUMLAH	4.45	-	-	-	0.97	0.97	5.42	21.8
JUMLAH KESELURUHAN	30.04	33	4.21	-	5.78	9.99	40.03	33.3

Sumber: Cawangan Kerja Bangunan Am 2 (CKBA 2), JKR dan CFF

Nota: TB - Tidak Berkenaan

(*) - Berdasarkan Sijil APK

(**) - Berdasarkan Lampiran Ringkasan Peruntukan Tidak Cukup Dalam Surat Rujukan (47)JKR (CKBA) 03.12/B/020/001/1 Jld.11 Bertarikh 21 Disember 2016

(***) - Pelantikan dan Bayaran Yuran Perunding EAB Consulting Engineers Sdn. Bhd. Dibuat oleh CFF

ii. Prestasi Kewangan Perolehan Peralatan Makmal

CFF telah membelanjakan sejumlah RM6.22 juta (46.1%) bagi perolehan peralatan makmal daripada keseluruhan RM13.5 juta peruntukan yang diluluskan oleh EPU. Baki selebihnya telah digunakan untuk menampung perbelanjaan di luar kelulusan EPU/skop kontrak.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

JKR telah memohon pertambahan siling kepada MOA untuk kelulusan EPU pada 7 Julai 2017. Kenaikan yuran perunding adalah disebabkan peningkatan kos projek akibat daripada permintaan tambahan end user dan penambahbaikan reka bentuk bangunan untuk keperluan GBI serta keperluan Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi mengawal bilangan APK, Surat Arahan KPKR Bil. 8 Tahun 2014 menetapkan semua projek yang melaksana Value Management (VM) perlu melaksanakan Value Engineering

(VE) sebagai intervensi peringkat kedua untuk mengoptimum reka bentuk dan mempertingkatkan fungsi dan kualiti projek serta keberkesanan kos mengikut bajet dan skop yang telah diluluskan oleh agensi pusat.

Maklum Balas CFF yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

Sebahagian besar perbelanjaan melebihi siling adalah disebabkan oleh kos pembinaan, peralatan dan perabot di Field Research Centre (FRC), jalan masuk baru dan lampu isyarat. CFF telah mengadakan pelbagai mesyuarat bersama EPU dan MOA serta agensi berkaitan dan akan meneruskannya sehingga selesai isu ini. CFF ambil maklum isu ini dan akan memastikan tiada perbelanjaan yang tidak dibenarkan berlaku pada masa akan datang.


Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 10 Oktober 2017

EPU melalui surat rujukan UPE (S) 15/100/218 Jld. 5 (2) bertarikh 28 Ogos 2017 mengambil maklum pelarasan harga kontrak yang melibatkan pertambahan kos siling berjumlah RM2.34 juta bagi skop kerja sedia ada dan mengarahkan MOA mengambil tindakan membuat pembayaran berdasarkan kos muktamad yang diperaku dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perunding JKR.

c. Prestasi Kewangan Mengurus

- i. Berdasarkan Memorandum Jemaah Menteri bertarikh 25 Jun 2010, Kerajaan Malaysia akan membiayai perbelanjaan mengurus CFFRC untuk jangka masa tujuh tahun (2011 hingga 2017) dan selepas tempoh tersebut CFFRC dijangka akan dapat membiayai operasinya sendiri (self-financing). Kos siling peruntukan mengurus yang diluluskan oleh EPU adalah sejumlah RM63 juta untuk tempoh tujuh tahun tersebut. Setakat 30 April 2017, sejumlah RM57.89 juta telah disalurkan kepada CFF dan sejumlah RM55.62 juta (96.1%) telah dibelanjakan seperti carta berikut:

**CARTA 3.1
ANALISIS PERBELANJAAN MENGURUS CFFRC
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA APRIL 2017**



Sumber: Penyata Kewangan Diaudit CFFRC


- ii. Analisis Audit mendapati antara perbelanjaan mengurus yang signifikan dari tahun 2011 hingga April 2017 adalah gaji dan elaun (salary & benefits) sejumlah RM24.86 juta (44.7%) dan perkhidmatan luaran (outside resources/services) sejumlah RM12.85 juta (23.1%).
- iii. Semakan Audit terhadap perbelanjaan gaji dan elaun mendapati antara sebab peratus perbelanjaan yang signifikan adalah kerana semua jawatan di CFF termasuk jawatan pentadbiran dan kewangan adalah bertaraf kontrak dan diperbaharui setiap tahun. Selain itu, CFF melantik *Chief Financial Officer* (CFO) yang bersifat *freelance* dan menetap di New Zealand dengan gaji sejumlah USD7,517 sebulan (lingkungan RM32,200) dengan deskripsi tugas yang khusus dan perlu membuat lawatan kerja sebanyak lima kali setahun ke Malaysia dengan perbelanjaan pengangkutan (tiket kapal terbang/sewa kenderaan), *per diems* (elaun harian) dan penginapan ditanggung sepenuhnya oleh CFF.

Maklum Balas CFF yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

Standard kontrak pekerjaan di CFFRC adalah 12 bulan untuk memberikan fleksibiliti/kelonggaran kepada CFFRC sekiranya berlaku sebarang perubahan prioriti atau pengurangan dana. CFFRC menggunakan khidmat Penasihat Kewangan kerana kepakaran dan pengalaman kerja di beberapa organisasi penyelidikan pertanian antarabangsa, Consultative Group on International Agricultural Research (CGIAR) dan menguruskan dana penderma. Beliau turut menyumbang pengalamannya dalam membangun dan mengurus pusat penyelidikan serta bekerja dengan pelabur dan rakan kongsi antarabangsa. Bagaimanapun, peranannya telah berkurangan dalam tempoh tiga tahun yang lalu dan gajinya telah dikurangkan kepada RM12,850 sebulan mulai bulan Januari 2017 dan kontraknya akan tamat pada bulan Disember 2017.

- iv. Analisis Audit selanjutnya mendapati tahap kebergantungan CFFRC terhadap peruntukan daripada Kerajaan masih tinggi iaitu 89.6% walaupun telah memasuki tahun terakhir (2017) untuk Kerajaan membiayai perbelanjaan operasi CFFRC. Setakat bulan Februari 2017, hanya sejumlah RM5.2 juta (26%) dana luar geran penyelidikan diterima berbanding sasaran tahun 2015 iaitu sejumlah RM20 juta. Ini menunjukkan CFFRC masih sukar menjana pembiayaan sendiri (self-financing) atau mendapatkan dana luar (external funding) sama ada daripada agensi tempatan atau antarabangsa. Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

CARTA 3.2
PERATUS PEMBIAYAAN KERAJAAN DAN DANA LUAR



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Maklum Balas CFF yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

Menerusi fundraising strategy, CFFRC telah mengenal pasti sumber berpotensi untuk mempelbagaikan kos sokongan untuk aktiviti penyelidikan di CFFRC bagi menghasilkan perniagaan yang berdaya tahan dan mapan. CFFRC juga aktif menjalankan strategi pengkomersialan untuk menghasilkan pendapatan daripada hasil penyelidikannya seperti kepelbagaian tanaman baru, makanan baru, makanan ternakan dan bahan api, teknologi pengeluaran baru dan produk sokongan berasaskan pengetahuan yang baru. Pengkomersialan akan diteruskan dengan rakan kongsi melalui pelesenan, royalti dan paten untuk penemuan dan IP.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan peruntukan pembangunan dan mengurus adalah tidak memuaskan kerana berlaku *cost overrun* dalam peruntukan pembangunan dan kedudukan kewangan operasi pada masa kini adalah kritikal di mana tahap kebergantungan peruntukan Kerajaan adalah masih pada tahap yang tinggi.

3.5.2. Pencapaian Objektif CFFRC

3.5.2.1. Pencapaian objektif CFFRC amat bergantung kepada aktiviti penyelidikan yang dirancang dilaksanakan di *Dome 3*, CFFRC yang berfungsi sebagai pusat penyelidikan dan latihan serta menarik pelabur dalam aktiviti penyelidikan.

3.5.2.2. Lawatan Audit pada 17 April 2017 (selepas 18 bulan CPC dikeluarkan) mendapati *Dome 3* iaitu Makmal Penyelidikan masih belum digunakan sepenuhnya. Didapati hanya satu daripada 12 bilik/makmal yang diguna bagi menjalankan penyelidikan. Ini adalah disebabkan kerja pembinaan tidak

mengikut spesifikasi *As-Built Drawing*, kecacatan pembinaan menyebabkan bilik makmal tidak mematuhi keperluan standard dan peralatan makmal tidak mencukupi di mana hanya lima daripada 57 item peralatan diperolehi setakat tarikh pengauditan pada 30 April 2017. Semakan selanjutnya mendapati CPC telah dikeluarkan pada 16 Oktober 2015 dan *Defects Liability Period* (DLP) yang berkuat kuasa mulai 16 Oktober 2015 hingga 15 Oktober 2016 telah tamat walaupun masih ada kecacatan pembinaan. Semakan lanjut terhadap Senarai Kecacatan oleh CFF mendapati sebanyak 505 kecacatan dilaporkan dan setakat 27 September 2017, sebanyak 154 kecacatan masih belum dibaiki. Perakuan *Certificate of Making Goods Defect* (CMGD) dan penyata akaun muktamad masih belum dikeluarkan oleh JKR. **Gambar 3.1** dan **3.2** menunjukkan keadaan bilik/makmal yang tidak digunakan.

GAMBAR 3.1



Dome 3, Lab 7
- Makmal Tidak Digunakan
(17.04.2017)

GAMBAR 3.2



Dome 3, Lab 4
- Makmal Tidak Digunakan
(17.04.2017)

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 10 Oktober 2017

JKR bersama perunding arkitek sedang memantau kualiti kerja pembaikan terutamanya kad akses dan kebocoran. Pada bulan Ogos 2017, enam daripada 12 makmal telah siap dan boleh digunakan untuk aktiviti penyelidikan iaitu Makmal 1 (Pemprosesan Makanan), Makmal 2 (Fisiologi Tumbuhan), Makmal 4A (Makmal Penyediaan Kimia), Makmal 8 (Teknologi Pembangunan Makanan), Makmal 8A (Makmal Penyediaan Kimia) dan Control Environment. Berkenaan 154 kecacatan yang masih belum dibaiki, JKR telah mengeluarkan surat amaran pada 2 Oktober 2017 supaya kontraktor menyiapkan kesemuanya dalam masa 14 hari.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 16 Oktober 2017

JKR telah membuat semakan senarai kecacatan dan didapati kecacatan adalah bersifat minor dan dijangka akan dapat diselesaikan pada 30 November 2017.

Pada pendapat Audit, pencapaian objektif CFFRC adalah tidak memuaskan kerana *Dome 3* tidak dapat digunakan sepenuhnya bagi tujuan penyelidikan.

3.5.3. Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI)

3.5.3.1. Berdasarkan Laporan *Value Management* (VM) pada 20 hingga 28 Januari 2011, EPU telah menetapkan enam elemen utama sebagai KPI untuk dicapai pada tahun 2015 hingga 2020. Butiran pencapaian KPI setakat bulan Februari 2017 bagi sasaran KPI tahun 2015 dan sasaran KPI tahun 2020 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.4
SASARAN DAN PENCAPAIAN KPI CFF

BIL.	KPI	SASARAN 2015	PENCAPAIAN SETAKAT FEBRUARI 2017		SASARAN 2020
			JUMLAH	%	
1.	Tumbuhan yang Dikaji Selidik	3 spesis	5 spesis	166.7	5 spesis
2.	Geran Penyelidikan Diperolehi	RM20 juta	RM5.2 juta	26.0	RM70 juta
3.	Usaha Sama Dengan Institusi Tempatan dan Antarabangsa	5 MoA	51 MoA	1,020.0	10 MoA
4.	Penyelidik/Pelajar yang Dilatih	60 orang	76 orang	126.7	100 orang
5.	Artikel Berwasit di Peringkat Jurnal Antarabangsa	*10 artikel/tahun	259 artikel	370.0	10 artikel/tahun
6.	Hasil Penyelidikan yang Berpotensi Untuk Dikomersialkan	3 produk	3 **prototaip	0.0	5 produk

Sumber: Laporan *Value Management* (VM) dan CFF

Nota: MoA - *Memorandum of Agreement*

(*) - Sasaran Sepuluh Artikel/Setahun Bagi KPI Artikel Berwasit di Peringkat Jurnal Antarabangsa Adalah Bagi Tahun 2011 Hingga 2017 iaitu Bersamaan Sasaran 70 Artikel

(**) - Prototaip Adalah Model yang Dibina Bagi Menghasilkan Sesuatu yang Dapat Dijadikan Asas Bagi Menghasilkan Model Lebih Baik/Produk Akhir (Produk Berpotensi Untuk Dikomersialkan)

3.5.3.2. Semakan Audit mendapati setakat bulan Februari 2017, dua KPI tidak mencapai sepenuhnya sasaran tahun 2015 iaitu KPI Hasil Penyelidikan Yang Berpotensi Untuk Dikomersialkan di mana hanya tiga prototaip yang dapat dihasilkan. Bagaimanapun, prototaip ini adalah hasil penyelidikan awal yang berpotensi untuk dikomersialkan sehingga pelabur berminat untuk mengusahakan prototaip tersebut secara komersial. Selain itu, KPI Geran Penyelidikan Diperolehi hanya menerima dana sejumlah RM5.2 juta (26%) berbanding sasaran tahun 2015.

Maklum Balas CFF yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

Bagi KPI Geran Penyelidikan Diperolehi, CFFRC akan menyediakan Research Programme of Work and Budget bagi tahun 2018 dalam bulan September hingga November 2017 dan akan merangkumi KPI yang sangat jelas untuk semua penyelidik. Bagi meningkatkan pencapaian KPI secara sepenuhnya menjelang tahun 2020, CFFRC memilih KPI dengan aliran secara menaik dan penetapan sasaran yang lebih rendah pada tahun 2017 iaitu RM5 juta pada tahun pertama dan seterusnya meningkat kepada RM10 juta pada tahun 2018 dan peningkatan berterusan dari tahun ke tahun sehingga 2020.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 10 Oktober 2017

CFFRC telah mencapai tiga prototaip bagi KPI Hasil Penyelidikan Yang Berpotensi Untuk Dikomersialkan iaitu tepung daripada kacang bambara, sup moringa dan moringa pes.

Pada pendapat Audit, pencapaian KPI adalah tidak memuaskan kerana dua KPI yang utama tidak mencapai sasaran tahun 2015. Selain itu, sasaran KPI tahun 2020 sukar dicapai sekiranya strategi pelaksanaannya tidak dikaji semula.

3.5.4. Pengurusan Geran Kerajaan

3.5.4.1. Pembayaran Tidak Wajar

Berdasarkan Klausula 26 *Memorandum of Association* CFFRC menetapkan “...While the Board remains the policy maker of CFFRC, the Chief Executive Officer will be the person who undertake the day-to-day management and administration of CFFRC”. Manakala, mengikut *best management practices* pembayaran bonus adalah dengan menggunakan sumber kewangan berdasarkan prestasi produktiviti yang dapat menjana keuntungan operasi.

a. Pembayaran Bonus

Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan CFF Diaudit mendapati bonus sejumlah RM0.73 juta bagi empat tahun iaitu tahun 2012, 2014 hingga 2016 telah dibayar kepada kakitangan CFF. Semakan selanjutnya mendapati bayaran bonus ini tidak memperoleh kelulusan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) tetapi hanya diperakukan oleh CEO dan ahli EXCO sahaja. Kesannya, pembayaran ini telah meningkatkan kos perbelanjaan mengurus CFF walaupun masih belum menjana produktiviti/keuntungan operasi sebagai sumber kewangan bayaran bonus.

Maklum Balas CFF yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

Pembayaran ex-gratia wajar sebagai satu Staff Retention Programme kerana pengambilan pekerja CFF adalah secara 12 bulan kontrak dan diperbaharui dari masa ke semasa mengikut kepentingan tugas dan jawatan. Purata ex-gratia yang dibayar bagi setiap pekerja adalah kecil berjumlah RM1,200 setahun untuk tahun berakhir 2012 hingga 2014 dan RM2,400 setahun untuk tahun berakhir 2015 hingga 2016.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 10 Oktober 2017

Polisi pembayaran ex-gratia yang akan datang akan dibentangkan ke mesyuarat ALP untuk disahkan dan dikemukakan kepada MOA untuk kelulusan.

Pada pendapat Audit, pembayaran bonus ini adalah tidak wajar dibayar kepada kakitangan CFF. Ini adalah kerana berdasarkan Penyata Kewangan CFF, syarikat tidak mempunyai pendapatan yang boleh diagihkan dalam bentuk bonus dan tidak diperakukan oleh ALP serta tidak mempunyai kelulusan MoF.

b. Bayaran Perunding - *Initial Research for CFFRC Botanical Garden*

CFF telah memperoleh kerja khidmat nasihat perunding bagi *Developing and Establishing Botanic Garden* dari United Kingdom iaitu Andrew Ormerod. Bagaimanapun, bukti dokumen penawaran kerja khidmat nasihat perunding tidak dapat dikemukakan oleh CFF kepada pihak Audit. Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah RM39,861 telah dibayar pada tahun 2013 bagi perkhidmatan tersebut termasuk kos perjalanan. Bagaimanapun, setakat pada 30 April 2017 *botanic garden* masih belum dilaksanakan.

Maklum Balas CFF yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

CFFRC merasakan kajian ini adalah perlu untuk menghubungkan penyelidikan CFFRC dengan kesannya kepada masyarakat tempatan. Bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan bahawa CFFRC tidak mampu melaksanakan projek itu kerana kekurangan pembiayaan.

Pada pendapat Audit, perkhidmatan perunding *botanic garden* adalah tidak wajar kerana tidak menghasilkan *outcome* (botanical garden) seperti yang disasarkan walaupun perkhidmatan telah diterima dan dibayar.

3.5.5. Pengurusan Pembinaan

3.5.5.1. Kajian Pra-Feasibiliti

Berdasarkan Pekeliling EPU Bil. 1 Tahun 2009, kajian pra-feasibiliti yang meliputi analisis bagi menentukan daya maju projek hendaklah dilakukan sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Kajian pra-feasibiliti merupakan satu mekanisme analisis secara menyeluruh berkaitan sesuatu program sama ada ia boleh berdaya saing secara lestari bagi satu jangka masa yang panjang. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan kajian pra-feasibiliti dilaksanakan terhadap projek CFFRC. Ketiadaan kajian pra-feasibiliti menyebabkan hal berkaitan dasar dan lain-lain hal seperti hak intelek penyelidikan/produk, status entiti CFF semasa dan pada masa hadapan, hala tuju/daya tahan (*going concern*) dan *Return on Investment* (ROI) sebagai implikasi kewangan Kerajaan berbanding dengan *outcome* tidak dapat ditentukan.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

MOA mengambil maklum akan teguran dan bersetuju bahawa kajian pra-feasibiliti perlu dilaksanakan sebelum sesuatu projek dipertimbangkan untuk kelulusan. Bagaimanapun, penubuhan CFF unik kerana terdapat keperluan khusus bagi penubuhannya sebagai satu pusat penyelidikan yang tiada seumpamanya di dunia dan perlu disegerakan.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 10 Oktober 2017

Dipersetujui mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dianggotai oleh MOSTI, EPU, MoF, NRE, KPT, JPA dan UNMC diadakan untuk memantau pelaksanaan CFFRC serta memperkemaskan semula keanggotaan ALP dengan penyertaan Kementerian/Agensi/Jabatan bersesuaian.

Pada pendapat Audit, perancangan pembinaan CFFRC adalah tidak memuaskan kerana kajian pra-feasibiliti tidak dilaksanakan di peringkat awal menyebabkan kesan yang dibangkitkan tidak dapat ditentukan dengan jelas sebelum Kerajaan melaksanakan program ini.

3.5.5.2. Pajakan Tanah

CFF telah memeterai dua kontrak *Tenancy Agreement* dengan Boustead Holdings Berhad (BHB) bagi 47 hektar tanah untuk tujuan penyelidikan di Balau Estate dengan nilai sewa pajakan berjumlah RM2.26 juta mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2017. Semakan Audit mendapati setakat pada 30 April 2017 tiada bukti dokumen atau tindakan diambil oleh CFF untuk melanjutkan tempoh pajakan walaupun pembangunan seperti FRC dan lain-lain infra bernilai RM6.79 juta telah dilaksanakan di atas plot tanah pajakan tersebut. Penyelidikan *in-house* CFFRC amat bergantung dengan tanaman dan infra yang telah pun dilaksanakan di atas tanah pajakan tersebut. Sekiranya BHB tidak menyambung tempoh pajakan plot tanah tersebut, maka aktiviti penyelidikan *in-house*, KPI dan *outcome* CFFRC boleh terjejas.

Maklum Balas CFF yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

Tempoh sewaan asal yang dijanjikan oleh BHB adalah 3 + 3 + 3 iaitu Fasa 1 (2011 - 2013), Fasa 2 (2014 - 2017) dan Fasa 3 (2018 - 2020). Perbincangan telah diadakan antara MOA, CFFRC dan BHB mengenai pengkalan tanah pajakan untuk jangka masa panjang. CFFRC akan berbincang dengan BHB mengenai pajakan Fasa 3 pada bulan September 2017.

Pada pendapat Audit, pengurusan pajakan tanah adalah memuaskan kecuali perancangan untuk melanjutkan tempoh pajakan bagi jangka masa yang panjang supaya nilai faedah perbelanjaan bagi pembinaan infra termasuk FRC berjumlah RM6.79 juta dapat dikekalkan.

3.5.5.3. Pelaksanaan Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan

Kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan sempurna, praktikal dan kemas supaya dapat digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan fizikal Audit pada bulan Mac dan April 2017 mendapati berlaku kerja pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi *As-Built Drawing*, kurang sempurna, penggunaan bahan binaan/*material* yang kurang bersesuaian dan reka bentuk pembinaan yang tidak selamat. Butiran lanjut seperti jadual, gambar rajah dan gambar berikut:


JADUAL 3.5
KERJA/MATERIAL KURANG BERSESUAIAN

BIL.	LOKASI	PEMERHATIAN SEMASA LAWATAN AUDIT	KOS BQ (RM)	MAKLUM BALAS JKR PADA 16 OKTOBER 2017
Kerja Pembinaan Tidak Mengikut Spesifikasi <i>As-Built Drawing</i>				
1.	Dome 3	Permukaan lantai tapak menempatkan <i>CE Chamber</i> yang sepatutnya <i>cement render</i> tetapi telah dipasang dengan <i>vinyl</i> . Ini telah mengakibatkan <i>vinyl</i> mengelupas (<i>scale off</i>) dan berkulat yang boleh menjejaskan kualiti penyelidikan.	372,660 (Lump sum)	<i>Teloh arahkan kontraktor untuk membuka semula kemasan lantai jenis vinyl.</i>
Kerja Kurang Sempurna dan Penggunaan Bahan Binaan/<i>Material</i> yang Kurang Bersesuaian				
2.	Dome 3, Reverse Osmosis Room	Pemasangan paip <i>Reverse Osmosis</i> (RO) sedia ada yang dilaksanakan oleh kontraktor utama tidak mematuhi <i>technical requirement centralized RO system</i> . Paip sedia ada dipasang secara <i>direct piping</i> (<i>one-way</i>), namun <i>centralized RO</i> memerlukan <i>looping system</i> . (Gambar Rajah 3.1)	28,494 (APK No. 4)	<i>Penambahbaikan dengan mengadakan looping akan dilaksana setelah peruntukan tambahan diluluskan oleh MOA.</i>
3.	Dome 3, Lab 7	Lokasi <i>emergency shower</i> dalam lingkungan dua kaki dari suis lampu, suis penyaman udara dan kad sistem keselamatan boleh membahayakan pengguna kepada renjatan elektrik. (Gambar 3.3)	Tiada perincian kos	<i>Suis akan diubah ke dinding sebelah sebelum akhir bulan Mac 2018.</i>
4.	Dome 3, Lab 1	Lokasi kedudukan suis dan soket <i>plug</i> yang tinggi di atas meja menyukar dan membahayakan pengguna. (Gambar 3.4)	Tiada perincian kos	<i>Dicadang mempertimbangkan penggunaan extension cord.</i>
5.	Dome 3, Lab 4	<i>Perforated Roller shutter</i> (berlubang) tidak sesuai dipasang di bilik <i>lab</i> yang dilengkapi dengan penyaman udara dan boleh menyebabkan serangga memasuki bilik tersebut. (Gambar 3.5)	1,500	<i>Roller shutter mengikut spesifikasi arkitek akan diganti setelah peruntukan tambahan diluluskan oleh MOA.</i>
6.	Dome 3, Lab 8A	<i>Water inlet</i> dan <i>outlet</i> tidak disediakan di dua bilik yang menempatkan mesin <i>autoclave</i> yang menyebabkan mesin tersebut tidak dapat digunakan. (Gambar 3.6)	Tidak berkaitan	<i>Tiada dalam keperluan asal pengguna. Namun, JKR akan menyediakannya setelah MOA luluskan peruntukan tambahan.</i>
7.	Dome 3, Lab 6	<i>Lab</i> tidak mengikut <i>standard requirement clean room class 100</i> di mana siling dan tingkap tidak kedap udara (<i>sealed</i>). (Gambar 3.7 dan 3.8)	Tiada perincian kos	<i>Tiada dalam keperluan asal pengguna. Namun, JKR akan menyediakannya setelah MOA luluskan peruntukan tambahan.</i>
8.	Dome 3, Lab 5	Tingkap tidak dipasang dengan rapi menyebabkan air hujan kerap masuk ke dalam bilik/ <i>lab</i> apabila hujan.	59,206 (Lump sum)	<i>Pembaikan telah dilaksanakan dan keberkesannya dipantau.</i>
9.	Chiller & Cooling Tower	Bahan binaan/ <i>material</i> tangga daripada jaringan besi telah berkarat boleh membahayakan pengguna.	10,000 (Lump sum)	<i>Tangga telah dicat semula.</i>
10.	Tandas	Paras lantai tandas dan lantai koridor sama boleh menyebabkan air dari tandas melimpah ke koridor yang boleh membahayakan pengguna.	Tidak berkaitan	<i>Pembetulan akan dilaksana jika diminta oleh pengguna.</i>
11.	Outsorage Building Facility	Bilik pejabat yang sepatutnya menempatkan kakitangan <i>facility management</i> tidak dapat digunakan kerana tidak dilengkapi dengan kipas atau penghawa dingin menyebabkan suasana yang tidak kondusif/selesa akibat daripada suhu panas.	187,616 (Lump sum)	<i>Fungsi ruang pejabat ini telah diubah sebagai ruang akuarium.</i>

BIL.	LOKASI	PEMERHATIAN SEMASA LAWATAN AUDIT	KOS BQ (RM)	MAKLUM BALAS JKR PADA 16 OKTOBER 2017
12.	Tangga di Koridor	Bumbung jenis kaca yang dipasang di tangga koridor telah pecah dan boleh membahayakan pengguna.	7,200	Pembaikan sedang dilaksana dan dijangka siap sebelum pada 31 Oktober 2017.
13.	<i>Flammable & Corrosive Storage Area, Dome 3</i>	Jenis lampu (fluorescent) yang tidak sesuai dipasang. Suis elektrik dipasang di dalam bilik yang mudah terdedah kepada kebakaran/reaksi kimia. Sepatutnya dipasang di luar bilik.	Tiada perincian kos	Reka bentuk yang salah dibuat oleh perunding. Namun, JKR akan membuat pembaikan setelah MOA luluskan peruntukan tambahan.
Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Selamat				
14.	<i>Dome 1 & Dome 2</i>	Susurtangan (handrail) dengan <i>wire string</i> di tingkat atas berjurang besar (large gap) iaitu 20cm dan jurang pada lantai dengan jarak 15cm boleh membahayakan kakitangan dan pelawat CFFRC. (Gambar 3.9 dan 3.10) Sebahagian <i>handrail</i> tanpa <i>wire string</i> (ruang terbuka) amat berbahaya kepada kakitangan dan pelawat CFFRC (Gambar 3.11)	20,700	Penambahbaikan akan dilaksana setelah MOA luluskan peruntukan tambahan dan dijangka siap pada 30 Mac 2018.
15.	<i>Dome 1 & Dome 2</i>	Lantai dari jenis jubin yang licin (slippery walkway) dipasang di kawasan terbuka yang terdedah kepada air hujan. Lokasi yang dipasang adalah di koridor tingkat satu (<i>Dome 1 dan Dome 2</i>) serta <i>link bridge</i> di antara semua <i>Dome</i> yang boleh mengakibatkan pengguna tergelincir sekiranya lantai tersebut basah terutamanya pada hari hujan. (Gambar 3.12)	50,600	Penambahbaikan akan dilaksana setelah MOA luluskan peruntukan tambahan dan dijangka siap pada 30 Mac 2018.

Sumber: Penemuan Audit Semasa Lawatan Fizikal dan *Bill of Quantities* (BQ) Kontrak

GAMBAR RAJAH 3.1
CENTRALIZED RO SYSTEM YANG DIPASANG TIDAK MENYELURUH
(IN AND OUT) MENYEBABKAN TIDAK DAPAT BERFUNGSI DAN TERPAKSA
MEMASANG INDIVIDUAL RO SISTEM DI SETIAP LAB



Sumber: CFF

GAMBAR 3.3



Dome 3, Lab 7

- **Emergency Shower** yang Terlalu Hampir (Jarak 2 Kaki) Dengan Suis Membahayakan Pengguna (17.04.2017)

GAMBAR 3.4



Dome 3, Lab 1

- Lokasi Kedudukan Suis dan Soket Plug yang Tinggi di Atas Meja Menyukar dan Membahayakan Pengguna (17.04.2017)

GAMBAR 3.5



Dome 3, Lab 4

- *Perforated Roller Shutter* (Berlubang) Dipasang di Bilik Lab yang Dilengkapi Penyaman Udara dan Boleh Menyebabkan Serangga Memasuki Bilik Tersebut (17.04.2017)

GAMBAR 3.6



Dome 3, Lab 8A

- *Water Inlet* dan *Outlet* Tidak Disediakan di Bilik yang Menempatkan Mesin *Autoclave* (17.04.2017)


GAMBAR 3.7




Dome 3, Lab 6

- Lab Tidak Mengikut *Standard Requirement Clean Room Class 100* di Mana Siling dan Tingkap Tidak Kedap Udara (Sealed) (17.04.2017)

GAMBAR 3.8



GAMBAR 3.9



GAMBAR 3.10



Koridor Aras 2, Dome 2

- Susur tangan (Handrail) Dengan *Wire String* di Tingkat Atas Berjurang Besar (Large Gap) iaitu 20 cm dan Jurang Pada Lantai Dengan Jarak 15 cm Boleh Membahayakan Kakitangan dan Pelawat CFFRC (17.04.2017)

GAMBAR 3.11



Link Bridge Aras 2, Antara Dome 2 dan Dome 3
- Handrail Tanpa Wire String (Ruang Terbuka)
Amat Berbahaya Kepada Pengguna
(20.03.2017)

GAMBAR 3.12



Koridor Aras 1, di Antara Dome 1 dan Dome 2
- Anti Slip Strips Dilekat Atas Lantai yang Licin oleh
CFF untuk Mengelakkan Pengguna Tergelincir
(20.03.2017)

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

Bagi kerja yang tidak mengikut spesifikasi, JKR akan merujuk kepada CFF untuk menentukan sama ada lantai di kawasan peralatan CE perlu dikekalkan dengan lantai jenis vinyl atau tidak dan mengambil tindakan seperti mana yang dikehendaki. Bagi kerja yang kurang sempurna/material yang kurang sesuai, kontraktor sedang membaiki dan dipantau oleh JKR. Selain itu, kekurangan dalam reka bentuk adalah kerana kelemahan komunikasi antara perunding arkitek, mekanikal dan elektrik mengenal pasti keperluannya semasa perubahan skop di Dome 3. Manakala, bagi membaiki reka bentuk yang tidak selamat JKR telah memohon peruntukan tambahan kepada MOA melalui surat bertarikh 2 Ogos 2017 selepas perbincangan dengan Seksyen Pengurusan Nilai, EPU pada 1 Jun 2017.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 10 Oktober 2017

Kontraktor telah membaiki lantai Flammable Storage Area dan Corrosive Storage Area kepada jenis epoxy dan telah disahkan oleh JKR pada 18 Ogos 2017. Mengenai tapak CE Chamber yang dipasang vinyl, JKR akan menyusuli untuk menanggalkan vinyl dengan kaedah yang bersesuaian.

Pada pendapat Audit, kualiti kerja pembinaan adalah tidak memuaskan kerana reka bentuk tidak ideal, praktikal dan selamat menyebabkan bangunan tidak dapat digunakan secara optimum dan menjamin keselamatan serta keselesaan kepada pengguna.

3.5.5.4. Kerja di Luar Skop

- a. EPU melalui surat bertarikh 17 Ogos 2012 meluluskan peruntukan pembangunan sejumlah RM52 juta meliputi komponen pembinaan bangunan yang bercirikan *Green Building Index* (GBI) dengan struktur kubah Glulam dan perolehan peralatan makmal. Surat kelulusan ini juga menegaskan


peruntukan ini tidak boleh digunakan bagi maksud selain daripada yang ditetapkan. Mengikut kontrak pembinaan CFFRC bertarikh 6 Jun 2013 antara skop *Bill of Quantities* (BQ) adalah *external works* - kerja menurap semula jalan masuk sedia ada dan *provisional sum* (termasuk perabot).

- b. Semakan dan lawatan fizikal Audit mendapati berlaku pembinaan di luar kelulusan EPU dan di luar skop kontrak sejumlah RM10.18 juta. Ini menyebabkan peruntukan yang dimaksudkan untuk perolehan peralatan makmal telah berkurangan (depletion) mengakibatkan peralatan makmal bagi *Dome 3* tidak diperoleh sepenuhnya. Semakan selanjutnya mendapati MOA memohon kepada JKR untuk membuat pengesahan kemunasabahan harga (verifikasi) projek FRC serta jalan masuk baru berserta lampu isyarat dan JKR melalui surat bertarikh 13 Jun 2016 berpandangan harga pembinaan tersebut adalah munasabah dan berpatutan pada waktu ia ditender. Butiran lanjut kerja di luar kelulusan EPU/skop kontrak adalah seperti berikut:

i. Skop di Luar Kelulusan EPU

CFF melalui proses perolehan secara tender telah membina *Field Research Centre* (FRC) seperti **Gambar 3.13** dan **3.14** bernilai RM5.69 juta dan lain-lain infrastruktur seperti kuarters pekerja, stor dan pagar serta perolehan peralatan makmal secara pembelian terus berjumlah RM1.10 juta di atas Lot 656, Balau Estate (tanah pajakan daripada Boustead Holdings Berhad). Kesemua pembinaan ini dibuat di luar kelulusan EPU. Selain itu, berdasarkan minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) CFFRC mendapati tiada bukti kelulusan ALP terhadap cadangan pembinaan FRC, namun kemajuan kerja pembinaannya ada dibincangkan.

GAMBAR 3.13



FRC, Lot 656, Balau Estate
- Lakaran Pelan FRC
(21.04.2017)

GAMBAR 3.14



FRC, Lot 656, Balau Estate
- Sudut Pandangan Hadapan dan Belakang FRC
(21.04.2017)

ii. Skop di Luar Kontrak Asal - Jalan Masuk Berserta Lampu Isyarat

Mengikut kontrak pembinaan CFFRC, salah satu skop kerja adalah menurap semula jalan masuk sedia ada dengan kos sejumlah RM61,545. Bagaimanapun, CFF tanpa kelulusan PP (JKR) telah melaksanakan perolehan secara rundingan terus untuk membina Jalan Masuk Baru Berserta Lampu Isyarat di jajaran lain (new entrance layout) dengan kos sejumlah RM2.57 juta termasuk kos perunding sejumlah RM0.4 juta. Semakan selanjutnya mendapati kos jalan sedia ada sejumlah RM61,545 telah dikeluarkan (omit) oleh JKR melalui pelarasan harga kontrak. **Gambar 3.15 dan 3.16** menunjukkan jalan masuk sedia ada di dalam kontrak asal dan jalan masuk baru berserta lampu isyarat.



iii. Skop di Luar Kontrak Asal - Kerja Pembekalan Peralatan Makmal, Perabot dan Rekaan Dalaman

CFF telah membuat perubahan kerja berjumlah RM0.42 juta tanpa kelulusan PP (JKR) melibatkan pembekalan peralatan makmal bernilai RM0.22 juta, perabot bernilai RM0.15 juta dan kerja rekaan dalaman bernilai RM46,622. Lawatan fizikal Audit pada bulan Februari 2017 mendapati kesemua peralatan makmal tersebut masih belum digunakan walaupun telah diterima pada tahun 2016. Ini disebabkan proses pengujian dan pentauliahan masih belum dibuat. Semakan selanjutnya mendapati setakat pada 30 April 2017, bayaran sejumlah RM0.42 juta kepada pembekal masih belum dibuat. Selain itu, didapati beberapa kerja rekaan dalaman yang dibuat adalah tidak sesuai. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 3.6
PERALATAN MAKMAL YANG TIDAK DIGUNAKAN

BIL.	PERALATAN MAKMAL	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Oven - 450 litre, Memmert UF450	1	30,000	30,000
2.	Freezer -65 deg C, 218 L, Medfrez (Model: DW GL218)	1	22,201	22,201
3.	Freezer -80 deg C, 650 litre, Medfrez (Model: DW HL668)	1	40,000	40,000

BIL.	PERALATAN MAKMAL	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
4.	Bench Top Dryer c/w 3 step controller, Protech, 300L (BS-240)	2	3,800	7,600
5.	Dish Washer Machine (BOSCH: SMS50E82EU) & Installation	2	8,000	16,000
6.	Autoclave, 50L, Hirayama: HVE 50	3	24,000	72,000
7.	Ice Maker (Hoshizaki: FM150KE) & Installation	2	8,000	16,000
8.	Gasman Portable Gas Detector (O2), Crowson GSR-O2-EA-Z	1	2,000	2,000
9.	DOSH & DOE submission & approval	1	15,000	15,000
JUMLAH				220,801

Sumber: Penemuan Audit Semasa Lawatan Fizikal, Cawangan Kerja Bangunan Am 2 (CKBA 2), JKR dan CFF

JADUAL 3.7
KERJA REKAAN DALAMAN YANG TIDAK SESUAI

BIL.	PERIHAL KERJA	SEBAB PERUBAHAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	NILAI KERJA (RM)	LOKASI	PENEMUAN AUDIT
1.	<i>Stainless steel lab sink overall size: D914 x D500mm</i>	<i>SUS sink come with soil trap & mixer/RO tap</i>	5	3,100	15,500	Lab 1 & Lab 2	<i>Soil trap</i> tidak dapat dikeluarkan bagi kerja penyenggaraan menyebabkan air kotor melimpah apabila tanah memenuhi <i>soil trap basin</i> tersebut. (Gambar 3.17)
2.	<i>Stainless steel lab sink overall size: D1314 x D500mm</i>	<i>SUS sink come with soil trap & mixer tap</i>	1	3,500	3,500	Lab 2	<i>Soil trap</i> tidak dapat dikeluarkan bagi kerja penyenggaraan menyebabkan air kotor melimpah apabila tanah memenuhi <i>soil trap basin</i> tersebut.
3.	<i>Sliding door complete with black curtain and rail</i>	<i>Replace ABS Revolving Door</i>	1	9,000	9,000	Lab 9 (Dark Room)	Kerja yang sepatutnya dibuat adalah pemasangan <i>sliding door</i> . Namun, kerja yang dilaksanakan hanya menambah laluan masuk ke bilik dengan <i>curtain</i> walaupun bilik telah dilengkapi pintu yang boleh ditutup. (Gambar 3.18)
4.	<i>To supply and install black curtain inclusive of curtain bracket</i>	<i>Additional item to replace ABS Revolving Door</i>	1	5,600	5,600	Lab 3 (Dark Room)	Harga pembekalan dan pemasangan <i>curtain</i> yang mahal. (Gambar 3.19)
5.	<i>Dish Washer Machine (BOSCH: SMS50E82EU) and installation</i>	Keperluan tambahan makmal untuk pembersihan peralatan makmal	2	3,800	7,600	Lab 8a	<i>Dish washer</i> tidak dapat ditempatkan di ruangan yang sepatutnya kerana ukuran kabinet yang rendah. (Gambar 3.20)
6.	<i>Gasman Portable Gas Detector (O2): Crowson GSR-O2-EA-Z</i>	Keperluan tambahan untuk mengukur paras gas O2	1	2,000	2,000	Dengan pegawai CFFRC	Menurut pihak CFFRC, alat tersebut sepatutnya jenis yang boleh dipasang secara tetap dan bukannya <i>portable</i> .


Sumber: Penemuan Audit Semasa Lawatan Fizikal, Cawangan Kerja Bangunan Am 2 (CKBA 2), JKR dan CFF

GAMBAR 3.17




Dome 3, Lab 1
- *Soil Trap* Tidak Dapat Dikeluarkan bagi Kerja Penyenggaraan Menyebabkan Air Kotor Melimpah Apabila Tanah Memenuhi *Soil Trap Basin* Tersebut (22.02.2017)

GAMBAR 3.18




Dome 3, Lab 9 (Dark Room)
- Tambahan Laluan dengan *Curtain* Dibuat Walaupun Bilik Telah Dilengkapi Pintu (22.02.2017)

GAMBAR 3.19



Dome 3, Lab 3 (Dark Room)
- Kos Pemasangan *Curtain* yang Mahal iaitu RM5,600 (22.02.2017)

GAMBAR 3.20



Dome 3, Lab 8A
- *Dish Washer* Tidak Dapat Ditempatkan di Ruangan yang Sepatutnya kerana Ukuran Kabinet yang Rendah (22.02.2017)

Maklum Balas CFF yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

FRC - Penubuhan FRC merupakan keperluan penting bagi CFFRC untuk menjalankan kajian penyelidikan lapangan/ladang. Kajian seperti ini juga memerlukan peralatan asas saintifik untuk membolehkan para penyelidik mengumpul dan menganalisis data dari ladang.

Jalan Masuk Baru - Pembinaan jalan masuk dan lampu isyarat baru adalah untuk memastikan lalu lintas yang lancar dan yang lebih penting adalah untuk memastikan keselamatan pengguna yang masuk dan keluar daripada CFFRC.

Perabot - CFFRC mengubah senarai peralatan untuk memenuhi keperluan makmal. Dalam perkembangan terkini, MOA telah mencadangkan agar CFFRC memohon kelulusan daripada Ahli Lembaga Pengarah untuk membuat pembayaran secara terus kepada pembekal. Untuk makluman, Quantity Surveyor (QS) telah mengesahkan skop kerja dan terdapat pengurangan kos dari RM417,523 kepada RM383,223.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

Jalan Masuk – Reka bentuk asal Jalan Masuk adalah reka bentuk yang telah disemak dan diluluskan di dalam Kelulusan Kebenaran Merancang oleh MPKj. Namun pihak CFFRC memerlukan Jalan Masuk Beserta Lampu Isyarat dengan justifikasi kompleks CFFRC adalah bersifat antarabangsa.

Pada pendapat Audit, perancangan kerja adalah tidak memuaskan kerana berlaku pelaksanaan kerja di luar skop dan ianya tidak mendapat kelulusan MoF. Kerja di luar skop ini sepatutnya boleh dielakkan jika perancangan yang teliti dibuat di peringkat awal.

3.5.5.5. Green Building Index (GBI)

Penarafan indeks GBI *Platinum* diaspirasikan dalam Mesyuarat Memuktamadkan Brif Projek RMK-10: Cadangan Pembinaan CFFRC bertarikh 23 Disember 2011. Dengan itu, EPU dalam surat bertarikh 8 Jun 2012 meluluskan peruntukan tambahan sejumlah RM6 juta bagi pelaksanaan GBI dan struktur kubah *glued-laminated timber* (Glulam). Semakan Audit mendapati:

a. Perunding GBI Lewat Dilantik

CFF telah melantik EAB Consulting Engineers Sdn. Bhd. sebagai perunding GBI pada 1 Oktober 2013 dengan fi profesional berjumlah RM200,000 selepas kontrak pembinaan CFFRC dimeterai pada 6 Jun 2013 dan kemajuan projek mencapai 10%. Ini adalah kerana pada peringkat awal, kerja perunding dilaksanakan oleh Cawangan Alam Sekitar dan Tenaga, JKR. Namun, Perunding Kumpulan Arkitek dalam surat bertarikh 14 Mei 2013 telah mencadangkan agar perunding khas GBI dilantik bagi menjalankan kerja di bawah skop penarafan hijau kerana ia merupakan skop kerja yang khusus. Kelewatan pelantikan perunding GBI telah menyebabkan JKR mengeluarkan 12 APK dengan kos tambahan berjumlah RM0.69 juta.

b. Sasaran Indeks/Rating GBI Tidak Dicapai

- i. Penilaian terhadap pematuhan GBI di Malaysia dikeluarkan oleh Greenbuildingindex Sdn. Bhd. (GSB) melalui penilaian *Green Building Index Accreditation Panel* (GBIAP). Indeks/rating GBI diklasifikasikan mengikut empat tahap pencapaian seperti jadual berikut:

JADUAL 3.8
KLASIFIKASI GBI

SKOR	INDEKS/RATING GBI
86 hingga 100	<i>Platinum</i>
76 hingga 85	<i>Gold</i>
66 hingga 75	<i>Silver</i>
50 hingga 65	<i>Certified</i>

Sumber: GBI Sdn. Bhd.

- ii. Semakan Audit mendapati CFFRC gagal mencapai sasaran/aspirasi indeks/*rating* GBI bertaraf *Platinum* kerana pematuhan *Design Assessment* (DA) oleh GSB pada 1 September 2015 hanya mencapai skor 69. Manakala, *Completion and Verification Assessment* (CVA) secara simulasi oleh EAB Consulting Engineers pada 16 Februari 2017 hanya mencapai skor 41 iaitu langsung tidak mematuhi GBI walaupun 12 APK dikeluarkan dengan kos tambahan projek berjumlah RM0.69 juta. Kegagalan mencapai GBI bertaraf *Platinum* adalah kerana terdapat sistem yang masih belum berfungsi sepenuhnya antaranya *Building Automation System* (BAS), *Auto Sensor With Daylighting for All Perimeter Zones* dan *Water Leak Detection System*. Selain itu, mengikut CFF, kekangan peruntukan untuk membina prasarana/infra bagi mencapai GBI *Platinum* seperti *Renewable Energy*, *Air Change Effectiveness*, *Rain Water Harvesting*, *Solar Panel*, *Water Recycling* dan *Water Efficient – Irrigation/landscaping* juga menjejaskan pencapaian sasaran.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

JKR mengambil maklum kelewatan pelantikan perunding GBI. Disebabkan itu, CFF melantik sendiri perunding GBI iaitu EAB Consulting Engineers.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 10 Oktober 2017

Tempoh penambahbaikan kecacatan dijangka dapat diselesaikan pada 31 Mac 2018.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan GBI adalah tidak memuaskan kerana kelewatan dalam pelantikan perunding telah menyebabkan kos projek meningkat dan skor GBI masih tidak mencapai sasaran.

3.5.6. Pentadbiran Kontrak

3.5.6.1. Bayaran Perkhidmatan Perunding Sebelum Surat Setuju Terima/ Kontrak Ditandatangani

- a. Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 (Pindaan Kedua), perenggan 18.1.2 menetapkan pembayaran kepada firma perunding sebelum kontrak ditandatangani adalah tidak dibenarkan. Manakala perenggan 18.1.3 menetapkan sebaik sahaja Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan, kontrak Perolehan Perkhidmatan Perunding hendaklah ditandatangani dengan segera sebelum bayaran kemajuan kerja yang pertama.

- b. Semakan Audit mendapati tiga perkhidmatan perunding telah dibayar sejumlah RM315,099 sebelum SST dikeluarkan dan sebelum kontrak ditandatangani. Semakan selanjutnya terhadap Minit Mesyuarat ALP bertarikh 25 Mei 2012 Perenggan 5.2.1, ALP dimaklumkan Surat Niat (Letter of Invitation) telah dikeluarkan oleh JKR dan dengan itu ALP telah bersetuju untuk membayar 10% bayaran kemajuan interim bagi kerja yang telah dilaksanakan sejak bulan Januari 2011. Perkiraan tempoh masa antara bayaran pertama dengan kontrak yang ditandatangani kemudiannya adalah antara 118 hingga 525 hari. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 3.9
BAYARAN SEBELUM KONTRAK PERKHIDMATAN PERUNDING DITANDATANGANI

BIDANG/ PERUNDING	TARIKH SURAT NIAT	TARIKH SST	TARIKH KONTRAK	BAYARAN		TEMPOH ANTARA BAYARAN DENGAN KONTRAK (Hari)
				TARIKH	AMAUN (RM)	
Arkitek / Kumpulan Arkitek Sdn. Bhd.	22.03.2012	10.09.2012	12.12.2012	06.06.2012	134,347.32	190
Ukur Bahan / Halim Associates Sdn. Bhd.	19.04.2012	07.11.2012	18.11.2013	12.06.2012	37,047.42	525
				24.07.2013	100,709.76	118
Kujuruteraan Awam & Sivil / Next Consult Sdn. Bhd.	30.05.2012	28.12.2012	29.04.2013	15.06.2012	42,994.66	319

Sumber: Cawangan Kerja Bangunan Am 2 (CKBA 2), JKR dan CFF

Maklum Balas CFF yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

Disebabkan kelewatan mendapatkan tandatangan kontrak, perunding dikehendaki meneruskan kerja pembinaan tanpa menerima bayaran dan CFF terpaksa mempertimbangkan membuat bayaran pendahuluan untuk memastikan kerja pembinaan berjaya diselesaikan.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

JKR maklum bayaran yang dibuat oleh CFF kepada tiga perunding. Sehubungan itu, JKR telah membuat pelarasan semasa bayaran kali pertama oleh JKR dengan menolak bayaran yang telah dibuat oleh CFF.

3.5.6.2. Perolehan Rundingan Terus Tanpa Kelulusan Kementerian Kewangan (MoF)

Surat Perbendaharaan - Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus bertarikh 17 April 2002 menetapkan perolehan yang dilaksanakan tanpa tender, umpamanya perolehan secara rundingan terus, hanya boleh dibuat setelah diluluskan oleh MoF. Berdasarkan surat MoF bertarikh 4 Oktober 2012 menetapkan CFFRC hendaklah menggunakan dan patuh kepada semua peraturan kewangan Kerajaan dalam membelanjakan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan. Semakan Audit mendapati:

- a. perolehan secara rundingan terus tanpa kelulusan MoF (pengecualian tatacara perolehan secara tender) bagi skop kerja *glued-laminated timber* (Glulam) di bawah Wang Peruntukan Sementara sejumlah RM9.3 juta. Kerja Glulam telah dilaksanakan oleh Woodfield Timber Industries Sdn. Bhd. melalui *Deed of Assignment* dengan kontraktor utama iaitu S.N. Akmida Holdings Sdn. Bhd.. Semakan selanjutnya mendapati pengecualian perolehan ini hanya diberikan oleh KPKR, JKR pada 4 Oktober 2013; dan
- b. perolehan peralatan makmal berjumlah RM6.22 juta dibuat oleh CFF secara rundingan terus dengan syarikat Interscience Sdn. Bhd. yang merupakan pembekal tunggal di Malaysia untuk peralatan makmal berjenama *Conviron* pada 23 Mei 2014 tanpa kelulusan MoF.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 29 Ogos 2017 dan 16 Oktober 2017

JKR mengambil maklum penemuan audit dan akan merujuk kepada MoF untuk pandangan dan ulasan mengenai perolehan Glulam.

Kerja Glulam yang merupakan kerja di bawah Wang Peruntukan Sementara dibuat berdasarkan Garis Panduan Surat Arahan KPKR Bil. 11/2012 bertarikh 26 April 2012.

Maklum Balas CFF yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

Pembelian ini tidak dirujuk kepada MoF kerana CFF berpendapat pembelian ini adalah sebahagian daripada peruntukan RM13.5 juta yang diluluskan untuk pembelian peralatan.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 10 Oktober 2017

CFF akan memastikan rundingan terus pada masa akan datang diangkat kepada MoF dan mendapat perakuan ALP.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak adalah tidak memuaskan kerana berlaku bayaran sebelum SST dan sebelum kontrak ditandatangani serta JKR dan CFF telah melaksanakan perolehan Glulam bernilai RM9.3 juta dan peralatan makmal bernilai RM6.22 juta secara rundingan terus tanpa kelulusan MoF.

3.5.7. Perolehan Peralatan Makmal

3.5.7.1. Perolehan Peralatan Makmal Tidak Dibuat Sepenuhnya

- a. Berdasarkan Laporan VM, senarai peralatan makmal bagi tujuan penyelidikan terdiri daripada sepuluh kategori peralatan yang merangkumi 57 item dengan anggaran nilai RM18.74 juta. Bagaimanapun, EPU telah meluluskan peruntukan sejumlah RM13.5 juta yang kemudiannya telah disalurkan sepenuhnya oleh MOA pada tahun 2011, 2012 dan 2013 kepada CFF khusus bagi perolehan peralatan makmal. Semakan Audit setakat pada 30 April 2017 mendapati CFF hanya membuat perolehan bagi satu kategori peralatan sahaja iaitu CE *Chamber* yang merangkumi lima item dengan nilai RM6.22 juta. Semakan selanjutnya mendapati CFF telah menggunakan sebahagian peruntukan peralatan makmal tersebut dan peruntukan operasi CFF berjumlah RM9.76 juta untuk menampung kos pembinaan FRC dan jalan masuk baru berserta lampu isyarat.
- b. Kelewatan perolehan peralatan boleh menyebabkan peralatan penyelidikan tidak diuji dengan kemudahan bangunan dalam tempoh DLP iaitu 16 Oktober 2015 hingga 15 Oktober 2016. Selain itu, ia telah menjejaskan objektif CFFRC dalam penyelidikan kerana 11 daripada 12 bilik/makmal di *Dome 3* masih tidak dapat digunakan sepenuhnya. Kekurangan peralatan makmal juga telah menjejaskan hasil pendapatan CFF melalui perkhidmatan penyelidikan yang terbatas yang seterusnya melemahkan keupayaan promosi untuk menarik pelabur. Kategori item peralatan yang diluluskan dalam Laporan VM dan status perolehannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.10
PERALATAN MAKMAL MENGIKUT LAPORAN VM DAN STATUS PEROLEHAN

BIL.	KATEGORI PERALATAN MAKMAL	BILANGAN ITEM	JUMLAH AMAUN (RM Juta)	PEROLEHAN DIBUAT [YA (✓) / TIDAK (X)]
1.	<i>Cultivation Equipment</i>	11	0.84	X
2.	<i>Controlled - Environment Polytunnels</i>	3	4.58	X
3.	<i>Propagation - Plant Nursery</i>	1	0.40	X
4.	<i>Crop Research Equipment</i>	21	1.71	X
5.	<i>Meteorological Equipment</i>	4	0.43	X
6.	<i>Plant Analysis Equipment</i>	7	1.10	X
7.	<i>Soil Analysis</i>	2	0.16	X
8.	<i>Control - Environment and Ancillary Plant Facilities</i>	5	5.82	✓ (Diterima: 10.07.2015)
9.	<i>Storage</i>	2	1.20	X
10.	<i>Experimental Plots</i>	1	2.50	X
JUMLAH		57	18.74	

Sumber: Laporan *Value Management (VM)*

Maklum Balas CFF yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

CFF akan mengadakan mesyuarat dengan MOA untuk mengkaji semula keperluan peralatan dan perancangan untuk melengkapkan kemudahan makmal secara beransur-ansur untuk kegunaan penyelidikan.

Pada pendapat Audit, perolehan peralatan makmal adalah tidak memuaskan kerana ia tidak dibuat perolehan secara menyeluruh bagi memastikan aktiviti penyelidikan sebagai teras perkhidmatan CFFRC dapat dilaksanakan sepertimana yang dirancang.

3.5.8. Pemantauan

Pemantauan pembinaan CFFRC secara amnya dilaksanakan melalui tiga kaedah iaitu Mesyuarat Tapak, Laporan Mingguan dan Buku Harian Tapak (Site Diary). Bagaimanapun, hal-hal berkaitan pembinaan CFFRC juga ada dibincangkan dalam Mesyuarat ALP CFFRC. Mengikut Minit Mesyuarat Tapak Bina Bil. 1/2012 bertarikh 19 September 2012 yang dipengerusikan oleh PP (JKR) telah diputuskan supaya mesyuarat tapak diadakan sebulan sekali. Semakan Audit mendapati:

3.5.8.1. secara keseluruhannya 23 mesyuarat tapak bina telah diadakan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015. Bagaimanapun, didapati mesyuarat tidak diadakan setiap bulan. Analisis selang masa (interval period) antara mesyuarat mendapati 12 mesyuarat diadakan melebihi tempoh sebulan iaitu antara 34 hingga 66 hari. Selain itu, mesyuarat Bil. 18/2015 dan Bil. 19/2015 diadakan pada hari yang sama iaitu 31 Mac 2015 pada pukul 9.30 pagi dan 2.30 petang;

3.5.8.2. kehadiran wakil MOA dalam mesyuarat tapak bina adalah enam kali sahaja, MARDI 11 kali dan CFF 19 kali. Selain itu, semakan Audit tidak dapat dibuat terhadap Buku Harian Tapak dan Laporan Bulanan kerana tidak dikemukakan sepanjang tempoh pengauditan; dan

3.5.8.3. pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada ALP dimaklumkan mengenai pembinaan FRC dan jalan masuk baru dilaksana di luar kelulusan EPU dan skop asal kontrak.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

JKR pada masa hadapan akan memastikan kekerapan dan kehadiran semua stakeholder dalam setiap mesyuarat dipatuhi bagi meningkatkan tahap pemantauan dari awal hingga akhir pelaksanaan projek. JKR mendapati Buku Harian Tapak dan Laporan Bulanan telah hilang semasa proses perpindahan pejabat.

Maklum Balas MOA yang Diterima Pada 29 Ogos 2017

MOA akan mengambil tindakan penambahbaikan bersesuaian antaranya:

- i. menggerakkan Jawatankuasa Pemandu CFFRC sebagaimana dihasratkan dalam Memorandum Jemaah Menteri (MJM);*
- ii. memperkemaskan semula keanggotan ALP dengan penyertaan Kementerian/Agensi/Jabatan yang bersesuaian; dan*
- iii. menyarankan supaya ALP dan pengurusan CFFRC menyertai kursus bagi mempertingkatkan kefahaman dan profesionalisme mereka.*

Pada pendapat Audit, pemantauan projek CFFRC adalah tidak memuaskan kerana mesyuarat tidak dibuat secara berkala. Tindakan sewajarnya tidak dapat diambil dengan segera untuk memastikan pelaksanaan kerja pembinaan dapat dibuat secara teratur dan sempurna.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif CFFRC dicapai dan perkara yang dibangkitkan tidak berulang adalah disyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara berikut:

3.6.1. MOA hendaklah menubuhkan jawatankuasa melibatkan MARDI, CFF dan ALP CFFRC untuk mengkaji hala tuju, proses kerja penyelidikan, operasi program dan pemantauan projek CFFRC bagi memastikan objektif dan KPI program tercapai;

3.6.2. CFF hendaklah berbincang dengan MoF, EPU dan MOA mengenai perbelanjaan melebihi siling yang diluluskan, perbelanjaan tidak wajar, kerja-kerja di luar kelulusan EPU dan skop kontrak dan ketidakpatuhan tatacara perolehan dan pastikan ia tidak berulang pada masa hadapan;

3.6.3. CFF hendaklah mengkaji mekanisme untuk meningkatkan dana luar atau lain-lain usaha bagi meningkatkan peruntukan operasinya dengan segera bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan CFFRC; dan

3.6.4. JKR hendaklah memastikan kelemahan dalam kerja, kualiti dan reka bentuk pembinaan diambil tindakan pembaikan segera.

4. PROJEK TALIAN GRID DI BAWAH PROGRAM BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR DI NEGERI SABAH

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Penyediaan kemudahan bekalan elektrik luar bandar merupakan salah satu tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang dilaksanakan melalui Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB). Program BELB bertujuan untuk menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi, terjamin dan berdaya harap (reliability) ke rumah-rumah yang berada di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Kawasan tersebut meliputi pedalaman Negeri Sabah dan Sarawak, perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, perkampungan di pulau-pulau serta penempatan di estet-estet kecil (di bawah 1,000 ekar). Pelaksanaan Program BELB diperincikan melalui projek BELB yang dirancang dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun (Rancangan Malaysia).

4.1.2. Program BELB di Negeri Sabah dirancang dan dilaksanakan melalui tiga kaedah seperti berikut:

- i. penyambungan talian grid yang melibatkan kerja membekal, memasang, menguji dan mentauliahkan dari punca-punca bekalan Pihak Berkuasa Elektrik Negeri iaitu Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) sehingga penyambungan talian perkhidmatan ke rumah;
- ii. kaedah alternatif seperti set generator dan solar hibrid yang digunakan di kawasan pedalaman yang tidak ekonomik untuk disambung menggunakan talian grid; atau
- iii. kaedah pembinaan talian penghantaran 132kV yang menghubungkan Pencawang Masuk Utama (PMU) sedia ada ke PMU baharu dan talian khas grid untuk meningkatkan kapasiti bekalan elektrik di kawasan tersebut.

4.1.3. Projek BELB Negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang telah/sedang dilaksanakan setakat akhir tahun 2016 terdiri daripada 24 projek talian grid, enam projek solar hibrid dan tiga projek talian penghantaran 132kV. Nilai keseluruhan kontrak bagi 33 projek BELB tersebut adalah berjumlah RM2.196 bilion seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.1
PROJEK BELB YANG TELAH/SEDANG
DILAKSANAKAN DI NEGERI SABAH SETAKAT AKHIR TAHUN 2016**

BIL.	PROJEK	BIL. PROJEK	NILAI PROJEK (RM Juta)
1.	Talian Grid	24	1,329.18
2.	Solar Hibrid	6	486.19
3.	Talian Penghantaran 132kV	3	380.83
JUMLAH		33	2,196.20

Sumber: Rekod KKLW

4.1.4. Pemilihan kampung untuk pelaksanaan projek BELB adalah berdasarkan senarai permohonan yang diterima daripada pelbagai pihak termasuk wakil rakyat, SESB, kementerian/jabatan Negeri Sabah, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan orang perseorangan. Mengikut rekod KKLW, sebanyak 637 kampung melibatkan 29,778 buah rumah di 22 daripada 25 daerah dan dua daripada 11 daerah kecil di Negeri Sabah telah dikenal pasti untuk menerima manfaat bekalan elektrik melalui 33 projek bekalan elektrik yang telah/sedang dilaksanakan. Daerah dan daerah kecil yang akan mendapat manfaat projek BELB di bawah RMKe-10 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.2
DAERAH DAN DAERAH KECIL YANG AKAN MENDAPAT
MANFAAT PROJEK BELB DI BAWAH RMKe-10**

BIL.	DAERAH/DAERAH KECIL	BIL. KAMPUNG	BIL. RUMAH
DAERAH			
1.	Beluran	62	5,644
2.	Lahad Datu	44	3,967
3.	Ranau	54	2,605
4.	Nabawan	31	1,660
5.	Semporna	46	1,630
6.	Keningau	38	1,578
7.	Tuaran	51	1,482
8.	Pitas	44	1,462
9.	Tawau	27	1,359
10.	Kudat	29	1,271
11.	Sandakan	4	988
12.	Kota Marudu	29	971
13.	Sipitang	21	806
14.	Kota Belud	28	794
15.	Beaufort	24	586
16.	Tenom	23	554
17.	Papar	19	473
18.	Penampang	16	284
19.	Tambunan	8	262
20.	Kunak	4	195
21.	Kinabatangan	4	172
22.	Kota Kinabalu	4	65
DAERAH KECIL			
1.	Sook/Pensiangan	23	530
2.	Telupid	4	440
JUMLAH		637	29,778

Sumber: Rekod KKLW

4.1.5. Projek BELB di Negeri Sabah adalah di bawah tanggungjawab KKLW selaku Agensi Pelaksana dan pelaksanaannya adalah secara reka dan bina. Perunding akan dilantik oleh kontraktor utama untuk menyediakan reka bentuk dan memantau pelaksanaan projek. Sebagai Agensi Pelaksana, semua kontrak BELB yang dimeterai menetapkan Ketua Setiausaha KKLW sebagai *Project Director* yang perlu memantau kontrak/projek.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek talian grid di bawah Program BELB telah dilaksanakan secara cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

4.3.1. Pengauditan menumpukan kepada projek talian grid sahaja meliputi lima bidang utama (key area) iaitu prestasi projek, pelaksanaan projek, pentadbiran kontrak, kajian keberkesanan dan pemantauan projek. Penyemakan dokumen telah dijalankan di Ibu Pejabat KKLW, Putrajaya, Pejabat KKLW Negeri (PKN) dan pejabat SESB bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Skop pengauditan juga meliputi tahun-tahun sebelumnya sekiranya projek yang dilaksanakan dalam tahun 2014 dan 2015 merupakan projek sambungan tahun-tahun sebelumnya. Pengauditan terperinci dijalankan terhadap lapan projek talian grid (33.3%) bernilai RM429.76 juta (32.3%) daripada keseluruhan 24 projek talian grid yang bernilai RM1,329.18 juta. Senarai dan nilai kontrak yang dipilih sebagai sampel Audit adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.3
SENARAI DAN NILAI KONTRAK YANG DIPILIH SEBAGAI SAMPEL AUDIT

BIL.	PROJEK TALIAN GRID	KONTRAKTOR	NILAI PROJEK (RM Juta)
1.	Zon 4 Tahun 2011 – 2012	Ternama Tabah Sdn. Bhd.	55.86
2.	Zon 5 Tahun 2011 – 2012	Bumi Handal Sdn. Bhd.	45.21
3.	Zon 3 Tahun 2012 – 2013	L & L ME Construction Sdn. Bhd.	49.71
4.	Zon 4 Tahun 2012 – 2013	MVA Engineering Sdn. Bhd.	47.62
5.	Zon 1 Tahun 2013 – 2014	Emas Ramai Sdn. Bhd.	72.62
6.	Zon 4 Tahun 2013 – 2014	Usaha Serimas Sdn. Bhd.	53.12
7.	Zon 5 Tahun 2013 – 2014	Leadshine Sdn. Bhd.	53.81
8.	Zon 3 Tahun 2014 – 2015	LLP Electrical Engineering Sdn. Bhd.	51.81
JUMLAH			429.76

Sumber: Rekod KKLW

4.3.2. Selain itu, lawatan fizikal dan pemeriksaan Audit telah dijalankan terhadap Pencawang Pembahagi Utama, Pencawang Penurun dan Pencawang Elektrik yang dibina meliputi 30 kampung di sembilan daerah/daerah kecil iaitu Pensiangan, Tongod, Pitas, Kota Marudu, Tenom, Keningau, Beaufort, Tuaran dan Kota Belud. Pemeriksaan dan analisis juga dijalankan untuk menilai manfaat kemudahan

bekalan elektrik kepada golongan sasaran. Bagaimanapun, skop pengauditan ini tidak meliputi proses pelantikan perunding dan kontraktor.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen seperti kontrak, minit mesyuarat, laporan kemajuan kerja, tuntutan bayaran dan fail yang berkaitan. Lawatan fizikal Audit ke tapak projek bersama dengan pihak KKLW, PKN, SESB, kontraktor dan perunding telah dijalankan untuk menilai prestasi kemajuan projek dan mengukur kepatuhan terhadap spesifikasi yang ditetapkan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai KKLW, PKN, SESB, kontraktor dan perunding juga diadakan bagi mendapatkan penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan. Selain itu, pihak Audit telah mengedarkan dan menganalisis soal selidik daripada kumpulan sasaran (pengguna) untuk mendapatkan maklumat berkaitan status penyambungan bekalan elektrik dan tahap kepuasan mengenai kemudahan bekalan elektrik yang diterima.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2017 di KKLW dan lawatan ke 30 kampung serta empat Pencawang Pembahagi Utama dan Pencawang Penurun mendapati secara keseluruhannya prestasi projek talian grid di bawah Program BELB bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan dalam pelaksanaan projek talian grid adalah seperti berikut:

- i. satu daripada lapan projek telah melampaui tarikh siap yang dibenarkan sehingga melebihi dua tahun dan dikenakan *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) yang dianggarkan berjumlah RM1.56 juta setakat 30 Jun 2017;
- ii. empat projek talian grid untuk penyambungan bekalan elektrik ke 2,332 buah rumah (33.8%) daripada 6,891 buah rumah yang disasarkan belum/lewat dimanfaatkan oleh penduduk antara satu tahun lapan bulan hingga tiga tahun lapan bulan setakat 30 Jun 2017;
- iii. penyambungan talian perkhidmatan elektrik hanya dibuat ke lapan buah rumah berbanding 40 buah rumah mengikut kontrak;
- iv. pemasangan talian perkhidmatan elektrik telah dibuat kepada 60 (17.5%) buah rumah yang belum siap/tidak berpenghuni daripada 343 buah rumah yang dilawati; dan
- v. pemantauan terhadap pelaksanaan projek talian grid di Negeri Sabah adalah tidak memuaskan kerana kekangan sumber manusia di KKLW telah menyebabkan kebergantungan sepenuhnya terhadap pemantauan yang dilaksanakan oleh perunding dilantik.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KKLW telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 21 September 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

4.5.1. Prestasi Projek

4.5.1.1. Prestasi Kewangan

- a. Pelaksanaan projek BELB di Negeri Sabah dan tuntutan bayaran kemajuan projek akan dibiayai melalui peruntukan pembangunan daripada KKLW. Sejumlah RM1.461 bilion telah diperuntukkan untuk tempoh tahun 2014 hingga 2016. Peruntukan tersebut kemudiannya telah dipinda kepada RM1.006 bilion.
- b. Semakan Audit mendapati keseluruhan peruntukan (100%) yang dipinda telah dibelanjakan setakat akhir tahun 2016 seperti dalam jadual berikut:

JADUAL 4.4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM BELB
DI NEGERI SABAH BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	PERUNTUKAN ASAL (RM Juta)	PERUNTUKAN SELEPAS DIPINDA (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2014	404.21	374.21	374.21	100
2015	578.45	282.15	282.15	100
2016	478.00	350.00	350.00	100
JUMLAH	1,460.66	1,006.36	1,006.36	100

Sumber: Rekod KKLW

- c. Berdasarkan semakan Audit terhadap lapan projek talian grid yang dipilih sebagai sampel Audit, nilai keseluruhan kontrak bagi lapan projek tersebut berjumlah RM429.76 juta. Setakat 31 Disember 2016, perbelanjaan sebenar yang telah dibayar kepada kontraktor berjumlah RM410.70 juta. Analisis Audit mendapati peratus perbelanjaan sebenar adalah antara 93.4% hingga 100% dan jumlah pembayaran adalah selari dengan kemajuan kerja dan nilai kontrak. Perbelanjaan sebenar setakat akhir tahun 2016 bagi lapan projek talian grid yang diaudit adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.5
PERBELANJAAN SEBENAR
LAPAN PROJEK TALIAN GRID SETAKAT AKHIR TAHUN 2016

BIL.	PROJEK TALIAN GRID	NILAI PROJEK (RM Juta)	PERBELANJAAN SETAKAT AKHIR TAHUN 2016	
			(RM Juta)	(%)
1.	Zon 4 Tahun 2011 – 2012	55.86	54.29	97.2
2.	Zon 5 Tahun 2011 – 2012	45.21	43.10	95.3
3.	Zon 3 Tahun 2012 – 2013	49.71	47.15	94.9
4.	Zon 4 Tahun 2012 – 2013	47.62	44.80	94.1
5.	Zon 1 Tahun 2013 – 2014	72.62	68.87	94.8
6.	Zon 4 Tahun 2013 – 2014	53.12	49.71	93.4
7.	Zon 5 Tahun 2013 – 2014	53.81	53.92*	100.0
8.	Zon 3 Tahun 2014 – 2015	51.81	48.86	94.3
JUMLAH		429.76	410.70	95.6

Sumber: Rekod KKLW

Nota: (*) – Arahan Perubahan Kerja Berjumlah RM327,297 dan Pelarasan Harga Kerja Berjumlah RM211,078

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati peruntukan bagi projek BELB di Negeri Sabah disatukan di bawah satu kod pembangunan. Dengan ini, KKLW boleh mengawal prestasi perbelanjaannya dengan memindah baki peruntukan pada tahun semasa kepada projek lain di bawah kawalannya supaya peruntukan yang dipinda dibelanjakan sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi projek BELB di Negeri Sabah adalah baik kerana peruntukan dipinda telah dibelanjakan sepenuhnya pada tahun 2014 hingga 2016.

4.5.1.2. Prestasi Fizikal Projek

- a. Prestasi fizikal projek talian grid sangat penting untuk memastikan pencapaian program BELB di Negeri Sabah. Oleh itu, syarat kontrak mengenai EOT dan denda kelewatan menyiapkan kerja (LAD) adalah mustahak bagi memelihara kepentingan Kerajaan.
- b. Berdasarkan laporan kemajuan projek BELB setakat akhir tahun 2016 yang disediakan oleh KKLW, sebanyak 19 (79.2%) daripada 24 projek talian grid telah siap dan lima projek (20.8%) sedang dilaksanakan. Semakan terhadap lapan projek talian grid yang diaudit mendapati perkara berikut:
 - i. Hanya satu projek (12.5%) iaitu Projek Talian Grid Zon 3 Tahun 2014 - 2015 bernilai RM51.81 juta telah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam kontrak.
 - ii. Tujuh projek (87.5%) bernilai RM377.95 juta telah melampaui tarikh siap asal yang ditetapkan dan diluluskan antara satu hingga empat EOT untuk tempoh enam hingga 26 bulan setakat bulan Jun 2017. Faktor utama yang menyebabkan EOT dimohon adalah masalah izin lalu, pengambil tanah, reka bentuk konsep talian lewat diluluskan dan kelemahan dalam perancangan projek infrastruktur yang menyebabkan pertindihan pelaksanaan projek jalan raya dengan projek BELB. Adalah didapati kesemua EOT yang diluluskan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan.
 - iii. Prestasi fizikal tujuh projek yang melampaui tarikh siap asal mendapati enam projek telah disahkan siap sepenuhnya. Manakala satu projek masih dalam pelaksanaan dan telah melampaui tempoh lanjutan masa yang diluluskan seperti jadual berikut:

JADUAL 4.6
SENARAI PROJEK YANG MELAMPAUI TARIKH SIAP ASAL YANG DITETAPKAN

BIL.	PROJEK TALIAN GRID	KOS PROJEK (RM Juta)	TARIKH SIAP		EOT		
			ASAL	SEBENAR	BIL.	TARIKH TAMAT EOT	TEMPOH DILULUSKAN (Bulan)
1.	Zon 4 Tahun 2011 – 2012	55.86	14.10.2012	28.02.2014	3	28.02.2014	16
2.	Zon 5 Tahun 2011 – 2012	45.21	11.10.2012	11.10.2013	2	11.10.2013	12
3.	Zon 3 Tahun 2012 – 2013	49.71	14.08.2013	15.10.2015	4	15.10.2015	26
4.	Zon 4 Tahun 2012 – 2013	47.62	14.08.2013	15.10.2015	4	15.10.2015	26
5.	Zon 1 Tahun 2013 – 2014	72.62	31.08.2014	28.02.2015	1	28.02.2015	6
6.	Zon 4 Tahun 2013 – 2014	53.12	31.8.2014	Belum Siap	3	28.06.2016	22
7.	Zon 5 Tahun 2013 – 2014	53.81	31.08.2014	28.02.2015	1	28.02.2015	6
JUMLAH		377.95					

Sumber: Rekod KKLW

- iv. Kontraktor bagi Projek Talian Grid Zon 4 Tahun 2013 - 2014 telah diluluskan EOT sehingga 28 Jun 2016. Pihak KKLW memaklumkan kelewatan disebabkan oleh kerja dihentikan sementara berikutan pihak SESB melaksanakan kerja naik taraf talian elektrik di daerah Keningau. Bagaimanapun, kontraktor tersebut telah dikenakan LAD berjumlah RM4,260.79 sehari mulai 29 Jun 2016 sehingga kerja disahkan siap sepenuhnya. Setakat 30 Jun 2017, LAD dianggarkan berjumlah RM1.56 juta.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 15 September 2017

LAD bagi kontraktor tersebut akan ditamatkan setelah kesemua kerja fizikal siap disempurnakan. Kerja fizikal telah disempurnakan pada 5 Julai 2017 dan KKLW sedang dalam pertimbangan pemberhentian LAD dan membuat penutupan akaun. Sebagai penambahbaikan, KKLW bersama agensi Kerajaan Negeri sedang menyediakan perancangan bekalan elektrik Negeri Sabah yang dijangka dapat menyelesaikan isu pertindihan projek BELB dengan projek infrastruktur lain. Selain itu, sesi 'engagement' bersama pihak terlibat akan dilakukan di peringkat awal pelaksanaan sesuatu projek bagi mengurangkan isu izin lalu. Kementerian juga akan menetapkan tempoh maksimum (enam bulan) bagi menyelesaikan isu izin lalu sebelum keputusan pembatalan atau penggantian pakej/kampung dibuat. Perkara ini akan dikemas kini di dalam garis panduan BELB.

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek secara keseluruhannya adalah memuaskan kerana 19 (79.2%) daripada 24 projek talian grid telah dapat disiapkan. Hanya satu projek gagal disiapkan dalam tempoh dibenarkan yang berpunca daripada faktor di luar kawalan kontraktor dan Kerajaan seperti izin

lalu dan perubahan standard yang diguna pakai oleh pihak SESB dalam pelaksanaan projek bekalan elektrik.

4.5.2. Pelaksanaan Projek

Projek talian grid hendaklah dilaksanakan mengikut syarat yang ditetapkan untuk memastikan pelaksanaan projek tidak tersasar daripada objektifnya. Berdasarkan Laporan Kemajuan Kerja yang disediakan oleh KKLW, kesemua tujuh projek talian grid yang telah disahkan siap telah beroperasi dengan baik dan dapat menyediakan akses bekalan elektrik kepada 175 kampung dan 10,016 buah rumah. Bagaimanapun, lawatan Audit bersama pegawai KKLW, PKN, SESB serta kontraktor dan perunding ke 30 buah kampung mendapati perkara berikut:

4.5.2.1. Penyambungan Talian Perkhidmatan Elektrik ke Rumah

- a. Lawatan yang dijalankan pada bulan April dan Mei 2017 ke 30 kampung melibatkan 343 buah rumah mendapati talian perkhidmatan elektrik telah dipasang ke 283 buah rumah (82.5%) yang berpenghuni mengikut skop kerja yang ditetapkan seperti gambar berikut:

GAMBAR 4.1



Kg. Labi, Beaufort
- Rumah yang Telah Dipasang Talian Perkhidmatan Elektrik
(25.04.2017)

GAMBAR 4.2



Kg. Kota Ayangan, Keningau
- Rumah yang Telah Dipasang Talian Perkhidmatan Elektrik
(27.04.2017)

GAMBAR 4.3



Kg. Lalapakon, Nabawan
- Rumah yang Telah Dipasang Talian Perkhidmatan Elektrik
(28.04.2017)

GAMBAR 4.4



Kg. Nandangan, Nabawan
- Rumah yang Telah Dipasang Talian Perkhidmatan Elektrik
(28.04.2017)

GAMBAR 4.5



Kg. Bulieng, Tuaran
- Rumah yang Telah Dipasang Talian
Perkhidmatan Elektrik
(08.05.2017)

GAMBAR 4.6



Kg.Sarang, Kota Belud
- Rumah yang Telah Dipasang Talian
Perkhidmatan Elektrik
(09.05.2017)

GAMBAR 4.7



Kg. Pansuran, Pitas
- Rumah yang Telah Dipasang Talian
Perkhidmatan Elektrik
(15.05.2017)

GAMBAR 4.8



Kg. Tiga Tarok, Pitas
- Rumah yang Telah Dipasang Talian
Perkhidmatan Elektrik
(15.05.2017)

GAMBAR 4.9



Kg.Malubang, Pitas
- Rumah yang Telah Dipasang Talian
Perkhidmatan Elektrik
(15.05.2017)

GAMBAR 4.10



Kg. Alitang, Tongod
- Rumah yang Telah Dipasang Talian
Perkhidmatan Elektrik
(18.05.2017)

- b. Pemasangan talian perkhidmatan elektrik telah dibuat kepada 60 buah rumah (17.5%) yang belum siap/tidak berpenghuni di 11 kampung. Berdasarkan nilai kontrak berkaitan, anggaran kos purata sebuah rumah adalah di antara RM22,454 hingga RM52,446. Ini mengakibatkan Kerajaan membelanjakan sejumlah RM2.45 juta untuk pemasangan talian perkhidmatan kepada 60 buah rumah yang belum siap/tidak berpenghuni. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.7
PEMASANGAN TALIAN PERKHIDMATAN
KE RUMAH YANG BELUM SIAP/TIDAK BERPENGHUNI

BIL.	NAMA KAMPUNG	SAMPEL AUDIT (Bil. Rumah)	RUMAH BELUM SIAP/TIDAK BERPENGHUNI (Bil. Rumah)	ANGGARAN KOS PURATA SEBUAH RUMAH (RM)	KOS RUMAH BELUM SIAP/TIDAK BERPENGHUNI (RM)
1.	Kg. Kota Ayangan (Gambar 4.11 dan 4.12)	16	9	34,032	306,288
2.	Kg. Pangansangan (Gambar 4.13 dan 4.14)	41	15	39,404	591,060
3.	Kg. Rungus Kapur (Gambar 4.15)	4	3	43,462	130,386
4.	Kg. Sarang (Gambar 4.16)	16	5	39,473	197,365
5.	Kg. Tiga Tarok (Gambar 4.17 hingga 4.19)	7	6	51,415	308,490
6.	Kg. Alitang (Gambar 4.20)	30	4	22,454	89,816
7.	Kg. Gumoron	15	4	51,609	206,436
8.	Kg. Bundu Tuhori	8	6	43,462	260,772
9.	Kg. Bombong	15	1	46,925	46,925
10.	Kg. Kondis	8	5	40,799	203,995
11.	Mini Estet Sejahtera (Mesej) Kg. Ulu Paitan	12	2	52,446	104,892
JUMLAH		172	60	-	2,446,425

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 4.11




Kg. Kota Ayangan, Keningau
- Rumah Belum Siap
(27.04.2017)

GAMBAR 4.12



Kg. Kota Ayangan, Keningau
- Rumah Tidak Berpenghuni
(27.04.2017)

GAMBAR 4.13



Kg. Pangansangan, Keningau
- Rumah Tidak Berpenghuni
(27.04.2017)

GAMBAR 4.14



Kg. Pangansangan, Keningau
- Rumah Tidak Berpenghuni
(27.04.2017)

GAMBAR 4.15



**Kg. Rungus Kapur, Tuaran
- Rumah Tidak Berpenghuni
(08.05.2017)**

GAMBAR 4.16



**Kg. Sarang, Kota Belud
- Rumah Tidak Berpenghuni
(09.05.2017)**

GAMBAR 4.17



**Kg. Tiga Tarok, Pitas
- Rumah Belum Siap
(15.05.2017)**

GAMBAR 4.18



**Kg. Tiga Tarok, Pitas
- Rumah Belum Siap
(15.05.2017)**

GAMBAR 4.19



**Kg. Tiga Tarok, Pitas
- Rumah Tidak Berpenghuni
(15.05.2017)**

GAMBAR 4.20



**Kg. Alitang, Tongod
- Rumah Tidak Berpenghuni
(18.05.2017)**

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 15 September 2017

Rumah yang belum siap/tidak berpenghuni telah dipasang talian elektrik kerana penduduk kampung telah memberikan komitmen secara lisan bahawa rumah tersebut akan disiapkan/diduduki. Bagaimanapun sehingga projek siap, rumah tersebut gagal disiapkan/diduduki oleh pengguna. Sebagai penambahbaikan bagi projek-projek akan datang, KKLW akan meletakkan syarat bahawa pembinaan bagi rumah yang belum siap perlu mencapai kemajuan 30% dan pengesahan perlu dibuat secara bertulis.

Maklum Balas Tambahan KKLW yang Diterima Pada 13 Oktober 2017

Liputan skop bagi projek adalah dalam lingkungan sempadan yang telah ditetapkan secara koordinat. Kos bagi projek tidak ditentukan oleh bilangan

rumah di dalam sempadan tersebut tetapi adalah bersandarkan kepada keperluan-keperluan peralatan untuk memberikan liputan elektrik kepada kawasan berkenaan. Kedudukan rumah-rumah yang belum siap/tidak berpenghuni ini terletak di sepanjang talian yang telah ditetapkan di dalam kontrak. Oleh yang demikian, tiada isu penambahan kos bagi rumah-rumah tersebut.

Pada pendapat Audit, pemasangan talian perkhidmatan ke 343 buah rumah yang dilawati adalah memuaskan kecuali bagi 60 (17.5%) talian perkhidmatan elektrik yang dipasang merupakan satu pembaziran kerana dipasang ke rumah belum siap/tidak berpenghuni.

4.5.2.2. Skop Kerja Bagi Komponen Pakej/Kampung

- a. Skop kerja yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor antaranya pengurusan izin lalu, penyediaan dan kelulusan reka bentuk, kelulusan bagi bahan dan barangan yang akan diguna pakai daripada KKLW atau SESB, pembinaan sesalur voltan tinggi dan rendah sehingga had maksimum 33kv, pembinaan stesen pencawang dan alat ubah voltan, penyambungan talian voltan rendah ke kampung dan talian perkhidmatan ke rumah serta pengujian dan pentauliahkan reka bentuk sistem talian.
- b. Semakan Audit bagi lapan kontrak talian grid dan lawatan ke 30 kampung mendapati skop kerja telah dilaksanakan seperti mana ditetapkan dalam kontrak kecuali skop kerja bagi komponen pakej Kg. Kondis, Kota Belud bernilai RM1.63 juta. Setakat 31 Disember 2016, kontraktor telah dibayar sejumlah RM1.55 juta iaitu 94.9% daripada kemajuan kerja. Berdasarkan *boundary and layout of house location* yang disediakan oleh perunding dan dimasukkan dalam dokumen kontrak, skop kerja di Kg. Kondis meliputi penyambungan bekalan elektrik ke 40 buah rumah yang belum mempunyai akses kepada bekalan elektrik. Semakan Audit terhadap *as-built drawings* menunjukkan penyambungan talian perkhidmatan elektrik dibuat untuk lapan buah rumah.
- c. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 9 Mei 2017 mendapati Kg. Kondis juga telah mempunyai bekalan elektrik sedia ada. Pihak Audit juga mendapati, penyambungan talian elektrik yang dibuat ke lapan buah rumah tersebut adalah tiga buah rumah di Kg. Kondis dan tambahan lima buah rumah di Kg. Kimo-Kimo yang melibatkan pemasangan sebanyak 57 tiang dan talian voltan rendah. Seterusnya didapati talian perkhidmatan elektrik hanya disambung ke satu buah rumah sahaja (**Gambar 4.21**). Bagi dua buah rumah lagi telah membuat penyambungan bekalan elektrik daripada rumah yang berdekatan dan lima buah rumah di Kg. Kimo-Kimo belum mendapat bekalan elektrik kerana rumah tersebut belum siap/tidak berpenghuni (**Gambar 4.22**).

GAMBAR 4.21



Kg. Kondis
- Rumah yang Telah Membuat
Penyambungan Elektrik
(09.05.2017)

GAMBAR 4.22



Kg. Kondis, Kota Belud
- Rumah Belum Siap Telah Dipasang
Talian Perkhidmatan
(09.05.2017)

- d. Berdasarkan kontrak yang bernilai RM1.63 juta, anggaran kos purata sebuah rumah adalah RM40,799. Implikasinya, Kerajaan telah membayar sejumlah RM1.31 juta untuk 32 buah rumah yang tidak dipasang talian perkhidmatan elektrik.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 15 September 2017

Selain daripada membekalkan elektrik kepada rumah dalam sempadan yang ditetapkan, terdapat keperluan untuk menangani masalah “voltage drop” di kawasan ini. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menaik taraf pencawang sedia ada yang turut memberi manfaat kepada rumah yang telah menerima bekalan. Bagaimanapun, akaun bagi projek ini masih belum dimuktamadkan dan pelarasan harga kontrak akan dibuat setelah proses pengukuran semula dilaksanakan.

Maklum Balas Tambahan KKLW yang Diterima Pada 13 Oktober 2017

Cadangan kontraktor adalah untuk membekalkan elektrik kepada 20 buah rumah. Bagaimanapun semasa pelaksanaan projek, sebahagian besar rumah tersebut telah menerima bekalan elektrik secara penyambungan melalui talian sedia ada menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Penyambungan tersebut tidak mengambil kira susut voltan yang berlaku dengan penambahan bilangan rumah berkenaan. Peningkatan terhadap perkakasan sistem terpaksa dilaksanakan untuk mengelakkan masalah teknikal dengan penambahan penyambungan talian elektrik ke rumah tersebut. Oleh itu, kos projek tidak bergantung kepada jumlah rumah yang terlibat tetapi bergantung kepada perkakasan yang dinaik taraf. Projek Kg Kondis akan memberi manfaat kepada keseluruhan kampung berkenaan dan juga pertambahan bilangan rumah di masa akan datang memandangkan sistem telah pun dinaik taraf.

Pada pendapat Audit, skop kerja bagi projek talian grid melibatkan komponen pakej Kg. Kondis tidak memuaskan kerana kegagalan kontraktor mengenal pasti rumah yang sesuai untuk mendapat bekalan elektrik menyebabkan talian

perkhidmatan dipasang ke rumah belum siap/tidak berpenghuni. Selain itu, talian perkhidmatan elektrik yang dipasang adalah kurang daripada jumlah yang ditetapkan dalam kontrak menyebabkan wujudnya elemen pembaziran.

4.5.2.3. Projek Siap Belum/Lewat Dimanfaatkan

Projek talian grid yang telah siap sepatutnya dapat dimanfaatkan dengan segera oleh golongan sasar selaras dengan objektif pelaksanaan Program BELB. Semakan Audit mendapati empat projek talian grid untuk penyambungan bekalan elektrik ke 2,332 (33.8%) daripada 6,891 buah rumah masih belum/lewat dimanfaatkan oleh penduduk antara satu tahun lapan bulan hingga tiga tahun lapan bulan setakat 30 Jun 2017 seperti berikut:

a. Projek Talian Grid Zon 3 Tahun 2012 - 2013

- i. Projek Talian Grid Zon 3 Tahun 2012 - 2013 bernilai RM26.92 juta bagi daerah Pitas dilaksanakan oleh L & L ME Construction Sdn. Bhd. melalui empat pakej seperti jadual berikut:

JADUAL 4.8
PAKEJ KONTRAK PROJEK TALIAN GRID ZON 3 TAHUN 2012 - 2013

PAKEJ	SKOP KERJA	BIL. RUMAH	TARIKH SIAP FIZIKAL	KOS PROJEK (RM Juta)
1.	<i>Proposed 33kV from PPU Pitas to Junction Bongkol, Pitas*</i>	TB	-	8.81
2.	Kg. Bambang, Kg. Dalas, Kg. Tiga Tarok, Kg. Malubang, Kg. Pansuran, Pitas	82	Nov. 2013	4.22
3.	Kg. Kakarangan, Kg. Pagason, Kg. Mapan-Mapan dan Kg. Kandingan, Pitas	119	Mei 2013	3.84
4.	Kg. Sorumpil, Kg. Maringgalan, Kg. Suang Duyung, Kg. Mengkubau Darat, Kg. Mantuya, Kg. Mengkubau Laut dan Kg. Inaruntung, Pitas	270	Mei 2014	10.05
JUMLAH		471	-	26.92

Sumber: Rekod KKLW

Nota: (*) - Dikeluarkan Dari Skop Asal Kontrak

- ii. Projek ini dijangka memberi manfaat kemudahan bekalan elektrik kepada 16 kampung dan 471 buah rumah. Pelaksanaan projek bermula pada 15 Februari 2012 dan dijangka siap pada 14 Ogos 2013. Bagaimanapun, Pakej 2 hingga Pakej 4 hanya diperakui siap pada 28 Oktober 2015 setelah mendapat empat lanjutan masa selama 791 hari.
- iii. Semasa lawatan Audit pada 15 Mei 2017 (satu tahun tujuh bulan selepas Pakej 2 hingga Pakej 4 disahkan siap), didapati penduduk masih belum menerima bekalan elektrik kerana Pakej 1 (*Proposed 33kV From PPU Pitas to Junction Bongkol, Pitas*) telah dikeluarkan daripada skop asal kontrak.

- iv. Pakej 1 telah dikeluarkan daripada skop asal kontrak disebabkan oleh semasa pelaksanaan projek, pihak SESB telah memohon penambahan skop kerja bernilai RM2.06 juta untuk disesuaikan dengan keperluan semasa dan standard SESB. Tambahan skop terlibat adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.9
PERUBAHAN SKOP KERJA PAKEJ 1 DI DAERAH PITAS**

SKOP KERJA ASAL	PERUBAHAN SKOP KERJA (TAMBAHAN)
33kV Dari PPU Pitas ke Simpang Bongkol, Pitas - Pembinaan Pencawang Penurun (PP) 33/11kV di Simpang Bongkol yang melibatkan pemasangan Alatubah Langkah Turun (<i>Step-Down Transformer</i>) 33/11kV yang dioperasikan menggunakan Auto Recloser, ABS dan Ring Main Unit (RMU).	Pembinaan bangunan PPU di Simpang Bongkol yang dilengkapi <i>Switchgear</i> 33kV dan 11kV serta peralatan-peralatan yang berkaitan termasuk satu <i>Switchgear Out Going Feeder</i> 33kV. Perubahan saiz kabel 33kV daripada 150mm ² kepada 185mm ² .
PPU Pitas - Sambungan secara <i>Tee-Off</i> pada talian 33kV sedia ada, pemasangan sesalur atas 33kV dari Pitas ke Simpang Bongkol.	Pengubahsuaian bangunan PPU, Pitas untuk menampung pertambahan <i>Switchgear</i> serta pemasangan <i>Switchgear Bus Section</i> 33kV, <i>Out-Going Feeder</i> 33kV untuk projek BELB dan ruang untuk <i>Switchgear</i> bagi Projek Agropolitan Telaga.

Sumber: Rekod KKLW

- v. Permohonan kepada KKLW untuk mendapatkan kelulusan bagi perubahan skop kerja tersebut hanya dibuat pada bulan Jun 2015, namun tidak diluluskan oleh KKLW. KKLW seterusnya telah mengeluarkan Sijil Perakuan Siap pada 28 Oktober 2015 untuk Pakej 2 hingga Pakej 4. Pakej 1 bernilai RM 8.81 juta telah dikeluarkan daripada kontrak dan pelarasan harga telah dibuat dan pakej tersebut telah diambil kira dalam Projek BELB Talian Grid Zon 3 Tahun 2016 - 2017 yang dilaksanakan oleh AML Juta Sdn. Bhd.. Berdasarkan kontrak baharu, projek telah bermula pada 15 Februari 2016 dan dijangka siap pada 14 Februari 2018. Lawatan Audit ke tapak PPU Simpang Bongkol pada 15 Mei 2017 mendapati projek sedang dilaksanakan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.23



PPU Simpang Bongkol, Pitas
- Pendawaian Dalam Bangunan PPU
Belum Siap Sepenuhnya
(15.05.2017)

GAMBAR 4.24



PPU Simpang Bongkol, Pitas
- Siling Bangunan PPU Belum
Siap Sepenuhnya
(15.05.2017)

- vi. Disebabkan Pakej 1 telah dikeluarkan daripada skop asal kontrak (Zon 3 tahun 2012-2013) dan projek hanya dijadualkan siap pada 14 Februari 2018, maka sebanyak 471 buah rumah terlibat hanya akan mendapat akses kepada bekalan elektrik dua tahun empat bulan selepas Pakej 2 hingga Pakej 4 disahkan siap pada Oktober 2015.

b. Projek Talian Grid Zon 4 Tahun 2012 - 2013

- i. Projek Talian Grid Zon 4 Tahun 2012 - 2013 bagi daerah Kemabong dilaksanakan oleh MVA Engineering Sdn. Bhd. melalui empat pakej seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.10
PAKEJ KONTRAK PROJEK TALIAN GRID ZON 4 TAHUN 2012 - 2013**

PAKEJ	SKOP KERJA	BILANGAN RUMAH	TARIKH SIAP FIZIKAL	KOS PROJEK (RM Juta)
1	33kV PPU Tenom – Kemabong*	TB	-	16.31
2	Mini Estet Sejahtera (Mesej) Kg. Ulu Patian	39	24.10.2013	2.05
3	Kg. Katubu Dan Kapulu	93	24.10.2013	3.47
4	Kg. Patian Tengah, Ahuron Dan Korolok	91	24.10.2013	3.49
JUMLAH		223		25.32

Sumber: Rekod KKLW

Nota: (*) - Dikeluarkan Dari Skop Asal Kontrak

- ii. Projek ini menyasarkan penyambungan bekalan elektrik kepada 223 buah rumah. Pelaksanaan projek bermula pada 15 Februari 2012 dan sepatutnya siap pada 14 Ogos 2013. Bagaimanapun, Pakej 2 hingga Pakej 4 hanya disahkan siap pada 28 Oktober 2015 setelah mendapat empat lanjutan masa selama 791 hari. Sebab lanjutan masa dimohon adalah kelewatan mendapat kelulusan daripada badan berkanun/pihak berkuasa tempatan yang tidak dapat dielakkan. Didapati kelulusan lanjutan masa adalah munasabah.
- iii. Semasa lawatan Audit pada 26 April 2017 (satu tahun enam bulan selepas Pakej 2 hingga Pakej 4 disahkan siap), didapati penduduk masih belum menerima bekalan elektrik kerana Pakej 1 (Projek 33kV Pencawang Pembahagi Utama (PPU) Tenom – Kemabong) telah dikeluarkan daripada skop asal kontrak.
- iv. Pakej 1 telah dikeluarkan daripada skop asal kontrak disebabkan oleh reka bentuk asal PPU Tenom – Kemabong yang disediakan oleh perunding tidak memenuhi kehendak SESB menyebabkan tambahan kepada skop kerja berjumlah RM11.27 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 4.11
PERUBAHAN SKOP KERJA PROJEK TALIAN GRID ZON 4 TAHUN 2012-2013

SKOP KERJA ASAL	PERUBAHAN SKOP KERJA (TAMBAHAN)
Pemasangan Alat Ubah Voltan 11/33kV, 5MVA X 1 di PMU Tenom dengan perkakasan persuisan yang terdiri daripada <i>Auto Recloser</i> dan ABS sahaja.	Pembinaan bangunan Stesen Suis 11/33kV dengan kelengkapan <i>Switchgear</i> 11kV dan 33kV.
Pembinaan PP 33/11kV di Kemabong.	Pembinaan bangunan PPU 33/11kV Kemabong dengan kelengkapan <i>Switchgear</i> 33kV dan 11kV.

Sumber: Rekod KKLW

- v. Permohonan kepada KKLW untuk mendapatkan kelulusan bagi perubahan skop kerja hanya dibuat pada bulan Jun 2015. Bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan oleh KKLW. Seterusnya, KKLW telah mengeluarkan Sijil Perakuan Siap pada 28 Oktober 2015 untuk Pakej 2 hingga Pakej 4. Pakej 1 bernilai RM16.31 juta telah dikeluarkan daripada kontrak dan pelarasan harga telah dibuat dan telah diambil kira dalam Projek BELB Talian Grid Zon 1 Tahun 2016 – 2017 yang dilaksanakan oleh Bumisem Sdn. Bhd.. Berdasarkan kontrak baharu, projek telah bermula pada 15 Februari 2016 dan dijangka siap pada 14 Februari 2018. Lawatan Audit ke tapak PPU Kemabong pada 26 April 2017 mendapati projek belum siap sepenuhnya seperti di gambar berikut:



GAMBAR 4.25

PPU Kemabong, Tenom
- PPU Kemabong Belum Siap Sepenuhnya
(26.04.2017)

- vi. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kerja-kerja di PPU Tenom sedang dijalankan manakala kerja di PPU Kemabong telah dihentikan sementara berikutan isu pengambilan tanah dengan pihak Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. yang belum diselesaikan. Isu pengambilan tanah berlaku disebabkan oleh pembesaran keluasan kawasan PPU Kemabong berdasarkan konsep reka bentuk baharu yang ditetapkan oleh SESB. Lawatan Audit ke tapak PPU Kemabong pada 26 April 2017 mendapati projek sedang dilaksanakan.
- vii. Implikasinya, sebanyak 223 buah rumah terlibat hanya akan mendapat akses kepada bekalan elektrik dua tahun empat bulan selepas Pakej 2 hingga Pakej 4 disahkan siap pada Oktober 2015.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 15 September 2017

Perubahan skop tersebut adalah berdasarkan syarat kelulusan reka bentuk oleh pihak SESB. Skop yang dinyatakan di dalam dokumen tender sebelum ini adalah pembinaan PPU tanpa bangunan. Perkara ini berlaku disebabkan perubahan standard yang diguna pakai oleh pihak SESB semasa pelaksanaan projek tersebut. Kos perubahan skop tersebut pada awalnya telah dipersetujui untuk ditanggung sendiri oleh pihak kontraktor. Bagaimanapun, kontraktor telah menuntut kos perubahan kerja tersebut kerana tidak dapat menanggung kos yang berkaitan. KKLW memutuskan untuk tidak meluluskan perubahan kerja tersebut disebabkan lewat dikemukakan dan kekangan peruntukan di samping kos perubahan kerja tersebut adalah agak besar. Kampung yang terlibat dijangka akan mendapat bekalan setelah skop kerja bagi Pakej 1 disiapkan pada 14 Februari 2018.

Pada pendapat Audit, perunding gagal melaksanakan peranannya dalam menyediakan skop kerja bagi Pakej 1 menyebabkan berlaku peningkatan kos projek dan penduduk belum menerima manfaat bekalan elektrik sehingga kini.

c. Projek Talian Grid Zon 5 Tahun 2011 - 2012

- i. Projek Talian Grid Zon 5 Tahun 2011-2012 bagi Daerah Tongod bernilai RM23.73 juta dilaksanakan oleh Bumi Handal Sdn. Bhd.. Projek dijangka dapat menyalurkan bekalan elektrik ke 915 buah rumah di 11 kampung iaitu Kg. Mananam, Kg. Maliau, Kg. Namukon, Kg. Minusuh/Liumpang, Kg. Tampasak, Kg. Saguon, Kg. Diwara, Kg. Pinangah, Kg. Malikup, Kg. Alitang dan Kg. Mongkowogu.
- ii. Projek telah dimulakan pada 15 April 2011 dan sepatutnya siap pada 11 Oktober 2012. Bagaimanapun, projek hanya disahkan siap pada 11 Oktober 2013 iaitu selepas diberi dua lanjutan masa selama 365 hari.
- iii. Mengikut rekod SESB, sebanyak 146 buah rumah di Kg. Pinangah mempunyai akses sedia ada kepada bekalan elektrik yang disambung dari punca bekalan SESB. Manakala 769 buah rumah yang lain belum mendapat akses kepada bekalan elektrik.
- iv. Semakan Audit mendapati bekalan elektrik tidak dapat disalurkan ke kampung yang terlibat kerana Pencawang Penurun (PP) 33/11kV Kg. Namukon yang sepatutnya beroperasi mulai 26 September 2013 (berdasarkan tarikh *Preliminary Taking Over Certificate*) tidak dapat beroperasi. Ini disebabkan oleh tiang dan talian voltan tinggi yang telah dipasang ke PP 33/11kV Kg. Namukon terpaksa dialihkan semula untuk pelaksanaan Projek Pembesaran/Naik Taraf Jalan Linuyukan – Pinangah yang bermula pada 16 Januari 2012 sehingga 15 Julai 2014. Projek

Pembesaran/Naik Taraf Jalan Linukuyan – Pinangah merupakan salah satu projek yang dilaksanakan oleh KKLW melalui Jabatan Kerja Raya (JKR). Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan nilai kerja bagi Pencawang Penurun berkenaan. Seterusnya, mengikut surat JKR yang dikemukakan kepada KKLW bertarikh 11 Januari 2016, penyelarasan kos bagi pengalihan tiang elektrik tersebut adalah berjumlah RM6.83 juta. Ini bermakna kelemahan dalam komunikasi dan koordinasi antara KKLW dan JKR telah menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian serta kos tambahan berjumlah RM6.83 juta.

- v. Lawatan Audit ke PP 33/11kV Kg. Namukon pada 18 Mei 2017 mendapati kawasan tersebut telah dipenuhi semak samun. Selain itu, pemasangan semula talian 33kV ke PP Namukon masih dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh JKR. Keadaan kawasan PP dan kerja-kerja penyambungan talian elektrik yang sedang dilaksanakan semasa lawatan Audit adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 4.26



**PP Kg. Namukon, Tongod
- Kawasan PP Dipenuhi Semak Samun
(18.05.2017)**

GAMBAR 4.27



**PP Kg. Namukon, Tongod
- Rumput Tumbuh Dalam Bangunan PP
(18.05.2017)**

GAMBAR 4.28



**PP Kg. Namukon, Tongod
- Penyambungan Talian Elektrik Belum Siap
(18.05.2017)**

GAMBAR 4.29



**Jalan Linukuyan-Pinangah
- Kerja Penyambungan Talian Elektrik
Sedang Dilaksanakan
(18.05.2017)**

- vi. Lawatan Audit seterusnya ke tiga buah kampung yang terlibat iaitu Kg. Alitang, Kg. Diwara dan Kg. Pinangah mendapati talian elektrik yang dipasang ke rumah telah putus/tercabut seperti gambar berikut:

GAMBAR 4.30



Kg. Alitang, Tongod
- Talian Perkhidmatan Telah Putus
(18.05.2017)

GAMBAR 4.31



Kg Diwara, Tongod
- Talian Perkhidmatan Telah Putus
(18.05.2017)



GAMBAR 4.32

Kg. Diwara, Tongod
- Talian Perkhidmatan Telah Putus dan
Dilitupi Tumbuhan Menjalar
(18.05.2017)

- vii. Selain itu, tiang elektrik yang menghubungkan talian grid ke kampung-kampung tersebut didapati telah dipenuhi oleh rumput/tumbuhan menjalar seperti gambar berikut:

GAMBAR 4.33



Kg. Pinangah, Tongod
- Talian Grid ke Kg. Pinangah Telah
Dilitupi Tumbuhan Menjalar
(18.05.2017)

GAMBAR 4.34



Kg. Pinangah, Tongod
- Talian Grid ke Kg. Pinangah Telah
Dilitupi Tumbuhan Menjalar
(18.05.2017)

- viii. Mengikut maklum balas daripada KKLW, kerja pengalihan utiliti bagi talian sepanjang jajaran telah siap dilaksanakan oleh kontraktor tetapi belum diserahkan kepada pihak SESB. Pengujian dan pentauliahan semula akan dilaksanakan oleh pihak kontraktor sebaik sahaja urusan ini selesai dan kampung terlibat dijangka akan mendapat bekalan pada pertengahan bulan Disember 2017.

- ix. Sekiranya kampung terlibat boleh mendapat bekalan elektrik pada pertengahan bulan Disember 2017, maka sebanyak 769 buah rumah

terlibat hanya akan mendapat akses kepada bekalan elektrik empat tahun dua bulan selepas projek disahkan siap pada 11 Oktober 2013.

d. Projek Talian Grid Zon 4 Tahun 2011 - 2012

- i. Kontrak bagi Projek Talian Grid Zon 4 Tahun 2011 - 2012 bernilai RM55.86 juta dilaksanakan oleh Ternama Tabah Sdn. Bhd.. Projek ini menyasarkan bekalan elektrik ke 26 buah kampung yang meliputi 1,142 buah rumah di Daerah Sook.
- ii. Projek telah dimulakan pada 15 April 2011 dan sepatutnya siap pada 14 Oktober 2012. Bagaimanapun, projek hanya disiapkan pada 28 Februari 2014 selepas diberi tiga lanjutan masa selama 502 hari.
- iii. Semakan Audit mendapati sebanyak 17 daripada 26 kampung melibatkan 869 rumah lewat menerima manfaat daripada Projek BELB tersebut.
- iv. Kelewatan ini disebabkan oleh pemindahan semula tiang dan talian elektrik yang telah dipasang di kampung-kampung terlibat untuk pelaksanaan Projek Pembesaran/Naik Taraf Jalan Sook - Tulid Sinua (Fasa II) dan Dalit Gana yang bermula pada 23 September 2011 sehingga 22 Mac 2014. Mengikut KKLW, kos yang ditanggung bagi pengalihan dan pemasangan semula tiang dan talian yang terlibat berjumlah RM1.74 juta. Pihak Audit dimaklumkan bahawa bekalan elektrik hanya dapat diakses oleh penduduk kampung berkaitan mulai bulan Disember 2016. Dengan itu, sebanyak 869 buah rumah hanya mendapat akses kepada bekalan elektrik dua tahun sepuluh bulan selepas projek disahkan siap pada 28 Februari 2014.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam komunikasi dan koordinasi di peringkat KKLW telah menyumbang kerugian kepada Kerajaan serta kelewatan penyediaan projek menyebabkan penduduk belum/lewat menerima manfaat bekalan elektrik.

4.5.2.4. Kualiti Kerja

Kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan hendaklah dilaksanakan dengan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak, kemas, sempurna dan mengikut amalan kejuruteraan yang baik. Lawatan Audit ke pencawang elektrik di lima buah kampung (16.7%) daripada 30 kampung mendapati kualiti kerja adalah tidak memuaskan seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.12
KUALITI KERJA TIDAK MEMUASKAN**

BIL.	PERIHAL KERJA	LOKASI
1.	Binaan konkrit pencawang elektrik melengkung.	Kg. Patian Tengah, Tenom (Gambar 4.35)
2.	Binaan konkrit pencawang elektrik mengalami keretakan.	i. Kg. Patian Tengah, Tenom (Gambar 4.36) ii. Kg. Patian, Ahuron, Tenom (Gambar 4.37 dan 4.38) iii. Kg. Katubu, Tenom (Gambar 4.39 dan 4.40)
3.	Tiang elektrik yang dipasang telah tumbang, condong dan patah.	i. Kg. Korolok, Tenom (Gambar 4.41) ii. Kg. Patian Tengah, Tenom (Gambar 4.42 dan 4.43) iii. Kg. Gumuron, Tuaran (Gambar 4.44)


Sumber: Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

GAMBAR 4.35



**Kg. Patian Tengah, Tenom
- Binaan Konkrit Pencawang Elektrik Melengkung
(26.04.2017)**

GAMBAR 4.36



**Kg. Patian Tengah, Tenom
- Binaan Konkrit Pada Bangunan
Pencawang Elektrik Retak
(26.04.2017)**

GAMBAR 4.37



**Kg. Patian, Ahuron, Tenom
- Pencawang Elektrik Kg. Patian, Ahuron
(26.04.2017)**

GAMBAR 4.38



**Kg. Patian, Ahuron, Tenom
- Binaan Konkrit Pada Bangunan
Pencawang Elektrik Retak
(26.04.2017)**

GAMBAR 4.39



**Kg. Katubu, Tenom
- Pencawang Elektrik Kg. Katubu
(26.04.2017)**

GAMBAR 4.40



**Kg. Katubu, Tenom
- Binaan Konkrit Pada Bangunan
Pencawang Elektrik Retak
(26.04.2017)**

GAMBAR 4.41



Laluan Ke Kg. Korolok, Tenom
- Tiang Tumbang
(26.04.2017)

GAMBAR 4.42



Laluan Ke Kg. Patian Tengah, Tenom
- Tiang Condong
(26.04.2017)

GAMBAR 4.43



Laluan Ke Kg. Patian Tengah, Tenom
- Tiang Elektrik Telah Patah
(26.04.2017)

GAMBAR 4.44



Laluan Ke Kg. Gumuron, Tuaran
- Tiang Elektrik Condong
(08.05.2017)

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 15 September 2017

Kesemua penemuan Audit adalah masih dalam tempoh kontrak dan akan diselesaikan sebelum pengeluaran Certificate of Making Good Defects (CMGD) oleh pihak KKLW. KKLW akan mengeluarkan surat peringatan kepada pihak kontraktor agar kerja pembaikan dibuat sebelum pengeluaran CMGD. Selain itu, KKLW juga akan meminta perunding untuk menyediakan kertas ulasan bagi kerosakan yang berlaku pada bangunan.

Pada pendapat Audit, kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak memuaskan kerana terdapat binaan yang melengkung, retak dan tiang tumbang/condong/patah di lima kampung yang dilawati.

4.5.3. Skop Kerja

Kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan projek BELB hendaklah mematuhi syarat kontrak yang dinyatakan dalam *Standard Form of Design and Build Contract*. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya syarat kontrak telah dipatuhi dari aspek penyediaan bon pelaksanaan, polisi insurans kerja, kelulusan lanjutan masa, penyediaan reka bentuk, laporan penyeliaan bulanan dan bon jaminan reka bentuk. Bagaimanapun, terdapat syarat kontrak yang tidak dipatuhi seperti berikut:

4.5.3.1. Perubahan Skop Kerja

- a. Klausula 24, Penyata Kehendak Kerajaan yang dilampirkan dalam kontrak menyatakan *“The valuation of additional or substituted work shall with the value of works of similar character set out in the Contract Sum Analysis or Contract Schedule of Rates, making due allowance for any change in the conditions under which the work is carried out or any significant change in quantity of the work so set out. Where there is no work of a similar character set out in the Contract Sum Analysis or Contract Schedule of Rates, a valuation shall be made by the Project Director.”* Sehubungan itu, setiap Arahan Perubahan Kerja (APK) perlu dikemukakan untuk kelulusan KKLW sebelum kerja dilaksanakan.
- b. Semakan Audit mendapati sebanyak tiga APK telah dikeluarkan untuk lapan projek talian grid yang dilawati. Hasil semakan Audit mendapati dua APK (66.7%) untuk tambahan skop kerja berjumlah RM2.06 juta (Projek Talian Grid Zon 3 Tahun 2012 – 2013) dan RM11.27 juta (Projek Talian Grid Zon 4 Tahun 2012 – 2013) telah dikemukakan kepada KKLW namun tidak diluluskan dan skop kerja asal telah dikeluarkan daripada kontrak. Manakala satu APK (33.3%) telah dilaksanakan tanpa kelulusan seperti berikut:
 - i. Pakej Kampung Bundu Tohuri, Tuaran di bawah Projek BELB Talian Grid Zon 3 Tahun 2014 - 2015 adalah berjumlah RM782,314. Projek ini dilaksanakan oleh LLP Engineering Sdn. Bhd. dan perunding yang dilantik ialah Perunding Tenaga Teknologi Sdn. Bhd.;
 - ii. mengikut syarat kontrak, skop kerja bagi Kg. Bundu Tohuri meliputi pemasangan tiang dan talian voltan tinggi 11kV termasuk penamatan talian SESB sedia ada;
 - iii. bagaimanapun, berdasarkan salinan *as-built drawings* yang dikemukakan kepada pihak Audit dan lawatan Audit pada 8 Mei 2017, tiada tiang dan talian voltan tinggi 11kV dipasang ke Kg. Bundu Tohuri;
 - iv. semakan Audit selanjutnya mendapati pemasangan sebanyak 121 tiang dan talian voltan tinggi 11kV telah dilaksanakan di Kg. Rungus Kapur yang tidak termasuk dalam skop kerja kontrak. Didapati kerja yang dilaksanakan di Kg. Rungus Kapur turut meliputi pembinaan pencawang elektrik baru berkapasiti 100kVA dan pemasangan tiang dan talian voltan rendah 11kV untuk membekalkan elektrik ke 15 buah rumah. Setakat bulan Disember 2016, sejumlah RM742,963 (94.9%) telah dibayar kepada kontraktor dan perubahan skop kerja tidak dikemukakan/ diluluskan oleh Pengarah Projek; dan

- v. lawatan Audit ke empat buah rumah di Kg. Rungus Kapur mendapati hanya sebuah rumah yang berpenghuni, manakala satu rumah tidak berpenghuni dan dua rumah yang lain merupakan tempat penyimpanan baja seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.45



Kg. Rungus Kapur, Tuaran
- Tempat Penyimpanan Baja
(08.05.2017)

GAMBAR 4.46



Kg. Rungus Kapur, Tuaran
- Tempat Penyimpanan Baja
(08.05.2017)

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 15 September 2017

KKLW memperakui bahawa tidak menerima sebarang permohonan dan pemakluman mengenai perubahan kerja ini. Bagaimanapun, pengukuran semula bagi projek ini masih belum dibuat untuk penyelarasan pembayaran berdasarkan pemasangan sebenar di tapak.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan perubahan skop kerja pakej Kg. Bundu Tohuri, Tuaran tidak memuaskan kerana tidak mendapat kelulusan KKLW.

4.5.3.2. Penyediaan *As-Built Drawings*

- a. Mengikut klausa 49 syarat kontrak (Need Statement for Preliminary and General Conditions), *as-built drawings* bagi perkhidmatan dan kerja yang telah siap perlu disediakan dan dikemukakan kepada Kerajaan dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh penyiapan kerja. Selain itu, *as-built drawings* hendaklah disediakan/dikemukakan berserta dengan laporan pengujian, sijil ambil alih tapak, laporan kecacatan, PTOC (*Preliminary Taking Over Certificate*), senarai nama kampung, senarai nama pemohon, koordinat GPS bagi setiap tiang/*substation* dan borang izin lalu.
- b. Semakan Audit mendapati *as-built drawings* bagi tujuh projek yang siap dibina belum dikemukakan oleh pihak kontraktor walaupun Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 15 September 2017

Mengikut amalan semasa, pihak SESB akan mengeluarkan PTOC kepada kontraktor yang telah selesai menjalankan testing and commissioning (T&C). Antara syarat pengeluaran PTOC ini adalah penyediaan as-built drawing oleh kontraktor. Kontraktor akan mengemukakan as-built drawing kepada KKLW sebelum pengeluaran sijil perakuan membaiki kecacatan untuk tujuan penutupan akaun projek. Selepas CPC dikeluarkan, pihak SESB akan mengambil alih projek yang dilaksanakan. Bagaimanapun, kontraktor masih bertanggungjawab atas kecacatan projek sehingga pengeluaran CMGD dibuat dan diambil alih sepenuhnya oleh pihak SESB setelah FTOC dikeluarkan. Sebagai penambahbaikan KKLW akan meminda Penyata Kehendak Kerajaan bagi projek akan datang selaras dengan kesesuaian pelaksanaan projek BELB.

Pada pendapat Audit, kelemahan KKLW menguatkuasakan syarat kontrak telah mengakibatkan pihak kontraktor tidak mematuhi syarat kontrak untuk mengemukakan *as-built drawings* dalam masa tiga bulan daripada CPC dikeluarkan.

4.5.3.3. Pengeluaran *Final Taking Over Certificate* (FTOC)

- a. Projek BELB yang telah siap sepenuhnya akan dikeluarkan *Preliminary Taking Over Certificate* (PTOC). Selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan selama dua tahun, projek BELB hendaklah diserahkan secara rasmi kepada SESB. Namun sebelum projek diserahkan, SESB akan mengeluarkan *Final Taking Over Certificate* (FTOC) selepas berpuas hati terhadap pelaksanaan projek secara keseluruhannya.
- b. Semakan Audit mendapati dua projek yang telah disahkan siap dan telah tamat tempoh tanggungan kecacatan masih belum mempunyai FTOC daripada SESB. Antara sebab FTOC belum dikeluarkan adalah seperti berikut:
 - i. pendaftaran berkaitan keselamatan belum diperolehi daripada agensi yang berkenaan; dan
 - ii. kontraktor dan SESB belum membuat pemeriksaan bersama untuk pengeluaran FTOC. Maklumat bagi dua projek yang belum mendapat FTOC adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.13
PROJEK YANG BELUM MENDAPAT FTOC
SELEPAS TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP) TAMAT**

BIL.	PROJEK TALIAN GRID	DAERAH/KAMPUNG	TARIKH SIAP	TARIKH PTOC	TARIKH DLP TAMAT
1.	Zon 5 2011 – 2012	Ranau: - Kg. Mokodou - Kg. Tanid - Kg. Linampasan - Kg. Wayan - Kg. Sumbilingan - Kg. Nasakot - Kg. Mengkapoh - Kg. Mampakot - Kg. Maliau	23.10.2013	08.08.2014	29.10.2015
		Batu Sapi: - Kg. Malupak Darat - Kg. Gaas - Kg. Koyah Bersatu		09.11.2012 09.04.2013 08.11.2012	
2.	Zon 5 2013 – 2014	Kinabatangan: - Kg. Bilit Sukau - Kg. Kulu-Kulu Sukau - Kg. Sukau Hujung Sukau - Kg. Koyah A - Kg. Entilibon Asal - Kg. Simpang Entilibon	27.03.2015	23.12.2014 17.11.2014 24.12.2014 17.11.2014 03.12.2014 23.02.2015	28.02.2017
		Libaran: - Kg. Sungai Tiram - Kg. Jaya Bakti KM60 - Kg. Sri Hujung (Sibugal Besar)		25.08.2014 26.06.2014 09.02.2015	
		Beluran: - Kg. Pinunakan - Kg. Lumou, Kg. Taviu dan Kg. Sanaron, Jalan Talangap		03.12.2014 17.11.2014	
		Silam: - Kg. Bangingod - Kg. Batu 1 1/2		13.02.2014 27.02.2014	

Sumber: Rekod KKLW

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 15 September 2017

FTOC hanya akan dikeluarkan oleh pihak SESB selepas CMGD. Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk memperoleh FTOC secepat mungkin selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan kerana FTOC adalah syarat utama pengeluaran CMGD dari KKLW.

Pada pendapat Audit, pengeluaran *Final Taking Over Certificate* (FTOC) bagi projek berkenaan tidak memuaskan kerana ia tidak diperolehi secepat mungkin selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan.

4.5.4. Kajian Keberkesanan Projek

4.5.4.1. Penilaian Outcome

- a. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan menetapkan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan membuat penilaian *outcome* dan impak terhadap

sesuatu program yang dilaksanakan. Penilaian tersebut bertujuan mengukur sama ada dasar atau program yang dilaksanakan telah mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasaran.

- b. Semakan Audit mendapati KKLW belum membuat penilaian *outcome* bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Oleh itu, KKLW belum boleh mengukur sama ada program BELB yang telah dilaksanakan telah mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasaran.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 15 September 2017

KKLW mengambil maklum akan perkara ini dan akan memastikan penilaian outcome dijalankan bagi projek terkini mengikut kesesuaian. Sebelum ini penilaian outcome dibuat berdasarkan projek yang dipilih oleh pihak Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) JPM. KKLW akan menambah baik garis panduan BELB dan menetapkan garis panduan pemilihan projek bagi tujuan pelaksanaan penilaian outcome. Sekurang-kurangnya satu projek dalam tempoh pelaksanaan yang sama akan dibuat penilaian setahun selepas projek tersebut siap dan diserahkan.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan tanggungjawab KKLW untuk mengukur sama ada program BELB telah mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi manfaat kepada golongan sasaran adalah tidak memuaskan kerana kajian keberkesanan keseluruhan projek tidak dilaksanakan.

4.5.4.2. Maklum Balas Pelanggan

- a. Borang soal selidik adalah satu kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada pelanggan. Pihak Audit telah menyediakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas penduduk terhadap kemudahan bekalan elektrik yang diterima. Pihak Audit bercadang mengedarkan sebanyak 210 borang soal selidik kepada penduduk iaitu masing-masing sepuluh di setiap kampung yang dilawati. Bagaimanapun, hanya sebanyak 100 borang soal selidik yang dapat diedarkan dan mendapat maklum balas berikutan ketiadaan penghuni di rumah semasa lawatan Audit.
- b. Analisis terhadap 100 borang soal selidik tersebut mendapati perkara berikut:
 - i. sebanyak 65 (65%) daripada responden telah membuat pendawaian elektrik dalam rumah dan 28 (43.1%) daripadanya telah menerima bekalan elektrik (ada meter elektrik SESB). Manakala baki 37 (56.9%) responden telah menerima bekalan elektrik melalui penyambungan elektrik secara tidak sah sementara menunggu pemasangan meter oleh pihak SESB daerah;

- ii. baki 35 (35%) responden belum membuat pendawaian dalam rumah antara lainnya disebabkan menghadapi masalah kewangan, tidak memerlukan bekalan elektrik (rumah kebun dan pekerja), menggunakan *generator*, masih menggunakan talian lama (sedia ada) dan membuat penyambungan dari rumah jiran. Selain itu, kesemua responden yang belum membuat pendawaian elektrik tidak mengetahui kewujudan *Assisted Rural Wiring Scheme* (ARWS) yang disediakan oleh pihak SESB kepada penduduk yang tidak berkemampuan bagi membiayai kos pendawaian elektrik dalam rumah; dan
- iii. rumusan analisis soal selidik adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.14
RUMUSAN SOAL SELIDIK

DAERAH	KAMPUNG	SAMPEL SOAL SELIDIK				
		BIL.	PENDAWAIAN ELEKTRIK DALAM		TERIMA BEKALAN (Ada Meter)	MAKLUM ARWS Ya (I) / Tidak (X)
			SUDAH	BELUM		
Sook/ Pensiangan	Nandangan	11	10	1	-	X
	Sesulungon	7	7	-	1	TB
	Lalapakon	10	6	4	3	X
Kota Marudu	Bombong 2	3	2	1	2	X
	Bombong 3	8	7	1	7	TB
Keningau	Pangansangan	7	1	6	-	X
	Kikiran	2	-	2	-	X
	Kota Ayangan	5	4	1	2	X
Beaufort	Lupak Seberang	5	2	3	1	X
	Labi	9	9	-	4	TB
Beluran	Jaya Bakti	14	11	3	8	X
Tuaran	Bulieng	4	-	4	-	X
	Gumoron	2	-	2	-	X
	Bundu Tohuri	2	-	2	-	X
Kota Belud	Sarang	9	4	5	-	X
	Kondis	2	2	-	-	X
JUMLAH		100	65	35	28	

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5.5. Pemantauan Projek

4.5.5.1. Pemantauan terhadap projek BELB di Negeri Sabah hendaklah dilakukan secara teratur dan berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan selaras dengan objektif sebenar projek. Projek di bawah Program BELB di Negeri Sabah dipantau oleh KKLW selaku Agensi Pelaksana serta perunding yang dilantik. Berdasarkan *Appendix 2 Government Requirement - Need Statement for Preliminary and General Condition*, perenggan 14.1,

Mesyuarat Tapak hendaklah diadakan sekali pada setiap bulan atau dalam selang masa yang ditetapkan oleh KKLW. Selain itu, bagi meningkatkan prestasi pemantauan, KKLW perlu menyediakan rancangan pemantauan terhadap projek BELB di Negeri Sabah secara keseluruhannya sama ada oleh Ibu Pejabat KKLW atau Pejabat KKLW Negeri (PKN).

4.5.5.2. Semakan Audit terhadap pemantauan projek talian grid di bawah Program BELB mendapati perkara berikut:

- a. KKLW tidak menetapkan kekerapan mesyuarat tapak yang perlu diadakan. Berdasarkan kepada minit mesyuarat yang dikemukakan, kekerapan mesyuarat tapak dilaksanakan adalah sekali dalam tempoh satu hingga tiga bulan;
- b. rancangan pemantauan terhadap projek BELB di Negeri Sabah secara keseluruhannya tidak disediakan;
- c. berdasarkan temu bual, pihak Audit dimaklumkan bahawa pemantauan yang dibuat ke tapak projek adalah secara *ad hoc* atau apabila ada keperluan. Pemantauan yang lebih kerap tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh kekangan masa dan kakitangan yang tidak mencukupi;
- d. mengikut carta organisasi Bahagian Teknikal KKLW, pemantauan projek BELB Negeri Sabah adalah di bawah tanggungjawab Unit Kejuruteraan Elektrik II yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian Gred J54. Unit ini dianggotai oleh tiga orang pegawai yang terdiri daripada seorang Jurutera Elektrik gred J44, Penolong Jurutera Elektrik gred J36 dan Penolong Jurutera Elektrik gred J29. Bagaimanapun, penyandang jawatan Penolong Jurutera Elektrik J36 telah berpindah ke kementerian lain berkuat kuasa pada akhir bulan Mei 2017 dan jawatan tersebut masih belum diisi;
- e. semakan Audit seterusnya mendapati Pejabat KKLW Negeri (PKN) hanya membantu membuat pemantauan secara *ad-hoc* juga kerana PKN perlu melaksanakan pemantauan terhadap projek-projek di bawah program lain seperti Program Jalan Luar Bandar (JALB) dan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) serta lain-lain program di bawah kelolaan KKLW; dan
- f. kekangan sumber manusia di KKLW telah menyebabkan kebergantungan sepenuhnya terhadap pemantauan yang dilaksanakan oleh perunding yang dilantik. Memandangkan fungsi perunding adalah terhad kepada pematuhan reka bentuk dan spesifikasi kerja oleh kontraktor, pemantauan projek seharusnya dilaksanakan secara langsung oleh KKLW. Selain itu, pemantauan ini juga seharusnya merangkumi pemantauan terhadap kerja-kerja penyeliaan yang dilaksanakan oleh perunding.

Maklum Balas KKLW yang Diterima Pada 15 September 2017

Sasaran pemantauan melalui mesyuarat tapak adalah ditetapkan secara purata sebulan sekali. Bagaimanapun, mesyuarat tapak ada kalanya perlu ditunda kerana pasukan projek terlibat dengan urusan lain seperti urusan pemanggilan tender, komitmen dengan projek lain di semenanjung, urusan perancangan projek, urusan projek semasa dan lain-lain. KKLW juga mengakui, pemantauan secara kerap dan berkala adalah diperlukan untuk menjamin kejayaan sesuatu projek. KKLW sebaik mungkin cuba melakukan lawatan tapak ke projek yang dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada projek yang bermasalah. Faktor kekangan sumber manusia adalah penyumbang utama kepada kelemahan ini.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan projek talian grid di Negeri Sabah adalah tidak memuaskan kerana tidak dilaksanakan secara berkala disebabkan oleh kekangan sumber manusia.

4.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan isu yang dibangkitkan berkenaan dengan Program BELB di Negeri Sabah dapat diperbaiki/dipertingkatkan dengan cekap dan berkesan agar rakyat memperoleh manfaat daripada program tersebut, adalah disyorkan supaya KKLW mengambil langkah seperti berikut:

4.6.1. meningkatkan komunikasi dan koordinasi dengan agensi yang terlibat dalam pelaksanaan projek bekalan elektrik supaya masalah seperti penyediaan skop kerja yang tidak sesuai dapat dielakkan, projek fizikal dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan golongan sasaran dapat menikmati kemudahan elektrik tanpa kelewatan;

4.6.2. mempertimbangkan cadangan untuk memperluaskan skop projek talian grid dengan pendawaian elektrik dalam rumah bagi penduduk dari kategori miskin tegar bagi menangani isu ketidakmampuan rakyat membiayai kos pendawaian elektrik dalam rumah. KKLW juga boleh bekerjasama dengan pihak SESB untuk menghebahkan *Assisted Rural Wiring Scheme* (ARWS) kepada penduduk/golongan sasaran yang layak;

4.6.3. melaksanakan kerjasama dengan pejabat daerah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah, SESB dan agensi lain untuk mengenal pasti rumah yang perlu diberi kemudahan bekalan elektrik;

4.6.4. melibatkan pihak SESB secara langsung dalam pelaksanaan dan pemantauan projek talian grid memandangkan pihak SESB mempunyai kepakaran

khusus berkaitan dengan bekalan elektrik selain dapat mengelakkan sebarang masalah timbul apabila projek telah siap dan dibayar sepenuhnya;

4.6.5. membuat penilaian *outcome* terhadap projek talian grid yang telah dilaksanakan di bawah Program BELB di Negeri Sabah bagi mengenal pasti kemudahan yang disediakan telah digunakan oleh rakyat secara optimum dan Kerajaan mendapat *value for money* atas perbelanjaan; dan

4.6.6. mengkaji semula mekanisme pemantauan terhadap projek bekalan elektrik supaya pemantauan yang lebih rapi dan berkesan dapat diwujudkan terhadap kerja penyeliaan yang dilaksanakan oleh perunding projek.

5. PROJEK MENAIKTARAF JALAN AYER KEROH KE BANDAR MELAKA (PERSIMPANGAN PERINGGIT DAN PERSIMPANGAN MITC)

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Projek Menaiktaraf Jalan Ayer Keroh ke Bandar Melaka adalah projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Jalan ini merupakan laluan masuk utama ke Negeri Melaka yang melalui kawasan pentadbiran utama Kerajaan Negeri, kawasan industri Ayer Keroh dan ke pusat bandar. Objektif projek menaiktaraf ini adalah untuk mewujudkan rangkaian jalan raya yang selamat dan selesa kepada pengguna jalan raya.

5.1.2. Skop projek adalah menaiktaraf jalan daripada kesesakan yang teruk hingga kepada aliran trafik lebih baik. Projek menaiktaraf ini menggantikan dua persimpangan berlampu isyarat kepada persimpangan bertingkat sepanjang lima kilometer di Peringgiti (dua lorong sehalu) dan di MITC (empat lorong dua hala).

5.1.3. Lokasi projek menaiktaraf di Persimpangan Peringgiti dan Persimpangan MITC adalah seperti gambar rajah berikut:

GAMBAR RAJAH 5.1
LOKASI PROJEK DI PERSIMPANGAN PERINGGIT



Sumber : JKR Cawangan Jalan

**GAMBAR RAJAH 5.2
LOKASI PROJEK DI PERSIMPANGAN MITC**



Sumber : JKR Cawangan Jalan

5.1.4. Kontraktor Isedecor Bina Sdn. Bhd. (IBSB) dilantik oleh Kementerian Kewangan (MoF) melalui tender terhad dan pelaksanaan projek adalah secara konvensional (perunding) dengan kos asal kontrak berjumlah RM286.67 juta. Projek ini dilaksanakan mulai 17 Mac 2014 dengan tarikh siap asal pada 16 Mac 2017. Kontrak ini diluluskan dengan dua lanjutan masa selama 446 hari dan tarikh siap semasa adalah pada 5 Jun 2018. Kemajuan kerja setakat bulan Ogos 2017 adalah 45.2%. Butiran projek adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.1
BUTIRAN PROJEK**

BUTIRAN	KONTRAK
Kos Siling	RM301.5 juta
Sumber Peruntukan	Kementerian Kerja Raya
Jenis Kontrak	Konvensional (Perunding)
Kaedah Perolehan	Tender Terhad
Nama Kontraktor	Isedecor Bina Sdn. Bhd.
Nama Perunding	Jurutera Perunding Zaaba Sdn. Bhd.
Pengarah Projek/Pegawai Penguasa	Pengarah JKR Melaka (31 Mac 2014 – 15 Januari 2016) / Pengurus Besar Kanan Pembinaan 1 (mulai 16 Januari 2016)
Kos Asal Kontrak	RM286.67 juta
Kos Kontrak Semasa	RM266.88 juta
Tarikh Surat Setuju Terima (SST)	25 Februari 2014
Tarikh Milik Tapak	17 Mac 2014
Tarikh Siap Asal (Sepatut)	16 Mac 2017
Tarikh Siap Semasa (Ikut Kontrak)	5 Jun 2018
Jumlah Lanjutan Masa/ <i>Extension of Time</i> (EOT) (Hari)	2 (446)
Kemajuan Kerja Sehingga Ogos 2017	45.2%

Sumber : JKR Cawangan Jalan

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek menaiktaraf ini telah diurus dengan cekap dan berhemat.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi tujuh bidang utama (key area) iaitu perancangan projek, pengurusan nilai, prestasi fizikal dan kewangan, pelantikan kontraktor/perunding, pentadbiran kontrak, pelaksanaan kerja menaiktaraf dan pemantauan projek. Penyemakan dokumen telah dijalankan di Ibu Pejabat JKR, Cawangan Jalan (Bahagian Pengurusan Projek Zon Selatan) dan Pejabat Tapak JKR Melaka. Pengauditan meliputi tahun 2014 hingga bulan Julai 2017. Dalam hal ini, objektif projek belum dapat ditentukan kerana kerja menaiktaraf masih dalam proses pelaksanaan.

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menjalankan analisis terhadap kemajuan projek. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat telah diadakan untuk mendapatkan penjelasan lisan dan memastikan ketepatan maklumat yang dilaporkan. Selain itu, lawatan fizikal ke tapak pembinaan turut dijalankan pada 25 April hingga 28 April 2017 bagi memeriksa tahap pematuhan spesifikasi dan kualiti kerja menaiktaraf.

5.5. PENEMUAN AUDIT

Berdasarkan tujuh bidang utama yang dinilai, pihak Audit merumuskan pengurusan projek secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana perancangan projek telah disediakan dengan menyeluruh dan pentadbiran kontrak dibuat dengan teratur termasuk hal berkaitan bon pelaksanaan, bayaran pendahuluan dan penyediaan perakuan muktamad. Pemantauan terhadap projek pula telah dilaksanakan secara berkala. Bagaimanapun, kelemahan dalam pengurusan nilai, pelantikan perunding dan prestasi kemajuan fizikal telah menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini dan menyumbang kepada kelewatan dalam kemajuan pelaksanaan semasa. Di samping itu, pelaksanaan kerja menaiktaraf bagi ujian terhadap pembinaan jejambat tidak mengikut piawaian. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. aktiviti pengambilan balik tanah, pemetaan utiliti dan pembinaan semula aset Kerajaan tidak diperincikan dalam Makmal Pengurusan Nilai mengakibatkan kelewatan penyiapan kerja menaiktaraf;
- ii. kemajuan kerja sebenar mengalami kelewatan berbanding jadual pelaksanaan kerja pada bulan Mei 2017 hingga Julai 2017;

- iii. ujian jejambat di Persimpangan Peringgit dan Persimpangan MITC tidak mengikut piawaian kejuruteraan; dan
- iv. bayaran RM1.9 juta kepada perunding Mega Jati Consult Sdn. Bhd. (MJCSB) bagi kerja pengalihan utiliti sepatutnya boleh dielakkan sekiranya kerja ini dilaksanakan oleh perunding Jurutera Perunding Zaaba Sdn. Bhd. (JPZSB) sebagaimana perjanjian. Bagaimanapun, penyelarasan jumlah bayaran tersebut masih belum dibuat kepada JPZSB hingga ke tarikh pengauditan.

Perkara yang ditemui telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 2 Ogos 2017 dan maklum balas Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diperolehi pada 24 Ogos 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

5.5.1. Perancangan Projek

5.5.1.1. Setiap projek menaiktaraf hendaklah dirancang dengan mengambil kira semua aspek perancangan supaya projek disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Perancangan hendaklah disediakan agar selaras dengan objektif dan *outcome* yang ditetapkan.

5.5.1.2. Semakan Audit terhadap aspek perancangan projek mendapati ianya telah dilaksanakan dengan menyeluruh. Aspek keperluan projek, kajian kemungkinan/penyelidikan tapak bina, kelulusan projek dan kos, status tanah dan kesesuaian lokasi projek, kaedah pelaksanaan, reka bentuk dan keperluan kewangan telah dinilai dengan sewajarnya oleh KKR/Jabatan Kerja Raya (JKR).

Pada pendapat Audit, perancangan projek ini adalah baik mengambil kira aspek penting bagi kerja menaiktaraf jalan.

5.5.2. Pengurusan Nilai

Pekeliling Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri, Bil. 3 Tahun 2009 menggariskan tujuan Pengurusan Nilai/*Value Management* (VM) adalah untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap Kajian Nilai/*Value Assessment* (VA) dan Kejuruteraan Nilai/*Value Engineering* (VE) adalah seperti berikut:

5.5.2.1. Kajian Nilai/VA – Pengambilan Balik Tanah

- a. Makmal VA bagi projek ini telah diadakan pada 12 hingga 15 September 2011 dan diterajui oleh UPE, JPM melibatkan MoF, KKR dan Agensi yang terlibat. Tujuan VA adalah antara lainnya untuk menetapkan jangka masa

pengambilan balik tanah serta memutuskan sama ada sesuatu projek perlu diterus atau ditangguhkan.

- b. Semakan Audit mendapati jangka masa pengambilan balik tanah meliputi proses tuntutan pampasan tanah tidak ditetapkan di peringkat VA. Ini mengakibatkan tuntutan pampasan tanah masih dibuat hingga ke tarikh semasa (Jun 2017) oleh pemilik tanah yang terlibat. Aktiviti pengambilan balik tanah ini sepatutnya diselesaikan sebelum tapak projek mula diserahkan pada 17 Mac 2014 bagi mengelakkan kelewatan dalam pelaksanaan projek.

5.5.2.2. Kejuruteraan Nilai/VE

- a. Makmal VE dijalankan pada 3 hingga 6 Julai 2012 diterajui oleh JKR yang melibatkan UPE, JPM, MoF, KKR dan Agensi terlibat. Tujuan VE diadakan adalah untuk menilai dan memuktamadkan reka bentuk projek. Hasil kajian VE menunjukkan penjimatan kos projek sebanyak RM10.6 juta menjadikan kos muktamad projek berjumlah RM692 juta. Kajian VE juga memuktamadkan pembinaan yang akan dilaksanakan secara berfasa dengan keutamaan diberikan kepada kerja menaiktaraf Persimpangan Peringgit dan Persimpangan MITC.
- b. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kelemahan daripada pelaksanaan VE seperti berikut:

i. Pemetaan Utiliti

- Kerja pengalihan utiliti adalah berdasarkan data pemetaan utiliti yang dilaksanakan pada bulan Oktober 2009 bertujuan menentukan laluan utiliti sedia ada. Lukisan laluan utiliti tersebut hendaklah meliputi keluasan koridor yang ditetapkan berdasarkan keratan rentas tanah di tapak projek.
- Reka bentuk pengalihan utiliti yang dilukis pada tahun 2015 adalah berdasarkan data pemetaan utiliti tahun 2009 yang tidak meliputi keluasan koridor dan aliran utiliti terkini kerana data pada tahun 2015 belum dimuktamadkan. Situasi ini telah memberi kesan langsung terhadap kelewatan kerja menaiktaraf. Kerja pemetaan utiliti sepatutnya diperincikan semasa peringkat Makmal VE yang diadakan pada tahun 2012. Ini kerana rekod yang diambil pada tahun 2009 yang mungkin tidak relevan untuk kerja menaiktaraf pada tahun 2014. Kesannya, berlaku peningkatan kos perunding sebanyak RM1.9 juta dalam kerja pengalihan utiliti.

ii. Pembinaan Semula Aset Kerajaan

- Aset Kerajaan yang terlibat dengan kawasan pembinaan telah dibincangkan dalam Mesyuarat Tapak. Aset Kerajaan yang dikenal pasti ialah Jabatan Veterinar, Memorial Tun Ghafar Baba, Penjara Pra Bebas Dusun Dato' Murad, Hospital Besar Melaka, Kolej Jururawat dan National Autism Society of Malaysia (NASOM). Kos pembinaan semula aset Kerajaan tersebut telah diperuntukkan sebanyak RM500,000 di bawah Wang Peruntukan Sementara.
- Semakan Audit mendapati perkara ini tidak dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Makmal VE. Ini menyebabkan kelewatan terhadap tempoh projek menaiktaraf kerana kerja pembinaan semula aset bermula pada April 2015 dan telah siap sepenuhnya pada September 2016.

Pada pendapat Audit, Pengurusan Nilai bagi Makmal VE adalah tidak memuaskan kerana aktiviti pemetaan utiliti dan pembinaan semula aset Kerajaan tidak dibincangkan dengan terperinci hingga mengakibatkan kelewatan penyiapan kerja menaiktaraf.

5.5.3. Prestasi Projek

5.5.3.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Mengikut syarat asal kontrak, projek ini perlu disiapkan pada 16 Mac 2017 iaitu dalam tempoh 36 bulan daripada tarikh milik tapak bertarikh 17 Mac 2014. Berdasarkan peratusan nilai kerja berbanding kontrak, kemajuan fizikal pada bulan Jun 2017 ialah 45%. Projek ini telah diberi kelulusan dua EOT seperti berikut:


**JADUAL 5.2
PERAKUAN KELAMBATAN DAN EOT YANG DILULUSKAN**

PERKARA	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	TARIKH SIAP	KLAUSA	JUMLAH (Hari)	SEBAB LANJUTAN MASA
EOT 1	19.12.2014	28.01.2015	21.08.2017	43.1 (e)	158	Kelewatan disebabkan kerana-kerja pengalihan utiliti
EOT 2	26.10.2016	18.03.2016	05.06.2018	43.1 (h)	288	Kelewatan disebabkan pembinaan semula aset Kerajaan di kawasan Penjara Dusun Dato' Murad CH8550 – 8660 oleh pihak ketiga yang dilantik oleh Kerajaan
JUMLAH					446	

Sumber: JKR Cawangan Jalan

- b. Hasil pemeriksaan Audit mendapati pemberian EOT 1 dan EOT 2 boleh dielakkan sekiranya pemetaan utiliti dan pelantikan perunding utiliti dimuktamadkan serta aset Kerajaan terlibat dikenal pasti dalam Pengurusan Nilai.
- c. Semakan Audit terhadap graf pencapaian kemajuan kerja fizikal projek bagi bulan April 2014 hingga Julai 2017 adalah seperti di graf berikut:

**GRAF 5.1
PERATUS KEMAJUAN KERJA BERBANDING UNJURAN**



Sumber : Sistem Kawal dan Lapor (SKALA), JKR

- d. Analisis terhadap graf dan Laporan SKALA JKR mendapati kemajuan kerja fizikal pembinaan dalam tempoh sepuluh bulan yang pertama pada bulan Mac 2014 hingga Januari 2015 adalah tidak memuaskan dengan peratusan kemajuan kerja sebenar sebanyak 10.57% berbanding jadual kemajuan kerja yang ditetapkan pada 33.04%. **Berdasarkan peratusan kemajuan kerja yang semakin menurun mulai Mei 2017 hingga Julai 2017 yang disebabkan skop kerja bagi ujian pengesahan cerucuk tidak dapat dilakukan mengikut unjuran, adalah disarankan pihak pengurusan memberi perhatian yang sewajarnya agar kerja dapat disiapkan pada tarikh yang sepatutnya.** Projek ini dikategorikan sebagai projek sakit jika pihak JKR tidak menjalankan pemantauan rapi untuk memastikan kelewatannya tidak melebihi 20% sepertimana yang berlaku pada Januari 2015.

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 24 Ogos 2017

Jika projek ini dimuktamadkan pada peringkat awal kemungkinan dua lanjutan masa dapat dielakkan. Bagaimanapun sebelum memulakan kerja di tapak, pihak kontraktor ada melaksanakan kerja pemetaan utiliti dan berdasarkan

pemetaan utiliti yang baru ini didapati ada pertambahan utiliti yang perlu dialihkan.

KKR telah mengambil tindakan proaktif selepas menerima teguran Audit dengan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) pada 25 Ogos 2017 yang terdiri daripada sepuluh pegawai KKR/JKR. Skop siasatan meliputi semakan dokumen di Bahagian Pengurusan Projek Zon Selatan, mengadakan lawatan tapak, sesi temubual dan mengeluarkan laporan siasatan kepada Ketua Setiausaha (KSU), KKR. Lawatan tapak juga telah dijalankan oleh JKSD pada 11 September 2017 bagi melengkapkan proses siasatan projek ini.

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek adalah tidak memuaskan kerana kemajuan fizikal pada bulan Julai 2017 mengalami kelewatan iaitu 43.9% berbanding unjuran kemajuan projek sebanyak 58%.

5.5.3.2. Prestasi Kewangan

Kos siling yang diluluskan oleh UPE adalah berjumlah RM301.5 juta dengan nilai kontrak asal sebanyak RM286.67 juta. Empat Arahan Perubahan Kerja (APK) telah diluluskan yang melibatkan penambahan kos sejumlah RM939,826. Selain itu, satu Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dengan jumlah bersih kurangan nilai skop kerja berjumlah RM20.7 juta telah diluluskan. Selepas mengambil kira APK dan PHK, nilai kontrak yang dilaraskan adalah berjumlah RM266.88 juta, iaitu pengurangan kos sebanyak 7.2%. Butiran lanjut APK dan PHK yang diluluskan seperti jadual berikut:

JADUAL 5.3
ARAHAN PERUBAHAN KERJA

NO. APK	PERKARA	PENAMBAHAN NILAI SKOP KERJA (RM)	PERATUSAN TERHADAP KOS PROJEK (%)
APK No. 1	Pelebaran saiz 'Road Side Drain' daripada 830 mm kepada 1200 mm	478,831	0.16
APK No. 2	Membatalkan pembinaan parit tanah dari CH8860 ke CH8960, Jalan C3, Persimpangan MITC dan menggantikannya dengan 'Covered U-Drain' bersaiz 3.3 m x 3.0 m di lokasi yang sama	290,224	0.10
APK No. 3	Membina 'Box Culvert' bersaiz 1.5 m x 1.5 m di CH87.5, Jalan CJ1, Persimpangan MITC	42,851	0.02
APK No. 4	Pertukaran 'Butterfly Valve' ke 'Gate Valve' untuk ukuran 500 m dan 600 m bagi kerja pemasangan paip	127,920	0.04
JUMLAH BERSIH PENAMBAHAN		939,826	0.32

Sumber : JKR Cawangan Jalan

**JADUAL 5.4
PELARASAN HARGA KONTRAK**

NO. PHK	PERKARA	(PENGURANGAN) NILAI SKOP KERJA (RM)	PERATUSAN TERHADAP KOS PROJEK (%)
PHK No. 1	Pengukuran semula Kuantiti Sementara bagi Kerja-kerja Geoteknikal di Persimpangan Peringgit dan Persimpangan MITC	(20.72 juta)	7.2
JUMLAH BERSIH KURANGAN		(20.72 juta)	7.2

Sumber : JKR Cawangan Jalan

5.5.4. Pelantikan Kontraktor/Perunding

5.5.4.1. Pelantikan Kontraktor

- a. Garis Panduan Memanggil Tender Secara Terhad, Rundingan Terus dan Tender di Bawah Program Kontraktor Berwibawa menyatakan proses dan kelulusan mempelawa tender secara terhad, rundingan terus dan tender hendaklah diperoleh daripada MoF.
- b. Semakan Audit mendapati kontrak bagi projek ini telah dianugerahkan melalui kaedah tender terhad dan pelaksanaan projek adalah secara konvensional (perunding) antara Kerajaan dengan kontraktor IBSB. Kontraktor ini merupakan kontraktor kelas A yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB). MoF telah meluluskan tender kepada IBSB pada 23 Januari 2014 pada harga RM286 juta dan tempoh siap selama 36 bulan. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 25 Februari 2014.

5.5.4.2. Pelantikan Perunding

a. Jurutera Perunding Zaaba Sdn. Bhd. (JPZSB) – Perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur

Pelantikan Perunding ini hendaklah dilaksanakan sebagaimana Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2006 yang menetapkan proses dan prosedur perolehan. Semakan Audit mendapati MoF telah bersetuju meluluskan pelantikan JPZSB sebagai Perunding Kejuruteraan Awam dan Struktur pada 12 Julai 2009 untuk menyediakan reka bentuk terperinci dan penyediaan dokumen tender dengan kos perkhidmatan perunding berjumlah RM9.1 juta. SST bagi surat pelantikan perunding telah ditandatangani pada 27 Oktober 2010.

b. Mega Jati Consult Sdn. Bhd. (MJCSB) – Perunding Kejuruteraan Elektrik

- i. MJCSB telah dilantik oleh MoF sebagai perunding bidang kejuruteraan elektrik pada 17 Ogos 2011 dan SST dikeluarkan pada 25 Oktober 2012

dengan kos perkhidmatan perunding sebanyak RM606,955 bagi skop reka bentuk, penyediaan dokumen tender dan penyeliaan pembinaan. SST telah dikeluarkan oleh Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE), Ibu Pejabat JKR pada Oktober 2012.

- ii. Semakan Audit mendapati skop kerja pengalihan utiliti pada asalnya adalah di bawah tanggungjawab JPZSB sebagaimana kandungan perjanjian yang dimeterai dengan JKR. Bagaimanapun, JPZSB telah mengarahkan MJCSB untuk melakukan kerja pengalihan utiliti tersebut tanpa pengetahuan JKR. Arahan ini didapati bertentangan dengan tanggungjawab perunding sebagai pelaksana projek secara konvensional (perunding). Akhirnya, MJCSB telah dilantik sebagai perunding untuk kerja pengalihan utiliti melalui Perjanjian Tambahan No. 1 pada bulan Mei 2015 dengan tambahan kos perunding RM1.9 juta. Isu prestasi perunding JPZSB ini tidak dimaklumkan oleh pihak JKR kepada MoF dan tiada penyelarasan bayaran dilakukan.

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 24 Ogos 2017

Bagi isu perjanjian antara Kerajaan dan MJCSB yang lewat ditandatangani, kronologi adalah seperti berikut:

No.	Tarikh	Kronologi
a.	22 Februari 2012	Kelulusan Cadangan Teknikal dan Kewangan (CTK)
b.	30 Julai 2012	Surat Kelulusan MoF
c.	24 September 2012	Surat makluman dari KKR kepada CKE
d.	25 Oktober 2012	SST CKE kepada Perunding
e.	6 November 2012	Tarikh SST ditandatangani oleh Perunding
f.	11 Januari 2013	Tarikh Memorandum of Agreement (MoA)

CKE mengambil tempoh masa selama 30 hari untuk melantik Perunding dari tarikh (d) (c) hingga tarikh (e) (d).

Perbezaan Term of Reference (TOR) dan Cadangan Teknikal dan Kewangan (CTK) yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus (PBM) bagi skop pengalihan utiliti adalah menjadi punca bagi isu pelantikan perunding utiliti MJCSB. Ini kerana terdapat masalah skop bayaran perunding bagi pengalihan utiliti kepada JPZSB. Selain itu, arahan telah dikeluarkan supaya MJCSB dilantik pada 22 Julai 2013 secara perjanjian tambahan kepada skop asal bagi kerja lampu jalan dan lampu isyarat. Akhirnya, kelulusan CTK bagi pelantikan MJCSB telah diperolehi oleh MoF pada 6 April 2015. Namun, reka bentuk telah pun dilaksanakan oleh MJCSB yang pada ketika itu dilantik secara dalaman oleh JPZSB sejak tahun 2012.

Maklum Balas Tambahan KKR yang Diterima Pada 26 September 2017

Prestasi perunding MJCSB sahaja dikemukakan kepada MoF melalui sistem e-Perunding yang dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan dan Elektrik (CKE). Bagi prestasi perunding JPZSB adalah di bawah skop Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur (CKAS).

Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor/perunding adalah memuaskan kecuali pelantikan perunding MJCSB dan kos tambahan RM1.9 juta bagi kerja pengalihan utiliti yang tidak sepatutnya berlaku kerana skop kerja asal telah dipersetujui dalam perjanjian JPZSB.

5.5.5. Pentadbiran Kontrak

5.5.5.1. Pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut syarat kontrak yang ditetapkan bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan. Aspek pentadbiran kontrak yang disemak meliputi urusan bayaran pendahuluan, bon pelaksanaan, polisi insurans dan pembayaran interim.

5.5.5.2. Semakan Audit mendapati pentadbiran kontrak adalah teratur di mana kontrak telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan, bon pelaksanaan dan polisi insurans telah meliputi tempoh kontrak serta urusan bayaran pendahuluan dan pembayaran interim kepada kontraktor telah mematuhi peraturan semasa dan syarat kontrak.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak adalah baik mengikut syarat kontrak yang telah ditetapkan.

5.5.6. Pelaksanaan Kerja Menaiktaraf

Kerja menaiktaraf hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan amalan kejuruteraan yang diterima umum. Pemeriksaan Audit telah dibuat terhadap kerja menaiktaraf sama ada pelaksanaannya mematuhi spesifikasi, kerja yang berkualiti dan penyimpanan bahan binaan secara teratur. Setiap kerja menaiktaraf hendaklah dilaksanakan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya jalan boleh digunakan secara selamat dan kondusif.

5.5.6.1. Kecacatan Jalan di Persimpangan Peringgit dan Kerja yang Kurang Berkualiti di Persimpangan MITC

Pasukan Audit telah membuat tinjauan terhadap pelaksanaan kerja di Persimpangan Peringgit dan Persimpangan MITC mendapati dua kecacatan jalan yang boleh memberi kesan kepada berlakunya kemalangan pengguna

jalan raya. *Pothole* telah ditemui di jalan sedia ada semasa kerja menaiktaraf dijalankan dan *stater bar* yang terbiar. Kontraktor telah diarahkan oleh Pegawai Penguasa untuk membaiki kecacatan jalan pada hari tersebut. Butiran lanjut kecacatan jalan dan pembaikan yang dijalankan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 5.5
KERJA YANG TIDAK BERKUALITI DI PERSIMPANGAN PERINGGIT**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	TINDAKAN JKR
Persimpangan Peringgit	<i>Pothole</i> tidak dibaiki (Gambar 5.1)	Pembaikan <i>Pothole</i> dengan menurap TAR (Gambar 5.2)
Persimpangan MITC	<i>Stater bar</i> terbiar (Gambar 5.3)	<i>Stater bar</i> telah diturunkan ke bawah (Gambar 5.4)

Sumber: Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

GAMBAR 5.1



Persimpangan Peringgit
- *Pothole* di Jalan Sedia Ada
(27.04.2017)

GAMBAR 5.2



Persimpangan Peringgit
- Pembaikan *Pothole* Dengan Menurap TAR
(26.04.2017)

GAMBAR 5.3



Persimpangan MITC
- *Stater Bar* Terbiar
(26.04.2017)

GAMBAR 5.4



Persimpangan MITC
- *Stater Bar* Telah Diturunkan ke Bawah
(26.04.2017)

5.5.6.2. Ujian yang Tidak Mengikut Piawaian

a. Ujian *Maintained Load Test* (MLT) di Jejambat Persimpangan MITC

Ujian MLT dijalankan terhadap struktur tanah bertujuan bagi menampung berat di tapak pembinaan jambatan di persimpangan MITC. Ujian MLT ini telah dilaksanakan pada 22 Mac 2017. Hasil ujian MLT yang boleh diterima pakai mengikut piawaian JKR adalah bagi 12.50 mm. Semakan Audit

terhadap laporan ujian MLT mendapati bahawa keputusan ujian MLT pada 13.335 mm untuk jejambat MITC adalah tidak mengikut piawaian yang ditetapkan yang akan memberi kesan terhadap struktur jangka hayat jejambat. Tiada pembayaran dibuat oleh pihak JKR untuk kegagalan ujian ini kerana ia ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor. Ujian ini dilakukan dengan meletakkan "Kettle Blocks" seberat 4,000 tan di lokasi tapak pembinaan jambatan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 5.5



**Persimpangan MITC
- Ujian MLT
(22.03.2017)**

GAMBAR 5.6



**Persimpangan MITC
- Ujian MLT
(22.03.2017)**

b. Ujian Sonic Logging di Jejambat Persimpangan Peringgit

Keputusan Ujian *Sonic Logging* untuk cerucuk gerek No. 2A/2.3 di Jejambat 2A Persimpangan Peringgit telah menunjukkan terdapat ketidakseragaman konkrit pada cerucuk di kedalaman sekitar 15 m hingga 40 m (rujuk gambar). Berdasarkan surat pengesahan terhadap keputusan ujian *Sonic Logging* yang dikeluarkan oleh JPZSB kepada kontraktor IBSB pada April 2017, keputusan ujian untuk cerucuk gerek No. 2A/2.3 menunjukkan gagal. Kegagalan ujian cerucuk ini mengakibatkan ianya tidak boleh digunakan dalam pelaksanaan projek. Sehubungan itu, pihak JKR perlu memastikan kontraktor mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi perkara ini.



GAMBAR 5.7

**Persimpangan Peringgit
- Ketidakseragaman Konkrit Pada Cerucuk
No. 2A/2.3
(26.04.2017)**

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 24 Ogos 2017

Ujian Maintained Load Test (MLT) di Jejambat Persimpangan MITC

Kerja-kerja pembinaan cerucuk gerak telah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun keputusan ujian MLT yang telah dibuat menunjukkan kegagalan. Ujian Sonic Logging telah dilaksanakan sekali lagi bagi mengesahkan punca kegagalan. Keputusan ujian sonic logging mengesahkan terdapat ketidakseragaman pada konkrit. Kontraktor menambahbaik kaedah bekerja dengan membuat 'flushing' di bahagian tapak cerucuk dan menambah peratusan penggunaan polimer kepada maksimum. Cerucuk gerak ini diputuskan sebagai 'abandon' dan cerucuk gantian dibina. Seterusnya satu ujian MLT telah dibuat pada 19 Jun 2017 dan ia didapati memuaskan. Kos dan ujian MLT yang kedua ditanggung oleh kontraktor.

Ujian Sonic Logging di Jejambat Persimpangan Peringgit

Cerucuk yang gagal diputuskan sebagai 'abandon'. Design review telah dihantar ke Head of Design Team (HODT) untuk semakan dan kelulusan. Kelulusan diterima daripada HODT pada 18 Julai 2017. Kerja penggantian cerucuk akan dilaksanakan. Tiada pembayaran dibuat untuk cerucuk yang gagal ini.

Pada pendapat Audit, kerja menaiktaraf adalah memuaskan kecuali keputusan ujian terhadap jejambat di Persimpangan Peringgit dan Persimpangan MITC tidak mematuhi piawaian yang boleh menjejaskan kualiti pembinaan.

5.5.7. Pemantauan

5.5.7.1. Mesyuarat Tapak adalah bertujuan untuk memantau kemajuan kerja dan mengenal pasti serta mencari penyelesaian terhadap sebarang masalah semasa pelaksanaan projek.

5.5.7.2. Semakan Audit mendapati sebanyak 35 mesyuarat tapak telah dijalankan sepanjang tempoh pembinaan projek sehingga 27 Julai 2017. Pelbagai isu dan masalah berbangkit seperti pertindihan rezab jalan, kelewatan kerja pengalihan utiliti, aktiviti pembinaan yang tertangguh dan hal lain-lain telah dibincangkan dan diselesaikan.

Pada pendapat Audit, pemantauan adalah baik dengan kekerapan mesyuarat tapak yang diadakan setiap bulan.

5.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan supaya KKR/JKR memberi pertimbangan berikut:

- 5.6.1. mengenalpasti kekangan dan mengatasi halangan dalam pelaksanaan kerja pengalihan utiliti oleh perunding yang menjadi faktor utama kepada penyebab kelewatan penyiapan projek; dan
- 5.6.2. mewujudkan mekanisme pemantauan bagi projek yang berisiko untuk tidak siap pada tarikh yang sepatutnya dengan memastikan kontraktor mempunyai tenaga kerja dan mesin yang cukup ketika pelaksanaan projek.

6. PROJEK MENAIKTARAF JALAN PERSEKUTUAN FR5 DARI SABAK BERNAM KE HUTAN MELINTANG

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang adalah projek di bawah RMKe-10 dengan kos siling peruntukan berjumlah RM171 juta yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Objektif pembinaan adalah mengadakan prasarana lebih selesa dan selamat, mengurangkan kadar tol, menampung trafik dari Lebuhraya Persisiran Pantai Barat/*West Coast Expressway* (WCE) dan menggalakkan aktiviti ekonomi di Koridor Persisiran Pantai Barat.

6.1.2. Jabatan Kerja Raya (JKR) merupakan agensi pelaksana yang bertanggungjawab untuk projek ini dan Pegawai Penguasa (P.P) adalah Pengurus Besar Kanan Pembinaan 3, Unit Projek Khas Cawangan Jalan, JKR. Projek dilaksanakan secara konvensional (perunding) melalui tender terhad. Kontraktor projek ialah Mangkubumi Sdn. Bhd. dengan nilai kontrak berjumlah RM164.19 juta. Tempoh pelaksanaan projek adalah 24 bulan iaitu dari bulan Julai 2015 hingga bulan Julai 2017. Projek ini diberi satu lanjutan masa/*Extension of Time* (EOT) selama 324 hari dan tarikh siap selepas EOT adalah pada bulan Jun 2018. Butiran projek adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 6.1
BUTIRAN PROJEK**

BUTIRAN	KONTRAK
Nama Kontraktor	Mangkubumi Sdn. Bhd.
Nama Perunding	ZAQ Engineering Services Sdn. Bhd.
Sumber Peruntukan	Kementerian Kerja Raya
Jenis Kontrak	Konvensional (Perunding)
Kaedah Perolehan	Tender Terhad
Pegawai Penguasa	Pengurus Besar Kanan Pembinaan 3, Unit Projek Khas Cawangan Jalan, JKR
Kos Siling (RM Juta)	171
Kos Kontrak (RM Juta)	164.19
Tarikh Surat Setuju Terima (SST)	26.06.2015
Tarikh Milik Tapak	27.07.2015
Tarikh Siap Asal	26.07.2017
Tarikh Siap EOT	15.06.2018
Bilangan Lanjutan Masa/ <i>Extension of Time</i> (EOT) (Hari)	1 (324)
Kemajuan Kerja sehingga bulan Julai 2017 (%)	77.9


Sumber : JKR Cawangan Jalan

6.1.3. Perjanjian Perunding/*Memorandum of Agreement* (MOA) telah ditandatangani antara Kerajaan dan perunding ZAQ Engineering Services Sdn. Bhd. (ZAQ) pada bulan Mei 2014 dengan kos perunding berjumlah RM25.57 juta. Satu perjanjian tambahan telah ditandatangani pada bulan Jun 2015 berjumlah RM2.27 juta. Ini menjadikan keseluruhan kos perunding berjumlah RM27.84 juta.

6.1.4. Skop projek meliputi kerja menaiktaraf laluan dua lorong dua hala sedia ada kepada laluan empat lorong dua hala berserta pembahagi jalan (median) dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang sepanjang lima kilometer (km), membina jambatan baru di Gertak Tinggi, tiga jejantas pejalan kaki berserta *ramp* motosikal, dua pusingan-U dan lain-lain kerja naik taraf yang melibatkan pengubahsuaian sistem perparitan, pengalihan utiliti, penyediaan bahu jalan selebar tiga meter dengan dua meter berturap serta pemasangan lampu jalan dan lampu trafik.

6.1.5. Lokasi projek bermula dari persimpangan pekan Sabak Bernam, Selangor hingga persimpangan Kampung Banang merentasi Jambatan Sungai Bernam, Hutan Melintang, Perak seperti gambar rajah berikut:

**GAMBAR RAJAH 6.1
LOKASI PROJEK**



Sumber: JKR Cawangan Jalan

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek telah diurus dengan cekap dan berhemat.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi tujuh bidang utama iaitu perancangan projek, pengurusan nilai, prestasi fizikal dan kewangan, pelantikan kontraktor/perunding, pentadbiran kontrak, kualiti kerja menaiktaraf dan pemantauan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Julai 2017. Pengauditan dilaksanakan di pejabat JKR Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR dan pejabat tapak. Objektif projek belum dapat ditentukan kerana status projek yang sedang dalam pembinaan.

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan serta menjalankan analisis kewangan terhadap kemajuan projek dan bayaran. Selain itu, lawatan fizikal di lokasi projek pada 13 dan 14 April 2017 serta temu bual dengan pegawai terlibat juga diadakan.

6.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Julai 2017 mendapati projek ini sedang dalam pembinaan dan kemajuan projek telah mencapai 77.9% dari tarikh siap selepas EOT pada 15 Jun 2018. Berdasarkan tujuh bidang utama yang dinilai, pihak Audit merumuskan pengurusan projek secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana perancangan projek telah dijalankan secara menyeluruh, pengurusan nilai dilaksanakan mengikut pekeliling, pelantikan kontraktor/perunding dibuat dengan teratur selaras dengan peraturan semasa dan melalui kaedah perolehan yang kompetitif iaitu secara tender terhad. Selain itu, pemantauan telah dijalankan dengan mengadakan mesyuarat tapak setiap bulan. Namun begitu, masih terdapat kelemahan yang menjejaskan kecekapan pelaksanaan projek ini, khususnya dalam aspek prestasi kemajuan fizikal yang menyebabkan projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak asal. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- i. kelewatan dalam kemajuan kerja sebenar berbanding jadual pelaksanaan antara 4% hingga 11% bagi kerja geoteknikal, perparitan dan struktur;
- ii. pembayaran berjumlah RM45,196 yang tidak sepatutnya dibuat kepada syarikat konsesi penyenggaraan rutin jalan; dan

- iii. ketebalan *Asphalt Concrete Wearing Course (ACWC)* dan *Asphalt Concrete Binder Course (ACBC)* tidak mengikut spesifikasi kontrak iaitu kurang lima milimeter.

Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan JKR telah dibincangkan dalam *Exit Conference* bertarikh 2 Ogos 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara berkenaan adalah seperti di perenggan berikut:

6.5.1. Perancangan Projek

6.5.1.1. Setiap projek hendaklah dirancang secara menyeluruh dengan mengambil kira semua aspek pengurusan projek menaiktaraf jalan supaya pelaksanaan projek dapat disiapkan mengikut tempoh dan kos yang ditetapkan. Perancangan hendaklah disediakan agar selaras dengan pencapaian objektif dan *outcome* projek.

6.5.1.2. Semakan Audit mendapati perancangan projek telah dilaksanakan dengan menyeluruh. Aspek keperluan projek, kelulusan projek dan kos, status tanah dan kesesuaian lokasi projek, kaedah pelaksanaan, reka bentuk dan keperluan kewangan telah dinilai oleh KKR dengan sewajarnya semasa perancangan projek.

Pada pendapat Audit, perancangan projek ini adalah baik mengambilkira aspek penting bagi kerja menaiktaraf jalan.

6.5.2. Pengurusan Nilai

6.5.2.1. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi (UPE) Bilangan 3 Tahun 2009, Perkara 4 menyatakan Pengurusan Nilai/*Value Management* (VM) disediakan bagi tujuan mengenal pasti, menyediakan pilihan serta mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Pengurusan Nilai termasuk fasa Kajian Nilai/*Value Assessment* (VA) dan Kejuruteraan Nilai/*Value Engineering* (VE) perlu dilaksanakan bagi program/projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas.

6.5.2.2. Semakan Audit terhadap Pengurusan Nilai mendapati *Lab VA* telah dilaksanakan pada 25 hingga 29 November 2013 bagi membincangkan skop dan kos projek yang melibatkan jajaran FR5. Bagaimanapun, keputusan mengenai skop dan kos projek telah dimuktamadkan dalam *Lab VE*. Pelaksanaan *lab* ini telah mengoptimumkan skop, reka bentuk dan kos projek daripada RM145 juta iaitu peruntukan yang diluluskan oleh UPE, JPM kepada RM144.80 juta. Keputusan *Lab VE* dan lawatan fizikal Audit pada 13 dan 14 April 2017 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.2
PERUBAHAN SKOP PROJEK ASAL BERBANDING LAB VALUE ENGINEERING

BIL.	KEPUTUSAN LAB VE	LAWATAN AUDIT
1.	Menaiktaraf laluan 2 lorong 2 hala sedia ada kepada 4 lorong 2 hala berserta median dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang 6.725 kilometer.	Masih dalam pembinaan dan skop sama selepas <i>Lab Value Engineering</i> .
2.	Membina jambatan baru 4 lorong 2 hala di Gertak Tinggi.	Masih dalam pembinaan dan skop sama selepas <i>Lab Value Engineering</i> .
3.	Skop kerja lain: a. menaiktaraf <i>at-grade signalised junction</i> Sabak Bernam sedia ada kepada persimpangan bertingkat. b. membina 2 pusingan-U. c. membina 3 buah jejantas berserta <i>ramp</i> motosikal. d. pengubahsuaian sistem perparitan. e. kerja pengalihan utiliti paip SYABAS, kabel TNB dan Telekom. f. kerja pemasangan lampu jalan dan lampu trafik. g. penyediaan bahu jalan selebar 3 meter dengan 2 meter berturap.	Kerja-kerja lain masih dalam pembinaan dan skop sama selepas <i>Lab Value Engineering</i> kecuali di bilangan 3 (a) - menaiktaraf <i>at-grade signalised junction</i> Sabak Bernam sedia ada kepada persimpangan bertingkat: i. reka bentuk persimpangan bertingkat berubah di mana pengurangan panjang <i>flyover</i> dari 800 meter kepada 500 meter. ii. mengeluarkan skop <i>Vehicular Box Culvert</i> . iii. menaiktaraf Jalan Naidu/Jalan Torkinton sebagai laluan alternatif ke Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam sepanjang 850 meter.

Sumber : Kertas Kerja *Lab Value Engineering*

6.5.2.3 Berdasarkan jadual di atas, kesemua skop projek adalah sama selepas Lab VE. Bagi skop pembinaan di persimpangan bertingkat Sabak Bernam, pembinaan *Vehicular Box Culvert* (VBC) telah dikeluarkan kerana ia boleh menyebabkan pandangan pemandu terhalang dan membahayakan pengguna. Perubahan tersebut dibuat selepas projek ditender dan mengurangkan kos pembinaan berjumlah RM20 juta.

Pada pendapat Audit, Pengurusan Nilai adalah baik kerana telah dilaksanakan mengikut pekeliling. Skop projek yang telah dilaksanakan adalah sama dengan keputusan Lab dalam Pengurusan Nilai kecuali perubahan skop di persimpangan bertingkat Sabak Bernam. Perubahan skop ini melibatkan pengurangan kos dan tidak menjejaskan fungsi dan objektif projek.

6.5.3. Prestasi Projek

6.5.3.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Mengikut syarat kontrak, projek ini perlu disiapkan pada bulan Julai 2017 iaitu dalam tempoh 24 bulan dari tarikh milik tapak pada bulan Julai 2015. Selain itu, berdasarkan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) – Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan PK4/2013 perenggan 9(i), projek yang kemajuan pelaksanaannya telah mengalami kelewatan melebihi dua bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasinya didefinisikan sebagai Projek Sakit.

- b. Semakan Audit mendapati kontraktor telah memohon satu EOT daripada pihak JKR pada bulan Januari 2017 dan diluluskan pada bulan Mac 2017 selama 324 hari. Tarikh sepatutnya siap selepas EOT diluluskan adalah pada bulan Jun 2018. Butiran lanjut mengenai EOT seperti jadual berikut:


JADUAL 6.3
PERAKUAN KELAMBATAN DAN EOT YANG DILULUSKAN

NO. EOT	TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	TEMPOH	BILANGAN HARI	KLAUSA	SEBAB EOT
1	22.03.2017	26.07.2017 – 15.06.2018	324	43.1(h)	Kelewatan pengesahan semula <i>Right of Way</i> oleh perunding disebabkan pertindihan rezab tanah Kelewatan pengalihan utiliti (SYABAS, Telekom dan TNB)

Sumber: JKR Cawangan Jalan

- c. Kelulusan EOT tersebut adalah berasaskan daripada pertindihan rezab tanah yang berlaku dan kelewatan pengalihan utiliti oleh SYABAS, Telekom dan TNB.
- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap pencapaian kemajuan kerja fizikal projek bagi bulan Ogos 2015 hingga Julai 2017 adalah seperti di graf berikut:

GRAF 6.1
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK BERBANDING JADUAL PELAKSANAAN PROJEK BAGI TEMPOH OGOS 2015 HINGGA JULAI 2017



Sumber: Laporan Kemajuan Kerja Projek

- i. Kemajuan projek dari bulan Ogos 2015 hingga Disember 2015 adalah baik di mana peratus kemajuan kerja sebenar melebihi peratus jadual kerja. Ini kerana terdapat kerja-kerja seperti pemasangan longkang, penggalian bahan korekan tidak sesuai, pemasangan lapisan geotekstil, penghamparan lapisan pasir dan penyediaan tapak untuk pembinaan *pedestrian bridge* dimulakan lebih awal berbanding jadual sebenar.
- ii. Bagaimanapun, bermula bulan Januari 2016, kemajuan kerja mula mengalami kelewatan berpunca daripada isu pengalihan utiliti disebabkan kelewatan pengesahan semula *Right of Way* (R.O.W) oleh perunding, kelewatan kelulusan lukisan pembinaan dan pengalihan utiliti oleh agensi, faktor luar jangka seperti penemuan kabel Time Dot Com

yang menghalang jajaran pembinaan jalan baru dan lain-lain lagi. Kelewatan ini telah mengganggu jadual kerja lain seterusnya menyumbang kepada kelewatan penyediaan projek mengikut tempoh yang ditetapkan.

- iii. Pada bulan Disember 2016 hingga Februari 2017, kemajuan kerja telah mengalami kelewatan melebihi 20% daripada jadual yang ditetapkan dan boleh dikategorikan sebagai projek sakit. Bagaimanapun, kontraktor masih berupaya menyiapkan projek dan permohonan EOT telah dikemukakan oleh kontraktor pada bulan Januari 2017.
- iv. Selepas EOT diluluskan pada bulan Mac 2017, peratus jadual kerja asal telah berubah mengikut tempoh penyediaan projek yang telah diluluskan. Berdasarkan graf, peratus keseluruhan kemajuan kerja projek mulai bulan Mac 2017 telah menunjukkan kemajuan kerja yang baik di mana pencapaian kemajuan kerja sebenar telah melebihi jadual sepatutnya.
- e. Semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan Kemajuan Kerja terperinci bagi bulan Mac 2017 hingga Julai 2017 pula mendapati kemajuan kerja bagi kerja tanah, geoteknikal, perparitan dan struktur telah menunjukkan kelewatan. Ini kerana terdapat kerja seperti pemasangan *beam* di persimpangan bertingkat Sabak Bernam yang belum boleh dilaksanakan disebabkan struktur *bridge column* belum siap sepenuhnya serta kerja pembinaan *median drain* dan *median sump* dihentikan sementara disebabkan perubahan reka bentuk. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 6.4
LAPORAN KEMAJUAN KERJA TERPERINCI

BIL.	KERJA-KERJA	*MAC 2017 (%)	*APRIL 2017 (%)	*MEI 2017 (%)	JUN 2017 (%)	JULAI 2017	
						KEMAJUAN (%)	KELEWATAN (%)
Kerja Tanah							
1.	% Kemajuan Sebenar	61	*45	45	65	72	0
	% Kemajuan Jadual	38	84	**72	72	72	
Kerja Geoteknikal							
2.	% Kemajuan Sebenar	54	58	*57	79	82	9
	% Kemajuan Jadual	47	58	68	78	91	
Kerja Perparitan							
3.	% Kemajuan Sebenar	89	89	89	89	89	11
	% Kemajuan Jadual	87	100	100	100	100	
Kerja Struktur							
4.	% Kemajuan Sebenar	55	64	68	86	86	4
	% Kemajuan Jadual	63	68	71	81	90	

Sumber: JKR Cawangan Jalan

Nota: (*) - Perubahan Penilaian Kemajuan Kerja Sebenar di Tapak

(**) - Perubahan Perancangan Jadual Projek

- f. Kesan daripada kelewatan penyiapan projek mengikut tarikh asal, kontraktor telah menuntut *loss and expenses* berjumlah RM3 juta. Kos yang dituntut adalah kos kerja awalan dan gaji pekerja bagi tempoh 11 bulan mengikut tempoh EOT. Bagaimanapun, tuntutan tersebut masih dalam semakan pihak JKR untuk kelulusan bayaran.

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 6 Oktober 2017

Pada ketika ini, kerja perparitan telah disiapkan sepenuhnya manakala kemajuan kerja struktur pula adalah lebih awal dari jadual. Hanya bagi kerja geoteknikal sahaja terdapat sedikit kelewatan yang berpunca dari cuaca luar biasa sepanjang bulan September 2017 yang lalu. Kemajuan kerja semasa di tapak sebelum mengambilkira tuntutan bagi bulan September 2017 adalah sebanyak 78.4% berbanding kemajuan dirancang iaitu 84.2%. Sekiranya tuntutan bulan September diambilkira maka kemajuan kerja adalah 81.6% berbanding jadual iaitu 84.2%. Dengan itu, kelewatan kemajuan kerja hanyalah 2.6% sahaja. Pada minggu kedua bulan Oktober 2017, rasuk-rasuk jambatan akan dipasang dan kerja-kerja pembinaan geladak jambatan akan dimulakan. Ini akan menjadikan kemajuan kerja struktur meningkat melebihi jadual.

*Pihak Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR telah menyemak tuntutan yang telah dikemukakan oleh pihak kontraktor dan ianya didapati bersifat sebagai notis sahaja. Pihak kontraktor masih perlu mengemukakan butiran bukti-bukti *loss and expenses* tersebut dalam masa 90 hari selepas CPC. Penyemakan terperinci ke atas tuntutan tersebut akan dilakukan oleh Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan JKR untuk mengenalpasti sama ada tuntutan tersebut adalah sejajar dengan peruntukan di dalam Syarat-syarat Kontrak dan kewajaran jumlahnya. Sekiranya terdapat 'provision' dalam Syarat-syarat Kontrak maka barulah tuntutan tersebut dikemukakan kepada Jawatankuasa Tuntutan peringkat KPKR untuk dipertimbangkan. Buat ketika ini, pihak kontraktor masih belum mengemukakan butiran bukti-bukti tersebut untuk menyokong tuntutan mereka.*

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek adalah memuaskan. Walaupun kemajuan kerja keseluruhannya selari dengan unjuran selepas EOT diluluskan pada bulan Mac 2017, namun secara terperinci terdapat kelewatan dalam kerja geoteknikal, perparitan dan struktur. Kemajuan projek ini perlu dipantau agar kelewatan tidak melebihi dua bulan atau 20% daripada jadual. Selain itu, kesan daripada kelewatan penyiapan projek menyebabkan kontraktor telah menuntut *loss and expenses* dan menyumbang kepada penambahan kos projek.

6.5.3.2. Pencapaian Kewangan

- a. Kos kontrak yang ditandatangani antara Kerajaan dan Mangkubumi Sdn. Bhd. berjumlah RM164.19 juta. Kos perkhidmatan perunding yang telah ditandatangani antara Kerajaan dan ZAQ berjumlah RM27.84 juta.
- b. Semakan Audit terhadap bayaran sehingga bulan Februari 2017 mendapati perkara seperti berikut:
 - i. sebanyak 17 perakuan bayaran interim disedia dan dibayar kepada kontraktor berjumlah RM67.95 juta. Manakala, sebanyak 16 bayaran ikhtisas disedia dan dibayar kepada perunding berjumlah RM12.75 juta. Butiran pembayaran seperti jadual berikut:

JADUAL 6.5
PEMBAYARAN KEPADA KONTRAKTOR DAN PERUNDING

KONTRAKTOR/ PERUNDING	BIDANG	KOS KONTRAK (RM Juta)	*6% CUKAI PERKHIDMATAN (RM Juta)	JUMLAH KOS (RM Juta)	PERBELANJAAN		% KEMAJUAN KERJA SEHINGGA BULAN FEBRUARI 2017
					RM Juta	%	
Mangkubumi Sdn. Bhd.	Kontraktor	154.90	9.29	164.19	67.95	41.4	58.9
ZAQ Engineering Services Sdn. Bhd.	Sivil & Struktur	25.57	1.35	26.92	12.75	43.6	
	Perjanjian Tambahan	2.27	0.05	2.32			
JUMLAH (RM)		182.74	10.69	193.43			

Sumber: JKR Cawangan Jalan

Nota: (*) – 6% Cukai Perkhidmatan yang Dikenakan Kepada Mangkubumi Sdn. Bhd. Adalah Bayaran Kenaan GST Berdasarkan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Manakala, Cukai yang Dikenakan Kepada Perunding Adalah 6% Daripada Yuran Perkhidmatan Perunding Berdasarkan Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

- ii. sebanyak lapan permohonan Kelulusan Perubahan Kerja (KPK) disediakan untuk kelulusan Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja. Perubahan kerja melibatkan perubahan reka bentuk *flyover* di persimpangan Sabak Bernam, penukaran longkang tanah ke longkang konkrit-U, kerja-kerja pemindahan Time Dot Com dan lain-lain lagi dengan anggaran pengurangan kos berjumlah RM16.67 juta. Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja masih belum dilaksanakan dan kelulusan perubahan kerja masih belum diperoleh sehingga bulan Jun 2017. Butiran lanjut KPK seperti jadual berikut:

JADUAL 6.6
PERMOHONAN KELULUSAN PERUBAHAN SKOP KERJA KE ATAS KOS KONTRAK

BIL. KPK	TARIKH PERMOHONAN	PERKARA	PENAMBAHAN/(PENGURANGAN) NILAI SKOP KERJA	
			(RM)	(%)
1	TM	Pengurangan panjang <i>flyover</i> dari 6 span kepada 5 span	(19,173,039)	(11.67)
2	TM	Penukaran longkang konkrit bentuk L ke longkang konkrit bentuk U	58,700	0.04
3	TM	Penukaran longkang tanah ke longkang konkrit bentuk U	771,500	0.47

BIL. KPK	TARIKH PERMOHONAN	PERKARA	PENAMBAHAN/(PENGURANGAN) NILAI SKOP KERJA	
			(RM)	(%)
4	18.10.2016	Kerja-kerja membina <i>Capping Beam</i>	303,430	0.18
5	18.10.2016	Ujian cerucuk menggunakan kaedah <i>Pile Integrity</i>	72,000	0.04
6	18.10.2016	Pengurusan sisa berjadual	10,000	0.01
7	18.10.2016	Lantai konkrit untuk kabel Telekom	513,420	0.31
8	18.10.2016	Kerja-kerja pemindahan Time Dot Com	770,422	0.47
JUMLAH ANGGARAN PENGURANGAN (RM)			(16,673,567)	(10.15)

Sumber: JKR Cawangan Jalan

Nota: TM - Tiada Maklumat

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 31 Julai 2017

Permohonan KPK telah dikemukakan oleh kontraktor pada bulan Oktober 2016 tetapi pihak pasukan projek mendapati ia tidak mematuhi format dokumen KPK dan APK yang terkini. Satu taklimat telah diadakan pada 11 Mei 2017 bersama Jurukur Bahan Cawangan Jalan untuk membantu kontraktor menggunakan format KPK yang terkini. Serahan terbaru KPK adalah pada 6 Julai 2017 dan pasukan projek mendapati masih ada kesilapan yang perlu diperbetulkan.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan projek adalah memuaskan kerana peratusan perbelanjaan projek kepada kontraktor dan perunding adalah masing-masing sebanyak 41.4% dan 43.6%. Peratusan perbelanjaan tersebut didapati tidak melebihi kemajuan fizikal projek pada bulan Februari 2017.

6.5.4. Pelantikan Kontraktor/Perunding

6.5.4.1. Pelantikan Kontraktor

- a. 1PP - Kaedah Perolehan Kerajaan PK2.1, agensi hendaklah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MoF) terlebih dahulu bagi melaksanakan tender terhad yang melebihi had nilai yang ditetapkan dan tender tersebut hendaklah diluluskan oleh MoF.
- b. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
 - i. MoF meluluskan kaedah perolehan projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang secara tender terhad kepada sepuluh syarikat.
 - ii. semua syarikat penender telah mengemukakan tawaran untuk dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Tender. Jawatankuasa Penilaian Tender telah mengesyorkan Mangkubumi Sdn. Bhd. untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Perolehan Tender kerana melepasi semua peringkat penilaian. Peringkat penilaian terdiri daripada tiga peringkat iaitu peringkat penilaian

pertama, tender dinilai dari segi kesempurnaan, kecukupan dokumen, kecukupan modal minimum dan prestasi kerja semasa. Peringkat kedua pula, tender dinilai dari segi keupayaan kewangan dan keupayaan teknikal. Bagi peringkat ketiga, penilaian menggunakan Faktor Pelarasan Baki Kerja (FRBK) bagi memberi peluang kepada petender baru atau petender yang tidak mempunyai kerja semasa. FRBK diperkenalkan untuk menyelaraskan markah keseluruhan keupayaan petender yang mempunyai baki kerja yang tinggi. Markah keseluruhan terlaras perlu melebihi markah keseluruhan minima yang ditetapkan.

- iii. MoF telah bersetuju meluluskan perakuan Lembaga Perolehan 'A' KKR untuk menawarkan tender projek kepada Mangkubumi Sdn. Bhd. pada bulan Mei 2015. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada kontraktor pada bulan Jun 2015 dengan nilai kontrak berjumlah RM164.19 juta dan tempoh siap kerja selama 24 bulan.

6.5.4.2. Pelantikan Perunding

- a. Manual Perolehan Perunding Edisi Mac 2011 perenggan 6.3, perolehan perkhidmatan perunding bagi kos projek melebihi RM50 juta perlu dilaksanakan secara tender terbuka. Berdasarkan perenggan 6.4.2, perolehan perunding selain daripada kaedah di perenggan 6.3 tersebut adalah tidak dibenarkan melainkan mendapat kebenaran daripada MoF. Bagi pertambahan kos perkhidmatan perunding pula, Manual Perolehan Perunding Edisi Mac 2011 perenggan 3.2.1 (p) menetapkan Lembaga Perolehan 'A' boleh meluluskan tambahan kos perkhidmatan perunding sehingga maksimum 60% yang disebabkan oleh perubahan skop asal atau kos projek/kajian.
- b. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:
 - i. MoF telah meluluskan perolehan perkhidmatan perunding ZAQ Engineering Services Sdn. Bhd. secara Lantikan Terus Berserta Kos Siling pada bulan Oktober 2013. ZAQ dilantik sebagai perunding bidang perkhidmatan Kejuruteraan Awam dan Struktur.
 - ii. pada bulan Disember 2013, MoF telah meluluskan permohonan JKR untuk menambah skop kerja ZAQ bagi mempercepatkan pelaksanaan projek iaitu skop Kejuruteraan Elektrikal (merangkumi reka bentuk dan penyeliaan tapak) dan skop kerja ukur tanah serta *utility mapping*.
 - iii. kos siling perunding diluluskan oleh MoF pada bulan April 2014 berjumlah RM25.57 juta. SST dikeluarkan kepada perunding pada 6 Mei 2014 dengan kos yang diluluskan dan tempoh perkhidmatan selama 61 bulan.

- iv. pada bulan Jun 2014, Majlis Ekonomi telah memutuskan skop Kajian 'Viability' Jajaran Alternatif Melalui *Bund Canal* perlu dilaksanakan. ZAQ telah dilantik dan satu perjanjian tambahan telah ditandatangani dengan kos perunding berjumlah RM2.27 juta. Kelulusan pertambahan kos perkhidmatan perunding diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' KKR pada bulan April 2015. Ini menjadikan kos keseluruhan perunding berjumlah RM27.84 juta.

Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor dan perunding adalah baik dan selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan.

6.5.5. Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut syarat kontrak yang ditetapkan bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan. Aspek pentadbiran kontrak yang disemak meliputi tempoh tandatangan kontrak, Bon Pelaksanaan, Polisi Insurans dan pembayaran interim. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

6.5.5.1. Tandatangan Kontrak

1PP – PK4/2013, kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh empat bulan selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST telah dikeluarkan pada bulan Jun 2015 dan kontrak ditandatangani pada bulan Oktober 2015 iaitu dalam tempoh yang ditetapkan.

6.5.5.2. Bon Pelaksanaan

- a. 1PP – PK4/2013 menetapkan bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000, kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan (BP) sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak dalam bentuk jaminan bank atau Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP). Kontraktor yang memilih BP dalam bentuk WJP, pemotongan bayaran akan dibuat sebanyak 10% daripada kemajuan pertama dan seterusnya sehingga mencapai jumlah 5% daripada nilai kontrak.
- b. Semakan Audit mendapati kontraktor telah memilih menggunakan kaedah BP dalam bentuk WJP di mana potongan bayaran hendaklah dibuat sehingga mencapai jumlah 5% daripada nilai kontrak berjumlah RM8.21 juta. Potongan pertama telah dibuat semasa bayaran interim pertama sehingga bayaran interim no. 17 berjumlah RM7.54 juta. Jumlah baki WJP yang perlu dipotong sehingga bulan Februari 2017 adalah berjumlah RM0.67 juta.

6.5.5.3. Polisi Insurans

- a. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu mengambil Polisi Insurans Kerja dan Polisi Insurans Tanggungan Awam. Insurans Kerja perlu meliputi tempoh tamat kerja manakala Insurans Tanggungan Awam pula perlu meliputi sehingga tamat tempoh memperbaiki kecacatan iaitu 3 bulan 14 hari selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi kontrak konvensional.
- b. Semakan Audit mendapati tempoh liputan polisi insurans asal dan lanjutan telah mematuhi peraturan dan syarat kontrak. Kontraktor mengemukakan polisi insurans selaras dengan tempoh liputan yang ditetapkan dalam kontrak.

6.5.5.4. Pembayaran yang Tidak Sepatutnya Dibuat Kepada Syarikat Konsesi Penyelenggaraan Rutin Jalan

- a. Berdasarkan kontrak antara Kerajaan dan Mangkubumi Sdn. Bhd., pihak kontraktor bertanggungjawab untuk melaksanakan Projek Kerja Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang bermula dari tarikh milik tapak iaitu bulan Julai 2015 sehingga projek siap. Kos rutin penyelenggaraan yang termasuk dalam skop kontrak adalah berjumlah RM0.47 juta. Pada tahun 2001, KKR telah melantik Roadcare (M) Sdn. Bhd. sebagai syarikat konsesi bagi penyelenggaraan rutin jalan bahagian Zon Tengah sepanjang 1,044.80 km termasuk daerah Sabak Bernam. Roadcare (M) Sdn. Bhd. bertanggungjawab menjalankan penyelenggaraan permukaan jalan, bahu jalan, perabot jalan, jambatan dan pembedungan, perparitan, pemotongan rumput serta pemeriksaan rutin.
- b. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
 - i. jajaran bagi Projek Menaiktaraf Jalan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang sepanjang 5 km iaitu Seksyen 543 hingga 548 termasuk jalan yang perlu disenggara oleh Roadcare (M) Sdn. Bhd. di daerah Sabak Bernam. Jajaran ini juga merupakan lokasi projek kerja menaiktaraf yang dilaksanakan oleh Mangkubumi Sdn. Bhd.. Bagaimanapun terdapat arahan pengecualian kerja penyelenggaraan rutin jalan yang telah dikeluarkan kepada syarikat konsesi. Kronologinya adalah seperti berikut:

JADUAL 6.7
KRONOLOGI ARAHAN PENGECEUALIAN KERJA PENYENGGARAAN RUTIN JALAN

TARIKH SURAT (Bulan/Tahun)	PERKARA
Oktober 2015	Arahan pengecualian kerja penyelenggaraan rutin jalan oleh pihak konsesi di lokasi projek telah dikeluarkan oleh JKR Cawangan Jalan kepada JKR Cawangan Senggara Fasiliti Jalan untuk dimaklumkan kepada Roadcare (M) Sdn. Bhd..
Januari 2016	JKR Daerah Sabak Bernam mengeluarkan surat pengecualian kerja penyelenggaraan rutin jalan kepada Roadcare (M) Sdn. Bhd. supaya tidak menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang sehingga projek siap.

Sumber: JKR Cawangan Jalan

- ii. berdasarkan bayaran interim no. 2, Mangkubumi Sdn. Bhd. telah memulakan kerja penyenggaraan di tapak pada bulan September 2015 dan menjalankan skop rutin penyenggaraan sehingga projek siap. Kontraktor telah menerima bayaran rutin penyenggaraan bermula bulan Oktober 2015 berjumlah RM32,000. Bagaimanapun, penyenggaraan rutin jalan juga telah dibayar kepada Roadcare (M) Sdn. Bhd. dari bulan September 2015 hingga Mac 2016 untuk lokasi projek berjumlah RM45,196. Kadar bayaran setiap km per bulan berjumlah RM1,712 mengikut kontrak. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 6.8
BAYARAN PENYENGGARAAN JALAN KEPADA MANGKUBUMI SDN. BHD. DAN ROADCARE SDN. BHD. DARI BULAN SEPTEMBER 2015 HINGGA MAC 2016

BIL.	BULAN/TAHUN	BAYARAN KEPADA MANGKUBUMI SDN. BHD.				BAYARAN KEPADA ROADCARE SDN. BHD.			
		TARIKH PENILAIAN	BIL. INTERIM	NO. BAUCAR & TARIKH	AMAUN BAYARAN PENYENGGARAAN (RM)	NO. BAUCAR & TARIKH	PANJANG JALAN (KM)	KADAR (KM/BULAN) (RM)	AMAUN BAYARAN PENYENGGARAAN (RM)
1.	September 2015	21.09.2015	2	B2753/ 21.10.2015	32,000	B0916/ 04.12.2015	5	1,712	8,560
2.	Oktober 2015	29.10.2015	3	B3325/ 07.12.2015	33,500	B1000/ 17.12.2015	5	1,712	8,560
3.	November 2015	23.11.2015	4	B3678/ 18.12.2015	33,500	B0999/ 17.12.2015	5	1,712	8,560
4.	Disember 2015	07.12.2015	5	B0039/ 28.01.2016	19,000	B1015/ 18.12.2015	5	1,712	8,560
5.	Januari 2016	19.01.2016	6	B0404/ 02.03.2016	13,500	B0310/ 17.05.2016	5	1,712	8,560
6.	Februari 2016	23.02.2016	7	B0588/ 14.03.2016	13,585	B0309/ 17.05.2016	0.7	1,712	1,198
7.	Mac 2016	23.03.2016	8	B1025/ 29.04.2016	13,580	B0308/ 17.05.2016	0.7	1,712	1,198
JUMLAH BAYARAN (RM)					158,665				45,196

Sumber: JKR Cawangan Jalan

Nota: TM - Tiada Maklumat

- iii. berdasarkan jadual, berlaku pembayaran yang tidak sepatutnya berjumlah RM45,196 kepada syarikat konsesi penyenggaraan rutin jalan memandangkan lokasi projek sepanjang 5 km (Seksyen 543 hingga 548) di bawah penyenggaraan pihak kontraktor. Skop kerja penyenggaraan pihak kontraktor juga sama seperti syarikat konsesi. Perkara ini berlaku kerana kelewatan mengeluarkan arahan pengecualian kerja penyenggaraan rutin jalan kepada Roadcare (M) Sdn. Bhd. dan kelemahan pemantauan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Arahan pengecualian penyenggaraan rutin jalan kepada syarikat konsesi hendaklah dikeluarkan dengan segera bagi mengelakkan pertindihan bayaran. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana skop rutin penyenggaraan telah dinyatakan dalam kontrak Mangkubumi Sdn. Bhd..

Maklum Balas KKR yang Diterima Pada 31 Julai 2017

Pihak Roadcare (M) Sdn. Bhd. masih menjalankan kerja-kerja penyenggaraan disebabkan kelewatan arahan pengecualian penyenggaraan di kawasan tersebut. Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat JKR telah mengesyorkan tuntutan atau pelarasan harga dibuat selaras dengan syarat-syarat kontrak yang berkaitan kepada Roadcare (M) Sdn. Bhd. bagi memastikan tiada pertindihan bayaran terhadap kerja penyenggaraan.

Pada pendapat Audit, aspek pentadbiran kontrak adalah memuaskan kecuali berlaku pembayaran yang tidak sepatutnya kepada syarikat konsesi penyenggaraan rutin jalan.

6.5.6. Pelaksanaan Kerja Menaiktaraf

Setiap kerja menaiktaraf hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya jalan boleh digunakan secara selamat dan kondusif. Lawatan Audit pada 13 dan 14 April 2017 mendapati kerja pelebaran jalan bahagian *Interchange* Sabak Bernam sahaja telah dilaksanakan. Manakala di bahagian lain sedang menunggu kerja-kerja pemampatan tanah selesai dan kerja pembinaan jejambat masih belum dimulakan. Penemuan Audit berhubung penyenggaraan rumput, longkang, kualiti kerja di *Pedestrian Bridge* dan longkang-U telah diambil tindakan pembaikan kecuali perkara berikut:

6.5.6.1. Ketebalan *Asphalt Concrete Wearing Course* dan *Asphalt Concrete Binder Course* Tidak Mengikut Spesifikasi


- a. Lukisan Pembinaan - *Typical Cross Section For Normal Crown* No. Lukisan: KPKR/J/R/12/14/226/KL/01, ketebalan *Asphalt Concrete Wearing Course* (ACWC) ialah 50 milimeter (mm) dan *Asphalt Concrete Binder Course* (ACBC) 60 mm. ACWC dan ACBC adalah bahan komposit yang digunakan bagi menurap permukaan jalan. Spesifikasi JKR Seksyen 4 *Flexible Pavement* para 4.5.2 juga menyatakan ketebalan ACWC dan ACBC dengan julat yang boleh diterima ialah lebih atau kurang 5 mm.
- b. Semakan Audit terhadap keputusan sampel pihak perunding mendapati ketebalan ACWC ialah 40 mm dan ACBC 50 mm. Ini tidak mengikut spesifikasi kerana saiz masing-masing kurang sebanyak 5 mm. Ini boleh menyebabkan jalan cepat haus dan memendekkan jangka hayat jalan. Sehingga tarikh pengauditan, tiada bayaran dibuat bagi kerja ini. Butiran lanjut seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 6.9
ACWC DAN ACBC TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	MAKLUM BALAS KKR PADA 6 OKTOBER 2017
CH 44525 dan CH 44775	Ketebalan <i>Asphalt Concrete Wearing Course</i> tidak mengikut spesifikasi (Gambar 6.1)	<p><i>Ujian coring yang dilaksanakan oleh pihak pengawasan projek (JKR dan Perunding) adalah satu daripada ujian rutin dalam SOP pengawalan kualiti kerja pembinaan jalan iaitu bagi setiap 500m² kerja pavement yang dilaksanakan mengikut ketetapan spesifikasi. Ujian ini adalah untuk kepastian ketebalan, kepadatan pavement dan kandungan bitumen yang digunakan. Memandangkan terdapat lokasi yang mana ketebalan pavement kurang dari spesifikasi yang ditetapkan, Non-Conformance Report (NCR) telahpun dikeluarkan oleh pihak pengawasan projek dan kerja pembedahan mesti dilaksanakan oleh kontraktor bagi penutupan NCR berkenaan. Semua NCR mesti ditutup sebelum Certificate of Practical Completion (CPC) boleh dikeluarkan.</i></p> <p><i>Kerja pembedahan ke atas NCR ini hanya boleh dilakukan setelah lalulintas dipindahkan ke atas jambatan flyover yang dijangka siap pada Januari 2018 nanti.</i></p>
CH 44625, CH 44775 dan CH 44375	Ketebalan <i>Asphalt Concrete Binder Course</i> tidak mengikut spesifikasi (Gambar 6.2)	

Sumber: JKR Cawangan Jalan

GAMBAR 6.1



CH 44525 dan CH 44775
- Ketebalan ACWC Tidak Mengikuti Spesifikasi (14.04.2017)

GAMBAR 6.2



CH 44625, CH 44775 dan CH 44375
- Ketebalan ACBC Tidak Mengikuti Spesifikasi (14.04.2017)

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja menaiktaraf projek adalah tidak memuaskan kerana ketebalan ACWC dan ACBC tidak mengikut spesifikasi kontrak.

6.5.7. Pemantauan

6.5.7.1. Mesyuarat Tapak adalah bertujuan untuk memantau kemajuan kerja dan mengenal pasti serta mencari penyelesaian terhadap sebarang masalah semasa pelaksanaan projek.

6.5.7.2. Semakan Audit mendapati sebanyak 19 mesyuarat tapak telah dijalankan sepanjang tempoh pembinaan projek mulai bulan Ogos 2015 hingga Februari 2017. Pelbagai isu dan masalah berbangkit seperti pertindihan rezab jalan, kelewatan kerja pengalihan utiliti, aktiviti pembinaan yang tertangguh dan hal-hal lain telah dibincangkan dan diselesaikan.

Pada pendapat Audit, pemantauan adalah baik dengan kekerapan mesyuarat tapak yang diadakan setiap bulan.

6.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan isu yang sama tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan supaya KKR/JKR mengambil tindakan seperti berikut:

6.6.1. memastikan jawatankuasa siasatan dalaman ditubuhkan untuk mengenalpasti tiada berlaku kes lebihan bayaran kepada syarikat konsesi penyenggaraan jalan dalam projek lain; dan

6.6.2. memastikan mesyuarat/jawatankuasa khas ditubuhkan di peringkat JKR bagi memantau dan mengenalpasti projek yang bermasalah atau berpotensi tidak dapat disiapkan mengikut tarikh yang ditetapkan supaya tindakan awal dapat diambil.

7. PROJEK PEMBINAAN LANDASAN KERETAPI DARI SUBANG JAYA KE TERMINAL SKYPARK, SUBANG


7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Projek Pembinaan Landasan Keretapi dari Subang Jaya ke Terminal Skypark Subang (Projek Pembinaan Landasan Skypark) merupakan satu projek di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Pembinaan landasan ini bermula dari KM 17.37 di Seksyen Subang Jaya-Batu Tiga dan berakhir di Terminal Skypark yang terletak di hadapan Terminal 3 Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) sepanjang 8.157 km dengan kos projek keseluruhan berjumlah RM521.06 juta. Skop projek meliputi kerja infra (pembinaan stesen), kerja landasan dan kerja sistem.

7.1.2. Objektif utama pembinaan projek adalah untuk menyediakan kemudahan pengangkutan awam berasaskan rel kepada pengguna LTSAAS ke Kuala Lumpur Sentral, mewujudkan jaringan sistem KTM Komuter dengan sistem LRT di Subang Jaya dan sistem MRT di Sungai Buloh pada masa hadapan serta menjadi sebahagian jajaran pintas bagi perkhidmatan kereta api barang dari Utara ke Pelabuhan Klang tanpa melalui Pusat Bandaraya.

7.1.3. Pegawai Penguasa (SO) bagi projek ini adalah Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan Malaysia manakala Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa (SOR). Emenea Engineering Services Sdn. Bhd. (EES) pula dilantik secara rundingan terus sebagai *independent checking consultant* (ICC) dengan kos RM17.67 juta. Projek ini dilaksanakan oleh Konsortium Skypark Link Sdn. Bhd. - Lion Pacific Sdn. Bhd. (KSPLP) yang juga dilantik secara rundingan terus. Projek ini dimulakan pada 21 Februari 2013 dan sepatutnya siap pada 20 Februari 2016. Bagaimanapun projek ini telah diluluskan tiga Lanjutan Masa (EOT) dan yang terakhir tamat pada 14 Jun 2017. Lakaran projek pembinaan adalah seperti gambar rajah berikut:

**GAMBAR RAJAH 7.1
LAKARAN PROJEK PEMBINAAN LANDASAN SKYPARK**



Sumber: Lakaran Jabatan Audit Negara

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan Projek Pembinaan Landasan Keretapi dari Subang Jaya ke Terminal Skypark, Subang telah diurus dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi lima bidang utama iaitu aspek prestasi fizikal dan kewangan, pelantikan kontraktor, pentadbiran kontrak, kerja pembinaan dan pemantauan projek bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Februari 2017. Penyemakan dokumen telah dijalankan di MOT, KTMB, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan pejabat ICC.

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menjalankan analisis terhadap kemajuan projek. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat di MOT, KTMB, EPU, UKAS, kontraktor dan perunding telah diadakan untuk mendapatkan penjelasan lisan dan memastikan ketepatan maklumat yang dilaporkan. Selain itu pemeriksaan fizikal dan ujian di tapak turut dijalankan untuk menentukan kerja telah dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak dan kualiti yang ditetapkan.

7.5. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2016 hingga Januari 2017 mendapati objektif projek tidak dapat dicapai akibat daripada projek masih belum disiapkan mengikut perancangan. Berdasarkan lima bidang utama yang dinilai, pihak Audit merumuskan pelaksanaan pengurusan Projek Pembinaan Landasan Keretapi dari Subang Jaya ke Terminal Skypark Subang adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- i. penyaluran sejumlah RM142.75 juta kepada Perbadanan Aset Keretapi (PAK) pada bulan Januari 2012 masih tidak dibelanjakan sehingga sekarang dan tiada bukti peruntukan tersebut dipulangkan semula kepada MOT;
- ii. tiada kajian kemungkinan secara terperinci dilaksanakan semasa Kerajaan meluluskan cadangan projek pada bulan September 2011. Selain itu, objektif cadangan oleh syarikat untuk menyediakan landasan pintas kereta api barang sukar dicapai;
- iii. pengurusan nilai yang dijalankan tidak mencapai objektif sepenuhnya apabila aspek penting seperti kerja pengalihan kabel dan kos pelantikan ICC tidak diperhalusi untuk dibincangkan yang akhirnya kos asal perancangan telah meningkat sejumlah RM21.07 juta; dan
- iv. aspek kerja pembinaan yang kurang memuaskan antaranya banyak kerja pecah (*hacking*), reka bentuk yang tidak mesra pengguna, kerja tidak mengikut spesifikasi dan kerja elektrik yang tidak mengikut peraturan serta tahap pemantauan yang rendah.

Perkara yang ditemui dan maklum balas MOT telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 25 Julai 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti perenggan berikut:

7.5.1. Prestasi Projek

7.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Projek Pembinaan Landasan Skypark merangkumi kerja pembinaan infrastruktur, landasan dan penyediaan sistem. Tempoh kontrak asal adalah dari 21 Februari 2013 hingga 20 Februari 2016 dan telah diluluskan tiga EOT berjumlah 480 hari sehingga 14 Jun 2017. Bagaimanapun selepas mengambil kira *Master Implementation Plan* (MIP) 4, status kemajuan fizikal sebenar setakat 30 Mei 2017 adalah 98.2% berbanding 99.8% mengikut perancangan. Komponen dan peratusan kemajuan fizikal projek berdasarkan MIP bagi tahun 2012 hingga Mei 2017 adalah seperti jadual dan graf berikut:

**JADUAL 7.1
PRESTASI FIZIKAL PROJEK
MENGIKUT KOMPONEN SETAKAT 31 MEI 2017**

KETERANGAN KERJA	PERATUS SIAP SEBENAR (%)
1. INFRA	
i. Terminal Building	93.27
ii. Structural	100.00
iii. Architectural	92.00
iv. Mechanical and Electrical (M & E)	90.00
v. External	75.00
2. KERJA LANDASAN	
i. Fasa 1A	100.00
ii. Fasa 1B	100.00
3. KERJA SISTEM	
i. System Works	82.09
ii. Overhead Electrification System	82.04
iii. Signalling System	89.04
iv. Communication System	70.75

Sumber: Laporan Kemajuan Kerja Fizikal Bulan Mei 2017 Berdasarkan *Master Implementation Plan (MIP) 4*

**GRAF 7.1
KEMAJUAN FIZIKAL PROJEK BERDASARKAN MIP
BAGI TAHUN 2012 HINGGA MEI 2017**



Sumber: Kemajuan Kerja Projek

7.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

- Pada 4 Oktober 2012, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM499.99 juta bagi pelaksanaan Projek Pembinaan Landasan Skypark Fasa 1. Bagaimanapun kos projek keseluruhan adalah berjumlah RM521.06 juta iaitu 4.2% melebihi daripada anggaran kos yang diluluskan. Komponen kos meliputi kos kontrak utama berjumlah RM499.99 juta, kos ICC berjumlah RM17.67 juta dan kos tambahan kerja pengalihan talian dari *pylon* TNB yang berjumlah RM3.4 juta.

- b. Setakat bulan Disember 2016, perbelanjaan adalah berjumlah RM456.93 juta iaitu 87.7% berbanding kos keseluruhan projek berjumlah RM521.06 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.2
PERBELANJAAN KESELURUHAN PROJEK SETAKAT BULAN DISEMBER 2016

TAHUN	KOS PROJEK (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)		PERBELANJAAN KESELURUHAN (RM Juta)
		KONTRAKTOR	PERUNDING	
2012	499.99	-	-	-
2013	*3.40 **17.67	10.00	-	10.00
2014		133.62	7.15	140.77
2015		223.83	7.19	231.02
2016		71.99	3.15	75.14
JUMLAH	521.06	439.44	17.49	456.93

Sumber: Laporan Perbelanjaan MOT

Nota: (*) - Kos Kerja Pengalihan *Pylon* yang Diluluskan

(**) - Kos Perunding *Independent Checking Consultant* (ICC) Diluluskan

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian fizikal projek adalah tidak memuaskan dengan tempoh kelewatan 480 hari berbanding perancangan asal yang boleh memberi kesan terhadap operasi komuter ke Terminal Skypark. Selain itu, kos projek keseluruhan juga telah melebihi kos yang diluluskan, manakala prestasi perbelanjaan secara umumnya adalah baik.

7.5.2. Perancangan Projek

7.5.2.1. Cadangan Awal

- a. Berdasarkan minit mesyuarat Majlis Ekonomi (EC) pada 15 Ogos 2011, Skypark Link Sdn. Bhd. (SPLSB) telah mencadangkan pembangunan dilaksanakan secara dua fasa dengan kos yang dianggarkan berjumlah RM996 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 7.3
CADANGAN AWAL OLEH SPLSB KEPADA MAJLIS EKONOMI

FASA	JUMLAH (RM Juta)
FASA 1 (Subang Jaya ke Terminal Skypark)	401
FASA 2 (Terminal Skypark ke Sungai Buloh)	459
<i>Rolling Stock</i>	136
JUMLAH	996

Sumber: UKAS

- b. Susulan daripada mesyuarat EC tersebut, pada 22 September 2011 Kerajaan bersetuju dengan syor EPU supaya projek Fasa 1 dilaksanakan

dengan kos berjumlah RM401 juta. Pada 19 Jun 2012, SPLSB telah mengemukakan cadangan pertambahan kos daripada RM401 juta kepada RM540 juta. Semakan Audit tidak menemui sebarang pengiraan terperinci bagi menyokong justifikasi SPLSB tersebut yang mengakibatkan peningkatan sejumlah RM139 juta. Antara justifikasi peningkatan kos adalah seperti berikut:

- i. mengelak sepenuhnya dari melalui kawasan cadangan Unit Udara PDRM di Subang dengan membina jambatan baru merentasi Sungai Damansara. Ini kerana PDRM tidak membenarkan jajaran berdekatan kawasan ini memandangkan ia diklasifikasikan sebagai "*National Security*";
 - ii. mengelak sepenuhnya tanah milik Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) dengan menggunakan rizab Sungai Damansara dan mengakibatkan keseluruhan jajaran tersebut ditinggikan (elevated) bagi mematuhi peraturan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); dan
 - iii. JPS telah meminta pihak SPLSB melakukan kerja-kerja pemulihan sungai pada lokasi di mana tiang-tiang (piers) berada berdekatan dengan sungai.
- c. Cadangan baru tersebut yang berjumlah RM540 juta telah dibincangkan dalam Makmal Pengurusan Nilai (VM) yang diadakan pada 25 hingga 29 Jun 2012 dan 12 hingga 13 September 2012. Akhirnya, kos projek dimuktamadkan pada RM499.99 juta (tidak termasuk kos pelantikan perunding bebas). Selain itu, projek Fasa 2 belum lagi dimulakan.

7.5.2.2. Peruntukan yang Disalurkan ke Akaun PAK Tidak Digunakan

Berdasarkan surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 31 Julai 2013, antara lain menyebut bahawa adalah menjadi kesalahan peraturan kewangan apabila sesuatu penyaluran peruntukan tidak dibelanjakan dengan sepatutnya dan tindakan tegas boleh diambil. Semakan Audit mendapati pada 14 November 2011, MOT telah mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan (MoF) supaya lebih peruntukan Projek Landasan Ipoh - Padang Besar berjumlah RM150 juta disalurkan kepada PAK secara *one off* bagi tujuan pelaksanaan Projek Pembinaan Landasan Skypark dan diluluskan pada 23 November 2011. Susulan daripada itu, pada 11 Januari 2012, MOT telah menyalurkan kepada PAK sejumlah RM142.75 juta dengan beranggapan PAK akan dilantik sebagai SO. Bagaimanapun, peruntukan tersebut tidak digunakan sehingga kini dan Audit tidak menemui sebarang bukti ia dikembalikan kepada MOT/MoF.

Maklum Balas MOT yang Diterima Pada 25 Oktober 2017

MOT telah mengeluarkan surat kepada PAK pada 1 Ogos 2017 bagi tujuan kutipan semula RM142.75 juta (amaun prinsipal) dan faedah akan dikutip selepas PAK selesai membuat perkiraan. Namun pada 17 Oktober 2017, MoF memohon untuk menangguhkan bayaran balik oleh PAK sehingga MoF memutuskan tatacara pemulangan.

Pada pendapat Audit, adalah tidak sepatutnya MOT menyalurkan peruntukan kepada PAK sedangkan projek berkenaan masih belum dimuktamadkan ketika itu. Ini supaya pengurusan wang Kerajaan dapat dibuat secara berhemat dengan mengambil kira projek-projek lain yang memerlukan dan dapat mengelakkan “wang parking” yang tidak memberi sebarang nilai tambah.

7.5.2.3. Pelantikan Kontraktor dan ICC

- a. Pada 9 Disember 2011, MoF telah meluluskan pelantikan Konsortium Skypark Link Sdn. Bhd. – Lion Pacific Sdn. Bhd. (KSPLP) secara rundingan terus bagi Projek Landasan Skypark melalui kaedah reka dan bina bagi tempoh 36 bulan bermula 21 Februari 2013 hingga 20 Februari 2016. Pada 23 April 2012, MOT telah mengeluarkan Surat Niat kepada KSPLP untuk perincian terma kontrak manakala Surat Setuju Terima adalah pada 22 Januari 2013.
- b. Selain itu, pada 24 Disember 2012, syarikat Emenea Engineering Services Sdn. Bhd. (EES) mengemukakan surat hasrat untuk pelantikannya sebagai ICC kepada Kerajaan. Pada 17 Januari 2013, KSU MOT mengemukakan surat kepada MoF supaya EES dilantik secara lantikan terus sebagai ICC dengan menyatakan syarikat berkenaan mempunyai pengalaman yang diperlukan yang kemudiannya diluluskan oleh MoF pada 4 Mac 2013. Pada 19 Mac 2013, surat pelawaan lantikan dikemukakan oleh MOT kepada EES. Pada 6 Jun 2013, MoF meluluskan kos perkhidmatan perunding tersebut berjumlah RM17.67 juta (tidak termasuk cukai perkhidmatan).

7.5.3. Kajian Kemungkinan

7.5.3.1. Mengikut Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Program dan Projek Pembangunan yang dikeluarkan oleh EPU pada 4 Disember 2009, kajian kemungkinan hendaklah dibuat supaya projek dapat dikenal pasti dan dirangka dengan baik bagi memastikan *outcome* projek dapat dicapai. Semakan Audit tidak menemui sebarang bukti kajian kemungkinan secara terperinci dilaksanakan semasa Kerajaan meluluskan cadangan projek pada bulan September 2011.

7.5.3.2. Semakan lanjut mendapati, terdapat dua kajian lain iaitu Kajian Landasan Pintas Serendah-Pelabuhan Klang-Seremban dan *Detailed Feasibility Study on Freight Relief Line, Urban Rail Development Plan* (URDP) yang dilaksanakan oleh MOT dan SPAD pada bulan April 2009 dan Februari 2013 masing-masing. Perbandingan objektif dua kajian tersebut dengan cadangan oleh SPLSB adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.4
PERBANDINGAN KAJIAN OLEH MOT DAN SPAD DENGAN CADANGAN OLEH SPLSB

PERKARA	MOT (Minconsult Sdn. Bhd.)	SPLSB	SPAD (KLIA Associates Sdn. Bhd.)
Objektif	i. Untuk menyediakan landasan pintas bagi mengalihkan kereta api barang melalui rangkaian landasan di pusat bandar Kuala Lumpur dan sekitarnya.	i. Membangunkan jaringan jajaran kereta api bersepadu ke bandar-bandar utama di Lembah Klang. ii. Menyediakan landasan pintas kereta api barang di antara zon utara ke Pelabuhan Klang. iii. Menyediakan perhubungan Subang Jaya, Skypark Subang, terminal pengangkutan bersepadu di Sungai Buloh.	i. Keperluan kritikal laluan kereta api barang dapat dikenal pasti untuk penyelesaian menyeluruh bagi meningkatkan sistem pengangkutan awam di sekitar Kuala Lumpur/Lembah Klang. ii. Membantu peningkatan perkhidmatan penumpang KTMB kerana terdapat keperluan dalam <i>Urban Rail Development Plan</i> (URDP) untuk membangunkan laluan kereta api barang bagi mengalihkan laluan kereta api barang ke Pelabuhan Klang keluar dari rangkaian kereta api Kuala Lumpur dan Klang. iii. Laluan semasa bagi kereta api barang akan melalui beberapa laluan yang akan mengurangkan kapasiti perkhidmatan kereta api penumpang.
Tarikh Laporan / Kajian Dilaksanakan	April 2009	15.08.2011	08.02.2013

Sumber: UKAS

7.5.3.3. Semakan terhadap minit mesyuarat cadangan The Skypark Link: Subang Jaya - Sungai Buloh pada 15 Julai 2011, KTMB berpandangan cadangan projek oleh SPLSB tidak dapat menyelesaikan masalah kereta api barang seperti yang dinyatakannya. Ini kerana kereta api barang masih perlu menggunakan jajaran komuter yang sibuk di antara Rawang ke Sungai Buloh dan Subang Jaya ke Jalan Kastam. Selain itu mesyuarat susulan yang diadakan pada 1 November 2012, MOT berpendapat bahawa jajaran dari Serendah ke Pelabuhan Klang adalah penyelesaian yang terbaik bagi kereta api barang di Lembah Klang. Manakala SPAD pula berpendapat laluan Sg. Buloh-Subang Jaya-Pelabuhan Klang akan memenuhi keperluan pengguna Komuter kerana memberi perkhidmatan kereta api penumpang di laluan tersebut. Sekiranya laluan Serendah-Pelabuhan Klang hanya untuk perkhidmatan kereta api barang dan tiada peningkatan permintaan yang signifikan maka ia dilihat sebagai satu pembaziran sumber peruntukan kewangan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan kajian kemungkinan secara terperinci boleh mengakibatkan pencapaian *outcome* sukar diukur yang akhirnya memberi kesan *value for money* terhadap perbelanjaan Kerajaan.

7.5.4. Pengurusan Nilai

Pekeliling EPU, Bil. 3 Tahun 2009, menyatakan VM perlu dilaksanakan dalam peringkat perancangan dan pelaksanaan bagi projek yang bernilai melebihi RM50 juta. Semasa peringkat perancangan, dua makmal VM diadakan pada 25 hingga 29 Jun 2012 (Siri 1) dan pada 11 hingga 12 September 2012 (Siri 2) yang antaranya turut disertai oleh wakil KTMB, EPU, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan kontraktor. Namun tiada VM dilaksanakan semasa peringkat pelaksanaan projek. Hasil daripada Makmal VM ini, kos berjaya dikurangkan sejumlah RM40.01 juta (7.4%) iaitu daripada RM540 juta kepada RM499.99 juta. Semakan Audit mendapati beberapa perkara berbangkit dalam VM seperti berikut:

7.5.4.1. Kos Pengalihan Kabel TNB

Semakan Audit mendapati kos pengalihan kabel TNB ada dimasukkan dalam kertas cadangan projek yang dibentangkan dalam makmal VM pada bulan Jun dan September 2012. Bagaimanapun ia tidak dibincangkan kerana VM dimaklumkan kerja pengalihan kabel tersebut akan dilaksanakan oleh Malaysian Institute of Aviation Technology (MIAT). Pada 21 Ogos 2013, perunding dimaklumkan bahawa skop kerja oleh MIAT tidak melibatkan kerja pengalihan kabel. Akhirnya MOT telah kemukakan permohonan untuk kerja pengalihan kabel secara rundingan terus dan diluluskan oleh MoF pada 24 Julai 2014 dengan kos RM3.4 juta.

7.5.4.2. Kos *Independent Checking Consultant* (ICC)

Berdasarkan memo Bahagian Pembangunan bertarikh 11 November 2011, ICC perlu dilantik untuk mengesahkan tuntutan kontraktor dan kos lantikan tersebut termasuk dalam kos projek. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kos ICC yang berjumlah RM17.67 juta tidak diambil kira pada peringkat perancangan pembangunan projek dan tidak dibincangkan dalam VM.

Pada pendapat Audit, VM peringkat perancangan yang dijalankan tidak mencapai objektif sepenuhnya apabila aspek penting seperti kerja pengalihan kabel dan kos pelantikan ICC tidak diperhalusi untuk dibincangkan. Selain itu, ketiadaan VM peringkat pelaksanaan projek juga akhirnya memberi kesan terhadap kenaikan kos berjumlah RM21.07 juta berbanding perancangan asal.

7.5.5. Pentadbiran Kontrak

Semakan terhadap pentadbiran kontrak mendapati beberapa perkara berikut:

7.5.5.1. Pengurusan Lanjutan Masa (EOT)

- a. Klausa 49.1 (f) menyatakan *by delay in receipt of any necessary permission or approval of any statutory body or local authority which the Contractor has taken all practicable steps to avoid or reduce; (g) by reason of delay in giving possession of the site as provided under clause 12.4 and/ or 2.5; (h) by delay on the part of artists, tradesmen or others engaged by the Government in executing work not forming part of this Contract.*
- b. Kontraktor telah diberikan tiga EOT berjumlah 480 hari bermula dari 20 Februari 2016 sehingga 14 Jun 2017. Bagaimanapun, sehingga kini projek tersebut masih belum dapat disiapkan. Butiran Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.5
SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA


EOT	TEMPOH (Hari)	TARIKH SIJIL LANJUTAN MASA	BIL. HARI	JUSTIFIKASI LANJUTAN MASA
No. 1	20.02.2016 hingga 19.06.2016	18.12.2014	120	Kelewatan dalam memperoleh Skim Keretapi yang hanya diluluskan pada 30.04.2014.
No. 2	20.06.2016 hingga 31.01.2017	21.04.2016	226	i) Kelewatan kontraktor mendapat akses bagi kerja pembinaan di atas jambatan kereta api CH2550 di Lebuhraya NKVE. ii) Kerja pengalihan <i>pylon</i> TNB.
No. 3	01.02.2017 hingga 14.06.2017	21.02.2017	134	Kelewatan penyerahan tapak di CH 0+00 oleh KTMB bagi kerja pemasangan sesimpang (turnout).

Sumber: Dokumentasi dan Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa

- c. Semakan Audit terhadap EOT No. 3 dan MIP Pindaan 3 mendapati pemasangan sesimpang CH 0+00 hanya mengambil masa 26 hari iaitu dimulakan pada 16 Julai 2016 dan disiapkan pada 11 Ogos 2016. Bagaimanapun, tapak kerja hanya diserahkan oleh KTMB pada 10 Disember 2016 iaitu 147 hari lewat dari sepatutnya. Dalam tempoh tersebut, kontraktor melaksanakan skop kerja lain seperti pembinaan bangunan stesen dan landasan. Susulan itu, kontraktor telah memohon EOT pada 3 November 2016 dan MOT mengambil masa selama 110 hari untuk memberi kelulusan iaitu pada 21 Februari 2017 dan lewat 21 hari selepas tarikh tamat EOT No. 2 pada 31 Januari 2017. Semakan lanjut mendapati kontraktor hanya mengambil masa 10 hari iaitu bermula 24 Disember 2016 hingga 3 Januari 2017 bagi menyiapkan kerja pemasangan sesimpang. Walaupun EOT No. 3 telah diluluskan, projek secara keseluruhan masih tidak dapat disiapkan

dengan peningkatan peratusan kerja kontraktor hanya 2.15% untuk tempoh empat bulan. Peratusan prestasi kerja adalah seperti graf berikut:

GRAF 7.2
PRESTASI KERJA KONTRAKTOR BAGI BULAN JANUARI HINGGA MEI 2017



Sumber: Laporan Kemajuan Kerja

- d. Kesan daripada pemberian EOT kepada kontraktor, MOT perlu melanjutkan masa ICC dan menanggung kos tambahan sejumlah RM4.4 juta. ICC juga akan menuntut sejumlah RM906,128.50 untuk EOT No. 2 memandangkan projek tersebut sehingga kini masih lagi belum disiapkan. Selain itu, ia juga boleh memberi kesan terhadap pencapaian objektif projek secara keseluruhan.

Maklum Balas MOT yang Diterima Pada 9 Ogos 2017

Kerja sebenar tidak dapat dijalankan serentak kerana jajaran ini merupakan jajaran beroperasi (live track) dan keadaan fizikal di tapak yang tidak membenarkan kerja pemasangan sesimpang tersebut dilakukan secara berterusan. Akibatnya, penghantaran bahan-bahan pembinaan di tapak perlu dilakukan terlebih dahulu dan diberi masa pemasangan di hari minggu sahaja bagi memastikan perkhidmatan KTMB tidak tergendala. Selain itu, pihak kontraktor perlu menggunakan sebahagian dari jajaran ini sebagai ruang kerja untuk menghantar peralatan dan bahan binaan di mana dua km track tidak boleh dipasang bagi tujuan access road sehingga kerja pemasangan sesimpang selesai. Oleh itu sebaik sahaja pemasangan sesimpang di CH 0+00 ini siap pada 3 Januari 2017, terdapat tiga aktiviti hiliran yang telah terhalang oleh kerja sesimpang CH 0+00 ini perlu dilaksanakan. Kerja tersebut meliputi pemasangan dua km landasan yang sebelum ini digunakan sebagai access road, kerja-kerja persembayanan, elektrifikasi dan komunikasi serta kerja-kerja pengujian dan pentauliahan

(T&C) setelah semua kerja-kerja siap. KTMB telah meluluskan penutupan satu per satu landasan selama 78 jam untuk melaksanakan kerja pemasangan sesimpang pada cuti hujung minggu bersambung sehingga hari Isnin untuk mengurangkan impak terhadap perkhidmatan kereta api.

Pada pendapat Audit, pengurusan lanjutan masa adalah tidak memuaskan akibat kelewatan penyerahan tapak oleh KTMB. Selain itu, jumlah masa EOT No. 3 yang diluluskan adalah tidak jelas memandangkan jumlah hari yang diperlukan bagi menyiapkan kerja hanyalah 10 hari berbanding 134 hari yang diluluskan. Mengikut anggaran Audit, LAD yang boleh dikenakan jika EOT No. 3 hanya diluluskan 10 hari adalah berjumlah RM15.28 juta iaitu pada kadar RM90,410 sehari (kiraan daripada 12.02.2017 sehingga 30.07.2017).

7.5.5.2. Pengurusan Tuntutan dan Bayaran Yuran ICC

- a. Berdasarkan kontrak perjanjian ICC, *Article V, Payment to the ICC, 5.4 Mode of Billing (b), practicable but not later than thirty (30) days after the end of each calendar month during the period of the Services, the ICC shall submit to the Government, in duplicate itemized statements, accompanied by proper invoices, vouchers and other appropriate supporting materials, of the amounts payable pursuant to Clause 5.3 for such month. The statement pertaining to remuneration shall show the time actually spent by each personnel and charging rate for the month which is being billed.*
- b. Selain itu, berdasarkan Arahan Perbendaharaan 102 (a)(iv), tandatangan seseorang Pegawai Pengawal atau wakilnya yang diberi kuasa adalah memperakui tentang betulnya setiap butir dalam baucar itu. Pegawai yang memperakui adalah bertanggungjawab bahawa penghitungan dan pengiraan adalah betul.
- c. Semakan Audit terhadap baucar bayaran kepada ICC setakat bulan Ogos 2016 mendapati MOT telah membuat pembayaran sejumlah RM17.49 juta iaitu sebanyak 99% dari jumlah kontrak asal iaitu RM17.67 juta. Semakan lanjut terhadap tuntutan bayaran interim 12 hingga 19 mendapati dokumen sokongan yang dikemukakan oleh ICC mengandungi senarai nama kakitangan ICC yang telah berhenti kerja. Tuntutan ini telah diluluskan oleh MOT dan dibuat bayaran ketika itu. Mengikut perkiraan Audit, berlaku lebih bayaran sejumlah RM205,205.40 kepada pihak ICC. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.6
LEBIHAN TUNTUTAN BAYARAN OLEH ICC BERBANDING KIRAAN AUDIT

NO. INTERIM	JUMLAH TUNTUTAN OLEH ICC (RM)	JUMLAH SEPATUTNYA DITUNTUT (KIRAAN AUDIT) (RM)	LEBIHAN/ KURANGAN (RM)	TARIKH BAUCAR BAYARAN
INTERIM 12	408,878.12	382,261.52	26,616.60	11.12.2015
INTERIM 13	392,146.32	364,671.12	27,475.20	11.12.2015
INTERIM 14	393,004.92	365,529.72	27,475.20	10.02.2016
INTERIM 15	393,338.82	365,863.62	27,475.20	15.03.2016
INTERIM 16	378,342.62	350,867.42	27,475.20	27.04.2016
INTERIM 17	364,634.32	337,159.12	27,475.20	11.05.2016
INTERIM 18	341,653.82	314,178.62	27,475.20	16.06.2016
INTERIM 19	327,850.12	314,112.52	13,737.60	25.07.2016
JUMLAH			205,205.40	

Sumber: Baucar Bayaran Interim

- d. Namun, semakan lanjut mendapati bayaran tuntutan tersebut telah diselaraskan oleh ICC semasa tuntutan bayaran dalam tempoh EOT yang pada asalnya berjumlah RM4.39 juta menjadi RM3.23 juta.

Maklum Balas MOT yang Diterima Pada 9 Ogos 2017

Perkara ini berlaku akibat daripada proses berlarutan di peringkat reka bentuk oleh pihak kontraktor, man-month yang diperuntukkan kepada fasa reka bentuk telah digunakan sepenuhnya dan pihak ICC yang telah menggunakan baki peruntukan bagi pemantauan di tapak tanpa melebihi siling peruntukan.

Pada pendapat Audit, walaupun tuntutan ICC telah dilaraskan semula dalam tempoh EOT, pengurusan tuntutan bayaran ketika itu adalah tidak memuaskan kerana berlaku kecuaiian oleh pegawai ICC yang menyediakan tuntutan dan pegawai pengesah semasa meluluskan bayaran.


7.5.6. Pelaksanaan Kerja Pembinaan

Berdasarkan kepada Klausula 13.2 Jilid 1 (Part 1 of 3) Kontrak Kerja, kontraktor hendaklah mewujudkan Sistem Jaminan Kualiti/*Quality Assurance System* (QAS) dan kontraktor hendaklah mengemukakan Pelan Jaminan Kualiti/*Quality Assurance Plan* (QAP) kepada Pengarah Projek untuk kelulusan sebelum memulakan kerja. Klausula 4.1.2.5 Kontrak ICC telah memperuntukkan bahawa ICC bertanggungjawab untuk mengaudit dan menyemak prosedur Jaminan Kualiti/*Quality Assurance* (QA)/ Kawalan Kualiti/*Quality Control* (QC) kontraktor sepanjang tempoh pembinaan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah selaras dengan keperluan kontrak. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

7.5.6.1. Reka Bentuk Tidak Praktikal

- a. Bagi menjamin keselesaan, keselamatan dan memberikan perkhidmatan yang efisien serta menyeluruh kepada penumpang, laluan pejalan kaki perlu dibina untuk menghubungkan Stesen Komuter KTMB dan Terminal Skypark. Semakan Audit mendapati terdapat perubahan laluan pejalan kaki daripada reka bentuk merentasi kawasan letak kereta kepada laluan berbentuk perimeter yang mengakibatkan tambahan jarak daripada 200 meter kepada 310 meter. Kedudukan perubahan adalah seperti gambar rajah berikut:

GAMBAR RAJAH 7.2
PELAN KEDUDUKAN STESEN DAN TERMINAL SKYPARK



Sumber: *Layout Pelan Earthwork ICC*

Maklum Balas MOT yang Diterima Pada 9 Ogos 2017

Laluan sebenar (direct access) tidak digunakan kerana terdapat cadangan pembangunan di kawasan tersebut oleh pemaju iaitu Subang Skypark Sdn. Bhd. yang merupakan salah satu daripada syarikat konsortium KSPLP.

- b. Berdasarkan lawatan Audit, reka bentuk tandas dalam lukisan pembinaan adalah terlalu kecil dan tidak sesuai bagi orang dewasa. Pengukuran di tapak menunjukkan kelebaran dinding ke dinding tanpa pemasangan *tile wall*, hanya 750mm. Terdapat juga tandas yang mempunyai kelebaran ruang masuk yang lebih kecil iaitu hanya sekitar 600mm. Sekiranya kerja *tile wall* dilaksanakan, kelebaran tersebut akan menjadi lebih sempit. Pihak Audit dimaklumkan kelemahan ini berpunca daripada kelemahan koordinasi antara arkitek Veritas Architects Sdn. Bhd. dan perunding struktur (K.L. Consult Associates Sdn. Bhd.) yang telah menyebabkan struktur tiang dibina di dalam ruang tandas. Butiran terperinci adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 7.1



GAMBAR 7.2



Stesen Terminal SkyPark, Subang
Tandas Aras Bawah
- Kelebaran Tandas Sempit dan Tidak Sesuai Untuk Orang Dewasa
(10.01.2017)

GAMBAR 7.3



GAMBAR 7.4



Stesen Terminal SkyPark, Subang
Tandas Aras Bawah
- Kelebaran Ruang Masuk ke Tandas Hanya 600mm
(10.01.2017)

Pada pendapat Audit, perubahan reka bentuk laluan pejalan kaki dan tandas boleh memberi kesan kepada tahap keselesaan pengguna terutamanya warga OKU.

7.5.6.2. Kerja Pembinaan Tidak Sempurna

Pemeriksaan Audit pada 10 dan 11 Januari 2017 di Stesen Terminal Skypark Subang mendapati kualiti kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor adalah tidak memuaskan akibat kurangnya pemantauan oleh ICC dan ketidaktepatan kerja-kerja kontraktor. Semakan lanjut mendapati hanya *Clerk of Work* (COW) yang menjalankan pemantauan. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 7.5



GAMBAR 7.6



Stesen Terminal Skypark, Subang
Aras Bawah
- Rasuk Dipecahkan Sehingga Besi Tetulang Terdedah
(11.01.2017)

GAMBAR 7.7



GAMBAR 7.8



**Stesen Terminal Skypark, Subang
Aras Bawah**

- Rasuk dan Dinding Bata Dipecahkan Bagi Mendapatkan Ruang Untuk Pemasangan Kerangka Pintu
(11.01.2017)

Maklum Balas MOT yang Diterima Pada 9 Ogos 2017

Kerja pemecahan dibuat bagi memenuhi ruang ketinggian 2.10 meter dengan mengikut kaedah kejuruteraan yang baik.

7.5.6.3. Kerja Elektrik dan Mekanikal Tidak Mengikut Piawaian


- a. Pemeriksaan Audit pada 10 Januari 2017 mendapati pemasangan bagi kerja-kerja elektrik adalah tidak memuaskan kerana tidak mengikut piawaian Peraturan Elektrik 1994 yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 7.7
PEMASANGAN KERJA ELEKTRIK YANG TIDAK MENGIKUT
PIAWAIAN PERATURAN ELEKTRIK 1994**

LOKASI	SEPATUTNYA	SEBENAR (KEADAAN FIZIKAL)
Stesen Terminal Skypark Subang Laluan Awam (Aras Satu)	<i>Trunking</i> perlu dipasang menggunakan <i>fixing brackets</i> dan ditandakan dengan kod warna oren/label sebagai tanda pengenalan servis elektrik.	<i>Trunking</i> dipasang terus pada papak konkrit. (Gambar 7.9)
Stesen Terminal Skypark Subang Dalam Siling di Bilik-Bilik Elektrik (Aras Bawah)	Pembinaan dinding perlu dibuat sehingga ke aras lantai konkrit.	Pemasangan dinding bagi bilik-bilik servis elektrik tidak dibuat sehingga ke aras lantai konkrit. (Gambar 7.10)
Stesen Terminal Skypark Subang Dalam Siling di <i>Concourse</i> (Aras Bawah)	<i>Trunking</i> perlu dipasang menggunakan <i>fixing brackets</i> . Tiada sambungan kabel yang dibenarkan.	<i>Trunking</i> dipasang terus pada papak konkrit. Terdapat sambungan kabel pada litar akhir yang tidak dibenarkan. (Gambar 7.11)
Stesen Terminal Skypark Subang Laluan Awam (Aras Bawah)	Kedudukan <i>Rain Water Down Pipe</i> (RWDP) perlu berada di bawah konduit elektrik.	Kedudukan <i>Rain Water Down Pipe</i> (RWDP) berada di atas konduit elektrik boleh memberi risiko bahaya sekiranya berlaku kebocoran pada paip air. (Gambar 7.12)
Stesen Terminal Skypark Subang <i>Guard</i> (Aras Bawah)	Paip air perlu berada di bawah <i>trunking</i> elektrik.	Paip air berada di bahagian atas <i>trunking</i> elektrik dan berbahaya jika berlaku kebocoran pada paip air tersebut. (Gambar 7.13)
Stesen Terminal Skypark Subang Dalam Siling di <i>Concourse</i> (Aras Bawah)	Pemasangan kabel di <i>cable tray</i> perlu mengambil kira had faktor ruangan. Kabel litar akhir sepatutnya berada di <i>trunking</i> yang berasingan.	Pemasangan kabel di <i>cable tray</i> melebihi had faktor ruangan (space factor). Kabel litar akhir dimuatkan dalam <i>cable tray</i> yang sama dengan kabel <i>submain</i> . (Gambar 7.14)


Sumber: Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

GAMBAR 7.9



Bangunan Stesen
Laluan Awam (Aras Satu)
- *Trunking* Dipasang Terus pada
Papak Konkrit
(10.01.2017)

GAMBAR 7.10



Terminal Skypark Subang
Dalam Siling di Bilik-Bilik Elektrik (Aras Bawah)
- Pemasangan Dinding Bagi Bilik-Bilik Servis Elektrik
Tidak Dibuat Sehingga ke Aras Lantai Konkrit
(10.01.2017)

GAMBAR 7.11



Terminal Skypark Subang
Dalam Siling di *Concourse* (Aras Bawah)
- *Trunking* Dipasang Terus pada
Papak Konkrit
(10.01.2017)

GAMBAR 7.12



Terminal Skypark Subang
Laluan Awam (Aras Bawah)
- Kedudukan *Rain Water Down Pipe* (RWDP)
Berada di Atas Konduit Elektrik
(10.01.2017)

GAMBAR 7.13



Terminal Skypark Subang
Guard (Aras Bawah)
- Paip Air Berada di Bahagian Atas
Trunking Elektrik
(10.01.2017)

GAMBAR 7.14



Terminal Skypark Subang
Dalam Siling di *Concourse* (Aras Bawah)
- Pemasangan Kabel di *Cable Tray* Melebihi
Had Faktor Ruangan (Space Factor).
(10.01.2017)

Maklum Balas MOT yang Diterima Pada 9 Ogos 2017

NCR telah dikeluarkan pada 9 Jun 2017 kepada pihak kontraktor dan pihak kontraktor reka bina akan menyemak semula keperluan reka bentuk dinding tersebut selaras dengan kehendak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

- b. Selain itu, Akta 138 (1967)/Code of Conduct oleh Board of Engineers, National Fire Protection Association 2001:2012, Arahan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Bil. 1/2012 dan Garis Panduan Pengurusan Data MAMPU adalah tidak dipatuhi bagi kerja-kerja sistem mekanikal di landasan kereta api dan bangunan Terminal Skypark. Pemeriksaan fizikal Audit pada 10 Januari 2017 adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 7.8
KERJA SISTEM MEKANIKAL TIDAK MENGIKUT PIAWAIAN

LOKASI	PIAWAIAN/PERATURAN	SEBENAR
Terminal Skypark Subang	Lukisan pembinaan bagi sistem mekanikal perlu disahkan oleh jurutera profesional mekanikal.	Lukisan pembinaan bagi sistem mekanikal disahkan oleh jurutera profesional elektrik. (Gambar 7.15)
Terminal Skypark Subang Aras Bawah	Pemasangan <i>Fire Suppression System</i> perlu menggunakan <i>clean agent</i> (campuran gas) yang diperakui oleh BOMBA Malaysia.	Pemasangan <i>Fire Suppression System</i> menggunakan jenis karbon dioksida (CO ₂). (Gambar 7.16)
Terminal Skypark Subang Aras Bawah	<ul style="list-style-type: none"> i. Dinding bilik <i>server</i> perlu daripada bahan anti kelembapan. ii. Sistem penyaman udara yang sesuai bagi bilik server adalah jenis <i>Precision Air Conditioning</i> (PAC). 	Dinding bilik <i>server</i> tidak menggunakan jenis <i>double wall</i> yang boleh mengelakkan berlakunya kondensasi dan sistem penyaman udara juga tidak menggunakan jenis <i>Precision Air Conditioning</i> (PAC) (Gambar 7.17 dan 7.18)

Sumber: Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

GAMBAR 7.15



Terminal Skypark Subang
- Lukisan Pembinaan Bagi Sistem Mekanikal Disahkan oleh Jurutera Profesional Elektrik (10.01.2017)

GAMBAR 7.16



Terminal Skypark Subang Aras Bawah
- Pemasangan *Fire Suppression System* Menggunakan Jenis Karbon Dioksida (CO₂) (10.01.2017)

GAMBAR 7.17



Terminal Skypark Subang Aras Bawah
- Dinding Bilik *Server* Tidak Menggunakan Jenis *Double Wall* yang Boleh Mengelakkan Berlakunya Kondensasi dan Sistem Penyaman Udara Juga Tidak Menggunakan Jenis *Precision Air Conditioning* (PAC) (10.01.2017)

GAMBAR 7.18



Terminal Skypark Subang Aras Bawah
- Dinding Bilik *Server* Tidak Menggunakan Jenis *Double Wall* yang Boleh Mengelakkan Berlakunya Kondensasi dan Sistem Penyaman Udara Juga Tidak Menggunakan Jenis *Precision Air Conditioning* (PAC) (10.01.2017)

Maklum Balas MOT yang Diterima Pada 9 Ogos 2017

Pihak kontraktor akan mengemukakan semula kesemua lukisan pembinaan yang berkaitan untuk disahkan semula oleh jurutera profesional yang berkenaan. Berkenaan dengan bilik server, pihak juruperunding reka bina akan membuat pengesahan terhadap penghawa dingin jenis PAC. Bagi kerja-kerja pemasangan Fire Suppression System jenis Karbon Dioksida (CO²) telah siap dipasang dan juruperunding reka bentuk akan membuat pengesahan penggunaannya.

Pada pendapat Audit, kerja-kerja elektrik dan mekanikal adalah tidak memuaskan akibat daripada kelemahan pemantauan oleh ICC.

7.5.7. Kerosakan Berulang di Jambatan Merentasi NKVE

7.5.7.1. Kawasan jajaran projek Pembinaan Landasan Keretapi Subang Jaya ke Terminal Skypark antaranya merentasi Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) di CH2550. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) menetapkan syarat kelegaan menegak (*vertical clearance*) jambatan ini hendaklah sekurang-kurangnya 5.2 meter daripada aras tanah.

7.5.7.2. Pada 2 April 2014, MOT telah membangkitkan kepada LLM di mana kelegaan menegak jambatan telah menjadi 4.57 meter akibat daripada kerja penurapan jalan oleh PLUS Expressway Berhad. Semakan Audit mendapati berlaku pelanggaran oleh kenderaan berat terhadap rasuk jambatan NKVE semasa kerja-kerja kontraktor dilaksanakan. Butiran kejadian dan maklum balas serta tindakan oleh LLM adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.9
KEJADIAN PELANGGARAN RASUK JAMBATAN MERENTASI NKVE

BIL.	TARIKH KEJADIAN	KESAN KEMALANGAN	TINDAKAN DIAMBIL
1.	Sebelum kerja-kerja pembaikan oleh PLUS pada Februari 2016	Kerosakan teruk pada rasuk jambatan NKVE. (Gambar 7.19)	Telah dibaiki oleh PLUS pada bulan Februari hingga April 2016. Diserahkan kepada KTMB pada 26 April 2016. Pemasangan papan tanda dan 147 palang <i>gantry</i> oleh PLUS. (Gambar 7.20)
2.	29 April 2016	Kerosakan pada rasuk jambatan NKVE.	Tindakan pembaikan oleh PLUS pada bulan September 2016.
3.	10 Januari 2017	Terdapat kesan geseran pada rasuk jambatan NKVE yang telah dibaiki sepertimana lawatan Audit pada 11 Januari 2017. (Gambar 7.21)	LLM memaklumkan pihaknya telah memohon kepada PLUS pada 7 Mac 2017 untuk memberikan penyelesaian jangka panjang. Namun pada 28 Mac 2017 pihak PLUS telah memberikan cadangan jangka pendek dan panjang yang terdiri daripada dua pilihan iaitu sama ada menurunkan ketinggian aras <i>pavement</i> atau mengurangkan rasuk ketinggian jambatan. Bagaimanapun sehingga kini tiada sebarang tindakan penyelesaian dibuat.

Sumber: Fail Pembangunan MOT

GAMBAR 7.19



Jambatan NKVE
- Kerosakan Pada Rasuk Jambatan
(Sumber: Laporan KTMB)

GAMBAR 7.20



Jambatan NKVE
- Papan Tanda Menunjukkan Amaran
Ketinggian Maksimum 4.5 Meter
(Sumber: MOT - 10.01.2015)



GAMBAR 7.21

Jambatan NKVE
- Terdapat Kesan Geseran Pada Rasuk
Jambatan yang Telah Dibaiki
(11.01.2017)

7.5.7.3. Susulan itu, pada 25 Januari 2017, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan surat kepada LLM bagi mendapatkan penjelasan terhadap rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan diambil serta pandangan profesional LLM berkenaan kesan pelanggaran terhadap tahap keselamatan perkhidmatan kereta api dan orang awam.

Pada pendapat Audit, tindakan pembaikan kerosakan dan pemasangan papan tanda amaran LLM yang telah dibuat tidak berkesan kerana kes pelanggaran rasuk jambatan oleh kenderaan masih berlaku. Ini boleh mengakibatkan risiko terhadap keselamatan orang awam.

7.5.8. Pemantauan

Mesyuarat tapak diadakan bertujuan untuk memantau kemajuan kerja dan mengenal pasti serta mencari penyelesaian terhadap sebarang masalah pelaksanaan projek. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2016, ICC telah mengadakan mesyuarat teknikal sebanyak 48 kali dan mesyuarat tapak sebanyak 44 kali. Semakan Audit terhadap Laporan Harian Tapak mendapati ada pegawai ICC yang dilantik sebagai *clerk of work* (COW) telah mengesahkan kerja-kerja di tapak dan bukannya Jurutera Kanan yang berkepakaran. Pihak Audit dimaklumkan Laporan Harian Tapak yang disemak oleh COW, akan disahkan oleh Jurutera Kanan yang bertanggungjawab. Semakan lanjut mendapati pegawai Jurutera Kanan tersebut telah ditamatkan perkhidmatan.

Pada pendapat Audit, pemantauan projek adalah memuaskan kecuali tindakan pengesahan oleh COW yang menunjukkan kelemahan jaminan kualiti dan pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.

7.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Projek Pembinaan Landasan Skypark diuruskan dengan cekap, berhemat dan Kerajaan mendapat *best value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan, adalah disyorkan pihak MOT mempertimbangkan perkara berikut:

- 7.6.1. mengutip balik sepenuhnya RM142.75 juta yang dipindahkan kepada PAK termasuk faedah;
- 7.6.2. menjalankan siasatan terhadap kecuaiian ketika proses tuntutan oleh ICC;
- 7.6.3. mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor dengan mengenakan LAD sepenuhnya berhubung pengurusan isu di tapak yang tidak memuaskan, antaranya kegagalan menyiapkan projek mengikut jadual, kerja pembinaan yang tidak sempurna dan tidak mengikut piawaian; dan
- 7.6.4. meningkatkan tahap pemantauan terperinci terhadap kualiti kerja kontraktor yang banyak melakukan kerja-kerja pecah binaan (hacking) akibat kesilapan.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

8. PENGURUSAN PROGRAM RUMAH MAMPU MILIK WILAYAH PERSEKUTUAN

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Program Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) merupakan salah satu inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang dilancarkan pada 8 April 2013 bagi menyediakan kediaman mampu milik sebanyak 80,000 unit di Wilayah Persekutuan dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2014 hingga 2018. Program RUMAWIP bertujuan untuk membantu golongan yang berpendapatan sederhana yang menetap atau bekerja di Wilayah Persekutuan untuk memiliki kediaman sendiri di mana pemaju bertindak membangunkan projek berkenaan dan menerima insentif pembangunan sebagai pulangan terhadap obligasi tersebut. Selain daripada KWP, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan juga terlibat dalam pengurusan program RUMAWIP.

8.1.2. Harga RUMAWIP ditetapkan tidak melebihi RM300,000 seunit dilengkapi dengan kemudahan asas yang bersesuaian dengan keperluan dan keselesaan kediaman masa kini. RUMAWIP dikategorikan kepada beberapa jenis seperti jadual berikut:

JADUAL 8.1
KATEGORI RUMAWIP DITETAPKAN DI BAWAH DASAR RUMAWIP


JENIS	HARGA JUALAN (RM)	SAIZ MINIMA
Rumah Harga Rendah	63,000 (Kuala Lumpur dan Putrajaya) RM52,000 (Labuan)	700 kaki persegi (3 bilik tidur)
Rumah Harga Sederhana Rendah	63,001 – 150,000	800 kaki persegi (3 bilik tidur) dan 650 kaki persegi (2 bilik tidur dan kurang)
Rumah Harga Sederhana	150,001 – 300,000	

Sumber: Unit RUMAWIP KWP

8.1.3. Dasar RUMAWIP yang berkuat kuasa mulai 28 Mac 2013 telah menetapkan beberapa syarat kelayakan permohonan RUMAWIP dan insentif pembangunan kepada pemaju yang membangunkan RUMAWIP. Antara syarat permohonan adalah pemohon berumur 18 tahun ke atas dan pendapatan kasar bulanan di bawah RM10,000 (bujang) dan RM15,000 (suami dan isteri). Antara insentif ditawarkan kepada pemaju adalah pengecualian caj pembangunan mengikut peratusan RUMAWIP yang dibina dan kebenaran meningkatkan kepadatan penduduk dan pembangunan perdagangan maksima 10% di dalam kawasan yang sama. Kaedah pelaksanaan RUMAWIP meliputi pembangunan kediaman di atas

tanah persendirian dan tanah Kerajaan iaitu minima 50% unit RUMAWIP perlu dibina atas tanah Kerajaan manakala minima 30% RUMAWIP perlu dibina atas tanah persendirian seperti carta berikut:

**CARTA 8.1
KAEDAH PELAKSANAAN RUMAWIP**



Sumber: Unit RUMAWIP KWP

8.1.4. Urusan pendaftaran dan permohonan RUMAWIP adalah dibuat secara atas talian. Pemohon hendaklah berdaftar, mengisi borang permohonan melalui portal dan mencetak borang permohonan bersama-sama dokumen sokongan untuk dihantar ke Pejabat Urusetia RUMAWIP. Proses permohonan adalah seperti carta berikut:

**CARTA 8.2
PROSES PERMOHONAN RUMAWIP**



Sumber: Unit RUMAWIP KWP

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai program RUMAWIP telah diurus dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

8.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi tujuh bidang utama iaitu pengurusan dan pencapaian program, pengurusan penjualan tanah, pengurusan pembangunan projek, pengurusan permohonan, pemeriksaan fizikal projek, pengurusan selepas projek siap dan pemantauan terhadap projek RUMAWIP atau cadangan komponen RUMAWIP dalam projek sehingga tahun 2017. Jumlah sampel yang dipilih untuk pemeriksaan lanjut adalah 20% iaitu 13 daripada 66 projek RUMAWIP (termasuk tiga projek berstatus dalam cadangan) yang dibangunkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sampel yang dipilih adalah berdasarkan risiko dan impak terhadap projek/lot tanah. Pengauditan telah dilaksanakan di KWP dan DBKL. Butiran projek yang terlibat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.2
SENARAI PROJEK RUMAWIP DIAUDIT

KAEDAH PELAKSANAAN	PROJEK/LOT TANAH	PEMAJU	BIL. UNIT	DIJANGKA SIAP
Tanah Milik DBKL	Lot 141, Kg. Bumiputra, Jalan Jelatek*	Almaharta Sdn. Bhd.	Cadangan komponen RUMAWIP	Belum Mula
	Lot PT 7 dan Sebahagian PT 8, Jalan Pantai Dalam	Gagasan Matrik Sdn. Bhd.	280	Belum Mula
	Lot 193 (Lot 278), Jalan Kolam Air*	Virtue Court Sdn. Bhd.	Cadangan komponen RUMAWIP	Belum Mula
	Lot 11590 (PT2070), Mukim Ampang*	Faber Vista Sdn. Bhd.	Cadangan komponen RUMAWIP	Belum Mula
	Residensi Pandanmas I	Faber Vista Sdn. Bhd.	700	Siap
	Residensi Pandanmas II	Faber Vista Sdn. Bhd.	1,920	31.10.2018
	Residensi Hijauan Lumayan	Danau Lumayan Sdn. Bhd.	512	30.09.2018
	Residensi Kepongmas	Sinerjuta Sdn. Bhd.	1,514	31.12.2019
	Residensi Desa Satumas	Garuda Searah Sdn. Bhd.	3,002	31.10.2020
	Residensi Gurneymas	Era Ecoland Sdn. Bhd.	274	31.12.2020
	Residensi Wangsamias	Era Ecoland Sdn. Bhd.	441	31.12.2020
Tanah Persendirian	Casa Green @ Bukit Jalil	Amber Homes Sdn. Bhd.	490	30.06.2019
	Residensi Puchongmas	Sinerjuta Sdn. Bhd.	524	31.12.2019

Sumber: Unit RUMAWIP KWP

Nota: (*) - Projek Berstatus Dalam Cadangan

8.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen termasuk kontrak serta menganalisis data yang berkaitan dengan program RUMAWIP. Selain itu, lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai berkaitan juga dijalankan.

8.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) antara bulan Januari hingga Mei 2017 mendapati objektif program telah dicapai kerana KWP telah berjaya menyediakan 52,562 (107.3%) berbanding 49,000 unit yang disasarkan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

Pengurusan program pula adalah tidak memuaskan berdasarkan tujuh bidang utama yang diaudit. Walaupun pengurusan pembangunan dari aspek kelulusan perintah pembangunan dan pengurusan selepas projek siap adalah memuaskan, kelemahan yang ditemui dalam aspek pengurusan penjualan tanah, pengurusan permohonan dan pemantauan telah menjejaskan kecekapan program ini secara keseluruhannya. Kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. penjualan tanah bagi tiga projek dibuat kepada pihak tidak berwibawa dan tidak disokong dengan justifikasi yang jelas;
- ii. tiada bukti menunjukkan penilaian tanah berasaskan jualan telah dibuat bagi Residensi Desa Satumas menyebabkan harga tawaran dibuat oleh DBKL di bawah harga pasaran berjumlah RM24.07 juta;
- iii. pengecualian caj pembangunan berjumlah RM3.68 juta untuk 274 unit pangsapuri harga bebas bagi Residensi Gurneymas tidak selaras dengan Dasar RUMAWIP. Bagaimanapun, pengecualian tersebut oleh Datuk Bandar adalah selaras dengan kuasa mengikut Kaedah 7 di dalam Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2013; dan
- iv. faedah lewat bayar harga pembelian tanah berjumlah RM3.19 juta bagi dua projek telah dikecualikan di mana mengikut penjelasan KWP, keputusan tersebut dipersetujui selepas mengambil kira kesediaan pemaju untuk mematuhi syarat yang ditetapkan oleh DBKL. Selain itu, faedah lewat bayar berjumlah RM493,046 bagi satu projek tidak dikenakan kerana tidak dinyatakan dalam surat tawaran.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KWP dan DBKL telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 14 Ogos 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

8.5.1. Pencapaian Program RUMAWIP

8.5.1.1. Sasaran yang ditetapkan adalah sebanyak 80,000 unit kediaman mampu milik disediakan di Wilayah Persekutuan dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2014 hingga 2018. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, pencapaian tahunan sebenar program RUMAWIP dilihat melebihi sasaran ditetapkan iaitu antara 100.8% hingga 120.4% seperti jadual berikut:

JADUAL 8.3
SASARAN DAN PENCAPAIAN BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA 2016

PERKARA	2014 (Unit)	2015 (Unit)	2016 (Unit)	2017 (Unit)	2018 (Unit)	JUMLAH
Sasaran	15,000	17,000	17,000	17,000	14,000	80,000
Pencapaian	18,066	17,135	17,361	-	-	52,562
PERATUSAN	120.4%	100.8%	102.1%	-	-	65.7%

Sumber: Unit RUMAWIP KWP

8.5.1.2. Prestasi sebenar RUMAWIP meliputi tiga kategori iaitu siap, dalam pembinaan dan lulus perintah pembangunan. Bagi kategori dalam pembinaan dan lulus perintah pembangunan, ia turut meliputi bilangan projek dan unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kelulusan perintah pembangunan merupakan suatu perintah yang membenarkan sesuatu pembangunan dilaksanakan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Perintah pembangunan adalah sah selama satu tahun dari tarikh ia dikeluarkan dan pelanjutannya hendaklah dikemukakan sebelum tamat tempoh sah. Semakan Audit mendapati 46.9% iaitu 24,624 unit daripada 52,562 unit adalah di bawah kategori lulus perintah pembangunan, 45.9% (24,136 unit) di bawah kategori dalam pembinaan dan 7.2% (3,802 unit) di bawah kategori siap seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.4
PENCAPAIAN RUMAWIP SETAKAT BULAN DISEMBER 2016 MENGIKUT KATEGORI**

WILAYAH	SIAP		DALAM PEMBINAAN		PERINTAH PEMBANGUNAN		JUMLAH (Unit)
	PROJEK	UNIT	PROJEK	UNIT	PROJEK	UNIT	
RUMAWIP							
Kuala Lumpur	5	3,461	19	12,777	27	12,931	29,169
Labuan	4	341	6	1,921	2	254	2,516
Jumlah	9	3,802	25	14,698	29	13,185	31,685
PPA1M							
Kuala Lumpur	-	-	2	2,766	6	4,861	7,627
Putrajaya	-	-	7	6,672	7	6,578	13,250
Jumlah	-	-	9	9,438	13	11,439	20,877
JUMLAH	9	3,802	34	24,136	42	24,624	52,562

Sumber: Unit RUMAWIP KWP

8.5.1.3. Dalam pengurusan pembangunan RUMAWIP, tiada garis panduan RUMAWIP yang komprehensif disediakan. Garis panduan komprehensif yang mengandungi antaranya penentuan tapak RUMAWIP, pengurusan penjualan tanah sekiranya melibatkan tanah Kerajaan, mekanisme menilai cadangan pemaju dan pemilihan pemaju berkeelayakan, proses permohonan, penapisan dan penawaran serta pemantauan urusan jual beli RUMAWIP adalah penting kepada agensi pelaksana dalam melaksanakan program ini. Semakan Audit mendapati hanya Dasar RUMAWIP dan carta aliran permohonan disediakan sebagai panduan pelaksanaan. Dasar dan carta aliran tersebut tidak menyatakan prosedur kerja pelaksanaan secara terperinci seperti tempoh pelaksanaan. Ketiadaan garis panduan menyebabkan RUMAWIP dilaksanakan berdasarkan amalan sedia ada dan menjejaskan keberkesanan program. Mengikut amalan sedia ada bagi kaedah pelaksanaan atas tanah kerajaan, pemaju akan menentukan lokasi/tapak untuk membangunkan RUMAWIP dengan memohon pembelian tanah kepada DBKL.

Maklum Balas KWP yang Diterima Pada 31 Julai 2017

Cadangan penambahbaikan Standard Operating Procedure (SOP) sedang dimuktamadkan untuk kelulusan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas RUMAWIP dan dijangka dikuatkuasakan pada akhir bulan Ogos 2017.

Pada pendapat Audit, pencapaian program RUMAWIP adalah memuaskan kerana telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2014 hingga 2016. Bagaimanapun, ketiadaan garis panduan yang komprehensif telah menjejaskan kecekapan pengurusan program.

8.5.2. Pengurusan Penjualan Tanah

8.5.2.1. Pemilihan Syarikat Tidak Berwibawa/Tanpa Justifikasi Jelas

- a. Berdasarkan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009, perancangan pelupusan aset hendaklah dilaksanakan mengikut pekeling dan tatacara yang berkuatkuasa. Pekeling Am Bilangan 2 Tahun 2012 pula menyatakan pelupusan aset tak alih hendaklah dilaksanakan dengan cara yang betul dan sistematik serta mendapatkan hasil/pulangan yang terbaik.
- b. Semakan Audit mendapati tanah milik DBKL telah dilupuskan secara *outright sale* kepada syarikat pemaaju yang baru ditubuhkan, *dormant*, kedudukan modal yang tidak kukuh dan tidak berpengalaman. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada terdapat justifikasi yang jelas terhadap penjualan tanah kepada syarikat terlibat bagi lot tanah/projek seperti berikut:

JADUAL 8.5
PENJUALAN TANAH KEPADA SYARIKAT TANPA JUSTIFIKASI JELAS

SYARIKAT PEMAJU	LOT TANAH/ PROJEK	KETERANGAN ISU
Virtue Court Sdn. Bhd. (VCSB) / Gagasan Matrik Sdn. Bhd. (GMSB)*	PT 7 dan Sebahagian PT 8, Jalan Pantai Dalam	<ul style="list-style-type: none">• Surat tawaran penjualan tanah dengan harga pembelian RM56.29 juta telah dikeluarkan oleh DBKL kepada VCSB pada 19 April 2011.• Bagi tempoh tahun 2009 sehingga 2011 iaitu semasa perundingan/proses tawaran/lantikan sedang dijalankan, terdapat syarikat lain telah menawarkan diri untuk pembangunan kawasan tersebut dengan mengemukakan profil syarikat beserta latar belakang dan pengalaman kerja/projek yang telah diterajui. VCSB tidak mengemukakan maklumat sedemikian tetapi terpilih.• Perjanjian Jual Beli telah dimeterai pada 25 November 2011 dengan anak syarikat VCSB iaitu Gagasan Matrik Sdn. Bhd. (GMSB).• Semasa penjualan tanah ditawarkan pada bulan April 2011, status VCSB dan GMSB adalah dormant seperti Jadual 8. 6.• GMSB yang ditubuhkan pada 21 Januari 2010 hanya mempunyai modal berbayar/diterbitkan berjumlah RM100 sahaja.
Era Ecoland Sdn. Bhd. (EESB)	HS(D) 119648 Lot PT 9902, Mukim Setapak (Residensi Gurneymas)	<ul style="list-style-type: none">• EESB ditubuhkan pada 25 November 2014 iaitu sehari selepas surat cadangan pembangunan RUMAWIP dikemukakan pada 24 November 2014. EESB juga pada masa permohonan masih belum mendaftar untuk GST kerana pendapatan syarikat tersebut belum mencecah RM500,000.

SYARIKAT PEMAJU	LOT TANAH/ PROJEK	KETERANGAN ISU
Garuda Searah Sdn. Bhd. (GSSB)	PT 4284, 52958, 52959, 52961 dan 52960 Tasek Desa, Jalan Kelang Lama (Residensi Desa Satumas)	<ul style="list-style-type: none"> Mengikut Minit Mesyuarat Penyelarasan Penyediaan <i>Request for Proposal</i> pada 24 Disember 2014, pelaksanaan projek diteruskan secara tender terhad. Tiada tawaran oleh DBKL kepada petender untuk menyertai tender terhad sebaliknya, kesemua permohonan pembelian tanah daripada syarikat terlibat telah dikemukakan secara terus kepada DBKL pada bulan Januari 2016. Tiada bukti Jawatankuasa Penilaian telah ditubuhkan dan kertas kerja proses penilaian disediakan. DBKL kemudiannya menyediakan dua Jadual Penilaian yang menyenaraipendekkan butiran permohonan yang diterima. Namun, didapati terdapat perbezaan antara senarai pemohon bagi jadual-jadual tersebut dan GSSB hanya disenaraikan dalam Jadual Penilaian kali kedua. GSSB merupakan syarikat yang baru ditubuhkan pada 11 Mac 2015. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada syarikat ini berkeupayaan melaksanakan pembangunan projek perumahan memandangkan aktiviti syarikat yang didaftarkan dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia adalah mengeksport dan mengimport pelbagai barangan.

Sumber: DBKL

Nota: (*) - Surat tawaran penjualan kepada VCSB manakala Perjanjian Jual Beli dimeterai dengan anak syarikatnya iaitu Gagasan Matrik Sdn. Bhd.

JADUAL 8.6
STATUS PROFIL SYARIKAT TERLIBAT DENGAN PEMBELIAN
TANAH PT 7 DAN SEBAHAGIAN PT 8, JALAN PANTAI DALAM

TARIKH DITUBUHKAN	TARIKH MAKLUMAT SSM DIPEROLEH	MAKLUMAT MODAL		JENIS PERNIAGAAN	CATATAN
		JUMLAH DIBENARKAN (RM)	JUMLAH DITERBITKAN (RM)		
SYARIKAT VIRTUE COURT SDN. BHD.					
12.12.2008	31.03.2010	100,000	10	<i>General Trading</i>	Semakan Pihak DBKL
	24.05.2012	100,000	100,000	<i>Dormant</i>	
	11.04.2017	100,000	100,000	<i>The Company has participated in a joint venture agreement for development activities.</i>	Semakan Jabatan Audit Negara
SYARIKAT GAGASAN MATRIK SDN. BHD.					
21.01.2010	22.02.2010	100,000	100	Tiada Maklumat	Semakan Pihak DBKL
	07.12.2011	100,000	100	<i>Dormant</i>	
	11.04.2017	100,000	100	<i>The Company has participated in a joint venture agreement for development activities.</i>	Semakan Jabatan Audit Negara

Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

- c. Antara sebab berlaku kelemahan dalam urusan penjualan tanah DBKL adalah kerana ketiadaan kaedah bidaan digariskan dalam *Standard Operating Procedure (SOP)*. Amalan semasa untuk penjualan tanah DBKL adalah dengan menawarkan kepada syarikat yang mengutuskan surat hasrat pembelian sesuatu tanah.
- d. Bagi permohonan pembangunan projek daripada Syarikat Virtue Court Sdn. Bhd. (VCSB), semakan selanjutnya mendapati Perjanjian Jual Beli telah dimeterai pada 25 November 2011 dengan anak syarikat VCSB, Syarikat

Gagasan Matrik Sdn. Bhd. (GMSB). Adalah didapati tiada surat tawaran baru dikeluarkan oleh DBKL kepada GMSB walaupun penjualan telah dipindahkan kepadanya.

- e. Selanjutnya DBKL telah menyerahkan pemilikan kosong hartanah kepada GMSB pada 26 Disember 2014 setelah GMSB menjelaskan pembayaran harga jualan tanah. Bagaimanapun, sehingga lawatan tapak oleh pihak Audit pada 8 Mei 2017, pembinaan RUMAWIP di Lot PT 7, Jalan Pantai Dalam masih belum dibangunkan seperti diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Projek-Projek Penswastaan Bil. 14/2012 pada 5 Disember 2012. Pihak Audit difahamkan terdapat masalah penempatan kuil haram sejak tahun 2012 seperti di **Gambar 8.2** yang telah menjejaskan kelancaran pembangunan dan GMSB sedang mengambil tindakan mahkamah terhadap penempatan haram tersebut. Selain itu, lawatan Audit juga mendapati stor/pondok haram telah dibina atas tapak berkenaan. Pihak Audit dimaklumkan DBKL tiada asas di bawah undang-undang untuk berurusan di tanah tersebut selepas penjualan tanah secara *outright sale* kepada GMSB. Keadaan tapak adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 8.1



Lot PT 7
- Stor/Pondok Haram di Tapak
(08.05.2017)

GAMBAR 8.2



Lot PT 7
- Kuil Haram di Tapak
(08.05.2017)

Maklum Balas KWP yang Diterima Pada 31 Julai 2017

Berdasarkan peruntukan klausa Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kuasa untuk menjual, memajak, melupus mana-mana harta alih atau tidak alih miliknya dengan syarat mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

Tawaran kepada VCSB telah dibuat kerana syarikat tersebut adalah satu-satunya pihak yang menawarkan untuk membeli lot tersebut.

Pihak DBKL mengambil maklum akan penemuan Audit berhubung EESB ditubuhkan sehari selepas mengemukakan surat permohonan. Pertimbangan terhadap pemilihan EESB dibuat kerana syarikat menawarkan cadangan pembinaan 50% RUMAWIP di bawah harga RM200,000 dengan keluasan 800 kaki persegi.

Jawatankuasa bersetuju menawarkan kepada GSSB atas tawaran tertinggi oleh syarikat tersebut pada harga RM495 juta berbanding tujuh syarikat lain dan menawarkan untuk membina 3,000 rumah mampu milik.

Draf awal SOP Penjualan Tanah telah diwujudkan pada bulan Oktober 2015 dan telah ditambah baik pada bulan Mac 2017 serta diperakukan untuk diguna pakai di Jabatan Perancang Ekonomi dan Pembangunan, DBKL. Berikutan teguran Audit, SOP sedia ada akan diteliti semula pada bulan September 2017 dengan mengkaji mekanisma lain yang bersesuaian termasuk penjualan secara pembidaan bagi proses penjualan tanah.

Pada pendapat Audit, penjualan tanah milik DBKL secara *outright sale* tanpa bidaan adalah tidak memuaskan kerana DBKL berisiko tidak memperoleh pulangan maksima dalam urusan jualan tersebut. Penjualan tanah kepada pihak yang tidak berwibawa juga mendedahkan DBKL kepada risiko kelewatan dan objektif projek yang tidak dapat dicapai.

8.5.2.2. Tiada Bukti Penilaian Harga Tanah Berasaskan Jualan Dibuat

- a. Berdasarkan Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012, pelupusan aset tak alih hendaklah dilaksanakan dengan cara yang betul dan sistematik serta mendapatkan hasil/pulangan yang terbaik. Mengikut DBKL, nilai tanah yang terlibat dengan penjualan tanah adalah berasaskan penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan (JPPH MoF) atau Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, DBKL (JPPH DBKL) dengan tambahan *Minimum Guaranteed Profit*.
- b. Satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek, DBKL pada 24 Jun 2016 telah memutuskan penjualan lima lot tanah seluas 42.42 ekar di Tasek Desa, Jalan Kelang Lama (Residensi Desa Satumas) kepada Garuda Searah Sdn. Bhd. (GSSB) mengikut harga tawaran syarikat tersebut berjumlah RM493 juta. Bagaimanapun, tiada bukti penilaian harga tanah dibuat berasaskan nilai jualan sebelum penawaran harga jualan dimuktamadkan dengan GSSB pada nilai RM493 juta.
- c. Semakan Audit mendapati JPPH MoF pernah membuat penilaian terhadap lima lot tanah Tasek Desa, Jalan Kelang Lama pada 20 Februari 2013 dengan nilai pasaran ketika itu adalah bernilai RM343.37 juta. Bagaimanapun, penilaian semula tanah perlu dibuat memandangkan penilaian terdahulu telah melebihi tempoh dua tahun selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Penswastaan Bil. 6 Tahun 2016 pada 6 April 2016. Permohonan penilaian semula tanah telah dikemukakan kepada JPPH MoF melalui KWP pada 24 Mei 2016. Bagaimanapun, permohonan

nilai kerja tidak dapat dilaksanakan oleh JPPH MoF kerana dokumen hak milik tanah tidak lengkap.

- d. Selanjutnya, penilaian tersebut telah dibuat pada 29 September 2016 setelah memperoleh kesemua dokumen perihal tanah yang berkaitan. JPPH MoF memaklumkan nilai yang berpatutan dan munasabah bagi tanah berkenaan adalah RM517.07 juta. Bagaimanapun, tanah berkenaan telah ditawarkan kepada GSSB pada 27 Jun 2016 tanpa penilaian JPPH MoF sebaliknya hanya berdasarkan penilaian tanah oleh JPPH DBKL pada 9 Jun 2016 dengan nilai RM400 juta. Perbezaan harga nilai berjumlah RM117.07 juta antara JPPH MoF dan JPPH DBKL disebabkan kaedah penilaian yang berbeza. Nilai JPPH MoF adalah berdasarkan nilai potensi manakala nilai JPPH DBKL berdasarkan syarat nyata dan kegunaan semasa tanah yang sebahagian besar untuk taman rekreasi. Berdasarkan perbandingan antara harga jualan berjumlah RM493 juta dan penilaian JPPH MoF berjumlah RM517.07 juta, terdapat perbezaan harga berjumlah RM24.07 juta. Ini menunjukkan harga tawaran yang dibuat oleh DBKL adalah masih di bawah harga pasaran semasa.

Maklum Balas KWP yang Diterima Pada 28 Ogos 2017

DBKL berpendapat, harga RM493 juta yang ditawarkan oleh GSSB melebihi nilai potensi. Walaupun secara kasarnya didapati nilai jualan sekaki persegi yang ditawarkan kepada GSSB adalah rendah berbanding nilai JPPH MoF iaitu RM266.80 berbanding RM297.90 sekaki persegi, namun setelah mengambil kira komponen pembangunan rumah mampu milik yang akan dibangunkan oleh GSSB serta penjualan secara as is where is basis, maka nilai sekaki persegi yang ditawarkan oleh GSSB sebenarnya lebih tinggi berbanding penilaian JPPH MoF.

Pada pendapat Audit, pengurusan penilaian harga tanah untuk dilupuskan adalah tidak memuaskan kerana penilaian telah dibuat tanpa menggunakan asas yang tepat menyebabkan Kerajaan khususnya DBKL tidak mendapat pulangan yang terbaik dari penjualan tanah tersebut.

8.5.2.3. Pengecualian Caj Pembangunan

- a. Datuk Bandar boleh mengecualikan caj pembangunan yang perlu dibayar oleh pemaju mengikut Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2013. Pengecualian hendaklah dibuat dalam Borang D Jadual Kedua. Selain itu, Dasar RUMAWIP menetapkan caj pembangunan dikecualikan mengikut peratusan unit RUMAWIP yang dibina.
- b. Semakan Audit mendapati Datuk Bandar telah menawarkan penjualan tanah HS(D) 119648 Lot PT 9902, Mukim Setapak (Residensi Gurneymas) kepada

Era Ecoland Sdn. Bhd. (EESB). EESB telah menandatangani Akuan Setuju Terima pada 15 Januari 2015 untuk membangunkan 274 unit (50%) RUMAWIP dan 274 unit (50%) pangsapuri harga bebas atas tapak berkenaan.

- c. Semakan Audit mendapati Datuk Bandar telah memberi pengecualian 100% caj pembangunan kepada EESB berdasarkan keputusan Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat, DBKL pada 30 Julai 2015. Kesannya, caj pembangunan berjumlah RM3.68 juta bagi 274 unit pangsapuri harga bebas tidak dikenakan. Mengikut penjelasan KWP, kelulusan tersebut telah diberi walaupun bercanggah dengan Dasar RUMAWIP berdasarkan justifikasi bahawa EESB telah bersetuju untuk menjual 274 unit RUMAWIP di bawah harga RM200,000 dengan keluasan 800 kaki persegi.
- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti pengecualian dibuat melalui Borang D Jadual Kedua yang ditandatangani oleh Datuk Bandar selaras dengan Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2013.

Maklum Balas KWP yang Diterima Pada 28 Ogos 2017

Mengikut Kaedah 7 di dalam Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2013 menyatakan Datuk Bandar boleh, selepas mempertimbangkan sesuatu permohonan untuk pengecualian caj pembangunan, mengecualikan mana-mana pembangunan daripada tanggungan membayar kesemua atau mana-mana bahagian daripada apa-apa caj pembangunan yang kena dibayar di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Pada pendapat Audit, pemberian pengecualian 100% caj pembangunan bagi Projek Residensi Gurneymas (walaupun bercanggah dengan dasar RUMAWIP) adalah selaras dengan kuasa Datuk Bandar mengikut Kaedah 7 di dalam Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2013. Namun begitu, dokumentasi yang teratur patut disediakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan bagi menjamin ketelusan.

8.5.2.4. Pengecualian Faedah Lewat Bayar Untuk Kelewatan Bayaran Jualan Tanah

- a. Berdasarkan Perjanjian Jual Beli yang dimeterai antara pihak DBKL dan Gagasan Matrik Sdn. Bhd. (GMSB), klausa 3.3 dan 3.4 menetapkan permohonan syarikat untuk melanjutkan tempoh membayar baki harga pembelian tanah boleh dipertimbangkan oleh DBKL tertakluk kepada

syarikat akan dikenakan faedah lewat bayar 8% setahun daripada tarikh akhir bayaran perlu dijelaskan sehingga baki harga pembelian penuh dibuat. Semakan Audit mendapati GMSB telah lewat selama 287 hari untuk menjelaskan baki bayaran (90%) pembelian Tanah Lot PT 7 & sebahagian PT 8 di Jalan Pantai Dalam. Faedah berjumlah RM3.14 juta seharusnya dikenakan berdasarkan klausa perjanjian. Bagaimanapun, Datuk Bandar telah mengecualikan faedah lewat bayar atas alasan persetujuan membina RUMAWIP di tapak Lot PT 7. Namun lawatan Audit pada bulan Mei 2017 mendapati RUMAWIP masih belum dibina walaupun pengecualian faedah lewat bayar berjumlah RM3.14 juta telah diberikan kepada GMSB. Kesannya, pengecualian tersebut telah mengurangkan hasil DBKL.

- b. Berdasarkan surat tawaran bagi penjualan tanah di HS(D) 119648 Lot PT 9902, Mukim Setapak (Residensi Gurneymas), Era Ecoland Sdn. Bhd. (EESB) hendaklah menjelaskan bayaran pendahuluan 10% atas harga jualan tanah berjumlah RM1.62 juta sebelum 5 Mei 2015. Kesemua bayaran pendahuluan tertakluk kepada bayaran faedah lewat bayar 8% setahun. Semakan Audit mendapati bayaran deposit 10% telah lewat dijelaskan selama 183 hari. Deposit hanya dijelaskan pada 26 Mei 2015 dan 3 November 2015 selepas permohonan penangguhan bayaran diluluskan dan faedah lewat bayar 8% setahun dikecualikan oleh Datuk Bandar. Mengikut kiraan Audit, faedah lewat bayar yang sepatutnya dikenakan kepada EESB adalah berjumlah RM46,905 seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.7
PENGIRAAN FAEDAH LEWAT BAYAR**

SYARIKAT	LOT TANAH	BAYARAN DITERIMA		PENGIRAAN FAEDAH LEWAT BAYAR DIKENAKAN		
		(RM)	TARIKH	TEMPOH KELEWATAN	JUMLAH HARI LEWAT	FAEDAH 8% (RM)
Era Ecoland Sdn. Bhd.	PT 9902	513,000	26.05.2015	05.05.2015 – 26.05.2015	22	2,474
		1,107,740	03.11.2015	05.05.2015 – 03.11.2015	183	44,431
		1,620,740	JUMLAH KESELURUHAN LEWAT BAYAR			46,905

Sumber: DBKL

- c. Bagi penjualan tanah Lot 11590 yang dibeli bersekali dengan Lot 11589 untuk Residensi Pandanmas 1 oleh Faber Vista Sdn. Bhd. (FVSB), tuntutan bayaran pendahuluan 10% harga jualan berjumlah RM1.92 juta masih belum dijelaskan apabila rayuan penangguhan pembayaran diluluskan oleh Datuk Bandar sehingga 2 Februari 2018. Semakan Audit mendapati tarikh asal pembayaran sepatutnya dijelaskan sebelum 17 November 2014. Bagaimanapun, sebanyak empat rayuan penangguhan dikemukakan oleh FVSB seperti jadual berikut:

JADUAL 8.8
PERMOHONAN PENANGGUHAN PEMBAYARAN PENDAHULUAN 10%

BIL. RAYUAN	TARIKH RAYUAN	TEMPOH PENANGGUHAN DIMOHON	TARIKH KELULUSAN RAYUAN	TEMPOH KELULUSAN RAYUAN	TARIKH BARU UNTUK BAYARAN PERTAMA 10%
1	04.11.2014	9 bulan	11.11.2014	9 bulan	02.08.2015
2	26.08.2015	2 tahun	08.09.2015	1 tahun	02.08.2016
3	07.09.2016	6 bulan	26.09.2016	6 bulan	02.02.2017
4	07.02.2017	1 tahun	07.03.2017	1 tahun	02.02.2018

Sumber: DBKL

- d. Semakan Audit terhadap permohonan rayuan daripada FVSB mendapati permohonan tidak dikemukakan sebelum tamat tempoh pembayaran. Selain itu, ketetapan mengenai kenaan faedah lewat bayar tidak dinyatakan dalam surat tawaran seperti projek lain. Ini menyebabkan faedah lewat bayar yang sepatut dikenakan berjumlah RM493,046 tidak dapat dikenakan seperti jadual berikut:

JADUAL 8.9
FAEDAH LEWAT BAYAR SEPATUT DIKENAKAN

PENGIRAAN FAEDAH LEWAT BAYAR DIKENAKAN		
TEMPOH KELEWATAN	JUMLAH HARI LEWAT	FAEDAH 8% (RM)
18.11.2014 – 31.12.2014	44	18,510
01.01.2015 – 31.12.2015	365	153,551
01.01.2016 – 31.12.2016	366	153,551
01.01.2017 – 31.12.2017	365	153,551
01.01.2018 – 02.02.2018	33	13,883
JUMLAH	1,173	493,046

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

- e. DBKL telah mengeluarkan tiga Surat Peringatan tuntutan bayaran 10% antara tahun 2015 hingga 2017 di mana menyatakan dengan jelas bahawa kegagalan FVSB menjelaskan bayaran yang dimaksudkan dalam tempoh ditetapkan akan menyebabkan surat tawaran asal bertarikh 20 Januari 2014 terbatal dengan sendirinya. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tindakan tersebut tidak diambil bahkan sehingga kini rayuan penangguhan pembayaran telah diluluskan sehingga 2 Februari 2018 dan faedah lewat bayar berjumlah RM493,046 tidak dapat dikenakan.

Maklum Balas KWP yang Diterima Pada 28 Ogos 2017

Bagi penjualan tanah Lot PT 7 & sebahagian PT 8 Jalan Pantai Dalam, pengecualian faedah lewat bayar diluluskan kerana DBKL telah mensyaratkan pemaju untuk membina 280 unit RUMAWIP semasa kelulusan perintah pembangunan diberikan.

Bagi penjualan tanah Residensi Gurneymas pula, persetujuan DBKL melanjutkan tempoh bayaran tanpa dikenakan faedah lewat bayar adalah

kerana pembangunan sebanyak 274 unit RUMAWIP yang dijual pada harga RM198 ribu dengan keluasan 800 kaki persegi.

Bagi penjualan tanah lot 11590, justifikasi kelulusan penangguhan bayaran 10% kerana proses pembangunan terganggu pada masa ini disebabkan bebanan 35 keluarga setingga di atas tapak.

Berdasarkan penjelasan KWP, pihak Audit berpendapat sungguhpun pengecualian faedah lewat bayar yang diluluskan kepada dua syarikat berjumlah RM3.19 juta mengurangkan hasil DBKL, namun pemaju telah disyaratkan membina 280 unit RUMAWIP dan bersetuju menjual unit RUMAWIP dengan harga di bawah RM200,000 seunit yang dapat memberi faedah kepada golongan sasar. Bagi penjualan tanah Lot 11590 pula, faedah lewat bayar yang tidak dinyatakan dalam surat tawaran kepada pemaju merupakan satu kecuaiian yang menyebabkan DBKL tidak dapat mengutip faedah lewat bayar berjumlah RM493,046.

8.5.3. Pengurusan Pembangunan Projek

Kanun Tanah Negara menyatakan bagi tujuan pengawalan, syarat nyata yang merupakan arahan yang dikenakan ke atas sesuatu tanah yang diberi milik perlu dipatuhi. Semakan Audit mendapati pihak pemaju telah memohon penukaran syarat nyata tanah daripada perumahan awam kepada kediaman pangsapuri atau perdagangan selepas transaksi jual beli tanah selesai. Selain itu, terdapat juga syarat nyata asal tanah untuk taman rekreasi dan tapak kompleks terminal pengangkutan awam belum ditukarkan untuk tujuan perumahan mampu milik. Butirannya seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.10
PENUKARAN SYARAT NYATA TANAH**

PEMAJU	PROJEK/ LOT TANAH	SYARAT NYATA ASAL	CADANGAN PENUKARAN SYARAT NYATA TANAH	ULASAN AUDIT
Almaharta Sdn. Bhd.	Lot 141 Kg. Bumiputra, Jalan Jelatek, Kuala Lumpur	Tapak Perumahan Awam Kos Rendah dan Sederhana sahaja.	<ul style="list-style-type: none"> Pindaan syarat nyata tanah kepada kegunaan bangunan kediaman pangsapuri. Permohonan telah diluluskan pada 26 Mac 2014. 	<ul style="list-style-type: none"> Sehingga pengauditan, pembangunan masih belum dijalankan sejak tahun 2014. Penukaran syarat tidak selaras dengan Dasar RUMAWIP untuk menyediakan perumahan awam yang mencukupi.
Virtue Court Sdn. Bhd.	Lot 193 (Lot 278), [PN 45755, Lot 345, Seksyen 48], Jalan Kolam Air, Kuala Lumpur.	Tapak perumahan/ kediaman awam sahaja.	<ul style="list-style-type: none"> Pindaan syarat nyata tanah kepada perdagangan. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat pada 8 November 2013 memutuskan surat nyata tanah ini adalah untuk tapak perumahan awam sahaja. Permohonan menukar kepada kegunaan perdagangan perlu dirujuk ke Jawatankuasa Kerja Tanah (JKT) untuk kelulusan. 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada bukti kelulusan menukarkan kegunaan tanah telah diperoleh daripada JKT. Sehingga pengauditan, pembangunan masih belum dijalankan sejak tahun 2014. Penukaran syarat tidak selaras dengan Dasar RUMAWIP untuk menyediakan perumahan awam yang mencukupi.

PEMAJU	PROJEK/ LOT TANAH	SYARAT NYATA ASAL	CADANGAN PENUKARAN SYARAT NYATA TANAH	ULASAN AUDIT
Era Ecoland Sdn. Bhd.	Residensi Wangsamas	Tapak Kompleks Terminal Pengangkutan Awam.	-	Tiada bukti menukarkan syarat nyata tanah kepada Perumahan Awam.
Sinerjuta Sdn. Bhd.	Residensi Kepongmas	Kawasan Rizab Hijau.	<ul style="list-style-type: none"> Pindaan syarat nyata tanah kepada kegunaan Rumah Mampu Milik dan bangunan kediaman pangsapuri. Permohonan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tanah Persekutuan. 	Tiada justifikasi mengenai pemilihan kawasan rizab hijau sebagai tapak pembangunan Rumah Mampu Milik dan kediaman pangsapuri.
Garuda Searah Sdn. Bhd.	Residensi Satu Desamas	<i>Chalet, Water Theme Park</i> dan perdagangan serta taman rekreasi sahaja.	-	Tiada bukti menukarkan syarat nyata tanah kepada Perumahan Awam.

Sumber: DBKL

Maklum Balas KWP yang Diterima Pada 28 Ogos 2017

Proses pertukaran syarat nyata bagi tanah adalah selaras dengan Aku Janji Kerajaan untuk membina rumah mampu milik sebanyak 80,000 unit. Sekiranya pertukaran syarat nyata tanah tidak dilakukan, pembangunan RUMAWIP tidak dapat dilaksanakan kerana pembangunan RUMAWIP tidak melibatkan apa-apa peruntukan Kerajaan dan hanya bergantung kepada pembiayaan silang/cross subsidy oleh pihak pemaju.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembangunan projek dari aspek pengurusan perintah pembangunan dan peningkatan kepadatan penduduk adalah memuaskan. Bagaimanapun, pengurusan syarat nyata tanah bagi lima projek adalah tidak memuaskan kerana boleh menjejaskan kepentingan pembeli.

8.5.4. Pengurusan Permohonan

Pemohon hendaklah mendaftar dan memohon RUMAWIP melalui portal dan borang permohonan yang dicetak bersama dokumen sokongan hendaklah dihantar ke Pejabat Urusetia RUMAWIP untuk proses penapisan. Portal RUMAWIP telah dilancarkan pada 23 Februari 2014 bagi membolehkan pemohon membuat pendaftaran dan permohonan secara atas talian. Semakan Audit terhadap pengurusan permohonan RUMAWIP mendapati kelemahan seperti berikut:

8.5.4.1. Pengurusan permohonan bagi projek atas tanah persendirian RUMAWIP diuruskan oleh KWP manakala bagi projek atas tanah milik DBKL yang dilupuskan secara *outright sale* kepada pemaju diuruskan oleh DBKL. Ini menyebabkan kekeliruan penyerahan borang permohonan dan dokumen sama ada kepada KWP atau DBKL. Semakan Audit di kaunter penerimaan borang mendapati slip penerimaan diserahkan kepada pemohon manakala tiada salinan pendua untuk simpanan urusetia. Selain itu, tiada nombor siri diberikan kepada

borang permohonan yang diterima bagi mengelakkan borang permohonan tercicir dan tidak diproses. Pihak Audit mendapati terdapat 14 borang permohonan tercicir dan dilabelkan sebagai “Dokumen Belum Ditapis” sejak tahun 2015.

8.5.4.2. Setiap permohonan yang diterima hendaklah disemak dan ditapis oleh urusetia mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Keputusan tapisan akan dikemas kini dalam portal dan senarai nama pemohon akan dimajukan kepada pemaju untuk urusan penawaran unit. Proses penapisan ke atas permohonan mengambil masa yang panjang untuk disenarai pendek kerana tiada sistem *cut off time* yang dibuat di pihak urusetia. Pihak Audit dimaklumkan tiada tempoh masa yang ditetapkan bagi memproses setiap satu permohonan kerana tiada penetapan *Standard Operating Procedure* (SOP) oleh KWP dan DBKL.

Maklum Balas KWP yang Diterima Pada 31 Julai 2017

Dalam cadangan SOP yang baru, semua permohonan dan penyerahan dokumen akan dipusatkan di KWP dan akan diberikan nombor siri. KWP telah menetapkan tempoh pemprosesan permohonan (cut-off time) secara pentadbiran berdasarkan keperluan case by case basis.

8.5.4.3. Analisis Audit terhadap integriti data portal berdasarkan Modul Laporan yang dikemukakan oleh KWP mendapati kelemahan seperti berikut:

- a. terdapat kesilapan kunci masuk data antaranya seperti nama pemohon yang berulang bagi sesuatu projek dan ruangan nama pemohon telah salah direkodkan dengan nombor kad pengenalan. Kesilapan ini adalah disebabkan kelemahan portal untuk mengesan kesilapan data yang dikunci masuk dan secara tidak langsung menjejaskan kebolehpercayaannya. Selain itu, terdapat perbezaan antara jumlah permohonan sebenar yang dikemukakan pemohon berbanding jumlah permohonan yang didaftarkan di portal RUMAWIP bagi tiga projek iaitu Residensi Pandanmas 1, Gurneymas dan Casa Green di mana perbezaan tersebut adalah antara 108 hingga 404 permohonan bagi setiap projek. Perbezaan adalah disebabkan proses migrasi data daripada portal lama ke portal baru.
- b. permohonan tidak melalui portal. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
 - i. bagi Residensi Pandanmas 1 yang telah diserahkan kunci pada 25 April 2017, semakan silang Audit mendapati hanya 28 daripada 699 pembeli (4%) berdaftar dalam portal.
 - ii. bagi Residensi Hijauan Lumayan, pembeli telah menandatangani Perjanjian Jual Beli seawal bulan Disember 2015 iaitu sebelum portal dibuka pada 8 Januari 2016 untuk permohonan. Semakan silang Audit selanjutnya mendapati tiada maklumat bagi 171 daripada 229 pembeli (74.7%) yang telah menandatangani Perjanjian Jual Beli dalam portal.

Maklum Balas KWP yang Diterima Pada 31 Julai 2017

KWP pada bulan Mac 2017 telah membuat penambahbaikan dan pemohon tidak lagi boleh mengisi nombor pada ruangan nama. Selain itu, data jumlah permohonan yang tidak tepat disebabkan berlakunya proses migrasi data daripada portal lama ke portal baru. Migrasi data menyebabkan Modul Laporan tidak stabil dan gagal menjana data pemohon seperti yang terdapat dalam Modul Tapisan. Bagaimanapun, perkara ini tidak menjejaskan proses kelulusan kerana ia hanya melibatkan data Modul Laporan dan tapisan kelulusan dibuat berdasarkan data yang terdapat dalam Modul Tapisan.

Bagi Residensi Pandanmas 1, KWP telah mengemas kini rekod pemohon berjaya seramai 632 pemohon (90%) dalam Modul Tapisan. Bagi Residensi Hijauan Lumayan, kesemua 229 pemohon yang ditawarkan telah berdaftar melalui Portal RUMAWIP dan dibuat penapisan oleh DBKL. Semakan urusetia mendapati terdapat maklumat yang tidak dipaparkan dalam Modul Laporan disebabkan oleh masalah migrasi data.

8.5.4.4. Pemaju hanya boleh meminta wang pendahuluan setelah permohonan RUMAWIP diluluskan dan menandatangani Perjanjian Jual Beli seperti termaktub dalam Akta Pemaju Perumahan 1966 (Akta 118) dan Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1989. Mesyuarat Penyelarasan Perjanjian Jual Beli dan Dasar RUMAWIP pada 7 Disember 2015 turut menyentuh amalan *booking fee* oleh pemaju yang didapati salah dan bertentangan dengan Akta Perumahan. Sungguhpun demikian, secara praktiknya pemaju telah mengamalkan kutipan *booking fee* dari RM5,000 hingga 10% daripada harga rumah yang hendak dibeli semasa permohonan iaitu sebelum tapisan dijalankan.

Maklum Balas KWP yang Diterima Pada 28 Ogos 2017

KWP telah memohon pengecualian daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 3 Ogos 2017 bagi memberi kebenaran kutipan deposit (yuran komitmen) untuk semua projek RUMAWIP dalam usaha penyeragaman proses permohonan melalui SOP baru nanti.

Pada pendapat Audit, pengurusan permohonan dari aspek penyerahan borang permohonan, pemprosesan permohonan, pengurusan portal, integriti data dan pengurusan wang pendahuluan adalah tidak memuaskan. Ini menjejaskan kecekapan pengurusan permohonan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

8.5.5. Lawatan Pemeriksaan ke Projek RUMAWIP

Lawatan pemeriksaan fizikal telah dijalankan pada 8 dan 9 Mei 2017 terhadap empat projek RUMAWIP iaitu Tapak Lot Tanah PT 7 & sebahagian PT 8 di Jalan Pantai Dalam, Kuala Lumpur, Casa Green @ Bukit Jalil, Residensi Hijauan

Lumayan dan Residensi Pandanmas 1 bagi memastikan kualiti pembinaan pada tahap terbaik dan mematuhi undang-undang dan peraturan semasa pihak berkuasa tempatan. Lawatan pemeriksaan tersebut mendapati pembinaan telah mematuhi undang-undang dan peraturan semasa pihak berkuasa tempatan dan kualiti pembinaan adalah memuaskan kecuali bagi kerja papak siling konkrit dan kemas dinding di dua projek yang dilawati. Contoh kelemahan bagi kualiti kerja pembinaan tersebut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 8.3



Residensi Hijauan Lumayan
- Kebocoran Papak Siling Konkrit di
Tempat Letak Kenderaan
(09.05.2017)

GAMBAR 8.4



Residensi Hijauan Lumayan
- Kerosakan Pada Dinding di Ruang Tamu,
Unit Rumah Contoh
(09.05.2017)



GAMBAR 8.5

Aras 7, Blok B, Residensi Pandanmas 1
- Pemasangan *Trunking* Tidak Menggunakan *Fixing Brackets*, Terus Dipasang Ke Papak Konkrit
(09.05.2017)

Maklum Balas KWP yang Diterima Pada 31 Julai 2017

Memandangkan proses pembinaan sedang berjalan, pembaikan akan disediakan sebelum penyerahan kunci kepada pemilik.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembinaan adalah memuaskan dari aspek pematuhan undang-undang dan peraturan semasa pihak berkuasa tempatan. Selain itu, kualiti kerja pembinaan juga adalah memuaskan kecuali bagi dua projek yang dilawati. Kegagalan memastikan kerja pembinaan yang berkualiti boleh menjejaskan kepentingan pembeli.

8.5.6. Pemantauan

Pemantauan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pengurusan program RUMAWIP dilaksanakan dengan teratur supaya kelemahan dan masalah di peringkat awal dikenal pasti dan pembetulan dibuat dengan segera.

8.5.6.1. Pemaju Tidak Mengemukakan Laporan Penawaran

Berdasarkan carta aliran proses penapisan dan penawaran, keputusan tapisan akan dikemukakan kepada pemaju bagi urusan pengeluaran surat tawaran. Pemohon yang menerima tawaran perlu berurusan dengan pemaju bagi pembayaran deposit dan seterusnya urusan pembiayaan pinjaman, pemilihan unit dan memuktamadkan Perjanjian Jual Beli. Pemaju hendaklah mengemukakan laporan berkala status penawaran kepada urusetia bagi tujuan mengemas kini status pembeli yang berjaya. Semakan Audit mendapati pemaju tidak mengemukakan laporan berkala status penawaran kepada urusetia. Tanpa laporan tersebut, pihak urusetia tidak dapat memastikan sama ada pemaju telah menawarkan RUMAWIP berdasarkan senarai pembeli yang telah berjaya ditapis.

Maklum Balas KWP yang Diterima Pada 31 Julai 2017

KWP telah mengeluarkan surat yang memerlukan pemaju mengemukakan laporan penawaran secara berkala. Penambahbaikan dari aspek pemantauan laporan berkala akan diberi perhatian.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap penawaran RUMAWIP adalah tidak memuaskan kerana KWP dan DBKL tidak dapat memastikan sepenuhnya sama ada pemohon yang berjaya ditapis telah ditawarkan RUMAWIP.

8.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya KWP dan DBKL mempertimbangkan perkara berikut:

8.6.1. DBKL perlu mengambil inisiatif untuk melaksanakan jualan tanah secara bidaan supaya memperoleh pulangan terbaik bagi tujuan pembangunan projek RUMAWIP;

8.6.2. KWP hendaklah menyediakan garis panduan dan prosedur kerja yang komprehensif meliputi jualan tanah secara bidaan, kaedah pemilihan pemaju yang berwibawa, pemantauan terhadap pemaju berhubung penapisan permohonan yang layak dan pengurusan data dalam portal yang *reliable* sebagai panduan dan rujukan; dan

8.6.3. DBKL hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap pemaju yang gagal melaksanakan obligasinya seperti ketetapan perjanjian dengan membatalkan tawaran atau menyenaraihitamkan pemaju terlibat.

9. JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
- PENGURUSAN AKTIVITI *EMERGENCY MEDICAL RESCUE SERVICES*

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berperanan untuk memberi khidmat pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan. Bagi memastikan perkhidmatan dapat diberikan kepada orang awam, JBPM memerlukan jentera kebomgaan yang sesuai dan berkualiti.

9.1.2. *Emergency Medical Rescue Services* (EMRS) adalah sebuah pasukan khusus bagi tujuan membantu dan menyelamatkan. Terdapat tiga objektif EMRS iaitu membantu anggota penyelamat dan mangsa yang tercedera, membuat rawatan awal sebelum mangsa diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta menghantar anggota dan mangsa ke hospital berdekatan sekiranya tidak terdapat ambulans dari KKM. Ini adalah selaras dengan peranan JBPM di mana unit EMRS bertindak sebagai pembantu perubatan di kawasan zon merah sebelum anggota atau mangsa dipindahkan ke ambulans dan seterusnya dihantar ke hospital untuk rawatan selanjutnya. Perkhidmatan penyelamatan dan perawatan kecemasan EMRS ini merupakan sebahagian dari tugas dan tanggungjawab anggota bomba semasa operasi kebakaran, penyelamatan dan tugas-tugas khas.

9.1.3. AVP Engineering (M) Sdn. Bhd. telah dilantik secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan (MoF) bagi perolehan jentera EMRS dengan kos kontrak berjumlah RM98 juta. Sehingga 31 Disember 2015, keseluruhan nilai kontrak telah dibelanjakan dan kesemua 200 unit jentera EMRS telah diagihkan ke 196 balai bomba di seluruh Malaysia.

9.1.4. Pemantauan aktiviti EMRS dilakukan dengan menubuhkan Penyelaras EMRS di negeri-negeri dan Bahagian Operasi Negeri. Bagi memastikan penggunaan secara optimum, meningkatkan kecekapan pengoperasian jentera EMRS serta menjalani latihan bersama, Program Persefahaman *Exchange of Letter* KKM dan KPKT telah ditandatangani pada 7 November 2016.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti EMRS telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

9.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi lapan bidang utama iaitu kaedah perolehan, proses rundingan harga, pengurusan pembayaran, pengurusan penerimaan, pengurusan operasi jentera, prosedur operasi borang, pengurusan Memorandum Persefahaman (MoU) dan pemantauan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Pengauditan telah dijalankan di KPKT, Ibu Pejabat JBPM Putrajaya dan 13 buah Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) yang dibekalkan dengan EMRS iaitu BBP Putrajaya, BBP Pantai, BBP Sri Hartamas, BBP Subang Jaya, BBP Puchong, BBP Alor Setar, BBP Jalan Raja, BBP Taiping, BBP Pasir Puteh, BBP Johor Bahru, BBP Muar, BBP Jalan Kubu dan BBP Alor Gajah. Jumlah sampel yang dipilih untuk pemeriksaan fizikal adalah 13 (6.5%) daripada 200 unit EMRS yang telah dibekalkan. Sampel yang dipilih adalah berdasarkan kepada risiko dan impak mengikut balai. Persampelan dari aspek kewangan pula meliputi 100% pemeriksaan baucar yang terdiri daripada 38 baucar bayaran dan tujuh memo pembayaran bagi penerimaan jentera.

9.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan perolehan EMRS. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat serta pemeriksaan fizikal terhadap jentera dan peralatan yang diterima juga telah diadakan. Selain itu, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 69 anggota EMRS di balai yang dilawati untuk menilai tahap kepuasan mereka terhadap kenderaan dan peralatan yang diperoleh.

9.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga April 2017 mendapati EMRS telah berfungsi mengikut tujuan ia diwujudkan, agihan jentera dibuat dengan teratur dan kekerapan penggunaan jentera EMRS juga menunjukkan peningkatan setiap tahun. Berdasarkan lapan bidang utama yang dinilai, pihak Audit merumuskan pengurusan aktiviti secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana pentadbiran kontrak dibuat dengan teratur termasuk hal berkaitan bon pelaksanaan dan bayaran pendahuluan, pelantikan pegawai penerima dibuat dengan memuaskan, pengurusan Perjanjian Persefahaman adalah teratur manakala prosedur operasi borang telah dibuat mengikut ketetapan. Selain itu, pemantauan juga telah dilaksanakan dengan baik. Namun begitu, masih terdapat kelemahan dalam kaedah perolehan serta pengurusan operasi jentera melibatkan kekangan guna tenaga EMRS dan penggunaan sebahagian peralatan yang

telah menjejaskan kecekapan pengurusan aktiviti ini. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. tiada kajian pasaran dibuat bagi peralatan menyelamat bernilai RM60,609 seunit atau RM12.12 juta bagi keseluruhan peralatan tersebut; dan
- ii. peralatan perubatan berjumlah RM0.92 juta tidak digunakan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas JBPM dan MoF telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 8 September 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

9.5.1. Prestasi EMRS

9.5.1.1. Prestasi Kewangan

Pada 3 Ogos 2012, MoF telah meluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM100 juta dan sehingga 31 Disember 2015 sejumlah RM98 juta telah dibelanjakan oleh JBPM. Semakan mendapati berlaku perbelanjaan melebihi jumlah tahunan yang diperuntukan bagi tahun 2013 dan 2014 pada kadar 105.4% dan 108.8% masing-masingnya. Perkara ini disebabkan oleh penerimaan tambahan sebahagian komponen kenderaan, peralatan menyelamat dan perubatan lebih awal daripada tempoh yang sepatutnya seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Bagaimanapun, jumlah keseluruhan perbelanjaan masih belum melebihi jumlah peruntukan. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan JBPM bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN EMRS

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	%
2013	15.0	15.81	105.4
2014	50.0	54.40	108.8
2015	35.0	27.79	79.4
JUMLAH	100.0	98.00	98.0

Sumber: JBPM

9.5.1.2. Prestasi Keluaran Jentera EMRS

- a. Sehingga 31 Disember 2015, kesemua 200 jentera EMRS telah diagihkan ke balai bomba seluruh Malaysia iaitu 198 jentera diagih kepada negeri-negeri manakala dua jentera ditempatkan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi tujuan latihan dan kursus. Negeri Selangor merupakan penerima jentera EMRS yang tertinggi iaitu 25 unit manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya hanya menerima satu jentera EMRS. Berdasarkan maklum balas ketika *exit conference EMRS* pada 8 September 2017 oleh pegawai operasi JBPM menyatakan pengagihan jentera EMRS dibuat

berdasarkan keperluan kritikal sesebuah balai bomba dari sudut berlakunya kes kecemasan.

- b. Pihak Audit telah menjalankan analisis terhadap penggunaan setiap jentera EMRS yang diagihkan kepada negeri dari tahun 2014 sehingga 2016. Kekerapan penggunaan jentera EMRS diukur berdasarkan purata keluaran jentera yang merujuk kepada kehadiran pasukan EMRS bagi setiap panggilan kecemasan. Hasil analisis menunjukkan perbezaan yang ketara bagi kadar purata keluaran mengikut negeri. Didapati Wilayah Persekutuan Putrajaya yang beroperasi dengan satu jentera EMRS mencatatkan purata keluaran tertinggi bagi ketiga-tiga tahun iaitu sebanyak 167 keluaran. Manakala Perlis yang beroperasi dengan tiga buah jentera EMRS mencatatkan purata keluaran yang terendah iaitu empat keluaran. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.2
KADAR PURATA KELUARAN BAGI SETIAP JENTERA EMRS
MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016


BIL.	NEGERI	BILANGAN EMRS BEROPERASI		KADAR PURATA KELUARAN BAGI SEUNIT EMRS			PURATA TIGA TAHUN
		2014	2015 - 2016	2014	2015	2016	
1.	W.P Putrajaya	1	1	94	121	285	167
2.	W.P Labuan	1	2	4	88	239	110
3.	Selangor	13	25	15	113	189	106
4.	Kedah	6	13	28	76	207	104
5.	Melaka	4	6	21	33	159	71
6.	Perak	9	19	29	40	97	55
7.	Pulau Pinang	7	10	22	40	73	45
8.	Negeri Sembilan	6	9	12	24	97	44
9.	Sabah	0	17	0	30	78	36
10.	Sarawak	3	21	3	13	33	16
11.	Johor	11	20	9	15	15	13
12.	Kelantan	6	9	4	11	22	12
13.	Terengganu	6	12	5	4	14	8
14.	Pahang	8	17	3	8	9	7
15.	W.P Kuala Lumpur	10	14	5	7	5	6
16.	Perlis	2	3	1	6	6	4
JUMLAH		93	198				

Sumber: JBPM

Nota: Keluaran Adalah Kehadiran Pasukan EMRS Untuk Setiap Panggilan Kecemasan

- c. Selain itu, analisis terhadap penggunaan jentera EMRS berdasarkan kes kebakaran, menyelamatkan dan tugas-tugas khas mendapati berlaku peningkatan keluaran setiap tahun bagi ketiga-tiga kes. Peningkatan keluaran ini menunjukkan penggunaan jentera EMRS yang lebih kerap dari tahun 2014 hingga 2016. Pada tahun 2014, jumlah keluaran bagi operasi

kebakaran adalah sebanyak 643 kes dan meningkat kepada 3,157 (391%) kes dan 7,138 (126%) kes masing-masingnya pada tahun 2015 dan 2016. Bagi kes penyelamatan pula, sebanyak 667 kes direkodkan pada tahun 2014 dan meningkat kepada 3,934 (489%) kes pada tahun 2015 dan 8,187 (108%) kes pada tahun 2016. Begitu juga dengan tugas-tugas khas yang menunjukkan peningkatan daripada 21 keluaran (2014) kepada 76 keluaran (2015) dan 157 keluaran (2016). Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:



Sumber: JBPM

Maklum Balas JBPM yang Diterima Pada 11 Oktober 2017

Penempatan semula Jentera EMRS bagi negeri-negeri yang puratus purata keluarannya tinggi dikaji semula sehingga 31 Disember 2018.

Pada pendapat Audit, prestasi EMRS adalah memuaskan dari aspek agihan, kekerapan penggunaan dan perbelanjaan yang tidak melebihi peruntukan keseluruhan diluluskan.

9.5.2. Proses Rundingan Harga

Bagi memastikan harga yang dirundingkan adalah munasabah, berpatutan dan mendapat *best value for money*, kajian pasaran hendaklah dibuat bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan sebelum sesuatu rundingan dijalankan. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati kelemahan semasa proses rundingan harga dibuat seperti berikut:

9.5.2.1. Perbandingan Harga Antara Kenderaan JBPM dan KKM

- a. Berdasarkan peraturan kewangan semasa, harga pembelian bagi perolehan yang sama dan diuruskan oleh agensi/institusi lain juga hendaklah diambil kira sebagai *trend* harga pembelian serta dijadikan sebagai panduan dalam

penetapan harga. Pihak Audit telah membuat perbandingan harga antara jentera EMRS JBPM dengan ambulans KKM. Berdasarkan perbandingan tersebut, casis jentera EMRS didapati lebih rendah dengan memberi penjimatan sebanyak RM88,500 manakala peralatan perubatan mencatatkan jumlah yang lebih tinggi. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.3
PERBANDINGAN HARGA EMRS JBPM DENGAN AMBULANS KKM

PEROLEHAN EMRS DI JBPM		PEROLEHAN AMBULANS KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA		PERBEZAAN (RM)
PERKARA	(RM) / UNIT	PERKARA	(RM) / UNIT	
Casis	185,000	Casis	273,500	
JUMLAH	185,000	JUMLAH	273,500	(88,500)
Peralatan Perubatan	112,950	<i>Ambulance Stretcher</i>	20,250	
		<i>Portable Medical Suction Unit</i>	4,700	
		<i>Handheld Pneumatic Oxygen Powered Resuscitator</i>	4,700	
		<i>Scoop Stretcher</i>	4,600	
		<i>Foldable Evacuation Chair</i>	6,300	
		<i>Immobilizier Set</i>	34,600	
		<i>Spinal Board</i>	3,650	
		<i>Extraction Device</i>	4,000	
		<i>EMTS</i>	12,900	
		<i>Triage Cards</i>	1,560	
		<i>Portable Automatic Ventilator</i>	12,500	
<i>Sharp Bin, Clinical Waste Bin, Domestic Waste Bin</i>	240			
JUMLAH	112,950	JUMLAH	110,000	2,950

Sumber: Keputusan Mesyuarat Rundingan Harga Bertarikh 12.04.2013

- b. Berdasarkan lawatan Audit, didapati komponen kenderaan dan peralatan perubatan antara kenderaan JBPM dan KKM adalah sama kecuali peralatan menyelamat seperti berikut:

GAMBAR 9.1



EMRS
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
- Peralatan Dalam Jentera EMRS
(08.03.2017)

GAMBAR 9.2



Ambulans Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- Peralatan Dalam Ambulans Hospital
(08.03.2017)

9.5.2.2. Tiada Kajian Pasaran Dibuat Bagi Peralatan Menyelamat

Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus menyatakan kajian pasaran hendaklah dibuat bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan sebelum sesuatu rundingan dijalankan bagi memastikan harga yang dirundingkan adalah munasabah, berpatutan dan mendapat *best value for money*. *Trend* harga pembelian dalam urusan perolehan hendaklah diambil kira serta dijadikan sebagai panduan. Berdasarkan semakan terhadap Daftar Aset pada 30 Disember 2016, JBPM mencatat harga EMRS yang lebih rendah iaitu RM36,500 berbanding harga kontrak berjumlah RM60,609 atau RM12.12 juta bagi keseluruhan peralatan tersebut. Ini menunjukkan perbezaan sejumlah RM24,108 (39.8%) seunit atau perbezaan keseluruhan berjumlah RM4.82 juta bagi 200 unit kenderaan EMRS. Berdasarkan minit Mesyuarat Pra Rundingan Harga dan Mesyuarat Rundingan Harga bertarikh 12 April 2013, tiada kajian pasaran bagi peralatan tersebut dibuat bagi memastikan harga yang dicadangkan dalam kontrak adalah berpatutan.

9.5.2.3. Tiada Perincian dan Justifikasi Penurunan Harga

- a. Berdasarkan Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus, harga anggaran jabatan, harga tawaran asal syarikat dan harga dipersetujui hendaklah disenaraikan secara terperinci mengikut item atau komponen perolehan atau lain-lain format mengikut kesesuaian. Semakan Audit mendapati tawaran asal syarikat adalah pada harga RM537,100 seunit manakala harga anggaran JBPM adalah RM500,000 seunit. Berdasarkan minit Mesyuarat Rundingan Harga bertarikh 12 April 2013, mesyuarat telah bersetuju untuk menetapkan harga sebuah kenderaan EMRS pada RM490,000 seunit. Namun tiada butiran dan justifikasi penurunan harga berjumlah RM47,100 diperincikan daripada harga tawaran asal syarikat. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.4
RINGKASAN HASIL RUNDINGAN HARGA

BUTIRAN	ANGGARAN HARGA JABATAN (A) (RM)	TAWARAN ASAL SYARIKAT (B) (RM)	HARGA DIPERSETUJUI (C) (RM)	PERBEZAAN (B) – (C) (RM)
<i>Chasis, Preparation, Fabrication, Painting, Logo, Sticker, Sign Logo Writing & Medical Equipment + Haemorrhage Sets + Burn Kit</i>	395,005	401,685	387,295	14,390
<i>Hydraulic Rescue Tools, Handheld Search Light, Vehicular Radio-Walkie Talkie and Fire Extinguisher, Contract Admin, Finance, Charges, Handling Charges, PDI, Design, Certification, Drawing Approval, In-House Factory, Warranty, Puspakom Inspection, JPJ Registration and Delivery: Manuals, Publication: Training, Testing, Commissioning and Acceptance</i>	104,995	135,415	102,705	32,710
JUMLAH SEUNIT	500,000	537,100	490,000	47,100

Sumber: Minit Mesyuarat Rundingan Harga

- b. Ketiadaan justifikasi penurunan harga yang terperinci berjumlah RM47,100 bagi setiap butiran menyebabkan analisis terhadap perincian kualiti dan skop komponen antara harga yang ditawarkan dengan harga yang dipersetujui tidak dapat dibuat.

Pada pendapat Audit, proses rundingan harga adalah tidak memuaskan kerana ketiadaan kajian pasaran bagi peralatan menyelamatkan dan perincian bagi menyokong justifikasi penurunan harga.

9.5.3. Pengurusan Penerimaan

Berdasarkan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, Ketua Jabatan hendaklah melantik Pegawai Penerima yang bertanggungjawab untuk menerima dan memeriksa aset yang diterima. Mereka juga hendaklah memiliki kepakaran dalam bidang berkaitan. Lampiran E dalam kontrak pula menyatakan kesemua pembekalan peralatan perubatan dan menyelamatkan mestilah mencukupi sebagaimana senarai spesifikasi dalam kontrak dan diperiksa oleh pegawai yang dilantik. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a. JBPM telah menubuhkan Jawatankuasa Pemeriksaan dan Penerimaan Kenderaan pada 16 Julai 2013. Bagaimanapun berdasarkan semakan rekod, 21 daripada 22 pegawai yang dilantik tidak mempunyai kemahiran dalam bidang perubatan.
- b. lima daripada tujuh kali pemeriksaan peralatan perubatan dan menyelamatkan dibuat tanpa kehadiran pegawai teknikal (perubatan). Manakala hanya dua pemeriksaan telah dilaksanakan oleh seorang pegawai yang mempunyai kelayakan berkaitan perubatan.

Kehadiran pegawai teknikal dalam menyemak peralatan perubatan yang diterima adalah penting bagi memastikan peralatan yang diterima tersebut adalah betul, berfungsi dengan baik dan tidak rosak (expired).

Pada pendapat Audit, pengurusan penerimaan adalah memuaskan kerana penerimaan dilakukan berdasarkan peraturan berkaitan kecuali bagi aspek kepakaran di kalangan pegawai penerima.

9.5.4. Pengurusan Operasi Jentera

Semakan Audit terhadap pengurusan operasi EMRS mendapati kelemahan seperti berikut:

9.5.4.1. Kekangan Guna Tenaga EMRS

Berdasarkan Prosedur Operasi Seragam (SOP), seramai empat orang anggota dalam satu kumpulan diperlukan bagi setiap syif tugas di balai yang telah diwujudkan perjawatan EMRS, di mana setiap balai mempunyai tiga kumpulan yang bertugas. Berdasarkan SOP, sekiranya jumlah anggota tidak mencukupi bagi satu pasukan, jentera EMRS boleh beroperasi dengan keanggotaan minimum seramai dua orang termasuk pemandu dengan syarat pemandu juga adalah anggota EMRS. Anggota yang dilantik perlu melalui prosedur antaranya seperti menghadiri dan lulus kursus teori *Emergency Medical Trauma Technician Basic*, melakukan penempatan praktikal di Jabatan Kecemasan hospital Kerajaan selama 120 jam serta menjalani latihan pengukuhan bulanan sebanyak 20 jam mengikut modul yang direkodkan dalam Buku Log EMRS. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a. sebanyak 200 buah jentera EMRS telah diagihkan di 198 balai di seluruh Malaysia dan dua buah di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia manakala bilangan perjawatan anggota EMRS yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 2012 adalah untuk 48 buah balai. Berdasarkan analisis Audit, dengan mengambilkira 198 balai yang diwujudkan perjawatan EMRS, jumlah anggota yang diperlukan adalah seramai 2,376 orang. Bagaimanapun, hanya sebanyak 576 waran perjawatan yang diluluskan. Bagi mengatasi masalah kekurangan perjawatan anggota EMRS, JBPM telah melatih anggota sedia ada untuk menjadi anggota EMRS. Sehingga 15 Mac 2017 sebanyak 1,636 anggota telah dipilih menjadi anggota EMRS di seluruh Malaysia.
- b. tiada waran perjawatan yang khusus bagi anggota EMRS diwujudkan bagi lima daripada 13 buah balai yang dilawati, sebaliknya anggota EMRS dilantik di kalangan anggota Bomba sedia ada.
- c. seramai lima orang penyelia EMRS yang dilantik pada 14 Februari 2017 belum menghadiri dan lulus kursus teori berkaitan. Selain itu, terdapat empat balai yang tidak merekodkan jam latihan di dalam buku log EMRS iaitu BBP Pantai, BBP Sri Hartamas, BBP Johor Bahru dan BBP Muar.

Maklum Balas JBPM yang Diterima Pada 21 Julai 2017

Bagi balai bomba yang tidak mempunyai perjawatan, anggota pasukan pemadam telah dihantar untuk menghadiri Kursus Advanced First Responder – Basic Course bagi melayakkan mereka dilantik sebagai anggota EMRS.

Pada tahun 2017, satu siri Kursus Advanced First Responder – Basic Course dijalankan. Pegawai-pegawai penyelia ini akan dicalonkan oleh JBPM W.P Kuala Lumpur untuk menghadiri kursus berkenaan.


Surat peringatan bertariikh 14 Jun 2017 telah dikeluarkan kepada penyelarar Pasukan Khas EMRS JBPM Negeri supaya memastikan latihan bulanan 20 jam direkodkan di dalam Buku Log Pasukan Khas EMRS.

9.5.4.2. Soal Selidik Anggota EMRS

Pihak Audit telah menjalankan sesi soal selidik di 13 balai yang dilawati antaranya meliputi aspek penggunaan EMRS, kaedah penyenggaraan EMRS, pasukan EMRS dan pencapaian EMRS. Responden terdiri daripada 69 anggota Bomba yang terlibat dengan EMRS. Soal selidik ini merangkumi dari aspek penggunaan EMRS, dasar dan kaedah penyenggaraan EMRS, pengurusan alat ganti/kelengkapan dan bahan, penyelenggaraan, pengurusan pasukan EMRS dan pencapaian EMRS. Hasil soal selidik adalah seperti berikut:

- a. 100% responden menyatakan bahawa kenderaan EMRS sentiasa berfungsi dengan selamat dan selesa. Manakala 5.8% menyatakan bahawa peralatan perubatan EMRS tidak berfungsi seperti yang dikehendaki. Selain itu, 50.7% menyatakan purata bilangan anggota EMRS yang keluar bertugas bagi setiap operasi adalah dua orang.
- b. merujuk kepada **Carta 9.2**, sebanyak 20 (30.3%) responden mencadangkan agar kelengkapan yang digunakan di dalam jentera EMRS adalah kelengkapan yang sesuai dengan kelayakan dan keperluan mereka sebagai anggota EMRS. Manakala 16 (24.2%) responden pula mencadangkan agar penambahan anggota EMRS dilaksanakan bagi menjamin keberkesanan unit EMRS.
- c. selain itu, tujuh (10.6%) responden mencadangkan latihan yang efektif dan bekalan stok yang konsisten, enam (9.1%) responden mencadangkan pelaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Kementerian Kesihatan Malaysia, lima (7.6%) responden mencadangkan pelantikan anggota EMRS yang khusus dan dua (3%) responden mencadangkan menempatkan pegawai perubatan di jentera EMRS. Di samping itu sebanyak seorang (1.5%) responden mencadangkan kenaikan skim gaji, penambahan ubat-ubatan dan pembaikan. Ringkasan cadangan responden adalah seperti carta berikut:

**CARTA 9.2
CADANGAN OLEH RESPONDEN**



9.5.4.3. Peralatan Perubatan Tidak Digunakan Sepenuhnya

Pembelian sesuatu peralatan hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan dan faktor lain yang berkaitan dan hendaklah digunakan sepenuhnya. Semakan Audit di 13 BBP yang dilawati mendapati sebahagian peralatan perubatan yang dibekalkan di dalam jentera EMRS berjumlah RM915,000 tidak digunakan sepenuhnya. Ini disebabkan anggota EMRS kurang kepakaran khususnya dalam mengendalikan peralatan perubatan. Butiran lanjut dan gambar adalah seperti berikut:

**JADUAL 9.5
PERALATAN PERUBATAN DAN MENYELAMAT TIDAK SESUAI
DAN TIDAK DIGUNAKAN SEPENUHNYA**

BIL.	PERALATAN	KUANTITI DIBEKALKAN DALAM EMRS	PENEMUAN KETIKA LAWATAN	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH BAGI 200 UNIT (RM)
1.	<i>Cervical Collar</i>	4 jenis saiz berbeza	<i>Strap</i> tertanggal dan klip tercabut. (Gambar 9.3)	400	80,000
2.	<i>Pelvic Immobilizer</i>	2 set	Tidak digunakan sepenuhnya. Besar dan sukar dikendalikan. <i>Pelvic Sling</i> baru dibeli berasingan oleh JBPM. (Gambar 9.5 dan Gambar 9.6)	1,315	263,000
3.	<i>Fiberoptic Laryngoscope</i>	1 Set	Tidak digunakan sepenuhnya.	2,800	560,000
4.	<i>Scalpel Blades</i>	2 unit (saiz 3 dan saiz 4)	Peralatan untuk menjahit tidak digunakan sepenuhnya.	25	5,000
5.	<i>Sutures</i>	2 unit	Peralatan untuk menjahit tidak digunakan sepenuhnya. (Gambar 9.7)	35	7,000
JUMLAH KESELURUHAN					915,000

Sumber: Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

Nota: (TM) - Tiada Maklumat

GAMBAR 9.3



BBP Pantai, Kuala Lumpur
- *Cervical Collar* Rosak, Strap Tertanggal dan Klip Tercabut
(07.03.2017)

GAMBAR 9.4



BBP Pantai, Kuala Lumpur
- *Cervical Collar* Hospital Mudah Dilaras
(07.03.2017)

GAMBAR 9.5



BBP Pantai, Kuala Lumpur
- *Pelvic Immobilizer* Tidak Digunakan Sepenuhnya
(07.03.2017)

GAMBAR 9.6



BBP Pantai, Kuala Lumpur
- *Pelvic Sling* yang Lebih Mudah Untuk Dikendalikan
(07.03.2017)



GAMBAR 9.7

BBP Jalan Raja, Alor Setar, Kedah
- *Sutures* Tidak Digunakan Sepenuhnya
(28.02.2017)

Maklum Balas JBPM yang Diterima Pada 11 Oktober 2017

JBPM telah bekerjasama dengan KKM bagi menentukan kesesuaian peralatan perubatan dan sekiranya perlu JBPM menyerahkan peralatan perubatan yang tidak digunakan sepenuhnya kepada KKM untuk digunakan.

9.5.4.4. Pengurusan Pengisian Semula Tabung Gas Oksigen Tidak Efisien

- a. Kaedah perolehan alat ganti peralatan perubatan yang digunakan oleh BBP adalah melalui permohonan daripada Bahagian Operasi. Terdapat dua jenis penukaran alat ganti perubatan iaitu peralatan yang boleh digunakan untuk suatu tempoh yang panjang dan peralatan yang digunakan secara pakai

buang. Bagi peralatan gas oksigen, permohonan alat ganti dan pengisian gasnya perlu dibuat melalui Bahagian Operasi dan tempoh pengisian gas adalah di antara satu hingga lima hari.

- b. Bagaimanapun, atas keperluan mendesak dan kekangan peruntukan, BBP telah mendapatkan alat ganti peralatan tersebut melalui pihak hospital tetapi tiada sebarang persetujuan formal di antara pihak BBP dan hospital dibuat berkaitan penukaran alat ganti peralatan tersebut. Bagi 13 balai yang dilawati, lapan balai akan mengisi melalui hospital/pembekal yang diluluskan, tiga balai akan menukarkan tabung oksigen mereka dengan tabung oksigen hospital dan dua balai iaitu BBP Johor Bahru dan BBP Muar mengisi gas oksigen sendiri dengan membuat permohonan kepada Bahagian Operasi melalui telefon tanpa sebarang dokumen permohonan. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai operasi, JBPM telah diperuntukkan sejumlah RM2,800 seunit setahun atau RM560,000 bagi keseluruhan 200 unit Jentera EMRS untuk penggantian peralatan perubatan. Bagaimanapun, JBPM hanya mendapat peruntukan berjumlah RM400,000 dan RM160,000 pada tahun 2016 dan 2017.

9.5.4.5. Bateri EMRS *Hydraulic Rescue Tools* Rosak

Setiap perolehan Kerajaan hendaklah digunakan secara optimum bagi menjamin kualiti. Berdasarkan surat edaran Ibu Pejabat JBPM bertarikh 30 Disember 2016, salah satu peralatan penyelamat yang diperoleh adalah bateri *Hydraulic Rescue Tools* yang berharga RM19,710 seunit atau berjumlah RM3.94 juta bagi 200 unit. Semakan Audit mendapati enam daripada 13 buah peralatan ini telah mengalami kerosakan bateri yang menyebabkan peralatan ini tidak dapat berfungsi dan masih rosak ketika lawatan dilakukan. Semakan juga mendapati setiap peralatan *hydraulic rescue tools* hanya dibekalkan dengan seunit bateri sahaja dan ketika proses mengecas, peralatan ini tidak dapat digunakan sepenuhnya. Masa yang diperlukan untuk mengecas sepenuhnya bateri ini adalah selama lapan jam seperti yang disyorkan pembekal. Gambar adalah seperti berikut:



GAMBAR 9.8

**BBP Putrajaya
- Bateri *Single Tool Power*
Jenis *Holmatro* Rosak
(27.01.2017)**

Maklum Balas JBPM yang Diterima Pada 21 Julai 2017

Surat peringatan bertarikh 14 Jun 2017 telah dikeluarkan kepada penyelarass Pasukan Khas EMRS JBPM Negeri supaya memastikan bateri hydraulic rescue tools dicas mengikut jadual. Ini bagi memastikan peralatan berada dalam keadaan bersedia dan boleh terus digunakan.

Pada pendapat Audit, pengurusan operasi jentera adalah tidak memuaskan disebabkan oleh kekangan terhadap aspek guna tenaga dan kompetensi. Selain itu, kekurangan perjawatan pegawai EMRS, pembelian peralatan perubatan yang tidak sesuai digunakan dan pengendalian sebahagian peralatan yang tidak efisien dan tidak mematuhi manual penggunaan juga memberi kesan kepada keberkesanan operasi EMRS.

9.5.5. Pemantauan Operasi EMRS

Bagi memantau pelaksanaan EMRS secara berkesan dan seragam, JBPM telah menubuhkan Unit Penyelarasan EMRS Negeri. Unit ini bertanggungjawab dalam menyelaras pelaksanaan dari sudut kecekapan gunasama jentera, kelengkapan peralatan perubatan dan kerjasama bersama pihak hospital. Selain itu, balai bomba akan menghantar laporan keluaran bulanan yang dijana di dalam sistem kepada penyelarass EMRS negeri untuk melaporkan prestasi operasi EMRS di sesebuah balai meliputi lokasi, bilangan anggota yang terlibat, jenis dan tempoh masa operasi. Pada umumnya, pemantauan terhadap operasi EMRS telah dibuat dengan baik. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap penghantaran laporan keluaran bulanan EMRS bagi bulan November, Disember 2016 dan Januari 2017 mendapati BBP Johor Bahru tidak menghantar laporan keluaran bulanan. Terdapat juga penghantaran laporan dalam bentuk manual seperti di BBP Pantai dan BBP Sri Hartamas.

Maklum Balas JBPM yang Diterima Pada 21 Julai 2017

JBPM mengakui terdapat kelemahan di awal penubuhan pasukan EMRS di balai-balai disebabkan kekangan keanggotaan dan pengetahuan berkaitan membuat pelaporan. Bagaimanapun, surat peringatan bertarikh 14 Jun 2017 telah dikeluarkan kepada penyelarass Pasukan Khas EMRS JBPM Negeri supaya memastikan laporan keluaran bulanan Jentera EMRS dihantar ke Bahagian Operasi JBPM Negeri.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap laporan bulanan EMRS adalah baik kecuali bagi tiga BBP. Kegagalan mematuhi penghantaran laporan bulanan EMRS oleh BBP berkenaan mengikut ketetapan menjejaskan pemantauan terhadap operasi EMRS, keperluan pengisian jawatan dan permohonan peruntukan di balai berkenaan.

9.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya pihak MoF dan JBPM mempertimbangkan perkara berikut:

9.6.1. JBPM hendaklah menetapkan pengukuran prestasi yang jelas terhadap pengurusan operasi EMRS. Selain itu, kajian semula terhadap penempatan jentera tersebut serta keperluan perjawatan berdasarkan kompetensi serta latihan perlu dibuat bagi tujuan penambahbaikan; dan

9.6.2. MoF dan JPA perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi tujuan penyenggaraan berkala peralatan dan jentera EMRS serta keperluan perjawatan yang sesuai bagi pengurusan EMRS.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

10. PENGURUSAN PROJEK GELANGGANG SUKAN

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Projek Gelanggang Sukan bertujuan menyediakan kemudahan sukan kepada rakyat Malaysia supaya lebih terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan dan kecerdasan, membudayakan sukan di kalangan rakyat Malaysia ke arah masyarakat yang sihat, cergas dan bersatu serta mencungkil bakat-bakat sukan hingga ke peringkat akar umbi. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah diperuntukkan sejumlah RM253.89 juta melalui Rancangan Malaysia Ke-9 dan Ke-10 bagi melaksanakan sepuluh jenis projek Gelanggang Sukan yang merangkumi 41 bilangan projek secara keseluruhannya. Sehingga bulan Mac 2017, sejumlah RM114.87 juta (45.2%) telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut.

JADUAL 10.1
BILANGAN PROJEK GELANGGANG SUKAN

BIL.	JENIS PROJEK	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)
1.	Naik Taraf Gelanggang Sukan Pelbagai Guna	10*	5.25
2.	Pembinaan Kompleks Sukan Jerlun	1	5.89
3.	Pembinaan Gelanggang Bola Keranjang, Parlimen Temerloh	1	1.00
4.	Pembinaan Kompleks Sukan Rembau	1	20.00
5.	Pembinaan Kompleks Sukan Tapah	1	12.97
6.	Pembinaan Kompleks Sukan Ragbi Sabah	1	10.00
7.	Pembinaan Akademi Bola Sepak Negara Fasa II	1	73.66
8.	Pembinaan Velodrom Nasional	1	79.90
9.	Pembinaan 23 Gelanggang Futsal	23	5.88
10.	Pembinaan Kompleks Sukan Bagan Datoh, Perak	1	39.34
JUMLAH		41	253.89

Sumber: Laporan Perbelanjaan Pembangunan, Bahagian Pembangunan, KBS

Nota: (*) - merangkumi sembilan projek naik taraf utama dan satu lain-lain penyenggaraan

10.1.2. Bahagian Pembangunan KBS adalah bertanggungjawab dalam merancang, melaksana serta memantau prestasi fizikal yang juga dibantu oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam urusan kewangan projek Gelanggang Sukan dan bertindak memberi nasihat teknikal terhadap pelaksanaan projek tersebut.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan projek Gelanggang Sukan telah diurus dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

10.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi empat bidang utama (key area) iaitu perancangan projek, pengurusan pembinaan, pengurusan pembayaran dan penggunaan terhadap pengurusan projek Gelanggang Sukan bagi tahun 2014 hingga 2016. Pengauditan dijalankan di Bahagian Pembangunan KBS, Ibu Pejabat JKR serta JBSN Kedah, Sabah dan Negeri Sembilan. Analisis data fizikal dan kewangan telah dibuat terhadap keseluruhan projek. Manakala bagi tujuan semakan lanjut, sebanyak tiga jenis projek Gelanggang Sukan telah dipilih iaitu Kompleks Sukan Jerlun, Velodrom Nasional, dan Gelanggang Futsal (melibatkan sembilan daripada 23 gelanggang) di negeri Kedah, Sabah dan Negeri Sembilan. Sampel yang dipilih adalah berdasarkan risiko dan impak mengikut lokasi. Persampelan daripada aspek kewangan adalah 100% pemeriksaan baucar bayaran bagi projek terpilih. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.2
SKOP PENGAUDITAN PENGURUSAN PROJEK GELANGGANG SUKAN

NAMA PROJEK	BILANGAN PROJEK	LOKASI	KONTRAKTOR	KAEDAH PEROLEHAN	KOS PROJEK (RM Juta)
Pembinaan Kompleks Sukan Jerlun	1	Sanglang, Kedah	Wama Bina Enterprise	Tender Terbuka	4.74
Pembinaan Velodrom Nasional	1	Nilai, Negeri Sembilan	Blackfox Engineering Sdn. Bhd.	Tender Terbuka	79.87
Pembinaan Gelanggang Futsal	9	Kg. Lubok Buntar, Bandar Baharu, Kulim, Kedah	Bokhari B. Abd Rahman	Sebut Harga	0.17
		Kg. Medan, Bandar Baharu, Kulim, Kedah	Sedia Saing Enterprise	Sebut Harga	0.17
		Kg. Mohimboyon, Ranau, Sabah	Adass Enterprise	Sebut Harga	0.17
		Kg. Sumandi, Pulau Sumandi, Semporna, Sabah	Gemilang Daya Wawasan	Sebut Harga	0.15
		Kg. Tundun, Pulau Bum Bum, Semporna, Sabah	AZ-One Enterprise	Sebut Harga	0.15
		Kg. Labuan, Kota Belud, Sabah	UNIEQ	Sebut Harga	0.17
		Taman Sri Kasih, Senawang, Negeri Sembilan	Jad Masyhur Enterprise	Sebut Harga	0.18
		Taman KSNS, Rembau, Negeri Sembilan	KSBH Enterprise	Sebut Harga	0.17
		Kg. Ulu Pari, Rembau, Negeri Sembilan	Khлина Enterprise	Sebut Harga	0.19
JUMLAH	11	JUMLAH			86.13

Sumber: KBS, JKR dan JBSN

10.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan projek Gelanggang Sukan. Lawatan, pemeriksaan fizikal terhadap projek, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat juga telah dijalankan.

10.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2016 hingga Mac 2017 mendapati objektif projek bagi menyediakan kemudahan sukan telah dicapai. Berdasarkan empat bidang utama yang dinilai, pihak Audit merumuskan pengurusan projek secara keseluruhannya adalah memuaskan, di mana projek disiapkan dalam tempoh lanjutan masa, pelantikan kontraktor telah dibuat selaras dengan peraturan semasa dan status pemilikan projek dibuat secara teratur. Namun begitu masih terdapat kelemahan dalam pengurusan projek meliputi kerja pembinaan tidak berkualiti dan memenuhi spesifikasi, pembayaran tidak mematuhi peraturan kewangan serta pembayaran tidak wajar/harga tidak munasabah. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. kajian kesesuaian lokasi projek secara terperinci tidak dibuat. Didapati dua daripada sembilan projek Pembinaan Gelanggang Futsal terletak di kawasan pedalaman, jauh dari kawasan tumpuan masyarakat serta sukar diakses;
- ii. hanya 45.2% atau sejumlah RM114.87 juta sahaja peruntukan kewangan dibelanjakan berikutan terdapat projek pembinaan masih belum dilaksanakan mengikut perancangan/sasaran ditetapkan iaitu Kompleks Sukan Rembau, Negeri Sembilan, Kompleks Sukan Tapah, Perak, Kompleks Sukan Bagan Datoh, Perak dan Kompleks Sukan Ragbi, Sabah;
- iii. sebahagian kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah tidak mematuhi spesifikasi pembinaan berjumlah RM116,744 dan sejumlah RM57,369 didapati kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak mematuhi kualiti kerja pembinaan; dan
- iv. bagi Projek Pembinaan Gelanggang Futsal, didapati beberapa kelemahan aspek pembayaran seperti berikut:
 - sejumlah RM31,040 telah dibayar kepada kontraktor bagi kerja-kerja yang tidak dilaksanakan;
 - kontraktor menuntut bayaran untuk komponen-komponen yang tidak dibekalkan/telah dibayar sebelum ini (bayaran berulang) berjumlah RM22,250; dan
 - akuan sumpah siap kerja bagi dua projek bernilai RM337,575 telah ditandatangani sebelum penyiapan kerja pembinaan sebenar.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KBS telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 5 September 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

10.5.1. Prestasi Projek

10.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Berdasarkan 41 projek Gelanggang Sukan yang dirancang, sebanyak 37 projek (90.2%) telah dilaksanakan manakala empat projek masih belum dilaksanakan. Antara sebab projek yang dirancang belum dilaksanakan adalah disebabkan oleh masalah pelantikan kontraktor yang gagal dalam penilaian teknikal oleh Kementerian Kewangan (MoF) dan reka bentuk projek masih belum dimuktamadkan. Butiran projek yang belum dilaksanakan adalah seperti berikut:

JADUAL 10.3
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK GELANGGANG SUKAN YANG MASIH
DALAM STATUS PERANCANGAN/PEMBINAAN (SEHINGGA BULAN MAC 2017)

NAMA PROJEK	KOS KONTRAK (RM Juta)	PERANCANGAN	STATUS TERKINI
Pembinaan Kompleks Sukan Rembau	23.00	Tender akan dikeluarkan secara tender terhadap pada bulan Januari 2016 dengan nilai <i>Preliminaries Detailed Abstract</i> (PDA) berjumlah RM24 juta dan akan dilaksanakan oleh Syarikat Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	Setakat bulan Januari 2017, tender masih belum dikeluarkan dan projek masih di peringkat perancangan KBS. Proses pengambilan tanah telah dimuktamadkan oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Sembilan pada bulan Disember 2015. Lawatan Audit pada 9 Mac 2017 mendapati kawasan tapak cadangan yang terletak di Ladang Kelapa Sawit, Chembong, Rembau tidak berpagar dan diletakkan papan tanda amaran pencerobohan .
Pembinaan Kompleks Sukan Tapah	9.30	Projek telah dilaksanakan secara tender terbuka. Syarikat Jentayu Tuah Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai kontraktor yang bertanggungjawab dalam menyiapkannya. Tarikh milik tapak projek adalah pada 4 Februari 2016 dan dijadualkan siap pada 3 Ogos 2017.	Projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan tarikh siap telah dilanjutkan sehingga 11 November 2017 .
Pembinaan Kompleks Sukan Ragbi Sabah	10.00	Draf dokumen tender dikeluarkan pada bulan Mac 2016.	Setakat bulan Januari 2017, reka bentuk Kompleks masih di peringkat kelulusan oleh KBS. Status bayaran yang telah dibayar kepada perunding adalah berjumlah RM334,234.
Pembinaan Kompleks Sukan Bagan Datoh, Perak	25.00	MoF melalui surat rujukan S/K.KEW/PK/KBS/OS/05 Jld 4 SK.5 (6) bertarikh 20 Mei 2016 telah meluluskan permohonan KBS untuk melantik kontraktor secara tender terhadap. JKR selaku agensi pelaksana telah membuat permohonan kepada MoF bagi perolehan Pembinaan Kompleks Sukan Bagan Datoh di tender semula secara tender terbuka dan kelulusan daripada pihak MoF telah diperolehi melalui surat rujukan S/K.KEW/PK/KBS/OS/05 JLD. 4 SK.5 (11) bertarikh 11 November 2016.	Pihak MoF telah meluluskan perolehan secara tender terhadap pada 6 Mac 2017 dengan mempelawa syarikat yang telah gagal dalam penilaian tender pada 20 September 2016. Setakat tarikh pengauditan, kerja pembinaan masih belum dilaksanakan.
JUMLAH	67.30		

Sumber: KBS dan JKR

- b. Mengikut kontrak, projek pembinaan Gelanggang Sukan perlu disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap sampel yang dipilih mendapati Kompleks Sukan Jerlun telah disiapkan setelah diberi satu Lanjutan Masa (EOT) manakala kontraktor bagi pembinaan Velodrom Nasional telah diluluskan tiga EOT dan masih dalam tempoh pembinaan. Bagi pembinaan empat Gelanggang Futsal, kontraktor yang terlibat telah diberi antara satu hingga empat EOT dari JBSN. Antara sebab berlakunya EOT adalah seperti pertambahan skop, kelewatan kelulusan kebenaran merancang dan faktor cuaca. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.4
PRESTASI PROJEK KOMPLEKS/GELANGGANG SUKAN (SEHINGGA BULAN MAC 2017)

NAMA PROJEK	KOS KONTRAK (RM Juta)	KONTRAKTOR	TEMPOH MULA	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH SIAP SEBENAR	STATUS PROJEK/ TEMPOH EOT
Pembinaan Kompleks Sukan Jerlun	4.74	Wama Bina Enterprise	26.10.2014	25.01.2016	24.03.2016	25.01.2016 - 25.03.2016
Pembinaan Velodrom Nasional	79.87	Blackfox Engineering Sdn. Bhd.	15.01.2015 (Tarikh Milik Tapak)	13.07.2016 (78 Minggu)	27.04.2017	14.07.2016 - 27.04.2017 (3 EOT)
Pembinaan Gelanggang Futsal, Kg. Lubok Buntar, Bandar Baharu, Kulim, Kedah	0.17	Bokhari Bin Abd Rahman	15.09.2015	07.12.2015 (12 Minggu)	08.02.2016	07.12.2015 - 15.02.2016
Pembinaan Gelanggang Futsal, Kg. Medan, Bandar Baharu, Kulim, Kedah	0.17	Sedia Saing Enterprise	15.09.2015	07.12.2015 (12 Minggu)	08.08.2016	07.12.2015 - 08.08.2016 (2 EOT)
Pembinaan Gelanggang Sukan Futsal Kampung Mohimboyon, Ranau, Sabah	0.17	Wawasan Jaya Enterprise (Kontraktor Utama) & Adass Enterprise (Sub-Kontraktor)	01.10.2015	20.12.2015 (8 Minggu)	19.12.2015	Projek siap dalam tempoh
Pembinaan Gelanggang Futsal, Kg. Sumandi, Pulau Sumandi, Semporna, Sabah	0.15	Gemilang Daya Wawasan	07.10.2015	06.12.2015 (8 Minggu)	06.12.2015	Projek siap dalam tempoh
Pembinaan Gelanggang Futsal, Kg. Tundun, Pulau Bum Bum, Semporna, Sabah	0.15	Az-One Enterprise	16.10.2015	16.12.2015	14.12.2015	Projek siap dalam tempoh
Pembinaan Gelanggang Futsal, Kg. Labuan, Kota Belud, Sabah	0.17	UNIEQ	07.10.2015	06.12.2015 (8 Minggu)	06.12.2015	Projek siap dalam tempoh
Pembinaan Gelanggang Futsal, Taman Sri Kasih, Senawang, Negeri Sembilan	0.18	Jad Masyhur Enterprise	01.11.2015	11.12.2015 (6 minggu)	26.04.2016	11.12.2015 - 15.04.2016 (4 EOT)
Pembinaan Gelanggang Futsal, Taman KSNS, Rembau, Negeri Sembilan	0.17	KSBH Enterprise	18.06.2015	14.08.2015 (8 Minggu)	24.08.2015	14.08.2015 - 24.08.2015
Pembinaan Gelanggang Futsal, Kg. Ulu Pari, Rembau, Negeri Sembilan	0.19	Khlina Enterprise	13.08.2015	12.11.2015 (13 Minggu)	12.11.2015	Projek siap dalam tempoh

Sumber: KBS, JKR dan JBSN

10.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Peruntukan keseluruhan projek Gelanggang Sukan bagi tahun 2014 hingga Mac 2017 adalah berjumlah RM253.89 juta. Sehingga bulan Mac 2017, sejumlah RM114.87 juta (45.2%) telah dibelanjakan bagi melaksanakan kesemua projek tersebut. Peruntukan dibelanjakan kurang 50% antaranya disebabkan oleh terdapat empat projek yang belum dilaksanakan sepenuhnya iaitu Projek Pembinaan Kompleks Sukan Rembau, Negeri Sembilan, Kompleks Sukan Tapah, Perak, Kompleks Sukan Bagan Datoh, Perak dan Kompleks Sukan Ragbi, Sabah. Satu daripada projek tersebut iaitu Kompleks Sukan Tapah, Perak dalam peringkat pembinaan pada tahap kemajuan kerja 93%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.5
STATUS PROJEK (SEHINGGA BULAN MAC 2017)

BIL.	JENIS PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
1.	Naik Taraf Gelanggang Sukan Pelbagai Guna	5.25	1.44	3.81	27.4
2.	Pembinaan Kompleks Sukan Jerlun	5.89	5.30	0.59	89.9
3.	Pembinaan Gelanggang Bola Keranjang, Parlimen Temerloh	1.00	0.62	0.38	62.0
4.	Pembinaan Kompleks Sukan Rembau	20.00	2.63	17.37	13.2
5.	Pembinaan Kompleks Sukan Tapah	12.97	5.93	7.04	45.7
6.	Pembinaan Kompleks Sukan Ragbi Sabah	10.00	0.36	9.64	3.6
7.	Pembinaan Akademi Bola Sepak Negara Fasa II	73.66	22.38	51.28	30.4
8.	Pembinaan Velodrom Nasional	79.90	67.09	12.81	84.0
9.	Pembinaan 23 Gelanggang Futsal	5.88	4.87	1.01	82.8
10.	Pembinaan Kompleks Sukan Bagan Datoh, Perak	39.34	4.25	35.09	10.8
JUMLAH		253.89	114.87	139.02	45.2

Sumber: Laporan Perbelanjaan Pembangunan, Bahagian Pembangunan, KBS

10.5.2. Perancangan Projek

10.5.2.1. Pemilihan Lokasi

- a. Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil. 2 Tahun 2009 mengenai Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak dan Keperluan Peralatan Projek antaranya menyatakan penilaian bagi pemilihan tapak projek perlu dilakukan berdasarkan kesesuaian lokasi, keadaan geologi dan topografi sesuatu kawasan. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada kajian awal kesesuaian lokasi projek pembinaan Gelanggang Sukan secara terperinci telah dibuat. Berdasarkan lawatan Audit di sembilan lokasi projek melibatkan tiga buah negeri iaitu Kedah, Negeri Sembilan dan Sabah mendapati, tujuh buah gelanggang futsal telah dibina di kawasan pinggir bandar dan dilengkapi kemudahan asas. (Kg. Medan, Kulim, Kedah,

Kg. Lubuk Buntar, Kulim, Kedah, Taman Sri Kasih, Senawang, Negeri Sembilan, Taman KSNS, Rembau, Negeri Sembilan, Kg. Labuan, Kota Belud, Sabah, Kg. Sumandi, Semporna, Sabah dan Kg. Tundun, Semporna, Sabah). Bagaimanapun, dua lokasi bagi gelanggang tersebut (Kg. Ulu Pari, Rembau, Negeri Sembilan dan Kg. Mohimboyon, Ranau, Sabah) terletak di kawasan pedalaman, sukar diakses dan jauh dari kawasan tumpuan masyarakat. Ini mendedahkan kepada risiko ianya tidak dapat dimanfaatkan secara optimum. Antara contoh lokasi gelanggang futsal adalah seperti berikut:

GAMBAR 10.1



Gelanggang Futsal Taman Sri Kasih, Senawang, Negeri Sembilan
- Lokasi Gelanggang Futsal di Kawasan Taman Perumahan dan Pinggir Bandar (09.03.2017)

GAMBAR 10.2



Gelanggang Futsal Kg. Sumandi, Pulau Sumandi, Semporna, Sabah
- Lokasi Gelanggang Futsal Terletak Bersebelahan Sekolah Kebangsaan Pulau Sumandi dan Kawasan Perkampungan Padat (22.12.2016)

GAMBAR 10.3



Gelanggang Futsal Kg. Mohimboyon, Ranau, Sabah
- Lokasi Gelanggang Futsal Sukar Diakses di Mana Sejauh 7km (20 minit) Dari Jalan Utama dan Terletak di Kawasan Terpencil (21.12.2016)

GAMBAR 10.4



Gelanggang Futsal Kg. Ulu Pari, Rembau, Negeri Sembilan
- Lokasi Gelanggang Futsal Terletak di Kawasan Kurang Tumpuan Awam (16.12.2016)

- b. Berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965 Bab 5.1, pemilik tanah dikehendaki terlebih dahulu membuat permohonan menukar kategori guna tanah iaitu (tukar syarat) kepada kategori yang akan dimajukan. Projek Pembinaan Kompleks Sukan Jerlun telah diluluskan pada tahun 2012 oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU). Semakan Audit mendapati tapak projek kompleks tersebut terletak di sebahagian tanah hak milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di atas Lot 2916 dan 2707 Mukim Sanglang, Daerah Kubang Pasu yang berkeluasan 15,552 meter persegi (3.84 ekar).

Semakan Audit selanjutnya mendapati tanah Lot 2707 yang berstatus *R.C* (Reserve Certificate) masih dikekalkan syarat guna tanah sebagai kuarters. Pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dan wakil Jabatan Pendidikan Negeri Kedah memohon agar KBS membuat permohonan tukar guna tapak secara rasmi kepada KPM melalui JKPTG. Setakat tarikh pengauditan pada bulan Disember 2016, perbincangan isu hak milik tanah tersebut antara KBS dan KPM masih belum diputuskan walaupun selepas empat tahun projek pembinaan kompleks tersebut diluluskan.

Maklum Balas KBS yang Diterima Pada 11 Oktober 2017

Mesyuarat penyelarasan telah diadakan pada 3 Oktober 2017. KPM telah membenarkan proses tukar guna tanah dilaksanakan.

10.5.2.2. Pemilihan Kontraktor

Proses pemilihan kontraktor yang teratur dan telus akan dapat memastikan hanya kontraktor yang berwibawa dilantik agar projek disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dengan kualiti kerja yang baik. Kontraktor yang dipelawa perlu mengambil kira aspek kompetensi/keupayaan berdasarkan penelitian terhadap rekod prestasi, kewangan syarikat, tenaga pakar dan jentera/peralatan yang dimiliki. Berdasarkan semakan terhadap sembilan jenis projek Gelanggang Sukan, didapati pemilihan kontraktor telah dibuat dengan teratur. Manakala pemilihan kontraktor masih belum dimuktamadkan bagi satu projek yang lain iaitu Projek Pembinaan Kompleks Sukan Bagan Datoh, Perak.

Pada pendapat Audit, perancangan projek dari aspek pemilihan lokasi adalah baik kecuali bagi dua lokasi gelanggang tersebut iaitu di Kg. Ulu Pari, Rembau, Negeri Sembilan dan Kg. Mohimboyon, Ranau, Sabah. Pemilihan kontraktor juga adalah baik.

10.5.3. Pengurusan Pembinaan

10.5.3.1. Reka Bentuk Pembinaan Kurang Sesuai

Reka bentuk yang dihasilkan mestilah sesuai dan memenuhi keperluan pengguna. Daripada 11 projek pembinaan yang dilawati, didapati konsep binaan Kompleks Sukan Jerlun dibuat secara binaan ruang terbuka (*double volume*) dan tidak mempunyai dinding. Berdasarkan dokumen yang disemak didapati tempias air hujan yang masuk ke dalam bangunan telah menyebabkan kerosakan pada lantai gelanggang *sport surface gerflor* dan berlakunya gelembung pada lantai gelanggang akibat daripada resapan air ke bawah lantai.

Berdasarkan ulasan Unit Teknikal JKR, konsep ketiadaan dinding mengakibatkan komponen dan peralatan dalam kompleks sukan mudah rosak, menyukarkan penggunaan bagi sebarang aktiviti dan kawalan keselamatan tidak dapat dikawal dengan rapi. Selain itu, permukaan gelanggang juga akan menjadi licin dan sekaligus mengganggu aktiviti sukan dan riadah. Didapati juga ruang terbuka menyebabkan berlakunya pengaratan pada peralatan kompleks.



GAMBAR 10.5

Kompleks Sukan Jerlun, Kg. Sanglang, Kedah
- Rekabentuk dan Konsep Secara Binaan Ruang Terbuka Mengakibatkan Komponen dan Peralatan dalam Kompleks Sukan Mudah Rosak (15.12.2016)

GAMBAR 10.6



Kompleks Sukan Jerlun, Kg. Sanglang, Kedah
- Tempias Air Hujan yang Masuk ke Dalam Bangunan Menyebabkan Berlaku Gelembung Pada Lantai Gelanggang Futsal (15.12.2016)

GAMBAR 10.7



Kompleks Sukan Jerlun, Kedah
- Pengaratan Pada Kipas Kesan Daripada Pengudaraan Terbuka (15.12.2016)

Maklum Balas KBS yang Diterima Pada 11 Oktober 2017

Reka bentuk projek telah dibuat oleh pihak JKR berdasarkan siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU).

10.5.3.2. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

- a. Berdasarkan lawatan Audit yang dijalankan pada bulan Disember 2016 hingga Mac 2017, didapati kerja pembinaan longkang/penutup longkang tidak dipasang dan tidak memenuhi spesifikasi, kerja elektrik tidak dibuat mengikut spesifikasi serta pagar dan papan tanda tidak dipasang. Bayaran untuk kerja-kerja tersebut bernilai RM116,744 telah dibuat sepenuhnya. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.6
KERJA PEMBINAAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

PROJEK	SPESIFIKASI KONTRAK	BUTIRAN KERJA SEBUTHARGA / KONTRAK	LOKASI	HARGA (RM)	ULASAN AUDIT	
Pembinaan Gelanggang Futsal	Longkang & Penutup Longkang	225mm diameter longkang tanah liat separuh bulatan siap tapak, dinding tepi dan penutup longkang pra tuang serta pembinaan <i>sump</i> .	Kg. Mohimboyon, Ranau, Sabah	4,500	Longkang tidak mematuhi spesifikasi 225mm, tiada penutup longkang dan pembinaan <i>sump</i> .	
			Kg. Labuan, Kota Belud, Sabah	5,000		
			Kg. Sumandi, Semporna, Sabah	3,300		
			Kg. Tundun, Semporna, Sabah	7,320		
	Kerja Elektrik	To supply 8m height hot dipped galvanized climbing rung pole and flange type complete with circuit breaker, concrete foundation, earthing and others.	Taman Sri Kasih, Senawang, Negeri Sembilan	6,840	Binaan longkang tidak dibuat dengan sempurna dan <i>FRP grating</i> tidak dipasang sepenuhnya.	
			Kg. Medan, Kulim, Kedah	9,000		
			Taman Sri Kasih, Senawang, Negeri Sembilan	7,200		
			Kg. Labuan, Kota Belud, Sabah	5,000		
			Kg. Sumandi, Semporna, Sabah	600		
			Kg. Tundun, Semporna, Sabah	13,814		
			Kg. Mohimboyon, Ranau, Sabah	8,000		
			Kg. Labuan, Kota Belud, Sabah	10,000		
			Kg. Mohimboyon, Ranau, Sabah	3,100		
			Kg. Sumandi, Semporna, Sabah	2,500		
Kg. Tundun, Semporna, Sabah	4,440					
Pembinaan Gelanggang Futsal	Papan Tanda	Membekal dan memasang papan tanda gelanggang futsal bersaiz 3' 0" x 5' 0" seperti dalam lukisan.	Kg. Mohimboyon, Ranau, Sabah	500	Tiada papan tanda gelanggang futsal dipasang di sekitar gelanggang.	
		Papan tanda jadual penggunaan gelanggang.	Kg. Mohimboyon, Ranau, Sabah	600		
	Pagar dan Pintu	<i>Plytec 680A hot dipped galvanized</i> pagar 4.00m tinggi.	Kg. Sumandi, Semporna, Sabah	1,000	Tiada papan tanda jadual penggunaan gelanggang.	
			Kg. Tundun, Semporna, Sabah	1,200		
			Kg. Mohimboyon, Ranau, Sabah	1,920		
			Kg. Sumandi, Semporna, Sabah	3,480		
	Lain-lain komponen	Lain-lain komponen	Kg. Tundun, Semporna, Sabah	1,680	Pagar 4.00m tinggi <i>Plytec 680A hot dipped galvanized</i> tidak dipasang pada gelanggang.	
			Kg. Tundun, Semporna, Sabah	15,750		
	JUMLAH (RM)				116,744	

Sumber: JKR dan JBSN

Nota: (*) - Ejaan asal dalam BQ iaitu *weather* ditukar kepada *weather*

GAMBAR 10.8



Gelanggang Futsal Kg. Sumandi, Semporna, Sabah
- Longkang Tanah Liat 225 mm dan *Sump*
Tidak Dibuat Seperti yang Ditetapkan
(22.12.2016)

GAMBAR 10.9



Gelanggang Futsal Kg. Labuan, Kota Belud, Sabah
- *FP Weather Proof Type Floor Standing*
Dipasang di Bawah Kawasan Rumah
(21.12.2016)

10.5.3.3. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

Tugas dan tanggungjawab Pegawai Penguasa yang diterangkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK4) adalah mengawal selia dan memberi arahan kerja menurut peruntukan perjanjian antaranya termasuklah memastikan kualiti bahan yang digunakan dan tahap mutu kerja adalah mematuhi kontrak. Berdasarkan lawatan Audit yang dijalankan pada Disember 2016 hingga Mac 2017, didapati kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bernilai RM57,369 tidak mematuhi kualiti kerja pembinaan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.7
KERJA PEMBINAAN GELANGGANG SUKAN TIDAK BERKUALITI

NAMA PROJEK	BUTIRAN KERJA	BUTIRAN KERJA SEBUTHARGA	LOKASI	HARGA (RM)	ULASAN AUDIT
Pembinaan Gelanggang Futsal	Tapak Gelanggang	50 mm tebal <i>premix wearing (Asphaltic Concrete Wearing Course)</i> saiz 10 mm diratakan dan dipadatkan di atas lapisan <i>bitumen 'prime coat'</i> .	Kg. Medan, Kulim, Kedah	16,740	<i>Premix wearing (Asphaltic Concrete Wearing Course)</i> tidak rata dan kemas.
		125 mm tebal konkrit gred 25, diratakan dan dicat lapisan.	Kg. Tundun, Semporna, Sabah	9,000	Lapisan lantai gelanggang pecah dan rosak dalam tempoh satu tahun.
	<i>Hardcourt Coating System</i>	Membekal dan menyapu rata permukaan gelanggang dengan <i>Matchplay Acrylic Surfaces</i> di atas permukaan premix halus.	Kg. Medan, Kulim, Kedah	23,229	Sapuan <i>Matchplay Acrylic Surfaces</i> dan <i>Non-Skid Silica</i> pada permukaan gelanggang tidak kemas dan tertanggal.
		<i>Non-Skid Silica Floor Coating</i>	Kg. Mohimboyon, Ranau, Sabah	3,000	
			Kg. Tundun, Semporna, Sabah	5,400	
JUMLAH (RM)				57,369	

Sumber: JBSN

Pada pendapat Audit, kerja pembinaan adalah memuaskan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan kecuali pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi bagi longkang, kerja elektrik, papan tanda serta pagar/pintu dan pembinaan yang kurang berkualiti bagi tapak gelanggang dan *hardcourt coating system*.

10.5.4. Pengurusan Pembayaran

10.5.4.1. Pembayaran Tidak Mematuhi Peraturan

- a. Merujuk Kepada Arahan Perbendaharaan 99 (e)(i), baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna. Selain itu, perolehan kerja perlu diurus mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Semakan Audit ke atas baucar bayaran kerja-kerja menaik taraf gelanggang sukan dan pembinaan di Negeri Sabah pada tahun 2014 dan 2015 mendapati perkara-perkara berikut:
 - i. perbelanjaan berjumlah RM199,992 bagi lima kerja menaik taraf gelanggang sukan iaitu di Taman Takapan Membakut, Kampung Limadang Membakut, Taman Parapat Kimanis, Kg Brunei Kimanis dan Kg. Pimping Membakut telah dibuat bagi tahun 2015 sungguhpun tiada peruntukan bagi tahun tersebut; dan
 - ii. tiga daripada lima Pesanan Kerajaan yang disemak mendapati ia dikeluarkan selepas 62 hari daripada penyiapan kerja oleh kontraktor. Pesanan Kerajaan tersebut melibatkan kerja menaik taraf gelanggang sukan di Taman Takapan Membakut, Kampung Limadang Membakut dan Kg. Brunei Kimanis yang bernilai RM119,994.

Maklum Balas KBS yang Diterima Pada 22 Jun 2017

Pihak JBSN Sabah mengakui kesilapan dalam prosedur pembayaran ini. Pegawai berkenaan telah bertukar ke Ibu Pejabat Kementerian.

10.5.4.2. Bayaran Tidak Wajar (Improper Payment)/Harga Tidak Munasabah

- a. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – WP10.3 Pengurusan Kehilangan dan Hapuskira Wang Awam menyatakan pembayaran tanpa kuasa/salah/pembayaran tidak sepatutnya (improper payment) ialah pembayaran yang dibuat dengan tidak sewajar sama ada dari segi bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat-syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan bagi suatu pembayaran.

- b. Semakan Audit terhadap tujuh baucar bayaran berjumlah RM469,745 bagi tiga daripada 11 projek pembinaan yang dilawati mendapati sejumlah RM31,040 telah dibayar untuk kerja-kerja yang tidak dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.8
BAYARAN YANG TELAH DIBUAT BAGI KERJA YANG
TIDAK DILAKSANAKAN OLEH KONTRAKTOR

BAUCAR BAYARAN		KONTRAKTOR	LOKASI	BUTIRAN KERJA SEBUTHARGA	NILAI (RM)	
NO./TARIKH	NILAI (RM)				MENGIKUT BUTIRAN KERJA	KESELURUHAN KERJA
B1444 21.12.2015	169,900	Adass Enterprise	Kg. Mohimboyon, Ranau, Negeri Sabah	<i>FP weather* proof type floor standing complete with concrete plinth, earthing, metering panel c/w fuse switch and neutral link, light switch and door lock.</i>	3,100	6,120
				Membekal dan memasang papan tanda.	500	
				Papan tanda jadual penggunaan gelanggang.	600	
				Pagar 4.00 m tinggi <i>Plytec 680A hot dipped galvanized.</i>	1,920	
B1435 21.12.2015	149,895	Gemilang Daya Wawasan	Kg. Sumandi, Semporna, Sabah	225 mm diameter longkang tanah liat separuh bulatan siap tapak, dinding tepi dan penutup longkang pra tuang serta pembinaan sump.	3,300	10,280
				<i>FP weather* proof type floor standing complete with concrete plinth, earthing, metering panel c/w fuse switch and neutral link, light switch and door lock.</i>	2,500	
				Papan tanda jadual penggunaan gelanggang.	1,000	
				Pagar 4.00 m tinggi <i>Plytec 680A hot dipped galvanized.</i>	3,480	
B1439 21.12.2015	149,950	AZ-ONE Enterprise	Kg. Tundun, Semporna, Sabah	225 mm diameter longkang tanah liat separuh bulatan siap tapak, dinding tepi dan penutup longkang pra tuang serta pembinaan sump.	7,320	14,640
				<i>FP weather* proof type floor standing complete with concrete plinth, earthing, metering panel c/w fuse switch and neutral link, light switch and door lock.</i>	4,440	
				Papan tanda jadual penggunaan gelanggang.	1,200	
				Pagar 4.00 m tinggi <i>Plytec 680A hot dipped galvanized.</i>	1,680	
JUMLAH	469,745					31,040

Sumber: JBSN

Nota: (*) - Ejaan asal dalam BQ iaitu *weather* ditukar kepada *weather*

Maklum Balas KBS yang Diterima Pada 22 Jun dan 13 September 2017

JBSN Sabah telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 28 Disember 2015 untuk menyiapkan kerja-kerja yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor seperti yang terdapat dalam sebut harga.

Pihak JBSN Sabah mengakui kesilapan dan meminta pihak kontraktor melaksanakan kerja tersebut.

- c. Selanjutnya, pihak Audit mendapati wujudnya perbezaan kos yang dituntut untuk kerja yang sama bagi pembinaan tapak gelanggang yang melibatkan kerja pembersihan, penggalian dan tambakan tanah, pembekalan papan tanda, pembinaan longkang dan pembinaan lantai gelanggang di tapak gelanggang futsal yang dilawati. Perbezaan kos tersebut adalah antara RM1,700 hingga RM39,350.

JADUAL 10.9
PERBEZAAN HARGA BAGI KERJA YANG TELAH DILAKSANAKAN

BUTIRAN KERJA	SABAH (4 LOKASI)	KEDAH (2 LOKASI)	NEGERI SEMBILAN (3 LOKASI)	PERBEZAAN HARGA (Maks. - Min)
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Pembersihan & penyediaan tapak, kerja penggalian ke aras laras yang dipersetujui, membuang dan meratakan tapak.	7,000 - 20,280	3,500 - 6,500	4,000 - 41,450	37,950
600 m ² 125mm tebal konkrit gred 25 diratakan.	9,000 - 39,000	-	-	30,000
600 m ² Non-Skid Silica Floor Coating (Sabah) & 522 m ² Hardcourt Coating System, Matchplay Acrylic Surfaces (Semenanjung).	1,800 - 10,000	25,227 - 34,320	20,814 - 41,150	39,350
Papan Tanda Gelanggang Futsal.	500 - 2,000	650 - 1,000	300 - 600	1,700
Supply, install, testing and commissioning and essential for proper and safe operation equipment, obtaining for liaison with SESB and TNB.	4,000 - 20,000	3,200 - 5,000	3,500	16,800
Supply & Install FP weather* proof type floor standing complete with concrete plinth, earthing, metering panel c/w fuse switch and neutral link, light switch, door lock and others.	2,500 - 10,000	3,000 - 3,200	3,000 - 5,686	7,500

Sumber: JBSN

Nota: (*) - Ejaan asal dalam BQ iaitu *weather* ditukar kepada *weather*

Maklum Balas KBS yang Diterima Pada 22 Jun 2017

Perbezaan harga adalah bergantung kepada geografi tapak yang dikemukakan oleh pihak perunding.

- d. Kontraktor telah membuat tuntutan bayaran terhadap komponen yang tidak dibekalkan. Selain itu, tuntutan juga telah dibuat untuk komponen yang telah

dibayar sebelum ini (bayaran berulang). Didapati JBSN Sabah telah membuat bayaran sepenuhnya terhadap kedua-dua jenis tuntutan tersebut. Tuntutan pembelian bagi komponen yang tidak dibekalkan seperti kerusi, meja dan lain-lain item berjumlah RM15,750 telah dibuat bagi projek pembinaan Gelanggang Futsal di Kg. Tundun, Semporna. Bagi projek pembinaan Gelanggang Futsal di Kg. Sumandi, Semporna, item bahan asas binaan yang telah dituntut dalam kerja awalan penyediaan tapak seperti pasir, batu dan simen berjumlah RM6,500 pula telah dituntut lagi.

Maklum Balas KBS yang Diterima Pada 22 Jun 2017

JBSN Sabah telah memastikan perkara ini tidak berulang dan lebih teliti pada masa akan datang.

- e. Merujuk kepada Akta Akuan Berkanun 1960, akuan palsu boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan. Semakan Audit mendapati akuan sumpah siap kerja telah ditandatangani pada 15 Disember 2015 dan 13 Disember 2015 iaitu sebelum penyiapan kerja pembinaan Gelanggang Futsal di Kg. Medan dan Kg. Lubok Buntar, Kulim, Kedah pada 8 Ogos 2016 dan 8 Februari 2016 yang masing-masingnya bernilai RM168,850 dan RM168,725. Akuan sumpah telah dilakukan dengan menyatakan bahawa kerja-kerja yang diberikan telah disiapkan dan dengan itu segala wang upahan dan gaji untuk semua pekerja buruh projek tersebut dibayar dengan sepenuhnya walaupun kontraktor masih belum menyiapkan kerja pembinaan tersebut dan lanjutan masa diberikan antara 69 hari hingga 176 hari. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 10.10
AKUAN SUMPAAH SIAP KERJA TELAH DIBUAT
WALAUPUN KERJA BELUM DISIAPKAN**

LOKASI	KONTRAKTOR	JUMLAH (RM)	SURAT SETUJU TERIMA (SST)	LANJUTAN MASA (EOT)	TARIKH PERAKUAN SIAP KERJA (CPC) DIKELUARKAN	TARIKH AKUAN SUMPAAH
Kg. Medan, Kulim, Kedah	Sedia Saing Enterprise	168,850	12 Minggu (15.09.2015 - 07.12.2015)	EOT 1 : 08.12.2015 - 31.05.2016 (176 Hari) EOT 2 : 01.06.2016 - 08.08.2016 (69 Hari)	14.09.2016	15.12.2015
Kg. Lubok Buntar, Kulim, Kedah	Bokhari Bin Abd. Rahman	168,725	12 Minggu (15.09.2015 - 07.12.2015)	EOT 1 : 08.12.2015 - 15.02.2016 (70 Hari)	29.07.2016	13.12.2015

Sumber: JBSN

Maklum Balas KBS yang Diterima Pada 22 Jun dan 11 Oktober 2017

JBS Kedah telah mengemukakan surat teguran dan peringatan kepada kontraktor mengenai akuan sumpah siap kerja palsu. Bagaimanapun,

JBSN membuat pembayaran interim dan muktamad berdasarkan Borang JKR 66A dan Surat Pengesahan Siap Kerja yang diperakui oleh perunding.

- f. Semakan Audit selanjutnya ke atas lima baucar bayaran bagi projek pembinaan Gelanggang Futsal di Negeri Sembilan mendapati bayaran kepada kontraktor telah terlebih/terkurang antara kurangan RM6,670.75 serta lebihan RM9,066 daripada nilai yang sepatutnya. Perkara ini disebabkan oleh perbezaan jumlah bayaran muktamad di borang JKR 66A dengan jumlah bayaran di baucar serta pelarasan mengenainya tidak dibuat. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 10.11
BAYARAN TERLEBIH/TERKURANG KEPADA KONTRAKTOR**

NO. BAUCAR/TARIKH	JUMLAH (RM)	BAYARAN MUKTAMAD JKR 66A (RM)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (RM)	KONTRAKTOR
B1124 10.12.2015	198,774.00	199,076.00	(302.00)	Khlina Enterprise
B1178 15.12.2015	173,000.00	171,000.00	2,000.00	Zulsha Enterprise
B1045 01.12.2015	174,999.50	173,976.50	1,023.00	Pesaka Bumi Enterprise
B1227 18.12.2015	89,066.00	80,000.00	9,066.00	JAD Masyhur Enterprise
B0610 10.10.2016	92,254.00	98,924.75	(6,670.75)	

Sumber: JBSN

Maklum Balas KBS yang Diterima Pada 22 Jun dan 13 September 2017

JBS Negeri Sembilan telah mengeluarkan surat tuntutan lebihan bayaran kepada pihak kontraktor yang terlibat.

Tindakan kutipan lebihan bayaran telah dibuat pada 8 September 2017.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran adalah tidak memuaskan kerana tidak selaras dengan peraturan yang ditetapkan dan berlaku kes bayaran secara *improper payment*. Ini mendedahkan kepada risiko penyalahgunaan kuasa serta Kerajaan tidak mendapat *best value for money*.

10.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value of money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan kepada pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

10.6.1. KBS dan JBSN perlu memastikan setiap kelemahan di peringkat perancangan dikaji semula secara menyeluruh dan dijadikan *lesson learnt* bagi memastikan kelemahan perancangan khususnya bagi pemilihan lokasi diminimumkan agar matlamat pembinaan projek dapat dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan;

10.6.2. KBS perlu memastikan setiap kerja yang dilaksanakan dipantau oleh pegawai yang bertanggungjawab dengan mengikut arahan/garis panduan yang telah ditetapkan. Pegawai yang cuai perlu dikenakan tindakan sewajarnya; dan

10.6.3. Jawatankuasa Siasatan Dalaman hendaklah ditubuhkan bagi membincangkan dan menangani kelemahan yang dibangkitkan khususnya berhubung bayaran tidak wajar (*improper payment*).

11. PROJEK PEMBINAAN INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN) TANAH MERAH, KELANTAN

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Projek pembinaan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Tanah Merah, Kelantan telah diluluskan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Objektif pembinaan adalah untuk menyediakan lebih banyak peluang kepada golongan belia untuk menimba kemahiran dan teknologi sebagai pekerja mahir dalam bidang kejuruteraan awam, elektrik dan mekanikal, jahitan dan lain-lain selaras dengan dasar negara yang memberi tumpuan kepada Pembangunan Modal Insan. Tapak pembinaan IKBN Tanah Merah, Kelantan terletak di Lot PT 7060, Mukim Pasir Genda, Daerah Kusial, Jajahan Tanah Merah dengan keluasan 21.20 hektar (52.39 ekar). Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi pihak pelanggan iaitu KBS.

11.1.2. Kontraktor asal projek ini ialah Seraya Resources Sdn. Bhd. yang dilantik secara rundingan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM72 juta dan tarikh siap sepatutnya adalah pada 12 Oktober 2010. Bagaimanapun, kontrak ini ditamatkan melalui Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (NPPKK) pada 11 Mac 2010. Status kemajuan kerja semasa penamatan kontrak adalah sebanyak 8.3% berbanding 37.2% mengikut perancangan. Seterusnya pada 1 Mac 2011 KBS telah memutuskan supaya projek ini ditangguhkan sehingga tahun 2013 disebabkan oleh keperluan kepada projek lain yang lebih mendesak.

11.1.3. Kontraktor penyiap bagi projek ini ialah Cakna Enterprise Sdn. Bhd. yang telah dilantik oleh JKR secara tender terhad dan Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 15 Oktober 2014. Nilai kontrak adalah berjumlah RM52.8 juta bagi menyelesaikan kerja-kerja terbengkalai bagi projek ini. Projek telah disiapkan pada 5 Januari 2017 dan diserahkan kepada KBS pada 6 Februari 2017. Butiran kontrak bagi kontraktor Cakna Enterprise Sdn. Bhd. adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.1
BUTIRAN KONTRAK**

BUTIRAN	KONTRAKTOR PENYIAP (DILANTIK PADA 15.10.2014)
Nama Kontraktor	Cakna Enterprise Sdn. Bhd.
Pengarah Projek	Pengarah JKR Kelantan
Kos Siling Kontrak (RM Juta)	55
Kos Asal Kontrak (RM Juta)	52.80

BUTIRAN	KONTRAKTOR PENYIAP (DILANTIK PADA 15.10.2014)
Kos Semasa Kontrak (RM Juta)	53.10
Jenis Kontrak	Reka dan Bina
Kaedah Perolehan	Tender Terhad
Tarikh Surat Setuju Terima (SST)	15.10.2014
Tarikh Kontrak Ditandatangani	11.02.2015
Tarikh Milik Tapak	03.11.2014
Tarikh Siap Asal	03.07.2016
Tarikh Siap Semasa	05.01.2017
Jumlah EOT (Hari)	3 (186 hari)
Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor	Tidak berkenaan
% Kemajuan Kerja	100
Tarikh Serah oleh JKR Kepada Pelanggan	06.02.2017
Tempoh Tanggungan Kecacatan	05.01.2017 - 02.05.2019

Sumber: JKR Cawangan Kerja Bangunan Am 2

11.1.4. Pelan tapak berserta komponen projek pembinaan IKBN Tanah Merah, Kelantan adalah seperti gambar rajah berikut:

GAMBAR RAJAH 11.1
PELAN TAPAK PROJEK PEMBINAAN INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA
TANAH MERAH, KELANTAN



Petunjuk

- | | | |
|------------------------------------|-----------------------------|---|
| 1. Blok Bangunan Pentadbiran (HEP) | 8. Blok Asrama Pempuan | 15. Blok Pondok Pengawal |
| 2. Blok Bangunan Bengkel Awam | 9. Dewan Makan | 16. Blok Pencawang Elektrik TNB |
| 3. Blok Bangunan Bengkel Jahitan | 10. Blok Kuarters Kelas 'C' | 17. Blok Pencawang Elektrik / <i>Single Chamber</i> |
| 4. Blok Bangunan Bengkel Elektrik | 11. Blok Kuarters Kelas 'D' | 18. Tangki Air |
| 5. Dewan Serbaguna | 12. Blok Kuarters Kelas 'E' | 19. Padang Bolasepak |
| 6. Surau | 13. Blok Garaj Bas dan Van | 20. Gelanggang Bola Tampar |
| 7. Blok Asrama Lelaki | 14. Blok Rumah Sampah | 21. Gelanggang Bola Jaring |

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembinaan IKBN Tanah Merah, Kelantan oleh kontraktor penyelamat telah diurus dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

11.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi enam bidang utama (key area) iaitu prestasi fizikal dan kewangan, pelantikan kontraktor, pentadbiran kontrak, kerja pembinaan, pengoperasian selepas projek siap dan pemantauan projek. Penyemakan dokumen telah dijalankan di KBS, Cawangan Kerja Bangunan Am 2, JKR dan JKR Negeri Kelantan. Pengauditan meliputi tempoh tahun 2014 hingga Mei 2017 iaitu bermula daripada pelantikan kontraktor penyelamat sehingga projek disiapkan sepenuhnya dan diserahkan kepada jabatan pelanggan (KBS). Dalam hal ini, skop pengauditan tidak meliputi penilaian terhadap urusan pelantikan dan pengurusan projek oleh kontraktor asal.

11.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menjalankan analisis terhadap kemajuan projek. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat telah diadakan untuk mendapatkan penjelasan lisan dan memastikan ketepatan maklumat yang dilaporkan. Selain itu, lawatan fizikal ke tapak pembinaan turut dijalankan pada 17 dan 18 April 2017 bagi memeriksa tahap pematuhan spesifikasi dan kualiti kerja pembinaan.

11.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mei 2017 mendapati pembinaan IKBN Tanah Merah, Kelantan yang terbengkalai telah dapat disiapkan oleh kontraktor penyelamat dan diserahkan kepada KBS pada 6 Februari 2017. Berdasarkan enam bidang utama yang dinilai, pihak Audit merumuskan pengurusan projek secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana pelantikan kontraktor penyelamat telah dibuat selaras dengan peraturan semasa dan melalui kaedah perolehan yang kompetitif iaitu secara tender terhad, pentadbiran kontrak dibuat dengan teratur termasuk hal berkaitan bon pelaksanaan, bayaran pendahuluan dan penyediaan perakuan muktamad. Selain itu, perubahan kerja juga telah diluluskan mengikut peraturan ditetapkan, kos projek tidak melebihi siling peruntukan dan pemantauan telah dilaksanakan secara berkala. Namun begitu, masih terdapat kelemahan dalam prestasi kemajuan fizikal yang menyebabkan projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak asal, kerja pembinaan tidak berkualiti dan kekangan peruntukan perolehan peralatan pembelajaran yang telah menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. projek berjaya disiapkan dengan tiga Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa [Extension of Time (EOT)] yang diluluskan kerana melibatkan prosedur syarikat utiliti. Kelulusan EOT 1 dan 2 berkaitan masalah bekalan air telah menyebabkan berlakunya Arahan Perubahan Kerja dengan tambahan kos sebanyak RM528,018;
- ii. kerja pembinaan koridor luar di blok jahitan dan gelanggang sukan kurang berkualiti; dan
- iii. IKBN Tanah Merah belum beroperasi sepenuhnya walaupun telah diserahkan oleh JKR pada bulan Februari 2017. Ini kerana peruntukan bagi perolehan peralatan belum dibelanjakan serta kelengkapan dapur dan penyaman udara yang belum digunakan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 9 Ogos 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan berikut:


11.5.1 Prestasi Projek

Prestasi projek pembinaan IKBN Tanah Merah, Kelantan oleh kontraktor Cakna Enterprise Sdn. Bhd. dari segi prestasi fizikal dan kewangan adalah seperti berikut:

11.5.1.1. Prestasi Fizikal

- a. Kontraktor asal (Kontraktor Seraya Resources Sdn. Bhd.) perlu menyiapkan projek ini pada 12 Oktober 2010. Bagaimanapun, kontraktor telah gagal menyiapkan projek walaupun surat peringatan serta amaran telah dikeluarkan sehingga kontrak ditamatkan pada 11 Mac 2010. Kemajuan kerja seperti yang dinyatakan dalam Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (NPPKK) adalah 8.3% adalah untuk kerja-kerja tanah dan cerucuk berbanding 37.2% mengikut perancangan.
- b. Kontraktor Cakna Enterprise Sdn. Bhd. telah dilantik secara tender terhadap untuk menyiapkan projek ini. Tempoh persiapan projek ialah selama 87 minggu bermula 3 November 2014 hingga 3 Julai 2016. Semakan Audit terhadap rekod dan dokumen pencapaian fizikal projek mendapati projek tersebut tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Kemajuan kerja pada tarikh siap asal (3 Julai 2016) adalah sebanyak 91% berbanding sepatutnya 100% mengikut jadual kerja sebenar. Butiran mengenai peratus kemajuan kerja berbanding unjuran adalah seperti graf berikut:

GRAF 11.1
PERATUS KEMAJUAN KERJA BERBANDING UNJURAN



Sumber: Sistem Kawal dan Lapar (SKALA), JKR

- c. Kontraktor telah diluluskan tiga Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa [Extension of Time (EOT)] meliputi tempoh keseluruhan selama 186 hari dengan tarikh siap semasa ditetapkan pada 5 Januari 2017. Semakan Audit mendapati kontraktor telah dapat menyiapkan projek ini pada tarikh siap semasa tersebut. Berdasarkan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa Yang Diluluskan, pihak Audit mendapati kelulusan EOT telah diberikan atas sebab-sebab yang berada di luar kawalan kontraktor seperti kelewatan pelantikan sub-kontraktor, penambahan skop kerja dan urusan melibatkan pihak utiliti iaitu Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Majaari Services Sdn. Bhd. (syarikat pengurusan pembedungan yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk memberikan perkhidmatan memproses dan memperakukan kelulusan pelan sistem pembedungan, loji dan rawatan kumbahan di negeri Kelantan). Butiran EOT yang diluluskan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.2
PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

PERKARA / TARIKH PERMOHONAN / TARIKH SIJIL PERAKUAN KELAMBATAN	KLAUSA	TEMPOH	JUMLAH (Hari)	SEBAB LANJUTAN MASA
EOT 1 / 13.06.2016 / 13.07.2016	49.1(e) 49.1(i)	03.07.2016 hingga 24.08.2016	52	<ul style="list-style-type: none"> Kelewatan pelantikan sub-kontraktor bagi kerja-kerja di bawah item WPS - pembinaan pagar dan papan tanda. Masalah bekalan air oleh pihak Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) yang mana tiada bekalan air di tapak. Kelewatan kerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) - sambungan bekalan elektrik oleh pihak sub-kontraktor TNB.
EOT 2 / 23.08.2016 / 07.09.2006	49.1(i) 49.1(d)	24.08.2016 hingga 30.11.2016	98	Tambahan skop kerja pembinaan sistem rawatan air dari sumber telaga tiub (air bawah tanah).
EOT 3 / 28.11.2016 / 28.12.2016	49.1(f)	30.11.2016 hingga 05.01.2017	36	Kelewatan mendapatkan laporan ulasan daripada Pihak Majaari berkenaan hasil pemeriksaan yang dibuat pada 24.11.2016 untuk pihak kontraktor melakukan pembetulan dan seterusnya menyebabkan kelewatan proses mendapatkan surat sokongan daripada Pihak Majaari untuk permohonan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (<i>Certificate of Completion and Compliance/CCC</i>).
JUMLAH			186	

Sumber: Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa

11.5.1.2. Prestasi Kewangan

- a. Siling peruntukan untuk menyiapkan projek ini oleh kontraktor penyiap Cakna Enterprise Sdn. Bhd. berjumlah RM55 juta dan kos projek bagi menyiapkan kerja adalah berjumlah RM52.8 juta.
- b. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
 - i. kos projek berhubung masalah bekalan air telah meningkat sebanyak RM528,018. Peningkatan ini disebabkan kelulusan Arahan Perubahan Kerja (APK) No.1 berkaitan penambahan skop kerja pembinaan telaga tiub dan sistem rawatan air berjumlah RM449,190 serta Pelarasan Harga Kerja bagi APK No.1 berkaitan pembinaan telaga tiub dan rawatan air berjumlah RM78,828.
 - ii. jumlah bersih keseluruhan projek telah meningkat sebanyak RM498,570 iaitu 0.94% kepada RM53.30 juta disebabkan oleh APK No.1 berjumlah RM449,190 dan 6 PHK dengan jumlah bersih RM49,380. Butiran PHK adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 11.3
BUTIRAN PELARASAN HARGA KONTRAK**

PHK	BUTIRAN	PENAMBAHAN / (PENGURANGAN) DARIPADA KOS PROJEK	
		RM	%
NO. 1	Pelarasan semula Wang Peruntukan Sementara bagi item: d) <i>Asset registration, tagging and inventory.</i>	(58,117.70)	(0.11)
NO. 2	Pelarasan semula Wang Peruntukan Sementara bagi item: a) Kerja-kerja membina dan menyiapkan pagar <i>chainlink</i> dan pagar berhias.	23,485.88	0.04
NO. 3	Pelarasan APK No: 1 Pembinaan telaga tiub dan rawatan air.	78,828.00	0.15
NO. 4	Pelarasan Wang Peruntukan Sementara - Kerja-kerja membekal dan memasang papan tanda.	6,793.73	0.01
NO. 5	Pertukaran bahan kemasan bumbung daripada ' <i>monier concrete roof tile</i> ' kepada ' <i>metal decking</i> ' di Kuarters Kelas C.	(1,224.60)	0.00
NO. 6	Pertukaran <i>Glass Railing</i> kepada <i>Brick Railing</i> di Kuarters Kelas C.	(385.20)	0.00
JUMLAH BERSIH		49,380.11	0.09

Sumber: Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak

- c. Sehingga bulan Mei 2017, sejumlah RM42.39 juta iaitu 80.3% daripada kos projek telah dibayar kepada kontraktor Cakna Enterprise Sdn. Bhd. melalui bayaran kemajuan 1 hingga 26.

Maklum Balas KKR/JKR yang Diterima Pada 21 Ogos 2017

EOT No.1 berhubung masalah bekalan air

Keperluan air bersih yang sepatutnya dibekalkan oleh pihak AKSB tidak dapat dipenuhi oleh pihak AKSB walaupun di awal pelaksanaan projek ini pihak AKSB komited dan yakin yang air dapat dibekalkan sebelum projek siap melalui beberapa siri Mesyuarat Tapak dan Mesyuarat Penyelarasan bersama pihak AKSB. Namun demikian sehingga bulan April 2016, bekalan masih gagal disalurkan dan berlarutan sehingga proses T&C di mana pihak kontraktor terpaksa meminta kerjasama pihak AKSB untuk membekalkan air melalui lori tangki tetapi masih belum mencukupi untuk melaksanakan T&C sepenuhnya menyebabkan kelewatan melaksanakan T&C daripada perancangan asal.

EOT No.2

Pihak AKSB gagal membekalkan air ke tapak projek sepertimana dijanjikan di dalam Mesyuarat Tapak dan beberapa siri Mesyuarat Penyelarasan bersama pihak AKSB. Perbincangan awal bersama pihak AKSB mengenai keperluan bekalan air selepas projek siap telah diadakan pada 20 Ogos 2015. Namun sehingga bulan April 2016 masih tiada bekalan air disalurkan di tapak oleh pihak AKSB dan Mesyuarat Penyelarasan Projek Bersama pihak AKSB yang diadakan pada 18 April 2016 menyatakan bahawa ujian tekanan air di kawasan tersebut adalah sangat rendah.

Walaupun bekalan air ada dihantar melalui lori tangki namun masih tidak mencukupi dan menyebabkan kerja-kerja T&C dan pembersihan

keseluruhan bangunan terjejas. Sehubungan dengan itu, pihak JKR dan kontraktor telah mencadangkan untuk membina Telaga Tiub serta Sistem Rawatan Air sebagai alternatif bagi mendapat bekalan air bersih.

Pada pendapat Audit, prestasi projek adalah baik kerana pembinaan IKBN Tanah Merah, Kelantan yang terbelengkalai telah berjaya disiapkan oleh kontraktor penyelamat yang dilantik. Bagaimanapun, tiga EOT telah diluluskan yang disebabkan oleh prosedur syarikat utiliti telah menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini dan menyebabkan kelewatan penyiapan selama 186 hari. Kelulusan EOT 1 dan 2 berkaitan masalah bekalan air juga menyebabkan berlakunya APK dengan tambahan kos sebanyak RM528,018.

11.5.2. Pelantikan Kontraktor

11.5.2.1. Kontraktor Asal - Seraya Resources Sdn. Bhd.

- a. Surat MoF bertarikh 18 September 2006 bersetuju supaya projek pembinaan IKBN Tanah Merah Kelantan dilaksanakan oleh Seraya Resources Sdn. Bhd. secara rundingan terus. Surat kelulusan MoF kepada KBS ini tertakluk kepada syarat iaitu projek telah diluluskan di bawah RMKe-9 dan skop projek diluluskan oleh UPE serta projek hendaklah dilaksanakan oleh JKR.
- b. Hasil pemeriksaan Audit terhadap proses pelantikan kontraktor Seraya Resources Sdn. Bhd. mengikut kronologi seperti berikut:
 - i. JKR telah mengeluarkan surat niat kepada Seraya Resources Sdn. Bhd. bertarikh 2 Februari 2007 untuk melaksanakan projek secara Reka dan Bina.
 - ii. Surat Tawaran Terima (STT) telah dikeluarkan pada 24 Mac 2008 dengan harga kontrak siling RM70 juta.
 - iii. Mesyuarat Rundingan Pelarasan Harga dan Skop Kontrak telah diadakan pada 2 Disember 2008.
 - iv. MoF bersetuju meluluskan harga rundingan yang dipersetujui dan diperakukan oleh JKR berjumlah RM72 juta bertarikh 20 Januari 2009.
 - v. STT Tambahan telah dikeluarkan pada 27 Februari 2009 dan kontrak telah ditandatangani pada 4 Ogos 2009 dengan tempoh kontrak selama 130 minggu mulai dari 16 April 2008 hingga 12 Oktober 2010.
- c. Bagaimanapun, projek ini telah ditamatkan pada 11 Mac 2010 dengan kemajuan kerja setakat 8.3% berbanding sepatutnya 37.2%. Pembayaran yang telah dibuat kepada kontraktor berdasarkan perakuan muktamad berjumlah RM5.37 juta.

11.5.2.2. Kontraktor Penyiap - Cakna Enterprise Sdn. Bhd.

- a. Para 9(iii)(b) PK 4/2013 Pekeliling Perbendaharaan menyatakan bahawa Jawatankuasa Projek Sakit hendaklah melantik kontraktor yang dilaksanakan secara tender terhad di kalangan sekurang-kurangnya lima kontraktor yang disediakan oleh JKR.
- b. Surat Arahan KPKR Bil. 7/2008 mengenai Panduan Peraturan Pelantikan Kontraktor Penyiap Bagi Projek Sakit menggariskan supaya pelantikan kontraktor penyiap hendaklah dibuat dengan teratur. Antara perkara yang perlu dipatuhi ialah proses pelawaan secara tender terhad dan laporan penilaian tender oleh Jawatankuasa Projek Sakit.
- c. Semakan Audit mendapati proses pelantikan kontraktor telah mematuhi peraturan yang ditetapkan iaitu:
 - i. Taklimat Pelawaan Tender telah dibuat pada 10 April 2013 kepada kontraktor yang layak di mana seramai lima petender melalui Tender Terhad/Terpilih telah disenaraikan pada 3 Julai 2013. Tempoh Sah Laku Tender telah dilanjutkan selama 120 hari dari 26 Oktober 2013 hingga 23 Februari 2014 disebabkan terdapatnya pengurangan skop kerja kerana peruntukan pelanggan yang terhad. Kelulusan lanjutan tempoh ini telah diperoleh pada 7 November 2013.
 - ii. Laporan Penilaian Tender telah ditandatangani oleh Pengarah Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA) pada 19 Ogos 2014 dan keputusan Jawatankuasa Projek Sakit JKR Bil. 9/2014 Perakuan Tender Terhad (Kontraktor Penyiap) telah mempertimbangkan kontraktor yang paling layak adalah kontraktor Cakna Enterprise Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor adalah baik dan dilaksanakan secara teratur selaras dengan prosedur yang ditetapkan.

11.5.3. Pentadbiran Kontrak

11.5.3.1. Pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut syarat kontrak yang ditetapkan bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan. Aspek pentadbiran kontrak yang disemak meliputi urusan bayaran pendahuluan, Bon Pelaksanaan, Polisi Insurans dan pembayaran interim.

11.5.3.2. Semakan Audit mendapati pentadbiran kontrak adalah teratur di mana kontrak telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan, Bon Pelaksanaan dan Polisi Insurans telah meliputi tempoh kontrak serta urusan bayaran pendahuluan dan pembayaran interim kepada kontraktor telah mematuhi peraturan semasa dan syarat kontrak.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak adalah baik mengikut syarat kontrak yang ditetapkan.

11.5.4. Kerja Pembinaan

11.5.4.1. JKR hendaklah memastikan kontraktor melaksanakan kerja pembinaan yang berkualiti mengikut spesifikasi dan piawaian pembinaan. Pihak Audit telah memeriksa kualiti kerja pembinaan bagi skop awam dan struktur, seni bina, mekanikal dan elektrik.

11.5.4.2. Lawatan Audit pada 17 dan 18 April 2017 mendapati skop kerja seni bina, mekanikal dan elektrik adalah mengikut spesifikasi dan piawaian pembinaan. Penemuan Audit berhubung kerja yang kurang berkualiti telah diambil tindakan pembaikan dengan segera oleh pihak kontraktor. Bagaimanapun, terdapat penemuan Audit yang masih dalam tindakan pembaikan iaitu pembinaan koridor luar di blok jahitan dan gelanggang sukan yang kurang berkualiti. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 11.4** dan **Gambar 11.1** hingga **11.7**.

JADUAL 11.4
LOKASI KERJA YANG KURANG BERKUALITI

LOKASI	PENEMUAN AUDIT
Blok Jahitan – Koridor Luar	<ul style="list-style-type: none"> • Kedudukan longkang di apron koridor tidak selari dengan cucur atap. Air dari saluran air hujan tidak turun terus ke dalam longkang tetapi ke atas permukaan apron. Ini menyebabkan permukaan apron tersebut berlumut dan kotor. (Gambar 11.1 dan Gambar 11.2) • Aliran air hujan yang mengalir melalui unjuran rantai plastik yang dipasang tidak masuk terus ke dalam longkang sebaliknya akan mengalir ke lantai koridor. (Gambar 11.3 dan Gambar 11.4) • Tumpukan air mengakibatkan kawasan tersebut berlumut dan perlu kerap dibersihkan.
Gelanggang bola jaring dan bola tampar	Keretakan pada permukaan lantai gelanggang bola jaring dan bola tampar. (Gambar 11.5 dan 11.6)

Sumber: Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

SEMASA PENGAUDITAN
GAMBAR 11.1



Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Tanah Merah
- Blok Jahitan – Koridor Luar (Sebelah Dalam)
- Kedudukan Longkang di Apron Koridor Tidak Selari Dengan Cucur Atap. Air Dari Saluran Air Hujan Tidak Turun Terus ke Dalam Longkang Tetapi ke Atas Permukaan Apron. Ini Menyebabkan Permukaan Apron Tersebut Berlumut dan Kotor. (18.04.2017)

SELEPAS PENGAUDITAN
GAMBAR 11.2



Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Tanah Merah
- Blok Jahitan – Koridor Luar (Sebelah Dalam)
- Masih Dalam Tindakan Pembaikan oleh Pihak Kontraktor (21.08.2017)

**SEMASA PENGAUDITAN
GAMBAR 11.3**



Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Tanah Merah
- Blok Jahitan – Koridor Luar (Sebelah Dalam)
- Permukaan Apron Koridor Berlumut dan Kotor
(18.04.2017)

**SELEPAS PENGAUDITAN
GAMBAR 11.4**




Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Tanah Merah
- Blok Jahitan – Koridor Luar (Sebelah Dalam)
- Masih Dalam Tindakan Pembaikan
oleh Pihak Kontraktor
(21.08.2017)

**SEMASA PENGAUDITAN
GAMBAR 11.5**



Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Tanah Merah
- Gelanggang Bola Jaring dan Bola Tampar
- Keretakan Pada Permukaan Lantai
(18.04.2017)

**SEMASA PENGAUDITAN
GAMBAR 11.6**



**SELEPAS PENGAUDITAN
GAMBAR 11.7**



Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Tanah Merah
- Gelanggang Bola Jaring dan Bola Tampar
- Kerosakan telah dilaporkan dalam Laporan
Kecacatan/Kerosakan No. 1. Pihak kontraktor masih
dalam tindakan untuk membaiki kerosakan yang
berlaku. Pihak kontraktor telah melantik pihak ketiga
iaitu 'specialist' dalam kerja-kerja pembinaan
gelanggang untuk membaiki/membuat semula
gelanggang tersebut. Status terkini adalah pihak
kontraktor sedang menjalankan kerja-kerja 'hacking'
bagi kesemua gelanggang yang terlibat.
Tarikh jangkaan siap adalah 28.09.2017.
(21.08.2017)

Maklum Balas KKR/JKR yang Diterima Pada 21 Ogos 2017

Setiap ketidaksempurnaan pembinaan, kerosakan atau kecacatan yang dilaporkan selepas projek diserahkan kepada pelanggan akan dilaksanakan di dalam Tempoh Tanggung Kecacatan (DLP). Tempoh Tanggung Kecacatan bagi projek ini adalah selama dua tahun iaitu bermula 05.01.2017 hingga 04.01.2019. Lawatan pemeriksaan kecacatan/kerosakan telah dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak JKR dan pihak IKBN sendiri. Mesyuarat

Penyelarasan Pembaikan Kecedatan/Kerosakan dibuat secara berkala iaitu setiap tiga bulan sekali. Mesyuarat Pertama telah diadakan pada 03.05.2017. Sehingga kini dua Laporan Kecedatan/Kerosakan telah dikeluarkan kepada pihak Kontraktor untuk diambil tindakan pembaikan. Penjelasan dan tindakan berkaitan penemuan yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- i) Ketidaktepatan berkaitan koridor telah dilaporkan di dalam Laporan Kecedatan/Kerosakan No. 2. Mesyuarat Penyelarasan Pembaikan Kecedatan/Kerosakan Bil. 2/2017 yang diadakan pada 14.08.2017 di Bilik Mesyuarat IKBN Tanah Merah. Ketidaktepatan ini telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut. Kontraktor diminta menghantar cadangan pembaikan dan 'method statement' untuk membaiki kecedatan tersebut ke JKR secepat mungkin untuk semakan JKR sebelum pembaikan dibuat. Tarikh jangkaan siap oleh kontraktor adalah pada 14.09.2017.*
- ii) Kerosakan di gelanggang sukan telah dilaporkan dalam Laporan Kecedatan/Kerosakan No. 1. Pihak kontraktor masih dalam tindakan untuk membaiki kerosakan yang berlaku. Pihak kontraktor merancang untuk melantik pihak ketiga iaitu 'specialist' dalam kerja-kerja pembinaan gelanggang terbuka untuk membaiki/membuat semula gelanggang tersebut. Kontraktor diminta menghantar cadangan pembaikan dan 'method statement' untuk membaiki kecedatan tersebut ke JKR secepat mungkin untuk semakan JKR sebelum pembaikan dibuat. Tarikh jangkaan siap oleh kontraktor adalah 28.09.2017.*

Pada pendapat Audit, kerja pembinaan adalah memuaskan dan telah dilaksanakan mengikut spesifikasi dan piawaian kecuai pembinaan yang kurang berkualiti bagi koridor luar di blok jahitan dan gelanggang sukan.

11.5.5. Pengoperasian Selepas Projek Siap

11.5.5.1. Projek Belum Beroperasi Sepenuhnya

- a. Perakuan Serahan Kerja Siap telah dikeluarkan oleh JKR pada 5 Januari 2017 dan projek telah diserahkan kepada KBS pada 6 Februari 2017. Mengikut perancangan asal, IKBN Tanah Merah Kelantan ini akan beroperasi mulai Januari 2017 dan mampu memuatkan sehingga 500 orang dalam satu masa apabila ia beroperasi sepenuhnya.
- b. Semakan Audit mendapati IKBN Tanah Merah, Kelantan masih belum beroperasi sepenuhnya ekoran Mesyuarat Pasca Bajet KBS yang diadakan pada Oktober 2016 yang memutuskan supaya operasi IKBN Tanah Merah, Kelantan ditangguhkan. Keputusan penangguhan ini juga dinyatakan oleh Kementerian Kewangan (MoF) pada Disember 2016 yang tidak

membenarkan IKN Tanah Merah memulakan operasi pengambilan pelajar kerana kekangan peruntukan untuk perolehan peralatan pembelajaran.

- c. Bagaimanapun, KBS telah merancang operasi minima yang meliputi pelaksanaan latihan jangka pendek. Bidang latihan yang dikenal pasti adalah bidang jahitan dengan sasaran kepada penduduk tempatan bermula April 2017.

Maklum Balas KBS yang Diterima Pada 6 September 2017

KBS telah memulakan operasi minima yang meliputi pelaksanaan latihan kursus jangka pendek mulai April 2017 di IKN Tanah Merah. Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB) telah melaksanakan latihan jangka pendek dengan penggunaan mesin secara pemindahan dari IKN Peretak dan IKN Wakaf Tapai seperti berikut:

- i. *Program Latihan Dual Nasional bagi bidang pakaian wanita dan lelaki secara kerjasama dengan pihak industri tempatan dicadangkan masih dalam penilaian dan kelulusan pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran dan dirancang untuk dilaksanakan pada September 2017.*
- ii. *Pelaksanaan Program Jangka Pendek Jahitan Kreatif. Sebanyak 16 Kursus Modular jangka pendek bagi bidang jahitan pakaian wanita, jahitan lelaki dan jahitan kreatif ditawarkan kepada masyarakat setempat. Antara kursus yang telah dijalankan adalah:*
 - a. *Jahitan Skirt (Wanita) pada 7 hingga 10 Mei 2017, kehadiran seramai 20 peserta.*
 - b. *Jahitan Blouse (wanita) pada 28 Mei hingga 1 Jun 2017, kehadiran seramai 13 peserta.*
 - c. *Jahitan Kemeja (Lelaki) : 17 hingga 26 Julai 2017, kehadiran seramai 17 peserta.*
 - d. *Jahitan Baju Melayu : 30 Julai hingga 3 Ogos 2017, kehadiran seramai 17 peserta.*

Setakat Julai 2017, seramai 67 peserta telah dilatih dan berdaftar bagi mengikuti program latihan jangka pendek di IKN Tanah Merah bermula April 2017. Manakala bagi kursus yang lain, telah disusun dan dirancang mengikut bulan sehingga akhir Disember 2017. Dirancang 150 orang pelajar akan mendapat faedah sehingga akhir Disember 2017.

11.5.5.2. Perolehan Peralatan Belum Dilaksanakan

- a. Perolehan peralatan hendaklah dilaksanakan sebaik sahaja projek siap agar dapat beroperasi sepenuhnya. Bajet Projek Peralatan IKN Tanah Merah tahun 2017 telah memperuntukkan sebanyak RM200,000 bagi tujuan perolehan peralatan.

- b. Lawatan Audit pada 17 dan 18 April 2017 mendapati tiada peralatan disediakan di bengkel, asrama dan pejabat pentadbiran. Peralatan yang disediakan di bengkel jahitan pula adalah sumbangan dari IKBN Wakaf Tapai, Terengganu dan IKBN Peretak, Kuala Kubu Bharu bagi tujuan pelaksanaan kursus jangka pendek di bidang jahitan. Peralatan yang diterima juga merupakan peralatan yang hendak dilupuskan oleh IKTBN Sepang. Sehingga bulan Mei 2017, perolehan peralatan masih belum dilaksanakan kerana IKBN Tanah Merah belum mengenal pasti keperluan peralatan bagi kursus jangka pendek.

Maklum Balas KBS yang Diterima Pada 6 September 2017

Dimaklumkan bahawa, melalui 1st Rolling Plan Rancangan Malaysia ke-11 Tahun 2016 BPKB telah diluluskan projek untuk perolehan peralatan latihan bagi IKBN Tanah Merah melalui peruntukan pembangunan. Peruntukan RM20 juta merangkumi pelaksanaan projek bermula dari tahun 2016 sehingga tahun 2020. Agihan peruntukan siling bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM200,000 manakala baki siling peruntukan akan dibahagi sepanjang tiga tahun pelaksanaan sehingga tahun 2020. Sehubungan itu, perancangan perolehan peralatan latihan telah dirancang untuk dilaksanakan mengikut perancangan yang telah diluluskan berdasarkan siling semasa yang diperuntukkan.

Proses perolehan bagi tahun 2017 sebanyak RM200,000 dilaksanakan bermula Ogos sehingga Oktober 2017. Keperluan peruntukan bagi perolehan perabot danengkapan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan perolehan dapat dilaksanakan dan kursus dapat dilaksanakan secara berfasa sehingga pengambilan penuh pada tahun 2020.

11.5.5.3. Kelengkapan Dapur dan Penyaman Udara Belum Digunakan

- a. Berdasarkan pada Dokumen Kontrak - *Bill of Quantity*, IKBN Tanah Merah, Kelantan juga dibekalkan kelengkapan dapur, dewan makan, kafeteria dan penyaman udara. Kos kelengkapan dapur dan pemasangan dianggarkan bernilai RM150,000 manakala kos penyaman udara dan pemasangan dianggarkan bernilai RM555,200.
- b. Semakan Audit mendapati kelengkapan dapur dan penyaman udara yang telah dibekalkan melalui *List of Inventory* yang terkandung dalam *Operation and Maintenance Manual* dengan tempoh jaminan daripada kontraktor bermula 5 Januari 2017 hingga 5 Januari 2019. Kelengkapan dapur dan penyaman udara didapati belum digunakan kerana IKBN Tanah Merah ini belum beroperasi sepenuhnya. Oleh itu, keupayaan kelengkapan dapur dan penyaman udara untuk berfungsi dengan baik tidak dapat ditentukan.

GAMBAR 11.8



GAMBAR 11.9



Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Tanah Merah
- Dapur Kafeteria
- Antara Kelengkapan Dapur yang Belum Digunakan
(17.04.2017)

Maklum Balas KBS yang Diterima Pada 6 September 2017

Berdasarkan Bill of Quantity dalam kontrak yang dibekalkan kepada pihak Pengurusan IKBN Tanah Merah, terdapat 37 unit kelengkapan dapur dan 80 unit penyaman udara. Sehingga 31 Julai 2017, jumlah keseluruhan aset dan kelengkapan masih dalam semakan JKR dan IKBN Tanah Merah masih belum menerima sebarang maklumat berkenaan perkara tersebut.

KBS juga telah memutuskan untuk menyewakan kemudahan dan kelengkapan institut kepada pihak luar serta agensi kerajaan yang berkaitan bagi melaksanakan program latihan atau program berkaitan bagi memastikan semua kemudahan dan kelengkapan di IKBN Tanah Merah dapat digunakan sepenuhnya. Keputusan Penilaian dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah diperolehi pada 27 Julai 2017 dan surat permohonan dari agensi dan pihak luar juga telah diterima bagi menyewa kemudahan dan fasiliti yang terdapat di IKBN Tanah Merah. Dengan itu, kemudahan dan fasiliti di IKBN Tanah Merah dapat digunakan dan dipastikan berada dalam keadaan yang baik dan beroperasi.

Pada pendapat Audit, pengoperasian selepas projek siap adalah memuaskan dengan mengambil kira kekangan peruntukan perolehan peralatan pembelajaran yang menyebabkan IKBN Tanah Merah, Kelantan tidak dapat memulakan pengambilan pelajar sepenuhnya. Ini berdasarkan usaha yang diambil oleh KBS untuk menjalankan operasi minimum di IKBN ini bagi memanfaatkan kemudahan yang telah dibangunkan oleh Kerajaan. Bagaimanapun, pengoperasian pada tahap minimum menyebabkan peralatan yang telah disediakan tidak dapat diuji keupayaannya dalam tempoh tanggungan kecacatan.

11.5.6. Pemantauan

11.5.6.1. Mekanisme pemantauan diwujudkan bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut perancangan di setiap peringkat dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif dapat memastikan sebarang masalah boleh diatasi bagi melancarkan perjalanan semua aktiviti berkaitan projek untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Manakala kawal selia projek bertujuan untuk memastikan obligasi yang terkandung di dalam kontrak disempurnakan dan projek diurus serta dilaksanakan mengikut syarat-syarat dan spesifikasi yang digariskan dalam dokumen kontrak khususnya melibatkan skop, kos, kualiti dan masa yang telah dipersetujui.

11.5.6.2. Semakan Audit mendapati pelaksanaan projek ini berjalan dengan lancar dan pemantauan telah dilakukan oleh KBS dan JKR melalui Mesyuarat Tapak, Mesyuarat Teknikal, Laporan Pencapaian Bulanan dan Buku Harian Tapak. Melalui mesyuarat yang dilaksanakan dan laporan yang disediakan, masalah pelaksanaan projek dapat dikenal pasti, dibincangkan dan diambil tindakan penyelesaian. Mesyuarat Pengurusan Risiko bagi projek ini telah diadakan pada 8 hingga 10 Mac 2016 yang turut dihadiri oleh wakil dari KBS, Cawangan Kerja dan Bangunan Am, Cawangan Pakar, Majlis Daerah, agensi utiliti dan kontraktor. Setiap risiko yang dikenalpasti telah dinilai dan disediakan pelan tindakan bagi mengatasi risiko tersebut.

Pada pendapat Audit, pemantauan pelaksanaan projek ini oleh JKR adalah baik.

11.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan IKBN Tanah Merah dapat beroperasi sepenuhnya dalam masa terdekat, adalah disyorkan supaya pihak KBS memberi keutamaan berdasarkan bajet tahun 2018 yang diterimanya untuk tujuan perolehan peralatan bengkel IKBN Tanah Merah.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

12. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT - PENGURUSAN BANTUAN KANAK-KANAK DAN INSTITUSI KANAK-KANAK

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan jabatan di bawah KPWKM yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar dan program pembangunan masyarakat penyayang dan sejahtera. Antara program yang dilaksanakan adalah pengurusan Bantuan Kanak-Kanak (BKK), perkhidmatan perlindungan dan perkhidmatan pemulihan.

12.1.2. Pengurusan BKK diuruskan oleh Bahagian Kebajikan Produktif dengan tujuan berikut:

- a. membantu kanak-kanak miskin dan berkeperluan supaya dapat terus tinggal bersama keluarga untuk menikmati kasih sayang, perhatian dan penjagaan sewajarnya;
- b. membantu memelihara dan memperkukuhkan institusi keluarga yang terlibat supaya dapat berdikari dan terus menjaga anak-anak dengan sempurna; dan
- c. memastikan perkembangan kanak-kanak mengikut peringkat perkembangan kanak-kanak.

12.1.3. Perkhidmatan perlindungan dan perkhidmatan pemulihan diuruskan oleh Bahagian Kanak-kanak. Kedua-dua perkhidmatan ini ditawarkan menerusi konsep perkhidmatan secara institusi dan perkhidmatan luar. Antara perkhidmatan institusi yang ditawarkan adalah Rumah Kanak-Kanak (RKK), Sekolah Tunas Bakti (STB) dan Taman Seri Puteri (TSP). Perkhidmatan RKK adalah berkonsep perlindungan dengan memberi jagaan gantian dalam suasana kekeluargaan. Manakala, perkhidmatan STB adalah berbentuk pemulihan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan tidak terkawal. TSP pula menawarkan perkhidmatan berbentuk perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang terdedah kepada bahaya moral atau keruntuhan akhlak. Berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang berumur bawah 18 tahun yang merupakan kumpulan sasaran bagi program/perkhidmatan ini.

12.1.4. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, pengagihan Bantuan Kanak-Kanak adalah berjumlah RM782.71 juta manakala bilangan penerima Bantuan Kanak-Kanak pada 31 Disember 2016 adalah seramai 75,439 keluarga. Di samping itu, perkhidmatan perlindungan dan pemulihan kanak-kanak ditawarkan melalui 11 RKK, lapan STB dan empat TSP.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan untuk menilai sama ada pengurusan Bantuan Kanak-Kanak dan Institusi Kanak-Kanak diurus dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

12.3. SKOP PENGAUDITAN

12.3.1. Pengauditan meliputi dua bidang utama (key area) iaitu pengurusan Bantuan Kanak-kanak dan pengurusan Institusi Kanak-Kanak (IKK) bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Bagi pengurusan Bantuan Kanak-Kanak, data penerima bantuan diperoleh daripada Bahagian Kebajikan Produktif, JKM melalui sistem e-Bantuan. Seterusnya, pengesahan data dibuat terhadap 360 (3.2%) rekod penerima bantuan daripada jumlah keseluruhan 11,196 penerima bantuan di 11 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) meliputi negeri Melaka, Pulau Pinang dan Sabah.

12.3.2. Pengauditan pengurusan IKK memfokuskan kepada tiga (50%) daripada enam IKK iaitu RKK, STB dan TSP. Pengauditan ini telah dijalankan di Bahagian Kanak-Kanak, JKM serta lawatan fizikal ke sepuluh (43.5%) daripada 23 IKK melibatkan empat RKK, empat STB dan dua TSP seperti jadual berikut:

JADUAL 12.1
SENARAI SAMPEL INSTITUSI KANAK-KANAK

BIL.	BUTIRAN IKK	NEGERI
Rumah Kanak-Kanak (RKK)		
1.	Rumah Budak Laki-Laki Tun Abdul Aziz, Durian Daun	Melaka
2.	RKK Kota Kinabalu	Sabah
3.	RKK Taman Bakti, Kepala Batas	Pulau Pinang
4.	RKK Tengku Budriah, Cheras	Kuala Lumpur
Sekolah Tunas Bakti (STB)		
5.	STB Sungai Lereh	Melaka
6.	STB Kota Kinabalu	Sabah
7.	STB Telok Air Tawar	Pulau Pinang
8.	STB Sungai Besi	Kuala Lumpur
Taman Seri Puteri (TSP)		
9.	TSP Kota Kinabalu	Sabah
10.	TSP Cheras	Kuala Lumpur

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

12.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail di Ibu Pejabat JKM dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di negeri Melaka, Sabah dan Pulau Pinang. Di samping itu, pihak Audit turut membuat lawatan fizikal ke IKK dan temu bual dengan pegawai JKM, penerima bantuan kanak-kanak dan kanak-kanak di IKK untuk mendapatkan maklum balas terhadap pengurusan bantuan dan perkhidmatan JKM.

12.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2016 hingga Februari 2017 mendapati objektif program Bantuan Kanak-Kanak dan IKK iaitu sebagai sebahagian komponen pembangunan masyarakat penyayang dan sejahtera adalah memuaskan. Bagaimanapun, pihak Audit menemui beberapa kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan diambil dengan segera seperti berikut:

- i. kajian semula bagi 276 (76.7%) daripada 360 penerima bantuan dibuat kurang dari tempoh dua bulan sebelum tamat tempoh bantuan semasa. Kajian semula bagi 110 (39.9%) daripada 276 penerima bantuan berkenaan dibuat selepas tamat tempoh bantuan semasa;
- ii. tempoh masa yang diambil bagi membuat siasatan dan membuat keputusan untuk 173 (48.1%) daripada 360 penerima bantuan melebihi tempoh satu bulan dari tarikh permohonan diterima. Tempoh kelewatan yang dikenal pasti adalah antara enam hingga 127 hari;
- iii. tiada pemantauan yang berkesan terhadap prestasi pengawal keselamatan swasta di RKK Kota Kinabalu menyebabkan terdapat pengawal keselamatan swasta berkerja sepanjang tempoh 24 jam sehari; dan
- iv. pemeriksaan kesihatan tidak dilaksanakan secara berkala dan berjadual sepanjang tempoh kanak-kanak berada di IKK kecuali semasa kemasukan dan sebelum dibebaskan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas JKM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 30 Ogos 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti perenggan berikut:

12.5.1. Pengurusan Bantuan Kanak-Kanak

12.5.1.1. Prestasi Pengagihan Bantuan Kanak-Kanak

- a. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, keseluruhan peruntukan bantuan kanak-kanak berjumlah RM782.71 juta telah diagihkan kepada 75,439 orang penerima bantuan pada tahun 2016, 83,570 orang penerima bantuan pada tahun 2015 dan 89,712 orang penerima bantuan pada tahun 2014. Bilangan penerima bantuan menunjukkan penurunan sebanyak 6,142 (6.8%) orang pada tahun 2015 dan 8,131 (9.7%) orang pada tahun 2016. Seiring dengan

penurunan bilangan penerima, jumlah pengagihan bantuan menunjukkan pengurangan berjumlah RM17.96 juta (6.5%) pada tahun 2015 dan RM13.33 juta (5.1%) pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN UNTUK BANTUAN KANAK-KANAK
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	BILANGAN PENERIMA (Orang)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
2014	89,712	277.32	277.32	100
2015	83,570	259.36	259.36	100
2016	75,439	246.03	246.03	100
JUMLAH		782.71	782.71	100

Sumber: Bahagian Kebajikan Produktif, JKM

- b. Analisis Audit menunjukkan negeri Sarawak dan Kelantan merupakan negeri dengan bilangan penerima bantuan tertinggi iaitu melebihi 10,000 orang setahun. Bagi negeri Sarawak, walaupun bilangan penerima menunjukkan penurunan setiap tahun, namun jumlah agihan bantuan didapati meningkat sebanyak RM1.87 juta (5.4%) pada tahun 2015 dan RM5.35 juta (14.6%) pada tahun 2016. Ini adalah disebabkan banyak keluarga yang mempunyai anak melebihi empat orang dan bayaran maksimum sebanyak RM450 sebulan perlu diberikan. Perbezaan bilangan penerima bantuan bagi negeri Kelantan pula didapati tidak ketara iaitu antara 57 hingga 277 orang penerima tetapi jumlah agihan bantuan menunjukkan pengurangan berjumlah RM0.78 juta (2.3%) dan RM1.37 juta (4.2%) masing-masing pada tahun 2015 dan 2016. Butiran bilangan penerima bantuan dan jumlah agihan bantuan kepada setiap negeri adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.3
BANTUAN KANAK-KANAK MENGIKUT NEGERI

TAHUN / NEGERI	2014		2015		2016	
	BIL. PENERIMA	(RM Juta)	BIL. PENERIMA	(RM Juta)	BIL. PENERIMA	(RM Juta)
Johor	8,388	26.73	7,778	24.06	6,931	22.24
Kedah	6,791	21.73	6,036	17.92	4,870	15.71
Kelantan	11,688	33.20	11,745	32.42	11,468	31.05
Melaka	4,288	14.61	3,969	13.33	3,027	11.91
Negeri Sembilan	5,835	17.31	5,746	16.76	5,476	15.79
Pahang	5,766	16.97	5,538	16.35	5,014	15.70
Perak	5,251	16.16	4,725	17.23	4,661	16.09
Perlis	1,591	4.67	1,707	4.87	1,747	5.07
Pulau Pinang	3,573	12.20	2,500	8.70	1,775	7.15
Sabah	8,512	31.69	7,226	28.92	6,394	26.34
Sarawak	14,248	34.87	13,396	36.74	12,547	42.09
Selangor	7,113	24.52	6,570	20.75	5,440	18.43
Terengganu	5,612	19.35	5,643	18.12	5,618	16.00
Kuala Lumpur	917	2.91	878	2.89	354	2.15
Labuan	139	0.40	113	0.30	117	0.31
JUMLAH	89,712	277.32	83,570	259.36	75,439	246.03

Sumber: Bahagian Kebajikan Produktif, JKM

Pada pendapat Audit, pengurusan peruntukan bagi Bantuan Kanak-Kanak adalah memuaskan dengan prestasi perbelanjaan sebanyak 100% mengikut keperluan penerima.

12.5.1.2. Kajian Semula Bantuan Lewat Dilaksanakan

- a. Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan – Edisi 2009 menetapkan kajian semula perlu dilaksanakan dalam tempoh dua bulan sebelum tamat tempoh bantuan yang diberikan terdahulu. Kajian semula adalah penting bagi menentukan sama ada bantuan masih sesuai diteruskan atau tidak bagi tempoh 12 bulan berikutnya. Kajian semula dilaksanakan dengan membuat tinjauan ke rumah penerima bantuan atau penerima bantuan dikehendaki menghadirkan diri ke pejabat untuk ditemu duga.
- b. Semakan Audit mendapati kajian semula bagi 276 (76.7%) daripada 360 penerima bantuan dibuat kurang dari tempoh dua bulan sebelum tamat tempoh bantuan semasa. Kajian semula bagi 110 (39.9%) daripada 276 penerima bantuan tersebut itu pula dibuat selepas tamat tempoh bantuan semasa. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.4
KAJIAN SEMULA DIBUAT KURANG DARI TEMPOH DUA BULAN
SEBELUM TAMAT TEMPOH BANTUAN SEMASA

BIL.	PKMD	BILANGAN PENERIMA BANTUAN	
		LEWAT KAJIAN SEMULA (KURANG DARI DUA BULAN SEBELUM TAMAT TEMPOH)	KAJIAN SEMULA SELEPAS TAMAT TEMPOH BANTUAN
Melaka			
1.	Jasin	26	6
Pulau Pinang			
2.	Timur Laut	34	26
3.	Barat Daya	38	6
4.	Seberang Perai Selatan	33	23
5.	Seberang Perai Tengah	29	18
6.	Seberang Perai Utara	16	2
Sabah			
6.	Panampang	30	16
7.	Papar	39	7
8.	Putatan	31	6
Jumlah		276	110

Sumber: Sistem e-Bantuan, JKM

- c. Tempoh kelewatan yang dikenal pasti adalah antara dua hingga 182 hari. Semakan lanjut mendapati, ada kelewatan kajian semula berpunca daripada kelewatan permohonan daripada penerima bantuan. Kesan daripada kelewatan membuat kajian semula, penerima bantuan lewat menerima

bantuan daripada tarikh yang sepatutnya. Contoh kelewatan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.5
KELEWATAN MEMBUAT KAJIAN SEMULA DALAM TEMPOH
DUA BULAN SEBELUM TAMAT TEMPOH BANTUAN**

BIL.	NAMA	TEMPOH KAJIAN SEMULA DIJALANKAN					
		TARIKH KAJIAN SEMULA SEPATUTNYA MULA DIJALANKAN	TARIKH TAMAT BANTUAN SEMASA	TARIKH MOHON	TARIKH KAJIAN SEMULA DIJALANKAN	TARIKH LULUS PERMOHONAN	KELEWATAN KAJIAN SEMULA (Hari)
PKMD JASIN, MELAKA							
1.	Norpiah Binti Baba	01.02.2015	01.04.2015	03.02.2015	03.02.2015	23.04.2015	2
2.	Norazurah Binti Mohamed Noor	01.01.2015	01.03.2015	17.02.2015	17.04.2015	13.01.2015	107
PKMD SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG							
3.	Danesh A/L Ravichandran	01.10.2016	01.12.2016	24.10.2016	24.10.2016	24.10.2016	23
4.	Zulazmilhamsya Bin Zulkifli	01.10.2015	01.12.2015	19.01.2016	19.01.2016	26.01.2016	110
PKMD SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG							
5.	Valarmathi A/P Gopalan	01.08.2015	01.10.2015	03.08.2015	03.08.2015	12.08.2015	2
6.	Lim Ai Kheng	01.01.2016	01.03.2016	22.05.2016	20.06.2016	21.06.2016	170
PKMD BARAT DAYA, PULAU PINANG							
7.	Aishah B Kunji Binti Mohd	01.11.2014	01.01.2015	05.11.2014	05.11.2014	19.01.2015	4
8.	Norisun Binti Saaid	01.11.2014	01.01.2015	04.02.2015	04.02.2015	04.02.2015	95
PKMD TIMUR LAUT, PULAU PINANG							
9.	Salmiah Binti Sidek	01.03.2015	01.05.2015	10.03.2015	03.04.2015	24.04.2015	33
10.	Osman Ali Bin Mydin	01.09.2016	01.11.2016	24.11.2016	24.11.2016	24.11.2016	84
PKMD PANAMPANG, SABAH							
11.	George Gadavai	01.08.2016	01.10.2016	04.07.2016	30.08.2016	30.08.2016	29
12.	Gingkot Bin Ginagu	01.12.2015	01.02.2016	10.03.2016	01.06.2016	02.06.2016	182
PKMD PAPAR, SABAH							
13.	Hartini Binti Mahali	01.03.2015	01.05.2015	17.03.2015	17.03.2015	26.04.2015	16
14.	Raymund @ Lanog Bin Hiang	01.05.2015	01.07.2015	23.07.2015	23.07.2015	24.07.2015	83
PKMD PUTATAN, SABAH							
15.	Salimah Binti Sotoh	01.04.2015	01.06.2015	03.04.2015	10.04.2015	10.04.2015	9
16.	Norhasmira Binti Masaaid	01.06.2016	01.08.2016	24.11.2016	24.11.2016	24.11.2016	176

Sumber: Sistem e-Bantuan, JKM

Maklum Balas JKM yang Diterima Pada 13 Oktober 2017

Antara punca yang dikenal pasti menyebabkan berlaku kelewatan oleh penerima bantuan dalam mengemukakan Borang JKM20 (Borang Kajian Semula Bantuan Kewangan) ialah kerana tiada tindakan susulan dibuat oleh pegawai kes, seperti lawatan ke rumah dan menghubungi klien. Di samping itu, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/pegawai yang diberi

kuasa membuat kelulusan gagal meluluskan kes setelah kajian semula selesai kerana kurang melakukan semakan secara kerap ke atas proses kerja kelulusan dalam Sistem e-Bantuan.

Bagi mengatasi punca kelewatan mengemukakan Borang JKM20, semua PKMD telah mengambil tindakan penambahbaikan seperti:

- i. Surat Makluman Awal kepada klien supaya mengemukakan Borang JKM20. Dalam surat makluman tersebut telah dinyatakan maklumat dan perkara-perkara yang memerlukan tindakan klien seperti tempoh tamat kelulusan bantuan, tarikh temu janji dan senarai semak dokumen sokongan (salinan kad pengenalan Ketua Isi Rumah dan Ahli Isi Rumah yang tinggal bersama/Surat Pengesahan Pendapatan dari Majikan/Salinan Bil Utiliti).*
- ii. Sekiranya dokumen tidak lengkap, auditi akan menghubungi klien melalui telefon atau membuat lawatan ke rumah.*

Semua PKMD yang telah diaudit telah melakukan penambahbaikan kajian semula berdasarkan penemuan audit. Prestasi kajian semula sehingga Oktober 2017 bagi PKMD yang diaudit adalah 100% kecuali PKMD Jasin yang mencapai 99.63%.

Pemantauan melalui Sistem e-Bantuan menunjukkan keseluruhan pencapaian prestasi kajian semula seluruh negara adalah melebihi 99%.

Bahagian Kebajikan Produktif JKM yang menguruskan perkhidmatan bantuan telah mewujudkan sistem pemantauan kajian semula melalui sistem e-Bantuan secara berkala dengan melantik seorang pegawai sebagai pemantau. Laporan kajian semula bagi keseluruhan negeri akan dipaparkan di Laman Utama Sistem e-Bantuan setiap 15 hari bulan berikutnya.

12.5.1.3. Kelulusan Siasatan/Kajian Semula Lewat Dilaksanakan

- a. Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan – Edisi 2009 menetapkan proses siasatan/kajian semula, membuat keputusan dan pembayaran bantuan perlu disempurnakan dalam tempoh tidak melebihi satu bulan dari tarikh permohonan diterima.
- b. Semakan Audit mendapati tempoh masa yang diambil bagi membuat siasatan dan membuat keputusan untuk 173 (48.1%) daripada 360 orang penerima bantuan melebihi tempoh satu bulan dari tarikh permohonan diterima. Tempoh kelewatan yang dikenal pasti adalah antara enam hingga 127 hari. Contoh kelewatan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.6
TEMPOH MASA MEMBUAT KEPUTUSAN MELEBIHI TEMPOH
SATU BULAN DARI TARIKH PERMOHONAN

BIL.	NAMA	TARIKH MOHON	TARIKH AKHIR MEMBUAT KEPUTUSAN		
			SEPATUTNYA	SEBENAR	KELEWATAN (Hari)
PKMD JASIN, MELAKA					
1.	Aziah Binti Amit	16.11.2014	15.12.2014	23.12.2014	8
2.	Jos Bin Ibrahim	25.11.2015	24.12.2015	23.03.2016	90
PKMD SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG					
3.	Kuppusamy A/L Velu	17.03.2015	16.04.2015	23.04.2015	7
4.	Jaslina Binti Mat Yusof	30.03.2016	29.04.2016	23.05.2016	23
PKMD SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG					
5.	Azhar Bin Ali	10.08.2014	09.09.2014	15.09.2014	6
6.	Parameswari A/P Arumugam	03.08.2015	02.09.2015	21.10.2015	49
PKMD BARAT DAYA, PULAU PINANG					
7.	Nora Binti Nordin	15.06.2015	14.07.2015	21.07.2015	8
8.	Aishah B Kunji Binti Mohd	05.11.2014	04.12.2014	19.01.2015	46
PKMD TIMUR LAUT, PULAU PINANG					
9.	Nur Muzdalifah Binti Roslan	30.03.2014	29.04.2014	08.05.2014	9
10.	Mohd Norhisham Bin Ismail	21.12.2015	20.01.2016	09.05.2016	110
PKMD PANAMPANG, SABAH					
11.	Julius Bin Molusi	30.12.2014	29.01.2015	04.02.2015	6
12.	Rosalia Abang	16.01.2014	15.02.2014	16.06.2014	121
PKMD PAPAR, SABAH					
13.	Raymund @ Lanog Bin Hiang	03.06.2014	02.07.2014	10.07.2014	8
14.	Rasimah Binti Abdullah	26.04.2014	25.05.2014	31.07.2014	67
PKMD PUTATAN, SABAH					
15.	Ivy Yong Oi Vui	13.10.2014	12.11.2014	18.11.2014	6
16.	Haslan Bin Latiff	23.10.2015	22.11.2015	28.03.2016	127

Sumber: Sistem e-Bantuan, JKM

Maklum Balas JKM yang Diterima Pada 13 Oktober 2017

Kakitangan JKM yang membuat kerja kes di seluruh Malaysia adalah seramai 3,269 orang berbanding bilangan kes berjumlah 462,198 kes yang aktif dikendalikan pada tahun 2017. Manakala, bilangan kes baru sebanyak 118,274 kes perlu diuruskan. Purata nisbah 1 Pekerja Kes : bilangan kes bantuan yang dikendalikan adalah 1:141 kes.

Tindakan penambahbaikan bagi mengatasi kelewatan meluluskan kes setelah kajian semula selesai turut diambil dengan menyediakan Jadual Penyerahan Penyata Bayaran. Jadual ini merupakan kawalan dalaman dan panduan kepada Pegawai Pelulus/Pegawai Kes bagi kelulusan baru, kajian semula dan masa bayaran bantuan. Tindakan penambahbaikan bagi proses siasatan dan kelulusan adalah seperti berikut:

- i. Mengoptimumkan penggunaan Sistem e-Bantuan sebagai mekanisme pemantauan kes-kes siasatan dan kelulusan permohonan bantuan. Kekerapan menyemak pendaftaran baru kes, kes dalam siasatan, kes selesai siasatan, kes diluluskan dan kes tolak seperti yang dipaparkan di Laman Utama e-Bantuan.*
- ii. Melantik dan melatih Focal Person e-Bantuan di peringkat JKMN. Focal Person ini bertanggungjawab memantau aktiviti pengurusan bantuan di dalam sistem. Bengkel mengoptimumkan kapasiti penggunaan e-Bantuan dan data Profile Cleaning telah diadakan pada bulan Mei 2017 bertujuan untuk meningkatkan kemahiran Focal Person menggunakan sistem e-Bantuan.*
- iii. Melantik seorang pegawai di Bahagian Kebajikan Produktif JKM yang mahir Sistem e-Bantuan sebagai pembimbing Focal Person yang dilantik.*
- iv. Latihan kepada pengguna sistem e-Bantuan melibatkan 116 PKMD. JKM akan mengadakan Bengkel Perancangan Strategik JKM 2018 dan Cadangan Pelan Operasi Latihan JKM 2018 pada bulan Oktober 2017. Cadangan latihan kepada pengguna sistem ini akan dimasukkan ke dalam kalendar Latihan JKM tahun 2018.*

Naziran secara berkala dan berterusan telah dilaksanakan di enam PKMD mulai Januari 2017 hingga Oktober 2017. Hasil naziran mendapati semua PKMD/PKD yang diaudit telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan melaksanakan proses siasatan, kelulusan dan kajian semula mengikut piagam pelanggan yang ditetapkan.

Surat peringatan bil (40) dalam JKM/PW600/04/1 Jld. Bertarikh 1 Ogos 2017 telah dikeluarkan oleh ibu pejabat JKM kepada semua JKMN dan PKMD bagi memastikan tidak lagi berulang kelewatan siasatan, kelulusan bantuan dan kajian semula.

Pada pendapat Audit, pengurusan Bantuan Kanak-Kanak adalah tidak memuaskan kerana kajian semula bantuan dan kelulusan siasatan telah lewat dilaksanakan yang telah menyebabkan kelewatan bayaran kepada penerima bantuan.

12.5.2. Pengurusan Institusi Kanak-Kanak

Pengurusan IKK tertakluk kepada Akta Mahkamah Juvana 1947 [Peraturan-Peraturan Sekolah Diluluskan 1981 (PSD)] dan Akta Kanak-Kanak 2001 [Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Selamat) 2007 (PTS)]. Sehingga 31 Disember 2016, kapasiti kanak-kanak bagi 11 RKK adalah seramai 1,310 orang, lapan STB berkapasiti menempatkan 1,200 kanak-kanak dan empat TSP untuk kapasiti 430 kanak-kanak.

Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, bilangan kanak-kanak di tiga IKK adalah antara 2,227 hingga 2,339 orang. Secara purata, bilangan kanak-kanak yang ditempatkan di 11 RKK adalah 1,077 orang setahun iaitu 82.2% daripada kapasiti. Purata bilangan kanak-kanak yang ditempatkan di STB dan TSP pula masing-masing adalah 1,075 (89.6%) orang dan 138 (32.1%) orang. Perincian bilangan kanak-kanak di setiap IKK mengikut jantina adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.7
BILANGAN KANAK-KANAK YANG DITEMPATKAN DI IKK MENGIKUT JANTINA
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN/ INSTITUSI	KAPASITI (Orang)	2014			2015			2016		
		L	P	Jumlah	L	P	Jumlah	L	P	Jumlah
RKK	1,310	435	644	1,079	541	570	1,111	456	587	1,043
STB	1,200	788	314	1,102	706	365	1,071	740	313	1,053
TSP	430	-	158	158	-	125	125	-	131	131
JUMLAH	2,940	1,223	1,116	2,339	1,247	1,060	2,307	1,196	1,031	2,227

Sumber: Bahagian Kanak-Kanak, JKM


12.5.2.1. Kebersihan dan Keceriaan Institusi Kanak-Kanak

- a. Kawasan persekitaran IKK yang bersih dan ceria adalah penting dalam proses perkembangan kanak-kanak. Peraturan 56(1) PTS menyatakan premis, perabot, aksesori kelengkapan, barang mainan dan apa-apa barangan yang boleh diakses oleh kanak-kanak hendaklah disenggara supaya selamat, bersih, dan boleh digunakan.
- b. Lawatan Audit ke sembilan daripada sepuluh institusi mendapati tahap kebersihan dan keceriaan premis terutamanya di bilik asrama, tandas, kelas pengajian, surau, dapur dan dewan makan adalah baik kecuali kebersihan tandas di RKK Kota Kinabalu adalah kurang memuaskan. Keadaan mangkuk tandas didapati kotor dan kekuningan. Selain itu, pihak Audit turut menemui longgokan baju yang telah lama ditinggalkan sehingga mengakibatkan bau busuk dan berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 12.1



GAMBAR 12.2



STB Sg. Lereh, Melaka
- Keadaan Bilik Asrama dan Tandas yang Sangat Memuaskan
(06.10.2016)

GAMBAR 12.3



RKK Kota Kinabalu, Sabah
- Kebersihan Tandas Asrama Kanak-Kanak
Lelaki Tidak Memuaskan
(18.10.2016)

GAMBAR 12.4



RKK Kota Kinabalu, Sabah
- Telah Dibersihkan
(21.07.2017)
(Sumber: JKM)

GAMBAR 12.5



RKK Kota Kinabalu, Sabah
- Kebersihan Tandas Asrama Kanak-Kanak
Lelaki Tidak Memuaskan
(18.10.2016)

GAMBAR 12.6



RKK Kota Kinabalu, Sabah
- Telah Dibersihkan
(21.07.2017)
(Sumber: JKM)

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, tahap kebersihan dan keceriaan premis di IKK adalah baik dan mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada kanak-kanak yang menggunakannya.

12.5.2.2. Pengurusan Catuan Makanan di Institusi Kanak-Kanak

Peraturan 57(1) PTS dan Peraturan 56(1) PSD menetapkan setiap kanak-kanak hendaklah diberikan makanan yang mencukupi dan berubah-ubah berdasarkan suatu skala diet yang disyorkan oleh pakar diet dan diluluskan oleh Ketua Pengarah. Lawatan Audit ke sepuluh IKK mendapati perkara berikut:

a. Kelulusan dan Pematuhan Kepada Menu Sajian Makanan

Semakan Audit mendapati bagi sepuluh IKK yang dilawati, menu sajian makanan telah disediakan oleh pihak IKK berkenaan dan disemak oleh pegawai dietari dari hospital berhampiran serta diluluskan oleh Pengarah Bahagian Kanak-Kanak bagi setiap enam bulan kecuali RKK Kota Kinabalu. Lawatan Audit ke RKK Kota Kinabalu pada 18 Oktober 2016 mendapati menu sajian makanan bagi tempoh bulan Jun hingga Disember 2016 masih belum dikemukakan untuk semakan pegawai dietari dan kelulusan Pengarah Bahagian Kanak-Kanak. Selain itu, sajian makanan pada hari berkenaan

adalah nasi berlauk ikan iaitu berbeza dengan menu yang sepatutnya disediakan iaitu nasi berlauk daging. Pihak Audit dimaklumkan, walaupun menu pada hari tersebut berbeza tetapi ia tidak menjejaskan harga bekalan kerana bayaran dibuat berdasarkan bahan yang dibekalkan.

b. Pengurusan Kontrak Catuan Makanan

- i. Terdapat dua kontrak catuan makanan di IKK iaitu bekalan daging bersih (ayam) dan bekalan makanan mentah basah dan kering. Perolehan daging bersih (ayam) dibuat secara rundingan terus dengan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) pada kadar RM8.85/kg. Perolehan pembekalan catuan makanan mentah basah dan kering pula diuruskan oleh JKM Negeri secara tender bagi tempoh kontrak selama dua tahun. Pesanan bahan mentah dibuat menggunakan Borang Pesanan Bekalan Catuan @ Inden dua hari sebelum bahan mentah perlu dibekalkan. Inden berkenaan ditandatangani oleh pihak IKK dan pembekal sebagai bukti penyempurnaan perkhidmatan.
- ii. Semakan Audit terhadap sepuluh IKK mendapati pemantauan pihak IKK terhadap prestasi pembekal dalam mematuhi jadual pembekalan dan kualiti bahan adalah baik. Berdasarkan sampel borang Pesanan Bekalan Catuan, didapati bekalan diterima pada tarikh sepatutnya tanpa sebarang kelewatan. Bayaran yang dibuat oleh pihak IKK juga telah mematuhi kadar harga kontrak. Stok bahan mentah yang diterima telah disimpan secara teratur dan kemas dalam stor seperti gambar berikut:

GAMBAR 12.7



RKK Kepala Batas, Pulau Pinang
- Stor Simpanan Bahan Mentah Kering
(11.11.2016)

GAMBAR 12.8



TSP Cheras, Kuala Lumpur
- Stor Simpanan Bahan Mentah Kering
(21.11.2016)

c. Penyediaan Makanan di Institusi Kanak-Kanak

Setiap IKK yang dilawati mempunyai dewan makan dan ruang penyediaan makanan yang bersih dan selesa. Ruang penyediaan makanan dilengkapi dengan kelengkapan memasak, *freezer* dan juga stor bahan mentah. Sajian makanan disediakan oleh tukang masak yang bekerja secara *shift*. Lawatan Audit mendapati kerja penyediaan makanan di STB Sg. Besi turut dibantu oleh sekumpulan 11 orang pelatih yang akan tamat tempoh tahanan.

Tindakan ini adalah sebahagian daripada usaha pihak STB Sg. Besi untuk memastikan pelatih berkenaan mampu berdikari setelah dibebaskan kelak. Bagi mengelakkan berlakunya kes keracunan makanan, kumpulan pelatih ini telah mendapatkan suntikan imunisasi *tifoid* sebelum terlibat dalam pengendalian makanan. Selain itu, bagi memberi peluang kepada pelatih untuk menikmati sajian makanan dari luar institusi, pihak STB Kota Kinabalu telah mengambil inisiatif dengan mendapatkan tajaan makanan sekali dalam sebulan daripada restoran berhampiran.

Maklum Balas JKM yang Diterima Pada 13 Oktober 2017

Bahagian Kanak-Kanak akan sentiasa memastikan pengurusan catuan makan merangkumi penyediaan skala diet yang seimbang, pengurusan kontrak pembekalan makanan dan proses penyediaan makanan di Institusi kanak-kanak diuruskan dengan baik. Bahagian Kanak-Kanak telah menyediakan senarai semak pengurusan kewangan dan pengurusan institusi serta melantik pegawai untuk menjalankan naziran ke semua Institusi Kanak-kanak demi kepentingan dan kebajikan kanak-kanak terjamin.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan, pengurusan catuan makan di IKK merangkumi penyediaan skala diet yang seimbang, pengurusan kontrak pembekalan catuan makanan dan proses penyediaan sajian makanan adalah baik.

12.5.2.3. Pengurusan Kawalan Keselamatan di Institusi Kanak-Kanak

Kawalan keselamatan di IKK meliputi aspek latihan kebakaran dan perkhidmatan kawalan keselamatan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Latihan Kebakaran Tidak Dilaksanakan

- i. Peraturan 27(a), PTS menetapkan kepada Pengetua untuk mengadakan latihan kebakaran sekurang-kurangnya dua kali setahun dan memastikan bahawa alat pemadam api disediakan di tempat bersesuaian, disimpan dengan teratur dan siap sedia untuk digunakan.
- ii. Semakan Audit terhadap alat pemadam api di sepuluh IKK yang dilawati mendapati alat pemadam api telah diletakkan di kawasan-kawasan yang berisiko, berada dalam keadaan sedia digunakan dan telah diselenggara mengikut jadual. Bagaimanapun, temu bual bersama kanak-kanak di IKK mendapati tiada pendedahan diberikan kepada mereka untuk menggunakan alat pemadam api sekiranya berlaku kebakaran. Semakan lanjut juga mendapati tiada rekod disimpan sebagai bukti latihan kebakaran ada dilaksanakan di setiap institusi.

Maklum Balas JKM yang Diterima Pada 13 Oktober 2017

Bahagian Kanak-Kanak telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua IKK agar mewujudkan Jawatankuasa, fail dan sudut keselamatan serta melaksanakan latihan kebakaran sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun selaras dengan Seksyen 27, Peraturan Tempat Selamat (PTS), Seksyen 30 Peraturan Sekolah Diluluskan (PSD), Seksyen 13 Peraturan Asrama Akhlak (PAA) dan Seksyen 26 Kaedah Perlindungan Wanita dan Gadis (KPWG). Kesemua IKK kecuali STB Sungai Lereh telah menjalankan latihan kebakaran dan pengungsian bangunan yang melibatkan penghuni dan kakitangan. IKK juga telah mewujudkan Daftar Rekod Latihan Kebakaran sebagai bukti latihan kebakaran telah dilaksanakan.

Untuk tahun 2017, semua Institusi Kanak-Kanak telah melaksanakan Program Kesedaran Kebakaran dan Latihan Kebakaran serta Pengungsian Bangunan Fasa Pertama.

b. Prestasi Kawalan Keselamatan

- i. Setiap IKK mempunyai perjawatan untuk pengawal keselamatan. JKM juga melantik syarikat kawalan keselamatan swasta bagi memastikan keselamatan kanak-kanak dan pelatih lebih terjamin. Pelantikan syarikat kawalan keselamatan swasta dilaksanakan secara sebut harga oleh JKM Negeri bagi tempoh dua tahun.
- ii. Berdasarkan spesifikasi kerja yang ditetapkan, syarikat hendaklah menyediakan enam orang anggota pengawal keselamatan. Kawalan adalah selama 24 jam setiap hari termasuk cuti am. Waktu kawalan adalah selama 12 jam bagi syif pertama iaitu dari 7.00 pagi hingga 7.00 malam dan syif kedua dari 7.00 malam hingga 7.00 pagi. Setiap syif memerlukan tiga orang pengawal untuk bertugas. Syarikat bertanggungjawab membayar gaji pengawal keselamatan tersebut.
- iii. Di RKK Kota Kinabalu, syarat kontrak kawalan keselamatan swasta menetapkan syarikat tidak dibenarkan mengamalkan kerja lebih masa kepada pengawal tetapi jika timbul keadaan kecemasan yang tidak boleh dielakkan, syarikat boleh meminta seseorang anggota pengawal untuk membuat kerja tambahan (lebih masa) dengan syarat kerja tambahan itu tidak lebih daripada empat jam sehari dan syarikat hendaklah terlebih dahulu mendapatkan persetujuan pihak Pengetua RKK secara bertulis.
- iv. Semakan Audit mendapati syarikat telah melantik enam orang pengawal keselamatan bertugas di RKK Kota Kinabalu. Berdasarkan rekod kehadiran pengawal keselamatan swasta di RKK Kota Kinabalu bagi bulan Ogos 2016, didapati satu hingga tiga orang pengawal keselamatan

swasta telah bekerja selama 24 jam sehari pada hari-hari tertentu. Tiada bukti menunjukkan kebenaran Pengetua ada diberikan dan tiada potongan bayaran dibuat ke atas syarikat yang dilantik bagi ketidakpatuhan syarat kontrak berkenaan. Semakan lanjut mendapati pengawal keselamatan berkenaan terpaksa membuat kerja lebih masa melebihi empat jam kerana pengawal yang sepatutnya bertugas bercuti. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.8
PENGAWAL KESELAMATAN SWASTA BEKERJA UNTUK TEMPOH 24 JAM**

BIL.	PENGAWAL KESELAMATAN	TARIKH BEKERJA UNTUK 24 JAM					
		02.08.16 (Selasa)	07.08.16 (Ahad)	08.08.16 (Isnin)	14.08.16 (Ahad)	21.08.16 (Ahad)	28.08.16 (Ahad)
1.	Mohd Syahmi Syazwan Bin Dzulkifli	-	/	-	X	/	X
2.	Mohd Faizal Bin Zulkifli	-	/	-	X	/	X
3.	Mohd Hafiz Bin Salim	/	/	-	X	/	X
4.	Saidi Bin Ahmad	-	X	-	/	X	/
5.	Razali Bin Ahmad	-	X	/	/	X	/
6.	Mohd Sufian Bin Mali	X	X	X	/	X	/

Sumber: **Baucar Bayaran RKK Kota Kinabalu, Sabah**

Nota: **(/)** - Kerja 24 Jam

(X) - Cuti

(-) - Waktu Bekerja Biasa

- v. Ini menunjukkan pemantauan ke atas pengawal keselamatan swasta ini tidak dilaksanakan. Sekiranya amalan pengawal keselamatan bekerja sehingga 24 jam sehari tidak dipantau, dikhuatiri ia akan menjejaskan perkhidmatan kawalan keselamatan yang diberi.

Maklum Balas JKM yang Diterima Pada 13 Oktober 2017

KPWKM telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman untuk menyasiat aspek Prestasi Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta. Laporan dijangka siap pada bulan November 2017.

RKK Kota Kinabalu sentiasa memantau prestasi Syarikat Kawalan Keselamatan terutamanya berkaitan rekod kehadiran Pengawal Keselamatan swasta yang melibatkan tempoh bertugas sebenar Pengawal Keselamatan bertugas serta kekerapan rondaan dijalankan bagi memastikan tahap keselamatan kanak-kanak terjamin.

Pembekal perkhidmatan Kawalan Keselamatan Swasta telah merayu agar tidak dibuat pemotongan ke atas kesalahan Pengawal Keselamatan yang berkerja melebihi 12 jam tanpa kelulusan Pengetua RKK Kota Kinabalu terlebih dahulu. Bagaimanapun berdasarkan semakan PUU KPWK, rayuan tersebut tidak wajar dipertimbangkan. Surat arahan telah dikeluarkan oleh RKK Kota Kinabalu kepada syarikat pembekal

perkhidmatan kawalan keselamatan swasta pada 9 Oktober 2017 memaklumkan keputusan rayuan dan memohon untuk membayar balik bayaran kerja lebih masa pengawal keselamatan sebanyak RM967.35.

Pada pendapat Audit, pengurusan kawalan keselamatan di IKK adalah tidak memuaskan kerana kanak-kanak tidak diberi pendedahan tindakan yang sepatutnya diambil sekiranya berlaku kebakaran. Selain itu, prestasi kawalan keselamatan juga tidak memuaskan kerana tiada pemantauan terhadap prestasi syarikat kawalan keselamatan swasta menyebabkan pelanggaran kepada syarat kontrak.

12.5.2.4. Program Pendidikan Kepada Kanak-Kanak di Institusi


- a. Peraturan 59 PTS dan Peraturan 60(1) PSD menetapkan Pengetua bertanggungjawab menyediakan aktiviti, program dan latihan untuk memulih dan menyokong perkembangan menyeluruh kanak-kanak. Pengetua hendaklah mengadakan suatu program yang sesuai bagi kanak-kanak pra sekolah, manakala kanak-kanak yang mencapai umur persekolahan hendaklah menghadiri suatu sekolah yang diiktiraf di luar IKK dan Pengetua hendaklah mengadakan apa-apa kemudahan sokongan bagi membantu persekolahan kanak-kanak itu termasuk kelas pemulihan, pengangkutan, kemudahan persekolahan, tuisyen serta bimbingan dan kaunseling. Selain itu, Pengetua juga hendaklah mengadakan latihan teknikal, vokasional atau kemahiran kepada kanak-kanak yang memerlukan pendidikan itu.
- b. Semakan Audit mendapati JKM telah memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang pendidikan yang sama dengan kanak-kanak di luar institusi. Kanak-kanak di RKK mendapat pendidikan awal melalui perkhidmatan taska dan seterusnya mengikuti arus pendidikan perdana di sekolah-sekolah berhampiran. Manakala bagi pelatih-pelatih di STB dan TSP, JKM menyediakan peluang pendidikan vokasional dalam pelbagai bidang kemahiran seperti automatif, jahitan dan teknologi maklumat. Lawatan Audit ke sepuluh IKK mendapati perkara berikut:

i. Perkhidmatan Taska

Perkhidmatan taska di RKK Kota Kinabalu dan RKK Tengku Budriah, Cheras dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan IKK iaitu Pembantu Kebajikan Masyarakat dan Pembantu Perawatan Kesihatan. Bagaimanapun, di RKK Taman Bakti, Kepala Batas, JKM telah memperkenalkan projek perintis taska transit bagi kanak-kanak berusia di bawah tujuh tahun. Taska transit adalah taska yang beroperasi dalam kawasan IKK dan diuruskan oleh pengusaha taska swasta menggunakan modul pengajaran yang diluluskan JKM. Waktu operasi taska transit

adalah hari Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Taska transit diperkenalkan bagi memastikan aktiviti perkembangan minda dan kendiri kanak-kanak lebih teratur dengan jagaan dan bimbingan daripada pengusaha taska yang berpengalaman dan berpengetahuan. Di samping itu, pengenalan taska transit juga dapat mengurangkan beban tugas kakitangan yang bekerja secara *shift*. Berdasarkan maklum balas Pengetua RKK Taman Bakti, Kepala Batas didapati kanak-kanak yang mengikuti taska transit menunjukkan perubahan yang ketara dari aspek kelakuan yang lebih terkawal, peningkatan keyakinan diri apabila berinteraksi dengan orang luar dan juga lebih mahir menguasai kemahiran asas seperti menulis dan membaca. Keadaan persekitaran dan kelengkapan taska transit adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 12.9



GAMBAR 12.10



**RKK Taman Bakti, Kepala Batas, Pulau Pinang
- Suasana dan Kelengkapan Taska Transit
(11.11.2016)**

ii. Sekolah Aliran Arus Perdana

- Lawatan Audit ke Rumah Budak Laki-Laki (RBL) Tun Abdul Aziz, Durian Daun; RKK Kota Kinabalu; RKK Taman Bakti, Kepala Batas; dan RKK Tengku Budriah, Cheras mendapati kanak-kanak yang berumur antara tujuh hingga 17 tahun mengikuti pendidikan arus perdana di sekolah-sekolah berhampiran dengan IKK. Pencapaian kanak-kanak ini dipantau melalui perbincangan secara berkala antara Pengetua dan kakitangan IKK bersama guru-guru di sekolah. Pada masa yang sama, bagi kanak-kanak yang menduduki peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM, pihak IKK dengan inisiatif Lembaga Pelawat (badan bebas yang mengawal selia IKK) akan menyediakan kelas-kelas tuisyen bagi membantu kanak-kanak mengulangkaji pelajaran, membuat latih tubi dan menyelesaikan tugas yang dibekalkan oleh pihak sekolah. Berdasarkan maklumat yang diberi, pencapaian akademik kanak-kanak yang mengambil peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM adalah pada tahap sederhana dan baik. Di RKK Kota Kinabalu, pencapaian kanak-kanak yang mengambil SPM adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.9
PENCAPAIAN SPM DI RKK KOTA KINABALU**

PEPERIKSAAN SPM	BILANGAN CALON	PRESTASI BAIK	PENCAPAIAN
2013	4	2	7A, 2B, 2C 7A, 2C
2014	5	2	7A, 2B, 1D 3A, 3B, 2C, 2D
2015	4	2	6A, 2B, 1C 3A, 5B, 1C

Sumber: RKK Kota Kinabalu

- Bagaimanapun, terdapat juga kanak-kanak yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan di sekolah arus perdana berikutan masalah dokumentasi pengenalan diri dan status kewarganegaraan. Namun begitu, pihak IKK ada menyediakan kelas alternatif seperti kelas kafa dengan kerjasama Jabatan Agama Islam serta kelas tahfiz dengan kerjasama daripada Lembaga Pelawat serta kelas kemahiran hidup.

iii. Latihan Vokasional

Pelatih-pelatih di STB dan TSP turut diberi peluang pendidikan berbentuk kemahiran. JKM dengan kerjasama GIATMARA Malaysia telah menyediakan kursus dalam beberapa bidang kemahiran seperti kimpalan, automotif, salon, komputer/teknologi maklumat dan jahitan. Pelatih-pelatih yang terpilih turut berpeluang untuk mendapat pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) setelah tamat mengikuti modul-modul yang disediakan oleh GIATMARA Malaysia. Sebagai contoh di STB Telok Air Tawar, bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, seramai 98 pelatih telah dianugerahkan SKM iaitu Kursus Asas Teknologi Sistem Komputer (34 pelatih), Kursus Asas Teknologi Kimpalan & Fabrikasi Logam (11), Kursus Asas Senireka Gaya Rambut (3) dan Kursus Asas Teknologi Automotif (50). Berikut adalah gambar pelatih-pelatih yang sedang menghadiri sesi latihan / bengkel vokasional:

GAMBAR 12.11



**Bengkel Jahitan
STB Sg. Lereh, Melaka
(06.10.2016)**

GAMBAR 12.12



**Bengkel Automotif
STB Sg. Besi, Kuala Lumpur
(24.11.2016)**

Pada pendapat Audit, kanak-kanak di IKK telah diberi program pendidikan yang bersesuaian dengan kanak-kanak tersebut dan pelaksanaannya adalah baik.

12.5.2.5. Pengurusan Pemberian Wang Saku Kepada Kanak-Kanak

- a. Peraturan 44 PTS dan Peraturan 44 PSD menyatakan kanak-kanak boleh diberi wang saku mingguan pada apa-apa kadar dan atas apa-apa syarat sebagaimana yang diluluskan. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah meluluskan kadar wang saku sebanyak RM3 sehari kepada kanak-kanak yang bersekolah manakala RM1 sehari kepada kanak-kanak yang tidak bersekolah. Status kanak-kanak bersekolah telah diperincikan oleh Bahagian Kanak-Kanak iaitu kanak-kanak yang bersekolah di sekolah rendah dan menengah di luar IKK; kanak-kanak yang bersekolah di dalam IKK dan kanak-kanak yang mengikuti latihan vokasional. Setiap kanak-kanak mempunyai akaun bank dan wang saku dikreditkan ke akaun bank masing-masing. Pengeluaran wang dari bank adalah berdasarkan keperluan. Bagaimanapun, bagi kanak-kanak yang menghadapi masalah dokumentasi pengenalan diri dan status warganegara yang menjadi halangan untuk membuka akaun bank, wang saku bagi kanak-kanak berkenaan disimpan oleh Pengetua dan rekod wang saku bagi setiap individu diselenggara dengan sewajarnya.
- b. Semakan Audit mendapati pengurusan pemberian wang saku kepada kanak-kanak di lapan daripada sepuluh IKK yang dilawati adalah teratur dari aspek penyelenggaraan rekod individu, kemasukan wang ke bank dan juga penyimpanan tunai di tangan. Bagaimanapun, RKK Kota Kinabalu dan STB Telok Air Tawar didapati tidak menyelenggara rekod individu dengan lengkap dan kemas kini menyebabkan amaun tunai yang disimpan bagi setiap kanak-kanak tidak dapat dikenal pasti dengan tepat.
- c. Pihak Audit turut mendapati kadar pemberian wang saku di RBL Tun Abdul Aziz dan STB Telok Air Tawar tidak mematuhi kadar yang diluluskan. RBL Tun Abdul Aziz memberi wang saku kepada kanak-kanak pada satu kadar iaitu RM3 tanpa mengambil kira sama ada kanak-kanak berkenaan bersekolah atau tidak. Manakala, STB Telok Air Tawar pula memberi wang saku pada kadar RM3 pada hari bersekolah dan RM1 pada hari cuti.
- d. Selain itu, pihak Audit mendapati tiada penetapan dibuat oleh JKM dalam mengendalikan simpanan tunai di tangan bagi kanak-kanak yang tiada akaun bank. Simpanan tunai di STB Kota Kinabalu, TSP Cheras dan RKK Taman Bakti adalah tinggi iaitu antara RM6,600 hingga RM15,000. Wang tunai tersebut disimpan di dalam peti besi di bilik pengetua. Amaun tunai berkenaan akan bertambah dari semasa ke semasa dan terdedah kepada risiko kecurian atau kehilangan.

Maklum Balas JKM yang Diterima Pada 13 Oktober 2017

STB Telok Air Tawar sedang menunggu kelulusan Ketua Pengarah Kebajikan Malaysia dan Kementerian Kewangan bagi menggunakan peruntukan tahun semasa untuk membayar wang saku penghuni yang terkurang bayar. Surat permohonan telah dikemukakan kepada JKM pada 18 Ogos 2017.

RBL Tuan Abdul Aziz masih belum membuat pelarasan bayaran bagi penghuni yang terlebih bayar. Bagi mengatasi isu simpanan tunai di tangan bagi kanak-kanak yang tidak boleh membuka akaun bank disebabkan kanak-kanak tersebut masih belum mempunyai dokumen pengenalan diri, Pengurusan AGRO Bank dalam taklimat yang dianjurkan oleh JKM pada 12 September 2017 menyatakan persetujuan mereka untuk membuka akaun bagi kanak-kanak dan penghuni Institusi JKM yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Apa yang diperlukan adalah Salinan Perintah Mahkamah serta surat permohonan daripada JKM. Bagi kanak-kanak akaun akan dibuka secara akaun bersama dengan Ketua Institusi. Sekiranya persetujuan ini dilaksanakan semua penghuni institusi kebajikan akan mempunyai akaun bank masing-masing dan ini boleh mengelakkan risiko kecurian dan kehilangan wang saku penghuni.

Pada pendapat Audit, pengurusan wang saku di IKK adalah tidak memuaskan dari aspek simpanan wang tunai di tangan yang besar yang boleh memberi risiko kepada kecurian dan kehilangan.

12.5.2.6. Pemeriksaan Kesihatan Kanak-Kanak

- a. Setiap kanak-kanak hendaklah menjalani segala pemeriksaan dan rawatan perubatan dan pergigian yang ditetapkan bagi kesihatan dan kebajikannya. Peraturan 31 PTS dan Peraturan 21 PSD menetapkan pemeriksaan perubatan dan pergigian yang rapi hendaklah dilaksanakan semasa kemasukan kanak-kanak, secara berkala selepas kemasukan berdasarkan keperluan dan tahap perkembangan kanak-kanak serta sebelum kanak-kanak meninggalkan IKK.
- b. Semakan Audit terhadap fail peribadi kanak-kanak di sepuluh IKK mendapati pemeriksaan kesihatan hanya dilaksanakan semasa kemasukan kanak-kanak ke IKK dan sebelum tamat tempoh tahanan. Bagaimanapun tiada perancangan tahunan dibuat oleh IKK untuk pemeriksaan kesihatan secara berjadual/berkala seperti pemeriksaan gigi dan ujian darah. Kanak-kanak yang menghadapi masalah kesihatan akan mendapat rawatan awal di bilik rawatan IKK atau di bawa terus ke klinik/hospital berhampiran. Keadaan ini menyebabkan tindakan pencegahan terhadap penyakit berbahaya/berjangkit tidak dapat diambil dengan segera.

- c. Lawatan Audit di empat RKK dan dua TSP mendapati urusan kesihatan kanak-kanak dipantau oleh Jururawat Masyarakat dan Pembantu Perawatan Kesihatan yang bertugas di setiap institusi. Mereka akan memantau rekod kesihatan kanak-kanak dan membuat susulan terhadap temu janji perubatan kanak-kanak di klinik/hospital yang berhampiran. Semakan Audit terhadap stok ubat-ubatan di bilik rawatan mendapati ubat-ubatan disimpan di tempat yang selamat dan sukar dicapai oleh kanak-kanak, berada dalam suhu yang bersesuaian dan masih belum tamat tempoh seperti gambar berikut:

GAMBAR 12.13



RKK Taman Bakti
- Ubat yang Sedang Digunakan
Disimpan Dalam Peti Sejuk
(11.11.2016)

GAMBAR 12.14



RKK Cheras, Kuala Lumpur
- Ubat yang Belum Diguna Disimpan
Dengan Teratur di Dalam Almari
(23.11.2016)

Maklum Balas JKM yang Diterima Pada 13 Oktober 2017

Takwim tahunan IKK yang melibatkan pemeriksaan kesihatan kanak-kanak telah dikeluarkan untuk tahun 2017. Bahagian Kanak-Kanak telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua Ketua IKK agar pemeriksaan kesihatan berkala kepada semua penghuni dilaksanakan.

Institusi Kanak-Kanak telah mengambil tindakan untuk melaksanakan pemeriksaan kesihatan, surat permohonan untuk menjalankan ujian darah bagi kanak-kanak di RKK Taman Bakti, RKK Tengku Budriah Cheras, RBL Tun Abdul Aziz dan STB Kota Kinabalu telah dihantar ke Pejabat Kesihatan Daerah masing-masing pada bulan September 2017. STB Telok Air Tawar dan STB Sungai Lereh juga telah menghantar permohonan untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan dan ujian darah ke Pejabat Kesihatan Daerah pada bulan Oktober 2017. Manakala ujian darah telah dijalankan di RKK Kota Kinabalu, TSP Cheras dan TSP Kota Kinabalu.

Pada pendapat Audit, pengurusan kesihatan kanak-kanak di IKK adalah tidak memuaskan dari aspek perancangan dan pelaksanaan pemeriksaan kesihatan secara menyeluruh dan berjadual/berkala.

12.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi kecekapan pengagihan Bantuan Kanak-Kanak, pengurusan Rumah Kanak-Kanak, Sekolah Tunas Bakti dan Taman Seri Puteri adalah disyorkan supaya JKM mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

12.6.1. melaksanakan semakan secara menyeluruh di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri/Daerah bagi memastikan kajian semula bantuan dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan;

12.6.2. pemeriksaan dan pemantauan rapi terhadap rekod kehadiran pengawal keselamatan syarikat swasta terutamanya dari aspek tempoh bertugas, bilangan sebenar pengawal keselamatan yang bertugas dan kekerapan sebenar rondaan dibuat bagi memastikan tahap keselamatan kanak-kanak dan pelatih sentiasa terjamin; dan

12.6.3. program pemeriksaan kesihatan secara berjadual meliputi ujian air kencing dan ujian darah perlu dirancang sekurang-kurangnya setahun sekali bagi memastikan tahap kesihatan kanak-kanak dan pelatih sentiasa dalam keadaan baik.

13. PEMBINAAN INFRASTRUKTUR BAGI PESAWAT HELIKOPTER EC725 DI PANGKALAN UDARA TUDM KUANTAN, PAHANG

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. Kementerian Pertahanan Malaysia (Kementerian) telah merancang projek pembinaan infrastruktur dan hangar bagi Pesawat EC725 sejak tahun 2010 serentak dengan perancangan pembelian Pesawat EC725 bagi tujuan pengoperasian, penyenggaraan dan penempatan pesawat tersebut. Sebanyak 12 buah pesawat bernilai RM1.43 billion telah diterima secara berperingkat bermula pada bulan Disember 2012 hingga Mei 2014. Lapan buah pesawat telah ditempatkan di Pangkalan Udara (PU) TUDM Kuantan manakala empat buah pesawat lagi di PU TUDM Labuan.

13.1.2. Projek ini dilaksanakan melalui tender terbuka secara reka dan bina. Tawaran tender dibuka pada 31 Mac 2011 dan ditutup pada 6 Jun 2011. Syarikat yang berjaya mendapat tawaran tender adalah Bella Builders Sdn. Bhd. (BBSB) dengan nilai kontrak berjumlah RM108.89 juta (nilai kontrak selepas pelarasan harga RM127.29 juta). Tempoh kontrak bermula pada 11 Oktober 2011 hingga 11 Mac 2013 bagi penyiapan separa dan 14 Ogos 2013 bagi penyiapan penuh. Selepas lanjutan masa diluluskan, tarikh penyiapan separa adalah pada 22 Mei 2014 dan penyiapan penuh pada 31 Januari 2014. Jabatan Kerja Raya (JKR) Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) dilantik sebagai Agensi Pelaksana Projek. Lokasi projek infrastruktur ini dalam kawasan PU TUDM Kuantan. Projek ini gagal disiapkan dan ditamatkan pada 8 Disember 2016. Butiran kontrak dan lokasi projek adalah seperti jadual dan gambar rajah berikut:

**JADUAL 13.1
MAKLUMAT KONTRAK**

BUTIRAN	KONTRAK
Kontraktor	Bella Builders Sdn. Bhd.
Harga Kontrak	RM108.89 juta
Pengarah Projek	Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP)
Wakil Pengarah Projek (Utama)	Pengurus Besar Kanan Pembinaan, CKIP
Kaedah Pelantikan	Tender Terbuka
Kaedah Pelaksanaan	Reka dan Bina
Tarikh Surat Setuju Terima	11 Oktober 2011
Tarikh Milik Tapak	25 Oktober 2011
Kontrak Ditandatangani	10 Februari 2012

BUTIRAN	KONTRAK	
	BAHAGIAN I (PENYIAPAN SEPARA)	BAHAGIAN II (PENYIAPAN PENUH)
Skop Kerja	<ul style="list-style-type: none"> • Hangar • Apron dan <i>Taxiway</i> • Sekolah Sistem • <i>Wash Area</i>, Rumah Sampah, Bangunan <i>Petrol Oil Lubricant (POL)</i>, GSE Shed/Garaj, SAR <i>Aircraft Shelter</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Wisma Perwira, Bintara dan Ahli Udara • Markas Pangkalan Udara • Kompleks Bomba • Stor MATRA
Tarikh Siap Asal Projek	11 Mac 2013	14 Ogos 2013
Tarikh Siap Selepas EOT	22 Mei 2014	31 Januari 2014
Kadar LAD yang dikenakan	RM11,388 sehari	RM8,648 sehari
Notis Penamatan	8 Disember 2016	

Sumber: Jabatan Kerja Raya

**GAMBAR RAJAH 13.1
LOKASI PROJEK**



Sumber: Jabatan Kerja Raya

13.1.3. Skop projek dan tujuan pembinaan infrastruktur adalah seperti berikut:

- i. Hangar bagi menempatkan lapan buah Pesawat EC725 dan menyediakan kelengkapan bagi kerja penyenggaraan pesawat;
- ii. *Search and Rescue (SAR) Aircraft Shelter* untuk keselesaan kakitangan *standby*;
- iii. Wisma Perwira, Bintara dan Ahli Udara bagi keperluan penempatan skuadron;
- iv. Sekolah Sistem adalah untuk latihan juruteknik pesawat serta menempatkan pasukan SAR;
- v. Markas Pangkalan Udara sebagai pejabat pentadbiran bagi Pegawai Pemerintah;

- vi. Stor MATRA untuk penyimpanan peralatan dan keperluan pesawat; dan
- vii. Kompleks Bomba bagi menempatkan kenderaan bomba, kemudahan pusat latihan dan keperluan bomba tentera udara.

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembinaan Infrastruktur Bagi Pesawat Helikopter EC725 di PU TUDM Kuantan telah diuruskan dengan cekap dan berhemat bagi mencapai objektif pembinaan.

13.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi tujuh bidang utama (key area) iaitu prestasi projek (fizikal, kewangan dan pencapaian outcome), pelantikan kontraktor, pentadbiran kontrak, kualiti kerja pembinaan dan pemasangan peralatan, penyimpanan peralatan, implikasi terhadap pengoperasian dan penyenggaraan serta pemantauan projek. Penyemakan dokumen telah dijalankan di CKIP, JKR serta Bahagian Pembangunan (Unit Udara, Unit Teknikal, Unit Tanah dan Unit Pengurusan Kewangan), Kementerian dan Tim Projek Infrastruktur PU TUDM Kuantan. Pengauditan meliputi tempoh tahun 2011 sehingga 2017.

13.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen, testimoni melalui temu bual, analisis terhadap data, pemeriksaan fizikal terhadap projek, aset dan kerja pembinaan pada 10 hingga 12 Julai 2017 serta pengesahan pihak ketiga.

13.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Julai 2017 mendapati objektif Projek Pembinaan Infrastruktur Bagi Pesawat Helikopter EC725 di PU TUDM Kuantan tidak tercapai kerana projek gagal disiapkan dan kontraktor telah ditamatkan kontrak pada 8 Disember 2016. Berdasarkan tujuh bidang utama yang dinilai, pihak Audit merumuskan projek pembinaan ini adalah tidak memuaskan kerana berlaku beberapa kelemahan yang menjejaskan kecekapan pelaksanaan projek seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Penilaian Tender telah mengesyorkan syarikat yang tidak menepati *Needs Statement*;
- ii. pengurusan pentadbiran kontrak yang lemah;
- iii. kecacatan kerja pembinaan dan pemasangan peralatan; dan
- iv. kegagalan menyiapkan projek dalam tempoh kontrak yang ditetapkan.

Perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian dan JKR telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 29 September 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:


13.5.1. Prestasi Projek

13.5.1.1. Prestasi Fizikal Projek

- a. Mengikut syarat kontrak, penyiapan separa hendaklah disiapkan dalam tempoh 72 minggu iaitu pada 11 Mac 2013 meliputi Bangunan Hangar, Apron dan *Taxiway*, Sekolah Sistem, *Wash Area*, Rumah Sampah, Bangunan *Petrol Oil Lubricant* (POL), *GSE Shed*/Garaj dan SAR *Aircraft Shelter*. Manakala penyiapan penuh adalah dalam tempoh 94 minggu iaitu pada 14 Ogos 2013 yang merangkumi Wisma Perwira, Bintara dan Ahli Udara, Markas Pangkalan Udara, Stor MATRA dan Kompleks Bomba.
- b. Berdasarkan Program Kerja *Critical Path Method* (CPM), didapati prestasi kerja pembinaan mula bergerak perlahan pada April 2012 iaitu dengan kelewatan kerja-kerja di tapak sebanyak 2.4% berbanding kerja yang dirancang. BBSB telah mengemukakan *revised* CPM sebanyak tiga kali iaitu pada bulan September 2012, September 2013 dan April 2014 setelah gagal mencapai peratus kerja dirancang. *Revised* CPM diluluskan atas alasan kelewatan memberikan kebenaran untuk melaksanakan kerja *Horizontal Directional Drilling* (HDD), masalah kemasukan pekerja di tapak bina akibat peraturan keselamatan yang diperketatkan oleh pihak Kementerian dan perubahan reka bentuk hangar. Namun kelewatan masih berlaku walaupun *revised* CPM telah diluluskan.
- c. Tiga lanjutan masa/*Extension of Time* (EOT) telah diluluskan bagi penyiapan separa iaitu sehingga 22 Mei 2014 dan satu EOT bagi penyiapan penuh telah diluluskan dengan tarikh siap ditetapkan pada 31 Januari 2014. Bagaimanapun, BBSB masih gagal menyiapkan kerja selepas berakhirnya tempoh EOT kerana pertikaian reka bentuk hangar. Perakuan Kerja Tidak Siap/*Certificate of Non-Compliance* (CNC) telah dikeluarkan pada 22 Mei 2014 dan Kadar Denda dan Gantirugi Ditetapkan/*Liquidated Ascertained Damages* (LAD) dikenakan mulai 23 Mei 2014 bagi penyiapan separa. CNC bagi penyiapan penuh pula telah dikeluarkan pada 29 Januari 2014 dan LAD dikenakan mulai 1 Februari 2014. Sehingga tarikh penamatan kontrak pada 8 Disember 2016, jumlah LAD yang terkumpul adalah RM19.61 juta.
- d. Keseluruhan kemajuan nilai kerja pada tarikh sepatutnya siap iaitu selepas EOT ke tiga pada 22 Mei 2014 adalah 70.7%. Bagaimanapun, kontraktor meneruskan kerja-kerja dalam tempoh LAD sehingga kerja-kerja tidak menunjukkan sebarang peningkatan sejak bulan Julai 2015 dan seterusnya

kontrak telah ditamatkan pada 8 Disember 2016. Semakan Audit selanjutnya mendapati projek ini akan ditender semula untuk menyiapkan baki kerja. Butiran mengenai peratus pencapaian projek berbanding unjuran yang ditetapkan adalah seperti graf berikut:

GRAF 13.1
NILAI KERJA BERBANDING UNJURAN



Sumber: Jabatan Kerja Raya

13.5.1.2. Kesan Kegagalan Penyiapan Projek

Projek Pembinaan Infrastruktur Pesawat EC725 bertujuan untuk pengoperasian, penyenggaraan dan penempatan pesawat tersebut. Kegagalan menyiapkan projek pembinaan ini menyebabkan Pesawat EC725 kini ditempatkan buat sementara di *Alert Hangar* dan Hangar 17 Skuadron, PU TUDM Kuantan. Manakala pegawai dan kakitangannya terpaksa menumpang di bangunan-bangunan lain di beberapa lokasi sementara dalam PU Kuantan.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 17 Oktober 2017

JKR telah memulakan proses tender semula. Pengesahan peruntukan daripada MINDEF telah diterima pada 6 Oktober 2017 dan pelawaan tender dijangka pada November 2017.

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal adalah tidak memuaskan kerana projek ini gagal disiapkan walaupun lanjutan masa telah diberikan. Selain itu pencapaian *outcome* projek pembinaan untuk pengoperasian, penyenggaraan dan penempatan Pesawat EC725 juga tidak tercapai.

13.5.1.3. Prestasi Kewangan Projek

- Peruntukan kewangan bagi Projek Pembinaan Infrastruktur Bagi Pesawat EC725 di PU TUDM Kuantan telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan peruntukan siling berjumlah RM130.50 juta. Harga kontrak yang telah dipersetujui bagi projek ini adalah sejumlah RM108.89 juta.
- Sebanyak enam Arahan Perubahan Kerja (APK) berjumlah RM3.71 juta dan enam Pelarasan Harga Kontrak (PHK) berjumlah RM14.69 juta telah diluluskan bagi projek ini menjadikan harga keseluruhan projek berjumlah RM127.29 juta iaitu meningkat sebanyak 16.9%. Butiran lanjut mengenai APK dan PHK adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.2
ARAHAN PERUBAHAN KERJA

RUJUKAN	BUTIRAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH KELULUSAN	PERTAMBAHAN/ (PENGURANGAN) (RM Juta)
APK 1	Pengurangan Skop Kerja - Dewan Simah	-	-	(0.15)
APK 2	Pengurangan Skop Kerja - Perisian <i>ArcPort & Safegate</i>	-	-	(0.05)
APK 3	Pengurangan Skop Kerja - <i>Incinerator</i>	-	-	(0.10)
APK 4	<i>Tiles</i> di <i>Pedestrian Bridge/Link Bridge</i>	20.03.2013	31.03.2014	0.02
APK 5	Pertukaran saiz paip air 200 mm kepada 250 mm	02.11.2012	31.03.2014	0.97
APK 6	Pertambahan ruang Pejabat Hangar	02.11.2012	31.03.2014	3.02
JUMLAH				3.71

Sumber: Jabatan Kerja Raya

JADUAL 13.3
PELARASAN HARGA KONTRAK

RUJUKAN	BUTIRAN PELARASAN HARGA KONTRAK	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH KELULUSAN	PERTAMBAHAN/ (PENGURANGAN) (RM Juta)
PHK No. 1	Pelarasan APK No. 1, APK No. 2 & APK No. 3	-	18.02.2013	0.00
PHK No. 2	Pelarasan Tuntutan <i>Column Free</i>	02.11.2012	23.05.2014	3.71
PHK No. 3	Tambahan kepada PHK No.2 - Pelarasan awal bagi tuntutan <i>Column Free</i> yang diluluskan oleh Jawatankuasa Tuntutan JKR	02.11.2012	04.09.2014	3.00
PHK No. 4	Tambahan kepada PHK No. 2 & 3 - Pelarasan awal bagi tuntutan <i>Column Free</i> yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tuntutan JKR	02.11.2012	19.09.2014	3.20
PHK No. 5	Tambahan kepada PHK No. 2, 3 dan 4 - Pelarasan harga bagi tuntutan reka bentuk hangar dengan konsep <i>Column Free</i> yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tuntutan JKR Bil. 3/2015	02.11.2012	11.05.2015	1.36
PHK No. 6	Tambahan Harga bagi tuntutan pertambahan keluasan ruang bangunan dan pemasangan <i>Sprinkler System</i> di Stor Matra yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tuntutan JKR Bil. 5/2016	24.09.2013	12.10.2016	3.42
JUMLAH				14.69

Sumber: Jabatan Kerja Raya

13.5.2. Pelantikan Kontraktor

13.5.2.1. Pelantikan kontraktor bagi projek ini dilaksanakan oleh JKR melalui penilaian keupayaan dari segi kewangan dan teknikal serta penilaian teknikal kerja reka dan bina. Penilaian keupayaan merangkumi dua peringkat iaitu peringkat pertama melibatkan aspek kesempurnaan tender, kecukupan dokumen, kecukupan modal dan prestasi kerja semasa manakala penilaian peringkat kedua melibatkan aspek keupayaan kewangan dan teknikal.

13.5.2.2. Semakan Audit mendapati pemilihan kontraktor bagi projek ini dibuat secara tender terbuka melalui kaedah reka dan bina di mana sebanyak 37 petender telah mengemukakan tawaran tender. Selepas proses penilaian tender, Jawatankuasa Penilaian Tender telah mengesyorkan dua syarikat yang layak untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Perolehan iaitu Bella Builders Sdn. Bhd. (BBSB) dan Landasan Kapital (M) Sdn. Bhd. (LKSB). LKSB telah menawarkan harga RM118.90 juta iaitu 8.6% lebih rendah berbanding anggaran jabatan dan mendapat markah tertinggi dari segi penilaian teknikal serta memenuhi *Needs Statement*. Manakala BBSB menawarkan harga RM108.89 juta iaitu 16.3% lebih rendah daripada anggaran jabatan tetapi tidak memenuhi *Needs Statement*. Ini berdasarkan cadangan reka bentuk *multi-span hangar with intermediate column* yang dikemukakan oleh BBSB semasa *pre-bid* tender yang tidak menepati kehendak TUDM. Bagaimanapun, Lembaga Perolehan telah memilih BBSB berdasarkan syor Jawatankuasa Penilaian Tender kerana harga terendah dan menguntungkan Kerajaan tetapi dengan syarat kontraktor bersetuju untuk memenuhi semua keperluan *Needs Statement* tanpa sebarang penambahan kos (dinyatakan dalam Surat Niat).

13.5.2.3. BBSB telah menawarkan harga 16.3% lebih rendah daripada anggaran jabatan kerana reka bentuk hangar yang dicadangkannya tidak memenuhi kehendak pengguna. Dalam hal ini, pihak Audit mendapati Jawatankuasa Penilaian Tender hanya mengambil kira penilaian yang berasaskan anggaran harga jabatan tanpa mengkaji keperluan-keperluan lain seperti kehendak pelanggan dan kesesuaian cadangan dengan *Needs Statement*. Akibatnya, berlaku pertikaian dalam *Needs Statement* antara kontraktor dan pihak JKR semasa pelaksanaan projek yang menyebabkan kelewatan dan peningkatan kos. Selain itu, bagi perolehan secara tender terbuka, tidak sepatutnya timbul syarat tambahan semasa Surat Niat dikeluarkan kerana semua dokumen tender telah dilihat dan dinilai sama ada ia sesuai atau tidak. Oleh itu, jika ada syarat tambahan yang melibatkan tambahan kos yang tinggi (ditanggung oleh kontraktor) selepas tawaran dibuat, ia adalah tidak adil kepada kontraktor yang berjaya dan petender-petender lain (jika ditanggung oleh Kerajaan) yang telah menawarkan harga masing-masing berdasarkan tafsiran terhadap *Needs Statement*.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 17 Oktober 2017

Lembaga Perolehan A (JKR) telah memperakukan BBSB disetuju terima dan diangkat kepada MoF untuk keputusan muktamad. MoF telah bersetuju pelantikan Bella Builders Sdn. Bhd. melalui surat bertarikh 23 September 2011.

Proses penilaian tender adalah berdasarkan penilaian tender secara Reka dan Bina yang mana format penilaian teknikal telah ditentukan dan dipersetujui dalam mesyuarat sebelum proses tender dibuat.

Bagi memastikan pemilihan kontraktor adalah memuaskan, JKR telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan Surat Niat bersama dengan Senarai Ketidapatuhan (NCR) untuk memastikan pihak petender dapat mematuhi Needs Statement.

Pada pendapat Audit, proses pemilihan kontraktor adalah tidak memuaskan kerana Jawatankuasa Penilaian Tender telah mengesyorkan syarikat yang tidak menepati Needs Statement.

13.5.3. Pentadbiran Kontrak

13.5.3.1. Perjanjian Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh empat bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST dikeluarkan pada 11 Oktober 2011 dan dokumen kontrak telah ditandatangani pada 10 Februari 2012 selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan.

13.5.3.2. Pendahuluan Kepada Kontraktor

Kontraktor boleh memohon untuk mendapatkan Wang Pendahuluan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pengarah Projek hendaklah memastikan potongan bagi Wang Pendahuluan dapat diselesaikan selewat-lewatnya projek siap pada tahap 75%. Semakan Audit mendapati bayaran pendahuluan berjumlah RM10 juta telah dibayar kepada kontraktor. Kutipan bayaran pendahuluan telah mula dibuat semasa kemajuan kerja mencapai 28.5%. Bayaran balik wang pendahuluan telah dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan ke-13 (November 2012) sehingga ke-26 (Januari 2014).

13.5.3.3. Perubahan Kerja

Perubahan skop kerja bagi kontrak reka dan bina hanya dibenarkan apabila Pengarah Projek (PP) meluluskan perubahan kerja berdasarkan kehendak Kerajaan yang jelas dan tidak boleh ditafsirkan daripada Needs Statement.

Sekiranya perubahan terhadap cadangan reka bentuk kontraktor diperlukan bagi tujuan kesesuaian, kefungisian dan keselamatan kerja ia bukanlah satu perubahan kerja yang perlu ditanggung oleh Kerajaan. Sekiranya perubahan tersebut melibatkan kos tambahan ia hendaklah ditanggung oleh kontraktor. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Tuntutan Perubahan Kerja oleh Kontraktor

Semasa proses memuktamadkan lukisan reka bentuk bangunan, kontraktor berpendapat beberapa perubahan kerja yang besar diperlukan ke atas reka bentuk utama berbanding *Needs Statement* yang dikemukakan semasa tawaran tender. Antaranya perubahan ke atas reka bentuk utama struktur besi bagi bangunan hangar, reka bentuk hangar tanpa tiang, pembesaran ruang lantai bangunan, penambahan serta menaiktaraf kerja-kerja paip air serta kerja-kerja mekanikal dan elektrik. Bermula bulan November 2012, terdapat sepuluh tuntutan yang dikemukakan oleh kontraktor kepada JKR berjumlah RM37.97 juta bagi perubahan kerja yang dilakukan. Daripada jumlah tersebut, pihak JKR berpendapat hanya RM18.71 juta sahaja yang boleh diluluskan manakala RM19.26 juta lagi tidak diluluskan walaupun kerja-kerja tersebut telah dibuat. Butirannya seperti jadual berikut:

**JADUAL 13.4
TUNTUTAN PERUBAHAN KERJA**

BIL.	BUTIRAN TUNTUTAN PERUBAHAN KERJA	TARIKH TUNTUTAN	TARIKH DILULUSKAN	AMAUN DITUNTUT (RM Juta)	AMAUN DILULUSKAN (RM Juta)	CATATAN
1.	Reka bentuk Hangar yang baru dengan konsep <i>Column Free</i>	02.11.2012	23.05.2014	12.37	3.71	Diluluskan
		02.11.2012	04.09.2014		3.00	
		02.11.2012	19.09.2014		3.20	
		02.11.2012	11.05.2015		1.36	
		JUMLAH KECIL			11.27	
2.	a. Pembesaran keluasan bangunan Pejabat Hangar	02.11.2012	31.03.2014	3.02	3.02	Diluluskan
	b. Pembesaran keluasan bangunan: - Stor MATRA - Sekolah Sistem - Wisma Bintara - Wisma Ahli Udara - Wisma Perwira - Markas Pangkalan	02.11.2012	12.10.2016	10.47	3.42	Diluluskan
3.	Penukaran saiz paip retikulasi dari 200 mm kepada 250 mm diameter MSCL	02.11.2012	31.03.2014	1.68	0.97	Diluluskan
4.	<i>PQC</i> menggantikan <i>flexible pavement</i> di Taxiway	02.11.2012	-	3.60	-	Ditolak kerana reka bentuk tidak mematuhi NoS
5.	Penambahan kerja-kerja Mekanikal	19.12.2012	-	2.17	-	Ditolak kerana reka bentuk tidak mematuhi NoS
6.	Penambahan kerja-kerja Elektrikal	19.12.2012	-	2.97	-	Ditolak kerana reka bentuk tidak mematuhi NoS

BIL.	BUTIRAN TUNTUTAN PERUBAHAN KERJA	TARIKH TUNTUTAN	TARIKH DILULUSKAN	AMAUN DITUNTUT (RM Juta)	AMAUN DILULUSKAN (RM Juta)	CATATAN
7.	Penambahan BRC A5 dan <i>polypropylene structural fibre</i> di PQC di Bangunan Hangar	19.12.2012	-	0.39	-	Ditolak kerana reka bentuk tidak mematuhi NoS
8.	Penambahan BRC A5 dan <i>polypropylene structural fibre</i> di PQC di Apron	19.12.2012	-	0.92	-	Ditolak kerana reka bentuk tidak mematuhi NoS
9.	<i>Sprinkler System</i> di Stor MATRA	24.09.2013	12.10.2016	0.35	0.01	Diluluskan
10.	Pemasangan kemasan lantai jenis <i>tile</i> di <i>Link Bridge</i>	20.02.2013	31.03.2014	0.03	0.02	Diluluskan
JUMLAH				37.97	18.71	

Sumber: Jabatan Kerja Raya
Nota: (NoS) - *Needs Statement*

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 20 September 2017

JKR bersetuju dengan pandangan Audit. Tuntutan Perubahan Kerja oleh kontraktor adalah disebabkan berlaku percanggahan interpretasi Needs Statement antara pihak JKR dengan kontraktor. Isu perubahan reka bentuk tidak dapat dimuktamadkan segera memandangkan ia melibatkan interpretasi kontrak yang berbeza yang mana ia memerlukan kelulusan Jawatankuasa Tuntutan bagi membuat keputusan.

b. Pertikaian Reka Bentuk Hangar

- i. Bagi pelaksanaan projek secara reka dan bina, *Needs Statement* adalah salah satu elemen yang penting untuk dinyatakan dengan lengkap dan jelas mengikut keperluan dan skop yang ditetapkan oleh pelanggan. Kontraktor bertanggungjawab untuk merekabentuk selaras dengan *Needs Statement* yang ditetapkan. Pada bulan Jun 2011 (selepas tender ditutup), TUDM telah menjelaskan skop kerja utama bagi projek ini adalah untuk membina hangar dengan *clear opening* dan beberapa bangunan lain untuk tujuan pengoperasian dan penyenggaraan Pesawat EC725. Dalam tawaran tender secara terbuka yang melibatkan persaingan antara petender, keperluan pihak TUDM ini sepatutnya dibincang lebih awal dengan pihak JKR secara terperinci sebelum tawaran tender dibuka.
- ii. Kontraktor berpendapat reka bentuk hangar yang disyorkan oleh pihak JKR dalam Surat Niat merupakan perubahan kerja kerana ia tiada dalam *Needs Statement* asal dan tambahan kos perlu ditanggung oleh Kerajaan tetapi pihak JKR berpendapat sebaliknya. Butiran terperinci percanggahan interpretasi antara pihak kontraktor dan JKR berkaitan reka bentuk hangar adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.5
ULASAN KONTRAKTOR DAN JKR BERKAITAN REKA BENTUK HANGAR

BUTIRAN	ULASAN KONTRAKTOR	ULASAN JKR
Tender	<ul style="list-style-type: none"> Reka bentuk kontraktor telah diterima oleh Jawatankuasa Tender Apa-apa perubahan perlu diputuskan semula oleh Jawatankuasa Tender 	<ul style="list-style-type: none"> JKR adalah wakil Kerajaan dan NCR yang dikeluarkan berdasarkan atas kuasa tersebut
<i>Needs Statement</i>	<ul style="list-style-type: none"> Reka bentuk adalah yang terbaik dan memenuhi <i>Needs Statement</i> Tiada syarat <i>Column Free</i> dinyatakan dengan jelas dalam <i>Needs Statement</i> Jika ia satu kriteria kritikal sepatutnya dinyatakan dengan jelas dalam <i>Needs Statement</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Syarat <i>Column Free</i> dinyatakan dalam UFC 4-211-01N
<i>Architectural Brief</i>	<ul style="list-style-type: none"> M/S A-119 menunjukkan satu skema reka bentuk sebagai panduan. Walaupun nampak sekali imbas seperti tiada tiang, semakin lebih terperinci menunjukkan ada tiang 	<ul style="list-style-type: none"> M/s A-119 tidak menyatakan <i>intermediate column</i>
Syarat <i>Column Free</i> dinyatakan di dalam UFC 4-211-01 N (Piawaian Rujukan) " <i>the framing system for the hangar bay shall provide a completely column free hangar bay and flightline</i> "	<ul style="list-style-type: none"> Perkataan <i>hangar bay</i> dan <i>flightline</i> menunjukkan persamaan kriteria bagi menghindarkan halangan kepada pesawat di dalam kawasan operasi Skop projek menetapkan hangar adalah untuk Pesawat EC725 sahaja bukan sebagai Hangar Serbaguna 	<ul style="list-style-type: none"> Syarat UFC adalah jelas menunjukkan <i>hangar bay</i> tidak boleh ada tiang di tengahnya dan diperjelas dalam mesyuarat NCR 6 Oktober 2011
Takrifan hangar bay	<ul style="list-style-type: none"> Pemahaman kontraktor terhadap konsep Hangar Bay selari dengan Piawaian UFC; Bay bagi setiap pesawat (maksima 2 pesawat) Pemahaman hangar tanpa tiang untuk sederetan 4 pesawat adalah bercanggah dengan UFC 4-010-01 yang menghadkan 2 pesawat sahaja untuk setiap <i>hangar bay</i> Risiko <i>catastrophic collapse</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Hangar bay merangkumi keseluruhan hangar
NCR supaya menggunakan reka bentuk <i>Column Free</i>	<ul style="list-style-type: none"> NCR perlu dibuktikan, bukan satu syarat di dalam <i>Needs Statement</i> yang mengikat semua petender Kontraktor telah buktikan reka bentuk cadangan memenuhi <i>Needs Statement</i>, kod piawai militari, ICAO dan spesifikasi EC725 Oleh kerana bukti telah diberikan, maka NCR boleh ditutup tanpa sebarang perubahan bentuk Kontraktor beranggapan mereka berhak menuntut kos tambahan kerana telah memenuhi <i>Needs Statement</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Kontraktor telah tandatangan surat niat dengan syarat mematuhi NCR yang dikeluarkan tanpa sebarang kos tambahan

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- iii. Berdasarkan minit Mesyuarat Penyelarasan dan Memuktamadkan *Key Design Aspect* pada bulan Februari 2012, Pengarah Projek (PP) telah mengarahkan kontraktor untuk melaksanakan *column free hangar* bagi memenuhi kehendak pelanggan selaras dengan *Needs Statement* seperti yang terkandung dalam *Architectural Brief*. Kontraktor perlu merekabentuk semula struktur hangar secara keseluruhannya dan kontraktor dibenarkan mengemukakan tuntutan tambahan. Kesan daripada pertikaian ini menyebabkan lukisan pembinaan lewat dimuktamadkan selama enam bulan daripada tarikh SST, kelewatan dalam proses pembinaan dan menjejaskan aliran tunai BBSB kerana Pelarasan Harga Kontrak bagi perubahan kerja tersebut yang berjumlah RM11.27 juta hanya diluluskan pada bulan Mei 2014, September 2014 dan Mei 2015.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 20 September 2017

Perbincangan dengan TUDM telah diadakan semasa penyediaan Needs Statement melalui Mesyuarat Pengesahan Brif Projek. Bagaimanapun isu berkenaan clear opening tidak dibincangkan.

c. Keluasan Ruang Bangunan Hangar

Kelemahan Tim Projek EC725 (TUDM) dalam menentukan keperluan sebenar keluasan ruang bangunan hangar menyebabkan penambahan keluasan dibuat tanpa mendapat kelulusan APK terlebih dahulu. Kesilapan ini disedari selepas perbincangan bersama Tim Projek EC725 (Luar Negara) yang telah mengenal pasti kesilapan berlaku semasa memuktamadkan *Layout Plan*. Kontraktor telah memohon untuk mendapatkan kelulusan perubahan kerja dan kelulusan secara prinsip dikeluarkan oleh pihak JKR pada bulan November 2013 berjumlah RM3.02 juta. Kelewatan meluluskan APK ini disebabkan oleh dokumen yang dikemukakan oleh kontraktor tidak lengkap dan pihak JKR perlu membuat pengesahan terhadap kerja-kerja yang telah dilaksanakan. Pembayaran bagi penambahan keluasan ruang bangunan hangar yang berjumlah RM3.02 juta telah dibayar berdasarkan kemajuan kerja semasa iaitu sejumlah RM2.78 juta. Bayaran ini telah diselaraskan dengan pengurangan LAD.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 20 September 2017

Faktor perubahan penambahan keluasan ruang bangunan hangar berlaku selepas Tim Projek Luar Negara mengenal pasti keperluan yang sepatutnya ada di dalam reka bentuk bangunan hangar tersebut setelah mengambil kira input pengeluar EC725.

Pihak JKR membenarkan perubahan berlaku di tapak bina dengan mengambil kira faktor di atas dan kekangan masa yang perlu disiapkan segera tanpa melewatkan jadual pelaksanaan pihak kontraktor. Kelulusan prinsip telah dikeluarkan sebelum proses arahan perubahan kerja bagi faktor di atas dimuktamadkan diperingkat jawatankuasa.

d. Keluasan Ruang Bangunan Lain

- i. Mesyuarat Koordinasi Lukisan No. 1 pada bulan November 2011 telah memutuskan bahawa pihak kontraktor layak untuk menuntut APK sekiranya terdapat penambahan *floor area*. Pihak kontraktor telah mengemukakan Lukisan *Footprint* dan *Layout* bangunan untuk disahkan oleh JKR pada bulan Disember 2011. Oleh kerana terdapat perbezaan antara Lukisan *Footprint* dengan Lukisan *Pre-bid*, pihak kontraktor bercadang untuk membuat tuntutan kos tambahan. Semakan Audit mendapati isu penambahan keluasan ruang ini tidak dibincangkan dalam mesyuarat tapak.

- ii. Kontraktor telah membuat beberapa permohonan bagi kerja-kerja berkaitan pertambahan keluasan ruang tetapi tuntutan ini ditolak kerana tiada bukti arahan daripada Pengarah Projek (PP). Pada bulan Disember 2013, kontraktor telah membuat rayuan tuntutan sebenar pertambahan ruang tersebut berjumlah RM10.47 juta tetapi juga ditolak. Selanjutnya kontraktor telah membuat rayuan semula kepada JKR pada bulan Jun 2014 dan JKR telah mengangkat rayuan ini kepada Jawatankuasa Tuntutan yang telah dilantik mengikut garis panduan JKR. Pada bulan September 2016, Jawatankuasa Tuntutan telah meluluskan secara prinsip tuntutan kontraktor dengan mengambil kira keperluan *Needs Statement* dan *Uniform Building By Law 1984* dengan syarat PP perlu menyemak semula keluasan yang dibina. Jawatankuasa Tuntutan memutuskan sekiranya terdapat lebihan keluasan maka pertambahan ruang tersebut perlu dibayar kepada kontraktor. Atas persetujuan bersama, pengukuran semula telah dibuat di tapak oleh pihak JKR dan wakil kontraktor untuk memastikan keluasan sebenar yang dibina. Selepas pengukuran semula dibuat, Jawatankuasa Tuntutan meluluskan bayaran sejumlah RM3.42 juta berbanding tuntutan oleh kontraktor berjumlah RM10.47 juta. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan terhadap perbezaan kadar bayaran, keluasan sebenar dan keluasan yang dibina antara pihak kontraktor dan JKR disebabkan kontrak telah ditamatkan. Pada bulan Oktober 2016, Perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) No. 6 bagi pertambahan keluasan ruang bangunan telah diluluskan dengan nilai RM3.42 juta. Perbezaan keluasan ruang bangunan antara tuntutan kontraktor dan kelulusan Jawatankuasa Tuntutan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.6
PERBEZAAN KELUASAN RUANG BANGUNAN

BIL.	BANGUNAN	TUNTUTAN KONTRAKTOR					KELULUSAN JAWATANKUASA					
		KELUASAN SEBENAR (a)	KELUASAN PRE-BID (b)	BEZA (c)=(a)-(b)	KADAR (RM/m ²) (d)	AMAUN (RM Juta) (e)=(c)x(d)	KELUASAN MENGIKUT NEEDS STATEMENT (f)	KELUASAN DIBINA (g)	BEZA (h)=(g)-(f)	KADAR (RM/m ²) (i)	AMAUN (RM Juta) (j)=(h)x(i)	
1.	Markas Pangkalan	2,698	2,070	628	2,932.40	1.84	1,547.05	2,503.85	956.80	1,837.36	1.76	
2.	Sekolah Sistem	8,337	5,744	2,593	1,703.11	4.42	6,586.48	7,502.91	916.43	895.48	0.82	
3.	Stor MATRA	1,739	1,159	580	3,962.22	2.30	1,272.60	1,514.75	242.15	1,719.16	0.42	
4.	Wisma Perwira	1,227	1,136	91	2,305.95	0.21	1,170.40	1,308.51	138.11	3,036.81	0.42	
5.	Wisma Ahli Udara	993	584	409	2,582.05	1.06	522.41	881.55	359.14	1,546.95	0.56	
6.	Wisma Bintara	415	397	18	4,594.95	0.08	775.33	439.16	(336.17)	1,382.77	(0.46)	
7.	Kompleks Bomba	1,529	1,576	(47)	1,651.62	(0.08)	1,783.40	1,642.67	(140.73)	677.09	(0.09)	
8.	Turnkey Element @ 6.58% for Item 1 - 7					0.64					0.00	
JUMLAH						10.47	JUMLAH					3.42

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 20 September 2017

Lebih keluasan ruang adalah perbezaan antara keluasan dibina dengan keluasan Needs Statement seperti yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Tuntutan. Pengukuran keluasan dibina telahpun dibuat bersama wakil kontraktor. Kadar yang digunakan oleh JKR adalah harga Contract Sum Analysis seperti dalam dokumen kontrak.

Pada pendapat Audit pengurusan kerja oleh kontraktor dan JKR adalah tidak memuaskan kerana wujud perbezaan antara jumlah tuntutan kontraktor dan kelulusan jawatankuasa. Ini disebabkan kadar bayaran dan kaedah pengiraan yang berbeza antara kedua-dua pihak.

13.5.3.4. Lanjutan Masa dan Perakuan Kerja Tak Siap

- a. Lanjutan Masa/*Extension of Time* (EOT) hendaklah diluluskan sebelum kontrak tamat untuk mengelakkan *time at large*. Mengikut syarat kontrak, EOT adalah dibenarkan sekiranya kelewatan yang berlaku bukan berpunca daripada kontraktor atau di luar kawalannya. Manakala Perakuan Kerja Tak Siap/*Certificate of Non-Compliance* (CNC) dikeluarkan setelah tiada lagi alasan yang boleh diterima untuk melayakkan kontraktor mendapat EOT. CNC dikeluarkan oleh PP terhadap kontraktor disebabkan kegagalan atau kelewatan kontraktor menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.
- b. Pihak JKR telah meluluskan tiga EOT bagi penyiapan separa dan satu EOT bagi penyiapan penuh melibatkan tempoh keseluruhan selama 437 hari. Semakan Audit mendapati alasan yang diberi oleh kontraktor untuk mendapat EOT tersebut adalah munasabah dan sesuai dengan syarat kontrak. Selain itu, semakan Audit juga mendapati masalah di tapak seperti kemajuan kerja yang tidak mencapai sasaran, tuntutan kontraktor yang melibatkan perubahan kerja yang besar tanpa APK dan kelewatan kelulusan APK yang menjejaskan aliran tunai kontraktor dan sebagainya tidak dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Tapak. Keadaan ini menyebabkan EOT telah lewat diluluskan oleh JKR antara empat hingga 276 hari kerana pihak JKR terpaksa menyemak semula dan meneliti segala dokumen untuk menyokong alasan yang diberi oleh kontraktor. Untuk mengelakkan *time at large*, pihak JKR mengeluarkan CNC dan selepas EOT diluluskan tarikhnya dikebelakangkan dan CNC terbatal seterusnya LAD diselaraskan dan tiada kerugian di pihak Kerajaan. Jawatankuasa penilaian EOT sepatutnya membuat keputusan sebelum tamat tarikh projek memandangkan CNC merupakan perakuan kerja tidak dapat disiapkan. Butirannya seperti jadual berikut:

**JADUAL 13.7
LANJUTAN MASA DILULUSKAN SELEPAS TAMAT TEMPOH KONTRAK**

BIL. EOT	ALASAN EOT	TARIKH TAMAT TEMPOH KONTRAK (a)	TARIKH MOHON EOT	TEMPOH EOT	TARIKH EOT DILULUSKAN (b)	KELEWATAN MELULUSKAN EOT (Hari) (b) - (a)	TARIKH CNC DIKELUARKAN
1 (Penyiapan Separa)	<p>i. Kelewatan memuktamadkan perubahan reka bentuk Bangunan Hangar.</p> <p>ii. Taburan hujan yang luar biasa untuk tempoh Mei 2012 hingga November 2012.</p> <p>iii. Masalah kemasukan sebahagian pekerja bertaraf 6P ke tapak bina.</p>	11.03.2013	04.03.2013	12.03.2013 - 21.05.2013 (71 hari)	15.03.2013	4	-
2 (Penyiapan Separa)	<p>i. Kelewatan memberikan kebenaran oleh pelanggan untuk melaksanakan kerja-kerja <i>Horizontal Directional Drilling</i> (HDD).</p> <p>ii. Penurunan produktiviti yang berpunca daripada masalah kemasukan pekerja di tapak bina akibat daripada peraturan semasa pemeriksaan keselamatan yang diperketatkan oleh pihak pelanggan.</p>	21.05.2013	21.05.2013	22.05.2013 - 30.11.2013 (193 hari)	20.09.2013	122	21.05.2013
3 Penyiapan Separa)	Perubahan reka bentuk hangar daripada reka bentuk hangar dengan <i>intermediate column</i> kepada reka bentuk <i>column free</i> .	30.11.2013	06.12.2013	01.12.2013 - 22.05.2014 (173 hari)	02.09.2014	276	12.12.2013
1 (Penyiapan Penuh)	<p>i. Kelewatan memberikan kebenaran oleh pelanggan untuk melaksanakan kerja-kerja <i>Horizontal Directional Drilling</i> (HDD).</p> <p>ii. Penurunan produktiviti yang berpunca daripada masalah kemasukan pekerja di tapak bina akibat daripada peraturan semasa pemeriksaan keselamatan yang diperketatkan oleh pihak pelanggan.</p>	14.08.2013	05.08.2013	15.08.2013 - 31.01.2014 (170 hari)	04.09.2013	21	29 .01.2014

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 20 September 2017

Isu perubahan kerja dan tuntutan telah dibincangkan dengan terperinci dalam beberapa siri Mesyuarat Pemantauan dan Penyelarasan Projek, Mesyuarat Key Design Issue, Mesyuarat Pengesahan dan Perubahan Kerja, Mesyuarat Pengesahan/Memuktamadkan Arahan Perubahan Kerja yang dipengerusikan oleh Pengarah Projek dan dihadiri oleh pihak kontraktor bermula tahun 2012.

Menurut klausa 49.1 syarat kontrak, kontraktor hendaklah memberikan notis tuntutan EOT kepada JKR jikalau terdapat kelewatan yang bukan berpunca daripada kesalahan kontraktor. Pihak kontraktor mengemukakan permohonan EOT dihujung tempoh kontrak. Selain itu, kelewatan kelulusan EOT disebabkan Pengarah Projek tidak berpuas hati dengan dokumen permohonan asal yang dikemukakan oleh kontraktor tidak lengkap.

13.5.3.5. Kadar Denda dan Gantirugi Ditetapkan

- a. Kadar Denda dan Gantirugi Ditetapkan/*Liquidated Ascertained Damages* (LAD) akan dikenakan terhadap kontraktor apabila gagal menyiapkan projek dalam masa yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh penamatan kontraktor pada 8 Disember 2016, jumlah LAD yang dikenakan adalah RM19.61 juta iaitu sebanyak 931 hari @ RM11,388 (penyiapan separa) sehari mulai 23 Mei 2014 dan 1,042 hari @ RM8,648 (penyiapan penuh) sehari mulai 1 Februari 2014. Kontraktor telah memohon pengecualian khas LAD kepada Kementerian Kewangan pada 2 Jun 2015 kerana penyiapan kerja berada pada fasa akhir dan baki kerja yang tinggal hanya 7.7%. Pengenaan LAD yang pada masa itu berjumlah RM7.97 juta menjejaskan sasaran kerja dan aliran tunai pihak kontraktor.
- b. Kementerian Kewangan meminta JKR menyemak dan meneliti semula permohonan ini kepada Jawatankuasa *Contract Coordination Panel* (CCP) JKR untuk pertimbangan. Pada bulan Disember 2015, Jawatankuasa CCP JKR telah bersidang dan memutuskan bahawa permohonan pengecualian LAD dari kontraktor ditolak dan mengesyorkan kontraktor diberi tempoh enam bulan bagi menyiapkan baki kerja iaitu sehingga 26 Julai 2016. Pada bulan Oktober 2016, Kementerian Kewangan juga telah menolak rayuan kontraktor terhadap pengecualian khas LAD berjumlah RM18.57 juta (dari 1 Februari 2014 bagi penyiapan penuh dan 23 Mei 2014 bagi penyiapan separa sehingga 18 Oktober 2016). Surat Ketua Pengarah Kerja Raya kepada Kementerian Kewangan bertarikh 11 Februari 2016 berkaitan dengan pengecualian pengenaan LAD memohon supaya LAD ditangguhkan bagi membolehkan kontraktor menyiapkan hangar yang 95% sudah siap. Surat tersebut juga menyatakan bahawa kontraktor mampu menyiapkan projek ini terutama bangunan hangar jika mendapat pengecualian LAD memandangkan baki kerja yang tinggal hanyalah 5%. Maklum balas

daripada Kementerian Kewangan pada 4 Mac 2016 meminta supaya isu pengecualian LAD dirujuk semula kepada Jawatankuasa CCP JKR untuk keputusan. Bagaimanapun, Jawatankuasa CCP JKR telah menolak permohonan pengecualian LAD oleh kontraktor. Keputusan Jawatankuasa CCP JKR ini adalah bercanggah dengan surat Ketua Pengarah Kerja Raya. Kronologi permohonan dan keputusan pengecualian LAD adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 13.8
KRONOLOGI PERMOHONAN PENGECCUALIAN LAD**

TARIKH	KRONOLOGI
2 Jun 2015	Kontraktor telah memohon pengecualian khas LAD kepada Kementerian Kewangan.
29 September 2015	Mesyuarat Jawatankuasa <i>Contract Coordination Panel</i> (CCP) memutuskan perlu mendapatkan pandangan Penasihat Undang-Undang berkaitan pengecualian LAD.
14 Disember 2015	Jawatankuasa CCP JKR telah bersidang dan memutuskan bahawa permohonan pengecualian LAD dari kontraktor ditolak dan mengesyorkan kontraktor diberi tempoh enam bulan bagi menyiapkan baki kerja iaitu sehingga 26 Julai 2016.
11 Februari 2016	Surat Ketua Pengarah Kerja Raya kepada MoF berkaitan dengan pengecualian pengenaan LAD memohon supaya LAD ditangguhkan bagi membolehkan kontraktor menyiapkan hangar yang 95% sudah siap.
4 Mac 2016	MoF meminta supaya isu pengecualian LAD dirujuk semula kepada Jawatankuasa CCP JKR untuk keputusan.
12 Mei 2016	CCP JKR telah menolak permohonan pengecualian LAD oleh kontraktor.
26 Oktober 2016	Kementerian Kewangan juga telah menolak rayuan kontraktor terhadap pengecualian khas LAD berjumlah RM18.57 juta.

Sumber : Jabatan Kerja Raya

- c. Analisis Audit mendapati masalah aliran tunai kontraktor berlaku disebabkan kelewatan kelulusan APK antara dua hingga empat tahun oleh pihak JKR kerana tafsiran yang berbeza terhadap *Needs Statement*. Terdapat kes sejumlah RM2.78 juta dan RM3.41 juta yang diluluskan melalui APK diselaraskan dengan LAD. Keadaan ini menyukarkan lagi kontraktor dan ditambah pula dengan penolakan rayuan pengecualian LAD menyebabkan masalah aliran tunai kontraktor semakin teruk. Selain itu, masalah aliran tunai kontraktor juga terjejas disebabkan kontraktor menghadapi masalah akibat penamatan Sub Kontraktor Utama sedangkan semua bayaran yang melibatkan kontrak perlu melalui akaun Sub Kontraktor Utama. LAD bagi projek ini meningkat sehingga bayaran interim menjadi negatif.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 17 Oktober 2017

Pengeccualian LAD tidak diberikan kepada kontraktor kerana permohonan pengecualian LAD telah ditolak oleh Jawatankuasa CCP.

Kelulusan APK dibuat secepat mungkin selepas dokumen lengkap diterima daripada kontraktor. Walau bagaimanapun, isu berkaitan column free dan pertambahan ruang bangunan lain merupakan isu tuntutan yang perlu diangkat ke jawatankuasa tuntutan dan telah mengambil masa bagi tujuan tersebut.

13.5.3.6. Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

- a. Syarat Kontrak membenarkan penamatan kontrak sekiranya didapati kontraktor telah melakukan kemungkiran dan Pengarah Projek (PP) telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan berbincang dan mengeluarkan surat amaran kepada kontraktor bagi menentukan sebab yang munasabah atas kemungkiran kontraktor. PP hendaklah mengeluarkan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (NPPKK) dalam tempoh 14 hari selepas Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (NUTPPKK) dikeluarkan sekiranya kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasi kerjanya. Semakan Audit mendapati pihak JKR telah mengeluarkan NUTPPKK seperti jadual berikut:

JADUAL 13.9
NOTIS UNTUK TUJUAN PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

BIL.	TARIKH NUTPPKK	KEMAJUAN KERJA SEPATUTNYA		KEMAJUAN KERJA SEBENAR	
		(PENYIAPAN SEPARA)	(PENYIAPAN PENUH)	(PENYIAPAN SEPARA)	(PENYIAPAN PENUH)
1.	07.05.2013	85.6%	87.8%	64.7%	58.9%
2.	15.01.2014	100%	98.5%	89.6%	79.2%
3.	27.03.2015	100 %	100%	Keseluruhan 92.3%	
4	17.11.2016	100%	100%	Keseluruhan 93%	

Sumber : Jabatan Kerja Raya

- b. Seterusnya NPPKK telah dikeluarkan pada 8 Disember 2016 disebabkan kegagalan BBSB menyiapkan kerja pada tarikh terakhir yang dibenarkan pada 26 Julai 2016. Pada masa itu kemajuan kerja keseluruhan ialah 93.1% dan baki nilai kerja berjumlah RM20.42 juta. Semakan Audit mendapati pihak JKR mengambil masa selama 525 hari untuk menamatkan perkhidmatan kontraktor walaupun kemajuan kerja tidak bergerak sejak bulan Julai 2015. Pihak JKR tidak mengeluarkan NPPKK kerana ingin memberi peluang kepada kontraktor menyiapkan bangunan hangar (95% siap) dan hanya menunggu untuk dijalankan *Testing and Commissioning* (T&C) sahaja. Kelewatan mengeluarkan NPPKK ini menyebabkan nilai LAD melebihi nilai kerja semasa pada bayaran interim ke-40 (bulan Januari 2015) dan nilai LAD terkumpul sejumlah RM19.61 juta pada masa kontrak ditamatkan.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 17 Oktober 2017

Pihak JKR berpendapat bahawa sekiranya kontrak ini ditamatkan, proses perolehan kontraktor penyiap akan mengambil masa yang lebih lama berbanding sekiranya kontraktor semasa dibenarkan menyiapkan projek ini terutamanya hangar yang kini diperingkat akhir penyiapan. Proses penyerahan liabiliti kepada kontraktor baru yang dilantik juga akan menghadapi kesukaran kerana melibatkan struktur hangar yang kompleks.

JKR perlu memastikan semua obligasi Kerajaan dalam kontrak telah dipenuhi sebelum penamatan dibuat supaya tiada implikasi undang-undang di masa hadapan. Oleh itu, segala permohonan tuntutan kontraktor diambil tindakan untuk dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Tuntutan sebelum penamatan kontraktor dapat dijalankan. Segala tuntutan kontraktor telah dikaji bersama kontraktor dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Tuntutan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pentadbiran kontrak adalah tidak memuaskan kerana Arahan Perubahan Kerja dan Lanjutan Masa lewat diluluskan. Kelewatan menamatkan kontrak menyebabkan bangunan terbiar, kerosakan terhadap bangunan dan perkakasan di tapak yang akan meningkatkan kos tender semula dan merugikan Kerajaan.

13.5.4. Kualiti Pembinaan dan Pemasangan Peralatan

Lawatan Audit pada bulan Julai 2017 mendapati keseluruhan struktur utama bangunan telah siap dibina dan hanya kemas akhir serta kerja-kerja mekanikal & elektrik perlu disiapkan supaya bangunan dapat berfungsi dengan baik. Namun terdapat beberapa kecacatan, kerosakan dan penggantian perlu dilakukan kerana bangunan-bangunan ini tidak disenggara dan ditinggalkan selama dua tahun. Penilaian semula terhadap kemas yang telah siap dibina perlu dibuat bagi menjamin kualiti yang berterusan. Beberapa bangunan dan tempat mengalami kecacatan serta kerosakan. Butiran lanjut seperti berikut:

13.5.4.1. Kualiti Bahan dan Kualiti Pemasangan Tidak Memuaskan

- a. Pemeriksaan secara visual terhadap struktur bangunan hangar mendapati kesan takungan air di atas lantai yang disebabkan oleh kebocoran di bahagian bumbung, saluran air hujan (gutter) yang bocor menyebabkan air mengalir ke dalam ruang hangar, kesan lelehan air pada permukaan dinding dan air bertakung di atas lantai. Butirannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.1



GAMBAR 13.2



**Bangunan Hangar
- Kesan Dari Kebocoran Salur Air Hujan (gutter)
(10.07.2017)**

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 17 Oktober 2017


Kebocoran berlaku di bahagian bumbung skylight. Faktor berlaku kebocoran adalah kerana kaedah pemasangan dan kualiti kerja kontraktor yang kurang baik. Kebocoran bumbung menyebabkan takungan air di lantai dan titisan air meresapi ceiling board dan dinding. Isu gutter bocor pula berlaku setelah projek ditamatkan. NCR telah dikeluarkan oleh Resident Architect iaitu Senarai Ketidapatuhan (NCR) No.104 pada 3 Mei 2013 untuk tindakan kontraktor pada masa tersebut.

- b. Pemeriksaan terhadap pintu hangar mendapati keluli gelangsar telah berkarat. Pemeriksaan lanjut tidak dapat dibuat terhadap sistem pintu hangar automatik kerana tiada bekalan elektrik. Butirannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.3




GAMBAR 13.4



Bangunan Hangar
- Pengaratan Pada Keluli Gelangsar Pintu Hangar
(10.07.2017)

- c. Pemeriksaan terhadap susur tangan di bangunan Sekolah Sistem mendapati kecacatan pada permukaan bahan yang diperbuat daripada *stainless steel*. Butirannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.5



GAMBAR 13.6



Sekolah Sistem
- Terdapat Kecacatan Pada *Stainless Steel Hand Railing*
(10.07.2017)

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 20 September 2017

Kesan kotoran pada stainless steel berlaku setelah projek terbengkalai disebabkan tiada kerja penyenggaraan dilakukan.

13.5.4.2. Kesan Terhadap Pembinaan yang Belum Selesai

Pemeriksaan terhadap beberapa komponen bangunan dalam projek ini mendapati bumbung dan tingkap yang belum dipasang sepenuhnya telah menyebabkan air hujan memasuki ke dalam ruang bangunan. Kesan daripada kerja yang tidak siap ini menyebabkan air bertakung dan resapan air pada dinding. Butirannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.7




GAMBAR 13.8




**Wisma Perwira
- Kerja Pemasangan Bumbung Masih Lagi Belum Selesai
Menyebabkan Air Hujan Masuk ke Ruang Dalam Bangunan
(10.07.2017)**

GAMBAR 13.9



GAMBAR 13.10



**Markas Pangkalan Udara
- Air Bertakung di Bilik Bangunan Serta Berlumut Pada Lantai
(10.07.2017)**

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 17 Oktober 2017

Kerja pemasangan bumbung masih belum selesai dan dalam pembinaan. Skop pemasangan akan dimasukkan dalam tender semula. JKR telah memohon peruntukan untuk kerja-kerja penyenggaraan melalui surat kepada MINDEF bertarikh 11 November 2016, 31 Julai 2016 dan 13 September 2017.

13.5.4.3. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi/Piawaian Jabatan Teknik

- a. Berdasarkan Peraturan Elektrik 1994, tidak boleh ada sumber air di dalam bilik elektrik/bilik *Telecommunication Closet Room* (TCR). Pemeriksaan Audit mendapati pemasangan paip tembaga (copper pipe) untuk penyaman udara pada siling konkrit di Bilik TCR Tingkat 1 (**Gambar 13.11**) yang akan mengakibatkan risiko air menitis ke atas rak peralatan yang berada di bawahnya apabila berlaku proses kondensasi. Kerja-kerja *rectification* tersebut akan dimasukkan dalam kos tender semula.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 17 Oktober 2017

Teguran terhadap pemasangan copper pipe a/c yang melalui Bilik ICT/Suis telah dibuat pada sesi pengauditan bersama antara JKR dan Perunding pada 19 Januari 2015 dan 22 Mac 2016.

Surat peringatan juga telah diberikan kepada Kontraktor Utama untuk membuat pembaikan terhadap pemasangan tersebut pada 21 Januari 2015 dan 7 Oktober 2015.


- b. Berdasarkan Peraturan Elektrik 1994, punca kuasa (suis alir keluar, palam tiga pin dan kabel elektrik) yang dipasang di luar bangunan sepatutnya dari jenis kalis cuaca dan air. Pemeriksaan Audit mendapati punca kuasa bagi kamera CCTV yang dipasang di luar bangunan bukan dari jenis kalis cuaca dan air serta tidak dilindungi daripada kesan cuaca dan air (**Gambar 13.12**).

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 17 Oktober 2017

Teguran terhadap isu punca kuasa (suis alir keluar, palam tiga pin dan kabel elektrik) bagi kamera CCTV yang dipasang di luar bangunan tidak dilindungi daripada kesan cuaca dan air. Sesi pengauditan bersama ini adalah antara JKR dan Perunding yang telah dibuat pada 19 Januari 2015 dan 22 Mac 2016. Surat peringatan juga telah diberikan kepada Kontraktor Utama untuk membuat pembaikan terhadap pemasangan tersebut pada 23 Mac 2016 dan 1 November 2016.

- c. Ketinggian pintu bilik riser elektrik yang menempatkan papan agihan berukuran 900 mm x 1,500 mm didapati lebih kecil berbanding ukuran standard iaitu 900 mm x 2,100 mm (**Gambar 13.13 dan 13.14**).

GAMBAR 13.11



Hangar, Bilik TCR Tingkat 1
- Terdapat Pemasangan *Copper Pipe*
pada Siling Konkrit di Bilik TCR
(10.07.2017)

GAMBAR 13.12



Hangar, Ruang Luar
- Punca Kuasa Kamera CCTV Tidak Dilindungi
Daripada Kesan Cuaca dan Air
(10.07.2017)

GAMBAR 13.13



Kompleks Bomba, Aras Bawah
- Ketinggian Pintu Bilik Riser Elektrik yang
Menempatkan Papan Agihan Berukuran 900 mm (W)
X 1500 mm (H) Lebih Kecil Berbanding Ukuran
Standard iaitu 900 mm (W) X 2100 mm (H)
(11.07.2017)

GAMBAR 13.14



Kompleks Bomba, Aras Atas
- Ketinggian Pintu Bilik Riser Elektrik yang
Menempatkan Papan Agihan Berukuran 900 mm (W)
X 1500 mm (H) Lebih Kecil Berbanding Ukuran
Standard iaitu 900 mm (W) X 2100 mm (H)
(11.07.2017)

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 20 September 2017

Email dan surat peringatan telah dikeluarkan pada 28 Oktober 2014 dan surat bertarikh 10 November 2014 kepada kontraktor supaya semakan semula perlu dibuat terhadap lukisan dan penyediaan infra bagi bilik elektrik di bangunan Kompleks Bomba.

13.5.4.4. Keadaan Fizikal di Tapak

- a. Hasil pemeriksaan Audit pada 10 dan 11 Julai 2017 mendapati keadaan pendawaian elektrik pada hampir keseluruhan blok bangunan di tapak adalah tidak memuaskan. Antara penemuan adalah seperti berikut:
 - i. kabel elektrik dikhuatiri rosak kerana terdedah kepada air akibat kebocoran pada bumbung di ruang hangar;
 - ii. kabel elektrik di Sekolah Sistem yang belum dibuat tamatan ke papan suis dikhuatiri rosak; dan

iii. kabel elektrik tidak dapat dibuat tamatan ke papan suis kerana telah dipotong dan perlu dibuat pendawaian semula.

b. **Gambar 13.15** hingga **13.17** menunjukkan kerja pendawaian elektrik yang tidak sempurna dan tidak selamat.

GAMBAR 13.15



Bangunan Hangar
- Pendawaian Elektrik yang Tidak Sempurna dan Tidak Selamat
(10.07.2017)

GAMBAR 13.16



Sekolah Sistem
- Pendawaian Elektrik yang Tidak Sempurna dan Tidak Selamat
(10.07.2017)



GAMBAR 13.17

Bangunan Hangar
- Pendawaian Elektrik yang Tidak Sempurna dan Tidak Selamat
(10.07.2017)

c. Penemuan Audit juga mendapati peralatan elektrik yang telah dipasang terbiar dan tidak terjaga (**Gambar 13.18** dan **13.19**). Antara peralatan di tapak yang ditemui terbiar adalah seperti berikut:

- i. *frequency converter* diletakkan di ruang hangar;
- ii. kamera CCTV dimasuki air akibat bumbung bocor di ruang hangar;
- iii. *speaker* yang dibungkus plastik dimasuki air akibat bumbung bocor;
- iv. rak peralatan sistem siaraya (Public Addressing System) dibiarkan tanpa ditutup di dalam bilik *Multi Media Conference* (MMC);
- v. papan suis di setiap ruang/bilik elektrik didapati terbuka dan dimasuki serangga; dan
- vi. papan pemuka (display monitor) kamera CCTV siap terpasang.

GAMBAR 13.18



Keseluruhan Blok Bangunan
- Pintu *Distribution Board* (DB) Tidak Ditutup
Boleh Mengakibatkan Komponen Hilang
Atau Kabel Dipotong
(10.07.2017)

GAMBAR 13.19



Keseluruhan Blok Bangunan
- Monitor Tidak Ditutup Dengan Baik
Mengakibatkan Kotor dan Berhabuk
(10.07.2017)

- d. Keadaan kabel fiber optik yang sudah uzur akibat berada di dalam air dan lumpur dalam tempoh agak lama (**Gambar 13.20**). Manakala kabel *Unshielded Twisted Pair* Cat 6 (UTP) dibiarkan tergantung dan terbiar di atas lantai (**Gambar 13.21**).

GAMBAR 13.20



Dalam Pit Serta Semua Bilik TCR
- Kabel Fiber Optik Sudah Uzur dan Kabel UTP Cat 6 Dibiarkan Tergantung dan Terbiar di Atas Lantai
(11.07.2017)

GAMBAR 13.21



Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 17 Oktober 2017

Status bagi kerja-kerja elektrik adalah masih belum siap sepenuhnya pemasangan di tapak. Kontraktor utama bagi projek ini telah ditamatkan kontrak pada 8 Disember 2016. Bagaimanapun inisiatif awal telah diambil tindakan pihak kami dengan melakukan auditan sepanjang tempoh kontrak berjalan dan kali terakhir dijalankan pada 26 Oktober 2016 sebelum kontrak ditamatkan. Hasil daripada penelitian dan auditan tersebut JKR ada memohon peruntukan pada 11 November 2016 untuk membuat penyenggaraan kerja-kerja yang perlu diambil tindakan bagi memastikan peralatan berada di dalam keadaan baik.

Peralatan yang telah dipasang juga berada di dalam bilik atau tempat peralatan tersebut berada, di tempat bersesuaian dan dipasang mengikut lukisan kerja. Masih terdapat pemasangan yang perlu dilakukan sebelum kerja-kerja Testing & Commissioning dilaksanakan di dalam projek ni.

13.5.4.5. Keadaan Fizikal Peralatan/Sistem yang Telah Dipasang

- a. Pemeriksaan visual mendapati komponen *air cond ducting* dan *fan coil unit* telah dipasang. Namun terdapat kesan resapan air dan karat yang memerlukan pemeriksaan lanjut untuk memastikan sistem berfungsi dengan baik. Butirannya seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 13.10
KEADAAN FIZIKAL KOMPONEN YANG TELAH DIPASANG

PERALATAN/SISTEM	LOKASI	KETERANGAN
<i>Air Cond Ducting</i>	Bangunan Hangar	Terdapat Kesan Resapan Air di Kawasan Siling (Gambar 13.22 dan 13.23)
<i>Fan Coil Unit (FCU)</i>	Bangunan Sekolah Sistem	Kesan Karat Pada <i>Fan Coil Unit</i> (Gambar 13.24 dan 13.25)

Sumber : Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

GAMBAR 13.22



Bangunan Hangar
- Terdapat Resapan Air di Permukaan Siling
(11.07.2017)

GAMBAR 13.23



Bangunan Hangar
- Terdapat Resapan Air di Permukaan Siling
(11.07.2017)

GAMBAR 13.24



Bangunan Sekolah Sistem
- Kesan Karat Pada *Fan Coil Unit*
(11.07.2017)

GAMBAR 13.25



Bangunan Sekolah Sistem
- Kesan Karat Pada *Fan Coil Unit*
(11.07.2017)

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 20 September 2017

Skop kerja pembaikan untuk semua sistem telah diambil kira dan dimasukkan dalam Dokumen Tender (Tender Semula) projek. Keterangan gambar seperti berikut:

GAMBAR	KETERANGAN
<i>Gambar 13.22 - 13.23</i>	<u>Air Cond Ducting</u> <i>Kejadian resapan air pada ducting disebabkan kerja-kerja tidak sempurna pada bumbung hangar oleh pihak Kontraktor</i>
<i>Gambar 13.24 - 13.25</i>	<u>Kesan karat pada Fan Coil Unit</u> <i>Hasil pemeriksaan didapati kesan karat hanya pada Drain Pan Fan Coil Unit. Kesan karat disebabkan tempias hujan/air memandangkan bangunan belum sempurna dan terdedah kepada cuaca</i>

- b. Pemeriksaan visual mendapati komponen yang berkaitan masih belum siap sepenuhnya. Butirannya adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 13.11
KEADAAN FIZIKAL KOMPONEN YANG BELUM SIAP SEPENUHNYA

PERALATAN/SISTEM	LOKASI	KETERANGAN
<i>Clean Agent System</i>	Sekolah Sistem	Komponen Belum Siap Dipasang Sepenuhnya (<i>Gambar 13.26 dan 13.27</i>)
<i>Penghawa Dingin dan Sistem Pengudaraan</i>	Stor MATRA	Komponen Penghawa Dingin Belum Siap Dipasang Sepenuhnya (<i>Gambar 13.28</i>)
	Wisma Bintara	Komponen Kipas Pelawas Belum Siap Dipasang Sepenuhnya (<i>Gambar 13.29</i>)

Sumber : Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

GAMBAR 13.26




GAMBAR 13.27



Bangunan Sekolah Sistem
- *Clean Agent System* Masih Belum Siap Sepenuhnya
(11.07.2017)

GAMBAR 13.28



Bangunan Stor MATRA
- *Air Conditional* dan *Ventilation System*
Belum Dipasang Sepenuhnya
(11.07.2017)

GAMBAR 13.29



Bangunan Wisma Bintara
- *Air Conditional* dan *Ventilation System*
Belum Dipasang Sepenuhnya
(11.07.2017)

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 20 September 2017

Skop Remaining Work untuk semua sistem telah pun diambil kira dan dipersetujui dalam VM yang telah diadakan pada 2 dan 3 Mei 2017.

Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan dan pemasangan peralatan tidak memuaskan kerana terdapat kecacatan dalam kerja pembinaan dan peralatan yang terbiar, berkarat dan tidak dijaga dengan baik.

13.5.5. Penyimpanan Peralatan di Stor Penyimpanan Barang

Peralatan seperti *Air Cond Split Unit*, *Air Cond Ceiling Cassette*, *Air Cond Outdoor Unit* dan *Stater Panel* yang ditempatkan di tapak tidak dapat dipastikan sama ada masih berfungsi dengan baik kerana telah ditinggalkan tanpa sebarang senggaraan selama dua tahun enam bulan dan telah tamat tempoh waranti. Contoh peralatan seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.30



Stor Penyimpanan Barang (Material On Site)
- *Air Cond Split Unit* yang Belum Dipasang
dan Perlu Pengujian Semula
(12.07.2017)

GAMBAR 13.31



Stor Penyimpanan Barang (Material On Site)
- *Air Cond Ceiling Cassete* yang Belum Dipasang
dan Perlu Pengujian Semula
(12.07.2017)

GAMBAR 13.32



Stor Penyimpanan Barang (Material On Site)
- *Air Cond Outdoor Unit* yang Belum Dipasang
dan Perlu Pengujian Semula
(12.07.2017)

GAMBAR 13.33



Stor Penyimpanan Barang (Material On Site)
- *Stater Panel* yang Belum Dipasang
dan Perlu Pengujian Semula
(12.07.2017)


Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 20 September 2017

Semua material on-site disimpan dengan baik dalam sebuah stor penyimpanan barang yang berkunci.

13.5.6. Implikasi Kegagalan Penyiapan Projek Terhadap Pengoperasian, Penyenggaraan Pesawat EC725 dan Penempatan Anggota

13.5.6.1. Pembinaan infrastruktur Pesawat EC725 ini bertujuan untuk menempatkan pesawat dan anggota 10 Skuadron yang bertanggungjawab bagi mengendalikan pengoperasian Pesawat EC725. Hasil pemeriksaan, lawatan fizikal Audit dan temubual Audit bersama pihak TUDM pada 10 dan 11 Julai 2017 mendapati kegagalan penyiapan infrastruktur ini menyebabkan skuadron terpaksa menumpang di bangunan-bangunan lain di beberapa lokasi sementara di PU TUDM Kuantan iaitu di Bangunan *Air Movement*, Bangunan Flait Khas Udara (FKU), Hangar 17 Skuadron, Bangunan GBTS, Bangunan Terminal Peluru 1, Bangunan *North Operation Readiness Platform* (NORP), Bangunan *Alert Hangar* dan Stor MATRA 4. Lokasi penempatan sementara 10 Skuadron adalah seperti gambar rajah berikut:

**GAMBAR RAJAH 13.2
PENEMPATAN SEMENTARA 10 SKUADRON**



Sumber: 10 Skuadron, Pangkalan Udara Kuantan

13.5.6.2. Kegagalan projek ini disiapkan memberi kesan terhadap pengoperasian, penyenggaraan dan penempatan pegawai serta anggota yang berkaitan dengan Pesawat EC725 seperti berikut:

a. Bangunan Hangar

Bangunan Hangar berfungsi sebagai tempat untuk pesawat menjalani penyenggaraan dan pembaikan, penempatan pegawai/anggota yang terlibat, penyimpanan peralatan pesawat dan aktiviti berkaitan pengoperasian pesawat. Pemeriksaan fizikal dan temu bual Audit dengan pihak TUDM mendapati implikasi kegagalan penyiapan bangunan hangar adalah seperti berikut:

i. Penempatan Pesawat EC725

- Empat daripada lapan Pesawat EC725 ditempatkan di *Alert Hangar* manakala selebihnya menumpang di Hangar 17 Skudron. *Alert Hangar* merupakan lokasi bagi menempatkan pesawat pejuang dan digunakan sebagai *Ordance Loading Apron* (OLA) bagi Pesawat MiG-29N dan pesawat pejuang lain bagi tujuan penyediaan pesawat dalam tempoh kesiagaan. *Alert Hangar* juga digunakan untuk tujuan operasi dan latihan bagi Pesawat MiG-29N yang memerlukan penggunaan ruang yang menyeluruh. Penempatan Pesawat EC725 menyebabkan keseluruhan ruang tidak dapat digunakan bagi pengoperasian Pesawat MiG-29N dan pesawat pejuang lain.
- Pesawat EC725 juga dihantar ke Hangar 17 Skudron untuk tujuan pembaikan dan senggaraan kerana *portable* kren yang terdapat di *Alert Hangar* hanya mampu digunakan untuk menurunkan enjin dari pesawat sahaja. Manakala *main rotor blade*, *main rotor head* dan *main gear box* hanya boleh diturunkan dengan menggunakan kren yang terdapat di Hangar 17 Skudron. Dalam hal ini, Pesawat EC725 berkongsi hangar bersama Pesawat MiG-29N sekiranya pesawat ini melakukan senggaraan dan menyebabkan bilangan Pesawat MiG-29N yang boleh disenggara pada satu-satu masa adalah terhad.

ii. Penempatan Anggota dan Pegawai 10 Skudron

Bangunan Hangar juga sepatutnya digunakan bagi penempatan pegawai dan anggota 10 Skudron. Kegagalan bangunan ini disiapkan memberi implikasi kepada penempatan pegawai dan anggota seperti berikut:

- Pegawai Memerintah 10 Skudron hanya ditempatkan di bilik kabin;
- Juruterbang, pembantu juruterbang dan anggota *Air Quartermaster* (AQM) ditempatkan di kabin dan bangunan NORP. Senjata dan bahan letupan juga ditempatkan di dalam kabin yang sama di mana hanya sejumlah kecil senjata dan bahan letupan sahaja yang boleh ditempatkan. Memandangkan ruang yang terhad, peralatan yang melibatkan penerbangan *Very Important Person* (VIP), penugasan

terbang lintas hormat dan misi menyelamatkan terpaksa diletakkan dalam Stor Suis Utama;

- Ketua Kejuruteraan 10 Skuadron ditempatkan di *Alert Hangar* dan terpaksa berkongsi bersama pegawai kejuruteraan dan anggota juruteknik;
- pejabat pentadbiran skuadron ditempatkan di kabin berhampiran dengan *Alert Hangar*. Ruang pejabat kabin yang padat mengakibatkan anggota bahagian tadbir berkongsi meja antara mereka. Mesin faksimili juga tidak dapat disediakan disebabkan tiada talian komunikasi; dan
- ruang kerja bagi pegawai dan anggota *Search and Rescue (SAR)* adalah di bangunan *Air Movement* (sebagai pejabat pentadbiran dan stor) serta kabin di kawasan Bangunan *Alert Hangar* di NORP. Jarak kedua-dua tempat ini adalah enam kilometer dan menyukarkan urusan pentadbiran bagi anggota SAR dan anggota *standby* yang sedang bertugas. Jika terdapat operasi, anggota SAR akan mengambil masa yang lama untuk mengambil peralatan kerana peralatan SAR ditempatkan di stor di bangunan *Air Movement*.

GAMBAR 13.34



10 Skuadron, PU Kuantan
- Kabin yang Menempatkan
Bilik Pegawai Memerintah
(11.07.2017)

GAMBAR 13.35



10 Skuadron, PU Kuantan
- Ruang Kabin yang Padat
Menyebabkan Pegawai dan Anggota
Terpaksa Membuat Tugas di Luar Kabin
(11.07.2017)

GAMBAR 13.36



10 Skuadron, PU Kuantan
- Kabin yang Menempatkan Pejabat Pentadbiran
(11.07.2017)

GAMBAR 13.37



10 Skuadron, PU Kuantan
- Ruang Pejabat Pentadbiran yang Padat
(11.07.2017)

iii. Penyimpanan Peralatan *Tools*, *Aircraft Support Equipment* dan *Role Equipment*

Kegagalan penyiapan bangunan hangar menyebabkan peralatan *Tools*, *Aircraft Support Equipment* (ASE) dan *Role Equipment* yang sepatutnya disimpan secara berasingan mengikut kategori ditempatkan bersekali di stor utiliti *Alert Hangar* disebabkan kekangan ruang. Selain itu, tidak semua peralatan dapat ditempatkan di stor utiliti berkenaan menyebabkan peralatan diletakkan di ruang pejabat bangunan *Alert Hangar* seperti di ruang yang berhampiran tandas dan di ruang kerja anggota juruteknik. Terdapat juga ASE yang berada di luar *Alert Hangar* kerana ketinggian peralatan ASE ini melebihi pintu masuk hangar. Di samping itu, *special tools* yang bernilai tinggi juga disimpan di lokasi yang tidak sesuai dengan spesifikasi penyimpanannya. Keadaan penyimpanan peralatan *Tools*, ASE dan *Role Equipment* adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.38



Bangunan Alert Hangar, PU Kuantan
- *Special Tools* yang Bernilai Tinggi
Disimpan di Tempat yang Tidak Sesuai
(11.07.2017)

GAMBAR 13.39



Bangunan Alert Hangar, PU Kuantan
- Peralatan *Tools*, ASE dan *Role Equipment*
yang Disimpan di Stor Utiliti
(11.07.2017)

iv. Tiada Ruang Khas Bagi Penyimpanan *Petrol, Oil and Lubricants*


Tiada stor yang khas disediakan di kawasan *Alert Hangar* bagi tujuan penyimpanan alatan bagi kategori *Petrol, Oil and Lubricants* (POL) pesawat. Pada ketika ini skuadron menggunakan kabin Radar Mardis yang telah dilupuskan bagi penyimpanan alatan tersebut. Semasa lawatan Audit, didapati stor yang menempatkan alatan POL bocor dan air bertakung di dalamnya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.40



10 Skuadron, PU Kuantan
(11.07.2017)

GAMBAR 13.41



10 Skuadron, PU Kuantan
(11.07.2017)

v. Lokasi *Server Aircraft Maintenance and Spares Information Systems*

Aircraft Maintenance and Spares Information Systems (AMASIS) merupakan sebuah sistem pengurusan maklumat senggaraan secara *web online* yang menggunakan *Virtual Private Network* (VPN) dan talian fiber optik. Kegagalan bangunan hangar disediakan menyebabkan *server* AMASIS ini ditempatkan di bangunan Flait Khas Udara (FKU), Cawang Materiel yang mempunyai sistem pengudaraan yang tidak sesuai. Lantai yang digunakan bukannya *raised floor* dan boleh menjejaskan tahap *reliability server* AMASIS seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.42



Flait Khas Udara, PU Kuantan
- Pelayan AMASIS yang Ditempatkan di FKU
(11.07.2017)

GAMBAR 13.43



Flait Khas Udara, PU Kuantan
- Komponen Pesawat EC725 yang Disimpan di FKU
(11.07.2017)

b. Stor MATRA (Penyimpanan Alat Ganti Pesawat)

Projek infrastruktur ini meliputi pembinaan Stor MATRA bagi penyimpanan peralatan dan keperluan alat ganti pesawat yang bersaiz kecil dan besar. Stor MATRA yang gagal disediakan mengakibatkan penyimpanan alat ganti pesawat bersaiz besar seperti *Main Rotor Blade, Engine, Main Gear Box* dan *Main Rotor Head* ditempatkan bersama alat ganti pesawat lain di bangunan Materiel Udara (MATRA) 4 seterusnya menghadkan ruang bagi penyimpanan alat ganti di situ. Stor alat ganti komponen kecil pesawat pula terletak di bangunan FKU, Cawang Materiel yang berada jauh dari skuadron. Ini secara tidak langsung melambatkan proses pengambilan alat ganti dari stor ke pesawat semasa proses senggaraan. Penyimpanan alat ganti pesawat di MATRA 4 dan Stor FKU adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.44



Stor MATRA 4, PU Kuantan
- Alat Ganti Pesawat EC725 Bersaiz Besar
(11.07.2017)

GAMBAR 13.45



Stor MATRA 4, PU Kuantan
- Alat Ganti Pesawat EC725 Bersaiz Besar
(11.07.2017)

c. Penempatan Sekolah Sistem Pesawat EC725

Sekolah Sistem Pesawat EC725 pada ketika ini menggunakan bangunan *Ground Based Training System (GBTS)* milik PULATIBANG III dan Ikramatic Synergy Sdn. Bhd. bagi tujuan pembelajaran. Lokasi sekolah sistem yang jauhnya 2 km dari penempatan Pesawat EC725 mengakibatkan pembelajaran terhadap sistem pesawat kurang efektif dan secara tidak langsung proses pembelajaran dan pengendalian pesawat juga terjejas.

d. Kompleks Bomba

Skop kerja pembinaan bagi Kompleks Bomba adalah merobohkan Kompleks Bomba lama dan membina Kompleks Bomba baru bagi PU TUDM, Kuantan. Kompleks Bomba dibina bagi memberi perkhidmatan perlindungan kebakaran dalam kawasan PU TUDM, Kuantan. Kompleks Bomba yang gagal disiapkan menyebabkan kenderaan dan anggota bomba terpaksa menumpang di Pusat Latihan Bomba. Fasiliti di pusat latihan ini tidak mampu menampung kepadatan anggota, kenderaan dan peralatan bomba. Garaj kenderaan pula hanya dapat memuatkan empat buah kenderaan bomba manakala selebihnya diletakkan di luar garaj sekitar kawasan pusat latihan tersebut. Peralatan operasi seperti *fire-fighting foam* juga diletakkan di lokasi yang terdedah kepada cuaca panas kerana tiada stor simpanan. Keadaan di Pusat Latihan Bomba adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.46



Pusat Latihan Bomba, PU Kuantan
- Parkir Kenderaan Bomba yang Tidak Mencukupi
Untuk Menempatkan Lapan Buah Kenderaan Bomba
(11.07.2017)

GAMBAR 13.47



Pusat Latihan Bomba, PU Kuantan
- *Fire-Fighting Foam* Diletakkan di Lokasi Sementara
yang Terdedah Kepada Cuaca Panas
(11.07.2017)



GAMBAR 13.48

Mock-Up Tempat Latihan Bomba, PU Kuantan
- *Fire-Fighting Foam* Diletakkan di Lokasi Sementara
yang Terdedah Kepada Cuaca Panas
(11.07.2017)

Maklum Balas MINDEF yang Diterima Pada 20 September 2017

Kementerian akur dengan penemuan Audit berkenaan implikasi kegagalan projek ini disiapkan yang memberi kesan terhadap pengoperasian, penyelenggaraan dan penempatan pegawai serta anggota yang berkaitan dengan Pesawat EC725. Kegagalan projek ini juga menyebabkan pengoperasian skuadron terjejas dari semua aspek.

Pada pendapat Audit, kegagalan menyiapkan projek telah menyebabkan objektif pembinaan infrastruktur Pesawat EC725 tidak tercapai yang sepatutnya disiapkan pada bulan Mei 2014. Kegagalan ini telah menjejaskan pengoperasian, penyelenggaraan dan penempatan skuadron.

13.5.7. Pemantauan

Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

13.5.7.1. Sehingga bulan Disember 2016, JKR telah mengadakan beberapa mesyuarat antaranya ialah Mesyuarat *Non-Clarification Report* (NCR), Mesyuarat Pra-Pembinaan, Mesyuarat Tapak, Mesyuarat Koordinasi Projek, Mesyuarat Penyelarasan dan Pemantauan Projek, Mesyuarat Penyelarasan dan Pemantauan Projek Sakit, Mesyuarat Penilaian EOT, Mesyuarat Tuntutan Penambahan Kerja, Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit, Mesyuarat *Contract Coordination Panel* (CCP) JKR dan beberapa siri perbincangan memuktamadkan lukisan berkaitan pengurusan projek dan pembinaan ini.

13.5.7.2. Antara perkara yang dibincangkan di dalam mesyuarat tersebut ialah kemajuan kerja yang tidak memberangsangkan seperti kelewatan memuktamadkan lukisan reka bentuk hangar berkonsepkan *column free* yang telah menjejaskan kerja di tapak bina, kegagalan mengemukakan jadual T&C dan tuntutan perubahan kerja serta EOT. Selain itu, terdapat pelbagai isu di tapak yang masih tidak dapat diselesaikan seperti masalah kekurangan tenaga pekerja dan kewangan kontraktor.

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 17 Oktober 2017

Koordinasi telah dibuat bersama kontraktor/perunding dan isu-isu telah dapat diselesaikan melalui mesyuarat-mesyuarat yang telah dilaksanakan:-

a. Pertikaian reka bentuk hangar telah dapat diselesaikan dan pelarasan harga kontrak serta bayaran dilaksanakan.

- b. Isu keluasan ruang bangunan hangar telah dapat diselesaikan dan APK telah dikeluarkan serta bayaran dilaksanakan.*
- c. Isu keluasan ruang bangunan lain telah dapat diselesaikan dan pelarasan harga kontrak serta bayaran dilaksanakan.*
- d. Isu Lanjutan Masa telah diselesaikan dan EOT telah dikeluarkan kepada kontraktor selepas dokumen lengkap serta keputusan tuntutan diterima.*
- e. Kualiti kerja dipantau melalui mesyuarat dan pengauditan di tapak bersama perunding/ kontraktor. Senarai NCR telah dikeluarkan tetapi kontraktor tidak mengambil tindakan terhadap sebahagian NCR tersebut sehingga penamatan kontrak dibuat.*

Pada pendapat Audit, pemantauan oleh JKR tidak memuaskan kerana walaupun mesyuarat serta perbincangan yang melibatkan kontraktor, JKR dan TUDM dibuat dengan kerap, namun ia masih tidak berkesan serta tidak dapat menyelesaikan masalah yang timbul dalam pelaksanaan projek ini disebabkan tiada koordinasi yang berkesan antara JKR dan kontraktor/perunding.

13.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Pembinaan Infrastruktur Bagi Pesawat EC725 di Pangkalan Udara TUDM Kuantan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan perkara dibangkitkan tidak berulang yang menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kerugian, adalah disyorkan JKR dan Kementerian memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 13.6.1. memastikan penilaian tender terhadap keupayaan kontraktor untuk melaksanakan projek pembinaan dilakukan dengan teliti;
- 13.6.2. menjalankan pemantauan yang berterusan terhadap kontraktor dan perunding supaya tiada perubahan kerja yang melibatkan penambahan kos projek dilakukan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada JKR; dan
- 13.6.3. memastikan pengujian dibuat terhadap keseluruhan pendawaian dan peralatan yang telah dipasang/dibekalkan bagi menentukan keadaan semasa peralatan tersebut sama ada masih boleh digunakan atau memerlukan pembaikan dan pendawaian semula.

14. JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA - PENGURUSAN KAD PEKERJA ASING (i-KAD)

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah jabatan yang mengawal selia pergerakan keluar masuk orang di pintu masuk Malaysia dan bertanggungjawab mengeluarkan visa, pas dan permit kepada warganegara asing. Selain itu, JIM juga mengeluarkan kad pekerja asing yang merupakan dokumen pengenalan diri bagi pekerja asing yang dikeluarkan bersama Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang telah dikuatkuasakan melalui Seksyen 11 (10) Akta Imigresen 1959/63. Pengeluaran kad pekerja asing telah dilaksanakan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 9 Ogos 2012. Pada 2 Oktober 2013, kad pekerja asing dikenali sebagai *iPass* telah dikeluarkan kepada pekerja asing. Pada 31 Oktober 2013, Menteri Dalam Negeri bersetuju *iPass* ditukar nama kepada i-Kad.


14.1.2. Pengeluaran i-Kad adalah berdasarkan tujuh sektor pekerjaan yang dibezakan dengan warna yang berlainan iaitu sektor ekspatriat (emas), pertanian (hijau), perladangan (jingga), pembinaan (kelabu), perkhidmatan (kuning), perkilangan (merah) dan pembantu rumah (coklat). i-Kad yang dikeluarkan dilengkapi dengan kod keselamatan data pekerja asing (Nexcode) dan *contactless chip* di mana maklumat biometrik pekerja asing di dalam i-Kad boleh dicapai secara *online* melalui *Nexcode* yang dipautkan dengan pangkalan data biometrik JIM manakala secara *offline* melalui *contactless chip*. Tempoh sah laku i-Kad adalah berdasarkan tempoh sah laku PLKS iaitu setahun. Ciri-ciri fizikal i-Kad ditunjukkan seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.1



Pandangan Muka Hadapan i-KAD
(Sumber: PNMB)

GAMBAR 14.2



Pandangan Muka Belakang i-KAD
(Sumber: PNMB)

14.1.3. Penggunaan i-Kad membolehkan pekerja asing tidak membawa pasport setiap masa tetapi memadai membawa i-Kad sebagai pengenalan diri kerana maklumat pekerja asing boleh diakses secara dalam talian ketika penguatkuasaan. Selain itu, penggunaan i-Kad dalam pekerjaan seharian membantu mengelakkan pasport pekerja asing daripada hilang dan rosak.

14.1.4. Bahagian Pekerja Asing, JIM bertanggungjawab untuk mengurus, menyelia dan menyerahkan i-Kad untuk sektor pekerjaan pertanian, perladangan, pembinaan, perkhidmatan, perkilangan dan pembantu rumah kepada majikan/wakil selepas permohonan bagi pengambilan pekerja asing diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) pula dilantik secara rundingan terus oleh KDN bagi perolehan i-Kad setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MoF) pada 6 Mac 2014. Kontrak Pembekalan, Penyediaan Sistem Aplikasi, Penyelenggaraan, Percetakan dan Penyerahan Kad Pekerja Asing (i-Kad) bernilai RM465.35 juta telah ditandatangani pada 2 Mac 2015 bagi tempoh lima tahun bermula 15 Januari 2014 hingga 14 Januari 2019.

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan kad pekerja asing (i-Kad) telah diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

14.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi lima bidang utama (key area) iaitu prestasi pengurusan i-Kad, prestasi kewangan, pentadbiran kontrak, pengurusan pelaksanaan dan pemantauan i-Kad di Bahagian Pekerja Asing, JIM bagi enam sektor pekerjaan iaitu sektor pertanian, perladangan, pembinaan, perkhidmatan, perkilangan dan pembantu rumah. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Hal Ehwal Imigresen dan Bahagian Perolehan di KDN, Bahagian Pekerja Asing, Bahagian Kewangan, Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod di JIM serta pejabat PNMB meliputi tempoh tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 iaitu bermula daripada proses percetakan i-Kad sehingga penggunaan i-Kad di kalangan pekerja asing.

14.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

14.4.1. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menjalankan analisis terhadap data i-Kad. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat telah diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Pemeriksaan fizikal ke pusat cetakan i-Kad dan lawatan ke syarikat yang dipilih serta kajian soal selidik kepada majikan telah dijalankan pada bulan Januari hingga bulan April 2017.

14.4.2. Pemeriksaan Audit telah dijalankan di Pusat Operasi Cetakan (POC) i-Kad di JIM Shah Alam, Jalan Duta, Putrajaya dan Pejabat My E.G. Services Berhad (MyEG) Damansara untuk memastikan cetakan dan serahan i-Kad mengikut prosedur yang ditetapkan serta penyimpanan kad mentah di POC berkenaan. Asas pemilihan pusat cetakan ini adalah berdasarkan prosedur cetakan yang berbeza seperti jadual berikut:

**JADUAL 14.1
PUSAT OPERASI CETAK I-KAD YANG DILAWATI**

ASAS PEMILIHAN	PUSAT OPERASI CETAKAN	KAWASAN/NEGERI	TARIKH LAWATAN
i-Kad dicetak setelah menerima pasport	Pejabat JIM	Putrajaya, Wilayah Persekutuan	18.01.2017
i-Kad dicetak tanpa pasport	Pejabat PNMB	Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur	20.01.2017
	Pejabat JIM	Shah Alam, Selangor	23.01.2017
		Jalan Duta, Kuala Lumpur	25.01.2017
	Ibu Pejabat MyEG	Damansara, Kuala Lumpur	26.01.2017

Sumber: Jabatan Audit Negara

14.4.3. Semua data i-Kad yang diperoleh dari sistem myIMMS dan *server* i-Kad bagi tempoh tahun 2014 hingga ke tarikh pengauditan telah dianalisis. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap pemilikan i-Kad oleh 256 pekerja asing dari enam sektor pekerjaan yang masih sah telah dipilih sebagai sampel untuk memastikan pekerja asing telah menerima dan memiliki i-Kad tulen serta menggunakan i-Kad tersebut sebagai dokumen pengenalan diri. Pemeriksaan ini dijalankan di lima buah syarikat seperti jadual berikut:

**JADUAL 14.2
PEMERIKSAAN FIZIKAL I-KAD**

SEKTOR	NAMA SYARIKAT/MAJIKAN	TEMPAT	TARIKH LAWATAN
Perkilangan	Kilang Sate Kajang Haji Samuri	Bandar Baru Bangi, Selangor	06.02.2017
Perkhidmatan	Restoran Ali Maju Sdn. Berhad	Wangsa Maju, Kuala Lumpur	13.02.2017
Pertanian	Bharat Tea Plantation Sdn. Berhad	Cameron Highlands, Pahang	22.02.2017
Pembinaan	Syarikat Langkah Murni Outsourcing Sdn. Berhad	Tapak Pembinaan Eco Majestic, Semenyih	23.02.2017
Perladangan	Ladang West, Syarikat Sime Darby Plantation Sdn. Berhad	Pulau Carey, Klang, Selangor	08.03.2017
Pembantu Rumah	-	Setapak dan Putrajaya	13.02.2017 12.04.2017

Sumber: Jabatan Audit Negara

14.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2016 hingga bulan Mac 2017 mendapati objektif pelaksanaan i-Kad sebagai dokumen pengenalan diri pekerja asing tidak tercapai kerana terdapat i-Kad gagal diserahkan, lewat diserahkan dan pekerja asing masih ditahan oleh pihak penguatkuasa walaupun mempunyai i-Kad. Berdasarkan lima bidang utama yang dinilai, secara keseluruhan pengurusan i-Kad adalah tidak

memuaskan kerana terdapat kelemahan dalam bidang utama prestasi pengurusan i-Kad, pentadbiran kontrak, pengurusan pelaksanaan i-Kad dan pemantauan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- i. sebanyak 824,119 atau 15.1% i-Kad gagal diserahkan dari tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 dan sebanyak 1,584,616 atau 29.1% i-Kad yang tiada status;
- ii. kontrak lewat ditandatangani iaitu selama tujuh bulan sembilan hari;
- iii. kelemahan dokumen kontrak di mana tidak memperincikan pendekatan dan jadual pembayaran serahan i-Kad, tempoh serahan 100 unit alat pengimbas cip i-Kad *desktop* dan harga alat pengimbas tersebut;
- iv. Peraturan-Peraturan Imigresen (Pindaan) 2017 masih dalam peringkat draf dan belum diwartakan;
- v. syarat kontrak tidak dipatuhi iaitu penyenggaraan mesin cetak dan *server* i-Kad tidak dilaksanakan mengikut kekerapan yang ditetapkan serta Jadual Penyenggaraan Pusat Data dan Mesin Cetak tidak disediakan. Selain itu, i-Kad yang tamat tempoh selepas gagal diserahkan kepada majikan dan rosak tidak diserahkan kepada JIM, sebaliknya disimpan oleh PNMB;
- vi. sebanyak 260,795 i-Kad lewat dicetak melebihi tempoh sepatutnya i-Kad diserahkan;
- vii. sebanyak 931,729 i-Kad telah lewat diserahkan kepada majikan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 iaitu melebihi 35 hari dari tarikh cetakan PLKS dan sejumlah RM4.32 juta penalti bagi tempoh yang sama tidak dikenakan terhadap kontraktor iaitu PNMB atas kelewatan penyerahan kad kepada majikan; dan
- viii. naziran terhadap pelaksanaan i-Kad tidak dilaksanakan dan penalti kelewatan penyerahan i-Kad tidak dibincangkan dalam mesyuarat berkaitan pelaksanaan dan pemantauan i-Kad.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KDN dan JIM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 28 Ogos 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:


14.5.1. Prestasi Pengurusan i-Kad

14.5.1.1. Pihak PNMB bertanggungjawab mencetak dan menyerahkan kesemua i-Kad kepada majikan. Percetakan i-Kad dilaksanakan oleh kakitangan PNMB di setiap pejabat pengeluar PLKS yang mempunyai Pusat Operasi Cetak (POC) di pejabat JIM dan pejabat MyEG bagi tujuan tersebut. Setakat bulan Mac 2017, terdapat 25 lokasi pejabat pengeluar PLKS di seluruh Malaysia iaitu pejabat PNMB (mencetak i-Kad untuk JIM yang tidak mempunyai kemudahan POC iaitu JIM Kelantan, Pahang, Perlis dan Terengganu serta pejabat JIM

Kulim dan Langkawi), Ibu Pejabat MyEG dan lima cawangannya serta 18 pejabat Jabatan Imigresen Negeri/kaunter ekspres.

14.5.1.2. Analisis Audit mendapati daripada 25 pejabat pengeluar PLKS, jumlah cetakan i-Kad yang tertinggi dari tahun 2014 hingga bulan Mac 2017 adalah di MyEG iaitu sebanyak 2,135,542 i-Kad (39.2%), diikuti oleh JIM Putrajaya sebanyak 660,807 i-Kad (12.1%) dan JIM Kuala Lumpur sebanyak 562,181 i-Kad (10.3%). i-Kad tersebut telah dicetak berdasarkan sektor iaitu pertanian, perladangan, pembinaan, perkhidmatan, perkilangan dan pembantu rumah. Butiran lanjut bagi 5,449,989 i-Kad yang dicetak mengikut sektor adalah seperti carta berikut:

CARTA 14.1
JUMLAH CETAKAN i-KAD MENGIKUT SEKTOR
BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017



Sumber: PNMB

14.5.1.3. Daripada 5,449,989 i-Kad telah dicetak bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan Mac 2017, sebanyak 3,041,254 i-Kad (55.8%) berjaya diserahkan, sebanyak 824,119 (15.1%) i-Kad gagal diserahkan serta sebanyak 1,584,616 (29.1%) i-Kad tiada status. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.3
STATUS CETAKAN DAN SERAHAN i-KAD
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017

TAHUN	JUMLAH CETAKAN (Unit)	BERJAYA		GAGAL		TIADA STATUS	
		(Unit)	%	(Unit)	%	(Unit)	%
2014	1,531,913	281,681	18.4	116,544	7.6	1,133,688	74.0
2015	1,692,819	1,071,879	63.3	432,811	25.6	188,129	11.1
2016	1,811,122	1,366,338	75.4	252,212	14.0	192,572	10.6
Januari - Mac 2017	414,135	321,356	77.6	22,552	5.4	70,227	17.0
JUMLAH	5,449,989	3,041,254	55.8	824,119	15.1	1,584,616	29.1

Sumber: Data PNMB

14.5.1.4. Berdasarkan jadual di atas, analisis Audit mendapati trend percetakan i-Kad meningkat dari tahun 2014 hingga 2016. Ini disebabkan oleh peningkatan permohonan PLKS, pelaksanaan cetakan enam hari seminggu oleh pihak PNMB dan pembukaan POC baru untuk serahan di kaunter pejabat JIM. Peratusan i-Kad yang berjaya diserahkan daripada jumlah i-Kad yang dicetak telah menunjukkan peningkatan iaitu 18.4% atau 281,681 i-Kad pada tahun 2014, 63.3% atau 1,071,879 i-Kad pada tahun 2015, 75.4% atau 1,366,338 i-Kad pada tahun 2016 dan 77.6% atau 321,356 i-Kad dari bulan Januari hingga bulan Mac 2017. Peningkatan ini disumbang oleh faktor penambahbaikan proses kerja sedia ada oleh pihak JIM dan PNMB.

14.5.1.5. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati sebanyak 824,119 atau 15.1% i-Kad gagal diserahkan daripada jumlah i-Kad yang dicetak bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan Mac 2017. Pada tahun 2014, sebanyak 7.6% atau 116,544 i-Kad gagal diserahkan berbanding 1,531,913 i-Kad yang telah dicetak. Peratusan i-Kad yang gagal diserahkan telah meningkat pada tahun 2015 kepada 25.6% atau 432,811 i-Kad berbanding 1,692,819 i-Kad yang dicetak. Peratusan peningkatan ini adalah sebanyak 271.4% atau 316,267 i-Kad berbanding tahun 2014. Namun, peratusan i-Kad yang gagal diserahkan telah menurun pada tahun 2016 kepada 14.0% atau 252,212 i-Kad berbanding 1,811,122 i-Kad yang dicetak. Kadar penurunan ini adalah sebanyak 41.7% atau 180,599 i-Kad berbanding tahun 2015. Pihak PNMB berjaya menurunkan kadar peratusan kegagalan serahan dengan membuka lapan POC baru pada tahun 2016 di JIM Selangor, JIM Perak, JIM Negeri Sembilan, JIM Kedah, JIM Sandakan, JIM Tawau, JIM Lahad Datu dan MyEG Melaka untuk tujuan cetakan dan serahan i-Kad. Pihak Audit mendapati sebanyak 707,574 atau 85.9% daripada 824,119 i-Kad yang gagal diserahkan adalah merupakan serahan yang dibuat secara kurier.

14.5.1.6. Selain itu, analisis Audit mendapati wujud i-Kad yang tiada status iaitu sebanyak 1,584,616 atau 29.1% i-Kad daripada jumlah i-Kad yang dicetak. Ini merujuk kepada i-Kad yang telah dicetak untuk serahan kepada majikan namun, status sama ada i-Kad telah diterima atau tidak oleh majikan tidak dapat disahkan. Pemeriksaan Audit mendapati PNMB telah menyerahkan i-Kad yang dicetak di POC kepada JIM untuk serahan kaunter dan kepada MyEG untuk serahan oleh MyEG serta cetakan di PNMB dilakukan secara kurier. Bagaimanapun, tiada status serahan i-Kad direkodkan dalam *server* i-Kad oleh JIM, MyEG dan kurier bagi menentukan sama ada i-Kad telah diserahkan kepada majikan atau tidak. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada rekod diselenggara bagi serahan dan terimaan i-Kad di kaunter oleh PNMB dan JIM.

14.5.1.7. Berdasarkan maklum balas JIM, faktor utama kegagalan penyerahan i-Kad adalah disebabkan pertukaran alamat, perpindahan majikan, kesilapan pada alamat dan alamat tidak dapat dikesan. Bagi serahan yang tiada status, ia berpunca daripada ketiadaan maklumat status serahan i-Kad berdasarkan kaedah serahan yang berbeza pada setiap tahun seperti berikut:

- a. serahan dan penyelenggaraan rekod serahan i-Kad pada tahun 2014 dikendalikan sepenuhnya oleh syarikat lantikan PNMB iaitu Syarikat Bestinet Sdn. Berhad;
- b. serahan i-Kad pada tahun 2015 dibuat melalui perkhidmatan kurier yang dilantik oleh PNMB dan pengemaskinian status serahan dilakukan secara berperingkat; dan
- c. bagi tahun 2016 serahan dibuat melalui kaunter JIM dengan menggunakan sistem eSPP dan serahan oleh MyEG. Bagi tempoh tersebut, penggunaan sistem eSPP tidak menyeluruh kerana tiada Prosedur Operasi Piawai (SOP). Bagaimanapun, pada 10 Julai 2017 SOP eSPP telah diluluskan oleh Ketua Pengarah JIM bagi membolehkan semua rekod serahan diselenggarakan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan prestasi pengurusan i-Kad adalah memuaskan kerana peratusan i-Kad yang berjaya diserahkan telah meningkat. Bagaimanapun, terdapat i-Kad yang masih gagal diserahkan dan tiada status telah menjejaskan kecekapan dan keberkesanan pengurusan i-Kad.

14.5.2. Prestasi Kewangan

14.5.2.1. Pembayaran kepada kontraktor adalah berdasarkan bilangan i-Kad yang berjaya diserahkan kepada majikan dan juga i-Kad yang gagal diserahkan tetapi memenuhi syarat pembayaran seperti yang dinyatakan dalam kontrak.

14.5.2.2. Berdasarkan kontrak yang ditandatangani berjumlah RM465.35 juta, sejumlah RM89.36 juta (19.2%) telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2014 sehingga bulan Mac 2017. Kos kontrak yang ditandatangani bagi tempoh tahun 2014 hingga 2019 ini masih berbaki RM375.99 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 14.4
KOS KONTRAK DAN PERBELANJAAN i-KAD
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017**

KONTRAK		PERBELANJAAN		BAKI KONTRAK	
PERKARA	JUMLAH (RM Juta)	TAHUN	JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	PERATUS (%)
Kos Kontrak Tahun 2014 - 2019	465.35	2014	2.00	375.99	80.8
		2015	86.06		
		2016	1.28		
		Sehingga Mac 2017	0.02		
JUMLAH	465.35		89.36		

Sumber: JIM dan PNMB

14.5.2.3. Berdasarkan **Jadual 14.5**, analisis Audit mendapati sehingga bulan Mac 2017, sejumlah RM1.87 juta dibelanjakan bagi tuntutan 62,159 i-Kad ekspatriat dan sejumlah RM87.49 juta bagi 2,196,200 i-Kad sektor yang lain bagi tuntutan tahun 2014 dan 2015. Tuntutan bagi i-Kad sektor lain yang dicetak pada tahun 2016 telah dibuat oleh PNMB namun masih belum dibayar oleh JIM atas sebab ketiadaan peruntukan. Tuntutan bagi i-Kad yang dicetak dan diserahkan bagi tempoh bulan Januari hingga bulan Mac 2017 masih belum dibuat oleh PNMB. Butiran lanjut pembayaran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.5
PEMBAYARAN KEPADA PNMB
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA BULAN MAC 2017

TAHUN	i-KAD SEKTOR LAIN		i-KAD SEKTOR EKSPATRIAT	
	TUNTUTAN (Unit)	BAYARAN (RM)	TUNTUTAN (Unit)	BAYARAN (RM)
2014	51,497	2,000,000	-	-
2015	2,144,703	54,044,027	20,732	567,864
		31,443,954		
Jumlah Kecil	2,196,200	87,487,981	20,732	567,864
2016	2,009,860	Telah dituntut tetapi belum dibayar	34,520	1,279,836
Sehingga Mac 2017	276,980	Belum dituntut	6,907	22,176
JUMLAH KESELURUHAN	4,483,040	87,487,981	62,159	1,869,876

Sumber: JIM dan PNMB

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan adalah baik kerana peruntukan telah digunakan mengikut tujuan dan objektif peruntukan kecuali tuntutan bagi i-Kad sektor lain untuk tahun 2016 masih belum dibayar kerana tiada peruntukan.

14.5.3. Pentadbiran Kontrak

14.5.3.1. Pelantikan PNMB dibuat secara rundingan terus untuk pembekalan, penyediaan sistem aplikasi, penyelenggaraan, percetakan dan penyerahan kad pekerja asing (i-Kad) oleh KDN atas dasar PNMB merupakan syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan yang terlibat dengan pelbagai urusan percetakan dan pengeluaran dokumen Kerajaan. Butiran kontrak adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.6
BUTIRAN KONTRAK

PERKARA	BUTIRAN
Skop Kontrak	Pembekalan, penyediaan sistem aplikasi, penyelenggaraan, percetakan dan penyerahan kad pekerja asing (i-Kad)
Tempoh Perjanjian	Lima tahun (15 Januari 2014 -14 Januari 2019)
Nilai Perjanjian	RM465,350,000
Harga Seunit Kad	RM41
Bon Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> • RM4,653,500 (5% daripada nilai setahun perjanjian dan sah laku untuk tempoh 12 bulan selepas tamat perjanjian) • Sah laku sehingga 14 Januari 2020

Sumber: Bahagian Perolehan, KDN

14.5.3.2. Semakan Audit mendapati proses perolehan dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan di mana proses rundingan terus telah dibuat dengan teratur, surat setuju terima dan kontrak telah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa dan bon pelaksanaan telah dikemukakan seperti yang disyaratkan kecuali perkara seperti berikut:

a. Kontrak Lewat Ditandatangani

- i. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK4 – Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan (1PP-PK4) Perenggan 1(ii)(b)(1) menyatakan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh keluarnya surat setuju terima (SST). Semakan Audit selanjutnya mendapati kontrak tersebut telah lewat ditandatangani iaitu selama tujuh bulan sembilan hari dari tarikh SST dikeluarkan pada 21 Mac 2014.
- ii. Pihak KDN memaklumkan kontrak i-Kad lengkap ditandatangani oleh kedua-dua pihak (Kerajaan dan Kontraktor) pada 2 Mac 2015 adalah berikutan daripada semakan keputusan dasar seperti Penyediaan SOP, penentuan hak milik sistem aplikasi i-Kad dan sistem penguatkuasaan, pindaan lain yang berkaitan dalam klausa kontrak dan migrasi penggunaan iPASS kepada i-Kad di Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat (ESD). Selain itu, komponen teknikal seperti Pembangunan Sistem Verifikasi Pengeluaran dan Penghantaran i-Kad dan penyediaan maklumat lengkap berkaitan spesifikasi berserta penerangan bagi setiap *security features* i-Kad perlu diambil kira untuk dimasukkan dalam dokumen kontrak tersebut.

Maklum Balas JIM yang Diterima Pada 20 Oktober 2017

Bahagian Perolehan, KDN telah mengeluarkan surat permohonan pengecualian khas kepada Kementerian Kewangan pada 17 Oktober 2017 bagi kontrak-kontrak yang ditandatangani melebihi empat bulan dari tarikh SST termasuk kontrak i-Kad.

b. Kelemahan Dokumen Kontrak

- i. 1PP-PK4 Perenggan 1(iii)(a)(1) menyatakan agensi adalah dikehendaki mengambil perhatian berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak. Ini adalah bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Selain itu, klausa 10.4 dalam kontrak menyatakan Kontraktor hendaklah membekal, membungkus, menghantar, menguji 100 pengimbas cip i-Kad *desktop*

bersama aksesori atau kelengkapan terkini selaras dengan perkembangan teknologi semasa menurut kuantiti, lokasi, masa dan spesifikasi yang ditetapkan oleh Kerajaan.

- ii. Semakan Audit mendapati kontrak ini tidak memperincikan pendekatan dan jadual pembayaran serahan i-Kad, tempoh serahan 100 unit alat pengimbas cip i-Kad *desktop* dan harga alat pengimbas tersebut. Sejak kontrak ditandatangani pada 2 Mac 2015 sehingga tarikh pengauditan, kesemua 100 unit pengimbas cip i-Kad *desktop* masih belum dibekalkan dan latihan penggunaannya masih belum dilaksanakan oleh kontraktor. Sehubungan itu Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) dan pemindahan teknologi belum dilaksana sepenuhnya. Berdasarkan maklum balas pihak JIM, pengimbas cip i-Kad *desktop* ini dalam proses ujian teknikal bagi memastikan peralatan yang dibekalkan menepati keperluan iaitu dapat membaca cip, dapat mengimbas *Nexcode* pada i-Kad, dapat membaca atau mengimbas cap jari pemegang kad dan maklumat pemegang kad dapat diakses daripada sistem secara *real-time* dengan *mobile data*.

Maklum Balas JIM yang Diterima Pada 8 September 2017

Pembelian 100 unit pengimbas cip i-Kad ini telah dibuat oleh PNMB. Alat ini dijangka diterima oleh PNMB pada 13 Oktober 2017 dan akan dibekalkan kepada JIM pada 18 Oktober 2017. Alat ini dapat digunakan pada 23 Oktober 2017.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak adalah memuaskan kerana kontrak telah dilaksanakan mengikut peraturan kecuali kontrak lewat ditandatangani dan kelemahan dokumen kontrak di mana kepentingan Kerajaan tidak dijaga.

14.5.4. Pengurusan Pelaksanaan i-Kad

14.5.4.1. Draf Peraturan-Peraturan Imigresen (Pindaan) 2017 Belum Diwartakan

Berdasarkan surat Penasihat Undang-Undang JIM (PUU JIM) bertarikh 5 Disember 2013, caj bagi proses i-Kad tidak boleh dikutip kerana pengeluaran i-Kad tidak mempunyai sebarang kesan undang-undang dan ia dilaksanakan secara pentadbiran sahaja sehingga Draf Pindaan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 (Pelaksanaan i-Kad) diwartakan. Sehingga tarikh pengauditan, pindaan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 (Pelaksanaan i-Kad) masih di peringkat draf dan belum diwartakan. Sehubungan itu, i-Kad masih dilaksanakan secara pentadbiran sahaja dan ini boleh menyebabkan pekerja asing ditahan

oleh penguatkuasa kerana i-Kad tidak diiktiraf sebagai dokumen rasmi pengenalan diri pekerja asing oleh pihak penguatkuasa. Berdasarkan maklum balas JIM, pihak KDN dan JIM mengambil maklum pandangan Penasihat Undang-Undang JIM bertarikh 5 Disember 2013 bahawa caj bagi proses i-Kad tidak boleh dikutip kerana pengeluaran i-Kad tidak mempunyai sebarang kesan undang-undang. Selain itu, maklum balas PUU JIM menyatakan Draf Pindaan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 (Pelaksanaan i-Kad) telah digantikan dengan Draf Peraturan-Peraturan Imigresen (Pindaan) 2017. Draf ini telah disemak oleh Pejabat PUU JIM dan ia tidak melibatkan pengenaan caj bagi pengeluaran i-Kad.

Maklum Balas JIM yang Diterima Pada 20 Oktober 2017

Pewartaan Peraturan-Peraturan Imigresen (Pindaan) 2017 telah dipanjangkan ke pejabat PUU KDN pada 30 Ogos 2017 bagi proses semakan serta pewartaan dan dilaksanakan setelah diluluskan oleh Parlimen.

14.5.4.2. Pengiktirafan i-Kad Sebagai Dokumen Pengenalan Diri Pekerja Asing

- a. Objektif pelaksanaan i-Kad adalah sebagai dokumen pengenalan diri kepada pekerja asing kerana maklumat pekerja asing boleh diakses secara dalam talian semasa penguatkuasaan dijalankan. Selain itu, pekerja asing juga tidak perlu lagi membawa pasport setiap kali keluar.
- b. Sebanyak 236 soal selidik telah diedarkan menggunakan medium emel dan serahan borang soal selidik kepada majikan di pejabat JIM Putrajaya, Selangor dan syarikat yang dilawati oleh pihak Audit. Daripada 236 borang yang diedarkan, sebanyak 136 (57.6%) borang soal selidik telah dikembalikan. Analisis Audit terhadap soal selidik tersebut mendapati perkara seperti berikut:
 - i. sebanyak 84 (62.3%) orang majikan/wakil majikan daripada 134 yang menjawab soalan berkaitan penguatkuasaan menyatakan pihak polis tidak mengiktiraf i-Kad sebagai dokumen pengenalan diri menyebabkan pekerja asing ditahan oleh pihak polis. Ini adalah kerana pihak polis menghadapi kesukaran untuk mengesahkan ketulenan i-Kad dan perlu merujuk kepada JIM atau PNMB bagi tujuan pengesahan tersebut; dan
 - ii. sebanyak 111 (82.9%) orang majikan/wakil majikan daripada 125 yang menjawab soalan berkaitan kepuasan penggunaan i-Kad bersetuju dan berpuas hati dengan penggunaan i-Kad sebagai dokumen pengenalan diri untuk pekerja asing serta sebanyak 98 (78.4%) daripada 127

responden bersetuju dan berpuas hati i-Kad membantu pekerja asing dalam semua urusan harian.

- c. Lawatan Audit ke lima buah syarikat bagi lima sektor pekerjaan yang berbeza mendapati, 245 (95.7%) daripada 256 pekerja asing telah menggunakan i-Kad sebagai pengenalan diri semasa bekerja kecuali 11 orang tidak membawa i-Kad bersama semasa bekerja. Mengikut maklum balas JIM, satu surat arahan bertarikh 11 Ogos 2017 telah dikeluarkan kepada majikan untuk memastikan semua pekerja asing supaya sentiasa membawa i-Kad sebagai dokumen pengenalan diri bagi memudahkan pemeriksaan oleh agensi penguatkuasa.

Pada pendapat Audit, pengurusan pewartaan i-Kad adalah tidak memuaskan kerana Peraturan-Peraturan Imigresen (Pindaan) 2017 masih dalam peringkat draf dan belum diwartakan. Selain itu, pengiktirafan i-Kad sebagai dokumen pengenalan diri adalah tidak memuaskan kerana terdapat pekerja asing yang masih ditahan oleh pihak berkuasa.

14.5.4.3. Pelaksanaan i-Kad Tidak Mematuhi Klausula Kontrak

- a. Kontrak adalah dokumen yang mengikat perjanjian antara dua pihak yang mempunyai implikasi undang-undang. Setiap pihak yang menandatangani kontrak adalah terikat dengan tanggungjawab masing-masing berdasarkan kontrak tersebut. Kontrak yang baik adalah kontrak yang ditadbir dengan teratur, cekap dan sempurna bagi memastikan tiada penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa serta dapat memberi nilai pulangan yang terbaik kepada Kerajaan khususnya.
- b. Semakan Audit mendapati PNMB telah mematuhi obligasi kontrak seperti menyediakan infrastruktur untuk percetakan i-Kad dari aspek modal insan, penyediaan sistem aplikasi dan POC, menyediakan kaunter serahan serta menguruskan serahan i-Kad kepada pengguna, membantu Kerajaan mengadakan publisiti, mengemukakan laporan statistik mingguan dan menyediakan manual proses kerja serta dokumentasi berkaitan. Bagaimanapun, terdapat beberapa syarat yang ditetapkan dalam kontrak yang ditandatangani tidak dipatuhi dan boleh diperbaiki di masa akan datang seperti jadual berikut:

JADUAL 14.7
KETIDAKPATUHAN KEPADA KLAUSA KONTRAK

NO.	KLAUSA DALAM KONTRAK	PENEMUAN AUDIT	SEBAB
1.	Klausa 10.5 Kontraktor hendaklah menyenggara mesin cetak dan <i>server</i> i-Kad dengan kekerapan tiga bulan sekali untuk mesin pencetak dan enam bulan sekali untuk <i>server</i> di pusat data bagi mengelakkan sebarang masalah atau penangguhan pada proses pengeluaran i-Kad.	Semakan Audit mendapati pihak PNMB tidak melaksanakan penyenggaraan mesin cetak dan <i>server</i> i-Kad dengan kekerapan tiga bulan sekali untuk mesin pencetak dan enam bulan sekali untuk <i>server</i> di pusat data. Selain itu, PNMB tidak menyediakan Jadual Penyenggaraan Pusat Data dan Mesin Cetak seperti yang dikehendaki di dalam kontrak. Ini boleh menyebabkan operasi percetakan i-Kad tergendala apabila berlaku kerosakan mesin cetak dan <i>server</i> yang tidak disenggara. Semakan lanjut mendapati PNMB hanya melaksanakan pembaikan apabila mesin cetak rosak.	Pihak JIM memaklumkan penyenggaraan mesin cetak yang telah dilakukan tidak direkodkan.
2.	Klausa 14.3 Semua i-Kad yang gagal diserahkan kepada penerima disebabkan faktor-faktor yang dibenarkan hendaklah diserahkan oleh kontraktor kepada JIM untuk tindakan selanjutnya.	Pemeriksaan Audit ke PNMB pada 20 Januari 2017 mendapati i-Kad yang gagal diserahkan telah disimpan oleh PNMB. Ini boleh menyebabkan kehilangan dan salah guna i-Kad berlaku. Semakan lanjut Audit mendapati PNMB menyimpan i-Kad tersebut untuk serahan semula kepada majikan/wakil majikan melalui <i>call center</i> , Pejabat PNMB. i-Kad ini akan diambil sendiri oleh majikan/wakil majikan dan sekiranya tidak dituntut sehingga tamat tempoh sah, i-Kad ini akan disimpan oleh PNMB bersama kad yang rosak sebelum dilupuskan.	Pihak JIM telah bersetuju secara lisan agar kad yang gagal diserahkan ini disimpan oleh PNMB berdasarkan beberapa faktor : <ul style="list-style-type: none"> • Pihak JIM berhadapan dengan kekangan ruang simpanan berikutan kad-kad yang gagal diserahkan ini memerlukan satu ruang simpanan khas dan perlu diuruskan sekiranya terdapat tuntutan dari majikan untuk mengambil semula i-Kad tersebut. • Pihak PNMB mewujudkan Perkhidmatan Khidmat Pelanggan (Customer Service) bagi membolehkan majikan menuntut semula i-Kad yang gagal diterima sebelum ini. Perkhidmatan ini diharap dapat meningkatkan kadar berjaya serah i-Kad kepada majikan. • Pihak PNMB mempunyai rekod simpanan yang lebih teratur yang memudahkan proses pencarian.

Sumber: Semakan Audit

Maklum Balas JIM yang Diterima Pada 20 Oktober 2017

- a. PNMB telah merekodkan semua penyenggaraan mesin cetak dan server i-Kad bermula pada 16 Mei 2017; dan***
- b. Pindaan Klausa 14.3 dalam dokumen tersebut telah dimuktamadkan dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan A Kementerian Dalam Negeri pada 19 September 2017 supaya semua i-KAD yang gagal diserahkan kepada penerima disimpan di pejabat PNMB.***

Pada pendapat Audit, pematuhan pada klausa kontrak adalah memuaskan kecuali tiada bukti penyenggaraan dilakukan serta penyimpanan kad rosak dan tamat tempoh oleh kontraktor.

14.5.4.4. Percetakan i-Kad

- a. Klausula 10.2.5 kepada kontrak menyatakan Kontraktor hendaklah mencetak i-Kad mengikut spesifikasi yang dinyatakan di Jadual 2 dalam kontrak seperti rekabentuk, ciri-ciri keselamatan seperti cip dan kod, warna kad yang telah ditetapkan dan menyediakan sistem aplikasi i-Kad dan mesin cetak. Klausula 14.1 kepada kontrak pula menyatakan Kontraktor hendaklah mencetak dan menyerahkan i-Kad kepada penerima (majikan) dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh PLKS dicetak. Sekiranya Kontraktor gagal menyerahkan i-Kad dalam tempoh 21 hari tersebut, Kontraktor diberi tempoh 14 hari bekerja untuk mengenal pasti punca penyerahan gagal dan cuba untuk menyerahkan semula i-Kad tersebut kepada penerima.
- b. Semakan Audit mendapati i-Kad telah dicetak memenuhi spesifikasi seperti yang dinyatakan dalam kontrak. Bagaimanapun, terdapat sebanyak 260,795 i-Kad lewat dicetak melebihi tempoh sepatutnya i-Kad diserahkan. Analisis Audit mendapati selepas tempoh 35 hari, sebanyak 35,529 i-Kad telah lewat dicetak pada tahun 2014, 156,158 i-Kad pada tahun 2015 dan 69,108 i-Kad pada tahun 2016. Tempoh kelewatan yang tertinggi adalah sehingga 293 hari pada tahun 2014, 229 hari pada tahun 2015 dan 736 hari pada tahun 2016. Analisis Audit selanjutnya mendapati sebanyak 1,790 i-Kad telah lewat dicetak melebihi 200 hari iaitu sebanyak 1,685 i-Kad bagi tahun 2014, 80 i-Kad pada tahun 2015 dan 25 i-Kad bagi tahun 2016. Daripada 1,790 i-Kad tersebut, sebanyak sembilan i-Kad dicetak melebihi 400 hari. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan cetakan i-Kad tidak dikenakan penalti kerana berdasarkan kontrak, penalti hanya akan dikenakan kepada i-Kad yang berjaya diserahkan tetapi lewat dan pembayaran tidak akan dibuat selagi i-Kad yang dicetak tidak berjaya diserahkan kepada majikan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 14.8
KELEWATAN PERCETAKAN i-KAD
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	2014		2015		2016	
	BILANGAN KAD	TEMPOH MASA LEWAT*	BILANGAN KAD	TEMPOH MASA LEWAT*	BILANGAN KAD	TEMPOH MASA LEWAT*
Pertanian	620	1 – 204	96	1 – 17	11,984	1 – 195
Perladangan	1,372	1 – 228	2,028	1 – 80	16,796	1 – 421
Pembinaan	8,456	1 – 248	41,797	1 – 192	6,905	1 – 736
Perkhidmatan	3	1 – 134	15,581	1 – 222	16,257	1 – 723
Perkilangan	20,650	1 – 215	86,012	1 – 229	15,169	1 – 407
Pembantu Rumah	4,428	1 – 293	10,644	1 – 123	1,997	1 – 448
JUMLAH KESELURUHAN	35,529		156,158		69,108	

Sumber: Data JIM dan PNMB

Nota: (*) - Tidak Termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum

- c. Berdasarkan maklum balas JIM, kelewatan ini adalah disebabkan perkara berikut:
- i. bagi tahun 2014 cetakan i-Kad hanya dapat dilakukan selepas pihak PNMB menerima serahan *counterfoil* dari pihak JIM dan perlu didaftar masuk ke dalam sistem secara manual sebelum cetakan dan serahan i-Kad dapat dilakukan;
 - ii. bagi tahun 2015 pihak PNMB perlu mencetak data PLKS 2014 yang masih tertunggak berjumlah 27,848 termasuk data e-PLKS MyEG. Pada tahun 2015 juga, serahan i-Kad bergantung kepada prestasi perkhidmatan kurier yang dilantik untuk menghantar kad-kad yang telah dicetak kepada majikan; dan
 - iii. bagi tahun 2016 pihak PNMB perlu mencetak data PLKS 2015 yang masih tertunggak berjumlah 93,889.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan cetakan i-Kad adalah memuaskan kerana i-Kad telah dicetak mengikut prosedur kecuali sebanyak 260,795 i-Kad lewat dicetak melebihi tempoh sepatutnya i-Kad diserahkan iaitu 35 hari. Ini telah menjejaskan serahan dan penggunaan i-Kad di kalangan pekerja asing.

14.5.4.5. Penyerahan i-Kad

i-Kad yang telah dicetak, diserahkan kepada majikan/wakil majikan pekerja asing mengikut lokasi dan kaedah permohonan. Pada tahun 2014, PNMB melantik Syarikat Bestinet Sdn. Berhad untuk mengurus penyerahan i-Kad bagi pihaknya. Mulai tahun 2015, penyerahan i-Kad dibuat melalui tiga kaedah iaitu melalui serahan kaunter, kurier dan MyEG. Serahan kaunter dilaksanakan bagi i-Kad yang dikeluarkan bersama dengan permohonan PLKS kali pertama. Serahan secara kurier adalah bagi cetakan i-Kad di pejabat PNMB dan pejabat JIM yang tiada POC juga untuk permohonan PLKS kali pertama. Serahan MyEG dilaksanakan bagi i-Kad yang dikeluarkan bersama dengan permohonan pembaharuan PLKS.

a. Kelewatan Penyerahan i-Kad

Klausa 6.2 kepada kontrak menyatakan Kontraktor hendaklah membungkus, menyerahkan dan membuat pengesahan penerimaan i-Kad kepada Penerima yang sah. Klausa 14.1 kepada kontrak pula menyatakan Kontraktor hendaklah mencetak dan menyerahkan i-Kad kepada penerima (majikan) dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh PLKS dicetak. Sekiranya Kontraktor gagal menyerahkan i-Kad dalam tempoh 21 hari tersebut, Kontraktor diberi

tempoh 14 hari bekerja untuk mengenal pasti punca penyerahan gagal dan cuba untuk menyerahkan semula i-Kad tersebut kepada penerima.

- i. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, daripada 2,719,898 i-Kad yang berjaya diserahkan kepada majikan/wakil majikan, sebanyak 931,729 (34.3%), telah lewat diserahkan. Daripada 931,729 i-Kad yang lewat diserahkan, sebanyak 168,560 i-Kad (18.1%) telah lewat diserahkan untuk tahun 2014, 281,934 i-Kad (30.3%) pada tahun 2015 dan 481,235 i-Kad (51.6%) pada tahun 2016. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 622,708 (22.9%) i-Kad daripada 2,719,898 i-Kad yang berjaya diserahkan, tidak dapat ditentukan tempoh sebenar serahan i-Kad tersebut kerana tiada tarikh cetakan PLKS atau tarikh serahan i-Kad.
- ii. Berdasarkan maklum balas JIM, PNMB telah menambahbaik sistem serahan dengan memperoleh data cetakan PLKS secara terus tanpa perlu menggunakan *counterfoil* pada tahun 2014. Selain itu, pada tahun 2015, i-Kad *Deliveries Management System* (IDMS) telah digunakan bagi merekod serahan i-Kad dan pada tahun 2016, serahan melalui sistem Surat Pengesahan Penerimaan Elektronik (eSPP) diperkenalkan untuk merekod tarikh serahan semasa dan tarikh bungkusan dipulangkan kepada PNMB bagi serahan melalui perkhidmatan kurier.

Maklum Balas JIM yang Diterima Pada 8 September 2017

Kes kelewatan tertinggi bagi tahun 2014 dan tahun 2015 merujuk kepada tarikh data tersebut masuk ke dalam sistem i-Kad kerana arahan pelaksanaan dan penambahbaikan ini hanya diketahui pada bulan Mac 2015 setelah perjanjian dimeterai. Proses penambahbaikan integrasi melibatkan field tarikh cetak PLKS berlaku dan berjaya diterima oleh sistem i-Kad bermula bulan Ogos 2015.

Pada pendapat Audit, serahan i-Kad adalah tidak memuaskan kerana terdapat kelewatan serahan i-Kad kepada majikan menyebabkan pekerja asing tidak mendapat manfaat dari pelaksanaan i-Kad sebagai dokumen pengenalan diri.

b. Penalti Tidak Dikenakan ke Atas i-Kad yang Berjaya Diserahkan Tetapi Melebihi Tempoh Ditetapkan

- i. Klausula 14.2 pula menyatakan Kontraktor akan dikenakan penalti bagi setiap keping i-Kad yang melewati tempoh 35 hari dari tarikh PLKS dicetak dan akan dikenakan penalti berdasarkan pengiraan 1% x RM41 x Hari Kelewatan (selepas 35 hari). Jumlah maksimum penalti yang boleh

dikenakan kepada kontraktor adalah RM5.00 bagi setiap i-Kad yang dihantar selepas 35 hari dari tarikh PLKS dicetak.

- ii. Semakan Audit mendapati kelewatan serahan sebanyak 931,729 daripada 2,719,898 i-Kad yang berjaya diserahkan kepada majikan/wakil majikan dari tahun 2014 hingga tahun 2016 tidak dikenakan penalti. Mengikut perkiraan Audit, jumlah penalti yang patut dikenakan kepada kontraktor berdasarkan tempoh kelewatan serahan adalah RM4.32 juta iaitu bagi tahun 2014 dan tahun 2015 adalah berjumlah RM2.18 juta dan bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM2.14 juta. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**JADUAL 14.9
KELEWATAN SERAHAN I-KAD DAN PENALTI YANG
PATUT DIKENAKAN KEPADA MAJIKAN**

TEMPOH KELEWATAN (Hari)	PERKIRAAN PENALTI (RM)	2014		2015		2016	
		Bilangan i-Kad	Penalti (RM)	Bilangan i-Kad	Penalti (RM)	Bilangan i-Kad	Penalti (RM)
1	0.41	0	0.00	3,318	1,360.38	8,198	3,361.18
2	0.82	0	0.00	3,271	2,682.22	8,503	6,972.46
3	1.23	0	0.00	2,850	3,505.50	10,462	12,868.26
4	1.64	0	0.00	2,664	4,368.96	10,249	16,808.36
5	2.05	0	0.00	2,681	5,496.05	10,174	20,856.70
6	2.46	1	2.46	2,062	5,072.52	10,534	25,913.64
7	2.87	0	0.00	2,536	7,278.32	9,306	26,708.22
8	3.28	59	193.52	1,903	6,241.84	11,271	36,968.88
9	3.69	12	44.28	1,902	7,018.38	9,446	34,855.74
10	4.10	77	315.70	1,526	6,256.60	10,358	42,467.80
11	4.51	0	0.00	2,036	9,182.36	9,659	43,562.09
12	4.92	131	644.52	1,631	8,024.52	12,180	59,925.60
13	5.00	0	0.00	1,892	9,460.00	11,241	56,205.00
n*	5.00	168,280	841,400.00	251,662	1,258,310.00	349,654	1,748,270.00
JUMLAH		168,560	842,600.48	281,934	1,334,257.65	481,235	2,135,743.93

Sumber: Data JIM dan PNMB

Nota: (n*) = (hari kelewatan seterusnya)

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati PNMB telah membuat permohonan pengecualian penalti kepada JIM pada 15 Februari 2016 atas kelewatan mengeluarkan i-Kad yang disebabkan oleh lambakan data *backlog* MyEG. Ini kerana PNMB hanya menerima arahan pada bulan Julai 2015 untuk mencetak sebanyak 304,522 data MyEG bagi tempoh bulan April hingga bulan Julai 2015. Sehingga tarikh pengauditan, tiada sebarang kelulusan pengecualian diberikan oleh pihak KDN. Selain itu, PNMB telah membuat pengurangan melalui tuntutan bagi i-Kad yang dicetak dan diserahkan tahun 2016 setelah mengambil kira penalti yang patut dikenakan berjumlah RM5.33 juta ke atas i-Kad yang lewat diserahkan bagi tempoh tahun 2016 sehingga bulan Julai 2017.

- iv. Berdasarkan maklum balas JIM, surat permohonan pengecualian penalti yang dimohon oleh PNMB telah tersilap hantar ke JIM dan bukannya ke KDN untuk mendapatkan kelulusan. JIM juga memaklumkan, penalti tidak dikenakan pada tahun 2014 kerana integrasi di antara sistem i-Kad dan sistem myIMMs hanya bermula pada bulan Ogos 2014. Kelewatan serahan tidak dapat ditentukan berikutan permohonan PLKS sebelum dari tarikh ini menggunakan *counterfoil* di mana data pelekat PLKS dimasukkan (key-in) secara manual ke dalam sistem.

Maklum Balas JIM yang Diterima Pada 20 Oktober 2017

Permohonan pengecualian penalti akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Contract Coordination Panel (CCP) yang dijadualkan bersidang pada 31 Oktober 2017 untuk diperakukan kepada Perbendaharaan bagi kelulusan lanjut.

Pada pendapat Audit, pengurusan penalti adalah tidak memuaskan kerana penalti tidak dikenakan terhadap i-Kad yang lewat diserahkan sebagaimana dinyatakan dalam kontrak. Ini menyebabkan Kerajaan tidak dapat mengutip hasil berjumlah RM4.32 juta bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

14.5.5. Pemantauan

14.5.5.1. Pemantauan dan perancangan yang teratur dapat membantu meningkatkan kecekapan. JIM hendaklah memastikan i-Kad yang dikeluarkan diterima oleh majikan.

14.5.5.2. Semakan Audit mendapati pihak JIM telah mengadakan mesyuarat bersama pihak KDN, PNMB, MyEG dan Syarikat S5 Biotech Sdn. Berhad (S5) sebagai aktiviti pemantauan pengurusan i-Kad. Antara mesyuarat yang telah diadakan ialah Mesyuarat Kerja Bahagian Pekerja Asing (J), Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH), Pelaksanaan i-Kad Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Penyelarasan Pengemaskinian Maklumat Bagi Mengatasi Isu Pelaksanaan i-Kad. Semakan lanjut mendapati sebanyak 24 mesyuarat telah dilaksanakan dari tahun 2014 sehingga tarikh pengauditan. Mesyuarat telah membincangkan mengenai pengurusan i-Kad dan masalah berkaitan dengannya telah diambil tindakan.

14.5.5.3. Pihak Audit juga mendapati aktiviti naziran dan makluman penguatkuasaan i-Kad kepada penguatkuasa lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) tidak dibincangkan dalam mesyuarat yang diadakan. Selain itu, pemantauan terhadap isu penalti atas kelewatan serahan i-Kad juga tidak

dibincangkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak JIM hanya menjalankan naziran pemilikan i-Kad pada awal tahun 2017. Berdasarkan makluman pihak JIM, naziran tidak dapat dijalankan sebelum ini kerana masih dalam proses penambahbaikan dan pengemaskinian SOP i-Kad.

Maklum Balas JIM yang Diterima Pada 8 September 2017

JIM dan PDRM telah melaksanakan sesi engagement melalui beberapa siri roadshow easy engagement di Zon Selatan, Zon Utara, Zon Pantai Timur dan Zon Tengah pada tahun 2015. Selain itu, Mesyuarat PEMUDAH Bilangan 4 Tahun 2017 telah membangkitkan berkaitan i-Kad pekerja asing yang tidak diiktiraf oleh PDRM semasa penguatkuasaan. Ketua Setiausaha KDN telah mengemukakan surat kepada Ketua Polis Negara pada 14 Jun 2017 bagi memaklumkan penggunaan i-Kad pelajar dan pekerja asing bagi tujuan penguatkuasaan.

Pada pendapat Audit, pemantauan untuk pelaksanaan i-Kad tidak memuaskan kerana tiada naziran dijalankan, tiada koordinasi antara JIM dengan penguatkuasa yang lain dan penalti tidak dibincangkan sepanjang tempoh i-Kad dilaksanakan.

14.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan pengurusan i-Kad di Bahagian Pekerja Asing JIM, langkah penambahbaikan perlu diambil segera untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusannya. Sehubungan itu, adalah disyorkan pihak JIM mengambil tindakan seperti berikut:

- 14.6.1. memastikan semua i-Kad yang dicetak diserahkan dengan jayanya kepada majikan dengan menambah baik kaedah dan prosedur pengurusan pelaksanaan i-Kad;
- 14.6.2. menyegerakan proses pewartaan i-Kad dan mengambil tindakan segera mengenai integrasi dan koordinasi dengan agensi penguatkuasa seperti PDRM dengan cara mengeluarkan surat pemakluman penggunaan i-Kad dan mengadakan mesyuarat bersama bagi mengiktiraf penggunaan i-Kad sebagai dokumen rasmi pekerja asing; dan
- 14.6.3. meningkatkan pemantauan terhadap serahan i-Kad bagi memastikan tiada kelewatan penerimaan i-Kad oleh majikan dan penalti dikenakan terhadap kontraktor atas kelewatan yang berlaku.



BAHAGIAN II
PELAKSANAAN AKTIVITI BADAN-BADAN
BERKANUN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN II

PELAKSANAAN AKTIVITI BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

15. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Badan Berkanun Persekutuan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Sebanyak enam aktiviti Badan Berkanun Persekutuan telah dipilih untuk diaudit bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Badan Berkanun Persekutuan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan. Maklum balas yang diterima daripada Badan Berkanun Persekutuan dan agensi berkenaan telah diambil kira dalam laporan ini.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

16. LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

- PENGURUSAN KOMPLEKS PERIKANAN LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) diperbadankan menurut Akta 49, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 sebagai badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Objektif utama LKIM adalah untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan, memperkembang dan memajukan perusahaan perikanan negara. Berdasarkan arahan Ketua Setiausaha MOA no. rujukan KP.O.2015/49-03 bertarikh 21 September 1982, LKIM juga bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur sektor perikanan termasuk kompleks perikanan, jeti pendaratan ikan dan labuhan perikanan.

16.1.2. Objektif kompleks perikanan (kompleks) adalah untuk menyediakan kemudahan pendaratan, pengendalian, penyimpanan dan pemasaran ikan yang bersepadu dan moden, mewujudkan pemusatan pendaratan ikan bagi menggalakkan pembangunan industri perikanan dan mewujudkan *one stop centre* bagi menyediakan perkhidmatan kepada nelayan.

16.1.3. Setakat bulan Mac 2017, LKIM memiliki 45 kompleks di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 20 dibina oleh LKIM termasuk empat masih dalam pembinaan manakala 25 kompleks lagi diambil alih daripada jabatan/agensi lain/swasta seperti Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pernas-OUE. Kemudahan yang disediakan di kompleks antaranya adalah seperti jeti pendaratan ikan, jeti tambatan, *slipway* (bengkel membaiki bot), dewan pemasaran, pejabat LKIM/peniaga, stor simpanan ikan dan bilik sejuk, pasar borong ikan, dewan lelong dan loji membekal bahan api/air batu.

16.2. OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kompleks dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif kompleks perikanan.

16.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi tujuh bidang utama (key area) iaitu prestasi kewangan, prestasi output kompleks (pendaratan ikan), pengurusan bangunan/kemudahan/peralatan dan kepenggunaannya, status fizikal kompleks/kemudahan/peralatan, penyenggaraan kompleks, penyewaan kompleks/kemudahan dan pematuhan peraturan pengurusan yang merangkumi tempoh tahun 2014 hingga Mac 2017. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat LKIM, Puchong, Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP), MOA, Pejabat LKIM Negeri serta 17 kompleks di Negeri Johor, Melaka, Kelantan, Terengganu, Sarawak, Perlis, Kedah, dan Selangor.

16.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis rekod serta dokumen berkaitan pengurusan kompleks termasuk data perikanan di LKIM Ibu Pejabat/Negeri, BPSP dan di kompleks yang dilawati. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat serta pengguna kompleks diadakan untuk penjelasan lisan dan ketepatan maklumat yang dilaporkan. Selain itu, lawatan fizikal turut dijalankan pada bulan April hingga Jun 2017 di 17 kompleks.

16.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan April hingga Jun 2017 mendapati pembangunan kompleks perikanan LKIM sebagai prasarana bagi mencapai objektif kompleks secara amnya adalah memuaskan. Ini adalah kerana kompleks telah dibina sebagai pusat aktiviti pendaratan sehingga pemasaran ikan laut yang bersepadu dan moden selain menggalakkan pembangunan industri perikanan serta sebagai *one stop center* bagi nelayan. Selain itu, kuantiti pendaratan ikan berbanding kapasitinya di enam

kompleks telah mencapai 105.6% hingga 365.8% dan empat kompleks mencapai 75% hingga 100% serta tahap kebersihan di empat kompleks adalah memuaskan. Bagaimanapun dari segi output (pendaratan ikan) dan pengurusan kompleks, berlaku kelemahan seperti berikut:

- i. peratus purata kuantiti pendaratan ikan laut serta nilainya di semua 41 kompleks LKIM yang beroperasi bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016 berbanding pendaratan di seluruh Malaysia adalah masih rendah iaitu 16.5% dengan nilainya 7.8%. Selain itu, berdasarkan kapasiti kompleks pula mendapati peratus purata kuantiti pendaratan ikan laut adalah 43.5%. Walaupun sepuluh kompleks (24.4%) daripada 41 kompleks mencatat kuantiti pendaratan ikan melebihi 75% daripada kapasitinya namun 25 kompleks (61%) mencapai pendaratan ikan di bawah 25% berbanding kapasitinya, malah tujuh kompleks daripadanya mencatat pendaratan di bawah 1%;
- ii. tujuh kompleks tidak diguna sepenuhnya manakala 254 kemudahan bernilai RM1.15 juta di sepuluh kompleks dan 48 peralatan bernilai RM2.84 juta di lapan kompleks tidak digunakan. Selain itu, 36 kemudahan/peralatan *Good Handling Practices* dan *Good Hygeine Practices* dikhususkan untuk pengeksportan ke Kesatuan Eropah (EU) di tujuh kompleks bernilai RM100,217 tidak digunakan;
- iii. kerja pemulihan dan pembuangan enapan yang berulang di Kompleks Perikanan Sungai Duyong, Melaka berjumlah RM1.82 juta masih tidak dapat menyelesaikan masalah mendapan lumpur;
- iv. sewaan kompleks/kemudahan/peralatan di 12 kompleks berjumlah RM0.81 juta tertunggak bagi tempoh masa yang lama melibatkan 15 penyewa;
- v. perjanjian pengurusan kompleks dan penyewaan kemudahan di tiga kompleks tidak dimeterai. Selain itu, pemilik tanah melanggar klausa perjanjian penyewaan tanah;
- vi. ketidakpatuhan kepada peraturan pengurusan kompleks seperti penambatan vesel bukan di tempat yang sepatutnya, pemunggahan ikan tidak mengikut kaedah serta pengubahan dan pembinaan struktur dalam kawasan kompleks tanpa kelulusan Ketua Pengarah LKIM; dan
- vii. tahap penyenggaraan, kebersihan dan kerja pembinaan kompleks tidak memuaskan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas LKIM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 19 September 2017. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

16.5.1. Prestasi Kewangan

LKIM telah menyediakan peruntukan sejumlah RM59.97 juta bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 meliputi peruntukan pembangunan sejumlah RM35.05 juta dan peruntukan mengurus sejumlah RM24.92 juta. Semakan Audit mendapati

perbelanjaan pembangunan setakat 31 Disember 2016 adalah sejumlah RM30.81 juta (87.9%) dan perbelanjaan mengurus sejumlah RM24.65 juta (98.9%) menjadikan perbelanjaan keseluruhannya sejumlah RM55.46 juta (92.5%). Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 16.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN MENGURUS
BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Peruntukan Pembangunan				
2014	14.45	10.26	4.19	71.0
2015	4.00	3.95	0.05	98.8
2016	16.60	16.60	-	100.0
JUMLAH	35.05	30.81	4.24	87.9
Peruntukan Mengurus				
2014	9.54	9.54	-	100.0
2015	4.54	4.53	0.01	99.8
2016	10.84	10.58	0.26	97.6
JUMLAH	24.92	24.65	0.27	98.9
JUMLAH KESELURUHAN	59.97	55.46	4.51	92.5

Sumber: LKIM

Pada pendapat Audit, perbelanjaan keseluruhan peruntukan bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah memuaskan kerana tahap perbelanjaan secara keseluruhannya melebihi 92 peratus.

16.5.2. Prestasi Pengurusan Kompleks

16.5.2.1. Prestasi Pendaratan Ikan Laut

a. Kuantiti dan Nilai Pendaratan Ikan Laut di Kompleks LKIM Seluruh Malaysia

- i. Salah satu objektif kompleks adalah untuk mewujudkan pemusatan pendaratan ikan bagi menggalakkan pembangunan industri perikanan. Analisis Audit terhadap kuantiti pendaratan ikan laut serta nilainya di semua 41 kompleks perikanan LKIM yang telah siap bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016 di seluruh Malaysia (juga meliputi kompleks dan jeti swasta/persendirian/*beach landing*) adalah masih rendah iaitu 1.23 juta metrik tan (mt) (16.5%) dengan nilainya sejumlah RM3.495 billion (7.8%) berbanding jumlah keseluruhan di Malaysia iaitu 7.47 juta mt dengan nilainya sejumlah RM44.601 billion. Analisis selanjutnya terhadap purata kuantiti dan nilai pendaratan ikan di kompleks perikanan LKIM di seluruh Malaysia bagi 5 tahun (2012 hingga 2016) adalah sebanyak 0.25 juta mt setahun atau 16.5%, manakala dari segi nilainya adalah sejumlah RM698.95 juta setahun atau 7.8%.

- ii. Berdasarkan maklum balas daripada soal selidik, nelayan tiada/kurang minat untuk mendaratkan ikan di kompleks LKIM menyebabkan kuantiti pendaratan ikan laut adalah rendah. Ini adalah kerana nelayan menghadapi masalah dalam pendaratan ikan di kompleks LKIM ekoran daripada masalah mendapan yang berlaku di jeti pendaratan dan muara sungai menghala ke kompleks serta lokasi kompleks LKIM yang jauh daripada kawasan penangkapan ikan. Selain itu, semakan Audit selanjutnya mendapati, pendaratan ikan baja (anak ikan) juga telah menjejaskan kuantiti pendaratan ikan komersial. Semakan Audit mendapati pendaratan ikan baja di tujuh kompleks yang dilawati bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 adalah sebanyak 0.04 juta mt dengan nilai sejumlah RM72.91 juta.

Maklum Balas LKIM yang Diterima Pada 15 September 2017

Prestasi pendaratan yang rendah antaranya adalah disebabkan oleh kompleks LKIM tidak dibina di kawasan pengeluaran ikan yang utama [terutamanya di Sabah dan Perak Selatan (Hutan Melintang dan Bagan Datuk)] disebabkan wujudnya kompleks/jeti swasta yang sedia ada dan isu pemilikan tanah negeri oleh LKIM. Selain itu, terdapat juga kompleks menghadapi masalah mendapan lumpur yang serius dan tidak sesuai untuk pendaratan ikan. Bagi pendaratan ikan baja, LKIM tidak mempunyai dasar untuk tidak membenarkan pendaratan ikan baja ini oleh bot pukat tunda. Bagaimanapun, pihak DOF telah mengambil tindakan melarang penggunaan pukat tunda secara berperingkat dan dijangka berkuatkuasa sepenuhnya pada tahun 2020.

Pada pendapat Audit, kuantiti/nilai pendaratan ikan di kompleks perikanan LKIM di seluruh Malaysia adalah tidak memuaskan kerana kuantiti/nilai pendaratan ikan secara keseluruhannya adalah masih di tahap yang rendah. Ini menyebabkan salah satu objektif kompleks iaitu mewujudkan pemusatan pendaratan ikan masih belum dicapai sepenuhnya.

b. Pendaratan Ikan Berdasarkan Kapasiti Kompleks

- i. Saiz kompleks yang dibina adalah berdasarkan kepada unjuran kapasiti pendaratan ikan secara tahunan. Hasil analisis pendaratan ikan di 41 kompleks bagi tempoh dua hingga lima tahun (2012 hingga 2016) berdasarkan kapasiti kompleks secara puratanya adalah 43.5%. Hasil analisis purata pencapaian kapasiti pendaratan ikan laut setahun berasaskan julat purata pendaratan bagi tempoh dua hingga lima tahun (2012 hingga 2016) adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 16.2
PENDARATAN IKAN BERDASARKAN KAPASITI**

PURATA PENCAPAIAN KAPASITI Pendaratan Ikan Laut Setahun	BIL. KOMPLEKS	PERATUS (%)
≥ 100%	6	14.6
≥ 75 – < 100%	4	9.8
≥ 50 – < 75%	2	4.9
≥ 25 – < 50%	4	9.8
≥ 1 – < 25%	18	43.9
< 1%	7	17.0
JUMLAH	41	100.0

Sumber: LKIM

- ii. Analisis selanjutnya terhadap purata pendaratan ikan laut melebihi 100% dan kurang daripada 25% daripada kapasitinya adalah seperti berikut:
- pencapaian terbaik adalah di enam kompleks iaitu antara 105.6% hingga 365.8%. Kompleks yang terlibat adalah Kompleks Perikanan Lumut, Perak, Geting, Kelantan, Kuala Muda, Kedah, Kuantan, Pahang serta Kuala Muda dan Teluk Bahang, Pulau Pinang. Antara faktor pencapaian melebihi kapasiti ini adalah disebabkan wujudnya kerjasama dengan Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan yang mengarahkan/mewajibkan semua nelayan di sekitar kawasan berkenaan mendaratkan hasil penangkapan ikan di kompleks perikanan LKIM.
 - sebanyak 25 kompleks mencapai tahap tidak memuaskan iaitu kurang daripada 25% berdasarkan kapasitinya malah tujuh kompleks daripadanya mencatat pendaratan di bawah 1%.
- iii. Berdasarkan maklum balas daripada soal selidik, sebab utama nelayan kurang mendaratkan ikan laut di kompleks perikanan LKIM adalah kerana sebahagian besar nelayan lebih cenderung mendaratkan hasil tangkapan di jeti swasta/persendirian atau secara *beach landing* kerana memudahkan pendaratan ikan pada bila-bila masa dan masalah kecekatan air sungai/laut sama ada di kawasan kompleks perikanan LKIM atau di muara sungai yang menghala ke kompleks perikanan LKIM. Selain itu, kewujudan kompleks perikanan swasta yang memberi perkhidmatan dan kemudahan seperti pinjaman dan pendahuluan kewangan kepada nelayan sebagai daya tarikan juga menyebabkan nelayan lebih cenderung untuk mendaratkan ikan di kompleks perikanan swasta berbanding kompleks perikanan LKIM.

Maklum Balas LKIM yang Diterima Pada 15 September 2017

Antara sebab kekurangan pendaratan ikan adalah kerana waktu pendaratan ikan yang terhad iaitu antara jam 5 pagi hingga 10 pagi (nature of business). Bagaimanapun LKIM sedang dalam penelitian kembali kapasiti pendaratan ikan berdasarkan nature of business. Selain itu, di antara usaha oleh LKIM untuk menarik nelayan mendaratkan ikan di kompleks adalah mewujudkan insentif hasil tangkapan ikan (IHTI) serta sesi engagement yang berterusan bersama nelayan dan pengguna kompleks. Selain itu, dasar Kerajaan telah menggalakkan pendaratan ikan secara besar-besaran (fleet fishing) bagi tujuan untuk meningkatkan pengeluaran ikan negara juga akan meningkatkan pendaratan ikan laut di kompleks perikanan LKIM.

Pada pendapat Audit, kuantiti/nilai pendaratan ikan di kompleks perikanan LKIM berdasarkan kapasitinya adalah tidak memuaskan kerana kuantiti/nilai pendaratan ikan secara puratanya adalah kurang daripada 50%. Ini menyebabkan salah satu objektif kompleks sebagai *one stop center* bagi menyediakan perkhidmatan kepada nelayan masih belum dicapai sepenuhnya.

16.5.2.2. Prestasi Penggunaan Kompleks Perikanan

a. Kompleks Perikanan Tidak Digunakan Sepenuhnya

- i. Objektif kompleks adalah untuk menyediakan kemudahan pendaratan, pengendalian, penyimpanan dan pemasaran ikan yang bersepadu dan moden, mewujudkan pemusatan pendaratan ikan bagi menggalakkan pembangunan industri perikanan dan mewujudkan *one stop centre* bagi menyediakan perkhidmatan kepada nelayan. Bagi tujuan ini, LKIM telah menyediakan 41 kompleks perikanan seluruh Malaysia. Lawatan Audit ke 17 kompleks perikanan mendapati sepuluh kompleks digunakan secara optimum manakala tujuh kompleks lagi tidak digunakan sepenuhnya. Antara sebabnya adalah lokasi kompleks berjauhan daripada muara sungai/tidak strategik di mana berlaku masalah mendapan lumpur secara berterusan dan kewujudan kompleks swasta berdekatan dengan kompleks perikanan LKIM. Selain itu, didapati juga kajian *viability* dan kajian *feasibility* tidak dilaksanakan menyebabkan tahap kepenggunaan pada masa akan datang tidak dapat ditentukan pada awal perancangan pembinaan kompleks. Butiran lanjut enam kompleks (tidak termasuk Kompleks Perikanan Kuala Linggi, Melaka) yang tidak digunakan sepenuhnya dan maklum balas LKIM adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.3
KOMPLEKS PERIKANAN LKIM YANG TIDAK DIGUNAKAN
SEPENUHNYA DAN MAKLUM BALAS LKIM

BIL.	KOMPLEKS PERIKANAN	TAHUN BINA DAN KOS	PENEMUAN AUDIT (SEBAB NELAYAN TIDAK MENGGUNAKAN/TIDAK BERMINAT MENGGUNAKAN KOMPLEKS)	MAKLUM BALAS LKIM YANG DITERIMA PADA 15 SEPTEMBER DAN 13 OKTOBER 2017
1.	Sungai Duyong, Melaka	2008 (RM40.50 Juta)	<p>Kompleks tidak diguna kerana:</p> <p>i. enapan lumpur di <i>harbour basin</i> kompleks menyebabkan vesel nelayan tidak dapat mendarat. Kerja pengorekan lumpur masih sedang dilaksanakan. (Gambar 16.1)</p> <p>ii. enapan di muara Sungai Duyong menyebabkan aras air cetek menyukarkan pelayaran keluar masuk melalui muara tersebut.</p> <p>Bagaimanapun, jeti sementara bersebelahan kompleks dibina tetapi masih belum digunakan. (Gambar 16.2)</p>	<p><i>Satu Mesyuarat Penyelaras Bagi Cadangan Projek Pemuliharaan Muara Sg. Duyong bersama pihak BPSP dan JPS Melaka telah diadakan pada 9 Oktober 2017. Keputusan mesyuarat adalah seperti yang berikut:</i></p> <p><u>Tindakan BPSP, MOA</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. BPSP akan membuat kajian berkaitan: <ol style="list-style-type: none"> a. enapan lumpur yang masuk ke dalam basin. b. Laluan kedua bagi menggantikan laluan masuk asal bagi tempoh penggunaan jangka masa panjang. 2. BPSP akan menyediakan infrastruktur berikut yang perlu disiapkan sebelum tahun 2018: <ol style="list-style-type: none"> a. Pancang jenis konkrit – 40 batang. b. Floating jetty. c. Lampu penanda di luar muara sungai. d. Pembinaan pelantar di jeti sementara – 3 Unit. e. Pengorekan lumpur secara berkala di dalam basin kompleks. <p><u>Tindakan LKIM</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Urusniaga jualan diesel bersubsidi dijangka bermula pada bulan November 2017 dan akan menyediakan laporan jualan minyak diesel dan pendaratan ikan oleh nelayan bot enjin laut dalam. • Sehingga kini, 3 engagement telah dibuat (25.11.2016, 08.03.2017 dan 12.09.2017) dengan nelayan dan akan dilaksanakan secara berterusan setelah keperluan di dalam kompleks siap).
2.	Kuala Selangor, Selangor	2007 (RM22.50 Juta)	<p>Jeti pendaratan ikan tidak digunakan sepenuhnya oleh nelayan (Gambar 16.3) kerana:</p> <p>i. jarak antara kompleks dengan muara Sungai Selangor sejauh 5 kilometer adalah tidak kos efektif</p> <p>ii. kewujudan jeti-jeti swasta yang lebih dekat dengan muara sungai.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pada Bulan Januari 2017 telah bermula pendaratan ikan dan kerang oleh 7 buah bot tempatan. Bermula bulan November 2017, satu syarikat akan mula beroperasi dengan menyewa sebahagian kawasan kompleks untuk menarik beberapa buah bot Zon B dan C dari Perak. Selain itu, Syarikat berkenaan akan membuat aktiviti pemprosesan hasil laut dan aktiviti ini dijangka akan menarik minat bot-bot tempatan untuk mendarat dan jual hasil tangkapan pada masa akan datang. • Berkaitan lokasi kompleks yang dikatakan cetek, surat permohonan pengorekan muara sungai telah dikemukakan kepada BPSP, MOA dan MOA pada 22.03.2017.

BIL.	KOMPLEKS PERIKANAN	TAHUN BINA DAN KOS	PENEMUAN AUDIT (SEBAB NELAYAN TIDAK MENGGUNAKAN/TIDAK BERMINAT MENGGUNAKAN KOMPLEKS)	MAKLUM BALAS LKIM YANG DITERIMA PADA 15 SEPTEMBER DAN 13 OKTOBER 2017
3.	Pelabuhan Klang, Selangor	2002 (RM1.56 Juta)	<p>Kompleks diguna bagi tujuan selain daripada pendaratan ikan (pusat transit ikan dan pelbagai barangan) kerana kesibukan Pelabuhan Klang dengan industri perkapalan import eksport menjadikan kawasan sekitarnya tidak sesuai untuk nelayan (Gambar 16.4).</p> <p>Semakan Audit juga mendapati, kajian <i>feasibility</i> tidak dilaksanakan di peringkat awal perancangan pembinaan.</p>	<p><i>Kompleks ini dibina untuk tujuan transit ikan dan barangan lain kepada penduduk Pulau Ketam. Pembinaan kompleks ini adalah bagi menggantikan Pelabuhan Klang Selatan yang dirobohkan oleh Kerajaan Negeri. Ianya bukan pendaratan ikan mutlak tetapi lebih kepada transit bekalan asas seperti makanan dan minuman ke Pulau Ketam.</i></p>
4.	Bintulu, Sarawak	1989 (RM3.94 Juta)	<p>i. Jarak antara kompleks di Sungai Kemena dengan muara sejauh 5 kilometer adalah tidak kos efektif bagi nelayan jauh berlayar untuk mendaratkan hasil tangkapan laut.</p> <p>ii. Kewujudan jeti swasta yang lebih dekat dengan muara sungai yang berdekatan dengan pasar ikan.</p> <p>iii. Kedudukan kompleks bersebelahan dengan kilang kayu mengakibatkan kayu-kayu balak berhanyutan yang boleh menyebabkan risiko pelanggaran dengan vesel nelayan dan membahayakan nelayan. (Gambar 16.5)</p>	<p><i>1. Telah dibina tahun 1989 oleh Jabatan Perikanan (DOF) dan diserahkan kepada LKIM setelah siap.</i></p> <p><i>2. Pada masa kini, terdapat mendapan habuk papan dan kayu dari kilang berhampiran kompleks dan menyebabkan kesukaran bagi nelayan di Bintulu untuk mendaratkan ikan.</i></p> <p><i>3. Kerajaan Negeri Sarawak mengenalpasti lokasi tapak baru untuk pembinaan kompleks dan cadangan ini sedang dalam tindakan untuk dipanjangkan kepada LKIM. Sekiranya diterima, LKIM akan membawa perkara ini kepada MOA untuk penelitian kajian keperluan pembinaan kompleks tersebut.</i></p>
5.	Kuala Sanglang, Kedah	2007 (RM4.03 Juta)	<p>Jeti pendaratan ikan tidak digunakan sepenuhnya oleh nelayan kerana: (Gambar 16.6)</p> <p>i. Kewujudan jeti swasta berdekatan kompleks yang mana pemborong sedia menunggu untuk membeli hasil tangkapan nelayan.</p>	<p><i>Dibina oleh LKIM pada tahun 2007 bagi menyediakan kemudahan kepada nelayan untuk pendaratan ikan secara bermusim sebagai pelengkap kepada jeti-jeti swasta sedia ada terutamanya pada waktu puncak pendaratan ikan.</i></p>
6.	Sungai Udang, Kedah	1998 (RM0.69 Juta)	<p>ii. nelayan mendaratkan ikan di jeti milik persendirian. (Gambar 16.7)</p>	<p><i>1. Pembinaan asal adalah sebuah jeti Pakej Rancangan Ekonomi (PRE) dan seterusnya dinaiktaraf pada tahun 2008 menjadi kompleks untuk kemudahan nelayan.</i></p> <p><i>2. Matlamat asal pembinaan kompleks ini adalah sebagai pelengkap kepada jeti-jeti swasta sedia ada.</i></p>

Sumber: Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

- ii. Selain daripada enam kompleks yang tidak digunakan sepenuhnya seperti **Jadual 16.3**, didapati juga Kompleks Perikanan Kuala Linggi, Melaka yang dibina pada tahun 1999 dengan kos RM20 juta telah diwartakan sebagai pelabuhan kastam (**Gambar 16.8**) bagi aktiviti *Barter Trade* sejak tahun 2004 oleh Kerajaan Negeri Melaka. Ekoran daripada itu, LKIM telah membina jeti tambahan untuk nelayan mendaratkan ikan secara kecil-kecilan.

Maklum Balas LKIM yang Diterima Pada 15 September 2017

LKIM masih menyediakan kemudahan asas yang diperlukan nelayan Zon A seperti jeti pendaratan, pusat isytihar dan nelayan juga dibenarkan mendaratkan ikan pada bila-bila masa di kawasan yang ditetapkan. Ruang pejabat di Kompleks Perikanan Kuala Linggi sedang diduduki oleh Jabatan Kastam, Imigresen dan agensi berkaitan (NBOS).

GAMBAR 16.1



Kompleks Perikanan Sungai Duyong, Melaka
- Kerja Mengorek Enapan Sedang Dijalankan
(19.04.2017)

GAMBAR 16.2



Jeti Sementara Bersebelahan Kompleks Perikanan Sungai Duyong, Melaka
- Jeti Sementara Dibina Untuk Nelayan Mendaratkan Ikan
(19.04.2017)

GAMBAR 16.3



Kompleks Perikanan Kuala Selangor, Selangor
- Jeti Pendaratan Ikan Tidak Diguna Sepenuhnya
(07.06.2017)

GAMBAR 16.4



Kompleks Perikanan Pelabuhan Klang, Selangor
- Barang Dagangan Untuk Aktiviti *Barter Trade* di Kompleks
(08.06.2017)

GAMBAR 16.5



Kompleks Perikanan Bintulu, Sarawak
- Kayu Balak Berhanyutan Berhampiran Kompleks Mendatangkan Risiko Pelanggaran Vesel dan Membahayakan Nelayan
(19.05.2017)

GAMBAR 16.6



Kompleks Perikanan Kuala Sanglang, Kedah
- Jeti Pendaratan Ikan Tidak Digunakan Sepenuhnya
(23.05.2017)

GAMBAR 16.7



Jeti Swasta di Kuala Sanglang, Kedah
- Jeti Swasta Berdekatan dalam Lingkungan 150 Meter
Dengan Kompleks Perikanan Kuala Sanglang dan
Menjadi Pilihan Nelayan Untuk Mendaratkan Ikan
(23.05.2017)

GAMBAR 16.8



Kompleks Perikanan Kuala Linggi, Melaka
- Jeti Pendaratan Ikan yang Telah Menjadi
Tempat Pelabuhan Barangan *Import*
Eksport ke Indonesia
(20.04.2017)

iii. Semakan selanjutnya mendapati Kompleks Perikanan Sungai Duyong, Melaka tidak dapat digunakan sebagai pusat pendaratan ikan laut kerana perkara seperti yang berikut:

- Kompleks Perikanan Sungai Duyong di persisiran Selat Melaka telah siap dibina pada tahun 2013 oleh Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP), MOA dengan kos RM40.50 juta. BPSP menyerahkan kompleks ini kepada LKIM pada 14 Oktober 2013.
- Lawatan Audit pada 19 April 2017 mendapati semua kemudahan kompleks berkaitan aktiviti pendaratan ikan masih belum digunakan kecuali ruang pejabat, ruang niaga dan gerai ikan bakar. Ini adalah kerana masalah enapan (sedimentasi) lumpur menyebabkan vesel nelayan tidak dapat mendarat. Selain itu, masalah enapan lumpur di lokasi pintu masuk iaitu di muara Sungai Duyong menyebabkan laluan keluar masuk menjadi cetek yang seterusnya menyukarkan pelayaran nelayan. Beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah iaitu:
 - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Melaka melaksanakan kerja mengorek dan membuang mendapan (pemulihan dan pembuangan enapan) dengan kos sejumlah RM0.28 juta dan telah siap pada bulan April 2016. Bagaimanapun enapan masih berlaku. Ekoran daripada masalah enapan yang berulang, BPSP, MOA pula telah melaksanakan sekali lagi kerja mengorek dan membuang enapan dengan kos kontrak berjumlah RM1.54 juta dan telah disiapkan pada 5 Mei 2017. Bagaimanapun, masalah enapan masih tidak dapat diselesaikan.
 - JPS Melaka sekali lagi bercadang untuk membuat penambahbaikan melalui peruntukan daripada BPSP, MOA terhadap kompleks dengan anggaran kos sejumlah RM18.20 juta. Antara komponen kerja yang dicadang untuk dilaksanakan adalah

kerja pengorekan di muara sungai (dianggarkan mengambil tempoh masa lima tahun), naiktaraf dan membaik pulih struktur kompleks, membina benteng pemecah ombak dan kerja penggalian selama tiga tahun.

- selain itu, JPS Melaka telah membina jeti sementara untuk pendaratan ikan bersebelahan dengan kompleks dengan kos sejumlah RM0.46 juta tetapi dengan laluan lain (tanpa menggunakan pintu masuk muara Sungai Duyong). Jeti ini telah siap dibina pada 29 Disember 2016. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada rekod pendaratan ikan dari bulan Januari hingga Jun 2017.

b. Kemudahan/Peralatan Tidak Digunakan

- i. Setiap kompleks perikanan disediakan kemudahan/peralatan tertentu bagi membantu melancarkan proses pendaratan, penyimpanan dan pemasaran ikan. Selain itu, terdapat juga sesetengah kompleks menyediakan kemudahan/peralatan memproses ikan untuk dijadikan produk perikanan seperti bebola ikan. Lawatan Audit ke 17 kompleks mendapati, sebanyak 254 lot/unit kemudahan dengan kos perolehan yang dikenal pasti berjumlah RM1.15 juta tidak digunakan. Berdasarkan semakan fizikal Audit, antara kemudahan utama yang tidak digunakan adalah ruang pejabat/niaga/penyimpanan tong ikan, bangunan pemrosesan/dewan pemasaran/bilik sejuk/*blast freezer*/kilang air batu. Manakala sebanyak 48 unit peralatan dengan kos perolehan yang dikenal pasti berjumlah RM2.84 juta tidak digunakan. Bagaimanapun, terdapat kos perolehan kemudahan/peralatan yang tidak dapat dikenal pasti disebabkan pihak LKIM tidak dapat mengemukakan rekod mengenainya kerana LKIM hanya mempunyai rekod kos perolehan secara *lumpsum and not itemized*. Antara sebab kemudahan/peralatan tidak digunakan adalah kerana kompleks tidak berfungsi sepenuhnya/sebahagiannya akibat daripada tiada/kurang pendaratan ikan, tiada penyewa atau nelayan tidak berminat untuk mendaratkan ikan. Selain itu, lokasi kompleks dan kebolegunaan dan kebolehoperasian kemudahan/peralatan adalah juga antara faktor sebahagian kompleks tidak digunakan. Lokasi kompleks yang jauh dari kawasan aktiviti penangkapan boleh menjejaskan masa serta meningkatkan kos nelayan untuk mendaratkan ikan. Kemudahan/peralatan yang lama tidak digunakan telah/boleh mengakibatkan kerosakan serta memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi pada masa hadapan. Butiran lanjut mengenai kemudahan yang tidak digunakan adalah seperti **Jadual 16.4** manakala peralatan yang tidak digunakan adalah seperti **Jadual 16.5** dan **Gambar 16.9** hingga **16.20**.

JADUAL 16.4
KEMUDAHAN YANG TIDAK DIGUNAKAN SEPENUHNYA DAN MAKLUM BALAS LKIM

BIL.	KOMPLEKS PERIKANAN/TAHUN OPERASI/ KOS BINA	KEMUDAHAN	KUANTITI (Lot/Unit)	KOS SEUNIT (RM)	JUMLAH KOS (RM)	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS LKIM YANG DITERIMA PADA 15.09.2017
1.	Mersing, Johor / 1983 / RM1.38 juta	Pejabat Peniaga	8	-	-	Lapan daripada 15 lot tiada penyewa	<i>Tawaran penyewaan telah dikeluarkan dan masih belum mendapat sambutan.</i>
		Bilik Sejuk (Kod: J0110014)	1	44,000	44,000	Tidak pernah diguna sejak dibekalkan pada bulan September 2014	<i>Tawaran penyewaan telah dikeluarkan dan masih belum mendapat sambutan kerana masalah muara sungai cetek menyebabkan kurangnya pengoperasian bilik sejuk.</i>
		Bilik Sejuk (Kod: J1300017 dan J1300018)	2	74,895	149,790	Dimaklumkan tidak diguna sejak bulan Disember 2015 (J1300017) dan bulan November 2008 (J1300018)	<i>LKIM telah memohon untuk kerja pengorekan muara Sungai Mersing kepada BPSP tetapi masih belum diluluskan.</i>
2.	Sungai Duyong, Melaka / 2013 / RM40.50 juta	Bilik Sejuk	2	-	-	Kesemua kemudahan berkaitan aktiviti pendaratan ikan tidak pernah diguna sejak dibina pada tahun 2013 kecuali medan ikan bakar dan ruang pejabat/ruang niaga.	<i>Nelayan dijangka menggunakan kemudahan di kompleks apabila:</i> <ul style="list-style-type: none"> <i>kerja pengorekan di kawasan harbour basin selesai.</i> <i>pemindahan pejabat PNK Melaka Selatan dan PNN Melaka dijangka akan merancakkan aktiviti harian di mana urusniaga jualan diesel bersubsidi akan bermula pada bulan November 2017.</i>
		Ruang Pemasaran Ikan	1				
		Ruang Membaiki Pukat	1				
		Pasar Jualan	1				
		Tempat Baiki Bot	1				
		Jeti Pendaratan Ikan	1				
3.	Tok Bali, Kelantan / 2011 / RM84.37 juta	Bilik Sejuk	6	TM	TM	Sejak bulan Januari 2016, 6 daripada 10 bilik sejuk tidak diguna secara berterusan kerana penyewa tidak konsisten.	<i>Kesemua bilik sejuk telah mula digunakan (7 sewaan jangka panjang dan 3 jangka pendek/ bermusim)</i>
		Blast Freezer	2	TM	TM	Tidak pernah diguna. (Tiada maklumat sejak bila tidak diguna)	<i>Tawaran penyewaan telah dikeluarkan dan masih belum mendapat sambutan.</i>
		Bangunan Pemasaran	1	141,048	141,048	Tidak pernah diguna untuk tujuan pemasaran. Semasa lawatan Audit, bangunan ini telah diubahsuai menjadi kantin tetapi masih tidak digunakan.	<i>Bangunan yang diubah kepada kantin beroperasi pada jam 3 pagi hingga 11 pagi sahaja dan bergantung pada aktiviti pendaratan di jeti.</i>
		Bilik Enjin	1	59,977	59,977	Tidak pernah diguna tetapi dijadikan tempat simpan barang terbuang dan pukat nelayan.	<i>Kegunaan bilik enjin lebih kepada stor pelbagai yang mana ianya juga digunakan sebagai tempat penyimpanan barangan lain.</i>
		Pejabat Peniaga	10	TM	TM	10 daripada 16 unit tidak diguna secara berterusan kerana penyewa tidak konsisten.	<i>Notis tawaran sewaan telah dikeluarkan oleh pengurusan kompleks kepada pengusaha yang berminat.</i>
		Bangsai Motosikal	1	23,661	23,661	Tidak diguna sejak tahun 2014 kerana bangsai dijadikan tempat menyimpan tiang dan tali.	<i>Bangsai motosikal ditukarkan bagi penyimpanan tiang manakala sebuah kawasan berhampiran jeti dijadikan tempat meletak motosikal yang baru.</i>

BIL.	KOMPLEKS PERIKANAN/TAHUN OPERASI/ KOS BINA	KEMUDAHAN	KUANTITI (Lot/Unit)	KOS SEUNIT (RM)	JUMLAH KOS (RM)	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS LKIM YANG DITERIMA PADA 15.09.2017
4.	Chendering, Terengganu / 1983 / RM44.40 juta	Tempat Menyimpan Tong Ikan	10	-	214,091	Tidak pernah diguna sejak bulan November 2014 kerana pemborong tidak berminat untuk menyewa atas sebab kadar sewaan yang tinggi (RM200 sebulan).	1 daripada 10 lot disewa. Pihak pengurusan telah mengeluarkan notis tawaran sewaan dengan kadar sewaan yang lebih rendah daripada asal.
5.	Tanjung Manis, Sarawak/ 2008 / RM332.63 juta	Bangunan Pemprosesan	4	TM	TM	4 daripada 7 lot tidak diguna sejak bulan Januari 2009	Tawaran penyewaan telah dikeluarkan dan masih belum mendapat sambutan.
		Jambatan Timbang	1	TM	TM	Tidak pernah diguna sejak kompleks beroperasi tahun 2008.	Tiada keperluan untuk digunakan buat masa sekarang (perancangan pada masa hadapan).
		Tempat Pengumpulan Kotak Ikan (50' x 100')	1	TM	TM	Tidak pernah diguna sejak kompleks beroperasi tahun 2008.	Tawaran penyewaan telah dikeluarkan dan masih belum mendapat sambutan.
		Ruang Kontena	90	TM	TM	Tidak pernah diguna sejak kompleks beroperasi tahun 2008.	Tiada keperluan untuk digunakan buat masa sekarang (perancangan pada masa hadapan).
		Bilik Dingin Beku	1	TM	TM	Tidak pernah diguna sejak kompleks beroperasi tahun 2008.	Telah disewa
		Kilang Air Batu (150 mt sehari)	1	TM	TM	Tidak diguna dan telah rosak sejak bulan Julai 2012	Telah dibaiki dan ditawarkan kepada penyewa
6.	Mukah, Sarawak / 1990 / RM7.30 juta	Kilang Air Batu	1	TM	TM	Peralatan kilang air batu rosak dan tidak dibaiki kerana kos pembaikan yang tinggi.	Bercadang untuk dilupuskan. Kini LKIM menyediakan ice maker machine untuk bekalan air batu kepada nelayan .
		Bilik Sejuk (45 mt)	2	TM	TM	Tidak diguna dan rosak sejak bulan November 2011.	Bercadang untuk dilupuskan.
7.	Bintulu, Sarawak / 1991 / RM3.94 juta	Kilang Air Batu	1	TM	TM	Peralatan kilang air batu rosak dan tidak dibaiki kerana kos pembaikan yang tinggi.	Bercadang untuk dilupuskan.
		Kantin	1	TM	TM	Tidak pernah diguna sejak dibina pada tahun 2004.	Tidak mendapat sambutan daripada pengusaha kerana kompleks ini tiada pendaratan.
		Bilik Sejuk	3	TM	TM	Tidak pernah diguna sejak dibina pada tahun 2011.	
		Pejabat Peniaga	4	TM	TM	Tidak diguna semasa lawatan Audit pada 19 Mei 2017.	
8.	Kuala Perlis, Perlis / 1996 / RM30.59 juta	Tempat Penyimpanan Kotak Ikan	12	TM	TM	Tidak diguna semasa lawatan Audit pada 22 Mei 2017.	Pernah digunakan di awal projek siap. Namun kurang mendapat sambutan daripada pengguna dan kini dalam proses pelupusan.
		Lif	2	TM	TM		Tawaran penyewaan telah dikeluarkan.
		Pejabat Peniaga	7	TM	TM	Tujuh daripada 18 lot tidak diguna semasa lawatan Audit.	
9.	Kuala Kedah, Kedah / 2009 / RM34.86 juta	Pejabat Peniaga	40	TM	TM	Semua 40 unit tidak disewakan sejak kompleks beroperasi pada tahun 2009.	Penyelarasan sewaan akan dilaksanakan selepas proses ambil alih pengurusan kompleks oleh LKIM daripada PNK Kedah.

BIL.	KOMPLEKS PERIKANAN/TAHUN OPERASI/ KOS BINA	KEMUDAHAN	KUANTITI (Lot/Unit)	KOS SEUNIT (RM)	JUMLAH KOS (RM)	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS LKIM YANG DITERIMA PADA 15.09.2017
10.	Kuala Selangor / 2015 / RM22.50 juta	Dewan Pemasaran	1	TM	TM	Semua kemudahan tidak digunakan sejak beroperasi tahun 2015.	<i>Tawaran penyewaan telah dikeluarkan dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada November 2017.</i>
		Pejabat Pemborong	20	TM	TM		
		Kedai Industri Kecil dan Sederhana	3	TM	TM		
		Tempat Penyimpanan Kotak Ikan	10	TM	514,438		
JUMLAH			254		1,147,005		

Sumber: Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara
 Nota: (TM) - Tiada Maklumat

GAMBAR 16.9



Kompleks Perikanan Tok Bali, Kelantan
 - Bangsal Motosikal Tidak Diguna Sejak Dibina Pada Tahun 2014 (03.05.2017)

GAMBAR 16.10



Kompleks Perikanan Tok Bali, Kelantan
 - Bangunan Pemasaran yang Dijadikan Kantin (03.05.2017)

GAMBAR 16.11



Kompleks Perikanan Chendering, Terengganu
 - Stor Tidak Diguna Sejak Dibina Pada Tahun 2014 (06.05.2017)

GAMBAR 16.12



Kompleks Perikanan Tanjung Manis, Sarawak
 - Kilang Air Batu Tidak Diguna Sejak Tahun 2012 (17.05.2017)

GAMBAR 16.13



Kompleks Perikanan Tanjung Manis, Sarawak
 - Ruang Kontena Tidak Pernah Diguna Sejak Dibina Pada Tahun 2008 (17.05.2017)

GAMBAR 16.14




Kompleks Perikanan Mukah, Sarawak
 - Keadaan di Dalam Kilang Air Batu yang Tidak Diguna Sejak Bulan November 2011 (18.05.2017)

GAMBAR 16.15



Kompleks Perikanan Kuala Perlis, Perlis
- Tempat Penyimpanan Tong Ikan Tidak
Pernah Diguna Sejak Tahun 2010
(22.05.2017)

GAMBAR 16.16



Kompleks Perikanan Kuala Kedah, Kedah
- Pejabat Peniaga Tidak Diguna Sejak Tahun 2009
(24.05.2017)

JADUAL 16.5
PERALATAN YANG TIDAK DIGUNAKAN DAN MAKLUM BALAS LKIM

BIL.	KOMPLEKS PERIKANAN	PERALATAN/TAHUN DIBEKAL	KUANTITI	ANGGARAN KOS SEMASA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS LKIM YANG DITERIMA PADA 15.09.2017
1.	Endau, Johor	Monorail Crane / 2001	5	69,500	347,500	Tidak diguna dan pada masa kini telah rosak.	<i>Digunakan oleh nelayan sebelum ini. Tidak ekonomi untuk dibaiki dan nelayan mempunyai inisiatif sendiri (powerblock).</i>
2.	Sungai Duyong, Melaka	Slewing Jib / 2013	3	TM	TM	Tidak pernah diguna sejak kompleks siap dibina dan pada masa kini telah rosak.	<i>Tidak digunakan kerana tiada pendaratan. Akan dibaiki sekiranya kompleks beroperasi sepenuhnya.</i>
3.	Tok Bali, Kelantan	Underhung Crane / 2009	4	110,000	440,000	Tidak pernah diguna dan pada masa kini telah rosak.	<i>Tiada keperluan kerana air pasang/surut tiada perbezaan. Bot masih boleh mendaratkan tangkapan tanpa underhung crane.</i>
		Monorail Hoist / 2009	4	98,200	392,800		<i>Tidak ekonomi untuk dibaiki kerana nelayan lebih selesa menggunakan kaedah manual (graviti).</i>
4.	Chendering, Terengganu	Monorail Crane / 2014	3	69,500	208,500	Tidak diguna dan pada masa kini, satu telah rosak	<i>Pernah digunakan sebelum ini. Proses pembaikan sedang dijalankan.</i>
5.	Tanjung Manis, Sarawak	Slewing Jib / 2007	4	180,000	720,000	Tidak diguna dan pada masa kini telah rosak	<i>Pernah digunakan sebelum ini. Proses pembaikan sedang dijalankan.</i>
		Forklift / TM	4	TM	TM	Tidak pernah diguna dan pada masa kini telah rosak.	<i>Akan meneliti tindakan seterusnya</i>
		Sistem Alat Pandang Dengar / 2015	1	6,000	6,000	Tidak diguna sejak tahun 2016	<i>Masih digunakan oleh Pengurusan Kompleks</i>
6.	Mukah, Sarawak	Slewing Jib / TM	1	TM	TM	Telah rosak (tiada maklumat tarikh sebenar rosak)	<i>Masih rosak dan akan dibaiki. LKIM sebagai end user (pembinaan kompleks dan pembelian aset oleh DOF)</i>

BIL.	KOMPLEKS PERIKANAN	PERALATAN/ TAHUN DIBEKAL	KUANTITI	ANGGARAN KOS SEMASA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS LKIM YANG DITERIMA PADA 15.09.2017
7.	Kuala Kedah, Kedah	<i>Slewing Jib</i> 0.5 mt/ 2008	2	49,100	98,200	Tidak diguna. (Tiada maklumat sejak bila tidak diguna)	<i>Pernah digunakan namun tiada sambutan daripada nelayan kerana mereka lebih selesa menggunakan inisiatif sendiri (powerblock).</i>
		<i>Slewing Jib</i> 1 mt/ 2008	2	98,200	196,400	Tidak diguna. (Tiada maklumat sejak bila tidak diguna)	
		<i>Overhead Cranel</i> 2008	2	110,000	220,000	Telah rosak (tiada maklumat tarikh sebenar rosak)	
		<i>Monorail Cranel</i> 2008	2	69,500	139,000	Tidak diguna. (Tiada maklumat sejak bila tidak diguna)	
8.	Kuala Selangor, Selangor	<i>Sorting Table Stainless Steel</i> / 2014	10	1,700	17,000	Tidak pernah diguna sejak kompleks beroperasi pada tahun 2015	<i>Digunakpakai pada Februari 2016 hingga Ogos 2016 untuk penjualan ikan (Pasar Ikan di dalam kompleks)</i>
		Mesin Penghancur Ais / 2016	1	49,890	49,890		<i>Tidak digunapakai</i>
JUMLAH			48	-	2,835,290		

Sumber: Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

GAMBAR 16.17



Kompleks Perikanan Endau, Johor
- *Monorail Crane* Tidak Diguna
(17.04.2017)

GAMBAR 16.18



Kompleks Perikanan Tok Bali, Kelantan
- *Kren* Tidak Pernah Diguna
(03.05.2017)

GAMBAR 16.19



Kompleks Perikanan Tanjung Manis, Sarawak
- *Forklif* Tidak Diguna dan Telah Rosak
(17.05.2017)

GAMBAR 16.20



Kompleks Perikanan Kuala Selangor, Selangor
- *Mesin Penghancur Ais* Tidak Pernah Diguna
(07.06.2017)

ii. LKIM telah menyediakan kemudahan/peralatan bagi memenuhi syarat-syarat keperluan eksport ikan ke Kesatuan Eropah/*European Union* (EU) termasuk pengendalian ikan yang baik/*Good Handling Practices* dan amalan kebersihan yang baik/*Good Hygeine Practices* (GHP). Lawatan Audit ke sepuluh kompleks yang mempunyai kemudahan GHP dan EU pada bulan April hingga Jun 2017 mendapati:

- Kompleks Perikanan Endau, Johor diiktirafkan sebagai kompleks EU dan telah menyediakan *Export Bay* untuk mengendali pendaratan ikan termasuk *the supply chain*. Lawatan Audit mendapati fungsi *Export Bay* ini telah berubah kerana tiada pendaratan ikan bagi tujuan eksport ke EU dan ia telah disewakan kepada pengusaha ikan bagi pasaran tempatan. Bagaimanapun peralatan seperti *fish tipper* dan troli tidak digunakan.
- sebanyak 36 kemudahan/peralatan bernilai RM100,217 yang disediakan bagi tujuan GHP di tujuh kompleks yang dilawati tidak digunakan. Bagaimanapun, terdapat kos perolehan kemudahan/peralatan yang tidak dapat dikenal pasti disebabkan pihak LKIM hanya mempunyai rekod kos perolehan secara *lumpsum and not itemized*. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 16.6
KEMUDAHAN DAN PERALATAN GHP YANG
TIDAK DIGUNAKAN DAN MAKLUM BALAS LKIM

BIL.	KOMPLEKS PERIKANAN	KEMUDAHAN/PERALATAN			PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS LKIM YANG DITERIMA PADA 15.09.2017
		PERIHAL	KUANTITI	KOS (RM)		
1.	Mersing, Johor	Pagar	-	TM	Tidak pernah diguna sejak kemudahan disediakan	<i>Kesemua peralatan GHP ini diperuntukan khas untuk kegunaan pengeksporan ke Kesatuan Eropah pada peringkat awalnya namun disebabkan pengusaha tidak mampu untuk mematuhi piawaian Kesatuan Eropah yang menyebabkan ruang eksport dan peralatan GHP tidak digunapakai. Tambahan lagi, pengusaha tempatan telah mula mengeksport ke negara lain seperti Jepun dan Korea yang tidak perlu melalui ruang eksport. Setiap negeri dilihat mempunyai ruang eksport kerana ia sebagai persediaan sekiranya ada pengusaha yang berminat. Pihak LKIM telah bersedia sepenuhnya kerana pembangunan fizikal memerlukan masa serkiranya tidak disediakan terlebih dahulu</i>
		Lantai	-	TM		
2.	Tok Bali, Kelantan	Pagar	-	TM	Tidak diguna dan disimpan di dalam bilik persalinan	
		Bilik Persalinan	1	TM	Tidak diguna sejak kemudahan disediakan	
3.	Kuala Besut, Terengganu	Pagar	-	TM	Tidak pernah diguna sejak kemudahan disediakan	
4.	Kuala Perlis, Perlis	Pagar	-	TM	Tidak pernah diguna sejak kemudahan disediakan	
		Bilik Persalinan	1	TM		
5.	Kuala Kedah, Kedah	Pagar	-	TM	Tidak pernah diguna sejak kemudahan disediakan	
6.	Kuala Selangor, Selangor	Pagar	-	TM	Tidak pernah diguna sejak kemudahan disediakan	
7.	Tanjung Manis, Sarawak	Bilik Persalinan	1	19,000	Tidak pernah diguna sejak kemudahan disediakan	

BIL.	KOMPLEKS PERIKANAN	KEMUDAHAN/PERALATAN			PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS LKIM YANG DITERIMA PADA 15.09.2017
		PERIHAL	KUANTITI	KOS (RM)		
		Troli	8	10,000	Tidak pernah diguna sejak dibekal pada tahun 2014	<i>Kesemua peralatan GHP ini diperuntukan khas untuk kegunaan pengeksporan ke Kesatuan Eropah pada peringkat awalnya namun disebabkan pengusaha tidak mampu untuk mematuhi piawaian Kesatuan Eropah yang menyebabkan ruang eksport dan peralatan GHP tidak digunapakai. Tambahan lagi, pengusaha tempatan telah mula mengeksport ke negara lain seperti Jepun dan Korea yang tidak perlu melalui ruang eksport</i>
		Meja Pengredan Ikan	15	39,450		
		Meja Pengredan Stainless Steel	8	23,600		
		Alat Penimbang Digital	1	6,385	Satu daripada 2 unit bagi setiap alat penimbang tidak pernah diguna sejak dibekal pada tahun 2014	
		Alat Penimbang Manual	1	1,782		
JUMLAH			36	100,217		

Sumber: Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

GAMBAR 16.21



Kompleks Perikanan Endau, Johor
- Ruang Eksport yang Tidak Digunakan Untuk Tujuan EU (17.04.2017)

GAMBAR 16.22




Kompleks Perikanan Mersing, Johor
- Tidak Pernah Diguna Sejak Kemudahan Disediakan (18.04.2017)

GAMBAR 16.23



Kompleks Perikanan Tok Bali, Kelantan
- Bilik Persalinan yang Tidak Digunakan (03.05.2017)

GAMBAR 16.24



Kompleks Perikanan Tok Bali, Kelantan
- Pagar yang Disimpan Dalam Bilik Persalinan Tidak Diguna (03.05.2017)

Pada pendapat Audit, tahap penggunaan kompleks beserta kemudahan/peralatannya secara keseluruhannya adalah memuaskan kerana kebanyakan kemudahan/peralatan yang disediakan telah digunakan kecuali kompleks/kemudahan/peralatan yang dikenal pasti seperti di Jadual 16.3 hingga 16.6.

16.5.2.3. Pengurusan Operasi Kompleks Perikanan

Sehingga 31 Mac 2017, sebanyak 41 kompleks daripada 45 Kompleks Perikanan telah siap dibina manakala empat kompleks masih dalam pembinaan. Terdapat dua kaedah pengurusan di kompleks perikanan iaitu samada diuruskan sendiri oleh LKIM atau diuruskan oleh Persatuan Nelayan Negeri (PNN) atau Persatuan Nelayan Kawasan (PNK). Setakat 31 Mac 2017, LKIM menguruskan tujuh kompleks perikanan manakala 34 lagi diuruskan oleh PNN/PNK.

a. Tunggakan Sewaan

Bagi kompleks yang diuruskan oleh LKIM, kemudahan (lot pejabat/lot ruang niaga/lot pemprosesan/serta peralatan) yang disediakan di kompleks tersebut disewa kepada pihak swasta/persendirian. Kadar sewaan ditetapkan berdasarkan Akta LKIM 1971 Kaedah-Kaedah LKIM 2010 (P.U.(A)103/2010) berasaskan saiz sesuatu lot atau jenis peralatan yang disediakan. Manakala kompleks perikanan yang diuruskan oleh PNN/PNK, sewaan bulanan dibayar kepada LKIM mengikut ketetapan dalam perjanjian. Semakan Audit terhadap lejer penghutang setakat 31 Mac 2017 mendapati tunggakan keseluruhan sewaan setakat bulan Mac 2017 adalah berjumlah RM0.81 juta seperti berikut:

- i. tunggakan sewaan sejak tahun 2013 oleh 15 syarikat swasta/persendirian bagi sewaan ruang kemudahan/peralatan di dua kompleks berjumlah RM0.54 juta.
- ii. tunggakan sewaan sejak tahun 2008 oleh sepuluh PNN/PNK bagi sewaan sepuluh kompleks perikanan berjumlah RM0.27 juta.
- iii. tunggakan sewaan oleh PNK bagi sewaan dua kompleks perikanan di Terengganu iaitu Kompleks Perikanan Kemaman dan Kompleks Perikanan Marang tidak dapat ditentukan kerana lejer bagi kedua-dua kompleks tersebut tidak dikemukakan untuk diaudit. Berdasarkan kontrak bagi kedua-dua kompleks ini, amaun sewaan yang ditetapkan bagi setiap bulan adalah sejumlah RM318 bagi Kompleks Perikanan Kemaman dan RM106 bagi Kompleks Perikanan Marang.

Semakan Audit selanjutnya mendapati, surat peringatan tidak dikeluarkan oleh Pejabat LKIM Negeri berkenaan kecuali Pejabat LKIM Negeri Johor bagi tunggakan sewaan pihak swasta/persendirian di Kompleks Perikanan Mersing, Johor. Tunggakan sewaan ini telah mengurangkan kutipan hasil LKIM.

Maklum Balas LKIM yang Diterima Pada 15 September 2017

- 1. Tunggakan sewaan oleh syarikat swasta/persendirian - Notis peringatan dikeluarkan kepada penyewa yang mempunyai tunggakan melebihi tiga bulan dan telah mengadakan beberapa siri mesyuarat untuk mendapatkan penyelesaian tunggakan. Bagi tunggakan pihak swasta di Kompleks Mersing sebanyak RM2,449.10, telah dibayar secara berperingkat mulai 30 Mac 2017 dan setakat bulan September 2017, sejumlah RM1,802.00 telah dibayar.*
- 2. Tunggakan sewaan oleh PNN/PNK - LKIM mengeluarkan surat peringatan pada 29 Ogos 2017 dan semua bersetuju untuk menjelaskan sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah tunggakan sewaan mulai bulan September 2017.*
- 3. LKIM telah mengeluarkan surat teguran dan peringatan pada 16 Jun 2017 kepada penyewa/pengurusan kompleks yang menyatakan semua tunggakan sewaan perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembaharuan perjanjian.*

Pada pendapat Audit, pengurusan sewaan kompleks/kemudahan/peralatan adalah tidak memuaskan kerana tunggakan sewaan adalah tinggi. Tunggakan sewaan yang berlarutan akan menjejaskan aliran tunai dan aktiviti LKIM pada masa hadapan. Tunggakan sewaan akan terus meningkat sekiranya tindakan segera dan konsisten tidak diambil pada permulaan tunggakan berlaku.

b. Perjanjian Tidak Dimeterai

Perjanjian merupakan dokumen yang penting bagi memastikan semua pihak yang terlibat jelas dengan obligasi masing-masing di samping mengurangkan risiko berlaku sebarang pertikaian di masa akan datang. Pihak LKIM telah menggunakan seksyen 223 Kanun Tanah Negara 1965 yang menyatakan sebarang penyewaan tanah hendaklah tidak melebihi tiga tahun dan dengan itu, LKIM menetapkan tempoh sewaan kompleks perikanan adalah selama tiga tahun dan perlu diperbaharui (jika dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu LKIM dan PNN/PNK berkenaan) tiga bulan sebelum tamat kontrak.

i. Tiada Perjanjian Penyewaan Pengurusan Kompleks Perikanan Kuala Kedah, Kedah Antara LKIM dan PNK Kuala Kedah

Semakan Audit mendapati, setakat bulan Mac 2017, sebanyak 34 kompleks LKIM diuruskan oleh PNN/PNK. Semakan Audit selanjutnya mendapati, PNK Kuala Kedah telah mula menguruskan Kompleks Perikanan Kuala Kedah, Kedah sejak tahun 2009 tanpa perjanjian sewaan pengurusan antara LKIM dengan PNK Kuala Kedah.

Maklum Balas LKIM yang Diterima Pada 15 September 2017

LKIM akan memastikan perkara ini tidak berulang. Pengurusan kompleks ini telah diambil alih oleh LKIM mulai 1 September 2017.

Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian sewaan kompleks antara LKIM dengan PNN/PNK adalah memuaskan kerana perjanjian telah dimeterai di semua kompleks perikanan yang diuruskan oleh PNN/PNK kecuali Kompleks Perikanan Kuala Kedah, Kedah.

ii. Tiada Perjanjian Penyewaan Kemudahan Antara LKIM dan PNK/ Syarikat Swasta/Persendirian

Semakan Audit mendapati beberapa ruangan disewa oleh PNK/syarikat swasta/persendirian tetapi tiada perjanjian yang dimeterai di tiga kompleks iaitu Kompleks Perikanan Mersing di Johor, Kuala Sanglang dan Kuala Kedah di Kedah. Ekoran daripada perjanjian yang tidak dimeterai bagi penyewaan kemudahan ini menyebabkan kadar sewaan tidak ditentukan dan dengan itu tiada sewaan yang dikutip. Butiran lanjut perjanjian yang tidak dimeterai bagi penyewaan kemudahan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.7
PERJANJIAN TIDAK DIMETERAI BAGI RUANGAN KOMPLEKS PERIKANAN LKIM YANG DIDUDUKI OLEH PIHAK LUAR DAN MAKLUM BALAS LKIM

BIL.	KOMPLEKS PERIKANAN	PERIHAL RUANG YANG DIDUDUKI	MAKLUM BALAS LKIM YANG DITERIMA PADA 15.09.2017
1.	Mersing, Johor	Ruang pejabat disewa oleh PNK sejak 2005	<i>LKIM mengambil maklum perkara ini dan akan membuat penyesuaian semula bersama pihak PNK.</i>
2.	Kuala Sanglang, Kedah	3 lot di bangunan pasar nelayan sejak September 2016	<i>3 lot bangunan di pasar nelayan:</i> <i>i. Bahagian Pemasaran akan meneliti semula dokumen penyewa dan seterusnya mengeluarkan surat penyerahan komponen kepada Bahagian Pembangunan Infrastruktur sekiranya fungsi semasa bangunan tersebut adalah bukan untuk kegunaan Pasar Nelayan.</i> <i>ii. Bahagian Pembangunan Infrastruktur akan memastikan sewaan dikenakan kepada penyewa setelah mendapat surat penyerahan daripada Bahagian Pemasaran.</i>
3.	Kuala Kedah, Kedah	Kantin	<i>Berikutan pengambilalihan kompleks oleh LKIM bermula 1 September 2017 daripada PNK Kuala Kedah, pengurusan kompleks masih lagi di dalam proses penyesuaian dari masa ke semasa. Bagaimanapun, LKIM telah menerima permohonan sewaan kantin daripada pengusaha berminat dan dokumen perjanjian di dalam proses penyediaan.</i>

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian sewaan/ruang niaga/ruang pejabat/kemudahan antara LKIM dengan PNN/PNK/swasta/persendirian adalah memuaskan kerana perjanjian telah dimeterai kecuali di tiga kompleks yang dinyatakan di atas.

c. Kilang Keropok Moden Besut

Kilang Keropok Moden Besut (KKMB) dibina pada bulan Januari 2007 di Kompleks Perikanan Kuala Besut, Terengganu dengan kos berjumlah RM0.84 juta manakala kos perolehan peralatan dan mesin berjumlah RM1.57 juta. LKIM telah memeterai satu perjanjian penyewaan KKMB dengan penyewa pada 11 Julai 2014 bagi tempoh mulai 1 Mei 2014 hingga 31 Mei 2016 dengan kadar sewaan sejumlah RM5,000 sebulan. Tempoh percubaan dan pengecualian pembayaran sewa adalah selama lapan bulan iaitu daripada 1 Mei 2014 hingga 31 Disember 2014. Bagaimanapun, syarikat berkenaan mempunyai tunggakan sewaan bermula 1 Januari 2015 hingga 18 Februari 2016 berjumlah RM0.12 juta termasuk bil elektrik, kos pembersihan dan nilai peralatan yang telah dibawa keluar dari premis KKMB. Semakan Audit selanjutnya mendapati LKIM telah mengeluarkan tiga notis tuntutan bayaran sewaan semasa dan tunggakan sewaan pada 30 Julai 2015, 21 Oktober 2015 dan 16 Disember 2015 kepada penyewa selaras dengan klausa 8 Perjanjian Penyewaan KKMB - Penamatan Perjanjian namun tiada tindakan daripada penyewa untuk menjelaskan tunggakan sewaan tersebut. Dengan itu, LKIM telah menyerahkan kes ini kepada panel peguam LKIM untuk mengambil tindakan mahkamah.

Maklum Balas LKIM yang Diterima Pada 15 September 2017

LKIM sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan kepada kumpulan sasar dan memastikan ianya digunapakai sepenuhnya. Bagi isu KKMB selain daripada tindakan panel peguam LKIM, LKIM juga telah menerima permohonan daripada PNK Besut untuk mengoperasikan kilang tersebut dan dalam peringkat memuktamadkan Cadangan Pengoperasian KKMB untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan LKIM.

Pada pendapat Audit, penggunaan premis KKMB pada masa kini adalah tidak memuaskan kerana kilang tidak beroperasi walaupun mempunyai peralatan yang lengkap. Dengan itu, penggunaan premis secara berterusan adalah penting supaya ia dapat mengelakkan premis dan peralatannya terbiar bagi jangka masa yang panjang menyebabkan kerosakan dan meningkatkan kos penyenggaraan pada masa hadapan.

16.5.2.4. Pematuhan Kepada Peraturan Pengurusan Kompleks

Peraturan pengurusan kompleks diperjelaskan melalui Akta LKIM 1971 Kaedah-Kaedah LKIM 2010 (P.U.(A)103/2010, Akta LKIM 1971 Kaedah-kaedah Pemasaran Ikan 2010 (P.U.(A)104/2010 dan Manual Pengurusan Kompleks Perikanan, Labuhan Perikanan dan Jeti Pendaratan Ikan. Antara peraturannya adalah tidak dibenarkan mengubah/membina struktur perniagaan tanpa

kebenaran bertulis dari Ketua Pengarah LKIM, memungghah dan menurunkan ikan dilakukan segera, menggunakan kelengkapan khusus dan mengamalkan kaedah terbaik supaya kualiti ikan tidak terjejas dan tidak membahayakan pengguna. Semakan Audit di 17 kompleks mendapati perkara berikut:

JADUAL 16.8
KETIDAKPATUHAN KEPADA PERATURAN PENGURUSAN
KOMPLEKS DAN MAKLUM BALAS LKIM

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KOMPLEKS PERIKANAN	MAKLUM BALAS LKIM YANG DITERIMA PADA 15.09.2017
A. Vesel Perlu Ditambat di Tempat yang Dikhususkan (tidak boleh ditambat di jeti pendaratan ikan selepas pemungghahan ikan selesai)			
1.	Sebuah vesel ditambat sejak bulan Mac 2016 di jeti pendaratan ikan dan didapati vesel tersebut hampir separuh tenggelam.	Endau, Johor	<i>Pengurusan kompleks telah mengeluarkan surat peringatan agar bot tersebut dialihkan kepada pemilik bot yang terbabit. Walau bagaimanapun, pemilik bot tersebut tidak mengakui bot tersebut miliknya. Tindakan seterusnya sedang diambil mengikut saluran perundangan dan mendapatkan pandangan PUU LKIM.</i>
2.	Sebuah vesel (TRF666) ditambat di jeti pendaratan ikan sejak tahun 2010.	Mersing, Johor	<i>Notis tempoh tambahan tiga bulan untuk mengalihkan bot tersebut telah tamat pada Mei 2017 dan tindakan seterusnya sedang diambil melalui saluran perundangan.</i>
3.	Sebuah vesel ditambat di jeti pendaratan ikan melebihi 4 tahun dan telah usang serta tidak dapat kenal pasti pemiliknya.	Bintulu, Sarawak	<i>LKIM telah mengeluarkan notis peringatan tentang perkara ini dan tindakan seterusnya akan diambil melalui kaedah penguatkuasaan dan perundangan.</i>
4.	Vesel ditambat di struktur tiang jeti pendaratan dan bukannya di tonggak tambat (wharf bollard) mengakibatkan tiang jeti rosak	i. Endau, Johor ii. Tok Bali, Kelantan iii. Kuala Besut, Terengganu	<i>LKIM telah mengeluarkan surat pekeliling pada 29 Ogos 2017 kepada semua Pengurus Kompleks dan Pengurus Besar PN supaya mematuhi Peraturan Pengurusan Kompleks termasuk vesel ditambat di struktur tiang jeti. Dengan surat pekeliling ini, LKIM akan memantau pengurusan kompleks bagi mematuhi arahan seperti di dalam 'SOP' dari masa ke semasa. Pihak LKIM juga sedang meneliti untuk membaiki struktur tiang di dalam kompleks berdasarkan peruntukan yang sedia ada.</i>
B. Memungghah dan Menurunkan Ikan Tidak Mengikut Kaedah			
5.	Hasil tangkapan dibiarkan di atas lantai yang kotor	Endau, Johor	<i>LKIM mengambil maklum dan akan memastikan bahawa perkara sebegini tidak berlaku lagi. LKIM telah mengeluarkan surat pekeliling pada 29 Ogos 2017 kepada semua Pengurus Kompleks dan Pengurus Besar Persatuan Nelayan supaya mematuhi Peraturan Pengurusan Kompleks termasuk memungghah dan menurunkan ikan mengikut kaedah yang ditetapkan.</i>
C. Tidak Dibenarkan Mengubah dan Mendirikan Struktur di Dalam Kawasan Kompleks Tanpa Kelulusan Ketua Pengarah			
6.	Membina bangsal pasang siap bagi Projek Bot <i>Fibre Glass</i>	Bintulu, Sarawak	<i>LKIM mengeluarkan surat pekeliling pada 29 Ogos 2017 kepada semua Pengurus Kompleks dan Pengurus Besar PN supaya mematuhi Peraturan Pengurusan Kompleks termasuk mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah LKIM sebelum mengubah dan mendirikan struktur di dalam kompleks.</i> <i>LKIM akan mewujudkan satu jawatankuasa untuk meneliti dan menilai struktur yang telah dibina tanpa kelulusan untuk memutuskan status infrastruktur tersebut dan tindakan selanjutnya.</i>
7.	Membina stor penyimpanan kotak ikan, kantin dan mengubahsuai tempat parkir kereta dan motosikal menjadi stor penyimpanan kotak ikan	Kuala Perlis, Perlis	
8.	Membina kiosk kedai runcit	Kuala Kedah, Kedah	
9.	Membina struktur tambahan di bangunan Pasar Nelayan	Kuala Sanglang, Kedah	
10.	PNK Kuala Kedah telah membina dua pam minyak dan tidak dapat mengemukakan surat kelulusannya.	Kuala Kedah, Kedah	

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KOMPLEKS PERIKANAN	MAKLUM BALAS LKIM YANG DITERIMA PADA 15.09.2017
D. Larangan Memasuki Kompleks dan Membaiki Pukat			
11.	Orang awam bebas merayau-rayau di jeti pendaratan ikan dan juga kenderaan memasuki jeti pendaratan ikan.	Kuala Besut, Terengganu	<i>LKIM telah mengeluarkan surat pekeliling pada 29 Ogos 2017 kepada semua Pengurus Kompleks dan Pengurus Besar PN supaya mematuhi Peraturan Pengurusan Kompleks termasuk tidak membenarkan orang awam merayau-rayau di dalam kawasan kompleks.</i>
12.	Nelayan membaiki dan menyimpan pukat di jeti pendaratan ikan walaupun terdapat tempat khusus.	Kuala Besut, Terengganu	<i>Selain daripada itu, PNK Kuala Besut juga telah meletakkan notis larangan memasuki kawasan kompleks.</i>
13.	Nelayan meletakkan peralatan pukat di jeti pendaratan ikan	Tok Bali, Kelantan	<i>Tindakan telah diambil yang mana pukat telah dipindahkan daripada kawasan tersebut. LKIM telah mengeluarkan surat pekeliling pada 29 Ogos 2017 kepada semua Pengurus-Pengurus Kompleks dan Pengurus Besar PN supaya mematuhi Peraturan Pengurusan Kompleks termasuk tidak meletakkan peralatan pukat di atas jeti pendaratan ikan.</i>

Sumber: Lawatan Fizikal Jabatan Audit Negara

GAMBAR 16.25



Kompleks Perikanan Endau, Johor - Vesel Ditambat Sejak Bulan Mac 2016 di Jeti Pendaratan Ikan (17.04.2017)

GAMBAR 16.26



Kompleks Perikanan Endau, Johor - Hasil Tangkapan Dibiarkan di Atas Lantai yang Kotor (17.04.2017)

GAMBAR 16.27



Kompleks Perikanan Kuala Besut, Terengganu - Kenderaan Memasuki Ruang Jeti Pendaratan Ikan yang Boleh Membahayakan Orang Awam (04.05.2017)

GAMBAR 16.28



Kompleks Perikanan Kuala Besut, Terengganu - Pukat Disimpan dan Dibiarkan di Jeti Pendaratan Ikan (04.05.2017)

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada peraturan pengurusan kompleks adalah tidak memuaskan kerana berlaku pelanggaran Akta LKIM/peraturan yang boleh diambil tindakan perundangan. Ia juga telah menjejaskan kelancaran vesel-vesel lain yang beroperasi, mengurangkan ruang tambatan yang sedia ada, menjejaskan keselamatan pengguna dan alam

sekitar, menjadi *eye sore* serta merosakkan struktur bangunan. Selain itu, ia boleh mengakibatkan peruntukan tambahan yang perlu disediakan bagi membaiki kerosakan pada masa hadapan yang mana boleh dielakkan jika *Best Management Practise* diamalkan.

16.5.2.5. Pelanggaran Syarat Kontrak Penyewaan Tanah Laluan Masuk ke Kompleks Perikanan Pelabuhan Klang, Selangor

Ekoran daripada tiada jalan keluar masuk di Kompleks Perikanan Pelabuhan Klang, Selangor, LKIM telah memeterai perjanjian sewaan tanah RM5,000 sebulan pada 19 Mac 2007 dengan pemilik tanah persendirian (syarikat). Ini adalah supaya tanah tersebut digunakan sebagai jalan keluar/masuk ke kompleks. Berdasarkan klausa 4 perjanjian sewaan - Kegunaan Tanah, LKIM boleh membina infra termasuk hentian tol dan mengutip tol daripada pengguna yang menggunakan jalan tersebut. Berdasarkan klausa 5 perjanjian sewaan - Obligasi Tuan Tanah, pemilik tanah dikehendaki membenarkan LKIM mengutip, menyimpan dan menggunakan caj penggunaan jalan (tol) tersebut. Lawatan Audit pada 8 Jun 2017 mendapati satu hentian tol telah dibina oleh pemilik tanah di atas tanah yang disewa oleh LKIM dan mengutip tol daripada pengguna jalan. Amalan ini bercanggah dengan perenggan 4 dokumen perjanjian di mana LKIM yang sepatutnya mengutip tol. Gambar berkaitan adalah seperti yang berikut:



GAMBAR 16.29

Laluan Ke Kompleks Perikanan Pelabuhan Klang, Selangor
- Laluan Keluar Masuk yang Disewa oleh LKIM dan Hentian Tol yang Dibina oleh Pemilik Tanah (08.06.2017)

Maklum Balas LKIM yang Diterima Pada 15 September 2017

LKIM akan mengambil tindakan perundangan jika perlu setelah mendapat nasihat serta ulasan daripada Pegawai Undang-Undang LKIM sebelum mengadakan perbincangan dengan pihak pemilik tanah.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyewaan tanah di Kompleks Perikanan Pelabuhan Klang, Selangor adalah tidak memuaskan kerana pelanggaran syarat oleh pemilik tanah telah membebankan LKIM untuk menanggung bayaran sewaan tanpa elemen *opportunity cost*.

16.5.2.6. Penyenggaraan, Kebersihan dan Kerja Pembinaan Kompleks Tidak Memuaskan

Kompleks dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan bertujuan untuk memudahkan aktiviti pendaratan ikan supaya berjalan lancar dan cepat bagi menjamin kesegaran dan kualiti ikan. Penyenggaraan berkala dan berterusan akan menjadikan kompleks sentiasa dalam keadaan yang bersih, kondusif dan selamat serta dapat mengurangkan kos pembaikan pada masa hadapan.

- a. Lawatan Audit fizikal terhadap 17 kompleks pada bulan April hingga Jun 2017 mendapati tahap kebersihan di empat kompleks adalah memuaskan iaitu Kompleks Perikanan Sungai Udang di Kedah, Mukah di Sarawak dan Pelabuhan Klang serta Kuala Selangor di Selangor. Bagaimanapun, 13 kompleks mempunyai kelemahan dalam penyenggaraan, kebersihan, mendapan dan kerja struktur bangunan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:
 - i. tahap penyenggaraan dan kebersihan di 12 kompleks adalah tidak memuaskan. Kompleks yang terlibat adalah Kompleks Perikanan Endau dan Mersing di Johor, Sungai Duyong dan Kuala Linggi di Melaka, Tok Bali, Kelantan, Chendering dan Kuala Besut di Terengganu, Tanjung Manis dan Bintulu di Sarawak, Kuala Perlis, Perlis dan Kuala Sanglang dan Kuala Kedah di Kedah. Pihak Audit dimaklumkan, PNN/PNK tidak mempunyai peruntukan mencukupi untuk menyenggara dan melantik kontraktor kebersihan secara tetap. Oleh itu, kerja penyenggaraan dan kebersihan dilaksanakan oleh pihak PNN/PNK sendiri.
 - ii. mendapan tanah yang serius mengakibatkan kerenggangan berukuran satu hingga 12 inci antara tanah dan tapak bangunan berlaku di Kompleks Perikanan Sungai Duyong, Melaka, Kompleks Perikanan Kuala Sanglang, Kuala Kedah dan Kompleks Perikanan Kuala Selangor, Selangor. Di Kompleks Perikanan Beladin, Sarawak (masih di fasa pembinaan) berlaku mendapan serius di bangunan pentadbiran dan pondok pengawal antara 1.4 inci hingga 9 inci.
 - iii. runtuh struktur penahan bot (*fender beam*) berlaku di jeti pendaratan ikan di Kompleks Perikanan Kuala Kedah, Kedah pada 23 Mei mengakibatkan kecederaan seorang nelayan di mana mangsa dan *fender beam* jatuh ke dalam air laut. Runtuh ini adalah kali kedua berlaku selepas runtuh pertama pada 10 Mei 2015. Semakan Audit selanjutnya mendapati, baki 34 *fender beam* juga tidak stabil yang memerlukan tindakan pembaikan yang segera.
 - iv. pembinaan Kompleks Perikanan Beladin, Sarawak (tidak termasuk jeti pendaratan ikan) mempunyai kelemahan dalam reka bentuk yang menyukarkan kerja penyenggaraan dan menjejaskan keselamatan pengguna seperti pintu tidak dapat ditutup rapat, tingkap tidak dapat dibuka sepenuhnya dan terdapat jurang (*gap*) di sebelah tangga yang membahayakan pengguna apabila menaiki/menurun tangga.

b. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 16.30



**Kompleks Perikanan Endau, Johor
- Tali dan Pukat Terbiar
(17.04.2017)**

GAMBAR 16.31



**Kompleks Perikanan Kuala Perlis
- Sampah Sarap Tidak Dibersihkan
(22.05.2017)**

GAMBAR 16.32




**Kompleks Perikanan Kuala Besut, Terengganu
- Ikan yang Telah Kering Dibiarkan di Lantai
Jeti Pendaratan Ikan
(04.05.2017)**

GAMBAR 16.33



**Kompleks Perikanan Kuala Perlis, Perlis
- Air Bertakung di Jeti Pendaratan Ikan
dan Lantai Tidak Rata
(22.05.2017)**

GAMBAR 16.34



**Kompleks Perikanan Sungai Duyong, Melaka
- Mendapan Tanah di Kawasan Kompleks
(19.04.2017)**

GAMBAR 16.35



**Kompleks Perikanan Kuala Sanglang, Kedah
- Mendapan Tanah Bangunan Pejabat Kompleks
(23.05.2017)**

GAMBAR 16.36



**Kompleks Perikanan Beladin, Sarawak
- Berlaku Rekahan di Bangunan Pentadbiran
Kompleks Dengan Jarak 4 Inci
(16.05.2017)**

GAMBAR 16.37



**Kompleks Perikanan Beladin, Sarawak
- Berlaku Mendapan Tanah di Bangunan
Pentadbiran Kompleks
(16.05.2017)**

GAMBAR 16.38




Kompleks Perikanan Kuala Kedah, Kedah
- Fender Beam di Jeti Pendaratan Ikan Telah Jatuh ke Dalam Air Pada 23 Mei 2017 Menyebabkan Seorang Nelayan Cedera (24.05.2017)

GAMBAR 16.39



Kompleks Perikanan Kuala Kedah, Kedah
- Kedudukan Aras Jeti yang Tinggi Menyebabkan Tekanan Daripada Bot Lebih Tertumpu di Bahagian Bawah Fender Beam (24.05.2017)

GAMBAR 16.40



Kompleks Perikanan Beladin, Sarawak
- Pintu Di Bangunan Pentadbiran Tidak Boleh Ditutup Dengan Sempurna dan Mempunyai Jurang (16.05.2017)

GAMBAR 16.41



Kompleks Perikanan Beladin, Sarawak
- Tingkap di Bangunan Pentadbiran Tidak Boleh Dibuka Dengan Sempurna Disebabkan Terhalang Dengan Paip Lualan Air (16.05.2017)

GAMBAR 16.42



Kompleks Perikanan Beladin, Sarawak
- Terdapat Jurang (Gap) 6 Inchi di Antara Dinding dan Tangga ke Tingkat 2 Bangunan Pentadbiran (16.05.2017)

GAMBAR 16.43



Kompleks Perikanan Beladin, Sarawak
- Resapan Air di Dinding Bangunan Pentadbiran (16.05.2017)

Maklum Balas LKIM yang Diterima Pada 15 September 2017

Kekangan sumber peruntukan mengurus menyebabkan tahap penyenggaraan dan kebersihan di kompleks adalah tidak memuaskan. Bagaimanapun LKIM telah mengeluarkan surat pekeliling pada 29 Ogos 2017 kepada semua Pengurus Kompleks dan Pengurus Besar PN supaya mematuhi Peraturan Pengurusan Kompleks termasuk menjaga kebersihan di dalam kompleks. Selain itu, LKIM telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemantauan Pengurusan Pelabuhan/Kompleks pada 8 September 2017

bagi mengenalpasti dan menangani masalah kebersihan dan mendapan tanah yang serius.

Kerja-kerja pembersihan telah diambil tindakan di semua kompleks dan akan sentiasa dijalankan dari masa ke semasa. LKIM telah/akan berurusan dengan pemilik vesel untuk mengalihkan vesel terbiar di Kompleks Perikanan Sungai Duyong, Melaka; Tok Bali, Kelantan, Chendering, Terengganu. Bagi sampah sarap yang di luar kawalan, LKIM akan berusaha untuk berbincang dengan penduduk setempat dan agensi berkaitan seperti majlis daerah untuk tindakan selanjutnya. Bagi kerja penyenggaraan yang memerlukan peruntukan tambahan, pihak pengurusan kompleks akan mengemukakan permohonan peruntukan daripada LKIM bagi kerja-kerja pembaikan.

Bagi mendapan yang serius, LKIM bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) di dalam mengenal pasti tindakan-tindakan yang akan diambil berkenaan dengan mendapan tanah. Di antara kompleks yang telah diambil tindakan ialah Kompleks LKIM Kuala Kedah. Bagi mendapan tanah yang serius di Kompleks Perikanan Beladin, Sarawak, LKIM akan memanjangkan perkara ini kepada kontraktor bagi membaiki kerosakan tersebut kerana pembinaan jeti akan tamat pada 15 Disember 2017 berdasarkan kontrak.

Bagi runtuh struktur penahan bot (fender beam) - LKIM telah mengambil langkah awal dengan menyalurkan peruntukan sejumlah RM0.58 juta bagi kerja naiktaraf fender dan dijangkakan akan bermula pada bulan September 2017. LKIM juga meminta JKR untuk melaksanakan kajian soil Investigation dan Laporan Forensik Mendapan Pembangunan dan Keselamatan Jeti bertarikh 5 Julai 2017.

Bagi reka bentuk yang tidak sesuai di Kompleks Perikanan Beladin, Sarawak, LKIM akan membuat penambahbaikan melalui pihak kontraktor (projek masih di dalam fasa pembinaan).

Pada pendapat Audit, tahap kebersihan kompleks adalah tidak memuaskan kerana kompleks tidak sentiasa berada dalam keadaan yang bersih dan kondusif. Kompleks yang sentiasa berada dalam keadaan yang bersih akan memupuk budaya dan sikap persekitaran pengguna yang bersih dan sihat serta hasil tangkapan perikanan yang lebih berkualiti. Ia juga akan mencerminkan satu budaya prasarana negara yang bersih serta memberi imej baik kepada kompleks, agensi, jabatan, Kementerian dan negara. Selain itu, kadar mendapan yang signifikan iaitu mencapai sehingga kemendapan sembilan inci menjadikan bangunan tidak selamat.

16.6. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kompleks perikanan LKIM, disyorkan supaya pihak bertanggungjawab mengambil tindakan seperti berikut:

16.6.1. LKIM dengan DOF hendaklah mengkaji mekanisme yang sesuai untuk meningkatkan kuantiti dan nilai pendaratan ikan laut di kompleks perikanan LKIM;

16.6.2. LKIM, DOF dan MOA hendaklah memperkukuhkan *engagement* dengan Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan bagi meningkatkan kerjasama supaya lebih ramai nelayan mendaratkan ikan di kompleks perikanan LKIM;

16.6.3. LKIM hendaklah mengkaji keperluan untuk meningkatkan tahap *interoperability* dan kesediaan (*readiness*) kompleks/kemudahan/peralatan agar ia dapat digunakan secara optimum;

16.6.4. LKIM hendaklah melaksanakan kajian *viability* dan *feasibility* dalam fasa perancangan awal bagi menentukan keperluan, pemilihan lokasi/tapak kompleks dan kemudahan/peralatan yang paling sesuai;

16.6.5. LKIM hendaklah mengambil tindakan secara inovatif dan berdasarkan perjanjian untuk mengutip semua tunggakan sewaan sebelum tunggakan berlarutan;

16.6.6. LKIM hendaklah mengambil tindakan perundangan atau berbincang dengan pemilik tanah mengenai kutipan tol dan kadar bayaran sewa tanah;

16.6.7. LKIM hendaklah menguatkuasakan Akta LKIM dan peraturan pengurusan kompleks sepenuhnya dengan meningkatkan tahap pemantauan dan pemeriksaan secara lebih tegas, berkala dan berterusan. Tindakan serius hendaklah diambil terhadap mereka yang melanggar Akta LKIM/peraturan pengurusan kompleks; dan

16.6.8. LKIM hendaklah memastikan kompleks sentiasa berada dalam keadaan yang bersih, kondusif dan selamat dengan mengambil langkah preventive melalui penyediaan dan pelaksanaan *Planned Preventive Measure* (PPM) dan mengambil tindakan *corrective*/pembaikan dengan segera di masa akan datang.

17. PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH - PENGURUSAN PROJEK AGROPOLITAN: PEMBANGUNAN LADANG SEJAHTERA DAN KOMERSIAL

17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), ditubuhkan pada 1 Januari 1973 melalui Akta Tubuh RISDA (Akta 85) Tahun 1972 dan Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952.

17.1.2. Projek agropolitan merupakan projek di bawah Program Lonjakan Mega Luar Badar (PLMLB), KKLW yang telah diluluskan oleh Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (National Implementation Task Force, NITF) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 Oktober 2006. PLMLB merupakan satu program bersepadu dan komprehensif bertujuan menghapuskan kemiskinan luar bandar melalui peningkatan pendapatan, meningkatkan kualiti hidup serta mempercepatkan pembangunan di kawasan mundur, terpencil dan terbiar.

17.1.3. Objektif projek agropolitan adalah untuk mengeluarkan peserta daripada garis kemiskinan, meningkatkan purata pendapatan peserta daripada RM300 kepada RM1,800 sebulan dengan melibatkan peserta secara aktif di ladang, mewujudkan ekonomi mapan dan terancang, menyediakan penempatan yang selesa, dan meningkatkan liputan dan kualiti prasarana asas, utiliti, ameniti dan kemudahan sosial. Bagi menjayakan projek agropolitan tersebut, KKLW telah melantik RISDA sebagai agensi pelaksana pada 24 November 2006.

17.1.4. RISDA telah mendapat peruntukan sejumlah RM182 juta di bawah siling projek agropolitan dalam RMKe-9 dan RMKe-10 melalui KKLW yang melibatkan lima projek agropolitan di negeri Pahang, Perak dan Sarawak. Projek ini terdiri daripada ladang sejahtera, ladang komersial dan penempatan di Agropolitan Gahai dan Chemomoi di Pahang, Agropolitan Ulu Awik dan RASCOM di Sarawak serta Agropolitan Ganda di Perak.

17.1.5. Pembangunan ladang sejahtera dan ladang komersial merupakan sebahagian daripada komponen penting dalam projek agropolitan. Ladang sejahtera dibangunkan dengan tanaman komoditi yang menjamin pulangan tetap jangka panjang kepada peserta manakala ladang komersial merupakan aktiviti ekonomi berasaskan pertanian jangka pendek sementara menunggu hasil tanaman ladang sejahtera.

17.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan bagi menilai sama ada pengurusan projek agropolitan terutama komponen ekonomi iaitu ladang sejahtera dan ladang komersial telah dibangunkan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

17.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua bidang utama (key area) iaitu ladang sejahtera dan ladang komersial bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Sampel pengauditan meliputi tiga daripada lima ladang sejahtera dan komersial yang dibangunkan oleh RISDA iaitu ladang di Agropolitan Ganda, Perak dan Agropolitan Gahai serta Chemomoi di Pahang. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat RISDA, KKLW, Pejabat RISDA Negeri Perak dan Pahang serta Pejabat Daerah dan Tanah Gerik, Lipis dan Bentong.

17.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail serta menganalisis data berkaitan projek agropolitan di Gahai, Ganda dan Chemomoi. Temu bual dengan pegawai berkaitan dan edaran borang soal selidik kepada 25 (31.3%) daripada 80 peserta di Agropolitan Gahai dan 39 (60.9%) daripada 64 peserta di Agropolitan Chemomoi turut dijalankan.

17.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2017 mendapati objektif pembangunan ladang sejahtera dan ladang komersial belum tercapai. Berlaku pertukaran Ladang Komersial Gahai kepada ladang sejahtera, Ladang Komersial Ganda masih tidak dilaksanakan dan Ladang Komersial Chemomoi yang tidak mencapai objektif dalam penglibatan peserta. Pihak Audit juga menemui beberapa kelemahan dalam pengurusan projek yang memerlukan tindakan penambahbaikan diambil dengan segera seperti berikut:

- i. peningkatan kos Ladang Sejahtera Ganda sebanyak 267.3% atau RM33.01 juta berbanding kos awal pembangunan berjumlah RM12.35 juta;
- ii. kematian pokok getah yang tinggi iaitu sebanyak 1,154,026 pokok disebabkan tanah yang tidak sesuai, serangan musuh tanaman dan runtuh tanah ladang mengakibatkan Kerajaan menanggung kos tambahan berjumlah RM12 juta;
- iii. lokasi Ladang Sejahtera Ganda tidak sesuai untuk projek agropolitan;
- iv. tiada kelulusan khas untuk meneruskan projek agropolitan selepas laporan negatif Kajian EIA;

- v. kaedah torehan Ladang Sejahtera Gahai tidak mengikut Amalan Terbaik Pertanian (GAP);
- vi. kaedah pembayaran dividen hasil ladang sejahtera tidak mengikut garis panduan dan pengurusan pembayaran dividen tidak memuaskan; dan
- vii. tiada perjanjian antara agensi pelaksana dan kerajaan negeri atau agensi pemegang amanah dan perjanjian antara agensi pelaksana dan peserta.

Perkara yang ditemui dan maklum balas RISDA telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 25 September 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti perenggan berikut:

17.5.1. Prestasi Kewangan

17.5.1.1 Sehingga tahun 2016, RISDA telah menerima peruntukan sejumlah RM58.86 juta melalui KKLW dan telah membelanjakan sebanyak RM51.86 juta (88.1%) bagi membangunkan ladang sejahtera dan komersial di Agropolitan Gahai, Ganda dan Chemomoi masing-masing berjumlah RM4.13 juta, RM33.01 juta dan RM14.72 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 17.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN LADANG
SEJAHTERA DAN KOMERSIAL SEHINGGA TAHUN 2016

AGROPOLITAN	PEMBANGUNAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
Gahai	Ladang Sejahtera	5.52	3.56	1.96
	Ladang Komersial	0.74	0.57	0.17
Jumlah		6.26	4.13	2.13
Ganda	Ladang Sejahtera	32.08	33.01	(0.93)
	Ladang Komersial	-	-	-
Jumlah		32.08	33.01	(0.93)
Chemomoi	Ladang Sejahtera	18.74	14.13	4.61
	Ladang Komersial	1.78	0.59	1.19
Jumlah		20.52	14.72	5.8
JUMLAH KESELURUHAN		58.86	51.86	7.0

Sumber: Bahagian Program Khas, RISDA

17.5.1.2 Kos pembangunan ladang sejahtera akan ditanggung sepenuhnya oleh KKLW sehingga ladang mengeluarkan hasil. Selepas tempoh tersebut, KKLW tidak lagi menanggung sebarang kos pembangunan kerana kos berkenaan akan ditanggung sepenuhnya melalui hasil ladang. Bagaimanapun, sehingga kini Ladang Sejahtera Ganda dan Chemomoi masih memerlukan geran daripada Kerajaan walaupun tempoh pembangunan ladang telah tamat di antara tahun 2014 hingga 2015. Sehingga tahun 2016, kos pembangunan Ladang Sejahtera Chemomoi telah meningkat kepada RM14.13 juta (158.9%)

berbanding kos anggaran pembangunan awal berjumlah RM8.89 juta manakala kos Ladang Sejahtera Ganda telah meningkat kepada RM33.01 juta (267.3%) berbanding kos anggaran pembangunan awal berjumlah RM12.35 juta. Peningkatan kos ini adalah disebabkan oleh masalah pokok mati kerana tanah tidak sesuai, serangan musuh tanaman, runtuh teres dan hakisan tanah ladang. Perincian peningkatan kos awal pembangunan ladang sejahtera adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 17.2
PENINGKATAN KOS AWAL PEMBANGUNAN LADANG SEJAHTERA SEHINGGA TAHUN 2016**

AGROPOLITAN	PERKARA	KOS ANGGARAN (RM Juta)	KOS ANGGARAN KESELURUHAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PENINGKATAN KOS (RM Juta)	PERATUSAN PENINGKATAN KOS (%)
Ganda	Kos kontrak	6.55	12.35	33.01	20.66	267.3
	Penyelenggaraan kawasan dan membaja sehingga tempoh berhasil	1.94				
	Kerja-kerja ukur tanah	2.49				
	Kos mengurus	1.37				
Chemomoi	Kos kontrak	4.80	8.89	14.13	5.24	158.9
	Penyelenggaraan kawasan dan membaja sehingga tempoh berhasil	3.51				
	Kerja-kerja ukur tanah	0.20				
	Kos mengurus	0.38				

Sumber: Dokumen Perjanjian Kontraktor dan Perjanjian Pengurusan Pembangunan Ladang

17.5.1.3 Bagi menampung peruntukan defisit di Ladang Sejahtera Ganda, RISDA terpaksa meminta ESPEK Plantations Sdn. Bhd. (EPSB) dan RISDA Plantation Sdn. Bhd. (RPSB) menggunakan peruntukan dalaman syarikat untuk memastikan keadaan ladang terurus. Oleh itu, pada 19 September 2016 RISDA telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada KKLW untuk Ladang Sejahtera Ganda sehingga tempoh berhasil iaitu pada tahun 2021 seperti jadual berikut:

**JADUAL 17.3
ANGGARAN PERBELANJAAN LADANG SEJAHTERA GANDA
SEHINGGA TEMPOH BERHASIL**

BLOK	ANGGARAN PERBELANJAAN					JUMLAH (RM Juta)	KOS SEDIA ADA SEHINGGA TAHUN 2016 (RM Juta)	ANGGARAN KOS SEHINGGA LADANG BERHASIL (RM Juta)
	TAHUN 2017 (RM Juta)	TAHUN 2018 (RM Juta)	TAHUN 2019 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	TAHUN 2021 (RM Juta)			
1	0.62	0.52	0.54	0.57	-	2.25		
2	0.99	0.77	0.83	0.80	-	3.39		

BLOK	ANGGARAN PERBELANJAAN					JUMLAH (RM Juta)	KOS SEDIA ADA SEHINGGA TAHUN 2016 (RM Juta)	ANGGARAN KOS SEHINGGA LADANG BERHASIL (RM Juta)
	TAHUN 2017 (RM Juta)	TAHUN 2018 (RM Juta)	TAHUN 2019 (RM Juta)	TAHUN 2020 (RM Juta)	TAHUN 2021 (RM Juta)			
3	0.83	0.64	0.68	0.64	-	2.79	33.01	48.70
4	1.67	1.05	1.06	0.58	0.41	4.77		
5	0.75	0.51	0.62	0.61	-	2.49		
JUMLAH	4.86	3.49	3.73	3.20	0.41	15.69	33.01	48.70

Sumber: Bahagian Program Khas, RISDA

17.5.1.4. Keadaan ini menunjukkan akan berlakunya peningkatan kos awal pembangunan Ladang Sejahtera Ganda kepada RM48.70 juta (394.3%) berbanding kos anggaran pembangunan awal ladang berjumlah RM12.35 juta.

17.5.2. Prestasi Ladang Sejahtera

17.5.2.1. Projek ladang sejahtera merupakan sebahagian daripada pembangunan komponen ekonomi bagi tanaman getah. Projek Ladang Sejahtera Gahai, Ganda dan Chemomoi mempunyai keluasan masing-masing 232.69 hektar, 1,012.03 hektar dan 639.34 hektar. Pembangunan ladang ini bermula dengan kerja-kerja mengukur tapak Projek Ladang Sejahtera Gahai dan Ganda pada tahun 2007 dan Chemomoi pada tahun 2008. RISDA yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan menguruskan projek agropolitan telah melantik anak syarikatnya iaitu RPSB pada 1 April 2010 sebagai agen mengurus Ladang Sejahtera Ganda. Pada 1 Januari 2014 pula, RISDA telah melantik RPSB sebagai agen pelaksana yang mengambil alih semua tanggungjawab RISDA untuk membangunkan dan menguruskan Ladang Sejahtera Agropolitan Gahai, Ganda dan Chemomoi kecuali Ladang Sejahtera Ganda bagi Blok 2, Blok 3 dan Blok 4. Blok ini telah dipertanggungjawabkan kepada EPSB sebagai agen pelaksana yang juga merupakan anak syarikat RISDA. Pelantikan ini adalah berdasarkan kepada Surat Arahan Ketua Pengarah RISDA Bilangan 15 Tahun 2013 berkaitan pelaksanaan pembangunan ladang sejahtera projek agropolitan di bawah agensi RISDA oleh agen pelaksana. Butiran terperinci berkaitan skop kerja awal pembangunan ladang sejahtera adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.4
STATUS PEMBANGUNAN LADANG SEJAHTERA AGROPOLITAN

PROJEK	BLOK LADANG	AGEN PELAKSANA	KELUASAN (Hektar)	KELUASAN BERTANAM (Hektar)	MAKLUMAT PEMBANGUNAN			JENIS TANAMAN UTAMA
					TAHUN MULA PROJEK	TAHUN TANAM POKOK	STATUS TERKINI KAWASAN POKOK	
Gahai	Fasa 1	RPSB	202.34	194.59	2007	2007	Kawasan torehan	Getah
	Fasa 2	RPSB	30.35	30.35	2013	2013	Kawasan baru / <i>convert</i>	Getah
Ganda	Blok 1	RPSB	208.82	188.82	2007	2010	Kawasan sulaman	Getah

PROJEK	BLOK LADANG	AGEN PELAKSANA	KELUASAN (Hektar)	KELUASAN BERTANAM (Hektar)	MAKLUMAT PEMBANGUNAN			JENIS TANAMAN UTAMA
					TAHUN MULA PROJEK	TAHUN TANAM POKOK	STATUS TERKINI KAWASAN POKOK	
	Blok 2	EPSB	240.48	235.00	2007	2010	Kawasan sulaman	Getah
	Blok 3	EPSB	193.99	190.00	2007	2010	Kawasan sulaman	Getah
	Blok 4	EPSB	159.92	159.92	2007	2010	Kawasan sulaman	Getah
	Blok 5	RPSB	208.82	178.00	2007	2010	Kawasan sulaman	Getah
Chemomoi	Blok A	RPSB	148.00	123.47	2008	2010	Kawasan bancian	Getah
	Blok B	RPSB	194.50	179.56	2008	2012	Kawasan bancian	Getah
	Blok C	RPSB	220.00	182.63	2008	2011	Kawasan bancian	Getah
	Blok D	RPSB	76.84	76.84	2008	2011 / 2012	Kawasan sulaman / <i>convert</i>	Sawit

Sumber: Laporan Mingguan Bahagian Program Khas, RISDA

17.5.2.2. Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Agropolitan, tempoh pembangunan ladang sejahtera adalah selama 25 tahun iaitu satu tempoh di mana jangka hayat ladang getah mengeluarkan hasil. Tempoh awal pembangunan ladang adalah selama tujuh tahun dari tarikh kerja-kerja ukur dijalankan dan selepas tempoh tersebut ladang akan mula mengeluarkan hasil. Ladang Sejahtera Gahai, Ganda dan Chemomoi akan mula mengeluarkan hasil apabila saiz pokok telah mencapai ukur lilit 45 cm yang dijangka pada tahun 2013, 2014 dan 2015.

17.5.2.3. Semakan Audit mendapati tempoh sasaran menoreh telah melebihi tiga tahun dan hanya 180 hektar (81.5%) daripada keluasan tanaman pokok getah di Ladang Sejahtera Gahai yang boleh ditoreh manakala bagi Ladang Sejahtera Ganda dan Chemomoi masih dalam proses kerja-kerja menyelenggara dan menyulam anak pokok di kawasan blok yang terlibat. Jumlah pokok yang ditanam di Blok 1 hingga Blok 5 Ladang Sejahtera Ganda adalah sebanyak 482,130 pokok manakala di Blok A hingga Blok D Ladang Sejahtera Chemomoi pula adalah sebanyak 247,133 pokok. Semakan lanjut mendapati jumlah pokok mati di Ladang Sejahtera Ganda sehingga tahun 2016 adalah sebanyak 1,005,601 pokok (208.6%). Jumlah ini adalah melibatkan kematian sebanyak 490,124 pokok bagi tempoh 2014 hingga 2016 dan kematian pokok sebanyak 515,477 sebelum pelantikan agen pelaksana manakala kematian pokok di Ladang Sejahtera Chemomoi adalah sebanyak 148,425 pokok (60.1%). Jumlah keseluruhan kematian bagi kedua-dua ladang sejahtera berkenaan adalah sebanyak 1,154,026 pokok. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan berjumlah RM12 juta berdasarkan kepada anggaran kos sulaman RM10.40 bagi seunit pokok. Pokok yang mati telah disulam dan perincian jumlah serta saiz ukur lilit pokok selepas sulaman adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.5
BANCIAN JUMLAH DAN UKUR LILIT POKOK DI LADANG
SEJAHTERA GANDA DAN CHEMOMOI SEHINGGA TAHUN 2016

AGROPOLITAN	JUMLAH POKOK SEPATUTNYA DITANAM	JUMLAH POKOK DITANAM	JUMLAH POKOK MATI	PERATUS POKOK MATI	SULAMAN DAN BANCIAN	
					UKUR LILIT	JUMLAH POKOK
Ganda	489,020	482,130	1,005,601	208.6	5 cm - 14 cm	279,342
					15 cm - 24 cm	45,606
					25 cm - 34 cm	15,213
					35 cm - 44 cm	6,165
					> 45 cm	6,170
JUMLAH POKOK SELEPAS SULAMAN						352,496
Chemomoi	253,300	247,133	148,425	69.2	< 14 cm	141,287
					25 cm - 34 cm	41,699
					35 cm - 45 cm	15,628
					> 46 cm	12,731
JUMLAH POKOK SELEPAS SULAMAN						211,345

Sumber: Laporan Mingguan Bahagian Program Khas, RISDA dan Laporan Ajen Pelaksana

17.5.2.4 Analisis Audit mendapati kadar kematian pokok yang tinggi disebabkan oleh keadaan tanah dan darjah kecerunan teres yang tidak sesuai serta serangan musuh tanaman. Lawatan Audit di Ladang Sejahtera Ganda pada 7 hingga 8 Februari 2017 dan Ladang Sejahtera Chemomoi pada 22 hingga 23 Februari 2017 mendapati perkara berikut:

a. Tanah Tidak Sesuai

- i. Berdasarkan Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi Ladang Sejahtera Ganda, sebanyak 75% tanah untuk tanaman getah adalah tidak sesuai pada kelas N1 dan S3 - N1 manakala Ladang Sejahtera Chemomoi pula sebanyak 35.2% tanah tidak sesuai pada kelas N1 - S3 seperti jadual berikut:

JADUAL 17.6
KELAS KESESUAIAN TANAH
UNTUK GETAH BAGI PEMBANGUNAN LADANG SEJAHTERA

LADANG SEJAHTERA	SIRI TANAH	KECURAMAN	TANAH UNTUK GETAH	ANGGARAN KELUASAN (Hektar)	PERATUS (%)	JUMLAH PERATUS TIDAK SESUAI (%)
Ganda	Rengam/Berserah /Baling	Curam ke sangat curam (25° - 32°)	N1	553.8	45	75
	Rengam/Berserah /Baling	Berbukit ke curam (20° - 25°)	S3 - N1	369.2	30	
	Rengam/Berserah /Baling/Awang	Berombak ke curam (12° - 20°)	S2	307.6	25	-
	JUMLAH				1,230.6	100

LADANG SEJAHTERA	SIRI TANAH	KECURAMAN	TANAH UNTUK GETAH	ANGGARAN KELUASAN (Hektar)	PERATUS (%)	JUMLAH PERATUS TIDAK SESUAI (%)
Chemomoi	Berserah/Baling	Berbukit ke curam (20° – 30°)	N1 - S3	460.77	35.2	35.2
	Batu Lapan/ Kuala Brang	Berombak ke curam (10° – 27°)	S2 – S3	342.95	26.2	-
	Chat/Bungor/ Rengam/Tanah himpunan	Rata ke berbukit (0° – 12°)	S1 - S2	506.28	38.6	-
	JUMLAH			1,310	100	35.2

Sumber: Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA)

Nota: Kelas Kesesuaian Tanah Untuk Getah

(S1) - Sesuai

(S2) - Sederhana Sesuai

(S3) - Perantaraan

(N1) - Tidak Sesuai Pada Keadaan Semasa

(N2) - Tetap tidak sesuai

- ii. Semakan Audit mendapati sebanyak 75% kesesuaian tanah untuk tanaman getah di Ladang Sejahtera Ganda adalah tidak sesuai pada kelas N1 dan S3 - N1 seperti yang dinyatakan dalam Laporan EIA. Keluasan ini termasuk Blok 6 seluas 219 hektar yang telah dikeluarkan daripada projek agropolitan dan kawasan yang tidak bertanam seluas 60.29 hektar. Bagi Ladang Sejahtera Chemomoi pula sebanyak 34.4% kesesuaian tanah untuk tanaman getah adalah tidak sesuai pada kelas N1 - S3. Keluasan ini adalah tidak termasuk kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit seluas 76.84 hektar. Lawatan dan pemeriksaan Audit terhadap ketidaksesuaian tanah di Ladang Sejahtera Ganda dan Chemomoi adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.1



Blok 2, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Tanah Berbukit Pasir di Kawasan Rendah
(08.02.2017)

GAMBAR 17.2



Blok 5, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Tanah Berbukit Pasir di Kawasan Tinggi
(07.02.2017)

GAMBAR 17.3



Blok 2, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Struktur Dalam Tanah Berbukit Pasir
di Kawasan yang Rendah
(08.02.2017)


GAMBAR 17.4



Blok 4, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Struktur Dalam Tanah Berbukit Pasir
di Kawasan yang Tinggi
(08.02.2017)

- iii. Selain itu, berdasarkan Laporan EIA kandungan air dalam tanah di Ganda mempunyai paras air tetap melebihi 100 cm dari permukaan tanah. Jenis tanah adalah berbukit pasir dan kemampuan tanah menyimpan air adalah pada tahap sederhana kepada kurang memuaskan.
- iv. Semakan Audit terhadap Laporan Pengesyoran Penanaman dan Pembajaan Tanaman Getah oleh Jabatan ESPEK Research and Advisory Services (ERAS) pada tahun 2011 mendapati pokok getah disyorkan ditanam sedalam 60 cm. Bagaimanapun, spesifikasi kontrak kerja menanam pula adalah sedalam 45 cm. Keadaan ini menyebabkan pokok getah yang ditanam di peringkat awal tidak mendapat air dalam tanah yang secukupnya. Ini adalah kerana tanah yang berbukit pasir tidak mampu menyimpan air dengan baik seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.5



Lakaran Spesifikasi Kontrak Kerja
Berbanding Laporan Kajian EIA
- Pokok Getah Mati Disebabkan Tanah Tidak Sesuai dan
Tidak Mendapat Air yang Secukupnya

GAMBAR 17.6



Blok 3, Ladang Sejahtera Ganda
- Pokok Getah Mati Disebabkan Tanah Tidak Sesuai dan
Tidak Mendapat Air yang Secukupnya
(08.02.2017)

- v. Kadar taburan hujan yang rendah antara bulan Januari hingga Mac mempercepatkan lagi kematian anak pokok. Keadaan ini telah menyebabkan sebanyak 398,240 anak pokok getah telah mati kerana tanah tidak sesuai dan tidak mendapat air yang secukupnya seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.7



Blok 3, Ladang Sejahtera Ganda
- Pokok Getah Mati Disebabkan Tanah Tidak Sesuai
dan Tidak Mendapat Air yang Secukupnya
(08.02.2017)

GAMBAR 17.8



Blok 3, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Akar Pokok Getah yang Mati
Disebabkan Tanah Tidak Sesuai dan
Tidak Mendapat Air yang Secukupnya
(08.02.2017)

- vi. Bagi mengurangkan kadar kematian anak pokok getah yang ditanam, RISDA telah menetapkan kerja-kerja menanam anak pokok dilakukan selepas hujan. Jaring hitam juga dipasang dan lalang dibiarkan tumbuh di sekeliling anak pokok bagi mengurangkan kepanasan dan sekaligus mengawal kelembapan tanah. Selain itu, *skid tank* juga digunakan untuk menyiram pokok semasa kadar taburan hujan rendah di ladang bagi memastikan anak pokok mendapat air yang mencukupi.
- vii. Pihak Audit juga tidak dapat memastikan sejauh mana tahap keberkesanan pendekatan dan langkah yang diambil oleh RISDA. Ini adalah kerana tidak ada satu kajian atau laporan menyeluruh dibuat oleh RISDA berkaitan keberkesanan langkah tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati di Ladang Sejahtera Ganda hanya sebanyak 6,170 pokok getah yang tidak pernah disulam sejak awal pembangunan ladang. Sekiranya tidak berlaku kematian anak pokok sejak mula ditanam, kerja-kerja menoreh sudah boleh dijalankan kerana ukur lilit pokok getah yang hidup telah melebihi 45 cm. Jumlah pokok yang telah ditanam sehingga tahun 2016 adalah sebanyak 482,130 pokok daripada 489,020 pokok yang sepatutnya ditanam. Di Ladang Sejahtera Chemomoi pula pertumbuhan pokok getah adalah jauh lebih baik kerana jumlah peratusan tanah tidak sesuai hanya 34.4% berbanding 75% di Ladang Sejahtera Ganda. Semakan lanjut mendapati sebanyak 39,153 pokok telah mati di Ladang Sejahtera Chemomoi disebabkan oleh keadaan tanah yang tidak sesuai. Jumlah keseluruhan kematian pokok getah bagi kedua-dua ladang disebabkan tanah tidak sesuai adalah sebanyak 437,393 pokok. Keadaan terkini Ladang Sejahtera Ganda dan Chemomoi adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.9



Blok 4, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Tanaman Pokok Getah di Ladang yang
Menghadapi Masalah Kesesuaian Tanah dan Air
(08.02.2017)

GAMBAR 17.10



Blok B, Ladang Sejahtera Chemomoi
- Keadaan Blok Ladang yang Menghadapi Masalah
Pokok Mati dan Kerap di Sulam
(23.02.2017)

Maklum Balas RISDA yang Diterima Pada 28 September 2017

Tanah Tidak Sesuai

Berdasarkan laporan ERAS 2007, 78.6% tanah tidak sesuai untuk ditanam kerana berpasir. Bagaimanapun, kawasan terpaksa diusahakan untuk memenuhi keperluan bilangan peserta 400 orang supaya mempunyai kepadatan pokok yang sesuai untuk menjana pendapatan kepada peserta.

Lubang Tanaman

Kajian oleh ERAS 2007, mengesyorkan lubang tanaman 45cm lebar x 45cm panjang x 45cm dalam. Oleh itu, penanaman telah dilaksanakan mengikut spesifikasi ini. Sekiranya benih getah ditanam ke paras 60cm iaitu berdasarkan laporan kajian ERAS pada tahun 2011, batang getah akan ditenggelamkan ke dalam tanah sedalam 10 – 15cm dari paras cantuman menyebabkan batang yang masih hijau akan melecur dan kekeringan seterusnya mengakibatkan kadar kematian pokok lebih tinggi.

Pada pendapat Audit, pembangunan Ladang Sejahtera Ganda dan Chemomoi adalah tidak memuaskan kerana masalah kesesuaian tanah yang telah menyebabkan kematian pokok getah sebanyak 437,393 pokok.

b. Serangan Musuh Tanaman

- i. Berdasarkan Laporan EIA Tahun 2008, kawasan Projek Agropolitan Ganda adalah kawasan hidupan liar seperti gajah dan babi hutan. Laporan EIA menganggarkan terdapat spesis gajah (*Elephas Maximus*) sebanyak 50 ekor di kawasan tersebut tetapi anggaran jumlah babi hutan tidak dinyatakan. Laporan EIA Projek Agropolitan Chemomoi pula tidak melaporkan sebarang spesis hidupan liar di sekitar kawasan projek.
- ii. Pihak Audit dimaklumkan oleh RISDA dan agen pelaksana bahawa serangan musuh tanaman yang kerap berlaku ialah serangan gajah, babi

hutan, anai-anai dan belalang. Berdasarkan buku rekod harian ladang EPSB, gajah liar ini telah memasuki Ladang Sejahtera Ganda sebanyak tiga kali pada tahun 2015 dan telah memusnahkan 78,374 anak pokok getah. Serangan juga berlaku pada tahun 2016 dengan kekerapan serangan sebanyak enam kali dan telah memusnahkan sebanyak 5,273 anak pokok getah. Manakala di Projek Agropolitan Chemomoi pula, masalah utama yang dihadapi ialah pencerobohan lembu milik penduduk tempatan di ladang sejahtera. Berdasarkan maklumat yang diterima, lembu berkenaan memasuki ladang pada setiap hari.

- iii. Lawatan Audit di Ladang Sejahtera Ganda dan Chemomoi mendapati selain gajah, babi hutan dan lembu, pokok getah di ladang sejahtera juga diserang anai-anai. Keadaan ini adalah berdasarkan kepada kesan serangan dan jejak yang ditinggalkan oleh musuh tanaman seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.11



**Blok 4, Ladang Sejahtera Ganda
- Najis Gajah di Dalam Kawasan Serangan Ladang
(08.02.2017)**

GAMBAR 17.12



**Blok 4, Ladang Sejahtera Ganda
- Bekas Tapak Kaki Babi Hutan di Dalam
Kawasan Serangan Ladang
(08.02.2017)**

GAMBAR 17.13



**Blok 5, Ladang Sejahtera Ganda
- Anai-Anai Pada Pokok Getah di
Tapak Kawasan Serangan
(07.02.2017)**

GAMBAR 17.14



**Blok C, Ladang Sejahtera Chemomoi
- Sekumpulan Lembu Milik Penduduk Tempatan
di Dalam Kawasan Ladang
(23.02.2017)**

- iv. Keadaan ini telah menyebabkan sebanyak 587,374 pokok getah telah mati akibat serangan musuh tanaman sepanjang tempoh tahun 2010 hingga 2016 seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 17.7
JUMLAH KEMATIAN POKOK GETAH AKIBAT SERANGAN MUSUH TANAMAN

AGROPOLITAN	MUSUH TANAMAN	TAHUN				JUMLAH 2014-2016	JUMLAH KESELURUHAN
		2010 - 2013	2014	2015	2016		
Ganda	Gajah	344,866	17,534	78,374	5,273	101,181	502,282
	Babi Hutan		38,584	14,831	2,820	56,235	
	Anai-anai	-	15,445	12,404	1,359	29,208	29,208
	Lain-lain	-	-	43	209	252	252
Chemomoi	Lembu & Babi Hutan	-	37,325	11,972	6,335	55,632	55,632
JUMLAH		344,866	108,888	117,624	15,996	242,508	587,374

Sumber: Laporan Kematian Pokok Getah Oleh RPSB dan EPSB

GAMBAR 17.15



Blok 3, Ladang Sejahtera Ganda
- Pokok Getah yang Berumur Melebihi Dua Tahun telah Mati Diserang Gajah (08.02.2017)

GAMBAR 17.16



Blok 3, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Akar Pokok Getah yang Disulam Mati Diserang Anai-Anai (08.02.2017)

GAMBAR 17.17



Blok 3, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Kawasan Ladang Bagi Pokok Getah yang Disulam Mati Diserang Babi Hutan (08.02.2017)

GAMBAR 17.18



Blok C, Ladang Sejahtera Chemomoi
- Daun Pokok Getah Dimakan Lembu Menyebabkan Pokok Getah Mati (23.02.2017)

- v. Bagi mengatasi masalah serangan gajah, RISDA telah memasang pagar elektrik dan parit sempadan di sekeliling Ladang Sejahtera Ganda serta mendapatkan khidmat nasihat dan kerjasama daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) untuk memindahkan gajah liar berkenaan.
- vi. Selain itu, RISDA juga telah menjalankan operasi menembak babi hutan dan meracun belalang di waktu malam bagi menghalang serangan belalang yang merosakkan daun pokok getah. Manakala di Ladang

Sejahtera Chemomoi, pemasangan pagar dawai serta *cattle trap* telah dibuat untuk mengatasi masalah pencerobohan lembu. Bagi mengurangkan kadar kematian pokok getah yang diserang musuh tanaman, tindakan pencegahan dan mengenal pasti kawasan serangan musuh untuk proses rawatan telah dilakukan oleh RISDA seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.19



Blok 4, Ladang Sejahtera Ganda
- Penambahbaikan Pagar Elektrik dan Parit Sempadan di Sekeliling Ladang Untuk Mengelakkan Serangan Gajah (13.08.2017)

GAMBAR 17.20



Blok 4, Ladang Sejahtera Ganda
- Jumlah Kekuatan Voltan Pagar Elektrik yang Melebihi Standard yang Ditetapkan (08.02.2017)

GAMBAR 17.21



Blok C, Ladang Sejahtera Chemomoi
- Pagar Dawai Bagi Menghalang Lembu Masuk ke Ladang (23.02.2017)

GAMBAR 17.22



Blok B, Ladang Sejahtera Chemomoi
- *Cattle Trap* yang Dipasang Pada Laluan Utama Bagi Mengelakkan Lembu Masuk Ladang (23.02.2017)

GAMBAR 17.23



Blok 5, Ladang Sejahtera Ganda
- Batang Pokok Getah Dibalut Bagi Mencegah dan Merawat Kulit Getah yang Dimakan oleh Babi Hutan (07.02.2017)

GAMBAR 17.24



Blok 5, Ladang Sejahtera Ganda
- Batang Pokok Getah Disapu Bitumen Bagi Merawat Kulit Getah yang Dimakan Babi Hutan (07.02.2017)

GAMBAR 17.25



Blok 3, Ladang Sejahtera Ganda
- Kawasan Serangan Anai-Anai yang Ditanda Untuk Memudahkan Proses Pemantauan dan Rawatan (08.02.2017)

GAMBAR 17.26



Blok 4, Ladang Sejahtera Ganda
- Pokok Getah yang Telah Patah Diserang Gajah Dipotong Agar Tunas Pokok Tumbuh Semula (08.02.2017)

Maklum Balas RISDA yang Diterima Pada 21 September 2017

Berdasarkan rekod, gajah mempunyai kitaran migrasi pada awal tahun dan hujung tahun. Sekitar tahun 2015, kemasukan gajah ke Agropolitan Ganda pada awalnya menyebabkan kerosakan minimum. Pada tahun 2017, disebabkan aktiviti pembalakan di sekitar Agropolitan Ganda, gajah yang masuk ke Agropolitan Ganda melebihi 30 ekor dan tidak terkawal. Selain itu, terdapat dua anak sungai di tapak projek menjadi sumber air sebagai tarikan.

Pihak RISDA telah membina pagar elektrik sepanjang 23km di sekeliling projek agropolitan dengan kekuatan 4.5 kw hingga 8.5 kw untuk menghalang kemasukan gajah dan lain-lain binatang liar. Bagaimanapun, pertambahan bilangan gajah sehingga melebihi 30 ekor menyebabkan kesukaran untuk mengawal kemasukan ke kawasan projek.

Mesyuarat bersama dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang dihadiri oleh Jabatan Perhilitan Perak mengakui bahawa kawasan ini merupakan kawasan gajah yang bermigrasi pada masa tertentu.

Tindakan terkini, RISDA telah membina parit gajah yang lebih besar sebagaimana yang disyorkan oleh Jabatan Perhilitan yang bersaiz 14ft x 10ft x 5ft.

Pada pendapat Audit, pengurusan kawalan serangan musuh tanaman adalah tidak memuaskan kerana kadar kematian pokok masih tinggi iaitu sebanyak 587,374 pokok walaupun pelbagai usaha telah diambil.

c. Darjah Kecerunan yang Tinggi di Ladang Sejahtera Ganda

- i. Berdasarkan Laporan EIA, sebanyak 45% atau 554.2 hektar tapak Projek Agropolitan Ganda mempunyai kecuraman 25° hingga 32° iaitu dalam kelas curam ke sangat curam. Selain itu, keadaan hakisan tanah adalah 75% bersifat sederhana ke sangat teruk dan teruk ke sangat teruk.

Susulan daripada laporan tersebut, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak telah memberikan kelulusan bersyarat kepada RISDA dengan tidak membenarkan sebarang pembangunan di kawasan tanah tinggi berkecerunan melebihi 25°. Laporan EIA juga mengesyorkan penanaman tumbuhan penutup bumi pada *terrain* berbukit dengan padat dan mencukupi bagi membantu mengurangkan hakisan tanah dan penyejatan yang berlebihan, mempercepatkan penutupan kanopi dan menstabilkan cerun serta mengawal pertumbuhan rumpai.

- ii. Lawatan Audit yang dijalankan pada 7 dan 8 Februari 2017 mendapati RISDA telah menanam pokok getah di kawasan tanah tinggi melebihi kecerunan yang dibenarkan. Selain itu, hampir keseluruhan kacang penutup bumi yang ditanam pada awal pembangunan ladang juga telah mati kerana keadaan tanah yang tidak sesuai. Keadaan ini menyebabkan runtuhan teres berlaku sepanjang 4,241 meter dan telah mengakibatkan sebanyak 20,569 pokok getah mati. Jumlah ini tidak termasuk bilangan pokok mati yang tidak dapat dikenal pasti akibat runtuhan teres sebelum ladang diambil alih oleh agen pelaksana. Runtuhan teres yang berlaku di ladang adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.27



Blok 3, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Bekas Runtuhan Teres Ladang yang Melebihi Darjah Kecerunan yang Ditetapkan (08.02.2017)

GAMBAR 17.28



Blok 2, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Runtuhan Teres yang Berlaku di Tengah-Tengah Ladang Pokok Getah (08.02.2017)

GAMBAR 17.29



Blok 3, Ladang Sejahtera Ganda
- Hakisan dan Runtuhan Teres Ladang Getah Secara Menegak yang Berlaku di Kawasan yang Di Tumbuhi Rumpai (08.02.2017)

GAMBAR 17.30



Blok 4, Ladang Sejahtera Ganda
- Runtuhan Teres Ladang yang Baru Berlaku Tidak Terkecuali di Kawasan yang di Tumbuhi Rumpai dan Penutup Bumi yang Masih Hidup (08.02.2017)

- iii. Selain itu, hakisan kritikal apabila hujan turun menyebabkan kerosakan terhadap parit dan jalan di ladang yang terdiri daripada jalan utama dan jalan cawangan ladang. Kawasan ladang yang mempunyai permukaan rata juga tidak terkecuali daripada hakisan berkenaan seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.31



Blok 3, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Bahu Jalan Cawangan Ladang yang Runtuh dan Tidak Boleh Dilalui Disebabkan Tanah Berbukit Pasir dan Struktur Tanah Lemah
(08.02.2017)

GAMBAR 17.32



Blok 4, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Jalan Cawangan Ladang yang Rosak Teruk Kerana Hakisan yang Mempunyai Kedalaman Melebihi 8 Kaki
(08.02.2017)

GAMBAR 17.33



Blok 4, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Jalan Cawangan Ladang yang Rosak Teruk dan Tidak Boleh di Lalui Kerana Hakisan
(08.02.2017)

GAMBAR 17.34



Blok 4, Ladang Sejahtera Ganda
- Culvert Yang Dipasang di Jalan Utama Ladang Rosak dan Tidak Berfungsi Kerana Hakisan
(08.02.2017)

GAMBAR 17.35



Blok 2, Ladang Sejahtera Ganda
- Keadaan Ladang di Kawasan Rata dan Berbukit Pasir Turut Terhakis Semasa Hujan Turun
(08.02.2017)

GAMBAR 17.36



Blok 2, Ladang Sejahtera Ganda
- Pokok Getah yang Terdedah Kepada Hakisan Boleh Tumbang Jika Ladang Tidak Diselenggara
(08.02.2017)

Maklum Balas RISDA yang Diterima Pada 28 September 2017

Pada asalnya, runtuh telah berlaku di kawasan atas iaitu kawasan yang tidak diusahakan dan telah menimpa teres di kawasan bawah. Runtuh ini disebabkan kadar taburan hujan yang tinggi secara bermusim dan tanah di kawasan tersebut adalah jenis tanah berpasir.

Untuk itu, RISDA telah mengarahkan agen pelaksana supaya kerja-kerja meracun tidak dilakukan di kawasan curam untuk mengelakkan tanah runtuh. Disamping itu, kawasan teres yang runtuh tidak diusahakan dan ditinggalkan untuk tumbuhan semulajadi. Berdasarkan rekod, secara keseluruhan kawasan yang tidak diusahakan dan mempunyai kecuraman melebihi 45 darjah adalah 60.29 hektar.

Pada pendapat Audit, tindakan RISDA menanam pokok getah di kawasan yang mempunyai kecerunan melebihi 25^o adalah tidak memuaskan kerana keadaan tanah yang berbukit pasir dengan kecerunan yang melebihi spesifikasi yang ditetapkan telah menyebabkan runtuh teres dan sebanyak 20,569 pokok getah telah mati. Selain itu, RISDA juga tidak mematuhi arahan Jabatan Alam Sekitar yang tidak membenarkan pembangunan di kawasan yang mempunyai kecerunan melebihi 25^o.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pembangunan Ladang Sejahtera Ganda dan Chemomoi adalah tidak memuaskan kerana pembangunan ladang ini telah melibatkan kematian sebanyak 1,154,026 pokok dan tambahan kos pembangunan ladang sejahtera sejumlah RM12 juta.


17.5.3. Lokasi Ladang Sejahtera Ganda Tidak Sesuai Untuk Projek Agropolitan

17.5.3.1. Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Agropolitan, faktor pemilihan lokasi projek adalah ditentukan oleh bilangan Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) yang tinggi, kesediaan kerajaan negeri menyediakan tanah, kesesuaian tanah untuk tanaman komoditi dan kontan di lokasi yang dicadangkan, jalan akses ke kawasan projek dan lokasi projek bebas daripada sebarang tuntutan. Pemilihan lokasi projek agropolitan merupakan aspek yang paling penting bagi memastikan kehidupan peserta tidak terpinggir dan terputus hubungan dengan kawasan yang membangun di samping mewujudkan aktiviti ekonomi di kawasan penempatan peserta.

17.5.3.2. Semakan Audit mendapati, tapak Projek Agropolitan Ganda adalah terletak di bahagian timur Kg. Air Ganda seberang Sg. Perak dalam lingkungan jarak 29 km dari bandar Gerik iaitu 15 km melalui jalan berturap dan 14 km

melalui tanah pertanian FELDA Tawai. Terdapat beberapa penempatan orang asli dan sebuah sekolah rendah kebangsaan dalam lingkungan jarak 6 km dari tapak projek yang mempunyai keperluan asas seperti bekalan air dan elektrik menggunakan *piped gravity system* dan *generator set*. Tapak projek seluas 1,230.6 hektar ini digunakan untuk membangunkan ladang sejahtera dan ladang komersial yang bersebelahan dengan penempatan peserta bagi memudahkan peserta bekerja di ladang seperti gambar rajah berikut:

GAMBAR RAJAH 17.1
PELAN ASAL LADANG KOMERSIAL PROJEK AGROPOLITAN GANDA



Sumber: Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA)


17.5.3.3. Semakan Audit seterusnya mendapati kampung yang terdekat dengan kawasan projek yang mempunyai kemudahan asas adalah Kg. Ganda Temenggor dan Kg. Air Ganda iaitu dalam lingkungan 21 km yang boleh dihubungi melalui jalan pertanian sejauh 14 km dan 7 km jalan berturap. Perkampungan ini mempunyai kemudahan asas seperti capaian isyarat komunikasi, sekolah rendah kebangsaan, klinik desa dan kemudahan infrastruktur jalan berbanding kawasan projek dan penempatan orang asli seperti gambar rajah dan gambar berikut:

GAMBAR RAJAH 17.2
JARAK LOKASI PROJEK DENGAN KAMPUNG TERDEKAT




Sumber: Google Map

GAMBAR RAJAH 17.3
KEMUDAHAN KLINIK DESA DAN SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN
DI KAWASAN KAMPUNG TERDEKAT



Sumber: Google Map

**GAMBAR RAJAH 17.4
KEMUDAHAN RANGKAIAN ISYARAT KOMUNIKASI
DI KAWASAN KAMPUNG TERDEKAT**



Sumber: opensignal.com

GAMBAR 17.37



- Sekolah Rendah Kebangsaan Berhampiran Kampung Ganda Temenggor dan Kampung Ayer Ganda
Sumber: Street View, Google

GAMBAR 17.38



Projek Agropolitan Ganda
- Jalan Pertanian yang Digunakan Untuk Masuk ke Kawasan Tapak Projek
(11.02.2017)

GAMBAR 17.39



Jalan Kampung Air Ganda
- Jalan Berturap di Simpang Tiga Menghala ke Kampung Air Ganda dan ke Kawasan Tapak Projek
Sumber: Street View, Google

GAMBAR 17.40



Penempatan Orang Asli
- Keadaan Infrastruktur Jalan di Kawasan Penempatan Orang Asli
Sumber: Laporan Kajian EIA

- a. Analisis Audit terhadap lokasi Projek Agropolitan Ganda mendapati sebanyak 75% daripada keluasan tanah tersebut adalah tidak sesuai untuk tanaman getah. Kawasan projek adalah jauh dari kawasan membangun iaitu 14 km berbanding jarak lokasi Ladang Sejahtera Gahai dan Chemomoi masing-masing sejauh 1 km dan 5 km. Lokasi ini tidak sesuai untuk projek agropolitan kerana tiada jalan akses ke kawasan projek dan terletak jauh dari kawasan pembangunan luar bandar. Keadaan ini akan menyebabkan kehidupan peserta terpinggir dan terputus hubungan dengan kawasan yang membangun khususnya melibatkan telekomunikasi, pengangkutan, pendidikan dan kemudahan rawatan kesihatan peserta dan keluarga.
- b. Faktor ini mendorong lokasi penempatan peserta Agropolitan Ganda dipindahkan ke kawasan lebih membangun iaitu berhampiran dengan kawasan Maktab Rendah Sains Mara Gerik. Pemindahan penempatan ini adalah berdasarkan kepada surat makluman Pejabat Setiausaha Negeri kepada KKLW pada 16 Januari 2017 berkaitan persetujuan MMK terhadap cadangan Kementerian untuk memindahkan lokasi penempatan ke kawasan baharu. Bagaimanapun, jarak lokasi penempatan baharu adalah sangat jauh iaitu 40 km dari ladang sejahtera yang perlu diusahakan oleh peserta. Keadaan ini akan menimbulkan masalah kepada peserta untuk berulang dari ladang sejahtera ke penempatan. Kedudukan lokasi penempatan yang dirancang dan lokasi ladang sejahtera adalah seperti berikut:

GAMBAR RAJAH 17.5
LOKASI LADANG SEJAHTERA GANDA DAN
KAWASAN PENEMPATAN BARU PESERTA



Sumber: Google Map

Maklum Balas RISDA yang Diterima Pada 21 September 2017

Ladang sejahtera, ladang komersial dan penempatan tidak berada di dalam satu kawasan pembangunan. Keadaan ini tidak dapat mencapai objektif kerana:

- 1. keadaan kawasan yang berbukit;*
- 2. tindakan telah diambil untuk mendapatkan lokasi penempatan dari kerajaan negeri sebanyak enam kali; dan*
- 3. lokasi terakhir penempatan yang dipilih (di belakang MRSM Gerik) tidak dapat memenuhi untuk menempatkan 400 orang peserta.*

Pada pendapat Audit, pemilihan lokasi Ladang Sejahtera Ganda tidak memuaskan kerana lokasi projek adalah tidak sesuai untuk tanaman getah dan penempatan peserta sangat jauh dari ladang sejahtera. Selain itu, keadaan ini menyebabkan objektif pembangunan ladang sejahtera gagal bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi jangka panjang dalam kawasan penempatan peserta.

17.5.4. Tiada Kelulusan Khas Selepas Laporan Negatif Kajian EIA

17.5.4.1. Berdasarkan keputusan MMK dan kehendak Garis Panduan Pelaksanaan Projek Agropolitan berkaitan keperluan kajian teknikal di tapak projek, satu Kajian EIA telah dijalankan melalui syarikat perunding yang dilantik dan satu laporan negatif berkaitan kajian tersebut telah diserahkan serta mendapat kelulusan bersyarat daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak. Antara laporan negatif yang terdapat di dalam Kajian EIA adalah tanah tidak sesuai, kesan yang signifikan terhadap hakisan tanah dan kawasan tapak projek adalah kawasan serangan musuh tanaman.

17.5.4.2. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada kelulusan khas daripada KKLW untuk meneruskan Projek Agropolitan Ganda walaupun selepas laporan negatif Kajian EIA telah dikeluarkan. Laporan negatif tersebut amat signifikan dan memerlukan kelulusan khas serta justifikasi kelulusan. Ini adalah kerana 75% tanah daripada keluasan tapak projek adalah tidak sesuai kepada keadaan semasa dan kurang sesuai kepada tidak sesuai pada keadaan semasa untuk tanaman getah. Selain itu, 75% kesan hakisan tanah adalah bersifat sederhana ke sangat teruk dan teruk ke sangat teruk. Kawasan berhampiran projek juga merupakan kawasan aktif serangan musuh tanaman berdasarkan Laporan Kajian EIA dan rekod di Ladang FELDA Tawai bersebelahan tapak projek agropolitan. Di samping itu, sebanyak 45% daripada keluasan projek juga tidak dibenarkan untuk dibangunkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak. Keadaan ini menyebabkan projek agropolitan terdedah kepada masalah yang berterusan di ladang dan akan menyebabkan objektif agropolitan gagal dicapai.

Pada pendapat Audit kelulusan pelaksanaan Projek Agropolitan Ganda terutama penyediaan ladang sejahtera adalah tidak memuaskan kerana KKLW tidak mengeluarkan satu kelulusan khas berserta justifikasi kelulusan yang mengambilkira laporan negatif kajian EIA dan syarat Jabatan Alam Sekitar.

17.5.5. Kaedah Torehan oleh Peserta Tidak Mengikut Amalan Terbaik Pertanian

17.5.5.1. Torehan ialah proses melukakan kulit pokok getah secara terkawal di mana satu hirisan nipis dibuat bertujuan untuk membuka saluran lateks bagi membolehkan lateks keluar dan mengalir di sepanjang alur torehan. Pokok getah mampu mengeluarkan hasil sehingga 25 tahun melalui kaedah torehan yang betul dan terkawal.

17.5.5.2. Berdasarkan kepada *Good Agricultural Practices* (GAP) pokok getah yang ditoreh hendaklah mempunyai ukur lilit melebihi 45 cm pada ketinggian 150 cm atau lebih kurang lima kaki daripada pangkal pokok. Setiap panel torehan yang dibuka mempunyai kecondongan 30° dengan kedalaman dan ketebalan alur torehan sebanyak 1 mm. Penggunaan bahan kimia penggalak susu getah adalah berdasarkan kepada usia pokok, jenis penggalak susu, kuantiti dan mengikut kadar kekerapan yang ditetapkan.

17.5.5.3. Semakan Audit mendapati ada peserta yang menoreh di Ladang Sejahtera Gahai tidak mengikut amalan terbaik pertanian seperti yang ditetapkan. Antaranya panel torehan yang dibuka mempunyai ketinggian kurang daripada 150 cm dan melebihi 30°, pokok getah yang ditoreh belum mencapai ukur lilit 45 cm, ketebalan dan kedalaman alur torehan melebihi 1 mm, torehan secara parah dan penggunaan bahan kimia penggalak susu secara berlebihan seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.41



Blok A, Ladang Sejahtera Gahai
- Panel Torehan Dibuka Kurang Daripada Ketinggian 150 cm
(23.03.2017)

GAMBAR 17.42



Blok A, Ladang Sejahtera Gahai
- Pokok Getah yang Belum Mencapai Ukur Lilit 45 cm Telah Ditoreh
(23.03.2017)

GAMBAR 17.43



Blok A, Ladang Sejahtera Gahai
- Alur Torehan Pokok Getah yang Melebihi 30° Diperbetulkan Semula
(23.03.2017)

GAMBAR 17.44



Blok C, Ladang Sejahtera Gahai
- Penggunaan Penggalak Susu Berlebihan Menyebabkan Kulit Getah Rosak, Kering dan Merekah
(23.03.2017)



GAMBAR 17.45

Blok C, Ladang Sejahtera Gahai
- Alur Torehan Pokok Getah Melebihi 1 mm yang Mengganggu Kulit Pulihan Pokok
(23.03.2017)

17.5.5.4. Keadaan ini akan menyebabkan hasil pokok getah tidak mampu bertahan sehingga 25 tahun. Ini adalah kerana tumbesaran getah akan terjejas dan kulit pulihan pokok menjadi tidak sempurna serta berlakunya kejadian kulit kering pada pokok getah. Walaupun latihan awal telah diberikan kepada peserta dan seorang mandur ladang telah dilantik bagi memantau kerja-kerja peserta di ladang, tetapi masih terdapat pokok getah yang ditoreh tidak mengikut GAP yang ditetapkan. Ini disebabkan tiada latihan berterusan kepada peserta berkaitan ladang dan faktor peserta ingin mendapatkan susu getah yang banyak. Selain itu, pihak pengurusan ladang tidak dapat mengawal peserta sepenuhnya kerana mereka bukannya pekerja syarikat. Bancian terhadap jumlah pokok getah yang ditoreh tidak mengikut GAP juga tidak dijalankan bagi tujuan proses pemulihan pokok di kawasan blok yang terlibat.

Maklum Balas RISDA yang Diterima Pada 21 September 2017

Semua peserta telah diberikan kursus penorehan pada 1 November 2012 dan amaran juga telah diberikan. Teguran semasa lawatan pemantauan juga diberikan kepada penoreh dan agen pelaksana supaya menegur peserta yang tidak mengamalkan GAP penorehan dan penggunaan penggalak susu. Bagi ukur lilit pokok yang kurang 45 cm terdapat dalam task torehan dikenali sebagai pokok 'run' dan pokok tersebut kebiasaannya tidak lagi membesar kerana terlindung daripada cahaya. Oleh itu, penorehan dibenarkan untuk elak daripada pembaziran.

Tindakan telah diambil untuk mengatasi pekerja yang bermasalah dengan melaksanakan kursus seperti berikut:

- i. Kursus membetulkan tapak torehan - 22/3/2016***
- ii. Kursus Pembajaan Pokok Getah - 15/06/2016***
- iii. Kursus Penyelenggaraan Kawasan - 27/09/2016***
- iv. Kursus Kawalan Musuh Penyakit -14/12/2016***
- v. Kursus Buka Tapak Torehan - 15/02/2017***
- vi. Kursus Kualiti Hasil Torehan - 12/04/2017***

Selain itu, amaran kepada peserta yang masih tidak mematuhi arahan penyelia seperti berikut:

- i. Surat peringatan kepada penoreh - 1/5/2016***
- ii. Teguran oleh Pengarah BPK kepada peserta, penyelia berkaitan penggunaan bahan rangsangan dan torehan - 3/08/2016***

Pada pendapat Audit, kaedah dan cara torehan pokok getah di Ladang Sejahtera Gahai oleh peserta adalah tidak memuaskan. Ini adalah kerana pelaksanaan kaedah torehan oleh peserta yang tidak mengikut GAP akan menyebabkan hasil pokok getah tidak mampu bertahan sehingga 25 tahun.

17.5.6. Pembayaran Dividen Kepada Peserta di Agropolitan Gahai

17.5.6.1. Peserta yang dipilih untuk menyertai projek agropolitan terdiri daripada mereka yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) dan didaftarkan menggunakan Sistem e-Kasih oleh Unit Perancang Ekonomi, JPM. Projek agropolitan yang mempunyai peserta hanya di Gahai dan Chemomoi manakala peserta bagi Agropolitan Ganda masih belum dipilih kerana masalah ladang sejahtera dan penempatan. Jumlah peserta yang terlibat di Agropolitan Gahai adalah sebanyak 50 orang dengan penempatan dan 30 orang tanpa penempatan manakala peserta Agropolitan Chemomoi adalah sebanyak 64 orang dengan penempatan. Peranan peserta adalah melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan ladang dan akan menerima manfaat upah serta dividen dari hasil ladang sejahtera. Semakan Audit terhadap pembayaran dividen di Agropolitan Gahai adalah seperti berikut:

a. Kaedah Pembayaran Dividen Tidak Mengikut Garis Panduan

- i. Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Ladang Sejahtera Projek Agropolitan, peserta yang bekerja di ladang akan dibayar upah mengikut kadar upah semasa dan peserta juga akan menerima dividen berdasarkan kaedah pengiraan yang ditetapkan seperti jadual berikut:***

**JADUAL 17.8
KAEDAH PENGIRAAN UPAH DAN DIVIDEN**

PERKARA	FORMULA
Upah	= (hasil/hari) X (jumlah upah/hari) X (bil. hari bekerja/bulan)
Pendapatan Bersih	= Pendapatan Kasar – Kos Operasi – Yuran Pengurusan [(hasil/hektar/tahun) X (harga semasa getah kering/kilogram)] TOLAK (-) [(purata kadar kos operasi/hektar) X (hasil/hektar/tahun)] TOLAK (-) [RM700 (Semenanjung) ATAU RM400 (Sabah/Sarawak)]
Dividen	= Pendapatan Bersih – 10% Tabung Ladang Sejahtera

Sumber: Garis Panduan Panduan Pengurusan Ladang Sejahtera Projek Agropolitan

- ii. Selain itu, berdasarkan kepada Perjanjian Pengurusan dan Pembangunan Projek Agropolitan Gahai, RPSB bertanggungjawab menjual hasil perladangan kepada kilang dan melaksanakan strategi pemasaran yang sesuai bagi tujuan perkhidmatan pemasaran, pengangkutan dan penjualan hasil ladang dari ladang sejahtera. RPSB juga menerima yuran pengurusan atas perkhidmatan yang diberikan pada kadar 6.5% setahun daripada jumlah hasil jualan tanaman ladang sejahtera tertakluk kepada had maksimum RM700 sehektar setahun semasa tempoh penghasilan.
- iii. Semakan Audit mendapati kaedah pembayaran upah bekerja di ladang dan kaedah pengiraan dividen kepada peserta adalah tidak mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Projek Agropolitan Gahai telah memulakan kerja-kerja penorehan getah pada bulan Mei 2013 di Blok A. Kerja-kerja penorehan getah dilaksanakan oleh peserta dan pengurusan hasil getah diuruskan oleh RPSB Cawangan Temerloh. RPSB melaksanakan kerja-kerja pengangkutan, penjualan dan pemasaran hasil getah setiap dua minggu sekali. Penjualan getah akan dikira berdasarkan berat basah dan berat kering yang dikumpulkan di pusat timbang pada kadar harga pasaran.
- iv. Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Projek Bilangan 1/2013, sebanyak 50% daripada hasil getah yang dijual akan diberikan kepada peserta sebagai upah bekerja di ladang manakala baki 50% lagi akan diuruskan oleh RPSB untuk menanggung perbelanjaan kos pengurusan dan kos operasi serta agihan dividen. Bagaimanapun, justifikasi agihan dividen tidak dinyatakan didalam mesyuarat berkenaan. Butiran jumlah pendapatan dan perbelanjaan serta dividen bagi tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.9
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN LADANG SEJAHTERA AGROPOLITAN GAHAI
BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2016

TAHUN	PENDAPATAN (RM Juta)	UPAH PESERTA (50%) (RM Juta)	RPSB (50%) (RM Juta)	PERBELANJAAN RPSB				BAKI HASIL LADANG (RM Juta)
				KOS ANGKUT (RM Juta)	YURAN PENGURUSAN (RM Juta)	LADANG (RM Juta)	DIVIDEN (RM Juta)	
2013	0.66	0.33	0.33	0.03	0.04	-	0.08	0.18
2014	0.86	0.43	0.43	0.05	0.06	0.08	0.20	0.04
2015	0.90	0.45	0.45	0.06	0.06	0.16	0.28	(0.11)
2016	0.94	0.47	0.47	0.05	0.06	0.13	0.20	0.03
JUMLAH	3.36	1.68	1.68	0.19	0.22	0.37	0.76	0.14

Sumber: RISDA Plantations Sdn. Bhd.

- v. Semakan lanjut mendapati, penentuan jumlah bayaran dividen kepada peserta dibuat oleh Bahagian Program Khas RISDA. Baki hasil ladang adalah jumlah wang untuk pembayaran dividen yang dipegang oleh RPSB dan diakaunkan sebagai Dividen Belum Bayar. Sehingga 31 Disember 2016, jumlah Dividen Belum Bayar adalah berjumlah RM0.14 juta.

Maklum Balas RISDA yang Diterima Pada 21 September 2017

Pengiraan untuk bayaran dividen dilakukan berdasarkan kepada keuntungan kasar tolak kos ladang tolak kos pengurusan. Keuntungan bersih akan di bayar dividen. Pembayaran dividen kepada peserta dibuat berdasarkan baki keuntungan semasa untuk menampung keperluan peserta. Contohnya, pada musim perayaan dan awal persekolahan. Bagaimanapun, bayaran akan dibuat berdasarkan kepada permohonan oleh ketua peserta kepada RISDA dan RISDA akan mengarahkan RPSB menguruskan bayaran.

Penorehan projek Agropolitan Gahai adalah terdiri daripada peserta itu sendiri dan upah penorehan dikira hasil kepada peserta. RISDA telah mengambil langkah untuk menjana pendapatan kepada peserta dan pembahagian upah adalah 50:50 (Pemilik : Penoreh) mengikut keputusan mesyuarat JPP Bil. 1/2013.

Mengikut panduan bayaran upah menoreh adalah RM1.50/kgk (kandungan getah kering) ini bermakna upah menoreh bagi timbangan basah adalah RM0.75/kg. Sebagai contoh, sekiranya penorehan dilakukan mengikut panduan, yang menetapkan harga upah menoreh sebanyak RM1.50/kgk. jika berlaku, kenaikan harga getah, melebihi RM3.00/kgk, ini bermakna, peserta akan mengalami kerugian dan tidak mustahil, mereka akan berpindah menoreh ke kebun luar kawasan dan pendapatan hasil ladang akan terjejas.

Seandainya harga jatuh dibawah RM3.00/kgk, bayaran dividen akan berkurangan kerana keuntungan lebih kecil. Di mana upah menorah RM1.50/kgk dan baki RM1.50/kgk perlu diambil kira untuk menolak kos pengangkutan getah skrap di dalam ladang dan kos penyelenggaraan. Cara yang terbaik pembahagian upah adalah mengikut nisbah 50:50.

Jadual Perbandingan Upah 50:50 dengan Upah RM1.50/kgk

Tahun	Upah 50:50	1.50/kgk	Perbezaan
2013	325,677.03	160,073.15	16,5603.88
2014	429,551.04	320,630.66	108,920.38
2015	453,452.82	364,413.60	89,039.22
2016	468,950.84	324,745.20	144,205.64

Berdasarkan keadaan semasa, garis panduan berkaitan dengan bayaran dividen ini perlu dipinda sama ada di peringkat kementerian atau Mesyuarat Jawatankuasa Operasi Program Lonjakan Mega Luar Bandar.

Pada pendapat Audit, kaedah pengiraan upah dan agihan dividen kepada peserta adalah tidak memuaskan kerana tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan.

b. Pengurusan Pembayaran Dividen Peserta

- i. Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Ladang Sejahtera Projek Agropolitan, peserta dengan penempatan yang bekerja di ladang akan dibayar upah mengikut kadar upah semasa dan menerima dividen berdasarkan kaedah pengiraan yang ditetapkan. Peserta tanpa penempatan pula akan menerima manfaat dalam bentuk agihan dividen dan perlu melibatkan diri dalam program pembangunan ekonomi dan modal insan yang dilaksanakan.
- ii. Semakan Audit mendapati, sejumlah RM66,500 dividen masih belum dibayar kerana tiada maklumat akaun bank peserta. Ini kerana RPSB tidak pernah mengemaskini maklumat dan akaun bank peserta sejak tahun 2013. Lawatan Audit pada 24 Mac 2017 mendapati seorang peserta dengan penempatan dan enam peserta tanpa penempatan masih tidak menerima dividen. Dua daripada enam peserta tanpa penempatan tersebut didapati telah meninggal dunia. Senarai nama peserta yang tidak menerima pembayaran dividen sehingga tahun 2016 seperti jadual berikut:

JADUAL 17.10
SENARAI PESERTA YANG TIDAK MENERIMA DIVIDEN SEHINGGA TAHUN 2016

BIL.	NAMA PESERTA	STATUS PESERTA	STATUS AKAUN	JUMLAH DIVIDEN (RM)
Senarai Peserta Dengan Penempatan				
1.	Roslan Bin Sulaiman	Masih Hidup	Tiada Nombor Akaun	9,500
Senarai Peserta Tanpa Penempatan				
2.	Maimunah Binti Yasin	Masih Hidup	Tiada Nombor Akaun	9,500
3.	Azifah Binti Osman	Masih Hidup	Tiada Nombor Akaun	9,500
4.	Hawa Binti Haji Seman	Masih Hidup	Tiada Nombor Akaun	9,500
5.	Moh Yusof Bin Abd Hamid	Masih Hidup	Tiada Nombor Akaun	9,500
6.	Embong Bin Teh	Meninggal Dunia	Tiada Nombor Akaun	9,500
7.	Ibrahim Bin Mat Said	Meninggal Dunia	Tiada Nombor Akaun	9,500
JUMLAH				66,500

Sumber: RISDA Plantations Sdn. Bhd.

- iii. Berdasarkan temubual yang dijalankan, pihak Audit dimaklumkan oleh peserta tanpa penempatan bahawa mereka tidak mengetahui nama mereka telah tersenarai sebagai peserta agropolitan dan layak menerima agihan dividen. Selain itu, tiada surat makluman daripada pihak RPSB yang menyatakan tarikh dan jumlah amaun dividen yang telah dikreditkan ke akaun peserta. RPSB juga telah membuat pembayaran dividen melalui akaun bank berjumlah RM19,000 kepada dua peserta tanpa penempatan yang telah meninggal dunia. Tiada peraturan yang jelas sama ada waris bagi peserta yang telah meninggal dunia layak menerima dividen atau tidak. Bayaran dibuat kerana status akaun peserta tersebut masih aktif seperti berikut:

JADUAL 17.11
PESERTA YANG MENINGGAL DUNIA TETAPI MENERIMA DIVIDEN

BIL.	NAMA PESERTA	STATUS AKAUN	JUMLAH DIVIDEN (RM)
1.	Abdul Hamid Bin Hamzah	Aktif	9,500
2.	Abd. Karim Bin Harun	Aktif	9,500
JUMLAH			19,000

Sumber: RISDA Plantations Sdn. Bhd. dan Pejabat Daerah & Tanah Kuala Lipis, Pahang

Maklum Balas RISDA yang Diterima Pada 21 September 2017

RPSB telah mengeluarkan surat makluman bayaran secara arahan kredit atau menjemput peserta untuk hadir menerima dividen. RISDA tidak dimaklumkan berkaitan dengan kematian dua peserta.

Bagaimanapun, RPSB telah mengeluarkan surat mengutip balik bayaran yang telah diberikan kepada waris peserta serta membuat laporan polis.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran dividen kepada peserta agropolitan oleh RPSB adalah tidak memuaskan. Ini kerana RPSB tidak mengemaskini maklumat dan akaun bank peserta sejak tahun 2013 menyebabkan baki dividen yang belum dibayar tertunggak sejumlah RM66,500 dan pembayaran dividen masih dibuat kepada peserta yang telah meninggal dunia.

17.5.7. Prestasi Ladang Komersial

17.5.7.1. Ladang komersial merupakan aktiviti ekonomi berasaskan pertanian jangka pendek seperti tanaman nanas, tembikai, pisang dan tanaman-tanaman lain yang sesuai. Ladang ini akan diusahakan oleh peserta bagi memperolehi pendapatan jangka pendek sementara menanti ladang sejahtera mengeluarkan hasil. Pembiayaan bagi pembangunan awal ladang adalah daripada KKLW bagi ketiga-tiga ladang komersial seperti jadual berikut:

JADUAL 17.12
PERUNTUKAN YANG DITERIMA DAN DIBELANJAKAN UNTUK
PEMBANGUNAN LADANG KOMERSIAL

AGROPOLITAN	JUMLAH PESERTA	KELUASAN TANAH (Hektar)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PERUNTUKAN DIBELANJA (RM Juta)
Gahai	80	30	0.74	0.57
Ganda	400	161	2.50	2.50
Chemomoi	200	88	1.78	0.59
Jumlah		279	5.02	3.66

Sumber: Bahagian Program Khas, RISDA

17.5.7.2. Sehingga tarikh pengauditan, Ladang Komersial Gahai telah ditukar kepada ladang sejahtera, Ladang Komersial Chemomoi telah diusahakan sebagai Projek Ladang Berskala Besar (EPP7). Ladang Komersial Ganda masih belum dibangunkan kerana kegagalan untuk mendapatkan lokasi yang sesuai. Semakan Audit terhadap pelaksanaan ladang komersial adalah seperti berikut:

a. Ladang Komersial Gahai Ditukar Kepada Ladang Sejahtera

- i. Pembangunan Ladang Komersial Gahai dimulakan dengan aktiviti penanaman nanas pada Disember 2007 dengan peruntukan sebanyak RM0.41 juta. Berdasarkan Laporan Pengeluaran Hasil Nanas yang disediakan oleh RISDA, jumlah pengeluaran setakat Oktober 2010 adalah sebanyak 54,665 biji nanas bernilai RM81,997. Bagaimanapun, tanaman ini tidak lagi mendatangkan hasil selepas tamat satu pusingan. Bagi menggantikan tanaman nanas, ladang komersial telah ditanam dengan tanaman pisang dan lada hitam tetapi tidak menunjukkan hasil yang positif.

- ii. Semakan Audit mendapati ladang komersial telah ditukar kepada ladang sejahtera kerana tanaman kontan di ladang komersial tidak berjaya memberi pendapatan jangka pendek kepada peserta. Kegagalan tanaman kontan di ladang komersial menyebabkan KKLW membuat keputusan melalui Mesyuarat PLMLB Bil. 3/2012 pada 28 September 2012 untuk menukarkan jenis ladang dari ladang komersial kepada ladang sejahtera. KKLW telah mengemukakan surat permohonan kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang pada 28 Disember 2012 memohon pertukaran jenis ladang tersebut daripada kerajaan negeri. Pada 1 Mac 2013, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah mengemukakan surat memberi kebenaran kepada KKLW untuk menukar jenis ladang dari ladang komersial kepada ladang sejahtera dan dibangunkan dengan tanaman getah. Ladang tersebut kini dibangunkan oleh RISDA sebagai Fasa 2 atau Blok C.

Pada pendapat Audit, pertukaran jenis ladang dari ladang komersial kepada ladang sejahtera di Agropolitan Gahai adalah memuaskan kerana hasil dari ladang sejahtera boleh memberikan pendapatan jangka panjang kepada peserta berbanding pengurusan ladang komersial yang tidak memberikan keuntungan.

b. Ladang Komersial Ganda Masih Tidak Dilaksanakan

- i. Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Agropolitan, setiap peserta akan diberikan saham ladang komersial berkeluasan satu ekar termasuk penempatan. Ladang tersebut diusahakan untuk memberi pendapatan jangka pendek kepada peserta sementara menanti ladang sejahtera mengeluarkan hasil dan berupaya memberi pekerjaan tetap kepada peserta.
- ii. Semakan Audit mendapati Ladang Komersial Ganda masih belum dilaksanakan sehingga kini berikutan kegagalan untuk mendapatkan lokasi penempatan yang sesuai. Pembangunan ladang komersial ini adalah bersekalikan dengan penempatan seperti yang ditetapkan dalam perancangan awal pelaksanaan projek agropolitan. Lanjutan daripada pertukaran lokasi penempatan sebanyak enam kali telah menyebabkan pembangunan ladang komersial tertangguh selama sepuluh tahun dan hanya akan dilaksanakan setelah masalah pembangunan penempatan Projek Agropolitan Ganda dapat diselesaikan.

Maklum Balas RISDA yang Diterima Pada 21 September 2017

Ladang komersial ini tidak dapat dibangunkan kerana peserta masih belum mendiami penempatan berikutan pertukaran lokasi.

Pada pendapat Audit, pembangunan Ladang Komersial Ganda adalah tidak memuaskan kerana ladang komersial masih belum dilaksanakan sehingga kini berikutan kegagalan untuk mendapatkan lokasi penempatan yang sesuai.

c. Penglibatan Peserta Dalam Aktiviti Ladang Komersial Chemomoi

- i. Ladang Komersial Chemomoi seluas 89 hektar telah dibangunkan sebagai Projek Ladang Berskala Besar (EPP7) dengan tanaman pisang dan betik melalui kerjasama di antara KKLW, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) serta syarikat yang dilantik. Kos pembangunan Ladang Komersial EPP7 ditanggung oleh MOA melalui bayaran insentif kepada Syarikat Exotic Star Sdn. Bhd. berjumlah RM5.80 juta. KKLW pula menanggung kos infrastruktur seperti jalan, bekalan air dan bekalan elektrik yang bernilai RM9.12 juta.
- ii. Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Agropolitan, peserta bertanggungjawab untuk bekerjasama dengan agensi pelaksana dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan ladang. Selain itu, klausa 2, Perjanjian Projek Ladang Komersial Berskala Besar Agropolitan Chemomoi menyatakan objektif projek adalah menyediakan peluang pekerjaan kepada peserta, memberi pendedahan untuk membangun, mengurus dan mengendalikan ladang serta memasarkan hasil tuaian ladang untuk meningkatkan taraf hidup peserta.
- iii. Semakan Audit mendapati objektif untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada peserta tidak tercapai kerana bilangan peserta yang bekerja di Ladang Komersial EPP7 adalah sangat rendah iaitu seorang (1.6%) daripada 64 orang peserta. Peserta tersebut telah bekerja di ladang komersial sejak Januari 2014. Syarikat Exotic Star Sdn. Bhd. telah mengupah seramai 41 orang pekerja bagi melaksanakan kerja-kerja operasi di ladang serta tugas pentadbiran di pejabat. Sebanyak lapan orang pekerja tempatan dan 33 orang pekerja asing telah bekerja di syarikat berkenaan sehingga November 2016. Berdasarkan maklumat daripada pihak Exotic Star, seramai 12 orang peserta pernah bekerja di ladang komersial sejak tahun 2013. Bagaimanapun, 11 daripada peserta tersebut tidak dapat bertahan lama akibat masalah kesihatan, komitmen untuk menguruskan keluarga selain diberhentikan kerja kerana masalah disiplin. Maklumat terperinci mengenai peserta yang bekerja di ladang

komersial bermula tahun 2013 sehingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 17.13
SENARAI PESERTA YANG PERNAH/MASIH BEKERJA
DI LADANG KOMERSIAL DARI TAHUN 2013 SEHINGGA 2016**

BIL.	NAMA	NO. RUMAH	TEMPOH BEKERJA		STATUS
			MULA	TAMAT	
1.	Masitah Binti Mohd Lasa	41	Disember 2013	Mac 2014	Telah Diberhentikan
2.	Razman Bin Raib	40	Januari 2014	Mac 2014	Telah Diberhentikan
3.	Sri Zuraika Binti Ismail	1	Januari 2014	-	Masih Bekerja
4.	Roslan Bin Suratman	43	April 2014	Jun 2014	Berhenti
5.	Mohd Zulit Bin Hira	18	April 2014	Jun 2014	Berhenti
6.	Sahar Bin Saleh	20	April 2014	September 2014	Berhenti
7.	Mohd Azli Bin Attan	70	April 2014	September 2014	Berhenti
8.	Roszainah Binti Mat Zin	13	Februari 2015	Jun 2015	Berhenti
9.	Rohaya Binti Mat Diah	38	Februari 2015	Mei 2015	Berhenti
10.	Roslan Bin Dollah Hashim	36	April 2015	Disember 2015	Berhenti
11.	Sawira Binti Hashim	8	November 2015	Disember 2016	Berhenti
12.	Rohaizad Bin Fozir	71	Februari 2016	Februari 2016	Berhenti

Sumber: Exotic Star Sdn. Bhd.

- iv. Selain itu, pihak Audit turut menjalankan soal selidik serta temubual ke atas 40 orang peserta dan mendapati seramai lapan orang peserta pernah memohon untuk bekerja di ladang komersial namun tidak mendapat maklum balas daripada pihak syarikat. Hasil soal selidik turut mendapati sebanyak 39 orang peserta tidak terlibat dengan aktiviti ladang komersial namun melakukan pelbagai kerja seperti mengambil upah menoreh pokok getah, bekerja di kilang dan lain-lain untuk mendapatkan pendapatan bagi menyara keluarga. Maklumat peserta yang pernah memohon bekerja di ladang komersial adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 17.14
MAKLUMAT PESERTA YANG PERNAH MEMOHON UNTUK
BEKERJA DI LADANG KOMERSIAL CHEMOMOI**

BIL.	NAMA PESERTA	NO. RUMAH	MAKLUM BALAS TEMUBUAL
1.	Wan Azhar Bin Abd Talib	3	Tiada Maklum Balas Status Permohonan Kerja
2.	Razali Bin Mohd Musa	5	Tiada Maklum Balas Status Permohonan Kerja
3.	Adnan Bin Mat Hassan	12	Tiada Maklum Balas Status Permohonan Kerja
4.	Mohd Musa Bin Ishak	21	Tiada Maklum Balas Status Permohonan Kerja
5.	Shahrom @ Shahrina Binti Razali	32	Dimaklumkan Tiada Kekosongan
6.	Mohd Yusri Bin Udin	34	Dimaklumkan Tiada Kekosongan
7.	Mohd Aini Bin Mohd Saat	42	Tiada Maklum Balas Status Permohonan Kerja
8.	Norizan Binti Pyiman	87	Tiada Maklum Balas Status Permohonan Kerja

Sumber: Hasil Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Maklum Balas RISDA yang Diterima Pada 21 September 2017

Berdasarkan semakan dengan syarikat Exotic Star Sdn. Bhd. berhubung status permohonan peserta yang pernah memohon untuk bekerja di ladang komersial, syarikat melaporkan bahawa ada yang memohon tetapi tidak melapor diri, tiada maklumat permohonan tetapi pertimbangkan jika peserta membuat permohonan sekali lagi.

Pihak syarikat juga mengesahkan bahawa sehingga kini, seramai empat orang pekerja tempatan di ladang adalah terdiri daripada peserta agropolitan seperti berikut:

Bil.	Nama Peserta	Catatan
1.	Siti Aisyah Binti Hasim	Anak Peserta Agropolitan (Lama)
2.	Sri Zuraika Bte Ismail	Peserta Agropolitan (Lama)
3.	Azah Binti Ismail	Peserta Agropolitan (Lama)
4.	Luqman Hakim bin Hasim	Anak Peserta Agropolitan (Lama)

Peluang pekerja telah dibuka kepada peserta melalui perjumpaan dengan peserta dan tawaran pekerjaan telah diberikan kepada yang bersetuju untuk bekerja. Namun masalah disiplin peserta yang gagal mengikut peraturan dengan selalu cuti sakit telah menjejaskan perancangan dan pembangunan projek dan peserta diberhentikan.

Pada pendapat Audit penglibatan peserta dalam aktiviti ladang komersial adalah tidak memuaskan kerana hanya seorang (1.6%) berbanding 64 bilangan peserta yang bekerja di ladang komersial. Selain itu, objektif kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup peserta juga tidak tercapai.

17.5.8. Perjanjian Projek Agropolitan

17.5.8.1. Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Agropolitan, satu perjanjian antara agensi pelaksana dan kerajaan negeri atau agensi pemegang amanah dan perjanjian antara agensi pelaksana atau agensi pemegang amanah dan peserta perlu disediakan. Ini bagi memastikan kepentingan setiap pihak yang terlibat dengan pelaksanaan projek Agropolitan adalah terjamin.

17.5.8.2. Semakan Audit mendapati perjanjian antara agensi pelaksana dan kerajaan negeri serta perjanjian antara agensi pelaksana dan peserta tidak disediakan bagi menjaga kepentingan pihak yang terlibat. Semakan lanjut mendapati draf perjanjian tersebut telah disemak oleh Penasihat Undang-Undang dan diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Bagaimanapun, perjanjian tersebut masih belum ditandatangani oleh peserta dan agensi pelaksana.

17.5.8.3. Selain itu, isu mengenai ketiadaan perjanjian antara pihak yang terlibat dalam melaksanakan projek agropolitan telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012. Bagaimanapun, tiada tindakan diambil oleh KKLW dan RISDA terhadap perkara berkenaan.

17.5.8.4. Keadaan ini menyebabkan RISDA sukar untuk mengambil tindakan terhadap peserta yang tidak menjalankan peranan dan tanggungjawab sebagai peserta agropolitan seperti peserta tidak bekerja di ladang sejahtera dan komersial serta status peserta selepas meninggal dunia. Ketidadaan perjanjian juga menyebabkan KKLW dan agensi pelaksana tidak mengetahui peranan dan skop tanggungjawab masing-masing selepas penyerahan projek seperti tanggungjawab memantau peserta.

Maklum Balas RISDA yang Diterima Pada 28 September 2017

GANDA:

Perjanjian RISDA dengan Kerajaan Negeri Perak:

Perjanjian dalam tindakan untuk dimuktamadkan kerana lokasi petempatan telah dikenalpasti.

GAHAI:

Perjanjian RISDA dengan Kerajaan Negeri Pahang:

RISDA dan Bahagian Pembangunan Ekonomi Negeri (BPEN) sedang memuktamadkan draf perjanjian memandangkan pemilikan tanah adalah di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Perjanjian RISDA dengan Peserta:

Pihak RISDA dan KKLW telah menyediakan perjanjian dan telah ditandatangani oleh peserta pada 25 Ogos 2017.

Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian antara agensi pelaksana dan kerajaan negeri serta agensi pelaksana dan peserta adalah tidak memuaskan kerana tiada perjanjian ditandatangani yang menyebabkan kepentingan setiap pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek adalah tidak terjamin. Selain itu, setiap pihak yang terlibat tidak mengetahui peranan dan skop tanggungjawab masing-masing selepas penyerahan projek dan tindakan undang-undang tidak boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran peraturan.

17.5.9. Pemantauan

17.5.9.1. Pemantauan adalah elemen yang paling penting dalam pengurusan projek bagi mengenal pasti kelemahan dan punca masalah agar tindakan pembetulan dapat dilaksanakan dengan segera. Pemantauan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan cekap, ekonomi serta mencapai objektif yang ditetapkan.

17.5.9.2. Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Agropolitan, pemantauan hendaklah dibuat secara berkala di peringkat persekutuan, negeri dan projek. Antara jawatankuasa yang perlu diwujudkan adalah Jawatankuasa Penyelarasan PLMLB Peringkat Persekutuan, Jawatankuasa Penyelarasan PLMLB Peringkat Negeri dan jawatankuasa di peringkat projek yang terdiri daripada Jawatankuasa Teknikal Projek, Jawatankuasa Petempatan dan Jawatankuasa Pengurusan Ladang Sejahtera dan Aktiviti Komersial. Tanggungjawab jawatankuasa ini adalah untuk memantau, mengurus, dan menilai kemajuan pembangunan semua projek agropolitan.

17.5.9.3. Semakan Audit mendapati semua jawatankuasa ini telah diwujudkan di semua peringkat. Selain itu, RISDA telah mewujudkan empat jawatankuasa lain yang terdiri daripada Jawatankuasa Operasi Program Lonjakan Mega Luar Bandar Agropolitan, Jawatankuasa Kajian Prestasi Projek Agropolitan, Jawatankuasa Penilaian Projek dan Jawatankuasa Agropolitan. Semakan lanjut mendapati jawatankuasa berkenaan telah bermesyuarat sebanyak tiga hingga enam kali setahun. Antara perkara yang dibincangkan dalam jawatankuasa ini adalah seperti isu kewangan, status terkini projek, kemajuan ladang, kerja-kerja menyelenggara dan membaja, serangan musuh tanaman dan penyakit, masalah penempatan dan peserta serta isu-isu lain yang berbangkit.

Pada pendapat Audit kekerapan pemantauan terhadap pelaksanaan projek agropolitan di peringkat persekutuan, negeri, RISDA dan projek adalah memuaskan.

17.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan projek agropolitan supaya dapat dilaksanakan dengan teratur dan cekap, pihak yang terlibat hendaklah memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap syor seperti berikut:

17.6.1. KKLW dan RISDA hendaklah menjalankan kajian menyeluruh terhadap projek ladang sejahtera dari segi impak kos perbelanjaan jangka pendek dan jangka panjang serta faktor signifikan yang boleh menyebabkan Agropolitan Ganda gagal mencapai objektif secara keseluruhannya;

17.6.2. KKLW perlu menentukan kriteria dan spesifikasi lokasi Agropolitan Ganda pada peringkat awal pembangunan seiring dengan peruntukan yang disediakan bagi memastikan projek dapat dibangunkan di lokasi yang strategik dan dilengkapi dengan kemudahan asas berdasarkan peruntukan sedia ada;

17.6.3. RISDA hendaklah mencari kaedah alternatif yang lebih berkesan bagi mengelak hakisan, runtutan dan serangan musuh tanaman di Ladang Sejahtera Ganda serta memastikan tiada kematian berulang pada *point* pokok yang sama disebabkan kemarau;

17.6.4. kaedah torehan pokok getah hendaklah mengikut GAP yang ditetapkan bagi memastikan hasil pokok getah mampu bertahan sehingga 25 tahun;

17.6.5. perjanjian antara agensi pelaksana dan peserta dan juga perjanjian antara agensi pelaksana dan kerajaan negeri hendaklah disediakan dan ditandatangani supaya kepentingan pihak yang terlibat dalam projek agropolitan adalah terjamin;

17.6.6. KKLW dan Kerajaan Negeri Perak perlu menyelesaikan isu pemilihan lokasi penempatan dan ladang komersial dalam tempoh yang munasabah; dan

17.6.7. KKLW perlu mengkaji impak bagi menilai kesan jangka panjang projek EPP7 kepada peserta. Tempoh perjanjian yang terlalu panjang akan menyebabkan pengurusan projek tidak dapat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau koperasi yang ditubuhkan oleh peserta.

18. LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA - PENGURUSAN HARTANAH

18.1. LATAR BELAKANG

18.1.1. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) adalah salah satu Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang berfungsi sebagai agen pembangunan wilayah bagi kawasan Tenggara Negeri Johor. KEJORA diperbadankan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 (Akta 75). Mengikut Seksyen 4(1), Akta 75, fungsi KEJORA adalah untuk memaju, menggalak, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial, pembangunan tempat tinggal, pertanian, perusahaan dan perdagangan serta mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan kegiatan tersebut dalam Wilayah Johor Tenggara.

18.1.2. Objektif pengurusan hartanah adalah bagi memastikan pengendalian hartanah dilaksanakan dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektif strategik KEJORA untuk menyediakan kemudahan perumahan, premis perniagaan serta menggalakkan aktiviti pelancongan bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di Wilayah Johor Tenggara.

18.1.3. KEJORA bertanggungjawab untuk memajukan kawasan Johor Tenggara berkeluasan 300,364 hektar melibatkan tanah Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Persekutuan, tanah swasta dan tanah sendiri. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 13,780.57 hektar adalah didaftarkan di bawah hak milik KEJORA.

18.1.4. Pada 31 Disember 2016, keseluruhan tanah dan bangunan milik KEJORA bernilai RM116.21 juta yang terdiri daripada tanah berjumlah RM21.99 juta dan bangunan berjumlah RM94.22 juta.

18.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan hartanah KEJORA dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

18.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan pembangunan perumahan secara usaha sama, pengurusan hartanah pelancongan serta pengurusan premis usahawan kecil bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Pengauditan ini juga melibatkan pembangunan perumahan yang bermula sebelum tahun 2014 tetapi belum siap sepenuhnya sehingga tarikh pengauditan. Pengauditan ini meliputi sepuluh bidang utama (key area) iaitu polisi dan prosedur, perolehan kerja, prestasi fizikal, prestasi kewangan projek, pelantikan pemaju/kontraktor, pengurusan pulangan, pentadbiran kontrak, pengurusan agen kutipan, tadbir urus dan juga pemantauan projek. Pengauditan ini telah dijalankan di Ibu Pejabat KEJORA yang melibatkan lima bahagian serta satu unit iaitu Bahagian Hartanah, Bahagian Perancang Bandar dan Desa, Bahagian Pelancongan, Bahagian Kerajaan Tempatan, Bahagian Kewangan serta Unit Ekonomi dan Usahawan. Butiran sampel pengauditan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 18.1
BILANGAN SAMPEL PENGAUDITAN

BUTIRAN	PEMBANGUNAN PERUMAHAN USAHA SAMA		PENGURUSAN HARTANAH PELANCONGAN		PENGURUSAN PREMIS USAHAWAN KECIL	
	BIL. PROJEK	GDV* RM Juta	BIL. HOTEL	RM Juta	BIL. PREMIS	RM Juta
POPULASI	14	4,679.05	6	18.25	95	17.40
SAMPEL	14	4,679.05	6	18.25	95	17.40
PERATUS (%)	100	100	100	100	100	100

Nota: (*) - Keseluruhan Nilai Pembangunan Kasar (Gross Development Value - GDV)

18.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dan menganalisis data, fail, minit mesyuarat, rekod kewangan, perjanjian dan dokumen lain yang berkaitan dengan pengurusan hartanah. Lawatan fizikal telah dilaksanakan ke lima projek perumahan dan tiga premis perniagaan terpilih. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang berkaitan turut diadakan untuk tujuan pengesahan.

18.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2016 hingga April 2017 mendapati KEJORA telah menyediakan perumahan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas seperti prasarana dan premis perniagaan untuk penduduk sekitar di Wilayah Johor Tenggara selaras dengan objektifnya. Bagaimanapun, secara keseluruhannya pengurusan hartanah adalah tidak memuaskan berdasarkan sepuluh bidang utama yang dinilai. Terdapat kelemahan dalam aspek prestasi fizikal, pengurusan pulangan, polisi dan prosedur serta pemantauan projek dalam pengurusan perumahan usaha sama. Manakala kelemahan pengurusan hartanah pelancongan dan premis usahawan kecil adalah seperti kutipan sewa hotel tidak dikutip mengikut ketetapan, penetapan kadar sewa premis tidak

diwujudkan dan terdapat hak milik hartanah tidak didaftar di bawah KEJORA. Kelemahan utama yang ditemui adalah seperti berikut:

i. Pembangunan Perumahan:

- lanjutan masa bagi empat projek perumahan usaha sama diluluskan antara dua hingga 13 tahun daripada tarikh siap dibenarkan luput;
- Rekod Induk bagi Pulangan Usaha Sama untuk mengesan dan mengawal kutipan pulangan yang perlu dibayar oleh pemaju tidak diselenggarakan;
- pulangan bagi lima projek usaha sama berjumlah RM21.05 juta tidak dituntut daripada syarikat pemaju berkenaan;
- KEJORA tidak mempunyai *Standard Operating Procedure* (SOP) berhubung dengan pengurusan hartanah usaha sama seperti proses *due diligence*, penilaian tanah, pelantikan syarikat dan penentuan kadar pulangan; dan
- pemantauan terhadap projek perumahan kurang berkesan kerana jawatankuasa yang ditubuhkan bagi tujuan pemantauan iaitu *Management Consultative Committee* tidak melaksanakan peranannya mengikut ketetapan dalam perjanjian.

ii. Pengurusan Sewa:

- pengurusan agen kutipan sewa yang lemah kerana kutipan tidak diserahkan mengikut ketetapan dan laporan penyelenggaraan tidak disediakan;
- Rekod Induk Pulangan Sewa Hotel bagi mengesan dan mengawal kutipan sewa hotel tidak diselenggarakan;
- ketepatan dan kesempurnaan rekod sewa hotel tidak dapat disahkan;
- sebanyak 22 unit premis berjumlah RM5.29 juta yang dibina antara tahun 1996 hingga 2012 tidak didaftarkan di bawah hak milik KEJORA;
- tiada polisi ketetapan kadar sewa menyebabkan kadar sewaan bagi sewaan premis yang sama dan mempunyai keluasan yang sama adalah berbeza; dan
- penilaian semula premis bagi menentukan kadar sewa tidak pernah dilaksanakan.

iii. Konflik Kepentingan:

- lima Pengurus Bahagian KEJORA turut memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif di syarikat subsidiari KEJORA antara dua hingga tujuh tahun di mana mereka bertanggungjawab terhadap bidang tugas yang sama di KEJORA dan syarikat subsidiarinya; dan
- rangka kerja pengurusan konflik kepentingan bagi memastikan transaksi dijalankan secara *arms length* tidak diwujudkan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas KEJORA telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 19 September 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

18.5.1. Pengurusan Pembangunan Perumahan

KEJORA telah bekerjasama dengan pihak swasta untuk membangunkan pelbagai jenis rumah di Wilayah Johor Tenggara. Sehingga awal tahun 2017, KEJORA telah melantik 14 buah syarikat pemaju perumahan termasuk sebuah syarikat subsidiari untuk membangunkan projek perumahan di tanah berkeluasan 1,556.94 ekar di Bandar Penawar dan 558 ekar di Bandar Tenggara dengan tempoh penyediaan antara lima hingga lapan tahun mengikut perjanjian asal. Mengikut perjanjian yang telah ditandatangani antara KEJORA dan pemaju, kadar pulangan kepada KEJORA adalah antara 3% hingga 7.75% daripada Keseluruhan Nilai Pembangunan Kasar (Gross Development Value – GDV) atau Nilai Jual Bersih sesuatu projek perumahan. Sehingga bulan Februari 2017, KEJORA telah melaksanakan 14 projek secara usaha sama dengan GDV berjumlah RM4,922.38 juta.

18.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Semakan Audit terhadap keseluruhan 14 projek usaha sama mendapati 13 projek masih dalam pembinaan dan satu projek telah dipindah milik kepada pemaju penyelamat. Daripada 13 projek yang masih dalam pembinaan, sebanyak empat projek telah diluluskan dengan enam *Extension of Time* (EOT). Terdapat dua projek telah melebihi 20 tahun, tiga projek antara 10 hingga 20 tahun, lapan projek antara satu hingga lima tahun termasuk empat projek yang masih dalam peringkat perancangan seperti jadual berikut:

JADUAL 18.2
STATUS KEMAJUAN PEMBANGUNAN PROJEK PERUMAHAN
SETAKAT 28 FEBRUARI 2017

BIL.	PEMAJU	PERJANJIAN/EOT			GDV (RM Juta)	STATUS KEMAJUAN
		TARIKH PERJANJIAN ASAL	TEMPOH EOT (Tahun)	TARIKH PERJANJIAN SELEPAS EOT		
1.	Maju Tekno Sdn. Bhd.	31.07.1989 hingga 30.07.1994 (5 tahun)	-	-	38.64	Projek ada 2 Fasa (2A dan 2B) - Fasa 2A: 100% - Fasa 2B: 10%
			3	30.07.1997 hingga 30.07.2000		
			10	09.03.2004 hingga 08.03.2014		
			5	09.03.2014 hingga 08.03.2019		
2.	Usra Associates	19.02.1990 hingga 18.02.2000 (10 tahun)	-	-	0.47	Projek ada 6 Fasa (1, 2, 3, 4A, 4B dan 5) Semua Fasa telah siap kecuali 4A dan 4B. - Usra Associates telah mufis dan

BIL.	PEMAJU	PERJANJIAN/EOT			GDV (RM Juta)	STATUS KEMAJUAN
		TARIKH PERJANJIAN ASAL	TEMPOH EOT (Tahun)	TARIKH PERJANJIAN SELEPAS EOT		
						Fasa 4A dan 4B diambil alih oleh Kumpulan Huat Hing melalui perjanjian pada 1 Oktober 2013. - Kumpulan Huat Hing telah melangsaikan hutang Usra Associates berjumlah RM900,000 untuk pindah milik. - KEJORA tidak lagi mempunyai kepentingan terhadap projek ini.
3.	Continental Management Sdn. Bhd. (CMSB)	13.04.1995 hingga 12.04.2003 (8 tahun)	-	-	237.01	Projek ada 2 Fasa. (Taman Desaru Utama dan Fasa 8) - Taman Desaru Utama: 100% - Fasa 8: 80%
			5	19.01.2016 hingga 18.01.2021		
4.	Golden Envoy (M) Sdn. Bhd.	30.01.1999 hingga 29.01.2005 (6 tahun)	-	-	42.86	Projek ada 2 Fasa (1 dan 2) - Fasa 1: 100% - Fasa 2: 71%
			6	29.10.2012 hingga 28.10.2018		
5.	Seventech Sdn. Bhd.	03.02.1999 hingga 02.02.2005 (6 tahun)	-	-	42.86	59%
6.	Bintang Fadzilat (M) Sdn. Bhd.	19.04.2002 hingga 18.04.2010 (8 tahun)	-	-	42.86	Projek ada 2 Fasa (2A dan 2B) - Fasa 2A: 100% - Fasa 2B: 46%
			5	10.05.2012 hingga 09.05.2017		
7.	Millienium Blazer Sdn. Bhd.	11.12.2012 hingga 10.12.2018 (6 tahun)	-	-	42.86	Belum mula pembinaan – Peringkat <i>levelling</i> kawasan
8.	I.R Security Sdn. Bhd.	01.07.2015 hingga 31.07.2020 (5 tahun)	-	-	586.85	Permohonan Kebenaran Merancang
9.	Sierra Boulevard Sdn. Bhd.	30.07.2015 hingga 29.07.2020 (5 tahun)	-	-	200*	Peringkat Perancangan
10.	Mesra Indah Jaya Sdn. Bhd.	15.09.2015 hingga 14.09.2023 (8 tahun)	-	-	592.93	Kerja Tanah
11.	KEJORA Land Development Sdn. Bhd.	31.12.2015 hingga 30.12.2020 (5 tahun)	-	-	364.48	Projek ada 3 Fasa (1A, 2A dan 2B) - Fasa 1A: Dalam proses pembinaan - Fasa 2A & 2B: Perancangan
12.	Koperasi Pengerang Kota Tinggi Bhd.	01.09.2015 hingga 31.09.2021 (6 tahun)	-	-	142.86	Kerja Tanah
13.	Cocoa Valley Sdn. Bhd.	15.03.2016 hingga 14.03.2023 (7 tahun)	-	-	1,482.30	35%

BIL.	PEMAJU	PERJANJIAN/EOT			GDV (RM Juta)	STATUS KEMAJUAN
		TARIKH PERJANJIAN ASAL	TEMPOH EOT (Tahun)	TARIKH PERJANJIAN SELEPAS EOT		
14.	Acmeland Development Sdn. Bhd.	06.02.2017 hingga 06.02.2024 (7 tahun)	-	-	1,305.40	Permohonan Kebenaran Merancang
JUMLAH					4,922.38	

Sumber: Fail Bahagian Perancang Bandar dan Desa KEJORA

Nota: (*) - *Gross Development Cost* – tidak termasuk dalam jumlah GDV

b. Semakan Audit terhadap projek yang telah tamat kontrak dan akan tamat dalam tempoh dua tahun mendapati perkara berikut:

i. Maju Tekno Sdn. Bhd.

- KEJORA dan Maju Tekno Sdn. Bhd. telah menandatangani perjanjian pada 31 Julai 1989 untuk melaksanakan pembangunan perumahan yang terdiri daripada Fasa 2A dan 2B meliputi pembinaan 2,399 buah rumah, 134 buah kedai, sebuah rumah pangsa kos rendah dan kompleks perniagaan yang tamat pada 30 Julai 1994. Nilai GDV bagi projek ini adalah berjumlah RM38.64 juta. Semakan Audit mendapati tiga EOT telah diberikan dan tarikh siap dibenarkan bagi projek ini adalah sehingga 9 Mac 2019. Semakan lanjut terhadap kemajuan projek sehingga tarikh pengauditan mendapati Fasa 2A telah siap dibina. Bagaimanapun, sebanyak 89.4% pembangunan Fasa 2B yang meliputi 1,483 buah rumah, 113 buah kedai, sebuah rumah pangsa kos rendah dan kompleks perniagaan belum dibina. Setakat 4 April 2017, projek ini telah melangkaui tempoh selama 23 tahun daripada tarikh siap asal.
- Berdasarkan maklum balas KEJORA, kelewatan pembangunan adalah disebabkan pembinaan perumahan kurang mendapat sambutan daripada masyarakat setempat di Bandar Tenggara. Pada masa yang sama, terdapat dua lagi projek perumahan di Bandar Tenggara yang ditawarkan kepada pemaju yang lain dan secara tidak langsung menyebabkan persaingan di kalangan pemaju untuk membuat jualan. Namun begitu, memandangkan tempoh perjanjian akan berakhir pada bulan Mac 2019, KEJORA telah mengeluarkan surat bertarikh 16 Oktober 2017 memohon Maju Tekno Sdn. Bhd. untuk mengemukakan pelan perancangan pembangunan projek yang terbaru.

ii. Seventech Sdn. Bhd.

- Perjanjian yang ditandatangani pada 3 Februari 1999 antara KEJORA dan Seventech Sdn. Bhd. (Seventech) untuk pembangunan perumahan

meliputi 1,465 buah rumah, sebuah rumah pangsa kos rendah, tiga lot perniagaan dan kemudahan awam dengan nilai GDV berjumlah RM42.86 juta di Bandar Tenggara telah tamat pada 2 Februari 2005. Lawatan Audit pada 4 April 2017 mendapati baki komponen pembangunan perumahan sebanyak 41% iaitu sebuah rumah pangsa kos rendah yang terdiri daripada 1,088 unit masih belum dibina. Semakan Audit mendapati tiada EOT diluluskan dan klausa penamatan yang diperuntukkan dalam kontrak tidak dikuatkuasakan sehingga tarikh pengauditan.

- Berdasarkan maklum balas KEJORA, Seventech telah memohon kepada Kerajaan Negeri untuk menukar komponen pembinaan rumah pangsa kepada rumah teres berikutan permintaan pasaran yang kurang di kawasan Bandar Tenggara. Bagaimanapun, pihak Seventech belum mendapat keputusan daripada pihak Kerajaan Negeri.

iii. Bintang Fadzilat (M) Sdn. Bhd.

- Bintang Fadzilat (M) Sdn. Bhd. (Bintang Fadzilat) perlu membangunkan Fasa 2A dan 2B yang terdiri daripada 268 buah rumah jenis banglo dan 302 buah rumah berkembar, lot perniagaan dan kemudahan awam dengan GDV bernilai RM42.86 juta berdasarkan perjanjian asal yang telah ditandatangani pada 19 April 2002. Semakan Audit mendapati lanjutan masa yang diluluskan melalui perjanjian tambahan akan berakhir pada 9 Mei 2017. Bagaimanapun, semakan lanjut pada bulan Februari 2017 mendapati kemajuan projek bagi Fasa 2B baru mencapai 46% dengan kontrak berbaki tiga bulan.
- Mengikut maklum balas KEJORA, Bintang Fadzilat telah menukar skop pembinaan Fasa 2B dan baru menerima kelulusan daripada Kerajaan Negeri pada 13 Februari 2017. Proses pembayaran premium Notis 5A telah dimajukan kepada Pejabat Tanah dan Galian untuk tindakan pada 30 April 2017. Perjanjian tambahan berkaitan dalam peringkat draf dan dijangka akan dimuktamadkan selepas Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KEJORA yang akan diadakan pada bulan Disember 2017.

iv. Millienium Blazer Sdn. Bhd.

- Perjanjian Pembangunan Usaha Sama di antara KEJORA dan Millienium Blazer Sdn. Bhd. (Millienium) telah ditandatangani pada 11 Disember 2012. Millienium hendaklah menyempurnakan pembinaan projek perumahan dengan nilai GDV berjumlah RM42.86 juta pada 10 Disember 2018. Komponen pembangunan adalah seperti rumah kos rendah dan sederhana, unit komersil (rumah kedai, stesen minyak dan medan selera) serta kemudahan awam (tangki air, padang, surau dan

dewan orang ramai). Semakan Audit terhadap fail projek mendapati tiada jadual pelaksanaan diselenggarakan. Lawatan Audit ke tapak Projek Millienium pada 8 Mac 2017 mendapati pembangunan perumahan masih belum dibangunkan setelah lima tahun daripada tarikh perjanjian dan masih di peringkat pembersihan kawasan seperti di **Gambar 18.1** dan **18.2**.

GAMBAR 18.1



GAMBAR 18.2



Projek Millienium Blazer Sdn. Bhd.
- Tapak Projek Perumahan Masih di Peringkat Pembersihan Kawasan
dan Tiada Notis Pemberitahuan Pembinaan
(08.03.2017)

- Mengikut maklum balas KEJORA, kelewatan adalah disebabkan oleh perbezaan keluasan kelulusan tanah dan pelan pembangunan yang dikemukakan. Syarikat telah diluluskan tanah seluas 210 ekar namun semasa pelan cadangan pemajuan disiapkan, keluasan di tapak adalah 270 ekar. Sehubungan dengan itu, syarikat perlu merombak semula pelan susun atur dan konsep pembangunan serta mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang yang baru. Pada 31 Mei 2017, Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat telah memutuskan untuk menolak permohonan tersebut disebabkan kegagalan pihak pemaju memberi maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, perancangan yang kurang teliti serta ketiadaan kajian pasaran permintaan perumahan menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek. Selain itu, pemaju yang dilantik adalah tidak cekap kerana gagal mematuhi prosedur pembangunan perumahan ditetapkan.

18.5.1.2. Pencapaian Prestasi Pulangan

Berdasarkan perjanjian, pulangan (consideration) usaha sama hanya dibayar kepada KEJORA selepas pengeluaran *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) atau selepas rumah dijual. Mulai tahun 2015, KEJORA telah menetapkan pulangan pendahuluan (advance consideration) sebanyak 10% daripada peratusan pulangan GDV ditetapkan atau nilai jualan bersih. Pulangan pendahuluan hendaklah dibayar sebaik perjanjian ditandatangani atau sehingga enam bulan

daripada tarikh perjanjian. Sehingga tarikh pengauditan, jumlah pulangan yang diterima adalah RM23.61 juta.

- a. Semakan Audit mendapati KEJORA tidak menyelenggarakan Rekod Induk Pulangan untuk mengawal dan mengesan pulangan mengikut tarikh pengeluaran CCC atau selepas rumah dijual. Ini menyebabkan pulangan tidak dituntut pada masa yang ditetapkan. Berdasarkan maklum balas KEJORA, maklumat pulangan direkod selepas bayaran penuh atau sebahagian diterima.
- b. Semakan Audit terhadap syarat bayaran yang ditetapkan dalam perjanjian yang ditandatangani mendapati pulangan usaha sama sejumlah RM33.42 juta perlu dibayar oleh lima syarikat pemaju. Setakat bulan April 2017, sejumlah RM12.37 juta telah dibayar oleh syarikat pemaju tersebut. Bagaimanapun, KEJORA belum menuntut baki sejumlah RM21.05 juta yang terdiri daripada pulangan berjumlah RM10.18 juta dan pulangan pendahuluan berjumlah RM10.87 juta. Semakan lanjut mendapati pulangan pendahuluan tersebut telah tertunggak antara dua hingga 21 bulan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 18.3
PULANGAN YANG BELUM DITUNTUT SEHINGGA BULAN APRIL 2017

BIL.	PEMAJU	TARIKH PERJANJIAN	SYARAT BAYARAN	TARIKH DUE	AMAUN PERLU DIBAYAR (RM Juta)	AMAUN TELAH DIBAYAR (RM Juta)	AMAUN BELUM DIBAYAR (RM Juta)
Pulangan (Consideration) Usaha Sama							
1.	Continental Management Sdn. Bhd.	19.01.2016 (Perjanjian Tambahan*)	Clause 2B(a)&(b): 5.5% of RM237,013,141 (Net Selling Price) = RM13,035,723 less admin costs	Tiada Rekod Diselenggara	12.52	3.45	9.07
2.	Bintang Fadzilat (M) Sdn. Bhd.	19.04.2002	Appendix D: RM5 per square foot of the land area of each premise sold.	Tiada Rekod Diselenggara	8.78	7.67	1.11
Jumlah Kecil					21.30	11.12	10.18
Pulangan Pendahuluan (Advance Consideration)							
3.	I.R. Security Sdn. Bhd.	01.07.2015	Clause 3.1: Within 14 days upon signing of agreement the advance consideration being 10% from estimated value of 7% of KEJORA's consideration	15.07.2015	4.10 (RM586.85 x 7% x 10%)	-	4.10
4.	Mesra Indah Jaya Sdn. Bhd.	15.09.2015	Clause 3.1.a & f: 10% from KEJORA's consideration (5% of GDV) payable upon signing of this agreement.	15.09.2015	2.96 (RM592.93 x 5% x 10%)	0.25	2.71

BIL.	PEMAJU	TARIKH PERJANJIAN	SYARAT BAYARAN	TARIKH DUE	AMAUN PERLU DIBAYAR (RM Juta)	AMAUN TELAH DIBAYAR (RM Juta)	AMAUN BELUM DIBAYAR (RM Juta)
5.	Acmeland Development Sdn. Bhd.	06.02.2017	Clause 3.1(b)(i)a: RM5,058,681 upon execution on this agreement	06.02.2017	5.06	1.0	4.06
Jumlah Kecil					12.12	1.25	10.87
JUMLAH KESELURUHAN					33.42	12.37	21.05

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan KEJORA

Nota: (*) - Tarikh perjanjian asal pada 13.04.1995

Maklum Balas KEJORA yang Diterima Pada 19 Oktober 2017

KEJORA telah membuat tuntutan terhadap pihak Continental Management Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pulangan melalui surat bertarikh 5 Februari 2017 dan telah menerima bayaran berjumlah RM3.45 juta pada 22 Februari 2017. KEJORA telah mengeluarkan surat peringatan kepada I.R. Security Sdn. Bhd. bertarikh 27 Mac 2017 dan 22 Jun 2017 serta Mesra Indah Jaya bertarikh 27 Mac 2017 untuk menjelaskan baki bayaran pendahuluan yang belum diterima. KEJORA sebelumnya telah menerima bayaran berjumlah RM250,000 dari pihak syarikat Mesra Indah Sdn. Bhd. pada 29 Mac 2016 sebagaimana resit bernombor 111117. Manakala bagi syarikat Acmeland Development Sdn. Bhd. KEJORA telah menerima bayaran sejumlah RM1 juta pada 6 April 2017 sebagaimana resit 1600004590.

Selain itu, KEJORA telah mengambil langkah korektif dengan mewujudkan Rekod Induk/Keseluruhan dan lejar individu bagi setiap syarikat yang terlibat dengan projek usaha sama.

KEJORA juga telah mewujudkan Task Force yang terdiri daripada Bahagian Kewangan dan Bahagian Perancang Bandar dan Desa untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengeluaran CCC atau rekod rumah yang telah dijual bagi membolehkan tuntutan dibuat kepada syarikat berkaitan. Task Force ini telah dilaksanakan dan dijangka selesai pada bulan Januari 2018 bagi projek sudah mula. Untuk projek yang belum mula, pemantauan berterusan akan dibuat dan rekod akan dikemaskini mengikut jumlah CCC yang dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pulangan projek usaha sama adalah tidak cekap kerana tuntutan kepada pemaju tidak dilaksanakan pada masa ditetapkan menyebabkan kutipan pulangan KEJORA terjejas.

18.5.1.3. Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut syarat kontrak yang ditetapkan bagi memastikan pembinaan sesuatu projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

a. Lanjutan Masa

- i. Semakan Audit terhadap syarat kontrak yang membenarkan pelanjutan masa tidak menjamin kepentingan KEJORA seperti berikut:
 - opsyen pelanjutan masa diberi kepada pemaju tanpa perlu merujuk kepada KEJORA;
 - atas sebab kemelesetan ekonomi yang menjejaskan sektor hartanah; dan
 - keadaan pasaran perumahan yang tidak menggalakkan.
- ii. Berdasarkan maklum balas, KEJORA bersetuju dengan kelemahan yang berlaku dalam perjanjian. Bagaimanapun, kelonggaran syarat pelanjutan masa diberi bagi menarik pemaju untuk membangunkan keadaan ekonomi Wilayah Johor Tenggara yang lembap pada masa perjanjian ditandatangani.

b. Perjanjian Tambahan Lewat Ditandatangani

Semakan Audit mendapati kaedah perubahan skop/lanjutan tempoh projek dilaksanakan melalui perjanjian tambahan. Semakan lanjut mendapati perjanjian tambahan bagi empat projek lewat ditandatangani antara dua hingga 13 tahun daripada tarikh siap dibenarkan seperti jadual berikut:

JADUAL 18.4
PERJANJIAN TAMBAHAN YANG LEWAT DITANDATANGANI

BIL.	NAMA PEMAJU	KONTRAK ASAL	KONTRAK TAMBAHAN PERTAMA	LEWAT TANDATANGANI (Tahun)	KONTRAK TAMBAHAN KEDUA	LEWAT TANDATANGANI (Tahun)
BANDAR TENGGARA						
1.	Maju Tekno Sdn. Bhd.	31.07.1989 hingga 30.07.1994	30.07.1997 hingga 30.07.2000	3	09.03.2004 hingga 08.03.2014	4
2.	Golden Envoy (M) Sdn. Bhd.	30.01.1999 hingga 29.01.2005	29.10.2012 hingga 29.10.2018	7	-	-
BANDAR PENAWAR						
3.	Continental Management Sdn. Bhd.	13.04.1995 hingga 12.04.2003	19.01.2016 hingga 18.01.2021	13	-	-
4.	Bintang Fadzilal (M) Sdn. Bhd.	19.04.2002 hingga 18.04.2010	10.05.2012 hingga 09.05.2017	2	-	-

Sumber: Perjanjian Pembangunan Secara Usaha Sama Asal dan Tambahan

Maklum Balas KEJORA yang Diterima Pada 21 Ogos 2017

Perjanjian Tambahan dijangka akan ditandatangani selewat-lewatnya pada bulan September 2017 tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah KEJORA.

Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani perjanjian telah menyebabkan *time at large* dan KEJORA terdedah kepada risiko kerugian serta tuntutan perundangan tidak dipelihara.

18.5.1.4. Standard Operating Procedure

Standard Operating Procedure (SOP) merupakan dokumen rasmi yang digunakan sebagai panduan dalam suatu proses kerja untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan serta aktiviti syarikat supaya suatu kawalan yang baik dan munasabah dapat diwujudkan. Semakan Audit mendapati KEJORA tidak mempunyai SOP atau prosedur yang jelas berhubung dengan pengurusan hartanah secara usaha sama dengan pemaju swasta seperti proses *due diligence*, penilaian tanah, pelantikan syarikat usaha sama, penentuan kadar pulangan daripada projek usaha sama, dan mekanisme pemantauan projek usaha sama. Pihak Audit mendapati amalan proses pengurusan hartanah secara usaha sama adalah melalui pembentangan dan penelitian kertas cadangan pemajuan yang dikemukakan oleh pemaju. Seterusnya, kertas perakuan dibawa ke Mesyuarat Teknikal Pengurusan KEJORA dan selanjutnya ke Mesyuarat Lembaga Pengarah KEJORA untuk kelulusan.

Maklum Balas KEJORA yang Diterima Pada 19 Oktober 2017

Penambahbaikan prosedur telah didokumentasikan berdasarkan keperluan dan pandangan yang dinyatakan oleh penemuan audit. Bahagian Perancangan Bandar dan Desa telah membentangkan draf SOP berkaitan permohonan penswastaaan tanah KEJORA pada 9 Oktober 2017. Penambahbaikan terma terhadap pulangan dan penilaian telah diambilkira bagi tawaran usaha sama semasa dan akan datang. SOP berkaitan pembangunan dan pengurusan hartanah telah dibincang dan dirangka. Rangka kerja tersebut dijadualkan untuk dibentangkan bagi tujuan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2017.

Pada pendapat Audit, ketiadaan SOP yang jelas telah menjejaskan kecekapan dan prestasi pencapaian pembangunan perumahan usaha sama.

18.5.1.5. Pelantikan Pemaju yang Tidak Berkelayakan

Berdasarkan tadbir urus yang baik, pemaju yang dilantik hendaklah mempunyai pengalaman yang mencukupi atau sebanding dengan skop kerja. Semakan Audit terhadap *Memorandum & Articles of Association* (M&A) mendapati syarikat I.R. Security Sdn. Bhd. yang menjalankan perniagaan berkaitan keselamatan dan syarikat Mesra Indah Sdn. Bhd. yang menjalankan perniagaan kenderaan pelbagai jenis dan aksesori telah dipilih untuk menjalankan projek perumahan usaha sama. Pihak Audit dimaklumkan KEJORA akan menetapkan kriteria pemilihan pemaju ke dalam SOP yang akan dikemas kini dan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, pelantikan syarikat pemaju tidak memuaskan kerana tidak mengambil kira skop perniagaan yang didaftar.

18.5.1.6. Pemantauan Projek Perumahan Usaha Sama

- a. Mengikut klausa kepada setiap perjanjian pembangunan antara KEJORA dan pemaju perumahan swasta, kedua-dua pihak perlu menubuhkan *Management Consultative Committee* (MCC). Klausa tersebut juga menetapkan MCC perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan dan keahlian MCC terdiri daripada dua orang wakil KEJORA, satu daripadanya menjadi pengerusi manakala seorang lagi menjadi ahli dan tiga orang wakil daripada syarikat pemaju. Peranan MCC adalah untuk memantau, membincangkan, mempertimbangkan, menentukan dan menyelesaikan perkara seperti berikut:
 - i. kemajuan pembangunan termasuk permohonan kepada pihak berkuasa berkaitan hingga pengeluaran sijil siap menduduki bangunan;
 - ii. polisi dan strategi penjualan dan promosi;
 - iii. peruntukan, aliran tunai dan semua keperluan kewangan projek pembangunan; dan
 - iv. isu-isu berbangkit yang berkaitan dengan pembangunan atau pembatalan kontrak perjanjian.

- b. Semakan Audit mendapati mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengurus Besar KEJORA dan dihadiri oleh Timbalan Pengurus Besar KEJORA, pengurus bahagian dan wakil pemaju swasta. Pada keseluruhannya, kekerapan mesyuarat MCC bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 adalah rendah iaitu antara satu hingga empat kali. Berdasarkan maklum balas KEJORA, kekerapan mesyuarat MCC yang rendah disebabkan tiada perkembangan kemajuan di tapak. Butiran kekerapan mesyuarat adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 18.5
KEKERAPAN MESYUARAT *MANAGEMENT CONSULTATIVE COMMITTEE***

BIL.	NAMA PEMAJU	BILANGAN MESYUARAT SEBENAR		
		2014	2015	2016
1.	Maju Tekno Sdn. Bhd.	1	1	0
2.	Usra Associates*	4	2	2
3.	Continental Management Sdn. Bhd. (CMSB)	4	2	2
4.	Golden Envoy (M) Sdn. Bhd.	3	1	2
5.	Seventech Sdn. Bhd.	1	0	0
6.	Bintang Fadzilat (M) Sdn. Bhd.	4	1	1
7.	Millenium Blazer Sdn. Bhd.	3	4	0
8.	I.R Security Sdn. Bhd.	TB	4	1
9.	Sierra Boulevard Sdn Bhd.	TB	2	1
10.	Mesra Indah Jaya Sdn. Bhd.	TB	2	0

BIL.	NAMA PEMAJU	BILANGAN MESYUARAT SEBENAR		
		2014	2015	2016
11.	KEJORA Land Development Sdn. Bhd.	1	0	0
12.	Koperasi Pengerang Kota Tinggi Bhd.	TB	3	1
13.	Cocoa Valley Sdn. Bhd.	TB	4	2
14.	Acmeland Development Sdn. Bhd.	TB	TB	TB

Sumber: Minit Mesyuarat MCC

Nota: (TB) - Tidak Berkaitan Kerana Projek Belum Bermula

(*) - MCC masih dilaksanakan bagi pemantauan terhadap penyelesaian hutang Usra Associates

- c. Pihak Audit juga mendapati pemaju tidak mengemukakan laporan kemajuan seperti ditetapkan oleh MCC dan maklumat seperti jadual pelaksanaan, kemajuan kerja serta kedudukan pembayaran pulangan tidak difailkan dalam fail projek. Semakan lanjut mendapati tiada tindakan susulan daripada KEJORA seperti surat peringatan kepada pemaju yang tidak mengemukakan laporan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Bahagian Perancang Bandar dan Desa sedang merangka format ringkas laporan kemajuan untuk dibuat oleh pemaju supaya pihak pemaju dapat mengemukakan laporan kemajuan tersebut pada setiap bulan kepada KEJORA.

Maklum Balas KEJORA yang Diterima Pada 19 Oktober 2017

KEJORA telah menyediakan takwim mesyuarat MCC bagi tahun 2018 sebagai panduan dalam mengadakan mesyuarat. KEJORA juga telah mengambil inisiatif dengan mengarahkan pemaju-pemaju terlibat untuk mengemukakan laporan bulanan berkaitan dengan kemajuan fizikal dan kewangan projek. Bagi memudahkan pemantauan dan pelaporan juga, KEJORA telah menyeragamkan format laporan bulanan. Bagi tujuan pemantapan proses kerja, draf rangka kerja SOP berkaitan juga telah diwujudkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembangunan perumahan secara usaha sama adalah tidak memuaskan berdasarkan penilaian Audit terhadap bidang utama seperti kegagalan menyiapkan projek dalam tempoh yang dibenarkan, pulangan usaha sama tidak dituntut dan tiada SOP yang menggariskan prosedur seperti *due diligence* dan pelantikan syarikat pemaju.

18.5.2. Pengurusan Sewa

18.5.2.1. Hartanah Pelancongan

KEJORA menguruskan hartanah pelancongan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam sektor pelancongan di Wilayah Johor Tenggara dan telah membangunkan kawasan Desaru sebagai destinasi pelancongan. Kini, penekanan diberi kepada Kompleks Pelancongan Tanjung Balau dan Tanjung Punggai sebagai destinasi pelancongan baru. Setakat tahun 2016, hartanah pelancongan yang

dimiliki KEJORA terdiri daripada enam buah hotel di mana empat buah hotel dimiliki penuh manakala KEJORA hanya mempunyai 39 dan sepuluh buah unit bilik di dua buah hotel lain. Hotel tersebut dikendalikan oleh operator yang dilantik. Caj sewa keseluruhan berdasarkan perjanjian yang ditandatangani antara KEJORA dan operator hotel bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah berjumlah RM2.80 juta. Hartanah pelancongan yang dimiliki serta operator hotel yang dilantik oleh KEJORA adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 18.6
SENARAI ASET PELANCONGAN YANG DIMILIKI KEJORA

BIL.	HOTEL/APARTMEN/ RESORT	KOS (RM Juta)	HAK MILIK		CATATAN
			TANAH	BANGUNAN	
1.	Desaru Damai Beach Resort (Hotel Desaru Tunamaya & Spa Resort)	0.51	KEJORA	KEJORA	• Operator adalah Desaru Damai Beach Resort Sdn. Bhd.
2.	Bayu Balau Beach Resort	6.44	KEJORA	KEJORA	• Operator adalah KEJORA Hospitality Services Sdn. Bhd. (KHSSB). • Hotel dalam proses naik taraf dan baik pulih.
3.	Chalet Tanjung Balau		Kerajaan Negeri	KEJORA	• Operator adalah KHSSB.
4.	D' Punggai Chalet	11.30	Kerajaan Negeri	KEJORA	• Operator adalah Sinar Mas Marketing & Services.
5.	Lotus Desaru Beach Resort	<i>Lease Back</i>	Lotus Desaru Beach Resort Management Sdn. Bhd. (Lotus)	Lotus	• Lotus Desaru Beach Resort Management Sdn. Bhd. adalah operator. • KEJORA hanya mempunyai 39 unit bilik.
6.	Pulai Desaru Beach Resort & Spa (Sand & Sandals Desaru Beach Resort & Spa)	<i>Lease Back</i>	Bina Resorts Corporation Sdn. Bhd.	Bina Resorts Corporation Sdn. Bhd.	• Techvance Hotel & Resort Sdn. Bhd. adalah operator. • 10 unit bilik milik KEJORA telah dijual kepada Techvance pada 24 Oktober 2016.
JUMLAH		18.25			

Sumber: Bahagian Pelancongan KEJORA

a. Pengurusan Agen Kutipan Sewa

Kontrak pelantikan agen kutipan sewa telah ditandatangani antara KEJORA dan KHSSB pada 2 September 2013. Pelantikan KHSSB adalah berkuat kuasa selama tiga tahun mulai bulan Januari 2012 sehingga Januari 2015 dan telah dilanjutkan selama dua tahun berakhir 2 Januari 2017. Berdasarkan kontrak tersebut, KHSSB mendapat 10% caj perkhidmatan daripada jumlah yang dikutip.

i. Sewa Tidak Dikutip Mengikut Ketetapan

- Berdasarkan Klausula 4.1(d) Perjanjian Pelantikan Agen Kutipan KHSSB bertarikh 4 Januari 2016, KHSSB bertanggungjawab untuk menyerahkan kutipan sewa bulanan selepas menolak caj perkhidmatan pada atau sebelum 3 haribulan pada bulan berikutnya. Semakan Audit

terhadap penyata bank KEJORA mendapati KHSSB mengumpulkan kutipan sewa antara satu hingga enam bulan sebelum diserahkan kepada KEJORA melalui EFT bagi tahun 2014 hingga tahun 2017 berjumlah RM1.38 juta. Pihak Audit juga mendapati KEJORA tidak mengambil tindakan susulan seperti mengeluarkan surat peringatan kepada KHSSB.

- Semakan lanjut mendapati tiada klausa denda terhadap kelewatan penyerahan kutipan sewa dalam perjanjian menyebabkan tiada denda boleh dikenakan oleh KEJORA.

ii. Laporan Penyenggaraan Tidak Disediakan

Berdasarkan perenggan 4.1(e), KHSSB bertanggungjawab memantau penyenggaraan dan mengawal selia bangunan serta kemudahan sedia ada ke atas unit-unit bilik hotel milik KEJORA. Pemantauan secara berkala akan dibuat dan laporan akan disediakan oleh KHSSB dan seterusnya diserahkan kepada pihak KEJORA pada setiap 15 hari bulan Mac, Jun, Ogos dan Disember. **Semakan Audit mendapati laporan penyenggaraan dan kawal selia oleh KHSSB tidak pernah dikemukakan kepada KEJORA pada tarikh ditetapkan sejak perjanjian ditandatangani pada tahun 2013.**

Maklum Balas KEJORA yang Diterima Pada 21 Ogos 2017

Sebagai pemantauan dan tindakan penambahbaikan berterusan, surat bertarikh 28 Mac 2017 telah dikeluarkan kepada KHSSB mengenai tanggungjawab KHSSB sebagai agen kutipan sewa bagi aset pelancongan. Selain itu, surat bertarikh 12 Julai 2017 mengenai laporan penyenggaraan juga dikeluarkan kepada KHSSB.

Pada pendapat Audit, kelemahan KEJORA dalam mengawal agen kutipan hasil menyebabkan kutipan sewa dan laporan penyenggaraan tidak diterima mengikut tempoh yang ditetapkan.

b. Ketepatan dan Kesempurnaan Rekod Sewa Hotel Tidak Dapat Disahkan

- i. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan teratur bagi memastikan ketepatan rekod serta memudahkan rujukan dan kawalan terhadap transaksi dilaksanakan. Semakan Audit mendapati Rekod Induk Pulangan Sewa Hotel bagi mengesan dan mengawal kutipan sewa hotel tidak diselenggarakan.
- ii. Semakan Audit mendapati semua EFT tidak disokong dengan butiran pembayar dan tempoh bayaran. Rekod dalam Lejar Kutipan Sewa Pelancongan juga didapati tidak lengkap kerana terdapat ruangan folio tidak

diisi, catatan dalam lejar tidak diasingkan mengikut tahun dan tiada jumlah tahunan serta bukti semakan penyelia terhadap lejar terimaan tersebut.

- iii. Semakan lanjut mendapati hanya 12 keping resit berjumlah RM969,723 dikeluarkan berbanding nilai kutipan berjumlah RM2.62 juta bagi tahun 2014 hingga 2016. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah keseluruhan resit yang telah dikeluarkan bagi tempoh tersebut. Berdasarkan maklum balas, KEJORA mengeluarkan resit rasmi bagi terimaan hasil di kaunter. Manakala bagi terimaan melalui EFT, resit rasmi hanya dikeluarkan sekiranya ada permintaan. Bagaimanapun, perkara ini ditambah baik pada masa kini.

Pada pendapat Audit, pengurusan hartanah pelancongan adalah tidak memuaskan berdasarkan pengurusan pulangan yang dinilai di mana sewa adalah kurang dan lewat diterima. Terdapat kelemahan dalam pengurusan agen kutipan dan ketepatan serta kesempurnaan rekod sewa hotel tidak dapat disahkan.

18.5.2.2. Premis Usahawan Kecil

Dalam program pembangunan usahawan, KEJORA menyediakan kemudahan premis perniagaan bagi menempatkan usahawan dalam pelbagai bidang seperti Industri Kecil Sederhana (IKS), bengkel, arked dan gerai. Sehingga tahun 2016, KEJORA telah membangunkan sejumlah 95 unit premis kilang/bengkel IKS dengan kos bernilai RM17.40 juta. Manakala kutipan sewa daripada keseluruhan premis bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 adalah RM824,394.

a. Hak Milik Tanah Premis

- i. Semakan Audit terhadap hak milik tanah bagi 95 unit premis kilang/bengkel yang telah dibangunkan mendapati sebanyak 22 unit premis bernilai RM5.29 juta yang terdiri daripada empat unit di atas tanah Kerajaan Negeri melalui pajakan, lapan unit di atas tanah milik Usra Tampi (M) Sdn. Bhd. dan sepuluh unit di atas tanah milik FELDA tidak didaftarkan di bawah hak milik KEJORA seperti jadual berikut:

**JADUAL 18.7
STATUS HAK MILIK TANAH PREMIS KEJORA PADA FEBRUARI 2017**

KAWASAN	JENIS PREMIS	KUANTITI (Unit)	KOS (RM Juta)	LOKASI	HAK MILIK TANAH
Taman Sri Lambak (Mukim Renggam)	Kilang IKS	8	2.22	Jalan Lingkaran	Usra Tampi (M) Sdn. Bhd.
Bandar Sri Perani (Mukim Sg. Sedili Besar)	Bengkel	2	0.25	Kawasan Kilang Ringan Sri Perani	Kerajaan Negeri Johor (Pajakan tanah 99 tahun)

KAWASAN	JENIS PREMIS	KUANTITI (Unit)	KOS (RM Juta)	LOKASI	HAK MILIK TANAH
Bandar Mas (Mukim Tanjung Surat)	Bengkel Kilang IKS	10	2.73	Pusat Bandar Mas Kilang IKS Bandar Mas	FELDA (Dibangunkan secara usaha sama antara KEJORA dan FELDA – kawasan ini diserahkan untuk dibangunkan oleh KEJORA)
Bandar Petri Jaya	Bengkel	2	0.09	Bengkel IKS Bandar Petri Jaya	Kerajaan Negeri Johor
JUMLAH		22	5.29		

Sumber: Sijil Hak Milik Tanah
 Nota: (IKS) - Industri Kecil Sederhana

- ii. KEJORA telah membina lapan unit premis dengan kos RM2.22 juta di atas tanah dengan harga RM629,923 melalui perjanjian bertarikh 20 Mac 2007 dengan Usra Tampi (M) Sdn. Bhd.. Semakan Audit mendapati pembinaan premis tersebut dilaksanakan sebelum hak milik tanah dipindah kepada KEJORA. Semakan lanjut mendapati, KEJORA membuat permohonan pertukaran hak milik tanah daripada Usra Tampi (M) Sdn. Bhd. kepada KEJORA di Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Johor Bahru pada 24 April 2007. Bagaimanapun, sehingga bulan Februari 2017, semakan Audit mendapati tanah tersebut belum ditukar milik kepada KEJORA.
- iii. Semakan Audit mendapati KEJORA telah membangunkan sepuluh unit bengkel dan kilang IKS bernilai RM2.73 juta di atas tanah milik Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Federal Land Development Authority - FELDA) di Bandar Mas. Pada 21 Disember 1984, FELDA telah bersetuju menyerahkan tanah ini kepada KEJORA untuk dibangunkan bagi melengkapi kawasan pertumbuhan Bandar Mas, Felda Papan Timur dan Felda Sungai Mas. Tanah tersebut berstatus *Group Settlement Area (GSA)* di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 atau *Land (Group Settlement Areas) Act 1960* di mana pengambilan tanah hanya boleh diambil setelah status GSA dibatalkan. Semakan lanjut mendapati sehingga bulan Februari 2017, perakuan pembatalan GSA masih dalam tindakan Pejabat Tanah Kota Tinggi untuk kelulusan.

b. Tiada Polisi/Kriteria Penetapan Kadar Sewa

Semakan Audit mendapati KEJORA tidak mempunyai polisi penetapan kadar sewa premis. Semakan lanjut mendapati kadar sewaan bagi sewaan satu unit di premis yang sama dan mempunyai keluasan yang sama adalah berbeza. Butiran semakan seperti jadual berikut:

**JADUAL 18.8
PERBEZAAN KADAR SEWA PREMIS**

KAWASAN	JENIS PREMIS	LOKASI	UNIT (Bil.)	KELUASAN PER UNIT	KADAR SEWA (RM)
Bandar Penawar	Bengkel Ringan	Jalan Industri B2	14	53' x 18'	144 atau 189 atau 210
	Bengkel Ringan	Jalan Industri B4	13	53' x 18'	144 atau 189 atau 210
Bandar Tenggara	Kilang Bimbingan	Jalan Tun Mutalib 1	5	20' x 60'	144 atau 160
	Kilang IKS Fasa 1	Jalan Tun Mutalib 5	6	20' x 60'	144 atau 160
	Kilang IKS Fasa II	Jalan Tun Mutalib 5	8	22' x 80'	234 atau 260
	Bengkel	Jalan Tun Mutahir 5	10	20' x 60'	99 atau 110
	Bengkel	Jalan Tun Ali	5	20' x 70'	189 atau 210
Bandar Mas	Bengkel Fasa I	Pusat Bandar Mas	4	20' x 60'	189 atau 210
	Bengkel Fasa II	Pusat bandar Mas	2	20' x 60'	189 atau 210
	Kilang IKS Fasa I	Bandar Mas	2	80' x 39'	460 atau 414

Sumber: Unit Ekonomi dan Usahawan

c. Penilaian Semula Sewa Premis Tidak Dilaksanakan

- i. Perenggan 2 dalam perjanjian antara Lembaga Bandaran Johor Tenggara (LBJT) dengan penyewa menetapkan opsi kepada KEJORA dalam mengkaji semula dan menaikkan kadar sewa selepas tempoh tiga tahun daripada perjanjian.
- ii. Semakan Audit mendapati kadar sewa yang ditetapkan kepada penyewa bengkel dan kilang IKS adalah berdasarkan penetapan kadar sewa yang telah ditetapkan dalam tempoh terdahulu. Semakan lanjut mendapati tiada bukti kajian semula kadar sewa dilaksanakan kerana pada masa tersebut premis perniagaan yang dibangunkan bertujuan untuk membantu usahawan wilayah mendapatkan ruang untuk berniaga. Nilai semasa bagi 95 buah premis yang diperoleh daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Johor mendapati perbezaan berjumlah RM516,672 (221%) setahun seperti jadual berikut:

**JADUAL 18.9
PERBANDINGAN KADAR PURATA SEWA SEMASA DENGAN PENILAIAN JPPH**

KAWASAN	JENIS PREMIS	LOKASI	KADAR PURATA SEWA SEMASA (RM)	SEWA TAHUNAN (RM) (a)	KADAR SEWA JPPH (RM)	SEWA TAHUNAN JPPH (RM) (b)	BEZA (RM) (b) – (a)
Bandar Penawar	27 Bengkel Ringan	Jalan Industri B2	181	58,644	780	252,720	194,076
	10 Arked		210	25,200	550	66,000	40,800
Bandar Tenggara	11 Kilang	Jalan Tun Mutalib 1 & 5	152	20,064	460	60,720	40,656
	10 Kilang IKS Fasa II	Jalan Tun Mutalib 5	247	29,640	540	64,800	35,160

KAWASAN	JENIS PREMIS	LOKASI	KADAR PURATA SEWA SEMASA (RM)	SEWA TAHUNAN (RM) (a)	KADAR SEWA JPPH (RM)	SEWA TAHUNAN JPPH (RM) (b)	BEZA (RM) (b) – (a)
	15 Bengkel	Jalan Tun Mutahir 5	105	18,900	620	111,600	92,700
Bandar Mas	6 Bengkel	Jalan Tun Ali & Pusat Bandar Mas	200	14,400	820	59,040	44,640
	4 Kilang IKS Fasa I	Bandar Mas	437	20,976	1,300	62,400	41,424
Taman Sri Lambak	8 Kilang IKS	Jalan Lingkaran	410	39,360	540	51,840	12,480
Bandar Seri Perani	2 Kilang IKS	Pusat Bandar	210	5,040	370	8,880	3,840
Petri Jaya	2 Bengkel		86	2,064	540	12,960	10,896
JUMLAH				234,288		750,960	516,672

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan KEJORA

Maklum Balas KEJORA yang Diterima Pada 19 Oktober 2017

Premis usahawan kecil di Bandar Sri Perani dan Bandar Petri Jaya dibina di atas tanah Bandar Baru yang dikurniakan kepada KEJORA bagi pembukaan kawasan pertumbuhan baru di Wilayah Johor Tenggara. Pendaftaran hak milik lot tersebut tidak dilaksanakan atas faktor KEJORA sebagai Pihak Berkuasa Tempatan melalui Lembaga Bandaran Johor Tenggara (LBJT) yang menjalankan kerja perkhidmatan bandar serta menyediakan kemudahan untuk penduduk sebagaimana kuasa yang diberikan di bawah Enakmen Negeri Bil.7 1972 (Seksyen 5 dan Seksyen 7). Keputusan mesyuarat Majlis Kerajaan bertarikh 16 November 2016 menetapkan tempoh kuatkuasa yang diberikan kepada LBJT melalui Warta ditamatkan lebih awal iaitu sehingga 31 November 2016 bagi memberi laluan kepada Johor Corporation untuk mengurus tadbir PBT Pengerang. Lanjutan daripada itu KEJORA telah mengemukakan cadangan permohonan melupuskan aset tak alih kerajaan milik Lembaga Kemajuan Johor Tenggara secara kaedah hadiah untuk kelulusan Menteri KKLW. Kertas kerja telah dikemukakan kepada KKLW pada bulan Mei 2017. Antara cadangan kertas kerja adalah bagi mana-mana aset yang dibenarkan untuk disimpan oleh KEJORA, aset tanah tersebut dimohon kurniaan daripada Kerajaan Negeri seterusnya didaftarkan hakmilik. Walau bagaimanapun cadangan ini tertakluk kepada kelulusan YB Menteri KKLW.

Pindah milik tanah daripada Usra Tampi dalam proses penyempurnaan sebagaimana surat bertarikh 11 Oktober 2017 kepada peguam KEJORA untuk mengemukakan dokumen pembuktian pemilikan seperti dikehendaki oleh liquidator yang telah bersetuju dengan cadangan pindah milik. Manakala pembatalan GSA masih dalam tindakan Pejabat Tanah Kota Tinggi.

KEJORA telah mengambil tindakan untuk menyeragamkan kadar deposit sewaan dan mendapatkan khidmat JPPH bagi penentuan kadar sewa. Selain itu, penyeragaman dan penyelarasan kadar sewa premis sepenuhnya dijangka bermula pada tahun 2018.

Pada pendapat Audit, pengurusan premis usahawan kecil adalah tidak memuaskan kerana premis yang tidak didaftarkan di bawah hak milik KEJORA boleh mendedahkan kepada risiko kehilangan hak. Selain itu, ketiadaan polisi/kriteria serta penilaian sewa semasa boleh menyebabkan kadar sewa yang tidak setimpal ditetapkan.

18.5.3. Konflik Kepentingan

18.5.3.1. Pada 4 April 2011, KEJORA telah menubuhkan sebuah syarikat milikan penuh iaitu KEJORA Development Holding Sdn. Bhd. (KDHSB). Penubuhan syarikat bagi tujuan membolehkan aktiviti komersial dahulunya dilaksanakan oleh KEJORA seperti pembangunan hartanah, pelancongan dan pertanian dapat diusahakan secara optimum dan menguntungkan. Pada 28 November 2012, KDHSB menubuhkan tiga buah syarikat subsidiari iaitu Kejora Land Development Sdn. Bhd. (KLDSB) untuk menguruskan dan melaksanakan pembangunan hartanah dengan memajukan aset dan tanah milik KEJORA, Kejora Hospitality Services Sdn. Bhd. (KHSSB) untuk menjalankan aktiviti dalam sektor pelancongan dan perkhidmatan dan Kejora Agro Sdn. Bhd. (KASB) untuk menguruskan dan membangunkan tanah-tanah pertanian yang sesuai dan berpotensi sejajar dengan matlamat pembangunan pertanian KEJORA.

18.5.3.2. Semakan Audit mendapati lima Pengurus Bahagian KEJORA turut memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif di empat syarikat subsidiari KEJORA antara dua hingga tujuh tahun di mana mereka bertanggungjawab terhadap bidang tugas yang sama di KEJORA dan di syarikat subsidiari tersebut. Semakan lanjut mendapati KEJORA tidak menyediakan rangka kerja pengurusan konflik kepentingan bagi memastikan transaksi berhubung kait (interrelated transactions) antara KEJORA dan syarikat subsidiari dijalankan secara *arms length*.

Maklum Balas KEJORA yang Diterima Pada 19 Oktober 2017

Pelantikan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) sedia ada bagi syarikat KDHSB dan syarikat subsidiarinya adalah secara penempatan sementara sebagaimana keputusan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 3/2016 bertarikh 25 Julai 2016 memandangkan terdapatnya kekangan bajet dan kedudukan syarikat yang belum cukup stabil. Sehubungan itu, KEJORA telah menawarkan jawatan KPE secara sepenuh masa di kalangan kakitangan KEJORA dan juga orang luar pada 27 Julai 2017. Pengambilan jawatan ini akan dilaksanakan pada bulan Januari 2018 sementara proses temuduga dilaksanakan dalam masa terdekat.

Pada pendapat Audit, tanpa rangka kerja yang teratur untuk menguruskan konflik kepentingan, tiada jaminan bahawa keputusan dibuat adalah secara adil dan objektif.

18.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang serta memperkemas lagi pengurusan hartanah, adalah disyorkan KEJORA mempertimbangkan perkara berikut:

18.6.1. mewujudkan SOP bagi pembangunan perumahan secara usaha sama secara terperinci supaya kepentingan KEJORA terjaga dan pengurusan pembangunan perumahan mendapat *best value for money* serta mencapai objektif yang ditetapkan;

18.6.2. mewujudkan polisi/kriteria penetapan sewa kepada usahawan yang layak dengan mengambil kira kos penyenggaraan premis supaya penetapan sewa setimpal dan selaras dengan objektif pembangunan usahawan kecil;

18.6.3. menyediakan rangka kerja (framework) yang teratur untuk menguruskan konflik kepentingan dan melaksanakan *due diligence* terhadap transaksi pihak berkepentingan bagi memastikan transaksi tersebut dapat dijalankan secara setaraf (arms length transaction); dan

18.6.4. memastikan rekod seperti Rekod Induk Pulangan Usaha Sama dan Sewa Hotel diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi mengesan dan mengawal hasil diterima mengikut ketetapan.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

19. SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA - PENGURUSAN TABUNG MODAL PUSINGAN (JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI)

19.1. LATAR BELAKANG

19.1.1. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah satu agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang telah diperbadankan pada 1 Januari 2008. SKM sebelumnya dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (JPK). Pada awal penubuhannya pada bulan Julai 1922, jabatan yang dikenali sebagai *The Office of The Director of Co-operation* ini berfungsi untuk menubuh, mendaftar dan membangunkan syarikat bekerjasama-sama di bawah Enakmen Syarikat Bekerjasama-sama (*The Co-operative Societies Enactment 1922 [FMS Cap. 97 of 1935]*). Jabatan ini ditugaskan untuk memacu dan memajukan pergerakan koperasi. Akta Koperasi 1993 (*Akta 502*) kemudiannya telah digubal bagi menyatukan undang-undang koperasi di seluruh Malaysia dan mula berkuatkuasa pada 22 Januari 1994.

19.1.2. Tabung Modal Pusingan – Jabatan Pembangunan Koperasi (TMP-JPK) telah diwujudkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 pada tahun 1985 bertujuan membantu koperasi dalam penyediaan dana untuk melaksanakan projek yang berdaya maju. Peruntukan tahunan yang diterima pada tahun 2014 dan 2015 adalah masing-masing RM100 juta dan sejumlah RM50 juta tahun 2016. Koperasi yang layak memohon adalah seperti berikut:

- i. berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- ii. telah didaftarkan tidak kurang daripada 18 bulan dan akaunnya telah diaudit;
- iii. projek yang akan dilaksanakan adalah berdaya maju;
- iv. pentadbiran dan pengurusan koperasi memenuhi Akta Koperasi 1993, Peraturan Koperasi dan Undang-Undang Kecil Koperasi;
- v. pengurusan perakaunan adalah teratur, kemas kini dan penyata kewangan semasa telah diaudit; dan
- vi. projek yang akan dibiayai memberi manfaat kepada anggota-anggota dan koperasi.

19.1.3. Bahagian Pembiayaan dan Kawalan Kredit (BPKK) bertanggungjawab untuk menguruskan TMP-JPK. Bahagian ini diluluskan sebanyak 16 perjawatan

yang mengandungi tiga unit iaitu Unit Proses, Unit Dokumentasi dan Unit Akaun. Unit Proses bertanggungjawab memproses permohonan dan memantau perkembangan projek yang dibiayai.

19.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan TMP-JPK telah dibuat dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

19.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi tujuh bidang utama (*key area*) iaitu prestasi pengeluaran dana, syarat kelayakan permohonan dan proses kelulusan pinjaman, pengurusan cagaran pinjaman, penggunaan dana pinjaman, pengurusan pinjaman tidak berbayar (NPL), tindakan undang-undang serta mekanisme pemantauan. Pengauditan meliputi 69 sampel (10.8%) daripada 634 permohonan pinjaman yang diluluskan antara tahun 2014 hingga 2016. Pengauditan dijalankan di BPKK, Pejabat SKM Kuala Lumpur, Selangor dan Johor. Sebanyak 43 fail pinjaman tidak berbayar juga telah dipilih untuk tujuan analisis pengurusan pembayaran balik meliputi data kewangan seluruh negara.

19.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dan memeriksa borang permohonan pinjaman, rekod, fail, laporan, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan. Analisis terhadap rekod dan data yang berkaitan juga dibuat bagi melihat status serta prestasi pembayaran balik TMP-JPK. Temu bual dengan pegawai berkaitan dan lawatan fizikal telah dilakukan terhadap 20 koperasi yang dipilih.

19.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2016 hingga April 2017 mendapati TMP-JPK telah memenuhi objektif penubuhannya iaitu untuk menyalurkan dana kepada koperasi bagi membiayai projek-projek yang diusahakan. Selain itu, penilaian terhadap tujuh *key area* yang diaudit merumuskan pengurusan TMP-JPK adalah memuaskan kerana dari aspek permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman serta penyediaan cagaran pinjaman telah memenuhi syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan. Walaupun begitu, bagi aspek pengurusan bayaran balik, tindakan undang-undang dan mekanisme pemantauan adalah tidak memuaskan kerana proses tersebut tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan seperti berikut:

- i. kegagalan mengutip bayaran balik pinjaman bagi 526 akaun berstatus NPL melibatkan amaun berjumlah RM239.56 juta boleh menjejaskan operasi pengeluaran pinjaman TMP-JPK;
- ii. sebanyak 12 koperasi tidak pernah membuat sebarang bayaran balik melibatkan amaun berjumlah RM3.32 juta. Sembilan daripada koperasi tersebut telah pun tamat tempoh bayaran balik masing-masing;
- iii. tiada tindakan undang-undang dimulakan ke atas peminjam ingkar, sungguhpun pada Jun 2014, sebanyak 40 akaun dengan nilai NPL RM11.23 juta telah dicadangkan untuk dimulakan tindakan undang-undang. Di samping itu tindakan merampas cagaran peminjam juga tidak diambil bagi mendapatkan baki bayaran; dan
- iv. tiada pemantauan kemajuan fizikal projek/aktiviti dilaksanakan kerana masalah kekurangan kakitangan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas SKM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 14 September 2017. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit seperti di perenggan berikut:

19.5.1. Prestasi TMP-JPK

19.5.1.1. Sumber utama dana TMP-JPK disumbangkan oleh Kerajaan melalui peruntukan tahunan Kementerian Kewangan kepada SKM berjumlah RM250 juta bagi tempoh 2014 hingga 2016. Selain itu, TMP-JPK juga menerima kutipan bayaran balik pinjaman, faedah pelaburan, fi memproses dan pelbagai terimaan lain berjumlah RM380.34 juta bagi tempoh yang sama.

19.5.1.2. Bagi tempoh yang sama, bilangan permohonan pinjaman yang diterima sebanyak 772 di mana sebanyak 634 diluluskan dan 138 ditolak. Sejumlah RM708.21 juta telah diluluskan kepada 634 permohonan. Daripada jumlah tersebut, RM648.65 juta telah diagihkan kepada koperasi yang terlibat. Butiran terperinci adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.1
PRESTASI KELULUSAN DAN PENGELUARAN DANA TMP-JPK
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	BILANGAN KOPERASI YANG DILULUSKAN*	JUMLAH PEMBIAYAAN DILULUSKAN (RM Juta)	BAKI AWAL (A)	PERUNTUKAN YANG DITERIMA (RM Juta) (B)	PELBAGAI TERIMAAN (RM Juta) (C)	JUMLAH PENGELUARAN PEMBIAYAAN (RM Juta) (D)	BAKI SETAKAT 31 DISEMBER (RM Juta) (A+B+C-D)
2014	297	290.30	158.81	100.00	109.95	263.47	105.29
2015	189	215.35	105.30	100.00	131.66	174.02	162.94
2016	148	202.56	162.94	50.00	138.73	211.16	140.51
JUMLAH	634	708.21		250.00	380.34	648.65	

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Nota: (*) - Termasuk permohonan tahun sebelumnya

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran pinjaman adalah baik kerana dana yang diterima daripada Kerajaan telah dibelanjakan sepenuhnya bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016.

19.5.2. Syarat Kelayakan Permohonan

19.5.2.1. Perenggan 3.4 Manual Kualiti yang dikeluarkan oleh SKM menetapkan supaya permohonan pinjaman pembiayaan TMP-JPK oleh koperasi dimajukan ke Pejabat Wilayah dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Antara syarat-syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- a. berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- b. telah didaftarkan tidak kurang daripada 18 bulan dan akaunnya telah diaudit;
- c. projek yang akan dilaksanakan adalah berdaya maju;
- d. pentadbiran dan pengurusan koperasi memenuhi Akta Koperasi 1993, Peraturan Koperasi dan Undang-Undang Kecil Koperasi;
- e. pengurusan perakaunan adalah teratur, kemas kini dan penyata kewangan semasa telah diaudit; dan
- f. projek yang akan dibiayai memberi manfaat kepada anggota-anggota dan koperasi.

19.5.2.2. Permohonan hendaklah disertakan dengan kertas kerja projek, cabutan Minit Mesyuarat Agung, Minit Mesyuarat Lembaga serta Penyata Terimaan dan Bayaran yang lengkap untuk diperakukan oleh pejabat Wilayah sebelum dikemukakan kepada Bahagian Pembiayaan dan Kawalan Kredit (BPKK) untuk diproses dan diperakukan kepada Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah TMP-JPK untuk kelulusan. Kertas cadangan projek merupakan perkara utama yang disemak oleh BPKK bagi menentukan sama ada projek yang dicadangkan adalah berdaya maju dan memberi manfaat kepada koperasi.

19.5.2.3. Semakan Audit terhadap 69 sampel mendapati kesemua permohonan yang diterima telah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan serta diperakukan oleh Pejabat Wilayah. Projek yang dicadangkan oleh koperasi telah disahkan berdaya maju oleh BPKK sebelum diperakukan kepada Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah TMP-JPK untuk kelulusan.

19.5.2.4. Semakan juga telah dibuat terhadap permohonan yang tidak diperakukan oleh BPKK untuk menentukan justifikasi penolakan tersebut. Analisis terhadap 28 sampel permohonan tahun 2016 yang ditolak mendapati:

- a. 18 koperasi mempunyai kedudukan kewangan yang lemah;
- b. empat koperasi mempunyai tunggakan pembayaran balik pinjaman yang sedia ada;
- c. tiga koperasi gagal mengemukakan cagaran pinjaman; dan
- d. tiga koperasi memberi cadangan projek yang tidak berdaya maju.

19.5.3. Tempoh Kelulusan Pinjaman

19.5.3.1. Perenggan 3.3 (c) Manual Kualiti yang dikeluarkan oleh SKM menetapkan permohonan pinjaman pembiayaan TMP-JPK yang lengkap dan sempurna diberi keputusan dalam tempoh 40 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan sehingga tarikh keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah TMP-JPK dikeluarkan dan dipos kepada koperasi.

19.5.3.2. Semakan Audit mendapati lima (7.2%) daripada 69 sampel permohonan yang disemak telah diberi kelulusan antara 51 hingga 157 hari dari tarikh penerimaan permohonan iaitu kelewatan antara 11 hingga 117 hari dari tempoh yang ditetapkan. Kelewatan memproses kelulusan adalah disebabkan oleh permohonan yang tidak lengkap dan kelewatan pihak koperasi mengembalikan maklumat tambahan serta dokumen yang diperlukan kepada SKM. **Jadual 19.2** menunjukkan tempoh pemprosesan dana TMP-JPK bagi lima permohonan berkenaan.

JADUAL 19.2
KELULUSAN MELEBIHI 40 HARI DARI TARIKH PERMOHONAN

BIL.	KOPERASI	AMAUN (RM Juta)	TARIKH PERMOHONAN DITERIMA	TARIKH KEPUTUSAN DIBUAT	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
1.	PAHANG SJ184B	1.00	04.11.2013	10.01.2014	27
2.	NS SJ30F	1.30	07.11.2013	10.01.2014	24
3.	SELANGOR SJ88D	2.00	15.12.2014	04.02.2015	11
4.	WP SJ180A	2.04	31.03.2015	04.09.2015	117
5.	JOHOR SJ116B	1.00	30.08.2016	20.10.2016	11

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Maklum Balas SKM yang Diterima Pada 19 Jun 2017

Suruhanjaya akan memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dipatuhi sepenuhnya bagi mengelak kelewatan dalam proses pinjaman. Suruhanjaya ini juga akan memberi nasihat melalui taklimat dan program yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, proses kelulusan pinjaman telah dilaksanakan dengan memuaskan kerana semua permohonan yang diluluskan telah memenuhi syarat-syarat kelayakan dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Penolakan permohonan juga dibuat mengikut justifikasi yang jelas. Bagaimanapun, tempoh kelulusan pinjaman bagi 7.2% permohonan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan.

19.5.4. Pengurusan Cagaran Pinjaman

19.5.4.1. Permohonan pembiayaan melebihi RM50,000 hendaklah disertakan dengan cagaran yang bersesuaian dan mempunyai nilai yang setara dengan jumlah pinjaman. Cagaran ini hendaklah didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Negeri atau Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) bagi membolehkan proses pengambilan hartanah dibuat dengan lancar sekiranya pihak koperasi gagal memenuhi komitmen bayaran balik yang ditetapkan dalam perjanjian.

19.5.4.2. Semakan Audit terhadap 69 sampel pinjaman bercagar mendapati syarat cagaran yang ditetapkan telah dipatuhi sepenuhnya. **Jadual 19.3** menunjukkan contoh bentuk cagaran yang dikemukakan oleh koperasi yang menerima pinjaman pembiayaan.

JADUAL 19.3
BENTUK CAGARAN PINJAMAN

BIL.	NAMA KOPERASI	AMAUN PINJAMAN (RM Juta)	BENTUK CAGARAN
1.	WP SJ157	1.49	Bangunan pejabat empat tingkat yang dibiayai
2.	WP SJ180A	2.04	62 unit pangsapuri yang dibiayai
3.	WP SJ72D	3.20	Tanah milik koperasi
4.	WP SJ108D	7.80	Serah hak potongan gaji oleh majikan
5.	JOHOR SJ100I	1.76	Kenderaan yang dibeli
6.	JOHOR SJ91E	2.00	Serah hak potongan gaji oleh majikan
7.	JOHOR SJ167D	5.00	Hartanah milik koperasi
8.	SELANGOR SJ15I	5.00	Tujuh aset hartanah milik koperasi
9.	SELANGOR SJ150A	5.00	Bangunan pejabat yang dibiayai
10.	JOHOR SJ79D	2.90	Lima unit kedai dua tingkat yang dibiayai

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

19.5.4.3. Semakan silang yang dibuat dengan Pihak Berkuasa Negeri/Pejabat Tanah terhadap 37 pinjaman yang mencagarkan hartanah sebagai bentuk cagaran mendapati hartanah tersebut telah didaftarkan atas nama Pesuruhjaya

Tanah Persekutuan. Contoh pengesahan dengan Pihak Berkuasa Negeri/Pejabat Tanah adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 19.4
CAGARAN HARTANAH BAGI PINJAMAN BERCAGAR**

BIL.	KOPERASI	BENTUK CAGARAN	GERAN HAK MILIK	DAERAH	MUKIM
1	SELANGOR SJ135A	Bangunan yang dibeli	HSD 240417 PT 800	Petaling	Shah Alam
2	JOHOR SJ79D	Bangunan yang dibeli	HSD 36570 PTD 12925-12929, HSD 36570 PTD 12935-12939	Kota Tinggi	Tanjung Surat
3	PAHANG SJ184B	2 unit bangunan pejabat 4 Tingkat	HS (M) 17, PT 536 HS (M)18 PT 537	Rompin	Bandar Muadzam Shah 1
4	NS SJ30F	Bangunan yang dibeli	H.S. (D) 214660, PT 6305	Seremban	Pekan Senawang
5	JOHOR SJ167D	Hartanah milik koperasi	HSD 25411 PTD 5444	Kluang	Paloh
6	W.PERSEKUTUAN SJ177B	Bangunan yang dibeli	H.S. (D) 160490, PT 77169	Hulu Langat	Kajang
7	KELANTAN SJ35H	Hotel bajet 4 tingkat milik koperasi	H.S. (D) 8465, 8466, 8467, 19138 PT376 , PT77, PT378 & Lot 458	Kota Bharu	Kota Bharu
8	WP SJ182C	Aset milik koperasi	HSD 13095 LOT 2781	Port Dickson	Pasir Panjang
9	PERAK SJ250A	Aset milik koperasi	Lot 39918-399213, GRN 56344-GRN 56356	Ipoh	Hulu Kinta
10	WP SJ177C	Bangunan yang dibeli	PN 74910 Lot 62141	Petaling	Bandar Sunway

Sumber: Pejabat Tanah dan Daerah/JKPTG

Maklum Balas SKM yang Diterima Pada 19 Jun 2017

Suruhanjaya mengambil maklum atas pandangan Audit. Kesemua cagaran itu adalah mengikut surat Ikatan Amanah seperti diluluskan oleh Jawatankuasa TMP-JPK.

Pada pendapat Audit pengurusan penyediaan cagaran bagi pinjaman bercagar telah diuruskan dengan baik kerana semua pinjaman bercagar telah mematuhi syarat cagaran dan bagi cagaran dalam bentuk hartanah telah didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

19.5.5. Penggunaan Dana Pinjaman

19.5.5.1. Dana pembiayaan yang diberi oleh SKM hendaklah digunakan mengikut kertas kerja cadangan yang dikemukakan semasa permohonan. Sebarang perubahan penggunaan dana hendaklah mendapatkan kelulusan SKM terlebih dahulu sebelum dilaksanakan.

19.5.5.2. Semakan Audit terhadap 69 sampel mendapati semua dana pinjaman yang diagihkan kepada koperasi telah digunakan seperti tujuan asal permohonan. Laporan penggunaan dana tersebut disediakan oleh pegawai SKM Wilayah dan diserahkan pada BPKK untuk tujuan pemantauan. Pihak Audit telah melawat sepuluh buah koperasi dan mengesahkan bahawa penggunaan dana tersebut adalah seperti tujuan asal permohonan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 19.5
PENGUNAAN DANA PINJAMAN**

BIL.	NAMA KOPERASI	AMAUN PINJAMAN (RM Juta)	TUJUAN PINJAMAN	SEMAKAN AUDIT
1.	WP SJ157	1.49	Membeli 1 unit bangunan kedai tingkat 4	Bangunan telah dibeli dan hak milik bangunan dan hartanah atas nama koperasi. (Gambar 19.1)
2.	WP SJ167A	2.00	Membeli 1 unit bangunan kedai tingkat 4	Bangunan telah dibeli dan hak milik bangunan dan hartanah atas nama koperasi. (Gambar 19.2)
3.	WP SJ72D	3.20	Membina 2 unit reban ayam tambahan tingkat 2	Reban ayam tambahan telah dibina dan telah beroperasi dengan peningkatan kapasiti sebanyak 80,000 ekor ayam. (Gambar 19.3)
4.	JOHOR SJ79D	2.90	Membeli 5 unit bangunan kedai tingkat 2	Semasa lawatan Audit dijalankan, pihak koperasi dalam proses mengubahsuai bangunan berkenaan untuk dijadikan hotel bajet. (Gambar 19.4)
5.	JOHOR SJ100I	1.76	Membeli 41 buah kereta Proton Pesona 1.6 untuk dijadikan teksi	Pengeluaran dibuat secara berperingkat. Sebanyak 33 buah teksi telah dibeli dengan jumlah pengeluaran pinjaman sebanyak RM1.42 juta dan diagihkan kepada anggota. (Gambar 19.5)
6.	JOHOR SJ167D	5.00	Aktiviti Ar-Rahnu X-Change	Operasi Ar-Rahnu telah beroperasi dengan keuntungan sebanyak RM295,000 pada tahun 2016 dan RM147,000 pada tahun 2015. (Gambar 19.6)
7.	SELANGOR SJ15I	4.00	Aktiviti Ar-Rahnu X-Change	Rumah kedai 2 tingkat yang dibeli telah siap sepenuhnya. Pihak koperasi masih dalam proses untuk mengubahsuai unit berkenaan untuk dijadikan pusat Pajak Gadai-i Ar-Rahnu dengan kelengkapan keselamatan.
8.	SELANGOR SJ150A	5.00	Membeli 1 unit bangunan kedai tingkat 3	Bangunan telah dibeli dan pihak koperasi menyewakan bangunan tersebut kepada SKM Negeri Selangor dengan kadar sewa RM34,000 sebulan.

BIL.	NAMA KOPERASI	AMAUN PINJAMAN (RM Juta)	TUJUAN PINJAMAN	SEMAKAN AUDIT
9.	JOHOR SJ106F	0.19	Membeli 1 unit <i>backhoe loader</i>	Telah membeli traktor pemotong rumput dengan kelulusan BPKK. Traktor ini digunakan untuk membantu urusan perladangan sawit di ladang milik koperasi di Sedili yang berkeluasan 930 ekar.
10.	WP SJ108C	7.80	Modal pusingan aktiviti kredit kepada anggota	Dana pinjaman yang diterima telah digunakan untuk tujuan pembiayaan kewangan kepada 622 anggota.

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 19.1



Koperasi WPSJ 157
- Bangunan yang Dibeli oleh Koperasi
(23.02.2017)

GAMBAR 19.2



Koperasi WPSJ 167A
- Bangunan yang Dibeli oleh Koperasi
(07.03.2017)

GAMBAR 19.3



Koperasi WPSJ 72D
- Reban Ayam Tambahan Telah Dibina
(01.03.2017)

GAMBAR 19.4



Koperasi JOHOR SJ79D
(16.03.2017)

GAMBAR 19.5



Koperasi JOHOR SJ100I
- Teksi Disewa Beli oleh Anggota Koperasi
(14.03.2017)

GAMBAR 19.6



Koperasi JOHOR SJ167D
- Cawangan Ar-Rahnu Milik Koperasi
(14.03.2017)

Pada pendapat Audit, dana pinjaman telah digunakan dengan baik sebagaimana tujuan permohonan pinjaman oleh koperasi. Perubahan daripada tujuan asal permohonan telah mendapat kelulusan SKM.

19.5.6. Pengurusan Pinjaman Tidak Berbayar (NPL)

SKM hendaklah memastikan setiap peminjam membuat bayaran balik pinjaman mengikut tempoh dan jadual yang telah ditetapkan bagi memastikan dana TMP-JPK mencukupi dan dapat memberi manfaat kepada koperasi lain yang memerlukan. Mengikut SOP Pengurusan Pinjaman/Pembiayaan SKM, sekiranya koperasi tidak membuat bayaran ansuran pinjaman selama enam bulan, keseluruhan baki pinjaman tersebut akan diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak membayar (NPL). Setelah surat peringatan dikeluarkan dan bayaran masih belum diterima, fail pinjaman berkenaan akan dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang SKM (PUU) untuk memulakan proses tindakan undang-undang terhadap koperasi terlibat.

19.5.6.1. Kedudukan NPL

Semakan Audit mendapati peratusan NPL bagi tahun 2014 adalah 11.6% melibatkan sejumlah RM122.85 juta. Peratusan ini menurun kepada 11.5% pada tahun 2015 (RM130.41 juta) sebelum meningkat kepada 17.6% (RM239.56 juta) pada tahun 2016. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 19.6
PINJAMAN TIDAK BERBAYAR

TAHUN	JUMLAH BAKI PINJAMAN (RM Billion)	JUMLAH NPL (RM Juta)	PERATUS (%)
2014	1.056	122.85	11.63
2015	1.137	130.41	11.47
2016	1.365	239.56	17.55

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

19.5.6.2. Usia NPL

Analisis selanjutnya telah dijalankan terhadap kedudukan NPL pada 31 Disember 2016 bernilai RM239.56 juta yang melibatkan 526 akaun. Analisis menunjukkan jumlah NPL tertinggi adalah bagi usia antara 12 hingga 24 bulan melibatkan amaun berjumlah RM80.90 juta manakala jumlah NPL terendah adalah berusia melebihi 72 bulan dengan amaun berjumlah RM13.53 juta. Bagi pembiayaan inden kerja, ansuran bulanan tidak ditetapkan sebaliknya bayaran balik dibuat mengikut kemajuan kerja projek yang dibiayai. Jumlah NPL bagi pembiayaan inden kerja adalah berjumlah RM3.16 juta (1.3%) melibatkan 21 akaun peminjam. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 19.7
KEDUDUKAN NPL MENGIKUT USIA PADA 31 DISEMBER 2016**

PERKARA	USIA					INDEN KERJA	JUMLAH KESELURUHAN
	KURANG 12 BULAN	12 BULAN HINGGA 24 BULAN	24 BULAN HINGGA 48 BULAN	48 BULAN HINGGA 72 BULAN	LEBIH DARI 72 BULAN		
Bilangan Akaun	141	115	157	74	18	21	526
Peratus	26.8	21.9	29.8	14.1	3.4	4.0	100
Jumlah Tunggakan (RM Juta)	62.03	80.90	40.42	36.52	13.53	3.16	239.56
Peratus	27.1	33.8	16.9	15.3	5.6	1.3	100

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

19.5.6.3. Pinjaman Tidak Pernah Dibayar

- a. Semakan selanjutnya terhadap 526 akaun pinjaman yang berstatus NPL setakat 31 Disember 2016 mendapati sebanyak 12 koperasi tidak pernah membuat sebarang bayaran balik sejak dari tarikh mula bayaran kena dibayar iaitu antara tiga hingga 28 tahun melibatkan amaun berjumlah RM3.32 juta. Selanjutnya didapati sembilan daripada 12 koperasi tersebut telah tamat tarikh bayaran balik yang ditetapkan melibatkan amaun tertunggak sebanyak RM3.18 juta. Butiran koperasi terlibat seperti di jadual berikut:

**JADUAL 19.8
KOPERASI YANG TIDAK PERNAH MEMBUAT BAYARAN BALIK**

BIL.	KOPERASI	TARIKH MULA BAYARAN	TARIKH BAYARAN TAMAT	JUMLAH PINJAMAN (RM)	CAGARAN	JENIS PROJEK
1.	KELANTAN SJ12	01.12.1988	01.12.1998	560,000.00	Tapak kilang	Modal pusingan kilang padi
2.	PERAK SJ38C	01.02.2008	01.02.2009	75,000.00	Inden kerja	Modal pusingan untuk menjalankan kerja kontrak yang ditawarkan oleh FELDA
3.	PAHANG SJ46F	01.07.2009	01.07.2014	52,325.46	Tidak berkaitan	Modal pusingan untuk perniagaan bengkel membaiki, servis dan mencuci kenderaan
4.	JOHOR SJ99	01.03.2010	01.03.2014	148,718.40	Inden kerja	Modal pusingan kerja
5.	JOHOR SJ65B	01.05.2010	01.05.2012	267,071.82	Inden kerja	Modal pusingan kerja kontrak
6.	PAHANG SJ91	01.05.2010	01.02.2015	30,066.29	Tidak berkaitan	Modal pusingan membeli hasil getah
7.	PAHANG SJ173B	01.07.2011	01.07.2016	52,454.25	Tidak berkaitan	Aktiviti pengeluaran produk makanan jenama Chaky Black
8.	PERLIS SJ35	01.03.2012	01.06.2017	30,727.08	Tidak berkaitan	Modal pusingan kedai runcit TUKAR
9.	SELANGORSJ123	01.06.2012	01.06.2017	52,443.68	Tidak berkaitan	Aktiviti pemprosesan makanan ayam

BIL.	KOPERASI	TARIKH MULA BAYARAN	TARIKH BAYARAN TAMAT	JUMLAH PINJAMAN (RM)	CAGARAN	JENIS PROJEK
10.	WP SJ138	01.08.2012	01.08.2017	51,534.00	Tidak berkaitan	Modal pusingan kedai runcit TUKAR
11.	NS SJ90E	12.06.2013	12.06.2014	907,891.38	Inden kerja	Membina rumah kakitangan FELDA di Felda Keratong 7, Bandar Tun Razak, Pahang
12.	MELAKA SJ38B	01.11.2013	01.11.2016	1,088,000.64	Tanah	Membina 33 unit rumah sesebuah (Gambar 19.7 dan 19.8)
JUMLAH				3,316,233.00		

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Nota: Tiada Cagaran Dikenakan bagi Pembiayaan Berjumlah Kurang Daripada RM50,000.

- b. Lima daripada 12 koperasi tersebut telah dipilih untuk dilawati namun hanya empat koperasi yang masih beroperasi manakala satu koperasi tidak lagi aktif. Lawatan terhadap empat buah koperasi berkenaan serta temu bual dengan pihak koperasi mendapati punca pinjaman tidak dibayar seperti jadual berikut:

JADUAL 19.9
PUNCA PINJAMAN TIDAK DIBAYAR

BIL.	KOPERASI	JUMLAH PINJAMAN (RM)	CAGARAN	PUNCA PINJAMAN TIDAK DIBAYAR
1.	PAHANG SJ173B	52,454.25	Tidak berkaitan	Dana pinjaman digunakan untuk membeli mesin pemprosesan biskut jenama Chaky Black. Aktiviti pengeluaran produk tidak dilaksanakan kerana pengurus projek telah berhenti daripada menjadi anggota koperasi dan tiada pakar untuk mengoperasikan mesin yang dibeli.
2.	SELANGORSJ123	52,443.68	Tidak berkaitan	Koperasi tidak lagi aktif. Alamat koperasi tidak dapat dikesan.
3.	WP SJ138	51,534.00	Tidak berkaitan	Koperasi menggunakan dana pinjaman untuk membeli inventori barang jualan. Keuntungan jualan tidak digunakan untuk membayar balik pinjaman sebaliknya digunakan untuk membayar tunggakan sewa lot kedai runcit untuk lima tahun.
4.	NS SJ90E	907,891.38	Inden kerja	Pinjaman digunakan sebagai modal untuk melaksanakan projek pembangunan rumah pekerja. Kontrak kerja ditamatkan sebelum projek selesai dan pihak pemberi kontrak tidak membuat bayaran kepada SKM bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan.
5.	MELAKA SJ38B	1,088,000.64	Tanah	Pinjaman digunakan untuk memajukan sebidang tanah dengan membina 33 unit rumah banglo. Projek dibatalkan kerana masalah pemilikan tanah. (Gambar 19.7 dan 19.8)

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 19.7

Koperasi MELAKA SJ38B
- Rumah Contoh yang Siap Dibina
(07.08.2017)

GAMBAR 19.8

Koperasi MELAKA SJ38B
- Tapak Pembinaan Rumah yang Dirancang
(07.08.2017)

19.5.6.4 Tindakan Merampas Cagaran Hartanah

Mengikut SOP 14, salah satu tindakan yang boleh diambil untuk mendapatkan balik baki pinjaman tidak berbayar adalah melalui tindakan merampas cagaran peminjam. Semakan Audit ke atas fail pinjaman mendapati SKM tidak mengambil tindakan merampas cagaran hartanah untuk menuntut jumlah pinjaman yang tertunggak bernilai RM1.70 juta daripada empat koperasi. SKM hanya mengeluarkan surat peringatan dan gesaan terhadap koperasi yang terlibat. Analisis Audit mendapati koperasi terlibat hanya dikeluarkan sekali surat peringatan sahaja. Pegawai SKM Negeri tidak dilibatkan untuk menggesa koperasi yang mempunyai tunggakan supaya membuat bayaran balik. Meskipun BPKK telah mengeluarkan memo kepada PUU, tiada tindakan susulan diambil sehingga tarikh pengauditan. Dua akaun NPL ini telah tamat tempoh bayaran balik antara tahun 2013 hingga 2015 manakala dua akaun akan tamat tempoh bayaran antara tahun 2025 hingga 2029. Butiran mengenai empat akaun berkenaan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 19.10
AKAUN NPL DENGAN CAGARAN HARTANAH

BIL.	KOPERASI	TEMPOH BAYARAN BALIK	BAKI TERTUNGGAK (RM)	BENTUK CAGARAN
1.	SABAH SJ78B	Feb. 2000 – Jan. 2015	168,132.00	Bangunan
2.	PAHANGSJ155	Jul. 2010 – Mac 2025	94,617.60	Bangunan
3.	PAHANG SJ45B	Nov. 1998 – Okt. 2013	21,659.75	Bangunan
4.	PERAK SJ133	Mac 2011 – Ogos 2029	1,417,440.96	Bangunan
JUMLAH			1,701,850.31	

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Maklum Balas SKM yang Diterima Pada 19 Jun 2017

SKM telah memulakan tindakan bagi membatalkan pendaftaran koperasi, melantik pelikuidasi bagi mencairkan aset koperasi dan mengambil tindakan sivil di mahkamah.

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan bayaran balik pinjaman adalah tidak memuaskan kerana kadar NPL melebihi 11% dan meningkat kepada 17.6% pada 31 Disember 2016. Selain itu, SKM juga gagal merampas cagaran dan mengambil tindakan tegas terhadap 12 koperasi yang tidak pernah membuat bayaran balik. Keadaan ini boleh menjejaskan keupayaan dana pusingan TMP-JPK.

19.5.7. Tindakan Undang-Undang

19.5.7.1. Tindakan Undang-Undang Tidak Diambil Terhadap Peminjam Ingkar

- a. BPKK bertanggungjawab untuk memantau prestasi bayaran balik TMP-JPK. Sekiranya bayaran balik tidak dibuat mengikut Jadual Bayaran Balik Pinjaman Pembiayaan, tindakan hendaklah diambil ke atas koperasi yang terlibat. Proses pengurusan tunggakan bayaran dimulakan dengan menyemak status pembayaran setiap koperasi. Sekiranya koperasi mempunyai tunggakan, SKM akan menghantar surat peringatan serta surat tuntutan bagi mendapatkan bayaran balik tersebut. Bagi pinjaman yang mempunyai tunggakan bayaran balik melebihi enam bulan (NPL), proses tindakan undang-undang akan dimulakan.
- b. Semakan Audit mendapati SKM tidak mengambil tindakan undang-undang selepas enam bulan tunggakan bayaran balik. Sebaliknya pada Jun 2014 BPKK telah mencadangkan kepada PUU untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap 41 akaun melibatkan tempoh tunggakan antara 26 hingga 244 bulan. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya ke atas fail akaun terlibat mendapati sehingga ke tarikh pengauditan hanya satu koperasi yang telah diambil tindakan oleh PUU untuk memulakan tindakan undang-undang manakala 40 koperasi yang melibatkan amaun berjumlah RM11.23 juta lagi masih belum diambil sebarang tindakan walaupun telah dua tahun berlalu. Maklumat lanjut sebahagian daripada koperasi berkenaan seperti jadual berikut:

JADUAL 19.11
SENARAI KOPERASI YANG DICADANGKAN UNTUK DIAMBIL
TINDAKAN UNDANG-UNDANG

BIL.	KOPERASI	JUMLAH PINJAMAN DAN FAEDAH (RM)	TARIKH MULA BAYAR	TARIKH TAMAT BAYAR	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	TARIKH CADANGAN TINDAKAN KEPADA PUU	CAGARAN
1.	SARAWAK SJ6E	5,436,299.88	Mei 2011	Jan. 2014	5,436,299.88	Jun 2014	Projek perumahan
2.	SELANGOR SJ51B SELANGOR SJ51C	2,211,820.02	Dis. 2006	Ogos 2013	1,542,804.46	Jun 2014	Teksi yang dibeli
		2,397,399.48					

BIL.	KOPERASI	JUMLAH PINJAMAN DAN FAEDAH (RM)	TARIKH MULA BAYAR	TARIKH TAMAT BAYAR	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	TARIKH CADANGAN TINDAKAN KEPADA PUU	CAGARAN
3.	PERAK SJ124	2,838,524.31	Ogos 2010	Apr. 2017	1,612,001.46	Jun 2014	Bas yang dibeli
4.	PERAK SJ133	4,370,442.96	Jul. 2010	Mac 2015	787,467.20	Jun 2014	Bangunan
5.	NSSJ78	1,069,850.43	Apr. 2009	Dis. 2016	726,441.65	TM	Lori yang dibeli
6.	WP SJ66B(ii)	2,309,220.81	Mei 2011	Jan. 2021	710,529.48	Jun 2014	Potongan BPA
7.	KEDAH SJ17D	2,309,220.81	Feb. 2011	Okt. 2020	513,160.18	Jun 2014	Bas yang dibeli
		614,563.92	Jul. 1996	Jun 2002	528,564.65	TM	
8.	NS SJ42	368,298.19	Mac 2010	Dis. 2011	260,423.02	Jun 2014	Dua unit lori
9.	PAHANG SJ56E	737,586.00	Sep. 2008	Ogos 2015	2,055,197.13	Jun 2014	Teksi yang dibeli
			Jul. 2007	Jun 2014	518,256.00	Jun 2014	2 bas

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Nota: TM - Tiada Maklumat

BPA - Biro Potongan Angkasa

- c. Semakan selanjutnya mendapati selepas cadangan BPKK kepada PUU untuk mengambil tindakan undang-undang, tiada sebarang maklum balas diberi oleh PUU mengenai tindakan selanjutnya yang perlu diambil. Kelewatan mengambil tindakan undang-undang akan menjejaskan peluang SKM untuk mendapatkan semula baki tertunggak terutama bagi pinjaman yang tidak bercagar.

Maklum Balas SKM yang Diterima Pada 19 Jun 2017

Terdapat isu berkaitan perwakilan untuk tindakan undang-undang (kes-kes sivil) yang hendak dibawa ke mahkamah memandangkan pihak-pihak kepada Perjanjian TMP-JPK adalah di antara koperasi dengan Kerajaan Malaysia.

Maklum Balas SKM yang Diterima Pada 12 Oktober 2017

PUU SKM telah mengeluarkan notis tuntutan kepada 41 koperasi pada 5 Oktober 2017 untuk menuntut kesemua jumlah hutang yang tidak berbayar.

Pada pendapat Audit, proses tindakan undang-undang adalah tidak memuaskan kerana tidak dilaksanakan dengan cekap bagi memulakan tindakan undang-undang terhadap peminjam ingkar.

19.5.8. Pemantauan Fizikal Tidak Dilaksanakan

19.5.8.1. Bagi memastikan dana digunakan mengikut tujuan asal dan pihak koperasi mendapat manfaat daripada pinjaman pembiayaan TMP-JPK, BPKK hendaklah merangka suatu mekanisme pemantauan yang berkesan. Hasil pemantauan ini boleh dijadikan asas penilaian semasa memproses permohonan pinjaman pada masa akan datang.

19.5.8.2. Semakan Audit mendapati pemantauan dibuat dalam bentuk Laporan Penggunaan Wang Pinjaman Pembiayaan TMP-JPK oleh SKM Negeri/Wilayah. BPKK tidak melaksanakan pemantauan fizikal kerana masalah kekurangan kakitangan di mana BPKK hanya mempunyai seramai tujuh orang pegawai. Pegawai ini juga bertanggungjawab untuk menjalankan tugas memproses permohonan, pengesahan pinjaman, lawatan koperasi, pemantauan ke atas setiap koperasi dan mengambil tindakan susulan ke atas pinjaman NPL. SOP SKM juga menetapkan pegawai BPKK melawat projek/aktiviti yang dibiayai berdasarkan kepada keperluan sahaja. Kesannya BPKK tidak mengetahui status sebenar projek yang dibiayai walaupun bayaran balik tidak diterima.

Maklum Balas SKM yang Diterima Pada 19 Jun 2017

Suruhanjaya mengambil maklum atas pandangan Audit. Lawatan pemantauan telah dibuat oleh pegawai mengikut keperluan. Walau bagaimanapun, pemantauan juga dibuat melalui Laporan Penggunaan Wang yang dikemukakan oleh pegawai wilayah. Di samping itu, SOP pemantauan akan diperkemaskan bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti pemantauan.

Unit pemantauan di BPKK diperkemaskan lagi bagi tujuan pengurangan NPL, kemajuan projek, kegunaan wang dan impak atas pembiayaan yang telah dikeluarkan dan tindakan pembetulan akan diambil dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan oleh BPKK tidak memuaskan kerana lawatan fizikal ke atas projek/aktiviti tidak dilaksanakan.

19.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan TMP-JPK telah dirancang, diurus dan dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, wujud kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki oleh pihak SKM terutama dari segi

kutipan bayaran balik pinjaman dan tindakan susulan terhadap peminjam yang gagal menjelaskan ansuran bulanan serta pemantauan. Bagi memperbaiki pengurusan TMP-JPK, SKM disarankan untuk mempertimbangkan syor-syor berikut:

19.6.1. mengkaji semula mekanisme pemantauan dengan melibatkan SKM Negeri/Wilayah dalam membantu pemantauan khususnya bagi mendapatkan semula tunggakan bayaran balik pinjaman;

19.6.2. menetapkan dasar pengenaan cagaran yang bersesuaian terhadap pinjaman yang kurang daripada RM50,000 bagi mengurangkan risiko pinjaman tidak dibayar oleh koperasi;

19.6.3. mengambil tindakan undang-undang seperti mencairkan cagaran pinjaman atau tindakan saman sivil bagi penghutang yang gagal membuat bayaran balik pinjaman; dan

19.6.4. mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam peraturan.

20. LEMBAGA PELABUHAN BINTULU - PENGURUSAN PEROLEHAN DI LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

20.1. LATAR BELAKANG

20.1.1. Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) ditubuhkan pada 15 Ogos 1981 di bawah Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). LPB telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan fungsi kawal selia dalam mengawasi segala aktiviti pelabuhan termasuk penggunaan kemudahan dan operasi pelabuhan oleh pengendali pelabuhan berlesen. LPB juga bertindak sebagai pemilik kepada aset hartanah, fasilitator perdagangan, perancang dan pembangunan pelabuhan. Pada 1 Januari 1993, operasi perkhidmatan Pelabuhan Bintulu telah diswastakan kepada sebuah syarikat operasi pelabuhan iaitu Bintulu Port Sdn. Bhd..

20.1.2. Objektif penubuhan LPB adalah untuk menjalankan aktiviti pengawalseliaan perkhidmatan pelabuhan yang berkualiti dan mampu berdaya saing setanding dengan pelabuhan-pelabuhan utama di rantau ini memastikan sistem penyampaian perkhidmatan pelabuhan menepati kehendak pelanggan dan memastikan pembangunan infrastruktur selari dengan kehendak pengguna dari semasa ke semasa.

20.1.3. LPB menjalankan operasi dan aktiviti perolehannya berdasarkan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 serta peraturan dan *Standard Operation Procedure* (SOP) yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah. Pada 5 September 2014, Lembaga Pengarah telah meluluskan pemakaian 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP), Perolehan Kerajaan (PK) di LPB berkuat kuasa mulai 3 Julai 2014 di mana LPB menerima pakai semua sub topik pekeliling iaitu PK1 hingga PK8. Selain itu, Tatacara Perolehan Menggunakan Dana Dalaman LPB telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 23 Disember 2016 dan berkuat kuasa pada tarikh tersebut.

20.1.4. Sepanjang tahun 2014 hingga Julai 2017, LPB telah menguruskan sebanyak 721 perolehan bernilai RM1.481 bilion. Antara objektif perolehan LPB adalah memastikan semua urusan berkaitan perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan seperti berikut:

- i. akauntabiliti awam - urusan perolehan yang diamanahkan hendaklah dilaksanakan secara bertanggungjawab dengan mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan;

- ii. diuruskan secara telus - semua dasar, peraturan dan proses perolehan yang dilaksanakan hendaklah jelas, diketahui dan difahami umum serta mengikut dasar dan peraturan yang ditetapkan;
- iii. nilai faedah yang terbaik - pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan;
- iv. saingan terbuka - proses perolehan hendaklah memberi peluang terbuka kepada semua pihak yang layak bersaing; dan
- v. adil dan saksama - sesuatu perolehan itu hendaklah dipelawa, diproses dan dipertimbangkan dengan adil dan saksama berasaskan dasar dan peraturan yang ditetapkan.

20.1.5. Sehingga bulan Ogos 2017, LPB diterajui oleh sepuluh orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh En. Hadzari Bin Abang dan sembilan orang ahli lain terdiri daripada Pengurus Besar, tiga orang ahli politik, tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan, seorang wakil Kerajaan Negeri Sarawak dan seorang wakil Lembaga Kemajuan Bintulu. Pengurusan LPB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh dua orang Penolong Pengurus Besar dan lapan orang Pengurus. Pengurusan perolehan LPB adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pentadbiran Kewangan dan Aset.

20.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan perolehan di LPB telah dilaksanakan secara cekap, berhemat dan teratur bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

20.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi lima bidang utama iaitu aspek perancangan perolehan, bajet, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak dan pemantauan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017. Pengauditan dijalankan terhadap lima perolehan (0.7%) dengan nilai RM1.473 bilion (99.5%) dari jumlah perolehan LPB. Pemilihan perolehan yang disemak berdasarkan nilai kontrak yang material. Pengauditan ini telah dijalankan di LPB dan Bahagian Maritim di MOT. Butiran perolehan yang diaudit adalah seperti berikut:

**JADUAL 20.1
PEROLEHAN YANG DIAUDIT**

BIL.	PEROLEHAN	TAHUN	KAEDAH PEROLEHAN	JENIS KONTRAK	KONTRAKTOR/ PERUNDING DILANTIK	TEMPOH KONTRAK	AMAUN (RM Juta)
1.	Pembinaan Dermaga Projek <i>Supply Base</i> dan Kerja-kerja Berkaitan di Basin Kedua Pelabuhan Bintulu	2016	Rundingan Terus	Reka dan Bina	Muhibbah Viccana JV (MVJV)	<u>Fasa 1:</u> 09.01.2017 hingga 31.12.2019 <u>Fasa 2:</u> 24 bulan <u>Fasa 3:</u> 24 bulan	1,247.39
2.	Juruperunding Projek <i>Supply Base</i> di Pelabuhan Bintulu	2016	Rundingan Terus	Perunding (Project Management Consultant – PMC)	EDP Group Consulting Sdn. Bhd. (EDP)	01.11.2016 hingga 31.10.2022 (72 bulan)	175.31
3.	<i>Environmental Monitoring, Compliance Reporting and Coastal Erosion Monitoring</i> di Pelabuhan Bintulu	2015	Rundingan Terus	Perunding (Alam Sekitar)	ESI Konsultant Sdn. Bhd. (ESI)	01.04.2015 hingga 31.03.2020 (60 bulan)	15.42
4.	Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan Komprehensif Bangunan Menara Kidurong	2015	Tender Terbuka	Perkhidmatan	Ambang Wira Sdn. Bhd.	03.01.2016 hingga 02.01.2019 (36 bulan)	5.68
5.	<i>Consultancy, Management and Monitoring Services for Compliance of the Terms and Conditions of the EIA Report Approval for LNG4 Jetty Project dan Supplemental Agreement (SA)</i>	2015	Rundingan Terus	Perunding (Alam Sekitar)	ESI Konsultant Sdn. Bhd. (ESI)	01.07.2015 hingga 30.06.2020 (60 bulan) <u>SA:</u> 5 tahun	29.02*
JUMLAH							1,472.82

Sumber: Daftar Kontrak dan Dokumen Kontrak

Nota: (*) - Jumlah Termasuk *Supplemental Agreement* Bernilai RM4.58 juta

20.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dan menganalisis rekod, dokumen dan kontrak. Temu bual dan perbincangan telah diadakan bersama pegawai yang terlibat di LPB dan Bahagian Maritim di MOT.

20.5. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya pengauditan yang dijalankan dalam bulan September 2017 berdasarkan lima bidang utama yang dinilai, pihak Audit merumuskan pengurusan perolehan LPB adalah tidak memuaskan. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. kelemahan dalam aspek perancangan perolehan antaranya projek bernilai RM1.247 bilion diluluskan tanpa kajian menyeluruh;
- ii. sebanyak tiga perolehan bernilai RM1.452 bilion telah dilaksanakan tanpa kelulusan peruntukan kewangan terlebih dahulu;
- iii. sebanyak empat perolehan bernilai RM1.467 bilion tidak dilaksanakan secara tender terbuka dan rundingan terus tidak mendapat kelulusan dari Kementerian Kewangan;
- iv. kelemahan dalam proses rundingan terus;
- v. kelemahan dalam proses tender;
- vi. kelemahan dalam urusan pelantikan kontraktor dan perunding;
- vii. kelemahan dalam klausa kontrak;
- viii. kos *Supplemental Agreement* berjumlah RM4.58 juta sepatutnya ditanggung oleh pihak lain dan tempoh *Supplemental Agreement* tidak munasabah;
- ix. bayaran yuran perunding tidak disokong dengan dokumen lengkap; dan
- x. Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurus Besar tidak mematuhi arahan Lembaga Pengarah untuk menangguhkan kerja pembangunan projek *supply base*.

Perkara yang ditemui dan maklum balas LPB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 30 September 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

20.5.1. Prestasi Perolehan

20.5.1.1. Semakan terhadap Daftar Perolehan dan Daftar Kontrak sepanjang tahun 2014 hingga 31 Julai 2017 mendapati sebanyak 618 pembelian terus, 80 sebut harga, satu tender dan 22 rundingan terus bagi perolehan kerja, perkhidmatan dan bekalan telah dilaksanakan dengan nilai perolehan berjumlah RM1,480.70 juta. Kedudukan terperinci mengikut kaedah perolehan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.2
MAKLUMAT PEROLEHAN MENGIKUT KAEDAH PEROLEHAN

TAHUN/KAEDAH PEROLEHAN	2014		2015		2016		2017*		JUMLAH	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
Pembelian Terus	163	TM	182	TM	213	0.72	60	0.12	618	0.84
Sebut Harga	15	0.91	29	1.66	20	1.50	16	1.45	80	5.52
Tender	-	-	1	5.68	-	-	-	-	1	5.68
Rundingan Terus	8	4.17	7	41.45	2	0.26	5	1,422.78	22	1,468.66
JUMLAH	186	5.08	219	48.79	235	2.48	81	1,424.35	721	1,480.70

Sumber: Daftar Perolehan dan Daftar Kontrak LPB

Nota: (*) - Maklumat Perolehan Sehingga 31 Julai 2017
TM - Tiada Maklumat

20.5.1.2. Sehingga 31 Ogos 2017, sejumlah RM17.27 juta (1.2%) telah dibelanjakan berbanding kontrak berjumlah RM1.473 bilion bagi lima perolehan yang dipilih. Butiran terperinci prestasi kewangan dan tempoh kontrak adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 20.3
PRESTASI KEWANGAN SETAKAT 31 OGOS 2017 BAGI PEROLEHAN YANG DIAUDIT**

BIL.	PEROLEHAN	TEMPOH KONTRAK	AMAUN KONTRAK (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIBAYAR (RM Juta)	PERATUS BELANJA (%)
1.	Pembinaan Dermaga Projek <i>Supply Base</i> dan Kerja-kerja Berkaitan di Basin Kedua Pelabuhan Bintulu	<u>Fasa 1:</u> 09.01.2017 hingga 31.12.2019 <u>Fasa 2:</u> 24 bulan <u>Fasa 3:</u> 24 bulan	1,247.39	-	-
2.	Juruperunding Projek <i>Supply Base</i> di Pelabuhan Bintulu	01.11.2016 hingga 31.10.2022 (72 bulan)	175.31	-	-
3.	<i>Environmental Monitoring, Compliance Reporting and Coastal Erosion Monitoring</i> di Pelabuhan Bintulu	01.04.2015 hingga 31.03.2020	15.42	6.84	44.4
4.	Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan Komprehensif Bangunan Menara Kidurong	03.01.2016 hingga 02.01.2019	5.68	2.05	36.1
5.	<i>Consultancy, Management and Monitoring Services for Compliance of the Terms and Conditions of the EIA Report Approval for LNG4 Jetty Project dan Supplemental Agreement (SA)</i>	01.07.2015 hingga 30.06.2020 <u>SA:</u> 5 tahun	29.02*	8.38	28.9
JUMLAH			1,472.82	17.27	1.2

Sumber: Dokumen Kontrak dan Daftar Bayaran

Nota: (*) - Jumlah Termasuk *Supplemental Agreement* Bernilai RM4.58 juta

20.5.2. Perancangan Perolehan

PK2, 1PP menetapkan agensi hendaklah membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan. Antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam peringkat perancangan adalah menyediakan jadual pelaksanaan perolehan, menjalankan kajian pasaran dan mengambil kira dasar dan peraturan berkaitan. Semakan Audit berkaitan aspek perancangan terhadap lima perolehan yang dipilih mendapati perkara berikut:

20.5.2.1. Tiada Perancangan Teliti Sebelum Perolehan Dibuat

- a. Semakan terhadap pembinaan dermaga projek *supply base* mendapati tiada perancangan teliti dibuat sebelum kontraktor Muhibbah Viccana JV (MVJV) dilantik pada 16 Disember 2016 dengan kos RM1.247 bilion. MVJV merupakan syarikat usaha sama antara Muhibbah Engineering (M) Bhd. dan Viccana Sdn. Bhd.. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa

Pembangunan dan Pelaburan mendapati pembangunan *Supply Base Terminal* ada dibincangkan dalam mesyuarat Bil. 1/2013 pada 21 Oktober 2013. Mesyuarat bersetuju kajian *Master Plan for Bintulu Port* dilaksanakan. Bagaimanapun, pada 10 Jun 2014, kajian *The Proposed Bintulu Port Masterplan* telah dibatalkan oleh Lembaga Perolehan A LPB. Selepas itu, pihak Audit tidak menjumpai sebarang perbincangan oleh LPB berkaitan hasrat untuk membina dermaga *supply base* menggunakan dananya sendiri.

- b. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Bil. 1/2016 pada 27 Januari 2016 bersetuju LPB akan membina dermaga *supply base* termasuk pengerukan, pembinaan jalan dan utiliti. Mesyuarat juga bersetuju secara prinsip untuk mempertimbangkan cadangan pembinaan dermaga *supply base* oleh syarikat MVJV yang telah mendapat sokongan daripada YB Menteri Pengangkutan pada 18 Januari 2016. Semakan Audit mendapati Kertas Keputusan No. 16/2016 berkaitan pembinaan dermaga projek *supply base* oleh LPB yang diangkat dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Bil. 1/2016 pada 27 Januari 2016 tidak disokong oleh sebarang kajian dan jumlah kos.
- c. Pihak Audit mendapati tiada sebarang perancangan dan kajian dijalankan oleh pengurusan LPB sebelum membuat syor untuk membina dermaga *supply base*.

20.5.2.2. Kajian Kemungkinan

Kajian kemungkinan dijalankan untuk menentukan daya maju projek, mengenal pasti strategi pelaksanaan terbaik yang efektif dan efisien serta memastikan *outcome* projek dapat dicapai. Semakan Audit terhadap pelaksanaan kajian kemungkinan untuk pembinaan dermaga projek *supply base* mendapati kelemahan seperti berikut:

a. Kajian Kemungkinan Disiapkan Selepas Perunding dan Kontraktor Dilantik

Semakan Audit mendapati laporan kajian kemungkinan bagi pembangunan projek *supply base* telah disediakan oleh EDP Consulting Group Sdn. Bhd. (EDP) pada 27 Februari 2017 iaitu dua hingga empat bulan selepas pelantikan kontraktor pada 16 Disember 2016 dan *Project Management Consultant* (PMC) iaitu EDP pada 27 Oktober 2016.

b. Pelantikan *Project Management Consultant* Untuk Menjalankan Kajian Kemungkinan Adalah Tidak Bebas

- i. Semakan Audit terhadap kontrak EDP yang merupakan PMC bagi projek *supply base* mendapati pelaksanaan kajian kemungkinan telah dimasukkan sebagai salah satu skop perkhidmatan PMC sedangkan

EDP sepatutnya bertanggungjawab untuk menguruskan pembinaan projek. Kos pelantikan EDP berjumlah RM175.31 juta adalah termasuk kos kajian kemungkinan berjumlah RM1.11 juta.

- ii. Semakan lanjut Audit terhadap laporan kajian kemungkinan mendapati, EDP menganggarkan pendapatan sewa pajak tanah berjumlah RM16.90 juta setahun mulai tahun 2017 dengan kenaikan 10% pada setiap tiga tahun. Bagaimanapun, berdasarkan Laporan dan Nilai dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bertarikh 12 November 2015, kadar sewa pajak tanah diluluskan adalah RM8.99 juta setahun, yang menunjukkan EDP menggunakan data unjuran 88% lebih tinggi berbanding kadar JPPH. Selain itu, kadar sewa dermaga *supply base* yang diunjurkan oleh EDP ialah RM9.36 juta setahun untuk Fasa 1, RM11.7 juta setahun untuk Fasa 2 dan RM11.7 juta setahun untuk Fasa 3 dengan kenaikan 10% setiap tiga tahun tanpa disertakan sebarang justifikasi terperinci. Laporan kajian kemungkinan tersebut merumuskan bahawa pembangunan projek *supply base* adalah merupakan *a viable development option* bagi LPB dan boleh mendapatkan pulangan optimum. Pihak Audit tidak menjumpai sebarang asas yang jelas berkenaan penetapan unjuran pendapatan sewa dermaga *supply base* yang akhirnya menyebabkan rumusan projek ini memberi pulangan optimum.

Pada pendapat Audit, laporan kajian kemungkinan yang dikeluarkan adalah tidak mencapai objektif sepenuhnya dan boleh dipertikaikan memandangkan ia dilaksanakan oleh PMC iaitu pihak yang berkepentingan (conflict of interest). Selain itu penggunaan data anggaran kadar sewa yang tinggi boleh menyebabkan kekeliruan maklumat unjuran pendapatan dan tidak menggambarkan keadaan sebenar ekonomi masa hadapan.

20.5.2.3. Jawatankuasa Penilaian Perunding Tidak Ditubuhkan

PK3.1 1PP menetapkan, bagi urusan pelantikan perunding, agensi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) dengan ahlinya dilantik secara bertulis. Tanggungjawab JPP antara lain termasuklah mempertimbangkan terma rujukan dan butiran anggaran kos yang telah diperincikan bagi perolehan perkhidmatan perunding yang disediakan oleh agensi. Semakan terhadap tiga perolehan perunding mendapati LPB tidak menubuhkan JPP untuk kesemua perolehan perunding yang disemak. Akibat ketiadaan JPP, beberapa kelemahan berikut telah dikenal pasti:

- a. Semakan terhadap perolehan Juruperunding Projek *Supply Base* mendapati tiada terma rujukan terperinci disediakan oleh LPB sebelum pelantikan EDP

selaras dengan kehendak PK3.1, 1PP. Semakan selanjutnya mendapati hanya ringkasan skop perkhidmatan PMC dinyatakan dalam surat jemputan kepada EDP bertarikh 22 Jun 2016.

- b. Semakan terhadap pelantikan ESI untuk *Environmental Monitoring, Compliance Reporting and Coastal Erosion Monitoring* yang dilaksanakan pada tahun 2015 adalah untuk pembaharuan kontrak ESI sebagai perunding alam sekitar bagi empat projek yang telah siap. Bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati justifikasi oleh LPB untuk pelantikan ESI adalah dengan menggunakan syarat kelulusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) antara tahun 1997 hingga 2001 iaitu antara 14 hingga 18 tahun yang lalu. Pihak Audit tidak menjumpai sebarang semakan dibuat oleh LPB terhadap justifikasi pelantikan ESI berkaitan keperluan pematuhan syarat-syarat alam sekitar. Butiran seperti jadual berikut:

JADUAL 20.4
PELANTIKAN ESI UNTUK ENVIRONMENTAL MONITORING,
COMPLIANCE REPORTING AND COASTAL EROSION MONITORING

BIL.	PROJEK	MULA PERKHIDMATAN ESI	TARIKH SYARAT KELULUSAN OLEH JAS
1.	<i>The Construction 950m Berth Project</i>	September 1998	17.04.1998
2.	<i>The Construction Of LNG-3 Jetty, Second Channel and Associated Dredging Project</i>	Ogos 1999	05.12.1997
3.	<i>Petroleum Jetty Extension Project</i>	November 2004	14.08.2001
4.	<i>The Proposed Dredging for Second Inner Harbour, Reclamation Works and Coastal Protection Works</i>	November 1999	02.09.1999

Sumber: Kertas Keputusan 25/2015(A-D)

- c. Bagi perkhidmatan ESI dalam *Consultancy, Management and Monitoring Services for Compliance of the Terms and Conditions of the EIA Report Approval for LNG4 Jetty Project*, semakan Audit mendapati semasa proses pelantikan ESI untuk kontrak ini, projek LNG4 sedang dilaksanakan oleh Petronas LNG9 Sdn. Bhd. (PL9SB). Seterusnya, PL9SB sebagai *project funder* telah melantik perunding iaitu Konsultant SHC Sdn. Bhd. (SHC) untuk melaksanakan kajian alam sekitar yang mana SHC kemudiannya, telah melantik ESI untuk kerja berkenaan dengan kos RM1.87 juta. Semakan Audit selanjutnya terhadap Kertas Keputusan 38/2015 mendapati LPB mendakwa PL9SB tidak melaksanakan tanggungjawabnya dalam pematuhan syarat-syarat alam sekitar dengan baik. Sehubungan itu, LPB telah melantik ESI bagi membantu LPB memantau perkara ini dengan kos RM24.44 juta (tidak termasuk Supplemental Agreement). Pihak Audit mendapati tiada bukti semakan terhadap terma rujukan ESI dilaksanakan oleh LPB untuk memastikan skop perkhidmatan ini tidak bertindih dengan kontrak sedia ada antara ESI dengan SHC.

Pada pendapat Audit, ketiadaan JPP boleh mengakibatkan skop kerja perunding tidak dapat ditentukan secara tetap dan boleh mengakibatkan risiko penyelewengan.

Maklum Balas LPB yang Diterima Pada 6 Oktober 2017

Sesi taklimat akan diadakan pada bulan Disember 2017 dan Januari 2018 bagi mewujudkan dan meningkatkan kesedaran serta kefahaman mengenai tugas, tanggungjawab, kewajipan, peranan dan fungsi pada semua Ahli Lembaga Pengarah. Kursus berkaitan tadbir urus korporat, keberkesanan pengurusan kontrak, pengurusan risiko rasuah, pendedahan mengenai pekeliling Kerajaan dan kursus berkaitan procurement best practices dijangka diadakan sepanjang tahun 2018. Taklimat berkaitan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) akan dilaksanakan setiap tahun kepada Lembaga Pengarah dan kakitangan LPB (dijangka bermula pada bulan November 2017). Program integriti dan kesedaran integriti berimpak tinggi seperti Hari Integriti LPB akan diperbanyakkan dengan kerjasama SPRM dan Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan penglibatan Ahli Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, perancangan perolehan di LPB adalah tidak memuaskan. Kegagalan LPB merancang projek pembangunan dan perolehan dengan teliti boleh mendedahkan LPB kepada pelbagai risiko seperti komitmen kewangan yang tinggi, projek tidak berdaya maju dan harga yang terlalu tinggi berbanding harga pasaran.

20.5.3. Bajet Perolehan

PK2, 1PP menetapkan agensi hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa anggaran peruntukan (bajet) bagi perolehan yang berkenaan telah diluluskan dan disediakan serta mencukupi. Semakan Audit terhadap bajet LPB tahun 2014 hingga 2017 yang diluluskan mendapati tiga daripada lima perolehan bernilai RM1,451.72 juta telah dilaksanakan tanpa kelulusan peruntukan kewangan terlebih dahulu oleh YB Menteri Pengangkutan. Butiran perolehan yang terlibat adalah seperti berikut:

20.5.3.1. bagi tahun 2017, LPB meluluskan peruntukan sejumlah RM85 juta untuk pembinaan dermaga projek *supply base*. Bagaimanapun, pasukan Audit tidak dapat mengesahkan sebarang peruntukan yang telah diluluskan dalam tahun 2016 walaupun perolehan yang berjumlah RM1,422.70 juta bagi pelantikan kontraktor dan perunding dibuat dalam tahun 2016.

20.5.3.2. peruntukan kewangan untuk kontrak *Consultancy, Management and Monitoring Services for Compliance of the Terms and Conditions of the EIA Report Approval for LNG4 Jetty Project* telah diluluskan dalam bajet tambahan

kedua tahun 2016 berjumlah RM6.67 juta (RM2.44 juta untuk tahun 2015 dan RM4.23 juta untuk tahun 2016). Bagaimanapun, perolehan kontrak ini telah dibuat sebelum peruntukan diluluskan pada tahun 2016 yang mana perolehan dan perkhidmatan telah mula dilaksanakan pada tahun 2015.

Pada pendapat Audit, pengurusan bajet untuk perolehan yang diaudit adalah tidak memuaskan. Amalan LPB melaksanakan perolehan tanpa kelulusan peruntukan kewangan terlebih dahulu boleh mendedahkan LPB kepada risiko pengurusan aliran tunai yang lemah.

20.5.4. Pengurusan Perolehan

20.5.4.1. Perolehan Tidak Dilaksanakan Secara Tender Terbuka

- a. PK2 1PP, menetapkan perolehan kerja bernilai melebihi RM500,000 hendaklah dipelawa secara tender terbuka. PK3.1 1PP, pula menetapkan kaedah perolehan perkhidmatan perunding bergantung kepada nilai kos projek, kos kajian atau kos kerja ukur yang akan dilaksanakan dan kos projek pembangunan fizikal. Bagi kos projek pembangunan fizikal yang melebihi RM100 juta, kaedah perolehan perunding mestilah dibuat secara tender terbuka. Semakan Audit mendapati empat daripada lima perolehan telah tidak dilaksanakan mengikut kaedah perolehan secara tender terbuka. Butiran lengkap adalah seperti berikut:

**JADUAL 20.5
PEROLEHAN TIDAK DILAKSANAKAN SECARA TENDER TERBUKA**

BIL.	PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM Juta)	RUJUKAN 1PP	KAEDAH PEROLEHAN	
				SEPATUTNYA	SEBENAR
1.	Kontraktor -Pembinaan Dermaga Projek <i>Supply Base</i> dan Kerja-kerja Berkaitan di Basin Kedua Pelabuhan Bintulu	1,247.39	PK2 menetapkan projek secara reka dan bina hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka.	Tender Terbuka	Rundingan Terus
2.	Juruperunding Projek <i>Supply Base</i> di Pelabuhan Bintulu	175.31	PK3.1 menetapkan perunding bagi kos projek melebihi RM100 juta, pelantikan perunding mestilah dibuat secara tender terbuka.	Tender Terbuka	Rundingan Terus
3.	<i>Environmental Monitoring, Compliance Reporting and Coastal Erosion Monitoring</i> di Pelabuhan Bintulu	15.42	PK3.1 menetapkan jika kos kajian melebihi RM2 juta, pelantikan perunding hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka.	Tender Terbuka	Rundingan Terus
4.	<i>Consultancy, Management and Monitoring Services for Compliance of the Terms and Conditions of the EIA Report Approval for LNG4 Jetty Project</i>	29.02*		Tender Terbuka	Rundingan Terus
JUMLAH		1,467.14			

Sumber: Bahagian Pentadbiran dan Kewangan LPB

Nota (*): Jumlah Termasuk *Supplemental Agreement* Bernilai RM4.58 juta

- b. Pihak Audit tidak menjumpai sebarang bukti yang menunjukkan LPB telah memohon kebenaran untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus daripada Kementerian Kewangan.

20.5.4.2. Rundingan Terus Tidak Teratur

- a. PK7.14 1PP, telah menggariskan prosedur rundingan harga bagi perolehan secara rundingan terus. Semakan Audit terhadap proses bagi empat rundingan terus berkaitan rundingan harga yang dilaksanakan oleh LPB mendapati kelemahan berikut:

JADUAL 20.6
KELEMAHAN PROSES RUNDINGAN HARGA

BIL.	PEROLEHAN	ELEMEN KETIDAKPATUHAN
1.	Kontraktor -Pembinaan Dermaga Projek <i>Supply Base</i> dan Kerja-kerja Berkaitan di Basin Kedua Pelabuhan Bintulu	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada Surat Niat dikeluarkan. • Surat Tawaran telah dikeluarkan sebelum rundingan harga dan LPB terikat untuk melantik MVJV sebelum LPB menilai keupayaan teknikal dan pengalaman kontraktor dalam pembinaan dermaga projek <i>supply base</i>. • Tiada Jawatankuasa Rundingan Harga dilantik. • LPB tidak menyediakan anggaran harga jabatan. • Semakan terhadap Minit Mesyuarat Cadangan Teknikal dan Harga mendapati butiran setiap kos tidak dibincangkan secara terperinci. Pihak LPB didapati terus meminta diskaun sebanyak 10% daripada cadangan harga dari MVJV. Akhirnya kedua-dua pihak bersetuju dengan pengurangan 7% daripada keseluruhan kos kerja yang dicadangkan oleh MVJV. Selain itu, MVJV juga akan dibayar 5% daripada jumlah kos projek <i>for assuming all design and construction risks, unforeseen ground conditions, quantity variations and price and currency fluctuations</i>. • Mesyuarat Rundingan Harga tidak memuktamadkan harga projek tetapi mengarahkan MVJV untuk mengambil kira beberapa perkara dan menghantar harga berkenaan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan pengiraan semula yang dibuat dan dikemukakan oleh MVJV kerana pihak LPB tidak mempunyai salinan dokumen ini. • Laporan Rundingan Harga telah disediakan oleh EDP tetapi tidak ditandatangani oleh mana-mana pihak. Laporan perbandingan harga jabatan, harga tawaran dan harga dipersetujui juga tidak disediakan.
2.	Juruperundingan Projek <i>Supply Base</i> di Pelabuhan Bintulu	<ul style="list-style-type: none"> • Surat Niat telah dikeluarkan tanpa kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melulus iaitu Kementerian Kewangan. • Cadangan teknikal dan kewangan yang dikemukakan oleh EDP hanya menyatakan profil EDP, senarai kakitangan EDP dan juga pengalaman EDP. Tiada cadangan teknikal atau kewangan dinyatakan di dalam dokumen berkenaan. • Tiada kajian pasaran dilaksanakan dan anggaran harga jabatan tidak disediakan. • Jawatankuasa Rundingan Harga tidak ditubuhkan. • Jawatankuasa Pembangunan telah bermesyuarat untuk membincangkan tawaran harga EDP. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan Jawatankuasa ini diberikan kuasa untuk menilai cadangan teknikal dan harga daripada perunding atau kontraktor. Pihak Audit mendapati Jawatankuasa Pembangunan telah bertindak di luar bidang kuasanya dan keputusannya boleh dipertikaikan kerana tiada bukti pegawai terlibat mempunyai kelayakan, pengalaman dan kemahiran teknikal berkaitan perolehan yang berkenaan. • Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bil. 3/2016 dan Bil. 4/2016 tidak ditandatangani oleh wakil EDP. • Laporan Rundingan Harga tidak disediakan.

BIL.	PEROLEHAN	ELEMEN KETIDAKPATUHAN
3.	<i>Environmental Monitoring, Compliance Reporting and Coastal Erosion Monitoring di Pelabuhan Bintulu</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Surat Niat dikeluarkan tanpa kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melulus iaitu Kementerian Kewangan. • Tiada rundingan harga dibuat. Berdasarkan Kertas Keputusan 25/2015 (A-D) cadangan teknikal dan kewangan yang dikemukakan oleh ESI telah diangkat terus untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah tanpa sebarang rundingan/perbincangan. • Tiada kajian pasaran dilaksanakan dan anggaran harga jabatan tidak disediakan.
4.	<i>Consultancy, Management and Monitoring Services for Compliance of the Terms and Conditions of the EIA Report Approval for LNG4 Jetty Project</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Surat Niat tidak dikemukakan untuk semakan Audit. • Jawatankuasa Rundingan Harga tidak ditubuhkan. Berdasarkan Kertas Keputusan 38/2015, ESI telah membentangkan cadangan kewangan dan teknikal dalam mesyuarat pengurusan pada 10 Jun 2015 tetapi jumlah harga yang dipersetujui tidak dinyatakan. Selain itu, salinan minit mesyuarat ini tidak dikemukakan untuk semakan Audit. • Tiada kajian pasaran dilaksanakan dan anggaran harga jabatan tidak disediakan.

Sumber: Bahagian Pentadbiran dan Kewangan LPB

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan rundingan harga muktamad untuk empat perolehan seperti di **Jadual 20.6** telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan selaras dengan PK7.14, 1PP.

Pada pendapat Audit, proses rundingan harga adalah tidak memuaskan. Kegagalan LPB mematuhi prosedur rundingan harga yang ditetapkan telah mendedahkan LPB kepada risiko salah guna kuasa dan penyelewengan. Tanpa kajian pasaran dan penyediaan anggaran harga jabatan, LPB tidak dapat mengesahkan perolehan ini adalah pada harga yang berpatutan dan munasabah (best value for money).

20.5.4.3. Proses Tender

Semakan terhadap Tender Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan Komprehensif Bangunan Menara Kidurong adalah berkaitan perkhidmatan pengurusan, pembersihan dan penyenggaraan di bangunan pejabat LPB untuk tempoh tiga tahun. Tender ini telah dianugerahkan kepada Ambang Wira Sdn. Bhd. dengan kos kontrak bernilai RM5.68 juta. Semakan Audit terhadap perolehan ini mendapati penilaian tender, penyediaan dan semakan dokumen kontrak dan pengurusan bayaran kemajuan telah dilaksanakan dengan baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan lain dalam proses tender seperti berikut:

a. Tiada Justifikasi Terperinci Bagi Penyediaan Anggaran Harga Jabatan

- i. PK2 1PP, menyatakan agensi hendaklah menyediakan anggaran harga jabatan bagi setiap tender dan memasukkannya ke dalam peti tawaran sebelum tarikh tutup tender. Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang sukar ditentukan anggaran harga jabatan, agensi boleh memasukkan harga pembelian lampau perolehan berkenaan.

- ii. Semakan Audit mendapati LPB telah menyediakan anggaran harga jabatan bagi tender ini. Berdasarkan Laporan Penilaian Tender (Harga), anggaran harga jabatan yang ditetapkan ialah RM6.31 juta (untuk tempoh tiga tahun). Semakan Audit mendapati harga perolehan perkhidmatan ini pada tahun 2015 adalah pada kos RM1.38 juta setahun (RM4.14 juta untuk tempoh tiga tahun). Ini bermakna anggaran harga jabatan yang disediakan adalah 52.4% lebih tinggi berbanding harga pembelian lampau LPB. Pihak Audit tidak menjumpai sebarang asas yang digunakan dalam penyediaan anggaran harga jabatan kerana tiada kertas kerja atau pengiraan dikemukakan.

b. Penjualan Dokumen Tender Tidak Mengikut Peraturan

Iklan tender oleh LPB menyatakan bayaran dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos atau wang kiriman pos berpaling dan dibayar atas nama LPB. Bayaran melalui tunai dan cek tidak dibenarkan. Hasil semakan Audit terhadap Senarai Resit Buku Tunai mendapati syarikat Ambang Wira Sdn. Bhd. telah membeli dokumen tender ini dalam bentuk tunai.

c. Jadual Borang Tender Tidak Lengkap

PK2 1PP, menyatakan nama dan jawatan semua Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah disenaraikan dalam Jadual Borang Tender dan ditandatangani oleh setiap ahli. Semakan Audit mendapati Jadual Tender yang dikemukakan hanya mempunyai tandatangan dan jawatan Ahli Jawatankuasa Pembuka Tender sahaja. Tiada catatan nama pada jadual berkenaan.

d. Tiada Tandatangan dan Tarikh di Senarai Semak Borang Tender

Semakan Audit mendapati pihak LPB ada menyediakan Senarai Semak Borang Tender yang perlu dilengkapi oleh penender. Selepas tender dibuka, senarai semak ini akan diisi oleh LPB untuk mengesahkan senarai dokumen yang telah dihantar oleh penender. Semakan Audit mendapati Senarai Semak Borang Tender ini telah disemak tetapi ia tidak ditandatangani dan tidak dicatatkan tarikh semakan dibuat.

e. Kertas Keputusan Tidak Ditandatangani oleh Semua Ahli Lembaga Perolehan

PK2 1PP, menetapkan keputusan Lembaga Perolehan hendaklah ditandatangani oleh semua Ahli Lembaga Perolehan sebaik sahaja keputusan dibuat semasa mesyuarat bersidang. Semakan Audit mendapati Kertas Keputusan bagi tender ini hanya ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Perolehan "B" sahaja iaitu Pengurus Besar.

f. Pengurusan *Integrity Pact* Tidak Teratur

Pelaksanaan *integrity pact* adalah untuk meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan yang dijangkakan akan mengurangkan dan membasmi gejala rasuah. Semakan Audit terhadap pengurusan *integrity pact* bagi tender ini mendapati kelemahan berikut:

- i. Surat Akuan oleh pegawai yang terlibat dalam perolehan tidak disediakan;
- ii. Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender telah ditandatangani pada 9 Disember 2015 iaitu sebelum pelantikan dibuat pada 10 Disember 2015; dan
- iii. Surat Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Penilaian Tender telah ditandatangani pada 9 Disember 2015 iaitu sebelum tarikh tutup tender pada 10 Disember 2015.

20.5.4.4. Kelulusan Pelantikan Kontraktor dan Perunding

Semakan terhadap urusan pelantikan kontraktor dan perunding bagi lima perolehan yang disemak mendapati perkara berikut:

a. Pelantikan Kontraktor Dibuat Berdasarkan Dokumen yang Tidak Sah

- i. Semakan Audit terhadap perolehan Pembinaan Dermaga Projek *Supply Base* mendapati, pada 26 November 2016 pihak pengurusan LPB telah mengangkat Kertas Keputusan No. 80/2016 Cadangan Menerima Tawaran Syarikat MVJV Untuk Pelaksanaan Pembinaan Dermaga Bintulu *Supply Base* dan Kerja-kerja Berkaitan di Basin Kedua Pelabuhan Bintulu dengan harga RM1,247.39 juta untuk kelulusan Lembaga Pengarah (Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 7/2016). Semakan Audit selanjutnya, terdapat dua set minit mesyuarat yang disediakan oleh Pengurus Besar dan Urus Setia Mesyuarat untuk Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 7/2016. Semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2017 pada 29 Mac 2017, Ahli Lembaga Pengarah telah bersetuju bahawa minit yang disediakan oleh Urus Setia Mesyuarat adalah lebih tepat dan mesyuarat bersetuju untuk meluluskan minit berkenaan.
- ii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat yang disediakan oleh Pengurus Besar mendapati semua keputusan mesyuarat berhubung pelantikan MVJV adalah bertentangan dengan keputusan yang dicatatkan oleh Urus Setia Mesyuarat iaitu Pengurus Komersial dan Perancangan. Perbandingannya adalah seperti berikut:

JADUAL 20.7
PERBANDINGAN MINIT MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH BIL. 7/2016 YANG
DISEDIAKAN OLEH URUS SETIA MESYUARAT DAN PENGURUS BESAR

PERKARA	MINIT YANG DISEDIAKAN OLEH URUS SETIA MESYUARAT	MINIT YANG DISEDIAKAN OLEH PENGURUS BESAR
Disediakan oleh	Urus Setia Mesyuarat: Pengurus Komersial dan Perancangan	Pengurus Besar
Disahkan oleh	Pengerusi Lembaga Pengarah pada 29 Mac 2017 semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2017.	Pengerusi Lembaga Pengarah (tiada tarikh pengesahan).
Keputusan Mesyuarat terhadap Kertas Keputusan No. 80/2016	4.11.24. Selepas berbincang panjang lebar, mesyuarat bersetuju agar perkara ini diangkat kepada YB Menteri Pengangkutan untuk mendapatkan keputusan mengenai pelantikan kontraktor yang akan melaksanakan Pembinaan Dermaga <i>Supply Base</i> di basin kedua Pelabuhan Bintulu. YB Menteri Pengangkutan akan meluluskan kaedah pelantikan secara rundingan terus atau melalui tender terbuka.	4.11.17. Mesyuarat Lembaga Pengarah LPB secara majoriti menerima dan bersetuju dengan pelantikan Muhibbah Viccana JV dengan harga tawaran yang dirundingkan bernilai RM1,247,388,652.92 dengan syarat berikut: i. Tiada <i>Variation Order</i> dibenarkan melainkan ada perubahan skop yang diarah oleh LPB; ii. Pihak Syarikat Muhibbah Viccana JV perlu menanggung sebarang kos yang tidak dinyatakan dalam tawaran yang dianggarkan dalam lingkungan RM40 hingga RM50 juta; iii. Tuntutan Risiko Reka Bentuk dan Binaan dihadkan kepada 5% sahaja daripada nilai kos; dan iv. kos pembinaan sistem perparitan yang tidak dinyatakan dalam skop tawaran Syarikat Muhibbah Viccana JV perlu ditanggung oleh Syarikat Muhibbah Viccana JV. 4.11.18. Mesyuarat Lembaga Pengarah LPB pada 26 November 2016 juga secara sebulat suara bersetuju agar keputusan ini diangkat untuk kelulusan YB Menteri Pengangkutan selaras dengan kuasa yang diperuntukkan dalam Tatacara Perolehan (Sumber Dana Dalam) LPB dan Akta LPB 1981.

Sumber: Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah

- iii. Semakan Audit juga mendapati satu Resolusi Lembaga Pengarah bagi Pelaksanaan Projek Dermaga *Supply Base* dan Kemudahan Asas Projek Pembangunan Bintulu *Supply Base* di Pelabuhan Bintulu bertarikh 8 Disember 2016 telah disediakan. Resolusi ini didapati merumuskan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 7/2016 pada 26 November 2016 berdasarkan minit mesyuarat yang disediakan oleh Pengurus Besar. Resolusi ini juga didapati hanya ditandatangani oleh tiga orang Ahli Lembaga Pengarah iaitu Pengerusi Lembaga Pengarah, Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengurus Besar sedangkan lapan Ahli Lembaga Pengarah telah hadir pada mesyuarat berkenaan (Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 7/2016). Pihak Audit tidak menjumpai sebarang justifikasi resolusi tersebut hanya ditandatangani oleh tiga Ahli Lembaga Pengarah sahaja.
- iv. Kemudian, pada 15 Disember 2016 Pengurus Besar telah menghantar surat kepada YB Menteri Pengangkutan mengenai pelantikan MVJV. Antara isi kandungan surat berkenaan ialah Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 26 November 2016 telah secara majoriti bersetuju dengan lantikan MVJV yang telah dibuat pada 27 Januari 2016 dan menerima harga yang dirundingkan oleh Jawatankuasa Khas Rundingan Harga LPB dengan nilai kontrak secara *lump sum* berjumlah RM1,247.39 juta dan selaras dengan Tatacara Perolehan Lembaga Perolehan LPB Dengan Menggunakan Dana Dalam, perakuan ke atas

perkara ini daripada YB Menteri Pengangkutan adalah diperlukan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak menjumpai sebarang bukti menunjukkan Jawatankuasa Khas Rundingan Harga telah ditubuhkan dan membincangkan harga berkenaan.

- v. Surat berkenaan juga dilampirkan dengan beberapa dokumen lain antaranya ialah Resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 8 Disember 2016 dan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah yang disediakan oleh Pengurus Besar. Seterusnya pada 15 Disember 2016, YB Menteri Pengangkutan telah mencatatkan “Sokong Keputusan Lembaga” di atas surat yang dikemukakan oleh Pengurus Besar. Pada 16 Disember 2016, Pengurus Besar telah menghantar Surat Tawaran sekali lagi kepada MVJV dengan kos projek secara *lump sum* untuk Fasa 1 berjumlah RM584.84 juta yang kemudiannya telah disetujui terima oleh MVJV pada 16 Disember 2016.

Pada pendapat Audit, sokongan YB Menteri Pengangkutan terhadap keputusan pelantikan MVJV sebagai kontraktor pembinaan dermaga projek *supply base* telah dibuat berdasarkan minit mesyuarat dan resolusi yang dihantar oleh Pengurus Besar. Terdapat unsur penipuan dalam penyediaan minit mesyuarat dan resolusi berkenaan yang mana telah mempengaruhi YB Menteri Pengangkutan untuk meluluskan pelantikan MVJV.

b. Kos Pelantikan PMC Tidak Selaras Dengan Keputusan Lembaga Pengarah

Semakan terhadap pelantikan EDP sebagai PMC projek *supply base* mendapati pengurusan LPB telah mengangkat Kertas Keputusan No. 66/2016, Cadangan Pelantikan EDP Sebagai Juruperunding Pembangunan *Supply Base* dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 6/2016 pada 19 Oktober 2016. Mesyuarat bersetuju untuk mempertimbangkan pelantikan EDP sebagai perunding bagi pembinaan dermaga sahaja. Mesyuarat juga bersetuju bahawa LPB akan membayar kos perunding berjumlah RM60 juta iaitu 5.99% daripada jumlah kos projek pembinaan dermaga sahaja yang dianggarkan berjumlah RM1 bilion. Bagaimanapun semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat surat Pengurus Besar kepada YB Menteri Pengangkutan bertarikh 20 Oktober 2016 bagi mendapatkan kelulusan pelantikan EDP tetapi dengan menyatakan kos pelantikan EDP adalah dalam lingkungan 5.99% daripada jumlah kos keseluruhan projek yang mana berbeza dengan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 6/2016. Kemudian, YB Menteri Pengangkutan telah meminitkan lulus di atas surat Pengurus Besar tersebut. Pada 27 Oktober 2016, Pengurus Besar telah mengeluarkan surat pelantikan kepada EDP sebagai *Project Management Consultant/Juruperunding Projek Supply Base* di Pelabuhan Bintulu dengan kos berjumlah RM159.38 juta iaitu 165.6%

lebih tinggi dari harga asal yang bertentangan dengan kelulusan oleh Lembaga Pengarah. EDP kemudiannya menerima tawaran pelantikan ini pada 3 November 2016.

c. Surat Setuju Terima Ditandatangani oleh Pegawai yang Tidak Diberi Kuasa

PK4 1PP, menetapkan Surat Setuju Terima (SST) hendaklah ditandatangani oleh pegawai awam yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Semakan 1973). Berdasarkan Jadual Penurunan Kuasa Menandatangani Dokumen Kontrak dan Perjanjian yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 5/2012 pada 10 Ogos 2012, kontrak bernilai RM5 juta ke atas hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Pengarah. Semakan Audit terhadap lima perolehan mendapati kesemua SST/Surat Tawaran telah ditandatangani oleh Pengurus Besar. Perkara ini adalah bertentangan dengan peraturan yang berkuat kuasa yang mana SST sepatutnya ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Pengarah disebabkan nilai perolehan melebihi RM5 juta. Butiran seperti jadual berikut:

**JADUAL 20.8
SST DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI YANG TIDAK DIBERI KUASA**

BIL.	KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TARIKH SST
1.	Kontraktor -Pembinaan Dermaga Projek <i>Supply Base</i> dan Kerja-kerja Berkaitan di Basin Kedua Pelabuhan Bintulu	1,247.39	16.12.2016
2.	Juruperunding Projek <i>Supply Base</i> di Pelabuhan Bintulu	175.31	27.10.2016
3.	<i>Environmental Monitoring, Compliance Reporting and Coastal Erosion Monitoring</i> di Pelabuhan Bintulu	15.42	09.07.2015
4.	<i>Consultancy, Management and Monitoring Services for Compliance of the Terms and Conditions of the EIA Report Approval for LNG4 Jetty Project</i>	29.02*	09.07.2015
5.	Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan Komprehensif Bangunan Menara Kidurong	5.68	28.12.2015

Sumber: SST

Nota (*) - Jumlah Termasuk *Supplemental Agreement* Bernilai RM4.58 juta

d. Surat Setuju Terima Lewat Dikeluarkan

PK4 1PP, menetapkan SST hendaklah dikeluarkan secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Lembaga Perolehan diperoleh. Semakan Audit mendapati SST untuk pelantikan ESI sebagai perunding untuk perkhidmatan *Environmental Monitoring, Compliance Reporting and Coastal Erosion Monitoring* telah lewat dikeluarkan. Perolehan ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2015 pada 19 Jun 2015 untuk tempoh selama lima tahun mulai 1 April 2015 sehingga 31 Mac 2020 dengan harga kontrak RM15.42 juta. Bagaimanapun SST hanya dikeluarkan pada 9 Julai 2015 iaitu 20 hari selepas keputusan Lembaga Pengarah. Pengeluaran SST ini juga didapati telah melewati tarikh mula

perkhidmatan iaitu pada 1 April 2015. ESI telah memperakui terima SST pada 16 Julai 2015. Kelewatan pengeluaran SST menyebabkan perkhidmatan telah dimulakan sebelum pengesahan penerimaan sesuatu tawaran dibuat.

e. Kertas Keputusan 38/2015 Berkaitan Kos Pelantikan Perunding Mengelirukan (Misleading)

Semakan Audit terhadap perolehan *Consultancy, Management and Monitoring Services for Compliance of the Terms and Conditions of the EIA Report Approval for LNG4 Jetty Project* mendapati wujud percanggahan kos pelantikan perunding dalam Kertas Keputusan 38/2015 berkaitan Cadangan Pelantikan ESI. Perenggan 3.1 dan 3.2 kertas berkenaan menyatakan bahawa pelantikan ESI sebagai perunding alam sekitar untuk projek LNG4 tidak mempunyai implikasi kewangan kepada LPB. Namun, perenggan 3.3 pula menyatakan terdapat cadangan kewangan dan rundingan harga melibatkan LPB dan ESI. Seterusnya, berdasarkan pengiraan Audit mengikut jumlah harga kontrak yang dinyatakan di perenggan 3.4, harga kontrak yang dipersetujui dan disyorkan kepada Lembaga Pengarah ialah RM25.90 juta tidak termasuk bayaran imbuhan balik. Semakan lanjut terhadap SST bertarikh 9 Julai 2015 yang dikeluarkan oleh LPB kepada ESI terdapat perbezaan fakta seperti perenggan 3.4 iaitu menyatakan jumlah kos perkhidmatan perunding ialah RM22.33 juta dan kos siling imbuhan balik ialah RM2.11 juta.

Pada pendapat Audit, prosedur kelulusan pelantikan kontraktor dan perunding adalah tidak memuaskan. Perolehan yang dibuat tanpa kuasa yang ditetapkan, dokumen yang tidak sah serta pelanggaran keputusan Lembaga Pengarah mendedahkan LPB kepada risiko penyalahgunaan kuasa yang ketara. Selain itu, penyediaan Kertas Keputusan berkaitan perolehan yang tidak lengkap dan mengelirukan menyebabkan keputusan dibuat tanpa maklumat yang tepat.

20.5.5. Pentadbiran Kontrak

20.5.5.1. Kontrak Ditandatangani oleh Pegawai yang Tidak Diberi Kuasa

Berdasarkan Jadual Penurunan Kuasa Menandatangani Dokumen Kontrak dan Perjanjian yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 5/2012 pada 10 Ogos 2012, kontrak bernilai RM5 juta ke atas hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati kesemua lima kontrak yang disemak bernilai melebihi RM5 juta telah ditandatangani oleh Pengurus Besar. Perkara ini jelas bertentangan dengan Jadual Penurunan Kuasa yang berkuat kuasa. Butiran lengkap adalah seperti berikut:

JADUAL 20.9
KONTRAK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI YANG TIDAK DIBERI KUASA

BIL.	KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TARIKH KONTRAK	DITANDATANGANI OLEH	DISAKSIKAN OLEH
1.	Kontraktor - Pembinaan Dermaga Projek <i>Supply Base</i> dan Kerja-Kerja Berkaitan di Basin Kedua Pelabuhan Bintulu	1,247.39	28.02.2017	Pengurus Besar	Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah
2.	Juruperunding Projek <i>Supply Base</i> di Pelabuhan Bintulu	175.31	27.02.2017	Pengurus Besar	Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah
3.	<i>Environmental Monitoring, Compliance Reporting and Coastal Erosion Monitoring</i> di Pelabuhan Bintulu	15.42	07.10.2015	Pengurus Besar	Pengerusi Lembaga Pengarah
4.	<i>Consultancy, Management and Monitoring Services for Compliance of the Terms and Conditions of the EIA Report Approval for LNG4 Jetty Project</i>	29.02*	07.10.2015	Pengurus Besar	Pengerusi Lembaga Pengarah
5.	Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan Komprehensif Bangunan Menara Kidurong	5.68	14.03.2016	Pengurus Besar	Pengurus Undang-Undang

Sumber: Dokumen Kontrak

Nota (*) - Jumlah Termasuk *Supplemental Agreement* Bernilai RM4.58 juta

20.5.5.2. Penyediaan dan Semakan Dokumen Kontrak

- a. LPB mempunyai Unit Undang-Undang yang diketuai oleh Pengurus Undang-Undang (Gred L48). Antara fungsi unit ini ialah untuk menyediakan dokumen perjanjian, menyemak draf perjanjian atau memorandum persefahaman dan memastikan kepentingan LPB dilindungi melalui perjanjian dengan pihak ketiga. Semakan Audit terhadap Senarai Semak Deraf Dokumen Perjanjian mendapati hanya dokumen kontrak Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan Komprehensif Bangunan Menara Kidurong telah dikemukakan kepada Unit Undang-Undang untuk semakan sebelum ia ditandatangani.
- b. Semakan Audit terhadap dua perolehan berikut mendapati dokumen kontrak tersebut telah disemak oleh firma guaman swasta yang dilantik. Bagaimanapun semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati masih terdapat kelemahan klausa kontrak yang boleh merugikan LPB. Seterusnya semakan Audit mendapati kelemahan Klausa 60 dan nilai kontrak bagi kontrak Pembinaan Dermaga Projek *Supply Base* turut dinyatakan dalam memo Pengurus Undang-Undang kepada Pengurus Besar bertarikh 3 April 2017. Butiran kelemahan yang dikesan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.10
KELEMAHAN KLAUSA KONTRAK YANG DIJUMPAI OLEH AUDIT

BIL.	KONTRAK	SEMAKAN DRAF KONTRAK	KLAUSA	KELEMAHAN
1.	Kontraktor - Pembinaan Dermaga Projek <i>Supply Base</i> dan Kerja-kerja Berkaitan di Basin Kedua Pelabuhan Bintulu	Tetuan Nik Saghir & Ismail (kos lantikan firma RM13,220)	Klausa 60	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada had maksimum RM10 juta untuk bayaran wang pendahuluan. • Tiada keperluan untuk menyediakan jaminan bagi bayaran wang pendahuluan. • Tidak selaras dengan Perenggan 1(g), PK4 1PP.
			Nilai Kontrak	SST hanya menyatakan kos <i>lump sum</i> untuk Fasa 1 berjumlah RM584.84 juta tetapi kontrak menyatakan nilai kontrak RM1.247 bilion.
			Klausa 1	<i>Project Director</i> (PD) ialah <i>Project Director acting for EDP Consulting Group Sdn. Bhd. and his successors in office</i> . Dengan menamakan EDP sebagai PD, perunding mempunyai kuasa untuk meluluskan variation order, EOT, CPC dan lain-lain . Pihak Audit tidak menjumpai apa-apa klausa yang menyatakan keperluan PD untuk merujuk kepada <i>Employer</i> (LPB) sebelum membuat keputusan.
			FA2, <i>Contract Works</i> dan <i>Contract Sum Analysis</i>	Percanggahan klausa berkenaan bayaran sebarang turun naik harga berkenaan dengan apa-apa bahan, buruh, cukai, duti, pertukaran mata wang dan apa jua pun.
2.	Juruperunding Projek <i>Supply Base</i> di Pelabuhan Bintulu	Tetuan Nik Saghir & Ismail (kos lantikan firma RM13,220)	Skop Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • SST nyatakan skop perkhidmatan ialah perunding bagi pembinaan dermaga sahaja. • Kontrak nyatakan skop perkhidmatan ialah perunding bagi pembinaan dermaga dan kemudahan darat yang akan dibangunkan oleh Bintulu Supply Base Sdn. Bhd.. • Perubahan skop ini menyebabkan LPB akan menanggung kos berjumlah RM85.85 juta yang sepatutnya ditanggung oleh Bintulu Supply Base Sdn. Bhd.
			Kos Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat Pembangunan Bil. 4/2016 memperakukan harga kontrak PMC berjumlah RM149.88 juta. • Surat pelantikan yang dikeluarkan kepada EDP pada 27 Oktober 2016 menyatakan jumlah kos ialah RM159.38 juta. • Appendix 6A <i>Summary of Total Consulting Cost</i>, Kontrak PMC menyatakan jumlah kos PMC ialah RM175.31 juta.

Sumber: Dokumen Kontrak dan Memo Pengurus Undang-undang Kepada Pengurus Besar

- c. Semakan Audit terhadap dua kontrak berikutnya seperti di **Jadual 20.11** mendapati terdapat semakan oleh Tetuan Lucas & Crocker Advocates pada 7 Mac 2016 iaitu setelah lima bulan kontrak ditandatangani. Firma guaman ini yang dilantik oleh LPB telah mengemukakan ulasan secara bertulis pada 31 Mac 2016 dan LPB telah menandatangani dua *Addendum* Perjanjian pada 29 Ogos 2016 sebagai penambahbaikan klausa kontrak. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati, *Addendum* Perjanjian ini tidak mengambil kira semua ulasan yang diberikan oleh Tetuan Lucas & Crocker Advocates yang boleh merugikan LPB. Butiran kelemahan yang tidak diambil kira dalam *Addendum* Perjanjian adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.11
KELEMAHAN KLAUSA KONTRAK YANG TIDAK DIAMBIL TINDAKAN

BIL.	KONTRAK	SEMAKAN DRAF KONTRAK	KLAUSA	KELEMAHAN
1.	<i>Environmental Monitoring, Compliance Reporting and Coastal Erosion Monitoring</i> di Pelabuhan Bintulu	Tetuan Lucas & Crocker Advocates	1.02(c)	Bertentangan dengan Klausula 6.02 <i>Termination of the Agreement by the Authority</i> . Walaupun Klausula 6.02 memberi hak kepada LPB untuk menamatkan kontrak apabila ESI melanggar syarat kontrak atau <i>force majeure</i> , Klausula 1.02(c) menyatakan jika mana-mana pihak menamatkan kontrak sebelum tarikh akhir perkhidmatan, pihak berkenaan perlu membayar keseluruhan harga kontrak untuk perkhidmatan yang telah dan belum dilaksanakan.
			3.01(g)	Bertentangan dengan Klausula 4.02 dan 5.13
2.	<i>Consultancy, Management and Monitoring Services for Compliance of the Terms and Conditions of the EIA Report Approval for LNG4 Jetty Project</i>	(kos lantikan RM1,600)	Klausula 1.02(A)(c), B(c) dan C(c)	Bertentangan dengan Klausula 6.02 <i>Termination of the Agreement by the Authority</i> . Walaupun Klausula 6.02 memberi hak kepada LPB untuk menamatkan kontrak apabila ESI melanggar syarat kontrak atau <i>force majeure</i> , Klausula 1.02(A)(c), B(c) dan C(c) menyatakan jika mana-mana pihak menamatkan kontrak sebelum tarikh akhir perkhidmatan, pihak berkenaan perlu membayar keseluruhan harga kontrak untuk perkhidmatan yang telah dan belum dilaksanakan.
			Klausula 3.01(d)	Bertentangan dengan Klausula 1.02A
			Klausula 3.01(f)	Bertentangan dengan Klausula 4.02 dan 5.13.

Sumber: Dokumen Kontrak dan Ulasan oleh Tetuan Lucas & Crocker Advocates

20.5.5.3. Supplemental Agreement Bagi Kontrak Consultancy, Management and Monitoring Services for Compliance of The Terms and Conditions of the EIA Report Approval For LNG4 Jetty Project

Semakan Audit selanjutnya mendapati LPB telah menyediakan Kertas Keputusan 48/2016 mengenai cadangan mengambil alih kerja *environmental management plan* dan lain-lain kerja berkaitan bagi projek naik taraf jeti LNG4. Kertas keputusan ini telah diangkat dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Bil. 4/2016 yang diadakan pada 24 Mei 2016 yang akhirnya satu *Supplemental Agreement* (SA) telah ditandatangani antara LPB dan ESI pada 29 Ogos 2016 dengan kos kontrak berjumlah RM4.58 juta. Pihak Audit mendapati beberapa kelemahan berikut:

a. Justifikasi Supplemental Agreement Tidak Jelas

Berdasarkan semakan di Perenggan 3.5 dan 3.6, Kertas Keputusan 48/2016 menyatakan disebabkan ESI telah dilantik sebagai panel pakar runding alam sekitar kepada LPB, pada 9 Julai 2015, Pengurus Besar telah mengeluarkan surat kepada ESI supaya menamatkan perkhidmatan mereka dengan pihak SHC bagi mengelakkan percanggahan kepentingan peranan. Sehubungan itu, LPB perlu mengambil alih perkhidmatan ini agar ia tidak menjejaskan kerja yang perlu dijalankan oleh ESI dan membolehkan bayaran dibuat. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan justifikasi LPB perlu

mengambil alih perkhidmatan ini dari PL9SB atau SHC kerana tiada dokumen berkaitan dikemukakan sedangkan kos pembangunan jeti LNG4 adalah ditanggung sepenuhnya oleh PL9SB yang merupakan *project funder*.

b. Tempoh Perkhidmatan Perunding dan Bayaran Tidak Munasabah

Berdasarkan Klausula I(f) SA, LPB menyatakan bahawa perkhidmatan kerja perunding ESI adalah bermula mulai 2 Februari 2015 seperti dinyatakan dalam surat lantikan oleh SHC. Manakala Klausula I(i) menyatakan LPB bersetuju untuk membuat bayaran bagi semua perkhidmatan yang dilaksanakan oleh ESI. Semakan Audit mendapati tarikh permulaan kontrak tidak dinyatakan secara khusus dalam SA namun tempoh kontrak dinyatakan selama lima tahun empat bulan. Semakan Audit selanjutnya mendapati ESI hanya menamatkan perkhidmatan dengan SHC secara rasmi pada 20 Julai 2015. Ini menyebabkan wujud tempoh bertindih (2 Februari hingga 20 Julai 2015). Sehingga bulan Ogos 2017, LPB telah membayar sejumlah RM1.25 juta kepada ESI di bawah SA.

Pada pendapat Audit, pengurusan pentadbiran kontrak adalah tidak memuaskan. Wujud klausa kontrak yang tidak menjaga kepentingan LPB, justifikasi *Supplemental Agreement* tidak jelas dan tempoh skop kerja yang bertindih mendedahkan LPB kepada pelbagai risiko perundangan dan kewangan.

20.5.5.4. Pengurusan Bayaran

a. Tuntutan Bayaran Kemajuan Belum Dijelaskan

Semakan Audit terhadap tuntutan kemajuan pembinaan dermaga projek *supply base* oleh kontraktor dan PMC mendapati sehingga tarikh pengauditan dijalankan, pihak MVJV telah mengemukakan dua tuntutan pada 8 Mei 2017 dan 26 Mei 2017 bagi bayaran kemajuan yang berjumlah RM85.79 juta. Manakala pihak EDP telah mengemukakan satu tuntutan pada 21 Jun 2017 untuk bayaran kemajuan berjumlah RM1.17 juta. Pihak LPB mengesahkan bahawa sehingga 8 September 2017, tiada apa-apa bayaran dibuat kepada MVJV dan EDP. Tuntutan ini telah diangkat untuk keputusan Lembaga Pengarah pada 8 Ogos 2017 melalui Kertas Keputusan No. 26/2017 dan pihak pengurusan masih menunggu keputusan Lembaga Pengarah mengenai perkara ini.

Maklum Balas LPB yang Diterima Pada 6 Oktober 2017

Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 8 Ogos 2017 telah bersetuju untuk mematuhi keputusan Kabinet seperti surat daripada MOT rujukan MOT.BM(S)600-2/10/7() bertarikh 19 September 2016, mewujudkan

jawatankuasa seperti arahan daripada YB Menteri Pengangkutan melalui surat daripada MOT rujukan MOT.BM(S)600-2/10/7 bertarikh 25 Oktober 2016 mengemukakan mekanisme penyelesaian untuk perakuan dan kelulusan Lembaga Pengarah dalam tempoh dua minggu sebelum dikemukakan kepada MOT mengemukakan surat kepada MVJV dan EDP supaya apa-apa kerja berkaitan dengan pembangunan supply base ditangguh sehingga mendapat hala tuju daripada pihak MOT dan mengemukakan surat tawaran pajakan tanah dan surat tawaran pembangunan supply base di Pelabuhan Bintulu kepada BSBSB berserta dengan perincian syarat-syarat perjanjian. Keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah LPB di atas masih dalam tindakan dan dijangka selesai pada atau sebelum bulan Mac 2018.

b. Bayaran Tuntutan ESI Tidak Teratur

PK 3.1 1PP, penetapan yuran perkhidmatan perunding bagi semua jenis kajian adalah berdasarkan kaedah bayaran Input Masa (Man-Month). Semakan Audit terhadap sembilan baucar bayaran berjumlah RM15.21 juta bagi kontrak *Environmental Monitoring, Compliance Reporting and Coastal Erosion Monitoring* di Pelabuhan Bintulu dan *Consultancy, Management and Monitoring Services for Compliance of the Terms and Conditions of the EIA Report Approval for LNG4 Jetty Project* mendapati perkara berikut:

- i. semua sembilan baucar bayaran yang disemak mendapati *Professional Fee, Study Cost*, dan *Sampling and Laboratory Analysis Cost* tidak disokong dengan dokumen sokongan seperti *punch card*, slip gaji atau apa-apa dokumen untuk membuktikan berapakah bilangan kakitangan profesional yang dituntut; dan
- ii. sebanyak enam baucar bayaran mengandungi sepuluh tuntutan oleh ESI berjumlah RM28,210 tidak disokong dengan resit/bil, sebanyak 18 tuntutan imbuhan balik sewa kereta dan bot berjumlah RM94,500 menggunakan *Proforma Invoice* dan semua tuntutan imbuhan balik yang dikemukakan oleh ESI telah ditambah dengan caj 6% GST. Bayaran imbuhan balik adalah merupakan bayaran untuk perbelanjaan yang telah dibayar terlebih dahulu oleh ESI dan tidak sepatutnya dikenakan caj 6% GST. Semakan Audit mendapati LPB telah membayar semua tuntutan ESI.

Maklum Balas LPB yang Diterima Pada 6 Oktober 2017

Sebagai langkah penambahbaikan, pengurusan LPB akan menyemak semula semua dokumen perjanjian di antara LPB dan ESI dengan memastikan perjanjian menjaga kepentingan LPB. Selain itu, semua perjanjian akan disemak oleh Pegawai Undang-undang LPB sebelum ianya ditandatangani dan menyemak semula had nilai kontrak selaras pegawai yang diberi kuasa

untuk menandatangani dokumen perjanjian dengan mendapat persetujuan Lembaga Pengarah terlebih dahulu. Tindakan ini dijangka selesai dilaksanakan pada atau sebelum bulan April 2018.

20.5.6. Pemantauan

PK1 1PP, telah menggariskan tanggungjawab agensi Kerajaan mengenai data perolehan bagi membolehkan pemantauan pelaksanaan perolehan agensi Kerajaan. Semakan Audit mendapati LPB ada menyediakan Daftar Perolehan bagi mengurus dan memantau maklumat perolehan. Prestasi perolehan juga telah dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) LPB. Semakan selanjutnya terhadap pemantauan perolehan di LPB mendapati perkara berikut:

20.5.6.1. Penilaian Prestasi Tidak Dilaksanakan

PK3.2 1PP, menetapkan agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan Penilaian Prestasi Perunding dibuat pada setiap peringkat perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh perunding. Semakan Audit terhadap kontrak *Environmental Monitoring, Compliance Reporting and Coastal Erosion Monitoring* mendapati tiada bukti menunjukkan LPB pernah membuat Penilaian Prestasi Perunding terhadap setiap peringkat perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh ESI. Tanpa Laporan Penilaian Prestasi berkenaan, prestasi ESI tidak dapat dinilai untuk menentukan sama ada ESI layak untuk dianugerahkan kontrak yang baharu.

Maklum Balas LPB yang Diterima Pada 6 Oktober 2017

Sebagai langkah penambahbaikan, pengurusan LPB akan melaksanakan tindakan berikut:

- (i) penilaian prestasi perunding terhadap ESI untuk semua perkhidmatan yang dilaksanakan oleh ESI;***
- (ii) menyemak semula dan mendapatkan pengesahan secara bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar berkenaan kekerapan dan keperluan melaksanakan perkhidmatan *Environmental Monitoring* dan *Internal Environmental Auditing (IEA)/Compliance Reporting* untuk projek yang telah siap dan sedang beroperasi (*operational phase*); dan***
- (iii) membentangkan kronologi perolehan projek di perenggan (ii) di atas bagi mendapat nasihat dan panduan Lembaga Pengarah LPB.***

Tindakan ini dijangka selesai dilaksanakan pada atau sebelum bulan April 2018.

20.5.6.2. Hala Tuju Pembinaan Dermaga Projek *Supply Base*

Semakan terhadap kedudukan terkini pembinaan dermaga projek *supply base* mendapati perkara berikut:

a. Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurus Besar Tidak Mematuhi Keputusan Lembaga Pengarah

- i. Pada 17 Ogos 2016 Jemaah Menteri telah meluluskan pajakan terus tiga lot tanah kepada Bintulu Supply Base Sdn. Bhd. (BSBSB) dan segala kos pembangunan *supply base* yang dianggarkan sebanyak RM2.6 bilion ditanggung sepenuhnya oleh BSBSB. Sehubungan itu, keputusan LPB untuk melaksanakan pembinaan dermaga projek *supply base* dengan menggunakan dananya sendiri telah bertentangan dengan keputusan Jemaah Menteri. Akibat pelbagai perkara yang berbangkit, Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2017 pada 29 Mac 2017 telah membuat beberapa keputusan antaranya:
 - LPB perlu mengeluarkan notis kepada EDP dan MVJV mengenai keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah supaya kerja berkaitan dengan pembangunan *supply base* ditangguhkan sehingga diberitahu kelak; dan
 - Pengurus Besar akan mengambil tindakan selanjutnya untuk mengkaji dokumen perjanjian yang telah ditandatangani bagi mendapatkan klausa yang bersesuaian yang membolehkan LPB untuk mengambil tindakan seperti arahan daripada mesyuarat Lembaga Pengarah.
- ii. Pada 12 Januari 2016, Pengerusi Lembaga Pengarah telah melantik Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan. Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan pada 28 April 2017 yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah meluluskan dan mengarahkan supaya Surat Serah Tapak dikeluarkan kepada MVJV disamping meluluskan permohonan MVJV untuk melaksanakan *Public Announcement* mengenai kontrak ini memandangkan syarikat Muhibbah Engineering (M) Berhad merupakan syarikat tersenarai awam. Sehubungan itu, pada 28 April 2017, Pengurus Besar telah menandatangani Surat Serahan Tapak kepada MVJV bermula 28 April 2017 dan juga mengarahkan *Permit to Work* dikeluarkan kepada MVJV yang bertarikh 18 Mei 2017.

Maklum Balas LPB yang Diterima Pada 6 Oktober 2017

Sebagai langkah penambahbaikan, pengurusan LPB akan menyemak semula terma rujukan jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik oleh LPB selaras dengan Akta LPB (1981) dan meminda keahlian jawatankuasa supaya mematuhi peraturan yang berkuat kuasa dan membentangkan ke

Mesyuarat Lembaga Pengarah LPB. Tindakan ini dijangka selesai dilaksanakan pada atau sebelum April 2018.

Pada Pendapat Audit, Jawatankuasa Pembangunan telah bertindak di luar terma rujukannya. Selain itu, Pengurus Besar juga telah gagal mematuhi Seksyen 23, Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 yang menetapkan Pengurus Besar hendaklah tertakluk kepada arahan Lembaga Pengarah.

b. Kajian Daya Maju Pembinaan Dermaga Projek *Supply Base*

- i. Selepas keputusan Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Bil.1/2017 pada 6 Jun 2017, LPB telah melantik firma Ernst & Young untuk menyediakan *cash flow projections* bagi meneliti kemampuan LPB untuk meneruskan projek ini dari sudut kewangan. Selain itu, LPB juga telah melantik Tetuan Nik Saghir & Ismail bagi mendapatkan khidmat nasihat dari sudut perundangan mengenai kontrak yang telah wujud. Kedua-dua firma berkenaan diminta memberi laporan mengenai impak kewangan dan perundangan bagi setiap opsyen berikut:
 - Opsyen 1: meneruskan semua fasa pembinaan mengikut kontrak yang dimeterai dengan MVJV dan EDP dengan kos pembinaan RM1.247 bilion;
 - Opsyen 2: melaksanakan pembinaan setakat Fasa 1 sahaja dengan anggaran kos RM584.84 juta;
 - Opsyen 3: melaksanakan pembinaan setakat Fasa 1 dan mengubah skop reka bentuk dari jenis *supply base multi purpose*; dan
 - Opsyen 4: menamatkan kontrak pembinaan dan PMC serta membayar tuntutan dan pampasan kepada MVJV dan EDP.
- ii. Laporan kewangan yang disediakan oleh Ernst & Young menunjukkan projek ini boleh dilaksanakan tanpa menjejaskan kedudukan kewangan LPB sama ada LPB memohon pinjaman bank atau tidak. Daripada aspek perundangan pula, Opsyen 4 untuk penamatan kontrak, bukanlah pilihan yang mudah kerana terdapat banyak impak sebenar yang sukar dipastikan. Proses perundangan juga akan mengambil masa yang panjang. MVJV dan EDP juga boleh mengambil tindakan injunksi untuk menghalang sesiapa daripada memasuki tapak projek. Sehubungan itu, panel peguam berpendapat bahawa kos yang perlu ditanggung oleh LPB untuk Opsyen 4 adalah lebih tinggi berbanding manfaat yang akan diterima.
- iii. Hasil laporan daripada Ernst & Young dan Tetuan Nik Saghir & Ismail telah dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Bil. 2/2017 pada 11 Julai 2017 melalui Kertas Keputusan No. 24/2017.

Semakan terhadap minit mesyuarat mendapati Pengurus Besar telah memaklumkan bahawa terdapat *addendum* yang telah diedarkan kepada Ahli Lembaga Pengarah iaitu untuk mengeluarkan Opsyen 4 daripada senarai pilihan keputusan. Ini adalah kerana Pengurus Besar telah menerima surat dari Pejabat YB Menteri Pengangkutan bertarikh 12 Mei 2017 dengan minit “Sokong & sila laksana mengikut kontrak. Sila wujudkan J/K bersama BSS”. Semakan Audit tidak menjumpai sebarang bukti bahawa surat berkenaan dimaklumkan terlebih dahulu kepada Ahli Lembaga Pengarah sebelum 11 Julai 2017. Akibat pengguguran Opsyen 4 daripada Kertas Keputusan No. 24/2017, Ahli Lembaga Pengarah berpendapat Lembaga Pengarah tidak mempunyai kebebasan untuk membuat keputusan. Akhirnya, mesyuarat memutuskan supaya pengurusan LPB menyediakan kronologi bagi melihat bagaimana keputusan mengenai projek *supply base*. Kronologi ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2017 pada 8 Ogos 2017.

Pada pendapat Audit, walaupun LPB berusaha untuk mengenal pasti pilihan terbaik dalam pelaksanaan projek *supply base*, namun LPB tidak mempertimbangkan pilihan untuk mematuhi keputusan Jemaah Menteri iaitu projek ini hendaklah dilaksanakan oleh BSBSB.

20.5.6.3. Perkhidmatan Perunding Diteruskan Walaupun Projek LNG4 Telah Dihentikan

- a. Semakan Audit mendapati pada 1 April 2016, LPB telah mengeluarkan surat kepada ESI untuk memaklumkan mengenai penangguhan projek LNG4. Sehubungan itu, pihak ESI diminta untuk memberhentikan perkhidmatan pengurusan teknikal, keselamatan dan alam sekitar pada 30 April 2016 dan hanya boleh disambung semula apabila projek ini diaktifkan semula. Bagaimanapun, perkhidmatan bagi pemantauan alam sekitar dan laporan pematuhan syarat-syarat kelulusan laporan EIA pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) perlu diteruskan selaras dengan syarat-syarat kelulusan Laporan EIA dan arahan JAS Sarawak. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kerja-kerja yang diteruskan adalah seperti berikut:

**JADUAL 20.12
PERKHIDMATAN YANG MASIH DITERUSKAN
SELEPAS PROJEK LNG4 DITANGGUHKAN**

Bil.	PERKHIDMATAN	JUMLAH* (RM Juta)
1.	<i>Additional Environmental Monitoring and Reporting (Quarterly)</i>	3.68
2.	<i>Shoreline Monitoring Program (Quarterly)</i>	5.73
JUMLAH		9.41

Nota (*) – Harga Termasuk Imbuhan Balik dan Untuk Tempoh Dari 1 Julai 2015 Hingga 30 Jun 2020

- b. Semakan terhadap baucar bayaran juga menunjukkan pihak LPB telah membayar tuntutan ESI untuk perkhidmatan ini sehingga suku tahun pertama 2017. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan mengapa perkhidmatan ini diteruskan walaupun projek LNG4 telah ditangguhkan kerana tiada justifikasi yang jelas disediakan oleh LPB. Semakan Audit juga mendapati tiada surat menyurat atau arahan bertulis dari JAS Sarawak mengenai keperluan untuk meneruskan perkhidmatan ini.

20.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya pihak MOT mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

20.6.1. menyediakan Kertas Jemaah Menteri untuk mendapatkan hala tuju baharu berkaitan projek *supply base*;

20.6.2. mengarahkan Lembaga Pengarah LPB menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman untuk menjalankan siasatan terperinci terhadap kes penggunaan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 7/2016 dan Resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 8 Disember 2016 yang tidak sah untuk mendapatkan sokongan bagi pelantikan kontraktor;

20.6.3. mengarahkan LPB membuat laporan kepada agensi penguatkuasaan jika terbukti wujud elemen jenayah dalam proses perolehannya;

20.6.4. mengesyorkan supaya LPB mewujudkan terma rujukan Lembaga Pengarah yang jelas supaya setiap ahlinya dapat melaksanakan *fiduciary duties* dengan lebih berkesan; dan

20.6.5. mengarahkan LPB untuk mengkaji semula mekanisme pematuhan dan pemantauan supaya risiko salah laku dapat dielakkan serta dapat meningkatkan kawalan dalaman urusan perolehannya.

21. UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS - PENGURUSAN PEROLEHAN DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

21.1. LATAR BELAKANG

21.1.1. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi awam yang penting dalam lipatan sejarah pendidikan negara. Institusi ini berkembang secara bertahap dari sebuah kolej ke sebuah universiti. Secara kronologi, perkembangan UPSI melalui tiga era, iaitu era Sultan Ibrahim *Training College* (SITC) (1922 - 1957), era Maktab Perguruan Sultan Ibrahim (MPSI) (1957 - 1987) dan era Institut Perguruan Sultan Ibrahim (IPSI) (1987 - 1997). Tiga era ini juga memperlihatkan wadah generasi pendidik yang dilahirkan oleh institusi ini dalam tempoh 75 tahun. Tanggal 1 Mei 1997, UPSI telah dinaik taraf sebagai universiti di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

21.1.2. Objektif penubuhan UPSI adalah untuk menyediakan program akademik berkualiti tinggi yang berteraskan pendidikan untuk memenuhi harapan pelanggan melalui pengurusan organisasi yang cemerlang dan penambahbaikan yang berterusan. UPSI telah menerima pendapatan sebanyak RM1.47 bilion melalui dana Kementerian Pendidikan Tinggi dan sumber operasi lain UPSI bagi tempoh tahun 2013 hingga Jun 2017. Perbelanjaan yang direkodkan sepanjang tempoh yang sama adalah sebanyak RM1.33 bilion. UPSI telah melaksanakan sebanyak 22 tender dan 295 sebut harga berjumlah RM129.15 juta sepanjang tempoh 2013 hingga Jun 2017. Daripada jumlah tersebut, 11 tender dan 40 sebut harga yang melibatkan 26 perolehan kerja dan 25 perolehan perkhidmatan telah diaudit berjumlah RM96.83 juta.

21.1.3. Pejabat Bendahari bertanggungjawab dalam merancang dan menguruskan perolehan secara tender dan rundingan terus. Pengarah Projek bagi perolehan secara tender adalah Naib Canselor sementara bagi perolehan secara sebut harga, Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda (JPPHB) merupakan Pegawai Bertanggungjawab. Pusat Tanggungjawab (PTJ) di setiap fakulti/pusat/institut/pejabat/bahagian dan unit pula bertanggungjawab bagi merancang dan menguruskan perolehan secara pembelian terus dan sebut harga.

21.1.4. Pengurusan perolehan telah dibuat berdasarkan kepada Peraturan Kewangan dan Perakaunan UPSI, Pekeliling Bendahari dan Surat Pekeliling Bendahari yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari UPSI. Sekiranya peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang yang mesti diikuti adalah

mengatasi Peraturan Kewangan dan Perakaunan UPSI dimana peraturan dan prosedur Peraturan Kewangan dan Perakaunan UPSI tidak menyatakan kedudukan sesuatu perkara ataupun tidak lengkap untuk menyelesaikan perkara yang berbangkit itu, maka arahan, peraturan dan prosedur Perbendaharaan Malaysia adalah terpakai.

21.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan kerja dan perkhidmatan di UPSI telah dilaksanakan dengan baik, cekap, berhemah dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

21.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi lapan bidang utama (key area) iaitu perancangan perolehan, peruntukan kewangan, pengurusan perolehan, pelantikan kontraktor, pengurusan kontrak, kerja pembinaan, pengoperasian selepas projek siap dan pemantauan. Pengauditan telah dijalankan di UPSI dan KPT. Pengauditan meliputi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Jumlah sampel yang dipilih adalah 51 (16.1%) daripada 317 keseluruhan perolehan di sepanjang tempoh tersebut dan ini melibatkan kos berjumlah RM96.83 juta (75%) daripada kos keseluruhan yang berjumlah RM129.15 juta. Pemeriksaan fizikal adalah meliputi 26 perolehan kerja dan 25 perolehan perkhidmatan di persekitaran UPSI.

21.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan perolehan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat serta pemeriksaan fizikal terhadap kerja yang dilaksanakan dan peralatan yang diterima juga telah diadakan.

21.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2017 mendapati pengurusan program secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan berdasarkan penilaian Audit terhadap lapan bidang utama yang telah disemak. Walaupun terdapat aspek yang telah diuruskan dengan memuaskan seperti perancangan perolehan, pengurusan perolehan, pelantikan kontraktor dan pemantauan, namun kelemahan yang ditemui dalam aspek peruntukan kewangan, pengurusan kontrak, kerja pembinaan dan pengoperasian selepas projek siap telah menjejaskan kecekapan pelaksanaan aktiviti Pengurusan Perolehan UPSI. Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. terdapat lebih pendapatan pembangunan berjumlah RM75.10 juta yang tidak dibelanjakan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016. Sebahagian besar lebih pendapatan tersebut dimasukkan ke dalam Simpanan Tetap yang berjumlah RM81.5 juta pada tahun 2015 dan RM66.9 juta tahun 2016;
- ii. perbelanjaan penyelidikan bagi Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Dasar Program Bagi Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) Dalam Kalangan Guru dan Murid Sekolah Rendah dan Menengah telah dilaksanakan terlebih dahulu sebelum ia diluluskan yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM61,051;
- iii. penurunan kuasa untuk menandatangani kontrak adalah tidak teratur menyebabkan 24 Surat Setuju Terima berjumlah RM91.75 juta telah ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa. Naib Canselor juga telah melangkaui kuasa YB Menteri apabila menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan Malaysia tanpa kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949. Manakala peraturan penyewaan Tanah Rezab Persekutuan telah dilangkaui menyebabkan hasil sewaan berjumlah RM0.11 juta tidak dimasukkan ke dalam Hasil Persekutuan;
- iv. perolehan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan berjumlah RM0.49 juta telah dilakukan tanpa kelulusan Pegawai Pengawal. Ini melibatkan perolehan bagi tiga unit kenderaan pacuan empat roda dan perolehan komputer, pencetak, kamera digital serta mesin faksimili. Terdapat lebih harga kontrak dinyatakan yang menyebabkan lebih bayaran berjumlah RM0.3 juta bagi enam kontrak;
- v. kelulusan Lanjutan Masa bercanggah dengan kontrak/peraturan menyebabkan UPSI tidak dapat mengenakan LAD yang berjumlah RM0.49 juta terhadap dua kontraktor bagi Projek Bangunan Hospitaliti dan Projek Kompleks Sukan;
- vi. rampasan Bon berjumlah RM94,601 daripada jumlah 5% WJP telah berkurang kutip atas kegagalan kontraktor menyiapkan Projek Bangunan Tenpin Boling dan Lapang Sasar Golf dalam tempoh masa ditetapkan;
- vii. Sijil Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion - CPC) telah dikeluarkan serta kerja telah disempurnakan sebagaimana kehendak kontrak tetapi terdapat perbezaan ukuran butiran kerja (BQ) dengan kerja sebenar dan menyebabkan lebih bayaran sejumlah RM20,074;
- viii. perolehan CCTV Makmal Penyelidikan, naik taraf Rumah Za'aba dan ubahsuai Makmal Pemprosesan Makanan berjumlah RM0.41 juta tidak digunakan setelah bekalan diterima/kerja disempurnakan; dan
- ix. seramai 62 (88.57%) dari 70 pekerja kontrak pembersihan tidak dicarum KWSP oleh majikan manakala 14 (66.67%) dari 21 pekerja kontrak yang sama tidak dicarum PERKESO.

Perkara yang ditemui dan maklum balas UPSI telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 3 Oktober 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti perenggan berikut:

21.5.1. Prestasi Kewangan

UPSI memperoleh pendapatan berjumlah RM1.47 bilion melalui dana KPT dan sumber operasi lain UPSI bagi tempoh tahun 2013 hingga Jun 2017. Perbelanjaan yang direkodkan sepanjang tempoh yang sama adalah berjumlah RM1.33 bilion. Sehubungan itu, bagi tempoh tahun 2013 hingga Jun 2017, **terdapat lebih pendapatan berjumlah RM134.86 juta** di UPSI. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.1
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UPSI
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2013 HINGGA 2017

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017* (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Pendapatan						
Tunai Dari Kerajaan	176.37	258.63	263.13	196.34	84.76	979.23
Tunai Dari Pelanggan	74.47	143.81	116.46	90.61	64.28	489.63
Jumlah	250.84	402.44	379.59	286.95	149.04	1,468.86
Perbelanjaan						
Pembekal dan Kakitangan	243.13	253.72	265.44	263.64	170.64	1,196.57
Hartanah, Loji & Peralatan	20.92	7.28	321.72	33.81	0.89	384.62
Pembinaan Dalam Kemajuan	1.83	21.27	(297.70)	14.65	12.76	(247.19)
Jumlah	265.88	282.27	289.46	312.10	184.29	1,334.00
LEBIHAN/(KURANG)	(15.04)	120.17	90.13	(25.15)	(35.25)	134.86

Sumber: Penyata Aliran Tunai UPSI yang Diaudit

Nota: (*) - Sehingga 30 Jun 2017 - Pejabat Bendahari UPSI

21.5.1.1. Pendapatan Melebihi Perbelanjaan Pembangunan

- a. Merujuk pada Seksyen 7 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406), peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan sehingga akhir tahun akan luput. Sebahagian daripada peruntukan yang diterima UPSI daripada KPT ialah peruntukan bagi tujuan pembangunan. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016, UPSI menerima peruntukan pembangunan berjumlah RM161.02 juta. Bagaimanapun perbelanjaan pembangunan tahunan yang dilunaskan adalah antara RM3.96 juta hingga RM45.23 juta bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016. Sehingga akhir tahun 2016, terdapat pendapatan melebihi perbelanjaan pembangunan berjumlah RM75.10 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.2
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN UPSI BERDASARKAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2016

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Pendapatan				
Baki b/f	9.30	18.34	46.69	91.33
Pemberian Kerajaan	13.00	51.02	68.00	29.00
Jumlah	22.30	69.36	114.69	120.33
Perbelanjaan				
Operasi	1.76	7.74	6.50	4.79
Hartanah, Loji & Peralatan	8.03	1.32	12.84	31.28
Kerja Dalam Pembinaan	(5.83)	13.61	4.02	9.16
Jumlah	3.96	22.67	23.36	45.23
BAKI c/f	18.34	46.69	91.33	75.10

Sumber: Penyata Kewangan dan Pejabat Bendahari UPSI

- b. Semakan lanjut mendapati sebahagian besar daripada lebih tersebut disimpan dalam Simpanan Tetap. Ini melibatkan simpanan berjumlah RM14.5 juta bagi tahun 2013, RM36.1 juta (2014), RM81.5 juta (2015) dan RM66.9 juta (2016). Simpanan ke dalam Simpanan Tetap ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK).

21.5.1.2. Peruntukan Pembangunan

Mengikut perenggan 2.2 Arahan Pegawai Pengawal (APP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tahun 2014 bagi Projek Baharu, Ketua Jabatan diminta untuk memastikan kerja-kerja awalan seperti pengambilan balik tanah, urusan dokumentasi tender, pelantikan perunding, jadual kerja dan sebagainya telah diselesaikan sebelum memohon pengagihan peruntukan. Permohonan peruntukan bagi Projek Baharu oleh Ketua Jabatan hendaklah disertai dengan Unjuran Aliran Tunai projek dan dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan sejurus selepas kelulusan *Preliminary Detailed Abstract* (PDA) diperolehi. Perenggan 2.3 APP menyatakan Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua waran peruntukan yang diterima dikunci masuk ke dalam eSPKB/SKALA. Sekiranya waran ini perlu diagihkan ke JPN/Institut Pengajian Tinggi (IPT)/ Agensi berkaitan, Waran Peruntukan Kecil (WPK) hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh hari bekerja daripada tarikh waran diterima. Semakan Audit terhadap peruntukan pembangunan UPSI mendapati perkara berikut:

a. Permohonan Baharu Bagi Projek yang Telah Bermula

UPSI telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan peruntukan berjumlah RM47 juta di bawah Pembangunan bagi projek Pembinaan Kemudahan Sukan Universiti pada 30 Mac 2012 ke Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pada 22 November 2013 KPM

telah meluluskan sejumlah RM30 juta sebagai projek baharu dengan penyaluran peruntukan berjumlah RM10 juta pada tahun 2014 dan RM20 juta pada tahun 2015. Semakan Audit mendapati UPSI telah memulakan Projek Kompleks Sukan pada 2 Januari 2013 melalui Surat Setuju Terima kepada Gabungan APS Holdings Sdn. Bhd. bertarikh 24 Disember 2012 dengan nilai projek berjumlah RM23.97 juta. Bagaimanapun sebelum peruntukan diluluskan, UPSI telah membayar kepada kontraktor sejumlah RM6.28 juta pada tahun 2013 melalui sembilan kali bayaran interim bagi bayaran pendahuluan dan kemajuan kerja projek berkenaan. Bagi Projek Gelanggang Hoki, ia telah dimulakan pada tahun 2016 dengan kos projek berjumlah RM4.41 juta. Semakan lanjut keatas projek Pembinaan Kemudahan Sukan Universiti tersebut, didapati berlaku lebih peruntukan berjumlah RM0.32 juta seperti jadual berikut:

**JADUAL 21.3
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BERDASARKAN PROJEK**

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Projek : Kompleks Sukan Nilai Kontrak : RM23.97 juta		Kontraktor : Syarikat Gabungan APS Holdings Sdn. Bhd. Tempoh Kontrak : 01.01.2013 - 31.12.2014 EOT 1 & EOT 2 : 01.01.2015 - 29.06.2015				
Projek : Gelanggang Hoki Astro turf Nilai Kontrak : RM4.41 juta		Kontraktor : Aneka Usaha Holding Sdn. Bhd. Tempoh Kontrak : 08.09.2015 - 14.12.2016				
Peruntukan		10.00	20.00			30.00
Perbelanjaan Sebenar (Kompleks Sukan)	6.28	13.61	4.47	0.92	0.05	(25.33)
Perbelanjaan Sebenar (Gelanggang Hoki)				4.27	0.08	(4.35)
Baki Peruntukan						0.32
Projek : Bangunan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional - Fasa 1 Rawatan Tanah Kontraktor : Hakikat Engineering Sdn. Bhd. Nilai Kontrak : RM20.53 juta		Tempoh Kontrak : 12.02.2016 - 27.02.2017				
Perkara : Pembelian Tanah & Lain-Lain Kos Nilai Perolehan : RM12.54 juta						
Peruntukan		15.00	20.00	14.00		49.00
Perbelanjaan Sebenar		0.03	11.1	21.5	1.90	(34.53)
Baki Peruntukan						14.47
LEBIHAN PERUNTUKAN						14.79

Sumber: Bahagian Pembangunan IPTA, KPT dan Pejabat Bendahari UPSI

b. Projek Lewat Dimulakan

Bagi projek Pembinaan Bangunan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UPSI telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah pembangunan pada 30 Mac 2012 dan KPM telah meluluskan permohonan tersebut pada 22 November 2013 sejumlah RM40 juta. Manakala tambahan peruntukan RM9 juta diluluskan pada 27 November 2015 kerana perubahan lokasi dari kampus UPSI di Tanjung Malim ke tapak baharu di Telok Intan. Peruntukan tersebut bagi anggaran kos kerja tanah sebanyak RM33 juta dan pembelian tanah RM16 juta. Peruntukan telah diluluskan dengan penyaluran peruntukan berjumlah RM15 juta bagi projek tahun 2014, RM20 juta (tahun

2015) dan RM14 juta (tahun 2016). Semakan lanjut Audit mendapati KPM/KPT telah menyalurkan peruntukan lebih awal berjumlah RM35 juta iaitu RM15 juta pada 22 November 2013 dan RM20 juta pada 27 Oktober 2014. Bagaimanapun projek dimulakan pada 29 Februari 2016 melalui Surat Setuju Terima kepada Hakikat Engineering Sdn. Bhd. dan kos projek yang dipersetujui adalah berjumlah RM20.53 juta. Perbelanjaan sebenar keseluruhan projek bagi pembelian tanah dan rawatan tanah adalah berjumlah RM34.53 juta. Terdapat lebih peruntukan projek berjumlah RM14.47 juta berbanding kelulusan peruntukan. Butiran lanjut agihan dan lebih peruntukan adalah seperti **Jadual 21.3**.

Maklum Balas UPSI yang Diterima Pada 3 Oktober 2017

Projek Kemudahan Sukan telah dipohon melalui Rancangan Malaysia Ke 10 pada 14 Januari. Bagaimanapun permohonan tersebut tidak diluluskan kerana kekangan kewangan Kerajaan. Oleh kerana keperluan yang mendesak permohonan pembinaan kemudahan sukan telah dimohon menggunakan sumber dalaman UPSI. Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali ke 49, Bil 1/2012 bertarikh 9 April 2012 dan Lembaga Pengarah UPSI (LPU) telah meluluskan pembinaan Kompleks Sukan UPSI menggunakan peruntukan dalaman sebanyak RM23 juta. Pada masa yang sama UPSI masih memohon peruntukan di bawah RMK10. KPT pada 22 November 2013 telah memperakukan Projek Pembangunan Bagi Tahun 2014 sebanyak RM30 juta. Pembentangan berkaitan projek ini telah dibuat kepada Jawatankuasa Standard dan Kos yang diadakan pada 23 Jun 2014 di EPU bersama KPT. EPU pada 22 Julai 2014 telah meluluskan projek Kemudahan Sukan UPSI ini.

KPM pada 22 November 2013 telah memperakukan projek Pembinaan Bangunan FPTV di Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS), Proton City, Tanjung Malim, Perak di bawah RMK10-Projek Pembangunan Bagi Tahun 2014 sebanyak RM40 juta setelah mengambil kira keperluan projek ini untuk Pengajaran dan Pembelajaran di UPSI. Pada 21 November 2014, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Bangunan FPTV dipindahkan ke Kampus Teluk Intan, Perak dengan kapasiti untuk melatih seramai 1000 guru dalam bidang vokasional dan teknikal. Perpindahan lokasi daripada Tanjung Malim ke Teluk Intan ini telah menyebabkan pertambahan kos projek. Sehubungan itu, permohonan Notis Perubahan (NOC) untuk peningkatan kos projek daripada RM40 juta kepada RM49 juta telah diluluskan pada 15 Julai 2015. Pertambahan ini setelah mengambil kira anggaran kos kerja tanah sebanyak RM33 juta dan pembelian tanah RM16 juta yang disediakan oleh pihak JKR.

Pada pendapat Audit, kelulusan peruntukan pembangunan kepada UPSI perlu dipantau oleh KPT. Sekiranya terdapat lebih perbelanjaan pembangunan, KPT perlu melaraskan semula peruntukan pembangunan berdasarkan keperluan sebenar UPSI.

21.5.2. Perbelanjaan Tanpa Peruntukan

21.5.2.1. Sejumlah RM0.45 juta Geran Penyelidikan telah diluluskan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) untuk tiga penyelidikan bagi Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Dasar Program Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) Dalam Kalangan Guru dan Murid Sekolah Rendah dan Menengah pada Februari 2015. Penyelidikan ini dijalankan untuk tempoh 16 Mac 2015 hingga 15 Mac 2016 dan telah dilanjutkan sehingga 17 Mei 2016. Pecahan Geran Penyelidikan yang diluluskan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.4
SENARAI PENYELIDIKAN BAGI PROGRAM MBMMBI

KOD / TAJUK / NAMA PENYELIDIK	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	*BAKI (RM)
2015-0075-107-52 / MBI Dalam Kalangan Guru dan Murid SR & SM / Dr. Che Ton Mahmud	150,000	92,334	57,666
2015-0076-107-52 / MBM Dalam Kalangan Guru dan Murid SR & SM / Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah	150,000	119,021	30,979
2015-0077-107-52 / MBI Dalam Kalangan Guru dan Murid Menggunakan Khidmat Bantuan <i>English Teaching Assistant</i> dan Penutur Jati SR & SM / Dr. Mazura Mastura Muhamad	150,000	101,709	48,291
JUMLAH	450,000	313,064	136,936

Sumber: Pusat Penyelidikan UPSI

Nota: (*) - Baki sehingga 21 September 2017

SR - Sekolah Rendah

SM - Sekolah Menengah

21.5.2.2. Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan UPSI, Perkara 4.5 menyatakan penyelidik hendaklah memulakan penyelidikan sebaik sahaja menerima surat kelulusan menjalankan penyelidikan. Manakala Perkara 4.6 menyatakan peruntukan penyelidikan yang telah diberikan hanya bagi tujuan yang diluluskan sahaja dan ia hendaklah dibelanjakan selaras dengan pelaksanaan projek penyelidikan. Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) pada 12 Mei 2015 telah menetapkan bahawa segala penyaluran kewangan bagi kajian tersebut hanya disalurkan kepada Bendahari Universiti dan segala urusan berkaitan kajian tersebut adalah melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) sebagai penyelaras semua urusan berkaitan penyelidikan IPT tersebut.

21.5.2.3. Semakan Audit mendapati berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan UPSI, penyelidik hendaklah memulakan penyelidikan sebaik sahaja menerima surat kelulusan menjalankan penyelidikan. Bagaimanapun, Projek Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Dasar Program Bagi MBMMBI **telah dilaksanakan terlebih dahulu sebelum ia diluluskan** pada Februari 2015. Seterusnya pihak Audit mendapati UPSI Holdings Sdn. Bhd. telah mengemukakan tuntutan bayaran balik berjumlah RM61,051 kepada UPSI bagi perbelanjaan yang telah dibuat pada tahun 2014. Tuntutan bayaran balik

tersebut adalah tuntutan berjumlah RM25,694 (Mac hingga September 2014) bertarikh 7 Julai 2015 dan RM35,357 (Januari hingga Jun 2015) bertarikh 23 Julai 2015 bertujuan untuk bayaran Gaji dan Upahan, KWSP dan kos percetakan yang lain yang dibayar kepada pembantu penyelidik. Tuntutan tersebut bercanggah dengan Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan UPSI Perkara 4.5 dan 4.6. Semakan lanjut mendapati kedua-dua tuntutan tersebut belum dijelaskan kepada UPSI Holdings Sdn. Bhd..

Maklum Balas UPSI yang Diterima Pada 3 Oktober 2017

Pada peringkat awal pasukan penyelidik telah diminta oleh EPRD (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan) untuk membuat satu projek MBMMBI. Telah dibentangkan di EPRD pada 21 Mei 2013 yang dipengerusikan oleh Pengarah EPRD, KPM. Anggaran peruntukan awal yang dicadangkan adalah RM1 juta. Satu perbincangan khas telah diadakan di BPK (Bahagian Pembangunan Kurikulum) pada 10 Januari 2014, Pengarah BPK menyarankan agar kos kajian dikurangkan daripada RM1 juta kepada RM0.5 juta atas faktor peruntukan kewangan yang tidak mengizinkan. KPM telah bersetuju untuk menjalankan Kajian MBMMBI Tahun 2014. Kajian ini akan dilaksanakan bersama pihak UPSI. Mesyuarat pelarasan telah diadakan pada 20 Februari 2014 di BPK yang dihadiri oleh pegawai KPM dan pasukan penyelidik. Kajian rintis diarahkan oleh Timbalan Ketua Pengarah (TKP) bersama lima pegawai KPM. Semua perbelanjaan atas bengkel, mesyuarat dan kajian rintis MBMMBI ditanggung oleh UPSI Holdings.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan tanpa peruntukan menyebabkan berlakunya bayaran tidak teratur. Amalan ini perlu dihentikan dan memastikan prosedur kewangan dipatuhi oleh semua pihak.

21.5.3. Pengurusan Kontrak

21.5.3.1. Kuasa Menandatangani Kontrak

- a. Pengurusan perolehan UPSI telah dibuat berdasarkan kepada Peraturan Kewangan dan Perakaunan (PKPU). Sekiranya peruntukan di dalam undang-undang yang mesti diikuti mengatasi PKPU dimana peraturan dan prosedur PKPU tidak menyatakan kedudukan sesuatu perkara ataupun tidak lengkap untuk menyelesaikan perkara yang berbangkit, maka arahan, peraturan dan prosedur Perbendaharaan Malaysia adalah terpakai. Seksyen 50 Perlembagaan UPSI menetapkan kontrak UPSI hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pegawai UPSI yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Berdasarkan PK4 Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan, Surat Setuju Terima (SST) adalah dokumen perundangan yang menjadi sebahagian daripada perjanjian kontrak dan pegawai yang menandatangani SST ialah pegawai yang diberi kuasa untuk

menandatangani kontrak. LPU pada Mesyuarat ke-25 bertarikh 3 Oktober 2002 telah memberi **kuasa menandatangani kontrak kepada Naib Canselor bagi perolehan bekalan/kerja/perkhidmatan manakala Bendahari bagi perolehan bekalan sahaja.**

- b. Semakan Audit terhadap kontrak/SST mendapati pada 2 Jun 2017, Naib Canselor (Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran) telah mewakilkan kuasa kepada Bendahari untuk menandatangani kontrak UPSI manakala sebelumnya iaitu pada 1 Januari 2009, Naib Canselor pada ketika itu (Prof. Dato' Dr. Aminah Ayob) telah mewakilkan kuasa kepada Timbalan Bendahari 2 untuk menandatangani SST bagi pihak UPSI. Selaras dengan Seksyen 50 Perlembagaan UPSI, Naib Canselor tidak mempunyai kuasa untuk mewakilkan kuasa kepada Bendahari/Timbalan Bendahari 2 untuk menandatangani kontrak/SST. Semakan selanjutnya mendapati Bendahari telah menandatangani satu SST dan Timbalan Bendahari 2 telah menandatangani 23 SST bagi perolehan kerja/perkhidmatan berjumlah RM91.75 juta tanpa kuasa dari LPU.

21.5.3.2. Kontrak Atas Nama Kerajaan

- a. Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 menetapkan kontrak bagi Kerajaan Malaysia yang ditandatangani dalam negeri hendaklah ditandatangani oleh YB Menteri bagi Kementerian berkaitan. Menteri boleh menurunkan kuasa kepada mana-mana pegawai dan penurunan kuasa tersebut setakat had kuasa yang diberikan. Dalam melaksanakan projek pembangunan, UPSI telah menggunakan format standard Kontrak Reka dan Bina Jabatan Kerja Raya (PWD Form BD (Rev. 1/2010)) sebagaimana ketetapan Kerajaan terhadap perolehan bagi Kontrak Reka dan Bina seperti dinyatakan dalam 1PP PK 2 Kaedah Perolehan Kerajaan.
- b. Semakan Audit terhadap kontrak yang telah ditandatangani mendapati UPSI telah menggunakan tafsiran 'Kerajaan' bagi menggantikan UPSI dalam semua terma kontrak yang ditandatangani. Semakan juga mendapati bagi kontrak UPSI/T/01/2016 Pembinaan Bangunan Tenpin Boling dan Lapangan Sasar Golf yang berjumlah RM2.4 juta, Naib Canselor UPSI (Prof Dato' Dr. Zakaria Kasa) pada 22 Mac 2017 telah menandatangani kontrak tersebut bagi pihak Kerajaan Malaysia. Selaras dengan ketetapan **Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan, Naib Canselor UPSI tidak mempunyai kuasa** untuk menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan Malaysia kerana kuasa tersebut tidak diperturunkan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi kepada Naib Canselor UPSI. Ini boleh menyebabkan liabiliti terhadap terma kontrak juga dipertanggungjawabkan terhadap Kerajaan.

21.5.3.3. Perjanjian Penyewaan Ruang Bangunan (Premis)

Berdasarkan surat Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) (JKPTG/101/882/31/9-2) bertarikh 29 Oktober 2010, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memajakkan Tanah Rizab Persekutuan Lot 2635, 26, 27, 38 dan 38A di Bandar Tanjong Malim Daerah Batang Padang, Perak kepada UPSI selama 99 tahun. Bayaran pajakan yang dikenakan oleh PTP kepada UPSI adalah berjumlah RM3,430 setahun tertakluk kepada syarat berkaitan yang menetapkan kegunaan tanah **adalah untuk tujuan yang berkaitan dengan penubuhannya (Kampus) sahaja**. Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan Kanun Tanah Negara telah menetapkan hanya PTP dibenarkan menandatangani perjanjian bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Penyewaan di atas tanah Kerajaan Persekutuan perlu mendapat kelulusan daripada PTP setelah melalui Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP). Hasil daripada sewaan tersebut perlu dimasukkan sebagai hasil Persekutuan. Semakan Audit mendapati pihak UPSI **telah memeterai lapan perjanjian penyewaan untuk sewaan kafeteria dan mesin ATM berjumlah RM0.11 juta tanpa merujuk dan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada PTP**. Perjanjian penyewaan tersebut telah ditandatangani antara Naib Canselor/ Timbalan Bendahari dan Penyewa dengan menggunakan format perjanjian UPSI. Berdasarkan rekod, hasil telah dimasukkan ke dalam akaun UPSI sebagai terimaan. Hasil tersebut sepatutnya diakaunkan sebagai hasil Kerajaan Persekutuan. Butiran perjanjian adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 21.5
PENYEWAAN RUANG BANGUNAN (PREMIS)**

PERKARA / NAMAPENYEWA	TEMPOH SEWAAN	PEGAWAI TANDATANGAN KONTRAK / JAWATAN	KADAR SEWA	
			SEBULAN (RM)	KONTRAK (RM)
Sewaan Kafeteria				
UPSI/SH/04/2017 My Chef Bakery	01.04.2017 - 31.03.2019	Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran (Naib Canselor)	583	27,984
UPSI/SH/04/2017 Zhoulade Enterprise	01.04.2017 - 31.03.2018	Tiada Maklumat	583	6,996
UPSI/SH/134/2015(R) Restoran Teko Emas	01.01.2016 - 31.12.2017	Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa (Naib Canselor)	350	4,200
UPSI/SH/130/2014 JNJ Gemilang Resources	01.03.2015 - 28.02.2017	Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa (Naib Canselor)	350	8,400
UPSI/SH/04/2017 Ayang Haikal Enterprise	01.04.2014 - 31.03.2018	Tiada Maklumat	583	27,984
Sewaan Ruang Mesin ATM				
Malayan Banking Berhad	01.01.2016 - 31.12.2017	Normadkhah Ardani (Timbalan Bendahari)	318	7,632
Bank Islam Malaysia Berhad	01.08.2016 - 31.07.2018	Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa (Naib Canselor)	800	19,200
Malayan Banking Berhad	01.01.2010 - 31.12.2012	Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa (Naib Canselor)	300	10,800
JUMLAH				113,196

Sumber: Bahagian Perolehan, Pejabat Bendahari UPSI

Maklum Balas UPSI yang diterima pada 28 September dan 3 Oktober 2017

Tindakan pembaikan telah dibuat dengan mendapat kelulusan daripada LPU pada Mesyuarat Lembaga Pengarah UPSI Kali Ke-112 Bil. 4/2017 pada 22 Ogos 2017. LPU telah meluluskan kuasa menandatangani kontrak perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja kepada Naib Canselor dan Bendahari UPSI. Susulan akan dibuat bersama Kementerian Pendidikan Tinggi bagi menangani isu perjanjian pajakan tanah dengan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian.

Pada pendapat Audit, penurunan kuasa untuk menandatangani kontrak UPSI adalah tidak teratur selaras dengan Perlembagaan UPSI. Kontrak yang ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberi kuasa boleh menjejaskan kepentingan UPSI. Selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa juga, UPSI perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada PTP bagi penyewaan ruang bangunan Tanah Rizab dan hasil sewaan perlu dikembalikan kepada Kerajaan Persekutuan.

21.5.4. Kerja Awalan (Preliminaries)

Bagi memastikan kelancaran projek, kontraktor dikehendaki menyediakan beberapa kemudahan untuk kegunaan Pengarah Projek, wakil Pengarah Projek, perunding dan jurutera projek. Kemudahan tersebut dinyatakan dalam senarai kerja awalan sebagaimana ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1999 dan PK4 Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

21.5.4.1. Perkhidmatan Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan

Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1999 dan PK4 Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan, penggunaan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan dibenarkan bagi pengurusan projek. Ini tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan. Berdasarkan semakan Audit, terdapat empat kontrak terlibat dalam perolehan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan iaitu Projek Kompleks Sukan, Makmal Penyelidikan, Pusat Latihan Hospitaliti dan Kompleks Akademi. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

a. Kelulusan Perolehan Pengangkutan dan Peralatan

Kelulusan bagi perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan hendaklah dibuat sebelum dokumen pra-bida tender disediakan. Kelulusan hendaklah diperoleh daripada Pegawai Pengawal atau Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK) yang dilantik oleh Pegawai Pengawal. Semakan mendapati perolehan perkhidmatan pengangkutan dan

kemudahan peralatan berjumlah RM0.49 juta **dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah UPSI** melibatkan perolehan tiga unit kenderaan pacuan empat roda berharga RM0.44 juta dan perolehan peralatan terdiri daripada komputer, pencetak, kamera digital dan mesin faksimili berharga RM49,100. Butiran lanjut kenderaan dan peralatan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.6
PEROLEHAN KHIDMAT PENGANGKUTAN DAN
KEMUDAHAN PERALATAN TANPA KELULUSAN

KONTRAK / KOS / TEMPOH	PENGANGKUTAN		PERALATAN		JUMLAH (RM)
	JENIS	NILAI (RM)	JENIS	NILAI (RM)	
Kompleks Sukan / RM23.97 juta / 01.01.2013 – 01.01.2015	4X4 2500cc	185,000	<ul style="list-style-type: none"> • Komputer • Pencetak • Kamera Digital • Mesin Faksimili • Kabinet Lukisan 	15,000	200,000
Makmal Penyelidikan / RM4.87 juta / 01.09.2013 – 31.11.2014	Toyota Hilux Double Cab 2.5 AT	55,000	<ul style="list-style-type: none"> • Komputer • Pencetak • Kamera Digital • Mesin Faksimili • Kabinet Lukisan 	12,000	67,000
Pusat Latihan Hospitaliti / RM16 juta / 20.01.2014 – 19.09.2015	-	-	<ul style="list-style-type: none"> • Komputer • Pencetak • Kamera Digital • Mesin Faksimili • Kabinet Lukisan 	15,000	15,000
Kompleks Akademi / RM27.85 juta / 01.05.2017 – 01.05.2019	4X4 Toyota Hilux 2.8 Intercooler	200,000	<ul style="list-style-type: none"> • Komputer HP • Pencetak Laser • Kamera Digital 	7,100	207,100
JUMLAH (RM)	440,000		49,100		489,100

Sumber: Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda, UPSI

b. Perkhidmatan Pengangkutan

Penggunaan perkhidmatan kenderaan dibenarkan bagi projek melebihi RM500,000 dan memenuhi salah satu daripada empat kriteria iaitu jalan masuk yang tidak berturap dan sukar dilalui dan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda atau melibatkan pembinaan kompleks bangunan dan kawasan tapak bina yang luas melebihi 40 ekar atau pembinaan projek berbentuk *linear* yang tidak ada akses di sepanjang jajarannya melebihi 1 km atau melibatkan kawasan tapak bina yang sukar dilalui seperti berbukit bukau, berpaya dan sebagainya. Semakan mendapati kemudahan perkhidmatan kenderaan dimasukkan dalam kontrak (prelimeneries) tanpa memenuhi salah satu kriteria yang disyaratkan. Projek ini dibuat dalam kawasan UPSI yang hanya meliputi kawasan seluas sepuluh ekar. Kedudukan projek adalah bersebelahan dengan bangunan fakulti dan auditorium serta mudah untuk diakses.

Maklum Balas UPSI yang Diterima Pada 28 September dan 3 Oktober 2017

UPSI akan menubuhkan Jawatankuasa Standard dan Kos yang dipengerusikan oleh Naib Canselor dan dianggotai oleh Bendahari, Pengarah dan pegawai teknikal Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda bagi membincangkan dan meluluskan keperluan kenderaan dan kemudahan peralatan bagi projek akan datang.

Pada pendapat Audit, kelulusan perolehan penggunaan kenderaan dan peralatan oleh UPSI adalah tidak teratur. Pegawai bertanggungjawab gagal menjaga kepentingan UPSI. Perolehan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan berjumlah RM0.49 juta tidak sepatutnya dimasukkan di dalam kontrak dan menyebabkan kerugian kepada UPSI.

21.5.4.2. Lebihan Harga Kontrak

- a. Berdasarkan Perenggan 1.0 kerja-kerja awalan dalam kontrak kerja, terdapat butiran item yang menjadi tanggungan kontraktor tetapi telah dihargaikan oleh kontraktor dan butiran kerja yang berulang. Semakan Audit terhadap empat kontrak kerja menunjukkan berlaku lebihan harga kontrak yang dinyatakan oleh kontraktor melibatkan lima butiran kerja berjumlah RM0.29 juta. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 21.7
LEBIHAN HARGA KONTRAK**

PERKARA / ULASAN AUDIT	KONTRAK				JUMLAH (RM)
	PUSAT HOSPITALITI (RM)	KOMPLEKS SUKAN (RM)	MAKMAL PENYELIDIKAN (RM)	KOMPLEKS AKADEMI (RM)	
Bon Jaminan Reka Bentuk - Jaminan reka bentuk adalah tanggungjawab kontraktor.	-	50,000	20,000	-	70,000
Performance Bond - Kontraktor memilih Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP)	40,000	35,000	-	-	75,000
Dokumen Kontrak - Berdasarkan Perenggan 27 Arahan Kepada Petender, kontraktor hendaklah menyediakan dokumen kontrak tanpa mengenakan bayaran.	* 8,000	-	-	25,000	33,000
Jentera dan Peralatan - Berdasarkan Perenggan A Bill 1/GCP/22, kontraktor tidak perlu meletakkan harga pada item <i>Plant and Equipment</i> .	-	-	-	50,000	50,000
Building Work - Roof Construction - Kerja bertindih bagi pemasangan <i>polyglass fibre</i> item C dan D	-	-	-	66,408	66,408
JUMLAH	48,000	85,000	20,000	141,408	294,408

Sumber: Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda, UPSI

Nota: (*) - Bayaran Dikenakan Melalui Tuntutan Perunding Juruukur Bahan.

- b. Semakan Audit selanjutnya terhadap dua kontrak perkhidmatan bagi pembersihan kawasan luar kampus dan membersih bangunan mendapati bayaran duti setem dan penyediaan dokumen kontrak telah dihartakan oleh kontraktor berjumlah RM3,740 bagi empat kontrak perkhidmatan sedangkan bayaran tersebut telah dinyatakan dalam kontrak ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor.

Maklum Balas UPSI yang Diterima Pada 28 September dan 3 Oktober 2017

Di dalam penyediaan dokumen tender, dokumen kontrak kerja JKR adalah menjadi rujukan pihak UPSI. Bagi butiran kerja awalan, ia merupakan keperluan kontrak dan perlu dihartakan di dalam dokumen kontrak berkenaan. Oleh yang demikian, bayaran terhadap kerja awalan (item-item yang dihartakan) perlu mengambilkira kos yang perlu ditanggung oleh kontraktor. Pelarasan akan dibuat bagi perkara/kerja yang tidak dilaksanakan sebelum bayaran muktamad. Bagi kontrak perkhidmatan, surat telah dikeluarkan kepada kontraktor bahawa keperluan penyediaan bayaran duti setem bagi dokumen kontrak adalah merupakan tanggungjawab pihak kontraktor.

Pada pendapat Audit, UPSI gagal memantau penyediaan kontrak bagi setiap projek yang menyebabkan kenaikan harga kontrak dan kerugian sebanyak RM0.3 juta kepada UPSI.

21.5.5. Kebenaran Merancang (KM)

Kebenaran Merancang (KM) merupakan kebenaran secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Subseksyen 19(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menyatakan dengan jelas tentang keperluan perundangan bagi mendapatkan kelulusan KM daripada PBT sebelum memula, mengusaha atau menjalankan sebarang pembangunan di atas tapak. Semakan Audit mendapati KM bagi projek pembinaan Bangunan Pusat Latihan Hospitaliti (UPSI/T/02/2013) telah diperolehi daripada Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) iaitu pada 7 April 2014 iaitu selepas 46 hari daripada tarikh milik tapak pada 20 Januari 2014. Semakan juga mendapati Perunding telah lewat membuat permohonan KM kepada MDTM iaitu pada 10 Februari 2014, 35 hari selepas tarikh SST dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, kegagalan kontraktor dan konsultan yang dilantik untuk mematuhi kehendak MDTM menyebabkan kelulusan KM lewat diterima daripada MDTM. Kelewatan tersebut tidak boleh menjadi asas kepada kontraktor untuk memohon lanjutan masa kepada UPSI.

21.5.6. Lanjutan Masa

Mengikut Perenggan 6.8 Lanjutan Masa kepada PK2.1 Lampiran 2.26 Garis Panduan Perolehan dan Pengurusan Projek Secara Reka dan Bina, Lanjutan Masa boleh diluluskan berlandaskan dua perkara iaitu kelewatan disebabkan oleh sebab *neutral* seperti cuaca luar biasa, *force majeure* seperti darurat, rusuhan, banjir di luar jangkaan dan kelewatan yang disebabkan oleh Kerajaan. Sekiranya kontraktor didapati layak untuk mendapat lanjutan masa, maka Pengarah Projek perlulah meluluskan lanjutan masa itu sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak bagi mengelakkan masa kontrak dalam keadaan tergantung (*time is at large*). Sekiranya berlaku *time is at large*, maka masa bukan lagi menjadi teras kepada kontrak tersebut menyebabkan Kerajaan kehilangan hak untuk menetapkan tempoh penyiapan kontrak dan hak di bawah syarat kontrak. Kontraktor hanya bertanggungjawab untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang munasabah. Seajar dengan peruntukan syarat kontrak, Pengarah Projek adalah bertanggungjawab untuk menimbang serta meluluskan permohonan lanjutan masa daripada kontraktor. Jika berlaku kelewatan dalam penyiapan projek, tindakan sertaina hendaklah diambil oleh agensi untuk memastikan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan dan Insurans dilanjutkan, tidak kira sama ada Kerajaan mengenakan ganti rugi tertentu atau ganti rugi ditetapkan atau lanjutan masa diluluskan. Semakan Audit terhadap kelulusan lanjutan masa untuk projek ini mendapati:

21.5.6.1. Kelulusan Lanjutan Masa Bercanggah Dengan Peraturan

a. Projek Bangunan Latihan Hospitaliti

Kontraktor telah memohon empat Lanjutan Masa (EOT) dan Pengarah Projek telah meluluskan empat EOT tersebut dengan pemanjangan tempoh kontrak selama 403 hari. Bagaimanapun semakan Audit terhadap Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa mendapati EOT telah diluluskan selama **156 hari (Rujuk Jadual 21.8)**. **Kelulusan tersebut tidak sepatutnya diluluskan** oleh Pengarah Projek kerana permohonan kontraktor bercanggah dengan peraturan dan terma kontrak. **Kelulusan tersebut menyebabkan kontraktor berpotensi untuk tidak dikenakan LAD berjumlah RM0.45 juta (RM2,880 sehari).**

b. Projek Kompleks Sukan

Kontraktor telah memohon dua Lanjutan Masa (EOT) dan Pengarah Projek telah meluluskan dua EOT tersebut dengan pemanjangan tempoh kontrak selama 191 hari. Bagaimanapun semakan Audit terhadap Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa mendapati **22 hari daripada kelulusan tersebut tidak sepatutnya diluluskan** oleh Pengarah Projek kerana permohonan kontraktor bercanggah dengan peraturan dan terma kontrak. **Kelulusan tersebut menyebabkan kontraktor berpotensi untuk tidak dikenakan LAD berjumlah RM40,480 (RM1,840 sehari) terhadap kontraktor.**

JADUAL 21.8
BUTIRAN LANJUT KELULUSAN LANJUTAN MASA

EOT	KRITERIA KELULUSAN	DILULUSKAN (Hari)	TIDAK LAYAK DILULUSKAN (Hari)	ULASAN AUDIT
PROJEK 1: Bangunan Pusat Latihan Hospitaliti Kampus Sultan Azlan Shah				
1	Kelulusan Kebenaran Merancang daripada MDTM	17	17	Kontraktor memohon KM selepas 35 hari dari SST
	Kadar penerimaan hujan yang tinggi	32	32	Hujan tidak melebihi kadar purata harian berdasarkan kepada laporan Jabatan Meteorologi.
	Majlis Istiadat Konvokesyen 17 - 20 September 2014 dan 2 - 5 Jun 2015	14	-	-
	Majlis Istiadat Penganugerahan PALAPES IPTA ke-33	7	-	-
	Cuti Tahun Baru Cina	14	14	Tidak menepati syarat kontrak
	Pelaksanaan GST pada 1 April 2015	14	14	Tiada Arahan Kerajaan Untuk Perubahan Harga Kontrak
2	APK 1 - <i>Hot Water System</i> dan APK 2 - Tandas OKU	75	-	-
	Kadar penerimaan hujan yang tinggi	18	14	Hujan tidak melebihi kadar purata harian berdasarkan kepada laporan Jabatan Meteorologi.
	Perubahan struktur bagi ' <i>liftcore</i> ' untuk pemasangan lift dan ' <i>dumbwaiter</i> '	30	-	-
	Majlis Istiadat Konvokesyen kali ke-17 sidang ke-2 pada 24 - 28 November 2015	7	-	-
3	Perubahan struktur bagi <i>liftcore</i> untuk pemasangan lift dan <i>dumbwaiter</i>	60	-	-
	Pelaksanaan GST pada 1 April 2015	30	30	Tiada Arahan Kerajaan Untuk Perubahan Harga Kontrak
	Keperluan baru dari Lembaga Air Perak dan Telekom.	50	-	EOT 3 dan EOT 4 adalah perkara yang sama berkaitan LAP.
4	Rayuan Pemansuhan Bayaran Wang Sumbangan Modal berkuat kuasa 1 Februari 2014 daripada Lembaga Air Perak.	35	35	Rayuan Kontraktor ditolak SPAN kerana tidak mematuhi Peraturan
JUMLAH		403	156	Perlu dikenakan LAD terhadap kontraktor iaitu RM2,880 sehari.
PROJEK 2 : Kompleks Sukan Kampus Sultan Azlan Shah				
1	Kadar penerimaan hujan yang tinggi	8	8	Tiada rekod hujan/laporan Jabatan Meteorologi dikemukakan semasa kelulusan EOT.
	Permohonan kelulusan sistem pembedungan dan retikulasi air	90	-	-
	Gangguan bekalan elektrik	3	-	-
2	Cuti Tahun Baru Cina	14	14	Tidak menepati syarat kontrak
	Pertukaran jenis dan model <i>Floating Jetty</i>	76	-	-
JUMLAH		191	22	Perlu dikenakan LAD terhadap kontraktor iaitu RM1,840 sehari.

Sumber: Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda, UPSI

21.5.6.2. Lanjutan Masa di Luar Tempoh Kontrak

a. Projek Bangunan Latihan Hospitaliti

Semakan Audit terhadap Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa mendapati Kontraktor telah memohon EOT ketiga diluar tempoh kontrak (EOT 2 berakhir pada 4 Mei 2016) iaitu pada 25 Mei 2016 dan pihak Audit mendapati EOT 3 tersebut diluluskan oleh Pengarah Projek pada 2 Jun 2016 untuk 138 hari. Bagi EOT 4, kontraktor juga telah memohon diluar tempoh kontrak (EOT 3 berakhir pada 21 September 2016) pada 11 November 2016 iaitu **selepas 51 hari** daripada tarikh penyiapan yang dibenarkan dan telah diluluskan oleh Pengarah Projek pada 21 November 2016 untuk 90 hari. **Kelulusan EOT diluar tempoh kontrak menyebabkan masa bukan menjadi teras kepada kontrak dan UPSI telah hilang hak di bawah syarat kontrak yang berkaitan dengannya.**

b. Projek Pejabat Keselamatan

Semakan Audit terhadap Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa mendapati Kontraktor telah lewat memohon EOT iaitu tiga hari sebelum tamat tempoh kontrak pada 19 Februari 2017. Pengarah Projek telah meluluskan permohonan tersebut melalui EOT 1 dengan memanjangkan tempoh kontrak selama 40 hari. Tarikh siap baru projek tersebut telah dilanjutkan sehingga 31 Mac 2017. Kelulusan EOT diluar tempoh kontrak menyebabkan masa bukan menjadi teras kepada kontrak dan UPSI telah hilang hak di bawah syarat kontrak yang berkaitan dengannya.

JADUAL 21.9
BUTIRAN KELULUSAN LANJUTAN MASA, TARIKH
MEMPERBAHARUI INSURANS DAN BON PELAKSANAAN

EOT	TEMPOH KONTRAK / EOT	TARIKH MOHON EOT	TARIKH LULUS EOT	TARIKH PERBAHARUI INSURANS	TARIKH PERBAHARUI BON
Bangunan Pusat Latihan Hospitaliti					
-	20.01.2014 - 19.09.2015 (607 hari)	-	-	-	-
1	20.09.2015 - 26.12.2015 (98 hari)	12.06.2015	29.06.2015	18.09.2015	-
2	27.12.2015 - 04.05.2016 (129 hari)	03.12.2015	28.12.2015	07.01.2016	03.02.2016
3	05.05.2016 - 21.09.2016 (138 hari)	25.05.2016	02.06.2016	03.08.2016	-
4	22.09.2016 - 20.12.2016 (90 hari)	11.11.2016	21.11.2016	07.12.2016	10.03.2017
Kompleks Sukan					
-	02.01.2013 – 31.12.2014 (729 hari)	-	-	-	-
1	01.01.2015 – 12.04.2015 (101 hari)	29.10.2014	17.12.2014	31.12.2014	WJP
2	12.04.2015 – 29.06.2015 (76 hari)	08.04.2015	09.04.2015	19.05.2015	-
Pejabat Keselamatan					
-	28.11.2016 - 19.02.2017 (83 hari)	-	-	-	-
1	20.02.2017 - 30.03.2017 (40 hari)	16.02.2017	06.03.2017	-	-

Sumber: Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda, UPSI

21.5.6.3. Insurans/Bon Pelaksanaan Lewat Diperbaharui

- a. **Projek Bangunan Latihan Hospitaliti** - Semakan Audit terhadap Polisi Insurans dan Sijil Bon Pelaksanaan mendapati Kontraktor tidak memperbaharui insurans selepas kelulusan EOT 2, EOT 3 dan EOT 4 sejeurus selepas EOT tersebut diluluskan. Bagi EOT 3, insurans hanya diperbaharui pada 3 Ogos 2016 iaitu dua bulan selepas EOT diluluskan pada 2 Jun 2016. Semakan juga mendapati kontraktor **lewat untuk memperbaharui tempoh Bon Pelaksanaan** iaitu pada 3 Februari 2016 untuk EOT 1 dan EOT 2 serta 10 Mac 2017 untuk EOT 3 dan EOT 4.
- b. **Projek Kompleks Sukan** - Semakan Audit terhadap Polisi Insurans dan Sijil Bon Pelaksanaan mendapati Kontraktor juga telah lewat memperbaharui insurans selama 37 hari selepas tarikh EOT 1 berakhir pada 12 April 2015. Insurans hanya diperbaharui pada 19 Mei 2015.

Maklum Balas UPSI yang Diterima Pada 28 September dan 3 Oktober 2017

Kelulusan EOT dibuat melalui mesyuarat/perbincangan di antara Pengarah Projek (Naib Canselor), wakil Pengarah Projek (Pengarah JPPHB) dan dua pegawai teknikal. Pihak Kontraktor telah memohon EOT dan pihak UPSI hanya mempertimbangkan bilangan hari yang layak diluluskan sahaja. Permohonan EOT lewat dibuat oleh kontraktor menyebabkan UPSI lewat meluluskan EOT berkenaan. UPSI telah mengemukakan surat kepada kontraktor mengenai maklum balas lanjutan masa dan hanya dibalas lewat oleh kontraktor dan menyebabkan kelulusan hanya boleh diberikan oleh Pengarah Projek selepas tarikh permohonan. Bagi Projek Bangunan Latihan Hospitaliti, kontraktor lewat menyiapkan projek setelah tamat tempoh EOT 4 pada 20 Disember 2016. Sehingga 15 Ogos 2017 kontraktor telah dikenakan LAD berjumlah RM685,440 dan akan berterusan sehingga projek siap.

Pada pendapat Audit, pegawai bertanggungjawab terhadap pentadbiran kontrak dan Pengarah Projek telah gagal menguruskan kontrak dengan baik menyebabkan UPSI hilang hak untuk mengenakan LAD ke atas dua kontraktor berjumlah RM0.49 juta. Siasatan lanjut perlu dibuat dan tindakan sewajarnya diambil terhadap pegawai terlibat. Kelewatan memperbaharui polisi insurans akan menyebabkan kepentingan UPSI tidak dilindungi.

21.5.7. Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap dan Denda

21.5.7.1. Mengikut Perenggan 6.9 Lanjutan Masa dalam PK2.1 Lampiran 2.26 Garis Panduan Perolehan dan Pengurusan Projek Secara Reka dan Bina, apabila penyiapan kerja didapati telah terlambat dan sebab kelambatan tidak melayakkan kontraktor mendapat Lanjutan Masa, maka kerugian atau ganti rugi

yang dialami oleh Kerajaan akibat daripada kelambatan tersebut adalah ditanggung oleh kontraktor melalui Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (Liquidated and Ascertained Damages - LAD). Bagi maksud tersebut, notis untuk mengenakan LAD hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh siap yang dibenarkan. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh yang ditetapkan, maka Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (Certificate of Non-Completion - CNC) hendaklah dikeluarkan dan LAD dikenakan. Pengarah Projek juga hendaklah mengeluarkan CNC pada tarikh akhir penyediaan yang dibenarkan dalam kontrak bagi mengelakkan *time is at large*.

21.5.7.2. Berdasarkan Perenggan 6.10 Penamatan Kontrak, Notis Kemungkinan hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor apabila gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya kontraktor masih gagal untuk membaiki kemungkinan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan atau dalam tempoh yang ditetapkan, Notis Penamatan Kontrak hendaklah dikeluarkan.

21.5.7.3. Berdasarkan Perenggan 9(i)(a), Projek sakit ialah projek di mana kemajuan pelaksanaannya telah mengalami kelewatan melebihi dua bulan atau 20% daripada tarikh jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu dan kontraktor tidak berupaya membaiki prestasinya. Bagi projek sakit yang dikenal pasti kontraktornya masih berupaya menyiapkan kerjanya, agensi boleh mengesyorkan langkah pemulihan untuk diambil oleh Pegawai Penguasa bagi membantu kontraktor menyiapkan kerjanya atau bagi projek sakit yang dikenal pasti kontraktornya tidak berupaya menyiapkan kerjanya, JKPS boleh memperakukan kepada Pegawai Yang Dinamakan dalam kontrak untuk penamatan kontraktor selaras dengan syarat-syarat kontrak dan JKPS hendaklah melantik kontraktor penyiap bagi projek yang ditamatkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Projek Bangunan Tenpin Boling dan Lapang Sasar Golf

- i. Projek Bangunan Tenpin Boling dan Padang Sasar Golf telah dilaksanakan oleh Warisan Naning Sdn. Bhd. secara tender dengan kos yang dipersetujui berjumlah RM2.54 juta. Tempoh asal kontrak adalah 29 Ogos 2016 hingga 28 Ogos 2017. Pengarah Projek bagi projek ini adalah Naib Canselor. Berdasarkan Mesyuarat Tapak pada 17 April 2017, didapati kemajuan kerja ditapak hanya 31% iaitu mencatat kelewatan sebanyak 21% (53 hari) daripada kemajuan terjadual sebanyak 52%. UPSI telah mengeluarkan Notis Kemungkinan Kontraktor pada 6 Jun 2017 dan seterusnya Notis Penamatan Kontrak dikeluarkan pada 4 Julai 2017 kerana melanggar klausa 60.1(a)(ii), (iii), (iv), (v), (vi),

(vii) dan (ix). Pada tarikh tersebut juga didapati aktiviti ditapak mencatat kelewatan sebanyak 51% daripada kemajuan terjadual sebanyak 82%.

- ii. Kontraktor telah memilih Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) bagi menggantikan Bon Pelaksanaan berjumlah RM0.13 juta. Notis Penamatan kontraktor telah dikeluarkan pada 4 Julai 2017. Selaras dengan Peraturan Penamatan Kontrak di bawah klausa kontrak 60.1 (c)(ii)(A), WJP akan dirampas daripada kontraktor bersamaan dengan nilai bon 5% daripada harga kontrak. Sehingga 27 Julai 2017, WJP yang telah dikutip adalah berjumlah RM32,649 dan masih berbaki sejumlah **RM94,601** yang perlu dikutip daripada kontraktor.



GAMBAR 21.1

**Bangunan Tenpin Boling dan Lapangan Sasar Golf
- Projek Pembinaan yang Tidak Beroperasi
(15.06.2017)**

b. Projek Tapak Semaian Laman Komemoratif

Projek Tapak Semaian Bahagian Landskap di Laman Komemoratif telah dilaksanakan oleh Syura Maju Enterprise secara sebut harga dengan kos projek berjumlah RM0.4 juta. Pegawai bertanggungjawab terhadap projek ini adalah Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda (JPPHB). Projek telah bermula pada 26 Februari 2015 dan tempoh siap asal bagi kerja tersebut adalah pada 25 April 2015. Kontraktor telah ditamatkan kontrak pada 4 Mac 2016 apabila kemajuan kerja fizikal di tapak ialah sebanyak 75% manakala pembayaran yang telah dibuat adalah berjumlah RM0.18 juta. Bon pelaksanaan berjumlah RM19,820 juga telah dirampas daripada kontraktor. Kontraktor telah memohon EOT pada 27 April 2015 tetapi ditolak oleh pihak UPSI kerana alasan yang diberikan tidak munasabah iaitu hanya berkait dengan kelemahan pengurusan di tapak bina. Sehingga lawatan Audit pada 15 Jun 2017, tapak projek tersebut masih terbengkalai dan terbiar tanpa aktiviti selama 15 bulan. **Pihak UPSI masih belum membuka tawaran sebut harga baru bagi menyiapkan projek tersebut.** Kelewatan ini menyebabkan aktiviti semaian (nursery) tidak dapat dijalankan sebagaimana yang dirancang dan menyebabkan kerugian kepada UPSI kerana sebahagian pembayaran berjumlah RM0.18 juta telah dibelanjakan.

GAMBAR 21.2



GAMBAR 21.3



Laman Komemoratif, KSAS

- Tapak Projek Bagi Kerja-Kerja Membina Tapak Semaian yang Tergendala Akibat Penamatan Kontrak (15.06.2017)

c. Projek Pejabat Keselamatan

Projek Pejabat Keselamatan telah dilaksanakan oleh Multiplans Works and Supplies dengan kos berjumlah RM0.36 juta melalui sebut harga. Pegawai bertanggungjawab terhadap projek ini adalah Pengarah JPPHB. Projek ini sepatutnya dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan bermula pada 28 November 2016 hingga 19 Februari 2017. Setelah diluluskan EOT sehingga 30 Mac 2017 (selama 40 hari) kontraktor masih gagal menyiapkan projek tersebut. Sehingga lawatan Audit pada 15 Ogos 2017 iaitu 137 hari selepas tamat EOT 1, didapati Pejabat Keselamatan masih belum disiapkan. Surat Amaran ke arah penamatan kontrak telah dikeluarkan pada 7 Julai 2017. Semakan lanjut mendapati UPSI tidak boleh mengenakan denda ke atas kontraktor kerana terma denda tidak dinyatakan dalam SST yang dipersetujui. Kelewatan ini menyebabkan Pejabat Keselamatan tidak dapat beroperasi sebagaimana yang dirancang dan menyebabkan kerugian kepada UPSI.



GAMBAR 21.4

Pejabat Keselamatan, KSAJS

- Projek Baik Pulih Lewat Daripada Tempoh Siap Asal (15.08.2017)

Maklum Balas UPSI yang diterima pada 28 September dan 3 Oktober 2017

Tuntutan bagi WJP Projek Bangunan Tenpin Boling dan Padang Sasar Golf akan dilaraskan dengan bayaran akhir projek yang akan dibuat kepada kontraktor selepas penilaian dibuat. Bagi Projek Tapak Semaian Bahagian Landskap, selepas penamatan kontraktor Syura Maju pada 4 Mac 2016, kontraktor Lenggong Bina Sdn. Bhd. telah dilantik untuk melaksanakan baki kerja di tapak. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 20 September 2016 dengan tawaran harga RM0.21 juta untuk tempoh selama 20 minggu (4 Oktober 2016 hingga 21 Februari 2017). Bagaimanapun, pada 5 Disember

2016 kontraktor Lenggong Bina Sdn. Bhd. telah menarik diri dari melaksanakan kerja atas sebab kesilapan menghargakan item bumbung di dalam sebut harga. Perolehan semula dengan menambahbaik butiran kerja sedang dalam proses tindakan Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan.

Pada pendapat Audit, UPSI perlu bertegas terhadap kelewatan kontraktor dalam menyiapkan projek dan mengambil tindakan denda terhadap kontraktor. Bagi projek di bawah perolehan sebut harga, terma denda perlu dimasukkan dalam perjanjian berkaitan.

21.5.8. Perbezaan Kerja Berbanding Senarai Kuantiti

21.5.8.1. Semakan terhadap perolehan kerja sebut harga mendapati terdapat perbezaan ukuran butiran kerja (BQ) dengan kerja sebenar dan telah menyebabkan **lebih bayaran berjumlah RM20,074**. Berdasarkan semakan terhadap Sijil Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion - CPC), perakuan telah dibuat bahawa kerja telah disempurnakan sebagaimana kehendak kontrak. Perakuan mengenai kerja telah dibuat oleh pegawai dari Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda (JPPHB) dan bayaran telah dibuat sepenuhnya oleh Pejabat Bendahari UPSI. Butiran kerja dan lebih berkaitan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 21.10
LEBIH BAYARAN AKIBAT PERBEZAAN SENARAI KUANTITI**

KERJA	UKURAN			RM / UNIT	BEZA (RM)
	BQ	AUDIT	BEZA		
Kerja Baik Pulih Rumah Za'ba					
3.2 - Membekal dan Memasang Kepingan Bumbung Baru	330m ²	202m ²	128m ²	80	10,240
5.3 - Baikpulih Permukaan Lantai Berlepa Sedia Ada yang Telah Rosak/Pecah/Berlubang (Gambar 21.5)	170m ²	34.1m ²	135.9m ²	70	9,513
7.3 - Bekal dan Sapu 2 Lapisan <i>Gloss Finish</i> - Permukaan Bawah Lantai (Gambar 21.6)	-	* 53.51m ²	53.51m ²	6	321
JUMLAH					20,074

Sumber: Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda, UPSI

Nota: (*) - Jumlah ukuran yang tidak disapu lapisan *gloss finish* sahaja

GAMBAR 21.5



Rumah Za'ba
- Kerja Lantai Berlepa Dibuat Kurang
Daripada Kuantiti Dalam Spesifikasi
(15.06.2017)

GAMBAR 21.6



Rumah Za'ba
- Ruang Lantai Bawah dan Kayu Tidak Dicat
(15.06.2017)

Reka dan Bina hendaklah memastikan semua kehendak pelanggan/pengguna telah diambil kira dalam penyediaan Kehendak Kerajaan (Government's Requirements) bagi mengelakkan berlakunya perubahan dalam skop kerja semasa pembinaan. Berdasarkan lawatan Audit pada 15 Jun 2017, didapati dinding tandas lelaki dan perempuan di Kompleks Sukan telah direka dengan sebahagian dindingnya bercermin tingkap. Kedudukan cermin tingkap yang selari dengan aras bilik tandas adalah tidak sesuai. Bagi mengelakkan pemandangan dari luar ke dalam kawasan tandas, kontraktor memasang *curtain blind* pada cermin tingkap tersebut. Keadaan tandas seperti gambar berikut:

GAMBAR 21.9



GAMBAR 21.10



Tandas Lelaki Kompleks Sukan UPSI
- Cermin Tingkap Pada Dinding Tandas. Curtain Blind Dipasang
Bagi Mengelakkan Pemandangan Dari Luar
(15.06.2017)

Maklum Balas UPSI yang Diterima Pada 28 September 2017

Dinding tandas direka dengan mengambikira unsur pengudaraan dan pencahayaan. Ianya selaras dengan kaedah Perolehan Hijau (green procurement).


Pada pendapat Audit, reka bentuk dinding tandas bercermin adalah tidak sesuai dan tidak mengambil kira sensitiviti budaya masyarakat. Cermin yang ditutup dengan *curtain blind* boleh ditukar dengan cermin gelap atau dilepa kemas dengan simen.

21.5.10. Perolehan Dilakukan Tetapi Tidak Digunakan/Beroperasi

21.5.10.1. Makmal Penyelidikan Pendidikan, Kampus Sultan Azlan Shah

Sebuah bangunan Makmal Penyelidikan telah dibina dengan tujuan untuk dijadikan sebagai sebuah pusat penyelidikan. Syarikat Renongan Emas Engineering Sdn. Bhd. telah dipilih secara tender bagi menyiapkan bangunan tersebut dengan nilai kontrak berjumlah RM4.87 juta bagi tempoh 1 September 2013 hingga 31 November 2014. CPC telah dikeluarkan pada 14 Februari 2015 dan tempoh kecacatan telah tamat pada 14 Februari 2017. Lawatan Audit pada 15 Jun 2017 mendapati sebuah set CCTV berharga RM23,900 yang merupakan

sebahagian daripada kos kontrak tidak berfungsi semenjak bulan Mac 2017. Kerosakan CCTV tersebut tidak dilaporkan kepada pihak ICT. Memandangkan ini adalah sebahagian daripada langkah keselamatan ke atas bangunan Makmal tersebut, maka tindakan pembaikan perlu dibuat segera agar komponen CCTV tersebut dapat berfungsi dengan berkesan dan mengelakkan pembaziran.



GAMBAR 21.11

**Aras 2, Makmal Penyelidikan Pendidikan
- Set Komputer Bagi Sistem CCTV Tidak Berfungsi
(15.06.2017)**

21.5.10.2. Rumah Za'ba

Antara tujuan membaik pulih Rumah Za'ba adalah untuk dijadikan sebuah *Wax Museum* di mana di dalamnya akan dilengkapkan dengan objek seperti *mumtaz photo*, mesin taip, kerusi dan meja lama serta perabot. Rumah tersebut akan dibuka kepada orang ramai dengan tujuan untuk memberi peluang kepada generasi muda menghayati perjuangan Za'ba sebagai Bapa Persuratan Bahasa Melayu dan orang ramai berpeluang melihat dan mengenali tokoh intelektual negara dengan lebih dekat. Kerja membaik pulih telah selesai disempurnakan oleh Syarikat Laman Sejahtera Trading dengan kos berjumlah RM0.11 juta dan telah diserahkan kepada pihak UPSI pada 26 Oktober 2016. Pegawai bertanggungjawab terhadap projek ini adalah Pengarah JPPHB. Lawatan Audit pada 14 Jun 2017 mendapati walaupun kerja baik pulih telah selesai, rancangan untuk menjadikan Rumah Za'ba sebagai *Wax Museum* masih belum dilaksanakan. Pihak Audit dimaklumkan oleh Naib Canselor pada Mesyuarat *Pre-Exit* pada 5 Julai 2017 bahawa rancangan tersebut tertanggung kerana *Wax Museum* ini memerlukan perbelanjaan yang besar untuk penyediaannya dan ia telah melebihi peruntukan sedia ada. Selain itu, kos menyiapkan patung lilin figura tokoh berkenaan seperti yang berada di bangunan Teratak Za'ba Jempol, Negeri Sembilan amat tinggi.



GAMBAR 21.12

**Rumah Za'ba, KSAJS
- Pandangan Sisi Rumah Za'ba yang
Telah Siap Dibaik Pulih
(14.06.2017)**

21.5.10.3. Makmal Pemprosesan Makanan

UPSI telah mengubahsuai bangunan tiub kaca untuk dijadikan Makmal Pemprosesan Makanan di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS). Kerja ubahsuai telah dijalankan oleh Syarikat Bina Majid Enterprise secara sebut harga dengan kos berjumlah RM0.38 juta. Kerja pengubahsuaian telah siap pada 23 Disember 2015. Semasa lawatan Audit pada 15 Jun 2017, bangunan Makmal Pemprosesan Makanan telah ditinggalkan kosong sejak 7 Mei hingga 14 Jun 2017 setelah bengkel pemprosesan pau dipindahkan ke Kafeteria Pusat Pelajar KSAS. Berdasarkan maklumat daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UPSI, untuk tempoh 16 Januari hingga 16 Mei 2017, bangunan tersebut telah dijadikan sebagai bengkel memproses pau untuk dijual di UPSI dan kawasan sekitarnya. Seterusnya, pihak UPSI telah mengubahsuai sebuah Kafeteria Pusat Pelajar yang terletak di Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS). Ubahsuai tersebut telah dilaksanakan oleh Syarikat ZNR Best Enterprise dengan kos berjumlah RM0.11 juta. Tujuan ubahsuai tersebut adalah untuk menjadikan Kafeteria tersebut sebagai sebuah *Hub Halal Food*. Kerja tersebut telah dilaksanakan mulai pada 5 Januari 2017 hingga 29 Mac 2017. Setelah kerja ubahsuai selesai, bengkel memproses pau di KSAJS telah dipindahkan ke Kafeteria Pusat Pelajar KSAS pada 7 Mei 2017.

Maklum Balas UPSI yang Diterima Pada 28 September 2017

Kerosakan CCTV telah dilaporkan kepada Pusat ICT dan tindakan telah diambil bagi membuat perolehan untuk memastikan CCTV dapat digunakan semula. Muzium Pendidikan Nasional (MPN) telah memindahkan sebahagian peralatan dan koleksi pameran ke Rumah Za'ba. Bagaimanapun pada awal bulan Mei 2017 telah berlaku hujan lebat yang mengakibatkan pihak MPN membawa keluar semula peralatan dan koleksi tersebut akibat masalah kebocoran di tempat yang berbeza yang dikhuatiri akan merosakan bahan pameran tersebut. MPN akan menempatkan semula artifak dan kelengkapan perabot secara berperingkat dan dijangka selesai pada Disember 2017.

Operasi di Bengkel Pemprosesan Makanan di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS) dipindahkan ke Hub Pengkomersialan di Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS) pada 16 Mei 2017. Operasi di bengkel ini distrukturkan semula bagi memberi keutamaan kepada pengoperasian di bengkel baru di KSAS. Persiapan bagi P&P semester 1 2017/2018 dijadualkan bermula pada bulan Julai sehingga bulan Ogos 2017 kerana pelajar akan memulakan pengajian pada bulan September 2017. FPTV memerlukan ruang tambahan di bengkel pemprosesan makanan kerana makmal masakan di Bangunan Yusof Ahmad tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan P&P yang amat mendesak untuk menampung pelajar semester 1 2017/2018 seramai 138 orang pelajar sedia ada dan 123 yang akan mengikuti kursus untuk kursus Penyediaan & Perkhidmatan Makanan (VCF3013) dan kursus Katering & Penyediaan

Makanan (VCF3076) yang mendaftar pada September 2017. Nisbah penggunaan makmal bagi pelajar kursus Katering & Penyediaan Makanan adalah 1:25. Keperluan ruang baru bengkel di KSAS amat diperlukan kerana ruang operasi yang lebih besar diperlukan untuk penghasilan produk pau sedili secara komersial.

Pada pendapat Audit, UPSI perlu menggunakan kemudahan yang ada dengan semaksimum yang mungkin sesuai dengan objektif perolehan yang dibuat. Perancangan yang tidak teratur menyebabkan kerja yang telah selesai dilaksanakan dibiarkan terbengkalai dan merupakan suatu pembaziran dana Kerajaan.

21.5.11. Pekerja Tidak Dicarum KWSP/PERKESO

Bagi memastikan bangunan dan persekitaran UPSI dalam keadaan bersih, UPSI telah melantik lima kontraktor pembersihan melalui proses tender bagi tujuan perkhidmatan mencuci dan membersihkan bangunan di Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS) dan Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS) bagi tempoh 2016 hingga 2018. Berdasarkan syarat kontrak, kontraktor dikehendaki mematuhi Ordinan Kerja 1955, Akta Kerja (Sekatan) 1968, Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan undang-undang lain berhubung dengan pengambilan pekerja. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

21.5.11.1. Syarikat Semerah Enterprise - Kontraktor telah menerima tender untuk pembersihan dalam bangunan bagi tempoh dua tahun mulai 1 Ogos 2016 hingga 31 Julai 2018 dengan nilai kontrak berjumlah RM2.96 juta. Semakan Audit berdasarkan penyata KWSP dan temubual pekerja pembersihan mendapati pihak kontraktor tidak pernah mencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk 46 daripada 49 orang pekerjanya. Berdasarkan rekod, kontraktor menggaji pekerja tempatan dengan kesemua pekerja dibayar gaji berdasarkan gaji antara RM1,000 hingga RM1,500 sebulan.

21.5.11.2. Syarikat Jaizatiq Enterprise - Kontraktor telah melaksanakan perkhidmatan pembersihan kawasan luar bangunan dan penyelenggaraan landskap untuk tempoh dua tahun bermula pada 1 November 2015 hingga 31 Oktober 2017 dengan nilai kontrak berjumlah RM0.90 juta. Seramai 21 orang pekerja telah didaftarkan oleh syarikat ini untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan. Semakan mendapati seramai 13 (66%) pekerja tidak dicarumkan dengan KWSP manakala 14 (67%) pekerja tidak dicarumkan dengan PERKESO. Berdasarkan rekod, kontraktor juga menggajikan pekerja tempatan antara RM700 hingga RM1,000.

Maklum Balas UPSI yang Diterima Pada 28 September 2017

Mengikut kontrak, kontraktor bertanggungjawab bagi membuat caruman KWSP untuk para pekerjaanya. UPSI telah mengeluarkan surat arahan kepada syarikat supaya semua pekerja dicarum KWSP dan PERKESO.

Pada pendapat Audit, UPSI perlu memantau kehendak kontrak bagi memastikan terma kontrak dipatuhi kontraktor. Pematuhan kontraktor terhadap kontrak membantu pekerja dalam menjamin kesejahteraan di masa hadapan.

21.5.12. Keselamatan Kebakaran

UPSI telah melaksanakan sebut harga bagi kerja memperbaharui Lesen Bomba bagi alat pemadam api jenis serbuk kering dan karbon dioksida di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS) bernilai RM21,394 pada 9 Februari 2016. Semakan Audit mendapati Lesen Bomba bagi kesemua alat pemadam api di KSAJS telah tamat tempoh antaranya pada 19 Januari 2016 hingga 22 Mac 2017. Semakan lanjut mendapati pihak UPSI masih belum membuat permohonan bagi memperbaharui Lesen Bomba sehingga tarikh lawatan Audit dibuat pada 15 Jun 2017.

Maklum Balas UPSI yang Diterima Pada 28 September 2017

Lesen Bomba bagi alat pemadam api di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah telah tamat pada 22 Mac 2017 dan masih belum diperbaharui pada 15 Jun 2017 kerana pada 28 Februari 2017 Kontraktor telah memulakan kerja dengan melaksanakan pemeriksaan fizikal untuk 717 unit pemadam api. Pada 27 Mac 2017 kontraktor telah menarik diri kerana urusan permohonan lesen baru tidak boleh dilakukan berikutan terdapat tong pemadam api telah mencecah usia sepuluh tahun dan tong tersebut perlu diganti baru. Proses perolehan sebut harga telah dibuat semula pada 31 Mei 2017 dan ditutup pada 13 Jun 2017. Lantikan kontraktor bagi membekal, mengganti dan menservis serta mendapatkan lesen bomba untuk alat pemadam api jenis serbuk kering dan karbon dioksida di UPSI sedang dalam proses.

Pada pendapat Audit, langkah pencegahan kebakaran perlu dipandang serius oleh UPSI. Pematuhan terhadap peraturan berkaitan tidak boleh dipandang mudah dan diambil tindakan segera bagi melindungi keselamatan nyawa dan harta benda UPSI dan warganya dari kebakaran.

21.5.8.2. Semakan selanjutnya mendapati pada 21 Jun 2017 selepas teguran Audit pihak UPSI telah mengarahkan kontraktor untuk melengkapkan kerja yang terkurang dan membuat tambahan kerja baharu yang tiada dalam skop kerja asal. Kontraktor telah selesai melaksanakan kerja tersebut pada 4 Julai 2017 dan tidak menuntut sebarang kos tambahan terhadap kerja tambahan yang diarahkan oleh UPSI bernilai RM8,047.

GAMBAR 21.7



GAMBAR 21.8



Rumah Za'ba

- Kerja Bumbung yang Ditambah Kontraktor Selepas Penemuan Audit

Maklum Balas UPSI yang Diterima Pada 28 September 2017

Kerja Baik Pulih Rumah Za'ba - UPSI telah mengarahkan supaya kontraktor Laman Sejahtera Trading menyempurnakan baki kerja yang tidak disempurnakan iaitu lantai simen berlepa, kerja bumbung dan gloss finish pada 21 Jun 2017. Selain itu, kontraktor juga bersetuju untuk melaksanakan kerja tersebut tanpa sebarang caj tambahan.

Pada pendapat Audit, pegawai yang memperakukan Siap Kerja cuai dalam melaksanakan tugas. UPSI juga telah mengarahkan kontraktor melaksanakan kerja tambahan pada 21 Jun 2017 tanpa dikenakan sebarang caj oleh kontraktor. Siasatan perlu dijalankan dan tindakan diambil terhadap kecuai pegawai atas perakuan palsu telah menyempurnakan kerja sebagaimana kehendak kontrak.

21.5.9. Reka Bentuk Tidak Sesuai/Tidak Praktikal

Secara umumnya, kontraktor yang dilantik di bawah kontrak Reka dan Bina adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas reka bentuk selain tanggungjawab biasa terhadap pembinaan. Kontraktor dikehendaki menjamin bahawa reka bentuk, bahan, mutu dan hasil kerjanya menepati kehendak Kerajaan. Selain itu, kontraktor juga adalah bertanggungjawab ke atas perunding yang dilantik dan dikehendaki memastikan perundingnya berkelayakan dan kompeten untuk memenuhi kehendak Kerajaan. Reka bentuk yang sempurna dengan mengambil kira fungsi dan kegunaannya serta ciri-ciri keselamatan akan memberi nilai tambah kepada sesuatu projek yang dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, agensi pelaksana dalam projek

21.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan perolehan UPSI telah diuruskan dengan teratur dan cekap serta Kerajaan mendapat *best value for money* dan memantapkan lagi pengurusan projek akan datang, adalah disyorkan supaya pihak UPSI mempertimbangkan perkara berikut:

21.6.1. menubuhkan jawatankuasa siasatan bagi membincangkan dan menangani kelemahan yang dibangkitkan khususnya berhubung bayaran tidak teratur (improper payment) yang mengakibatkan UPSI mengalami kerugian;

21.6.2. mengambil perhatian yang serius berhubung pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan UPSI khususnya melibatkan penguatkuasaan denda;

21.6.3. memastikan setiap kelemahan di peringkat perancangan dikaji semula secara menyeluruh bagi mengelakkan peralatan yang dibeli dan kemudahan yang disediakan tidak digunakan sepenuhnya; dan

21.6.4. melaksanakan kursus/latihan berkaitan Pengurusan Kewangan/ Pentadbiran Kontrak Kerja kepada pegawai terlibat dalam perolehan.

PENUTUP



PENUTUP

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program/aktiviti/projek. Bagaimanapun, daripada segi pelaksanaannya masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, diberikan beberapa cadangan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan di dalam Laporan ini daripada berulang:

- a. memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada persampelan dan skop tertentu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan yang berkenaan perlu menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada program/aktiviti/projek lain juga mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga diminta untuk menjalankan pengauditan perolehan dan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan;
- b. berdasarkan pengauditan yang dijalankan, adalah didapati kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti/projek yang berpunca daripada kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding/kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi yang terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan program/aktiviti/projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos program/aktiviti/projek meningkat dan Kerajaan tidak mendapat nilai faedah terbaik (best value for money) bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Objektif pelaksanaan program/aktiviti/projek juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya:
 - i. kajian terperinci dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek Kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, Jabatan/Agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknikal. Langkah ini perlu untuk memastikan semua projek dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik (best value for money);

- ii. *integrated planning* antara Jabatan/Agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar. Contohnya Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, pembekal utiliti seperti air, elektrik dan telekomunikasi, Pejabat Tanah serta Kerajaan Negeri perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas;
- iii. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai dalam program/projek Kerajaan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi projek-projek yang bernilai melebihi RM50 juta;
- iv. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos bagi rujukan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara semasa merancang sesuatu perolehan kerja bagi memastikan bangunan yang akan dibina telah mematuhi piawaian dan kos yang telah ditetapkan;
- v. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mahir dalam prosedur perolehan dan memberi latihan secukupnya kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan perolehan. Langkah ini penting untuk mengelakkan salah laku, ketirisan dan memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara serta Kerajaan mendapat *best value for money* bagi setiap perolehan;
- vi. penguatkuasaan dan pemantauan terhadap projek/program/aktiviti hendaklah dipertingkatkan untuk memastikan projek/program/aktiviti dapat dilaksanakan mengikut jadual serta mematuhi syarat dan spesifikasi kontrak yang ditetapkan. Ini bagi mengelakkan pembaziran dan kegagalan mencapai impak yang diharapkan daripada pelaksanaan projek/program/aktiviti;
- vii. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan pengurusan aset Kerajaan untuk mengelakkan pembaziran dan memandang serius tugas penyenggaraan, pemantauan dan penyeliaan. Rekod mengenai aset perlu sentiasa dikemas kini sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan akruan;
- viii. Ketua Perkhidmatan/Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan terhadap isu-isu yang ada unsur penyelewengan, pembaziran dan pemborosan. Tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-

sebab yang munasabah sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian; dan

- ix. sebagai bukti komitmen yang tinggi, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan terhadap teguran Ketua Audit Negara dan membuat laporan yang benar dengan segera kepada Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara agar segala tindakan dapat dikemas kini dalam Sistem *Dashboard* Jabatan Audit Negara.

- c. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Kerajaan 2.0** bagi **Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA)** untuk **membanteras rasuah**.

**Jabatan Audit Negara
Putrajaya**

3 November 2017



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.

| Tel : +603 8889 9000

| Faks : +603 8888 9721